
AJARAN
DAN
PERJANJIAN

AJARAN DAN PERJANJIAN

DARI GEREJA YESUS KRISTUS
ORANG SUCI ZAMAN AKHIR

MENGANDUNGI WAHYU-WAHYU DIBERIKAN KEPADA
NABI JOSEPH SMITH

DENGAN TAMBAHAN DARI PARA PENGGANTINYA
DALAM PRESIDENSI GEREJA

KANDUNGAN

Pengenalan	v
Susunan Kronologi	x
Bahagian	1
Pengisytiharan Rasmi395

PENGENALAN

Ajaran dan Perjanjian adalah sebuah koleksi wahyu ilahi serta pengisytiharan yang diilhami, diberi untuk penubuhan dan peraturan kerajaan Tuhan di atas bumi ini pada hari terakhir. Meskipun kebanyakan bahagian-bahagian diarahkan kepada anggota Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, pesanan, amaran, dorongan adalah untuk manfaat seluruh umat manusia dan mengandungi undangan kepada semua orang di mana-mana mendengar suara Tuhan Yesus Kristus, berfirman kepada mereka untuk kesejahteraan duniawi serta keselamatan abadi mereka.

Sebahagian besar wahyu-wahyu dalam penyusunan ini diterima melalui Joseph Smith Jr. sebagai nabi dan presiden pertama Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir. Wahyu yang lain dikeluarkan melalui beberapa penggantinya dalam Presidensi (lihat pengenalan untuk A&P 135, 136, dan 138, dan Pengisytiharan Rasmi 1 dan 2).

Ajaran dan Perjanjian merupakan salah satu kitab standard Gereja bersama-sama dengan Alkitab, Kitab Mormon, dan Mutiara yang Sangat Berharga. Walau bagaimanapun, Ajaran dan Perjanjian adalah unik kerana ia bukan sebuah penterjemahan dari dokumen kuno, tetapi ia berasal moden dan diberikan oleh Tuhan melalui nabi terpilih untuk memulih pekerjaan kudus-Nya serta pada penubuhan kerajaan Tuhan di bumi pada zaman ini. Dalam wahyu-wahyu ini, seorang mendengar suara Tuhan Yesus Kristus yang tegas tetapi lembut, berfirman semula dalam kegenapan zaman keagamaan; dan kerja yang dimulakan ini adalah persediaan Kedatangan Kedua-Nya, untuk menggenapi dan menyatukan perkataan semua nabi kudus sejak permulaan dunia.

Joseph Smith Jr. dilahirkan pada 23 Disember, 1805, di Sharon, Windsor County, Vermont. Semasa hidupnya pada waktu kecil, dia pindah dengan keluarganya ke Manchester masa kini, di New York Barat. Ketika dia tinggal di situ pada musim bunga 1820, dia berumur empat belas tahun, dia mengalami penglihatan pertamanya, yang dia sendiri di kunjungi oleh Tuhan, Bapa Abadi, dan Putera-Nya Yesus Kristus. Dalam penglihatan ini, dia diberitahu bahawa Gereja Yesus Kristus yang telah ditubuhkan pada waktu Perjanjian Baru, dan telah diberi kegenapan Injil yang tidak lagi berada di bumi. Pernyataan ilahi yang lain menyusul di mana dia telah diajar oleh para malaikat; Ini diberikan kepadanya bahawa Tuhan ada sebuah pekerjaan istimewa untuk dia lakukan di bumi dan melalui dia, Gereja Yesus Kristus telah dipulihkan ke bumi.

Dalam perjalanan masa, Joseph Smith dibenarkan melalui bantuan ilahi menterjemah dan menerbit Kitab Mormon. Sambil itu, dia dan Oliver Cowdery ditahbiskan Imamat Harun oleh Yohanes Pembaptis pada Mei 1829 (lihat A&P 13), dan tidak lama selepas itu, ditahbiskan

Imamat Melkisedek oleh para Rasul zaman dahulu Petrus, Yakobus dan Yohanes (lihat A&P 27:12). Penahbisan lain menyusul di mana kunci-kunci imamat dianugerahkan oleh Musa, Elia, Elias dan para nabi kuno (lihat A&P 110; 128:18, 21). Penahbisan ini, ternyata, merupakan satu pemulihan wewenang ilahi kepada manusia di atas bumi. Pada 6 April 1830, dibawah arahan syurgawi, Nabi Joseph Smith telah mengorganisasi Gereja, dan demikianlah Gereja Yesus Kristus yang benar sekali lagi berkuat kuasa sebagai institusi di kalangan manusia, dengan wewenang mengajarkan Injil dan melaksanakan perjanjian keselamatan. (Lihat A&P 20 dan Mutiara yang Sangat Berharga, Joseph Smith—Sejarah 1.)

Wahyu kudus ini diterima sebagai jawapan terhadap doa, dalam waktu keperluan, dan wujud daripada situasi kehidupan orang sebenar. Nabi Joseph Smith Jr. serta teman-teman sejawat mencari bimbingan ilahi, dan wahyu ini mengesahkan bahawa mereka telah menerimanya. Dalam wahyu-wahyu ini, seorang melihat pemulihan serta pembukaan Injil Yesus Kristus serta mendatangkan kegenapan zaman keagamaan. Pergerakan ke barat Gereja dari New York dan Pennsylvania ke Ohio, ke Missouri, ke Illinois, dan akhirnya ke Lembaga Besar Amerika barat dan susah payah yang besar oleh Orang Suci cuba membangunkan Sion di atas bumi pada zaman moden ditunjukkan dalam wahyu-wahyu tersebut.

Beberapa bahagian awal melibatkan perkara berkenaan penterjemahan dan penerbitan Kitab Mormon (lihat bahagian 3, 5, 10, 17, dan 19). Beberapa bahagian kemudian mencerminkan pekerjaan Nabi Joseph Smith dalam membuat sebuah penterjemahan ilahi Alkitab, sepanjang penerimaan bahagian ajaran besar (lihat, contohnya, bahagian 37, 45, 73, 76, 77, 86, 91, dan 132, setiap mempunyai beberapa hubungan langsung kepada penterjemahan Alkitab).

Dalam wahyu, ajaran Injil dinyatakan dengan penjelasan tentang perkara yang sangat penting seperti sifat Ketuhanan, asal usul manusia, kenyataan Setan, tujuan kefanaan, keperluan untuk kepatuhan, perlunya pengampunan, pekerjaan Roh Kudus, penahbisan dan pelaksanaan yang berkaitan dengan keselamatan, takdir bumi, keadaan masa hadapan manusia setelah Kebangkitan dan Penghakiman, keabadian perhubungan perkahwinan dan sifat abadi keluarga. Sedemikian juga, pembukaan struktur pelaksanaan Gereja yang beransur-ansur ditunjukkan dengan panggilan uskup, Presidensi Utama, Majlis Dua Belas, dan Tujuh Puluh serta penubuhan ketua jawatan dan kuorum lain. Akhirnya, kesaksian yang diberikan tentang Yesus Kristus—keilahian-Nya, keagungan-Nya, kasih-Nya, dan kuasa tebusan-Nya—menjadikan kitab ini sangat bernilai kepada keluarga manusia dan “berharga kepada Gereja daripada kekayaan seluruh Bumi” (lihat pengenalan bahagian di A&P 70).

Wahyu-wahyu ini pada asalnya dicatat oleh jurutulis Joseph Smith,

dan ahli Gereja dengan penuh minat membahagikan salinan antara satu sama lain. Untuk mencipta sebuah catatan yang tetap, jurutulis tidak lama kemudiannya menyalin wahyu-wahyu ini ke dalam naskah buku catatan, di mana para pemimpin Gereja gunakan untuk persediaan mencetak wahyu-wahyu itu. Pandangan Joseph dan Orang Suci awal terhadap wahyu-wahyu ini sama dengan Gereja: hidup, dinamik, dan dapat diperbaiki dengan wahyu tambahan. Mereka juga akui bahawa ralat yang tidak sengaja mungkin telah berlaku melalui proses penyalinan dan persediaan untuk diterbitkan. Maka, sebuah persidangan Gereja meminta Joseph Smith pada 1831 untuk “membetulkan ralat atau kesalahan yang dia dapat menemukan melalui Roh Kudus.”

Setelah wahyu-wahyu tersebut telah dikaji dan dibetulkan, ahli Gereja di Missouri mula mencetak sebuah kitab berjudul *A Book of Commandments for the Government of the Church of Christ* (Kitab Perintah-perintah bagi Pentadbiran Gereja Kristus), yang mengandungi banyak wahyu awal Nabi. Percubaan penerbitan pertama wahyu-wahyu ini berakhir, apabila sekumpulan perusuh memusnahkan pejabat pencetakan Orang Suci di Jackson County pada 20 Julai 1833.

Apabila mendengar kemusnahan pejabat pencetakan Missouri, Joseph Smith dan pemimpin Gereja lain memulakan persediaan untuk menerbitkan wahyu-wahyu ini di Kirtland, Ohio. Sekali lagi membetulkan ralat, menjelaskan susunan kata, dan menerima perkembangan dalam ajaran dan organisasi Gereja, Joseph Smith menyelia suntingan perkataan beberapa wahyu untuk menyediakan penerbitan pada 1835 sebagai *Doctrine and Covenants of the Church of the Latter Day Saints* (Ajaran dan Perjanjian Gereja Orang Suci Zaman Akhir). Joseph Smith telah mewenangkan edisi Ajaran dan Perjanjian lain, yang diterbitkan hanya beberapa bulan selepas kesyahidan Nabi pada 1844.

Orang Suci awal menghargai wahyu-wahyu ini dan menerimanya sebagai pesanan daripada Tuhan. Pada satu peristiwa lewat 1831, beberapa penatua Gereja memberikan kesaksian khusyuk bahawa Tuhan telah bersaksi kepada jiwa mereka akan kebenaran wahyu-wahyu ini. Kesaksian ini diterbit dalam Ajaran dan Perjanjian edisi 1835 sebagai kesaksian bertulis daripada Dua Belas Rasul:

KESAKSIAN DUA BELAS RASUL PADA KEBENARAN KITAB AJARAN DAN PERJANJIAN

Kesaksian Saksi-saksi Buku Perintah Tuhan yang Dia berikan kepada Gereja-Nya melalui Joseph Smith Jr. yang telah ditetapkan oleh suara Gereja untuk tujuan ini:

Kami dengan itu, bersedia memberi kesaksian kepada semua

manusia di dunia, kepada setiap makhluk di atas permukaan bumi, bahawa Tuhan telah bersaksi kepada jiwa kami, dicurahkan ke atas diri kami melalui Roh Kudus, bahawa perintah-perintah ini telah diberi dengan ilham Tuhan, serta bermanfaat untuk semua manusia dan sesungguhnya adalah benar.

Kami memberikan kesaksian kepada dunia, Tuhan sebagai pembantu kami; dan melalui rahmat Tuhan Bapa, dan Putera-Nya, Yesus Kristus, kami diizinkan memiliki hak istimewa ini untuk memberi kesaksian kepada dunia, di mana kami sangat bersukacita, berdoa kepada Tuhan selalu agar anak-anak manusia boleh dimanfaatkan olehnya.

Nama-nama Dua Belas itu:

Thomas B. Marsh	Orson Hyde	William Smith
David W. Patten	William E. McLellin	Orson Pratt
Brigham Young	Parley P. Pratt	John F. Boynton
Heber C. Kimball	Luke S. Johnson	Lyman E. Johnson

Dalam edisi-edisi Ajaran dan Perjanjian yang berikutnya, wahyu tambahan atau pengumuman lain telah ditambah, yang diterima oleh perhimpunan yang cekap atau persidangan Gereja. Di edisi 1876, disediakan oleh Elder Orson Pratt dibawah arahan Brigham Young, menyusun wahyu-wahyu menurut kronologi dan memberi pengenalan bahagian baharu bersama pengenalan bersejarah.

Bermula dengan edisi 1835, sebuah siri tujuh pelajaran teologi juga telah dimasukkan; ia berjudul *Lectures on Faith*. Ini disediakan untuk kegunaan Sekolah Para Nabi di Kirtland, Ohio, dari 1834 ke 1835. Walaupun bermanfaat untuk ajaran dan arahan, syarahan ini dikeluarkan dari Ajaran dan Perjanjian sejak edisi 1921 kerana ia tidak diberikan atau disampaikan sebagai wahyu kepada seluruh Gereja.

Dalam Ajaran dan Perjanjian edisi Bahasa Inggeris 1981, tiga dokumen telah ditambahkan pada kali pertama. Ini adalah bahagian 137 dan 138, menyatakan perkara yang sangat penting tentang keselamatan bagi orang mati; dan Pengisytiharan Rasmi 2, memaklumkan bahawa semua ahli Gereja lelaki yang layak dapat ditahbiskan imamat tidak mengira bangsa atau warna kulit.

Setiap edisi Ajaran dan Perjanjian baru telah membetulkan kesilapan-kesilapan dahulu dan maklumat baru ditambah, terutamanya bahagian sejarah dalam pengenalan bahagian. Edisi yang terkini lebih menambahkan-baikkan tarikh, nama tempat dan pembetulan lain. Perubahan ini telah dilakukan untuk membawa bahan-bahan ini selaras dengan maklumat sejarah yang tepat. Ciri-ciri istimewa lain dari edisi terkini termasuk peta yang diubah menunjukkan lokasi geografi utama dimana wahyu-wahyu diterima, serta memperbaiki foto-foto kawasan Gereja yang bersejarah,

rujukan silang, pengenalan bahagian, dan isi-isi ringkasan, semua dirancang bagi membantu pembaca memahami dan bersukacita dalam pesanan Tuhan yang diberikan dalam Ajaran dan Perjanjian. Maklumat bagi pengenalan bahagian telah dipetik dari Naskah Sejarah Gereja dan *History of the Church* (Sejarah Gereja) yang telah diterbitkan (secara kolektif dikenali dalam pengenalan sebagai sejarah Joseph Smith) dan *Joseph Smith Papers* (Kertas Joseph Smith).

SUSUNAN KRONOLOGI KANDUNGAN

<i>Tarikh</i>	<i>Tempat</i>	<i>Bahagian</i>
1823	September Manchester, New York	2
1828	Julai Harmony, Pennsylvania	3
1829	Februari Harmony, Pennsylvania	4
	Mac Harmony, Pennsylvania	5
	April Harmony, Pennsylvania	6, 7, 8, 9, 10
	Mei Harmony, Pennsylvania	11, 12, 13*
	Jun Fayette, New York	14, 15, 16, 17, 18
	Musim Panas Manchester, New York	19
1830	Wayne County, New York	74
	April Fayette, New York	20*, 21
	April Manchester, New York	22, 23
	Julai Harmony, Pennsylvania	24, 25, 26
	Ogos Harmony, Pennsylvania	27
	September Fayette, New York	28, 29, 30, 31
	Oktober Manchester, New York	32
	Oktober Fayette, New York	33
	November Fayette, New York	34
	Disember Fayette, New York	35*, 36*, 37*
1831	Januari Fayette, New York	38, 39, 40
	Februari Kirtland, Ohio	41, 42, 43, 44
	Mac Kirtland, Ohio	45, 46, 47, 48
	Mei Kirtland, Ohio	49, 50
	Mei Thompson, Ohio	51
	Jun Kirtland, Ohio	52, 53, 54, 55, 56
	Juli Zion, Jackson County, Missouri	57
	Ogos Zion, Jackson County, Missouri	58, 59
	Ogos Independence, Missouri	60
	Ogos Sungai Missouri, Missouri	61
	Ogos Chariton, Missouri	62
	Ogos Kirtland, Ohio	63
	September Kirtland, Ohio	64
	Oktober Hiram, Ohio	65, 66
	November Hiram, Ohio	1, 67, 68, 69, 70, 133
	Disember Hiram, Ohio	71
	Disember Kirtland, Ohio	72
1832	Januari Hiram, Ohio	73
	Januari Amherst, Ohio	75
	Februari Hiram, Ohio	76
	Mac Hiram, Ohio	77, 79, 80, 81
	Mac Kirtland, Ohio	78

*Di atau berhampiran dengan tempat yang dinyatakan

<i>Tarikh</i>	<i>Tempat</i>	<i>Bahagian</i>
	April	Independence, Missouri 82, 83
	Ogos	Hiram, Ohio 99
	September	Kirtland, Ohio 84
	November	Kirtland, Ohio 85
	Disember	Kirtland, Ohio 86, 87*, 88
1833	Februari	Kirtland, Ohio 89
	Mac	Kirtland, Ohio 90, 91, 92
	Mei	Kirtland, Ohio 93
	Jun	Kirtland, Ohio 95, 96
	Ogos	Kirtland, Ohio 94, 97, 98
	Oktober	Perrysburg, New York 100
	Disember	Kirtland, Ohio 101
1834	Februari	Kirtland, Ohio 102, 103
	April	Kirtland, Ohio 104*
	Jun	Fishing River, Missouri 105
	November	Kirtland, Ohio 106
1835	April	Kirtland, Ohio 107
	Ogos	Kirtland, Ohio 134
	Disember	Kirtland, Ohio 108
1836	Januari	Kirtland, Ohio 137
	Mac	Kirtland, Ohio 109
	April	Kirtland, Ohio 110
	Ogos	Salem, Massachusetts 111
1837	Julai	Kirtland, Ohio 112
1838	Mac	Far West, Missouri 113*
	April	Far West, Missouri 114, 115
	Mei	Spring Hill, Daviess County, Missouri 116
	Juli	Far West, Missouri 117, 118, 119, 120
1839	Mac	Penjara Liberty, Clay County, Missouri 121, 122, 123
1841	Januari	Nauvoo, Illinois 124
	Mac	Nauvoo, Illinois 125
	Julai	Nauvoo, Illinois 126
1842	September	Nauvoo, Illinois 127, 128
1843	Februari	Nauvoo, Illinois 129
	April	Ramus, Illinois 130
	Mei	Ramus, Illinois 131
	Julai	Nauvoo, Illinois 132
1844	Jun	Nauvoo, Illinois 135
1847	Januari	Winter Quarters (now Nebraska) 136
1890	Oktober	Salt Lake City, Utah Pengisytiharan Rasmi 1
1918	Oktober	Salt Lake City, Utah 138
1978	Jun	Salt Lake City, Utah Pengisytiharan Rasmi 2

*Di atau berhampiran dengan tempat yang dinyatakan

AJARAN DAN PERJANJIAN

BAHAGIAN 1

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, pada 1 November 1831, semasa persidangan khusus para penatua Gereja, yang diadakan di Hiram, Ohio. Banyak wahyu telah diterima daripada Tuhan sebelum waktu ini, dan penyusunannya untuk penerbitan dalam bentuk buku adalah salah satu perkara utama yang dipersetujui dalam persidangan itu. Bahagian ini merupakan kata pengantar Tuhan tentang ajaran, perjanjian, dan perintah-perintah yang diberikan dalam zaman keagamaan ini.

1–7, Suara peringatan adalah kepada semua orang; 8–16, Kemurtadan dan kejahatan mendahului Kedatangan Kedua; 17–23, Joseph Smith dipanggil untuk memulihkan kebenaran dan kuasa Tuhan ke bumi; 24–33, Kitab Mormon ditampilkan dan Gereja yang benar ditubuhkan; 34–36, Kedamaian akan diambil dari bumi; 37–39, Kajibah perintah-perintah ini.

DENGARLAH, Wahai kamu umat “gereja-Ku, firman suara-Nya yang tinggal di syurga, dan ^bmata-Nya yang tertumpu kepada semua orang; ya, sesungguhnya Aku berfirman: ^cDengarlah kamu orang-orang dari jauh; dan kamu yang berada di atas pulau-pulau di laut, dengarkanlah bersama.

2 Kerana sesungguhnya “suara Tuhan adalah kepada semua orang, dan ^btidak seorang pun dapat mengelak; dan tidak ada mata yang tidak akan melihat, tiada juga telinga yang tidak akan mendengar, tiada juga ^chati yang tidak akan tertembus.

3 Dan yang “memberontak akan ditusuk dengan kedukacitaan yang besar; kerana kederhakaan mereka akan ^bdibicarakan di atas atap-atap rumah, dan perbuatan rahsia mereka akan didedahkan.

4 Dan “suara peringatan adalah kepada semua orang, melalui mulut para pengikut-Ku, yang telah Aku pilih pada ^bzaman akhir ini.

5 Dan mereka akan pergi dan tidak seorang pun akan menahan

1 1 *a* 3 Ne. 27:3; A&P 20:1.
 pts Gereja Yesus Kristus.
 b A&P 38:7–8.
 pts Tuhan, Kesatuan Ketuhanan.
 c Ul. 32:1.

2 *a* A&P 133:16.
 b Flp. 2:9–11.
 c *pts* Hati.
3 *a* *pts* Pemberontakan.
 b Luk. 8:17; 12:3;
 2 Ne. 27:11;
 Morm. 5:8.

4 *a* Yeh. 3:17–21;
 A&P 63:37.
 pts Amaran, Memberi Amaran;
 Pekerjaan Penginjilan.
 b *pts* Hari-hari Terakhir, Zaman Akhir.

mereka, kerana Aku Tuhan telah memerintahkan mereka.

6 Lihatlah, inilah ^awewenang-Ku, dan wewenang para hamba-Ku, dan kata pengantar-Ku bagi kitab perintah-perintah-Ku, yang telah Aku berikan kepada mereka untuk ^bditerbitkan bagimu, Wahai penduduk bumi.

7 Oleh itu, ^atakut dan gementarlah, Wahai kamu manusia, kerana apa yang telah Aku Tuhan tetapkan di dalamnya akan ^bdigenapi.

8 Dan sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa mereka yang pergi, menyampaikan khabar ini kepada penduduk bumi, kepada mereka kuasa diberikan untuk ^amemeteraikan baik di atas bumi mahupun di dalam syurga, mereka yang tidak percaya dan ^bmemberontak;

9 Ya, sesungguhnya, untuk memeteraikan mereka pada hari ketika ^akemurkaan Tuhan akan dicurahkan kepada yang ^bjahat tanpa batas—

10 Sampai ^amasanya ketika Tuhan akan datang untuk ^bmengganjarkan kepada setiap orang menurut ^cpekerjaannya, dan ^dmengukurkan

kepada setiap orang menurut ukuran yang telah dia ukurkan kepada sesamanya.

11 Oleh itu suara Tuhan adalah kepada hujung-hujung bumi, agar semua yang mahu mendengar boleh mendengar:

12 Bersedialah kamu, bersedialah kamu untuk apa yang akan datang, kerana Tuhan sudah dekat;

13 Dan ^akemarahan Tuhan dinyalakan, dan ^bpedang-Nya dimandikan di dalam syurga, dan ia akan jatuh ke atas penduduk bumi.

14 Dan ^alengan Tuhan akan didehkan; dan masanya tiba bahawa mereka yang tidak mahu ^bmendengar suara Tuhan, tidak juga suara para hamba-Nya, tidak juga ^cmengendahkan perkataan para nabi dan rasul, akan ^ddisingkirkan daripada kalangan orang ini;

15 Kerana mereka telah ^amenyimpang dari ^btatacara-tatacara-Ku, dan telah ^cmelanggar ^dperjanjian-Ku yang abadi;

16 Mereka tidak ^amencari Tuhan untuk menegakkan kebenaran-Nya, tetapi setiap orang berjanjal dalam ^bjalannya ^csendiri, dan menurut ^drupa tuhaninya sendiri,

6a prs Yesus Kristus—
Wewenang.

b A&P 72:21.

7a Ul. 5:29;
Pkh. 12:13.

b A&P 1:38.

8a prs Meterai,
Pemeteraian.

b prs Pemberontakan.

9a Why. 19:15-16;
1 Ne. 22:16-17.

b Mosia 16:2;
JS—M 1:31, 55.

10a prs Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.

b Yeh. 7:4;

A&P 56:19.

prs Yesus Kristus—
Hakim.

c Ams. 24:12;

Alma 9:28; 41:2-5;

A&P 6:33.

d Mat. 7:2.

13a A&P 63:6.

b Yeh. 21:3;

A&P 35:14.

14a Yes. 53:1.

b 2 Ne. 9:31;

Mosia 26:28.

c A&P 11:2.

d Kis. 3:23;

Alma 50:20;

A&P 50:8; 56:3.

15a Yos. 23:16;

Yes. 24:5.

b prs Tatacara-tatacara.

c prs Kemurtadan.

d prs Perjanjian yang

Baru dan Kekal.

16a Mat. 6:33.

b A&P 82:6.

c Yes. 53:6.

d Kel. 20:4;

3 Ne. 21:17.

prs Pemujaan berhala.

yang mana rupanya adalah serupa dengan dunia, dan kewujudannya berupa berhala, yang menjadi ^etua dan akan binasa di ^fBabilon, bahkan Babilon yang besar itu, yang akan jatuh.

17 Oleh itu, Aku Tuhan, mengetahui malapetaka yang akan datang ke atas ^apenduduk bumi, memanggil hamba-Ku Joseph Smith Jr., dan berfirman kepadanya dari syurga, dan memberinya perintah-perintah;

18 Dan juga memberikan perintah-perintah kepada yang lain, bahawa mereka hendaknya memaklumkan hal-hal ini kepada dunia; dan semua ini agar ia akan digenapi, yang ditulis oleh para nabi—

19 Hal-hal yang ^alemah dari dunia akan tampil dan mematahkan yang perkasa dan kuat, agar manusia tidak akan berunding sesamanya, tidak juga ^bpercaya kepada lengan daging—

20 Tetapi agar setiap orang boleh ^aberbicara di dalam nama Tuhan raja, bahkan Juruselamat dunia;

21 Agar iman juga boleh meningkat di bumi;

22 Agar ^aperjanjian-Ku yang abadi boleh ditegakkan;

23 Agar kegenapan ^aInjil-Ku boleh ^bdimaklumkan oleh yang ^clemah dan yang sederhana ke hujung-hujung dunia, dan di hadapan para raja dan pemerintah.

24 Lihatlah, Aku ialah Tuhan dan telah memfirmankannya; ^aperintah-perintah ini adalah daripada-Ku, dan diberikan kepada para hamba-Ku dalam kelemahan mereka, menurut cara ^bbahasa mereka, agar mereka boleh ^cmemahami.

25 Dan sejauh mana mereka keliru ia boleh dijelaskan;

26 Dan sejauh mana mereka mencari ^akebijaksanaan mereka boleh diberi petunjuk;

27 Dan sejauh mana mereka berdosa mereka boleh ^adihukum, agar mereka boleh ^bbertaubat;

28 Dan sejauh mana mereka ^amerendahkan hati mereka boleh dijadikan kuat, dan diberkati dari syurga, dan menerima ^bpengetahuan dari masa ke semasa.

29 Dan setelah menerima catatan bangsa Nefi, ya, bahkan hamba-Ku Joseph Smith Jr., akan memperoleh kuasa untuk menterjemah melalui belas kasihan Tuhan, melalui kuasa Tuhan, ^aKitab Mormon tersebut.

16e Yes. 50:9.

f A&P 64:24; 133:14.
pts Babel, Babilon;
Keduniaan.

17a Yes. 24:1-6.

19a Kis. 4:13; 1 Kor. 1:27;
A&P 35:13; 133:58-59.

pts Lembut Hati,
Kelembutan Hati.

b 2 Ne. 28:31.

pts Mempercayai.

20a pts Bersaksi.

22a A&P 39:11.

pts Perjanjian;
Perjanjian yang Baru
dan Kekal.

23a pts Injil.

b pts Pekerjaan
Penginjilan.

c 1 Kor. 1:26-29.

24a 2 Ne. 33:10-11;
Moro. 10:27-28.

b 2 Ne. 31:3;

Eter 12:39.

c A&P 50:12.

pts Pemahaman.

26a Yak. 1:5;

A&P 42:68.

pts Kebijaksanaan.

27a pts Tegur, Menegur.

b pts Bertaubat,

Pertaubatan.

28a pts Rendah Hati,

Kerendahan Hati.

b pts Pengetahuan.

29a pts Kitab Mormon.

30 Dan juga kepada mereka yang diberikan perintah-perintah ini, akan memperoleh ^akuasa untuk meletakkan landasan ^bgereja ini, dan untuk membawakannya keluar dari keadaan yang tidak dikenali dan dari ^ckegelapan, satu-satunya ^dgereja yang benar dan hidup di atas permukaan seluruh bumi, yang dengannya Aku, Tuhan, sangat ^eberkenan, berfirman kepada gereja secara kolektif dan bukan secara individu—

31 Kerana Aku Tuhan tidak dapat memandang ^adosa dengan sedikit keizinan pun;

32 Walaupun demikian, dia yang bertaubat dan melakukan perintah-perintah Tuhan akan ^adiampunkan;

33 Dan dia yang tidak ^abertaubat, daripadanya akan ^bdiambil bahkan cahaya yang telah diterimanya; kerana ^cRoh-Ku tidak akan selalu ^dberjuang bersama manusia, firman Tuhan Semesta Alam.

34 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Wahai penduduk bumi: Aku Tuhan bersedia

memberitahukan hal-hal ini kepada ^asemua manusia;

35 Kerana Aku bukanlah ^aorang yang pilih kasih, dan menginginkan agar semua orang akan tahu bahawa ^bhari itu cepat menghampiri; masanya belumlah sekarang, tetapi sudah di depan mata, apabila ^ckedamaian akan diambil dari bumi, dan ^diblis akan memiliki kuasa ke atas kekuasaannya sendiri.

36 Dan juga Tuhan akan memiliki kuasa ke atas para ^aorang suci-Nya, dan akan ^bmemerintah di ^ctengah-tengah mereka, dan akan turun dalam ^dpenghakiman ke atas ^eIdumea, atau dunia.

37 Selidikilah ^aperintah-perintah ini, kerana ia adalah benar dan pasti, dan nubuat-nubuat serta ^bperjanjian yang ada di dalamnya semuanya akan digenapi.

38 Apa yang telah Aku Tuhan firmankan, telah Aku firmankan, dan Aku tidak memaafkan diri-Ku; dan walaupun langit dan bumi berlalu, ^afirman-Ku tidak akan berlalu, tetapi semuanya akan ^bdigenapi,

30a A&P 1:4–5, 17–18.

b pts Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir; Pemulihan Injil.

c pts Kegelapan Rohani.

d Ef. 4:5, 11–14.

pts Tanda-tanda Gereja yang Benar.

e A&P 38:10.

31a Alma 45:16;

A&P 24:2.

pts Dosa.

32a A&P 58:42–43.

pts Mengampuni.

33a Mosia 26:32.

b Alma 24:30;

A&P 60:2–3.

c pts Roh Kudus.

d Kej. 6:3;

2 Ne. 26:11;

Morm. 5:16;

Eter 2:15;

Moro. 9:4.

34a Mat. 28:19;

A&P 1:2; 42:58.

35a Ul. 10:17;

Kis. 10:34;

Moro. 8:12;

A&P 38:16.

b pts Hari-hari Terakhir, Zaman Akhir.

c A&P 87:1–2.

pts Kedamaian;

Tanda-tanda Zaman

Akhir.

d pts Iblis.

36a pts Orang Suci.

b pts Yesus Kristus—
Pemerintahan seribu tahun Kristus.

c Za. 2:10–11;

A&P 29:11; 84:118–119.

d pts Hakim,

Penghakiman.

e pts Dunia.

37a pts Tulisan Suci.

b A&P 58:31; 62:6; 82:10.

38a 2 Raj. 10:10;

Mat. 5:18; 24:35;

2 Ne. 9:16;

JS—M 1:35.

b A&P 101:64.

sama ada melalui ‘suara-Ku sendiri atau melalui suara ‘para hamba-Ku, ia adalah ‘sama.

39 Kerana lihatlah, dan tengoklah, Tuhan ialah Raja, dan ‘Roh

memberikan kesaksian, dan kesaksian itu benar, dan ^bkebenaran tetap tinggal selama-lamanya. Amin.

BAHAGIAN 2

Sebuah petikan daripada sejarah Joseph Smith berkaitan perkataan malaikat Moroni kepada Nabi Joseph Smith, semasa berada di dalam rumah ayahnya di Manchester, New York, pada malam 21 September 1823. Moroni ialah orang yang terakhir daripada sebuah senarai panjang para sejarawan yang telah membuat catatan yang sekarang berada di hadapan dunia sebagai Kitab Mormon. (Bandingkan dengan Male-akhi 4:5–6; juga bahagian 27:9; 110:13–16; dan 128:18.)

1, Elia akan mengungkapkan imamat; 2–3, Janji-janji para nenek moyang tertanam dalam hati anak-anak.

LIHATLAH, Aku akan mengungkapkan kepadamu Imamat, melalui tangan ‘Elia si Nabi, sebelum kedatangan hari Tuhan yang ^bbesar dan mengerikan.

2 Dan ‘dia akan menanamkan dalam hati anak-anak ^bperjanjian yang dibuat kepada nenek moyang, dan hati anak-anak akan berpaling kepada nenek moyang mereka.

3 Jika tidak demikian, seluruh bumi akan dibinasakan sepenuhnya semasa kedatangan-Nya.

BAHAGIAN 3

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith, di Harmony, Pennsylvania, Julai 1828, berkaitan dengan kehilangan 116 halaman naskah yang diterjemahkan dari bahagian pertama Kitab Mormon, yang

38c Ul. 18:18;
A&P 18:33–38; 21:5.
pts Suara;
Wahyu.
d pts Nabi.
e pts Penyokongan para Pemimpin Gereja;
Wewenang.

39a 1 Yoh. 5:6;
A&P 20:27; 42:17.
b pts Kebenaran.
2 1a Mal. 4:5–6;
3 Ne. 25:5–6;
A&P 110:13–15; 128:17;
JS—S 1:38–39.
pts Elia;

Kunci-kunci Imamat.
b A&P 34:6–9; 43:17–26.
2a A&P 27:9; 98:16–17.
b pts Keselamatan bagi Orang Mati;
Meterai, Pemeteraian.

disebut kitab Lehi. Nabi keberatan untuk membenarkan halaman-halaman ini untuk dilepaskan dari jagaannya ke dalam jagaan Martin Harris, yang telah berkhidmat untuk tempoh yang singkat sebagai jurutulis dalam penterjemahan Kitab Mormon. Wahyu ini diberikan melalui Urim dan Tumim. (Lihat bahagian 10.)

1-4, Jalan Tuhan adalah satu kitaran abadi; 5-15, Joseph Smith mesti bertaubat atau kehilangan kurnia untuk menterjemah; 16-20, Kitab Mormon tampil untuk menyelamatkan benih keturunan Lehi.

“PEKERJAAN, dan rancangan, dan tujuan-tujuan Tuhan tidak dapat digagalkan, tidak juga ia dapat disia-siakan.

2 Kerana “Tuhan tidak berjalan di jalan yang berliku-liku, tidak juga Dia belok ke kanan mahupun ke kiri, tidak juga Dia berubah dari apa yang telah Dia firmankan, oleh kerana itu jalan-Nya adalah lurus, dan ^bjalan-Nya adalah satu kitaran abadi.

3 Ingatlah, ingatlah bahawa bukanlah “pekerjaan Tuhan yang digagalkan, tetapi pekerjaan manusia;

4 Kerana walaupun seorang manusia boleh memperoleh banyak wahyu, dan memiliki kuasa untuk melakukan banyak pekerjaan yang hebat, namun jika dia “bermegah-megah akan keku-

atannya sendiri, dan memperlecehkan ^bnasihat-nasihat Tuhan, dan mengikuti ketentuan dari kehendak dan hasrat ^cbadaniahnya sendiri, dia mesti jatuh dan mendatangkan ^dpembalasan daripada seorang Tuhan yang adil ke atas dirinya.

5 Lihatlah, kamu telah dipercayai dengan hal-hal ini, tetapi betapa ketatnya perintah-perintahmu; dan ingatlah juga janji-janji yang dibuat kepadamu, sekiranya kamu tidak melanggarnya.

6 Dan lihatlah, betapa seringnya kamu telah “melanggar perintah-perintah dan hukum Tuhan, dan telah meneruskan dalam ^bpujukan manusia.

7 Kerana, lihatlah, kamu seharusnya tidak “takut kepada manusia lebih daripada Tuhan. Walaupun manusia memperlecehkan nasihat-nasihat Tuhan, dan ^bmengeji firman-Nya—

8 Namun kamu seharusnya setia; dan Dia akan menghulurkan lengan-Nya dan mendukungmu melawan semua “panah berapi

3 1a Mzm. 8:3-9; A&P 10:43.

2a Alma 7:20.
prs Tuhan, Kesatuan
Ketuhanan.

b 1 Ne. 10:18-19;
A&P 35:1.

3a Kis. 5:38-39;
Morm. 8:22; A&P 10:43.

4a A&P 84:73.
prs Keangkuhan.

b Yakub 4:10;

Alma 37:37.
prs Nasihat;
Perintah-perintah
Tuhan.

c prs Badaniah.

d prs Pembalasan.

6a A&P 5:21;

JS—S 1:28-29.

b A&P 45:29; 46:7.

7a Mzm. 27:1; Luk. 9:26;
A&P 122:9.

prs Berani,
Keberanian;
Takut.

b Im. 26:42-43;

1 Ne. 19:7;
Yakub 4:8-10.

8a Ef. 6:16; 1 Ne. 15:24;
A&P 27:17.

^bmusuh; dan Dia akan bersertamu dalam setiap waktu ‘kesusahan.

9 Lihatlah, engkau adalah Joseph, dan engkau dipilih untuk melakukan pekerjaan Tuhan, tetapi kerana pelanggaran, jika engkau tidak menyedarinya engkau akan jatuh.

10 Tetapi ingatlah, Tuhan penuh belas kasihan; oleh kerana itu, bertaubatlah terhadap apa yang telah engkau lakukan yang bertentangan dengan perintah yang Aku berikan kepadamu, dan engkau masih terpilih, dan dipanggil kembali untuk pekerjaan itu;

11 Kecuali engkau melakukan ini, engkau akan ditinggalkan dan menjadi seperti orang biasa, dan tidak lagi memiliki kurnia.

12 Dan apabila engkau menyerahkan apa yang telah Tuhan berikan kepadamu penglihatan dan kuasa untuk ‘menterjemahkan, engkau menyerahkan hal yang kudus ke dalam tangan ^borang yang jahat,

13 Yang telah memperlecehkan nasihat-nasihat Tuhan, dan telah melanggar janji-janji paling kudus yang dibuat di hadapan Tuhan, dan telah bergantung pada pertimbangannya sendiri dan ‘bermegah-megah akan kebijaksanaannya sendiri.

14 Dan inilah sebabnya engkau

telah kehilangan hak istimewa untuk suatu tempoh—

15 Kerana engkau telah membiarkan nasihat “pengarahmu dipijak-pijak sejak dari awal.

16 Walaupun demikian, pekerjaan-Ku akan menyebar luas, kerana selagi pengetahuan tentang seorang “Juruselamat telah datang ke dunia, melalui ^bkesaksian bangsa Yahudi, demikian juga ‘pengetahuan tentang seorang Juruselamat akan datang kepada para umat-Ku—

17 Dan kepada “bangsa Nefi, dan bangsa Yakub, dan bangsa Yusuf, dan bangsa Zoram, melalui kesaksian nenek moyang mereka—

18 Dan “kesaksian ini akan datang pada pengetahuan tentang ^bbangsa Laman, dan bangsa Lemuel, dan bangsa Ismael, yang ‘merosot dalam ketidakpercayaan kerana kederhakaan nenek moyang mereka, yang telah Tuhan biarkan untuk “menghancurkan saudara-saudara mereka bangsa Nefi, kerana kederhakaan mereka dan kekejian mereka.

19 Dan untuk “tujuan khusus ini ^bkepingan-kepingan ini dipelihara, yang mengandungi catatan-catatan ini—supaya ‘janji-janji Tuhan boleh digenapi, yang telah Dia buat kepada umat-Nya;

20 Dan agar “bangsa Laman

8b pts Iblis.

c Alma 38:5.

12a A&P 1:29; 5:4.

b A&P 10:6–8.

13a pts Keangkuhan.

15a IAITU Tuhan.

16a pts Juruselamat.

b 1 Ne. 13:23–25;

2 Ne. 29:4–6.

c Mosia 3:20.

17a 2 Ne. 5:8–9.

18a pts Kitab Mormon.

b 2 Ne. 5:14;

Enos 1:13–18.

c 2 Ne. 26:15–16.

d Morm. 8:2–3.

19a 1 Ne. 9:3, 5.

b pts Kepingan-kepingan Emas.

c 3 Ne. 5:14–15;

A&P 10:46–50.

20a 2 Ne. 30:3–6;

A&P 28:8; 49:24.

boleh datang pada pengetahuan tentang nenek moyang mereka, dan agar mereka boleh mengetahui janji-janji Tuhan, dan agar mereka boleh ^bmempercayai injil

dan 'bergantung pada jasa Yesus Kristus, dan ^d'dimuliakan melalui iman dalam nama-Nya, dan agar melalui pertaubatan mereka, mereka boleh diselamatkan. Amin.

BAHAGIAN 4

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada ayahnya, Joseph Smith Sr., di Harmony, Pennsylvania, Februari 1829.

1-4, *Pelayanan yang gagah berani menyelamatkan para pelayan rohani Tuhan; 5-6, Sifat ketuhanan melayakkan mereka memenuhi syarat untuk pelayanan tersebut; 7, Hal-hal daripada Tuhan mestilah dicari.*

4 Kerana lihatlah "ladang telah memutih sedia untuk ^bdituai; dan lihatlah, dia yang menghayunkan sabitnya dengan dayanya, orang yang sama menyimpan dalam 'persediaan agar dia tidak binasa, tetapi membawa keselamatan pada jiwanya;

SEKARANG, lihatlah, sebuah "pekerjaan yang menakjubkan hampir tiba di kalangan anak-anak manusia.

5 Dan "iman, ^bharapan, 'kasih ihsan dan ^d'kasih sayang, dengan tumpuan 'matamu satu-satunya pada ^fkemuliaan Tuhan, melayakkan dia untuk pekerjaan itu.

2 Oleh itu, Wahai kamu yang bermula dalam "pelayanan Tuhan, pastikanlah kamu ^bmelayani-Nya dengan sepenuh 'hati, daya, fikiran dan kekuatanmu, agar kamu boleh berdiri ^d'tanpa salah di hadapan Tuhan pada hari terakhir.

6 Ingatlah iman, "kehemahan, pengetahuan, kesederhanaan, ^bkesabaran, kebaikan dalam persaudaraan, ketuhanan, kasih ihsan, 'kerendahan hati, ^d'ketekunan.

3 Oleh itu, jika kamu memiliki hasrat untuk melayani Tuhan kamu "dipanggil pada pekerjaan itu;

7 "Mintalah, dan kamu akan menerima; ketuklah, dan akan dibukakan bagimu. Amin.

20^b Morm. 3:19-21.

c 2 Ne. 31:19;

Moro. 6:4.

d Moro. 7:26; 38.

4 1^a Yes. 29:14;

1 Ne. 14:7; 22:8;

A&P 6:1; 18:44.

pts Pemulihan Injil.

2^a pts Pelayanan.

b Yos. 22:5;

1 Sam. 7:3;

A&P 20:19; 76:5.

c pts Hati;

Minda.

d 1 Kor. 1:8;

Yakub 1:19;

3 Ne. 27:20.

3^a A&P 11:4, 15; 36:5;

63:57.

pts Dipanggil oleh

Tuhan, Memanggil,

Panggilan.

4^a Yoh. 4:35;

Alma 26:3-5;

A&P 11:3; 33:3, 7.

b pts Penuaian.

c 1 Tim. 6:19.

5^a pts Iman.

b pts Harapan.

c pts Kasih Ihsan.

d pts Kasih.

e Mzm. 141:8;

Mat. 6:22;

Morm. 8:15.

f pts Kemuliaan.

6^a pts Hemah.

b pts Kesabaran.

c pts Rendah Hati,

Kerendahan Hati.

d pts Ketekunan.

7^a Mat. 7:7-8; 2 Ne. 32:4.

pts Doa.

BAHAGIAN 5

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Harmony, Pennsylvania, Mac 1829, atas permintaan Martin Harris.

1-10, Generasi ini akan menerima firman Tuhan melalui Joseph Smith; 11-18, Tiga orang saksi akan bersaksi tentang Kitab Mormon; 19-20, Firman Tuhan akan terbukti seperti pada zaman sebelumnya; 21-35, Martin Harris boleh bertaubat dan menjadi salah seorang saksi.

LIHATLAH, Aku berfirman kepadamu, bahawa kerana hamba-Ku "Martin Harris telah menghasratkan sebuah kesaksian daripada tangan-Ku, bahawa kamu, hamba-Ku Joseph Smith Jr., telah memperoleh ^bkepingan-kepingan yang telah kamu persaksikan dan memberikan kesaksian bahawa kamu telah menerimanya daripada-Ku;

2 Dan sekarang, lihatlah, ini akan kamu katakan kepadanya—Dia yang berfirman kepadamu, berfirman kepadamu: Aku, Tuhan, ialah Raja, dan telah memberikan benda-benda ini kepadamu, hamba-Ku Joseph Smith Jr., dan telah memerintahkanmu agar kamu hendaknya berdiri sebagai seorang "saksi terhadap benda-benda ini;

3 Dan Aku telah menyuruhmu agar kamu hendaknya masuk ke

dalam sebuah perjanjian dengan-Ku, agar kamu tidak memperlihatkannya kecuali kepada "mereka yang telah Aku perintahkan kepadamu; dan kamu tidak memiliki ^bkuasa ke atasnya kecuali Aku memberikannya kepadamu.

4 Dan kamu memiliki kurnia untuk menterjemahkan kepingan-kepingan itu; dan inilah kurnia pertama yang Aku berikan ke atas dirimu; dan Aku telah memerintahkan agar kamu seharusnya tidak menuntut kurniaan lain sehingga tujuan-Ku digenapi di dalam hal ini; kerana Aku tidak akan memberi kepadamu kurniaan lain sehinggalah ia selesai.

5 Sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa kecelakaan akan datang kepada penduduk bumi jika mereka "tidak akan mendengar firman-Ku;

6 Kerana setelah ini kamu akan "dihabiskan dan pergi dan menyampaikan ^bfirman-Ku kepada anak-anak manusia.

7 Lihatlah, jika mereka tidak mahu "mempercayai firman-Ku, mereka tidak akan mempercayaimu, hamba-Ku Joseph, jika boleh kamu hendaknya

5 1a A&P 5:23-24;

JS—S 1:61.

b prs Kepingan-kepingan Emas.

2a prs Saksi.

3a 2 Ne. 27:13.

Lihat juga "Kesaksian

Tiga Saksi" dan

"Kesaksian Lapan Saksi" dalam halaman-halaman permulaan Kitab Mormon.

b 2 Ne. 3:11.

5a Yer. 26:4-5;

Alma 5:37-38; A&P 1:14.

6a A&P 20:2-3.

prs Tahbis, Pentahbisan.

b 2 Ne. 29:7.

7a Luk. 16:27-31;

A&P 63:7-12.

memperlihatkan kepada mereka semua benda ini yang telah Aku percayakan kepadamu.

8 Ah, generasi yang “tidak percaya dan ^bdegil ini—kemarahan-Ku menyala terhadap mereka.

9 Lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Aku telah “menyimpan benda-benda itu yang telah Aku percayakan kepadamu, hamba-Ku Joseph, untuk suatu tujuan yang bijak di dalam Aku, dan ia akan diberitahukan kepada generasi-generasi yang akan datang;

10 Tetapi generasi ini akan memperoleh firman-Ku melalui kamu;

11 Dan sebagai tambahan pada kesaksianmu, “kesaksian daripada tiga orang hamba-Ku, yang akan Aku panggil dan tahtbiskan, kepada mereka akan Aku perlihatkan benda-benda ini, dan mereka akan pergi dengan firman-Ku yang diberikan melalui kamu.

12 Ya, mereka akan mengetahui dengan suatu kepastian bahawa benda-benda ini adalah benar, kerana dari syurga akan Aku maklumkan ia kepada mereka.

13 Aku akan memberikan mereka kuasa agar mereka boleh melihat dan memandang benda-benda ini seperti adanya;

14 Dan “tiada lagi orang yang lain akan Aku berikan kuasa ini, untuk menerima kesaksian yang sama ini di kalangan generasi ini, di dalam ini bermulanya kebangkitan dan kedatangan ^bgereja-Ku dari padang belantara—terang bagaikan ‘bulan, dan cerah bagaikan matahari, dan mengagumkan bagaikan sepasukan tentera dengan bendera.

15 Dan kesaksian tiga “orang saksi akan Aku wartakan tentang firman-Ku.

16 Dan lihatlah, barang siapa “percaya pada firman-Ku, mereka akan Aku ^bkunjungi dengan ‘pernyataan “Roh-Ku; dan mereka akan “dilahirkan daripada-Ku, bahkan dari air dan dari Roh—

17 Dan kamu mesti menunggu untuk seketika, kerana kamu belum lagi “ditahbiskan—

18 Dan kesaksian mereka juga akan pergi kepada “penghukuman generasi ini jika mereka mengerasakan hati mereka terhadapnya;

19 Kerana “pencambukan yang memusnahkan akan pergi di kalangan penduduk bumi, dan akan dicurahkan berterusan dari masa ke semasa, jika mereka ^btidak bertaubat, sehinggalah bumi ‘kosong, dan para penduduknya

8a *pts* Ketidakpercayaan.
b Morm. 8:33.
pts Keangkuhan.
 9a Alma 37:18.
 11a 2 Ne. 27:12; Eter 5:3-4;
 A&P 17:1-5.
 14a 2 Ne. 27:13.
b *pts* Gereja Yesus
 Kristus;
 Pemulihan Injil.
c A&P 105:31; 109:73.
 15a A&P 17.

pts Saksi-saksi Kitab
 Mormon.
 16a Eter 4:11.
b 1 Ne. 2:16.
c A&P 8:1-3.
d *pts* Roh Kudus.
e *pts* Dilahirkan Semula,
 Dilahirkan oleh Tuhan;
 Kurnia Roh Kudus;
 Pembaptisan,
 Membaptis.
 17a *pts* Tahbis, Pentah-

bisan; Wewenang.
 18a 1 Ne. 14:7;
 A&P 20:13-15.
 19a A&P 29:8; 35:11;
 43:17-27.
pts Hari-hari Terakhir,
 Zaman Akhir;
 Tanda-tanda Zaman
 Akhir.
b *pts* Bertaubat,
 Pertaubatan.
c Yes. 24:1, 5-6.

dimakan api dan dihancurkan sepenuhnya oleh kegemilangan ^akedatangan-Ku.

20 Lihatlah, aku memberitahu kamu hal-hal ini, bahkan seperti Aku juga ^amemberitahu orang tentang kehancuran Yerusalem; dan ^bfirman-Ku akan terbukti pada waktu ini sebagaimana sebelum ini telah terbukti.

21 Dan sekarang Aku memerintahkanmu, hamba-Ku Joseph, untuk bertaubat dan berjalan dengan lebih lurus di hadapan-Ku, dan tidak lagi menyerah pada pujukan manusia;

22 Dan agar kamu teguh dalam ^amentaati perintah-perintah-Ku seperti yang Aku telah perintahkanmu; dan jika kamu melakukan ini, lihatlah Aku memberimu kehidupan kekal, bahkan jika kamu akan ^bdibunuh.

23 Dan sekarang, lagi, Aku berfirman kepadamu, hamba-Ku Joseph, mengenai ^alelaki yang menghasratkan kesaksian itu—

24 Lihatlah, Aku berfirman kepadanya, dia mempermulikan dirinya dan tidak merendahkan hati dengan secukupnya di hadapan-Ku; tetapi jika dia akan membongkokkan diri di hadapan-Ku, dan merendahkan hatinya dengan doa yang membara dan iman, dengan ketulusan hatinya, maka akan Aku kabulkan kepadanya ^apemandangan akan

benda-benda yang dia hasratkan untuk lihat.

25 Dan kemudian dia akan berkata kepada orang-orang dari generasi ini: Lihatlah, aku telah melihat benda-benda yang telah Tuhan perlihatkan kepada Joseph Smith Jr., dan aku ^atahu dengan suatu kepastian bahawa ia adalah benar, kerana aku telah melihatnya, kerana ia telah diperlihatkan kepadaku melalui kuasa Tuhan dan bukan daripada manusia.

26 Dan Aku Tuhan memerintahkan dia, hamba-Ku Martin Harris, bahawa dia tidak akan berkata apa pun yang lebih kepada mereka tentang benda-benda ini, kecuali dia akan mengatakan: Aku telah melihatnya, dan ia telah diperlihatkan kepadaku melalui kuasa Tuhan; dan inilah perkataan yang akan dia katakan.

27 Tetapi jika dia menyangkal ini dia akan melanggar perjanjian yang telah dia janjikan dengan-Ku sebelum ini, dan lihatlah, dia dihukum.

28 Dan sekarang, melainkan dia merendahkan hatinya dan mengakui kepada-Ku perkara yang dia telah lakukan yang adalah salah, dan mengikat perjanjian dengan-Ku bahawa dia akan mentaati perintah-perintah-Ku, dan menjalankan iman kepada-Ku, lihatlah, Aku berfirman kepadanya, dia tidak akan memperoleh

19d Yes. 66:15–16;
A&P 133:41.
pts Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.
20a 1 Ne. 1:18;
2 Ne. 25:9.

b A&P 1:38.
22a pts Patuh, Kepatuhan,
Mematuhi.
b Alma 60:13;
A&P 6:30; 135.
23a A&P 5:1.

24a Lihat “Kesaksian
Tiga Saksi” dalam
halaman-halaman
permulaan Kitab
Mormon.
25a Eter 5:3.

pandangan itu, kerana Aku tidak akan mengabdikan kepadanya pandangan tentang benda-benda yang telah Aku firmankan.

29 Dan jika ini keadaannya, Aku memerintahkanmu, hamba-Ku Joseph, agar kamu haruslah mengatakan kepadanya, bahawa dia tidak harus melakukan apa pun lagi, serta menyusahkan-Ku lagi berkenaan hal ini.

30 Dan jika ini keadaannya, lihatlah, Aku berfirman kepadamu Joseph, apabila engkau telah menterjemahkan beberapa halaman lagi engkau hendaknya berhenti untuk suatu tempoh, bahkan sehingga Aku memerintahkan engkau semula; kemudian engkau boleh menterjemah semula.

31 Dan kecuali engkau melakukannya ini, lihatlah, engkau tidak akan memiliki kurnia lagi, dan Aku akan mengambil pergi benda-benda yang telah Aku percayakan kepadamu.

32 Dan sekarang, kerana Aku

sudah melihat apa yang sedang menanti untuk menghancurkan engkau, ya, Aku sudah melihat bahawa jika hamba-Ku Martin Harris tidak merendahkan hatinya dan menerima kesaksian daripada tangan-Ku, bahawa dia akan jatuh ke dalam pelanggaran;

33 Dan terdapat banyak orang yang sedang menanti untuk “menghancurkan engkau dari atas permukaan bumi ini; dan disebabkan ini, agar riwayat hidupmu dipanjangkan, telah Aku berikan kepadamu perintah-perintah ini.

34 Ya, disebabkan ini Aku telah berfirman: Berhenti, dan jangan menterjemah sehinggalah Aku memerintahkan engkau, dan Aku akan “menyediakan cara yang dengannya engkau boleh menyelesaikan hal-hal yang telah Aku perintahkan kepadamu.

35 Dan jika engkau “setia dalam mentaati perintah-perintah-Ku, engkau akan ^bdiangkat pada hari terakhir. Amin.

BAHAGIAN 6

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith dan Oliver Cowdery, di Harmony, Pennsylvania, April 1829. Oliver Cowdery memulakan kerjanya sebagai jurutulis dalam penterjemahan Kitab Mormon, 7 April 1829. Dia telah menerima suatu pernyataan ilahi akan kebenaran kesaksian Nabi berkenaan kepingan-kepingan yang di atasnya terukir catatan Kitab Mormon. Nabi bertanya kepada Tuhan melalui Urim dan Tumim dan menerima jawapan ini.

1–6, Para pekerja di ladang Tuhan memperoleh keselamatan; 7–13, Tidak

ada kurnia yang lebih besar daripada kurnia keselamatan; 14–27, Suatu

33a A&P 10:6; 38:13, 28.

34a 1 Ne. 3:7.

35a Kel. 15:26;

A&P 11:20.

b Yoh. 6:39–40;

1 Tes. 4:17;

3 Ne. 15:1;

A&P 9:14; 17:8;

75:16, 22.

kesaksian tentang kebenaran datang melalui kuasa Roh; 28-37, Pandanglah kepada Kristus, dan lakukanlah kebaikan secara berterusan.

SEBUAH "pekerjaan yang menakutkan dan agung hampir tiba kepada anak-anak manusia.

2 Lihatlah, Aku ialah Tuhan; endahkanlah "firman-Ku, yang hidup dan penuh kuasa, ^blebih tajam daripada sebilah pedang bermata dua, untuk pembelahan baik tulang sendi mahupun sumsum; oleh kerana itu endahkanlah firman-Ku.

3 Lihatlah, "ladang telah memutih sedia dituai; oleh kerana itu, barang siapa berhasrat untuk menuai, biarlah dia menghayunkan sabitnya dengan dayanya, dan menuai sementara hari masih ada, agar dia boleh menyimpan bagi jiwanya keselamatan abadi di dalam kerajaan Tuhan.

4 Ya, barang siapa akan "menghayunkan sabitnya dan menuai, orang yang sama dipanggil oleh Tuhan.

5 Oleh kerana itu, jika kamu akan "meminta daripada-Ku kamu akan menerima; jika kamu akan mengemukakan akan dibukakan bagimu.

6 Sekarang, kerana kamu telah

meminta, lihatlah, Aku berfirman kepadamu, taatilah perintah-perintah-Ku, dan "usahakanlah untuk mendatangkan dan menegakkan tujuan ^bSion;

7 "Janganlah mencari ^bkekayaan tetapi "kebijaksanaan, dan lihatlah, "misteri-misteri Tuhan akan dibukakan kepadamu, dan kemudian kamu akan dijadikan kaya. Lihatlah, dia yang memperoleh ^ekehidupan abadi adalah kaya.

8 Sesungguh-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahkan seperti kamu menghasratkan daripada-Ku demikianlah akan terjadi kepadamu; dan jika kamu menghasratkannya, kamu akan menjadi sarana untuk melakukan banyak kebaikan dalam generasi ini.

9 Janganlah mengatakan apa pun selain "pertaubatan kepada generasi ini; taatilah perintah-perintah-Ku, dan bantulah untuk mendatangkan pekerjaan-Ku, menurut perintah-perintah-Ku, dan kamu akan diberkati.

10 Lihatlah engkau memiliki sebuah kurnia, dan diberkatilah engkau kerana kurniamu. Ingatlah ia adalah "kudus dan datang dari atas—

11 Dan jika engkau akan

6 1a Yes. 29:14;

A&P 4; 18:44.

2a Ibr. 4:12; Why. 1:16;

A&P 27:1.

b Hel. 3:29;

A&P 33:1.

3a Yoh. 4:35;

A&P 31:4; 33:3; 101:64.

4a Why. 14:15-19;

Alma 26:5;

A&P 11:3-4, 27.

5a Mat. 7:7-8.

6a 1 Ne. 13:37.

b prs Sion.

7a Alma 39:14;

A&P 68:31.

b 1 Raj. 3:10-13;

Mat. 19:23;

Yakub 2:18-19.

prs Keduniaian;

Kekayaan.

c prs Kebijaksanaan.

d A&P 42:61, 65.

prs Misteri-misteri Tuhan.

e A&P 14:7.

9a Alma 29:9;

A&P 15:6; 18:14-15;

34:6.

prs Bertaubat,

Pertaubatan;

Pekerjaan Penginjalan.

10a A&P 63:64.

"bertanya, engkau akan mengetahui ^bmisteri-misteri yang besar dan menakjubkan; oleh kerana itu engkau hendaknya menjalankan ^ckurniamu, agar engkau boleh menemui misteri-misteri, agar engkau boleh membawa banyak orang kepada pengetahuan tentang kebenaran, ya, ^dmeyakinkan mereka tentang kesesatan jalan mereka.

12 Janganlah mendedahkan kurniamu kepada sesiapa pun kecuali mereka yang dari kepercayaanmu. Janganlah mempermainkan perkara yang ^akudus.

13 Jika engkau akan melakukan kebaikan, ya, dan ^asetia ^bbertahan sampai ^cakhir, engkau akan diselamatkan di dalam kerajaan Tuhan, iaitu yang terbesar daripada semua kurnia Tuhan; kerana tidak ada kurnia yang lebih besar daripada kurnia ^dkeselamatan.

14 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, diberkatilah engkau untuk perkara yang telah engkau lakukan; kerana engkau telah ^abertanya kepada-Ku, dan lihatlah, sesering engkau bertanya engkau telah menerima petunjuk Roh-Ku. Jika tidak demikian halnya, engkau tidak akan datang ke tempat di mana engkau berada pada waktu ini.

15 Lihatlah, engkau mengetahui bahawa engkau telah bertanya kepada-Ku dan Aku telah menerangi ^afikiranmu; dan sekarang Aku memberitahu engkau hal-hal ini agar engkau boleh mengetahui bahawa engkau telah diterangi dengan Roh kebenaran;

16 Ya, Aku memberitahu engkau, agar engkau boleh mengetahui bahawa tiada seorang pun melainkan Tuhan yang ^amengetahui pemikiran dan niat ^bhatimu.

17 Aku memberitahu engkau hal-hal ini sebagai sebuah kesaksian kepadamu—bahawa firman atau pekerjaan yang telah engkau tuliskan adalah ^abenar.

18 Oleh kerana itu ^atekunlah; ^bberdirilah di sisi hamba-Ku Joseph, dengan setia, dalam apa pun keadaan yang sukar yang mungkin dia alami demi firman itu.

19 Tegurlah dia dalam kesalahannya, dan juga terimalah teguran daripadanya. Bersabarlah; bersungguh-sungguhlah; ber-tenanglah; milkilah kesabaran, iman, harapan dan kasih ihsan.

20 Lihatlah, engkau adalah Oliver, dan Aku telah berfirman kepadamu kerana hasratmu; oleh kerana itu ^asimpanlah baik-baik firman ini dalam hatimu. Setia dan

11a A&P 102:23;
JS—S 1:18, 26.
b Mat. 11:25; 13:10-11;
Alma 12:9.
c prs Kurnia;
Kurniaan Roh.
d Yak. 5:20;
Alma 62:45;
A&P 18:44.
12a Mat. 7:6.

13a Mosia 2:41;
Eter 4:19;
A&P 51:19; 63:47.
b 1 Ne. 15:24.
c prs Bertahan.
d prs Keselamatan.
14a prs Doa.
15a prs Minda.
16a 1 Taw. 28:9;
Mat. 12:25;

Ibr. 4:12;
Mosia 24:12;
3 Ne. 28:6.
prts Maha Mengetahui.
b 1 Raj. 8:39.
17a A&P 18:2.
18a prs Ketekunan.
b A&P 124:95-96.
20a Eter 3:21;
A&P 84:85.

tekunlah dalam mentaati perintah-perintah Tuhan, dan Aku akan mengelilingi engkau dalam lengan kasih-Ku.

21 Lihatlah, Aku ialah Yesus Kristus, "Putera Tuhan. Akulah yang sama yang datang kepada umat ^bmilik-Ku, dan umat milik-Ku tidak menerima-Ku. Akulah ^ccahaya yang bersinar dalam ^akegelapan, dan kegelapan itu tidak memahaminya.

22 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, jika kamu menghasratkan sebuah kesaksian yang lebih lanjut, arahkanlah fikiranmu pada malam hari ketika kamu berseru kepada-Ku dalam hatimu, agar kamu boleh ^amengetahui kebenaran tentang hal-hal ini.

23 Tidakkah Aku memfirmankan ^akedamaian pada fikiranmu tentang hal ini? Apakah ^bkesaksian yang lebih besar yang dapat kamu peroleh daripada Tuhan?

24 Dan sekarang, lihatlah, kamu telah menerima sebuah kesaksian; kerana jika Aku telah memberitahu kamu perkara yang tidak seorang pun tahu bukankah kamu telah menerima sebuah kesaksian?

25 Dan, lihatlah, Aku memberi kepadamu sebuah kurnia, jika kamu menghasratkan daripada-Ku, untuk ^amenterjemah, bahkan seperti hamba-Ku Joseph.

26 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa ada ^acatatan-catatan yang mengandungi banyak Injil-Ku, yang telah ditahan kerana ^bkejahatan manusia;

27 Dan sekarang, Aku memerintahkanmu, bahawa jika kamu memiliki hasrat yang baik—suatu hasrat untuk menyimpan harta bagi dirimu di dalam syurga—maka kamu akan membantu dalam membawa pada terang, dengan kurniamu, bahagian-bahagian dari ^atulisan suci-Ku yang telah disembunyikan kerana kederhakaan.

28 Dan sekarang, lihatlah, Aku memberi kepadamu, dan juga kepada hamba-Ku Joseph, kunci-kunci kurnia ini, yang akan membawa pada terang pelayanan ini; dan melalui mulut dua atau tiga ^asaksi setiap perkataan akan ditegakkan.

29 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, jika mereka menolak firman-Ku, dan bahagian dari Injil dan pelayanan-Ku ini, diberkatilah kamu, kerana mereka tidak dapat melakukan apa pun lagi kepadamu daripada kepada-Ku.

30 Dan bahkan jika mereka ^amelakukan kepadamu bahkan seperti yang telah mereka lakukan kepada-Ku, diberkatilah

21a pts Yesus Kristus.

b Yoh. 1:10-12;

Kis. 3:13-17; 3 Ne. 9:16;

A&P 45:8.

c Yoh. 1:5;

A&P 10:58.

pts Cahaya, Cahaya

Kristus.

d pts Kegelman Rohani.

22a pts Kurnia

Membezakan.

23a pts Kedamaian.

b 1 Yoh. 5:9; A&P 18:2.

25a Mosia 8:13;

A&P 5:4; 9:1-5, 10.

26a A&P 8:1; 9:2.

pts Tulisan Suci—

Tulisan suci yang

dinubuat akan datang.

b pts Jahat, Kejahatan.

27a A&P 35:20.

28a Ul. 19:15; 2 Kor. 13:1;

2 Ne. 27:12-14;

A&P 128:3.

30a A&P 5:22; 135.

pts Mati syahid,

Kesyahidan.

kamu, kerana kamu akan ^btinggal bersama-Ku dalam ^ckemuliaan.

31 Tetapi jika mereka tidak “menolak firman-Ku, yang akan ditegakkan oleh ^bkesaksian yang akan diberikan, diberkatilah mereka, dan pada waktu itu kamu akan merasakan sukacita dalam buah hasil pekerjaanmu.

32 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, seperti yang Aku firmankan kepada para murid-Ku, di mana dua atau tiga orang ^aberkumpul bersama dalam nama-Ku, menyentuh sesuatu hal, lihatlah, di sana Aku akan berada di ^btengah-tengah mereka—seperti Aku berada di tengah-tengahmu.

33 “Janganlah takut melakukan yang baik, anak-anak-Ku, kerana apa pun yang kamu ^btabur, itu juga yang akan kamu tuai; oleh kerana itu, jika kamu menabur yang baik kamu akan juga menuai yang baik sebagai ganjaranmu.

34 Oleh kerana itu, janganlah takut, kawan-kawan kecil; lakukanlah kebaikan; biarlah bumi dan neraka bergabung menentangmu, kerana jika kamu dibangunkan di atas “batu-Ku, mereka tidak dapat berjaya.

35 Lihatlah, Aku tidak menghukummu; pergilah pada jalanmu dan janganlah “berdosa lagi; laksanakanlah dengan kesungguhan pekerjaan yang telah Aku perintahkan kepadamu.

36 ^aLihatlah kepada-Ku dalam setiap pemikiran; janganlah ragu, janganlah takut.

37 ^aLihatlah luka-luka yang menusuk sisi tubuh-Ku, dan juga bekas ^bpaku di tangan dan kaki-Ku; setialah, taatilah perintah-perintah-Ku, dan kamu akan ^cmewarisi “kerajaan syurga. Amin.

BAHAGIAN 7

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith dan Oliver Cowdery, di Harmony, Pennsylvania, April 1829, ketika mereka bertanya melalui Urim dan Tumim berkaitan dengan sama ada Yohanes, murid yang dikasihi itu, tinggal dalam keadaan daging atau telah mati. Wahyu ini adalah sebuah versi terjemahan dari catatan yang dibuat di atas kertas kulit oleh Yohanes dan disembunyikan olehnya sendiri.

30 ^b Why. 3:21.

^c prs Kemuliaan.

31 ^a 3 Ne. 16:10–14;
A&P 20:8–15.

^b prs Kesaksian.

32 ^a Mat. 18:19–20.

prs Kesatuan.

^b A&P 29:5; 38:7.

33 ^a prs Berani,
Keberanian.

^b Gal. 6:7–8;

Mosia 7:30–31;

Alma 9:28; A&P 1:10.

34 ^a Mzm. 71:3;

Mat. 7:24–25;

1 Kor. 10:1–4; Hel. 5:12;

A&P 10:69; 18:4, 17;

33:13;

Musa 7:53.

prs Batu.

35 ^a Yoh. 8:3–11.

36 ^a Yes. 45:22; A&P 43:34.

37 ^a prs Yesus Kristus—
Kemunculan Kristus
setelah kematian-Nya.

^b prs Penyaliban.

^c Mat. 5:3, 10;

3 Ne. 12:3, 10.

^d prs Kerajaan Tuhan
atau Kerajaan Syurga.

1-3, *Yohanes yang Dikasihi akan hidup sehingga Tuhan datang*; 4-8, *Petrus, Yakobus, dan Yohanes memegang kunci-kunci Injil.*

DAN Tuhan berfirman kepadaku: "Yohanes, yang Aku kasihi, apakah yang engkau ^bhasratkan? Kerana jika kamu akan meminta apa yang kamu kehendaki, ia akan diberikan kepadamu.

2 Dan aku berkata kepada-Nya: Tuhan, berilah kepadaku kuasa mengatasi ^akematian, agar aku boleh hidup dan membawa jiwa-jiwa kepada-Mu.

3 Dan Tuhan berfirman kepadaku: Sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, kerana engkau menghasratkan ini engkau akan ^atinggal sehingga Aku datang dalam ^bkemuliaan-Ku, dan akan ^cbernubuat di hadapan bangsa, kaum, bahasa dan bangsa.

4 Dan kerana tujuan ini Tuhan berfirman kepada Petrus: Jika Aku menghendaki bahawa dia tinggal sehingga Aku datang, apakah kaitannya denganmu? Kerana dia menghasratkan daripada-Ku agar dia boleh membawa jiwa-jiwa kepada-Ku, tetapi engkau

berhasrat agar engkau boleh secepatnya datang kepada-Ku di dalam ^akerajaan-Ku.

5 Aku berfirman kepadamu, Petrus, ini adalah suatu hasrat yang baik; tetapi yang Aku kasihi telah berhasrat agar dia boleh melakukan lebih, atau suatu pekerjaan yang lebih besar kelak di kalangan manusia daripada apa yang telah dia lakukan sebelumnya.

6 Ya, dia telah memikul suatu pekerjaan yang lebih besar; oleh kerana itu Aku akan membuatnya bagaikan api yang menyala-nyala dan malaikat yang ^amelayani; dia akan melayani bagi mereka yang akan menjadi ^bwaris keselamatan yang tinggal di atas ^cbumi.

7 Dan Aku akan menjadikan engkau untuk melayaninya dan saudaramu Yakobus; dan kepada kamu bertiga Aku akan memberikan kuasa ini dan ^akunci-kunci pelayanan ini sehingga Aku datang.

8 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, kamu berdua akan memperolehnya menurut hasratmu, kerana kamu berdua ^abersukacita dalam apa yang telah kamu hasratkan.

BAHAGIAN 8

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Oliver

7 1a prs Yohanes, Anak lelaki Zebedeus.
b 3 Ne. 28:1-10.
2a Luk. 9:27.
prs Kematian Jasmani.
3a Yoh. 21:20-23.
prs Makhluk
Diangkat.

b prs Kedatangan Kedua Yesus Kristus;
Kemuliaan.
c Why. 10:11.
4a prs Kerajaan Tuhan atau Kerajaan Syurga.
6a A&P 130:5.
b A&P 76:86-88.

c Yoh. 10:8-11;
A&P 77:14.
7a Mat. 16:19;
Kis. 15:7;
JS—S 1:72.
prs Kunci-kunci Imamat.
8a prs Kegembiraan.

Cowdery, di Harmony, Pennsylvania, April 1829. Semasa penterjemahan Kitab Mormon, Oliver, yang menyambung untuk melayani sebagai jurutulis, menulis menurut imlakkan Nabi, berhasrat untuk dianugerahkan dengan kurnia penterjemahan. Tuhan menjawab rayuannya dengan memberikan wahyu ini.

1-5, Wahyu datang melalui kuasa Roh Kudus; 6-12, Pengetahuan tentang misteri-misteri Tuhan dan kuasa menterjemahkan catatan-catatan kuno datang melalui iman.

“OLIVER Cowdery, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa seperti Tuhan hidup, yang merupakan Tuhan dan Penebusmu, demikian juga pastinya kamu akan menerima suatu ^bpengetahuan tentang hal apa pun yang akan kamu ^cminta dalam iman, dengan hati yang jujur, percaya bahawa kamu akan menerima suatu pengetahuan berkaitan ukiran ^dcatatan-catatan lama, yang kuno, yang mengandungi bahagian-bahagian dari tulisan suci-Ku yang telah difirmankan oleh ^epernyataan Roh-Ku.

2 Ya, lihatlah, Aku akan ^amemberitahu kamu dalam fikiranmu dan dalam ^bhatimu, melalui ^cRoh Kudus, yang akan datang ke atas dirimu dan yang akan berdiam di dalam hatimu.

3 Sekarang, lihatlah, inilah roh wahyu; lihatlah, inilah roh yang melaluinya Musa membawa anak-anak Israel melalui ^aLaut Merah di atas tanah kering.

4 Oleh kerana itu inilah kurniamu; terapkanlah ia, dan diberkatilah engkau, kerana ia akan membebaskanmu daripada tangan musuh-musuhmu, sementara, jika tidak demikian, mereka akan membunuhmu dan membawa jiwamu pada kehancuran.

5 Ah, ingatlah “firman ini, dan taatilah perintah-perintah-Ku. Ingatlah, inilah kurniamu.

6 Sekarang, ini bukanlah semua kurniaanmu; kerana kamu memiliki kurnia lain, iaitu kurnia Harun; lihatlah, ia telah memberitahu kamu banyak hal;

7 Lihatlah, tidak ada kuasa lain, kecuali kuasa Tuhan, yang dapat menyebabkan kurnia Harun ini ada bersamamu.

8 Oleh kerana itu, janganlah ragu-ragu, kerana ia adalah kurnia Tuhan; dan kamu akan memgangannya dalam tanganmu, dan melakukan pekerjaan yang menakutkan; dan tidak ada kuasa yang akan dapat mengambilnya daripada tanganmu, kerana ia adalah pekerjaan Tuhan.

9 Dan, oleh kerana itu, apa pun yang akan kamu minta daripada-Ku untuk memberitahu kamu dengan sarana itu, Aku akan

8 1a JS—S 1:66.

pts Oliver Cowdery.

b pts Pengetahuan.

c pts Doa.

d A&P 6:26-27; 9:2.

e A&P 5:16.

2a A&P 9:7-9.

pts Wahyu.

b pts Hati.

c pts Roh Kudus.

3a Kel. 14:13-22;

Ul. 11:4; 1 Ne. 4:2;

Mosia 7:19.

pts Laut Merah.

5a Ul. 11:18-19.

berikan kepadamu, dan kamu akan memperoleh pengetahuan tentangnya.

10 Ingatlah bahawa tanpa “iman kamu tidak dapat melakukan apa pun; oleh kerana itu mintalah dalam iman. Janganlah mem-permainkan hal-hal ini; janganlah ^bmeminta yang tidak seharusnya kamu minta.

11 Mintalah agar kamu boleh

mengetahui misteri-misteri Tuhan, dan agar kamu boleh “menterjemah dan menerima pengetahuan dari semua catatan kuno itu yang telah disembunyikan, yang kudus; dan menurut imanmu ia akan terjadi kepadamu.

12 Lihatlah, Akulah yang telah memfirmankannya; dan Akulah orang yang sama yang berfirman kepadamu sejak dari awal. Amin.

BAHAGIAN 9

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Oliver Cowdery, di Harmony, Pennsylvania, April 1829. Oliver ditegur untuk bersabar dan didorong berpuas hati untuk menulis, buat sementara waktu, menurut imlakkan si penterjemah, daripada mencuba untuk menterjemah.

1–6, Catatan-catatan kuno yang lain akan diterjemahkan kelak; 7–14, Kitab Mormon diterjemahkan melalui pengkajian dan melalui pengesahan rohani.

LIHATLAH, Aku berfirman kepadamu, anak-Ku, kerana kamu tidak “menterjemah menurut apa yang kamu hasratkan daripada-Ku, dan sekali lagi bermula untuk ^bmenulis untuk hamba-Ku, Joseph Smith Jr., demikian juga Aku menghendaki agar kamu haruslah meneruskannya sehingga kamu telah menghabiskan catatan ini, yang telah Aku percayakan kepadanya.

2 Dan kemudian, lihatlah, “catatan-catatan ^blain yang Aku miliki, akan Aku berikan kepadamu kuasa agar kamu boleh membantu menterjemahkannya.

3 Bersabarlah, anak-Ku, kerana adalah kebijaksanaan di dalam Aku, dan tidaklah perlu bahawa kamu harus menterjemah pada waktu ini.

4 Lihatlah, pekerjaan yang kamu dipanggil untuk lakukan adalah untuk menulis bagi hamba-Ku Joseph.

5 Dan, lihatlah, kerana kamu tidak meneruskan seperti yang kamu mulakan, apabila kamu

10a pts Iman.
b A&P 88:63–65.
11a A&P 9:1, 10.
9 1a A&P 8:1, 11.
b JS—S 1:67.
2a A&P 6:26; 8:1.

b Satu kilasan kepada aktiviti penterjemahan tambahan, termasuk Terjemahan Joseph Smith dari Alkitab dan Kitab Abraham,

dimana Oliver Cowdery membantu sebagai jurutulis. pts Terjemahan Joseph Smith (rjs).

mula menterjemah, Aku telah mengambil hak istimewa ini daripadamu.

6 Janganlah “merungut, anak-Ku, kerana ini adalah kebijaksanaan di dalam Aku bahawa Aku telah berurusan denganmu menurut cara ini.

7 Lihatlah, kamu belum memahami; kamu menyangka bahawa Aku akan memberikannya kepadamu, sedangkan kamu tidak memikirkannya kecuali untuk meminta daripada-Ku.

8 Tetapi, lihatlah, Aku berfirman kepadamu, bahawa kamu mesti “mengkajinya dalam fikiranmu; kemudian kamu mesti ^bbertanya kepada-Ku adakah ia benar, dan jika ia benar Aku akan menyebabkan ^cdadamu akan ^dmembara di dalam dirimu; oleh kerana itu, kamu akan ^emerasakan bahawa ia adalah benar.

9 Tetapi jika ia tidak benar kamu tidak akan merasakan perasaan yang seperti itu, tetapi kamu akan merasakan suatu ^fkekosongan fikiran yang akan menyebabkanmu melupakan perkara yang salah itu; oleh kerana itu, kamu

tidak dapat menulis perkara yang kudus melainkan ia diberikan kepadamu daripada-Ku.

10 Sekarang, jika kamu mengetahuinya sebelum ini kamu dapat “menterjemah; walaupun demikian, tidaklah perlu bahawa kamu harus menterjemah sekarang.

11 Lihatlah, ianya perlu semasa kamu memulakannya; tetapi kamu “takut, dan waktunya telah berlalu, dan ianya tidaklah perlu sekarang;

12 Kerana, tidakkah kamu melihat bahawa Aku telah memberikan kepada hamba-Ku “Joseph kekuatan yang secukupnya, yang mana melaluinya ia dibereskan? Dan tiada seorang di antara kamu telah Aku hukum.

13 Lakukanlah hal ini yang telah Aku perintahkan kepadamu, dan kamu akan menjadi makmur. Setialah, dan janganlah menyerah pada ^ggodaan.

14 Berdirilah teguh dalam ^hpekerjaan yang telah Aku ⁱpanggilkan kepadamu, dan sehelai rambut kepalamu pun tidak akan hilang, dan kamu akan ^jdiangkat pada hari terakhir. Amin.

BAHAGIAN 10

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith, di Harmony, Pennsylvania, mungkin pada sekitar April 1829, walaupun beberapa

6a pts Rungut.

8a pts Merenungkan.

b pts Doa.

c Luk. 24:32.

d pts Ilham,
Mengilhami;
Kesaksian.

e A&P 8:2-3.

9a A&P 10:2.

10a A&P 8:11.

11a pts Takut.

12a A&P 18:8.

13a pts Godaan,
Menggoda.

14a 1 Kor. 16:13.

b pts Dipanggil oleh
Tuhan, Memanggil,
Panggilan.

c Alma 13:29;
A&P 17:8.

bahagiannya telah diterima seawal musim panas 1828. Di dalamnya Tuhan memberitahu Joseph tentang perubahan yang dibuat oleh orang-orang jahat pada 116 halaman naskah dari terjemahan kitab Lehi, dalam Kitab Mormon. Halaman-halaman naskah ini telah hilang daripada tangan Martin Harris, iaitu orang yang dipercayakan untuk menjaga lembaran-lembaran itu untuk sementara. (Lihat pengenalan untuk bahagian 3.) Rancangan jahat itu adalah untuk menunggu penterjemahan semula perkara yang termasuk dalam halaman-halaman yang dicuri itu dan kemudian untuk menimbulkan kesangsian terhadap penterjemah dengan menunjukkan percanggahan yang diakibatkan oleh perubahan itu. Tujuan jahat ini telah diwujudkan oleh si jahat dan diketahui oleh Tuhan bahkan semasa Mormon, sejarawan kuno bangsa Nefi, sedang membuat ringkasannya dari kumpulan kepingan-kepingan tersebut, ditunjukkan di dalam Kitab Mormon (lihat Kata-kata Mormon 1:3-7).

1-26, Setan menghasut orang-orang jahat untuk menentang pekerjaan Tuhan; 27-33, Dia berusaha menghancurkan jiwa manusia; 34-52, Injil akan pergi kepada bangsa Laman dan segala bangsa melalui Kitab Mormon; 53-63, Tuhan akan menubuhkan Gereja-Nya dan Injil-Nya di kalangan manusia; 64-70, Dia akan mengumpulkan yang bertaubat ke dalam Gereja-Nya dan akan menyelamatkan yang patuh.

SEKARANG, lihatlah, Aku berfirman kepadamu, bahawa kerana kamu menyerahkan tulisan-tulisan itu yang mana kamu telah diberikan kuasa untuk menterjemahkannya melalui sarana ^aUrim dan Tumim, ke dalam tangan seorang yang ^bjahat, kamu telah kehilangannya.

2 Dan kamu juga kehilangan

kurniamu pada waktu yang sama, dan ^afikiranmu digelapkan.

3 Walaupun demikian, sekarang ia ^adipulihkan kepadamu semula; oleh kerana itu pastikanlah bahawa kamu setia dan menepuh pekerjaan penterjemahan yang selebihnya sehingga selesai seperti yang telah kamu mulakan.

4 Janganlah berlari ^alebih cepat atau bekerja lebih daripada ^bkekuatan yang kamu miliki dan sarana yang tersedia untuk membolehkankanmu menterjemah; tetapi ^cteknunlah sehingga akhir.

5 ^aBerdoalah selalu, agar kamu boleh menjadi sebagai penakluk; ya, agar kamu boleh menakluki Setan, dan agar kamu boleh terlepas daripada tangan para hamba Setan yang menyokong pekerjaannya.

10 1a PTS Urim dan Tumim.
b A&P 3:1-15.
2a PTS Minda.
3a A&P 3:10.

4a Mosia 4:27.
b Kel. 18:13-26.
c Mat. 10:22.
pts Ketekunan.

5a 3 Ne. 18:15-21.
pts Doa.

6 Lihatlah, mereka telah berusaha untuk “menghancurkanmu; ya, bahkan juga ^borang yang kamu percayai telah berusaha untuk menghancurkanmu.

7 Dan disebabkan ini Aku berfirman bahawa dia ialah orang yang jahat, kerana dia telah berusaha untuk mengambil pergi benda-benda yang telah dipercayakan kepadamu; dan dia juga telah berusaha untuk menghancurkan kurniamu.

8 Dan kerana kamu telah menyerahkan tulisan-tulisan itu ke dalam tangannya, lihatlah, orang-orang jahat telah mengambilnya daripadamu.

9 Oleh kerana itu, kamu telah menyerahkannya, ya, yang adalah kudus, kepada kejahatan.

10 Dan, lihatlah, “Setan telah meletakkannya ke dalam hati mereka untuk mengubah perkataan-perkataan yang telah kamu sebabkan untuk dituliskan, atau yang telah kamu terjemahkan, yang telah lenyap dari tanganmu.

11 Dan lihatlah, Aku berfirman kepadamu, bahawa kerana mereka telah mengubah perkataan-perkataan itu, kandungannya bertentangan dengan apa yang telah kamu terjemahkan dan sebabkan untuk dituliskan;

12 Dan, dengan cara ini, iblis telah berusaha untuk menghasilkan sebuah rancangan yang licik, agar dia boleh menghancurkan pekerjaan ini;

13 Kerana dia telah meletakkan

ke dalam hati mereka untuk melakukannya ini, agar dengan berdusta mereka boleh mengatakan mereka telah “menangkapmu dalam perkataan yang kamu telah berpura-pura terjemahkan.

14 Sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa Aku tidak akan membiarkan agar Setan akan menjayakan rancangan jahatnya dalam hal ini.

15 Kerana lihatlah, dia telah meletakkannya ke dalam hati mereka untuk membuatmu menguji Tuhan Rajamu, dengan meminta untuk menterjemahkannya lagi.

16 Dan kemudian, lihatlah, mereka berkata dan berfikir dalam hati mereka—Kita akan lihat jika Tuhan telah memberikannya kuasa untuk menterjemah; jika demikian, Dia juga akan memberikannya kuasa lagi;

17 Dan jika Tuhan memberikannya kuasa lagi, atau jika dia menterjemah semula, atau, dengan perkataan lain, jika dia menghasilkan perkataan-perkataan yang sama, lihatlah, kita memiliki yang sama bersama kita, dan kita telah mengubahnya;

18 Oleh kerana itu, ianya tidak akan sama, dan kita akan mengatakan bahawa dia telah berdusta dalam kata-katanya, dan bahawa dia tidak memiliki kurnia, dan bahawa dia tidak memiliki kuasa;

19 Oleh kerana itu kita akan menghancurkannya, dan juga pekerjaan itu; dan kita akan melakukan ini agar kita tidak diaibkan

6a A&P 5:32–33; 38:13.

b A&P 5:1–2.

10a Pts Iblis.

13a Yer. 5:26.

pada akhirnya, dan agar kita boleh memperoleh kemuliaan dunia.

20 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa Setan memiliki genggamannya yang kuat ke atas hati mereka; dia “menghasut mereka pada ^bkederhakaan bertentangan dengan perkara yang baik;

21 Dan hati mereka “busuk, dan penuh dengan ^bkejahatan dan kekejian; dan mereka lebih “mengasihi ^dkegelapan daripada cahaya, kerana ^eperbuatan mereka jahat; oleh kerana itu mereka tidak mahu meminta daripada-Ku.

22 “Setan menghasut mereka, agar dia boleh ^bmenuntun jiwa mereka pada kehancuran.

23 Dan demikianlah dia telah menghasilkan sebuah rancangan yang licik, berfikir untuk menghancurkan pekerjaan Tuhan; tetapi Aku akan menuntun ini daripada tangan mereka, dan ia akan berpaling kepada keaiban dan penghukuman mereka pada hari “penghakiman.

24 Ya, dia menghasut hati mereka pada kemarahan menentang pekerjaan ini.

25 Ya, dia berkata kepada mereka: Perdayakan dan tunggulah untuk memerangkap, agar kamu boleh menghancurkan; lihatlah, ini

tidaklah salah. Dan demikianlah dia menyanjung-nyanjung mereka, dan memberitahu mereka bahawa ianya bukanlah dosa untuk “berdusta supaya mereka boleh memerangkap seseorang dalam kedustaan, agar mereka boleh menghancurkannya.

26 Dan demikianlah dia menyanjung-nyanjung mereka, dan “menuntun mereka terus sehingga dia menyeret jiwa mereka turun ke ^bneraka; dan demikianlah dia menyebabkan mereka memerangkap diri mereka dalam ^ejerat mereka sendiri.

27 Dan demikianlah dia naik dan turun, “ke sana ke mari di bumi, berusaha untuk ^bmenghancurkan jiwa manusia.

28 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, celakalah bagi dia yang berdusta untuk “memperdaya kerana dia menganggap bahawa orang lain berdusta untuk memperdaya, kerana orang yang seperti itu tidak terlepas dari ^bkeadilan Tuhan.

29 Sekarang, lihatlah, mereka telah mengubah perkataan-perkataan ini, kerana Setan berkata kepada mereka: Dia telah memperdayamu—dan demikianlah dia menyanjung-nyanjung mereka untuk melakukan kederhakaan,

20a 2 Ne. 28:20–22.

b prs Dosa.

21a A&P 112:23–24.

b prs Jahat, Kejahatan.

c Musa 5:13–18.

d Mosia 15:26.

prs Kegelapan Rohani.

e Yoh. 3:18–21;

A&P 29:45.

22a 2 Ne. 2:17–18.

b prs Godaan,
Menggoda.

23a Hel. 8:25;

A&P 121:23–25.

25a 2 Ne. 2:18; 28:8–9;

Alma 10:17;

Musa 4:4.

prs Dusta.

26a prs Kemurtadan.

b prs Neraka.

c Ams. 29:5–6;

1 Ne. 14:3.

27a Ayb. 1:7.

b 2 Ne. 28:19–23;

A&P 76:28–29.

28a prs Tipu, Menipu,
Penipuan.

b Rm. 2:3.

prs Keadilan.

untuk memujuk engkau “menguji Tuhan Rajamu.

30 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu, bahawa kamu jangan menterjemahkan semula perkataan-perkataan yang telah hilang daripada tanganmu;

31 Kerana, lihatlah, mereka tidak akan menjayakan rancangan jahat mereka dengan berdusta menentang perkataan-perkataan itu. Kerana, lihatlah, jika kamu akan menunjukkan perkataan-perkataan yang sama mereka akan mengatakan bahawa kamu telah berdusta dan bahawa kamu berpura-pura menterjemah, tetapi kamu telah bercanggah dengan dirimu.

32 Dan, lihatlah, mereka akan memaklukkannya, dan Setan akan mengeraskan hati orang-orang itu untuk menghasut mereka pada kemarahan menentangmu, sehingga mereka tidak akan mempercayai firman-Ku.

33 Demikianlah “Setan berfikir untuk mengalahkan kesaksianmu kepada generasi ini, agar pekerjaan ini tidak dapat datang kepada generasi ini.

34 Tetapi lihatlah, inilah kebijaksanaan, dan kerana Aku memperhatikan kepadamu “kebijaksanaan, dan memberimu perintah-perintah tentang hal-hal ini, apa yang kamu harus lakukan, janganlah memperlihatkannya kepada dunia

sehingga kamu telah menyelesaikan pekerjaan penterjemahan.

35 Janganlah takjub bahawa Aku berfirman kepadamu: Inilah kebijaksanaan, janganlah memperlihatkannya kepada dunia—kerana Aku berfirman, janganlah memperlihatkannya kepada dunia, agar kamu akan dilindungi.

36 Lihatlah, Aku tidak berfirman bahawa kamu tidak harus memperlihatkannya kepada yang soleh;

37 Tetapi kerana kamu tidak selalu dapat menilai yang “soleh, atau kerana kamu tidak selalu dapat membezakan yang jahat daripada yang soleh, oleh kerana itu Aku berfirman kepadamu, ^bsenyaplah kamu sehingga Aku melihat ianya sesuai untuk mendedahkan segala hal kepada dunia tentang hal ini.

38 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa sebuah laporan tentang “hal-hal yang telah kamu tuliskan, yang telah hilang daripada tanganmu, diukir di atas ^bkepingan-kepingan Nefi;

39 Ya, dan kamu ingat telah dikatakan dalam tulisan itu bahawa sebuah laporan yang lebih terperinci diberikan tentang hal-hal ini di atas kepingan-kepingan Nefi.

40 Dan sekarang, kerana laporan yang diukir di atas kepingan-kepingan Nefi lebih terperinci tentang hal-hal ini yang, di dalam

29^a Mat. 4:7.

33^a Prs Iblis.

34^a Prs Kebijaksanaan.

37^a Mat. 23:28.

^b Kel. 14:14.

38^a Dalam kata pengantar

edisi pertama Kitab Mormon, Nabi Joseph Smith menjelaskan bahawa catatan dalam 116 muka surat yang hilang diterjemahkan

dari sebahagian kepingan-kepingan yang disebut “Kitab Lehi.”

^b Prs Kepingan-kepingan.

kebijaksanaan-Ku, Aku akan bawa pada pengetahuan orang-orang dalam laporan ini—

41 Oleh kerana itu, kamu haruslah menterjemahkan ukiran yang ada di atas “kepingan-kepingan Nefi, bahkan sehingga kamu sampai pada zaman pemerintahan Raja Benyamin, atau sehingga kamu sampai pada apa yang telah kamu terjemahkan, yang telah kamu simpankan;

42 Dan lihatlah, kamu haruslah menerbitkannya sebagai catatan Nefi; dan demikianlah Aku akan menundukkan mereka yang telah mengubah firman-Ku.

43 Aku tidak akan membiarkan bahawa mereka akan menghancurkan pekerjaan-Ku; ya, Aku akan memperlihatkan kepada mereka bahawa kebijaksanaan-Ku lebih besar daripada kelicikan iblis.

44 Lihatlah, mereka telah memiliki hanya sebahagian, atau sebuah ringkasan daripada laporan Nefi.

45 Lihatlah, ada banyak hal yang diukir di atas kepingan-kepingan Nefi yang memberikan pandangan yang lebih besar terhadap Injil-Ku; oleh kerana itu, adalah kebijaksanaan di dalam Aku agar kamu mesti menterjemahkan bahagian pertama dari ukiran Nefi ini, dan disebar dalam pekerjaan ini.

46 Dan, lihatlah, semua yang selebihnya dari “pekerjaan ini mengandungi seluruh bahagian ^bInjil-Ku itu yang mana para

nabi suci-Ku, ya, dan juga para pengikut-Ku, ‘hasratkan di dalam doa-doa mereka harus datang kepada orang-orang ini.

47 Dan Aku berfirman kepada mereka, bahawa akan “dikabulkan kepada mereka menurut ^biman mereka dalam doa-doa mereka;

48 Ya, dan inilah iman mereka—bahawa Injil-Ku, yang Aku berikan kepada mereka supaya mereka boleh berkhotbah pada zaman mereka, boleh datang kepada saudara-saudara mereka “bangsa Laman, dan juga semua yang telah menjadi bangsa Laman kerana pembelotan mereka.

49 Sekarang, ini belumlah kesemuanya—iman mereka dalam doa-doa mereka adalah bahawa Injil ini akan dikhabarkan juga, jika berkemungkinan bahawa bangsa-bangsa lain akan menguasai tanah ini;

50 Dan demikianlah mereka meninggalkan sebuah berkat ke atas tanah ini dalam doa-doa mereka, agar barang siapa yang akan percaya pada Injil ini di tanah ini boleh memperoleh kehidupan abadi;

51 Ya, agar ia bebas bagi semua negara, kaum, bahasa, atau bangsa apa pun.

52 Dan sekarang, lihatlah, menurut iman mereka dalam doa-doa mereka akan Aku bawa bahagian dari Injil-Ku ini pada pengetahuan umat-Ku. Lihatlah, Aku tidak membawanya untuk

41a KKM 1:3-7.

46a PTS Kitab Mormon.

b PTS Injil.

c Enos 1:12-18;

Morm. 8:24-26;

9:34-37.

47a 3 Ne. 5:13-15;

A&P 3:19-20.

b PTS Iman.

48a Moro. 10:1-5;

A&P 109:65-66.

menghancurkan apa yang telah mereka terima, tetapi untuk membangunkannya.

53 Dan untuk tujuan ini Aku telah berfirman: Jika generasi ini tidak mengeraskan hati mereka, Aku akan menubuhkan gereja-Ku di kalangan mereka.

54 Sekarang, Aku tidak memfirmankan ini untuk menghancurkan gereja-Ku, tetapi Aku memfirmankan ini untuk membangunkan gereja-Ku.

55 Oleh kerana itu, barang siapa yang masuk dalam gereja-Ku tidak perlu ^atakut, kerana orang yang seperti itu akan ^bmewarisi ^ckerajaan syurga.

56 Tetapi mereka yang tidak ^atakut kepada-Ku, tidak juga menaati perintah-perintah-Ku tetapi membangunkan ^bgereja-gereja bagi diri mereka untuk memperolehi ^ckeuntungan, ya, dan mereka semua yang melakukan kejahatan dan membangunkan kerajaan iblis—ya, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa merekalah yang akan Aku sengsarakan, dan menyebabkan mereka menggeletar dan menggigil sehingga ke lubuk jiwanya.

57 Lihatlah, Aku ialah Yesus Kristus, ^aPutera Tuhan. Aku datang kepada umat milik-Ku, dan umat milik-Ku tidak menerima-Ku.

58 Aku ialah ^acahaya yang bersinar dalam kegelapan, dan

kegelapan itu tidak memahaminya.

59 Aku ialah Dia yang berfirman—^aDomba-domba ^blain Aku miliki yang bukan dari kawanannya—kepada para pengikut-Ku, dan ada banyak orang yang tidak ^cmemahami diri-Ku.

60 Dan Aku akan memperlihatkan kepada orang-orang ini bahawa Aku memiliki domba-domba lain, dan bahawa mereka ialah sebuah cabang dari ^abani Yakub;

61 Dan Aku akan membawa pada terang pekerjaan-pekerjaan mereka yang menakjubkan, yang mereka lakukan dalam nama-Ku;

62 Ya, dan Aku juga akan membawa pada terang Injil-Ku yang telah diajarkan kepada mereka, dan, lihatlah, mereka tidak akan menyangkal apa yang telah kamu terima, tetapi mereka akan membangunkannya, dan akan membawa pada terang pokok-pokok ^aajaran-Ku yang benar, ya, dan satu-satunya ajaran yang ada di dalam Aku.

63 Dan ini Aku lakukan agar Aku boleh menegakkan Injil-Ku, agar tidak ada begitu banyak pertikaian; ya, ^aSetan menghasut hati orang-orang pada ^bpertikaian mengenai pokok-pokok ajaran-Ku; dan dalam hal ini mereka keliru, kerana mereka ^cmemutarbelitkan tulisan suci dan tidak memahaminya.

55a prs Takut.
b Mat. 5:10.
c prs Kerajaan Tuhan
atau Kerajaan Syurga.
56a Pkh. 12:13–14.
b prs Iblis—Gereja iblis.

c 4 Ne. 1:26.
57a Rm. 1:4.
58a A&P 6:21.
59a prs Gembala yang Baik.
b Yoh. 10:16.
c 3 Ne. 15:16–18.

60a prs Ladang Anggur
Tuhan.
62a 3 Ne. 11:31–40.
63a prs Iblis.
b prs Pertikaian.
c 2 Ptr. 3:16.

64 Oleh kerana itu, Aku akan membukakan kepada mereka misteri besar ini;

65 Kerana, lihatlah, Aku akan “mengumpulkan mereka bagaikan seekor ayam betina mengumpulkan anak-anaknya di bawah sayapnya, jika mereka tidak akan mengeraskan hati mereka;

66 Ya, jika mereka mahu datang, mereka boleh, dan minum “air kehidupan dengan bebas.

67 Lihatlah, inilah ajaran-Ku—barang siapa bertaubat dan “datang kepada-Ku, orang yang sama adalah ^bgereja-Ku.

68 Barang siapa “memaklumkan

lebih atau kurang daripada ini, orang yang sama itu bukanlah daripada-Ku, tetapi ^bmenentang-Ku; oleh kerana itu dia bukanlah dari gereja-Ku.

69 Dan sekarang, lihatlah, barang siapa dari gereja-Ku, dan bertahan di gereja-Ku sampai akhir, dia akan Aku bangunkan di atas “batu-Ku, dan ^bpintu-pintu gerbang neraka tidak akan berjaya melawan mereka.

70 Dan sekarang, ingatlah firman Dia yang merupakan kehidupan dan “cahaya dunia, Penebusmu, ^bTuhanmu dan Rajamu. Amin.

BAHAGIAN 11

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada abangnya Hyrum Smith, di Harmony, Pennsylvania, Mei 1829. Wahyu ini diterima melalui Urim dan Tumim sebagai jawapan terhadap rayuan dan pertanyaan Joseph. Sejarah Joseph Smith menyarankan bahawa wahyu ini diterima selepas pemulihan Imamat Harun.

1–6, Para pekerja di dalam ladang anggur akan memperoleh keselamatan; 7–14, Carilah kebijaksanaan, serukanlah pertaubatan, percayalah kepada Roh; 15–22, Taatilah perintah-perintah, dan kajilah firman Tuhan; 23–27, Janganlah menyangkal roh wahyu dan nubuat; 28–30, Mereka yang

menerima Kristus menjadi anak-anak Tuhan.

“SUATU pekerjaan yang menakutkan dan agung hampir tiba di kalangan anak-anak manusia.

2 Lihatlah, Aku ialah Tuhan; “endahkanlah ^bfirman-Ku, yang hidup dan ^cpenuh kuasa, ^dlebih

65a Luk. 13:34;

3 Ne. 10:4–6;

A&P 43:24.

66a prs Air Kehidupan.

67a Mat. 11:28–30.

b prs Gereja Yesus

Kristus.

68a 3 Ne. 11:40.

b Luk. 11:23.

69a prs Batu.

b Mat. 16:18;

2 Ne. 4:31–32;

A&P 17:8; 128:10.

70a prs Cahaya, Cahaya

Kristus.

b prs Yesus Kristus.

11 1a Yes. 29:14; A&P 4.

prs Pemulihan Injil.

2a 1 Ne. 15:23–25;

A&P 1:14; 84:43–45.

b Ibr. 4:12.

c Alma 4:19; 31:5.

d Hel. 3:29–30;

A&P 6:2.

tajam daripada sebilah pedang bermata dua, untuk pembelahan baik tulang sendi mahupun sumsum; oleh kerana itu endahkanlah firman-Ku.

3 Lihatlah, ladang telah ^amemutih sedia dituai; oleh kerana itu, barang siapa berhasrat untuk menuai, biarlah dia menghayunkan sabitnya dengan dayanya, dan menuai sementara hari masih ada, agar dia boleh ^bmenyimpan bagi jiwanya keselamatan ^cabadi di dalam kerajaan Tuhan.

4 Ya, barang siapa akan mengayunkan ^asabitnya dan menuai, orang yang sama dipanggil oleh Tuhan.

5 Oleh kerana itu, jika kamu akan ^ameminta daripada-Ku kamu akan menerima; jika kamu akan mengetuk akan dibukakan bagimu.

6 Sekarang, kerana kamu telah meminta, lihatlah, Aku berfirman kepadamu, taatilah perintah-perintah-Ku, dan usahakanlah untuk mendatangkan dan menegakkan tujuan ^aSion.

7 Janganlah mencari ^akekayaan tetapi ^bkebijaksanaan, dan lihatlah, misteri-misteri Tuhan akan dibukakan kepadamu, dan kemudian kamu akan dijadikan kaya. Lihatlah, dia yang memperoleh kehidupan abadi adalah kaya.

8 Sesungguh-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahkan seperti kamu menghasratkan daripada-Ku demikianlah akan terjadi kepadamu; dan jika kamu menghasratkannya, kamu akan menjadi sarana untuk melakukan banyak kebaikan dalam generasi ini.

9 Janganlah ^amengatakan apa pun selain ^bpertaubatan kepada generasi ini; taatilah perintah-perintah-Ku, dan bantulah untuk mendatangkan pekerjaan-Ku, ^cmenurut perintah-perintah-Ku, dan kamu akan diberkati.

10 Lihatlah, engkau memiliki sebuah ^akurnia, atau engkau akan memperoleh sebuah kurnia jika engkau akan menghasratkannya daripada-Ku dalam iman, dengan hati yang ^bjujur, percaya pada kuasa Yesus Kristus, atau pada kuasa-Ku yang berfirman kepadamu;

11 Kerana, lihatlah, Akulah yang berfirman; lihatlah, Aku ialah ^acahaya yang bersinar dalam kegelapan, dan melalui ^bkuasa-Ku Aku memberikan firman ini kepadamu.

12 Dan sekarang, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, letaklah ^akepercayaanmu kepada ^bRoh itu yang menuntun untuk melakukan kebaikan—ya, untuk melakukan keadilan, untuk

3a A&P 12:3.

b Luk. 18:22;
Hel. 5:8.

c 1 Tim. 6:19.

4a Why. 14:15;
A&P 14:3–4.

5a pts Doa.

6a Yes. 52:7–8;

A&P 66:11.
pts Sion.

7a 1 Raj. 3:11–13;

2 Ne. 26:31;
Yakub 2:17–19;
A&P 38:39.

b pts Kebijaksanaan.

9a A&P 19:21–22.

b pts Bertaubat,
Pertaubatan.

c A&P 105:5.

10a A&P 46:8–12.

b Luk. 8:15.

11a pts Cahaya, Cahaya
Kristus.

b pts Kuasa.

12a A&P 84:116.

pts Mempercayai.

b Rm. 8:1–9;

1 Yoh. 4:1–6.

berjalan dengan ^drendah hati, untuk ^emenghakimi dengan benar; dan inilah Roh-Ku.

13 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, Aku akan memberi kepadamu Roh-Ku, yang akan ^amenerangi ^bfikiranmu, yang akan mengisi jiwamu dengan ^ckebahagiaan;

14 Dan pada waktu itu kamu akan tahu, atau melalui ini kamu akan tahu, segala hal apa pun yang kamu hasratkan daripada-Ku, yang berkaitan dengan hal-hal ^akebenaran, dalam iman percaya kepada-Ku bahwa kamu akan menerima.

15 Lihatlah, Aku memerintahkanmu agar kamu tidak perlu menganggap bahwa kamu dipanggil untuk berkhotbah sehinggalah kamu ^adipanggil.

16 Tunggulah lama sedikit, sehingga kamu akan memiliki firman-Ku, ^abatu-Ku, gereja-Ku, dan Injil-Ku, agar kamu boleh mengetahui ajaran-Ku dengan suatu kepastian.

17 Dan kemudian, lihatlah, menurut hasrat-hasratmu, ya, bahkan menurut imanmu ia akan terjadi kepadamu.

18 Taatilah perintah-perintah-Ku; senyaplah kamu; mohonlah kepada Roh-Ku;

19 Ya, ^aberpautlah kepada-Ku dengan segenap hatimu, agar kamu boleh membantu dalam membawa pada terang hal-hal yang telah difirmankan—ya, pen-terjemahan pekerjaan-Ku; bersabarlah sehingga kamu akan menyelesaikannya.

20 Lihatlah, inilah pekerjaanmu, untuk ^amentaati perintah-perintah-Ku, ya, dengan segenap daya, fikiran, dan kekuatanmu.

21 Janganlah berusaha untuk memaklumkan firman-Ku, tetapi terlebih dahulu usahakanlah untuk ^amendapatkan firman-Ku, dan kemudian lidahmu akan dilembutkan; kemudian, jika kamu hasratkan, kamu akan memiliki Roh-Ku dan firman-Ku, ya, kuasa Tuhan untuk meyakinkan manusia.

22 Tetapi sekarang senyaplah kamu; kajilah ^afirman-Ku yang telah menyebar luas ke kalangan anak-anak manusia, dan juga ^bkajilah ^cfirman-Ku yang akan datang di kalangan anak-anak manusia, atau yang sekarang sedang diterjemahkan, ya, sehinggalah kamu telah mendapatkan semua yang akan Aku ^aberikan kepada anak-anak manusia dalam generasi ini, dan kemudian segala sesuatu akan ditambahkan padanya.

23 Lihatlah engkau ialah ^aHyrum,

12c prs Berjalan, Berjalan dengan Tuhan.
d prs Rendah Hati, Kerendahan Hati.
e Mat. 7:1–5; Alma 41:14–15.
13a A&P 76:12.
b prs Minda.
c prs Kegembiraan.
14a prs Soleh, Kesolehan.

15a FK 1:5.
prc Dipanggil oleh Tuhan, Memanggil, Panggilan; Wewenang.
16a A&P 6:34.
prc Batu.
19a Yakub 6:5; A&P 98:11.
20a prc Patuh, Kepatuhan,

Mematuhi.
21a Alma 17:2–3; A&P 84:85.
22a IAITU Alkitab.
b prc Tulisan Suci—Nilai tulisan suci.
c IAITU Kitab Mormon.
d Alma 29:8.
23a JS—S 1:4.

anak-Ku; ^bcarilah kerajaan Tuhan, dan segala sesuatu akan ditambahkan menurut apa yang adil.

24 “Bangunlah di atas batu-Ku, yang merupakan ^bInjil-Ku;

25 Janganlah menyangkal roh “wahyu, tidak juga roh ^bnubuat, kerana celakalah dia yang menyangkal hal-hal ini;

26 Oleh kerana itu, “simpanlah baik-baik dalam hatimu sehinggalah pada waktu itu yang di dalam kebijaksanaan-Ku bahawa kamu harus pergi.

27 Lihatlah, Aku berfirman kepada semua yang menunjukkan hasrat-hasrat yang baik, dan telah

“menghayunkan sabit mereka untuk menuai.

28 Lihatlah, Aku ialah “Yesus Kristus, Putera Tuhan. Aku ialah kehidupan dan ^bcahaya dunia.

29 Akulah yang sama yang datang kepada umat milik-Ku dan umat milik-Ku tidak menerima-Ku;

30 Tetapi sesungguhnya, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa seberapa banyak yang menerima-Ku, kepada mereka Aku akan berikan “kuasa untuk menjadi ^banak-anak Tuhan, bahkan kepada mereka yang percaya pada nama-Ku. Amin.

BAHAGIAN 12

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Joseph Knight Sr., di Harmony, Pennsylvania, Mei 1829. Joseph Knight mempercayai pernyataan Joseph Smith mengenai pemilikannya ke atas kepingan-kepingan Kitab Mormon dan pekerjaan penterjemahan yang pada waktu itu sedang berjalan dan telah beberapa kali memberikan bantuan bahan kepada Joseph Smith dan jurutulisnya, yang membolehkan mereka untuk terus menterjemahkan. Di atas permintaan Joseph Knight, Nabi bertanya kepada Tuhan dan menerima wahyu ini.

1–6, Para pekerja di dalam ladang anggur akan memperoleh keselamatan; 7–9, Semua yang berhasrat dan layak boleh membantu dalam pekerjaan Tuhan.

“SUATU pekerjaan yang menak-

jubkan dan agung hampir tiba di antara anak-anak manusia.

2 Lihatlah, Aku ialah Tuhan; endahkanlah firman-Ku, yang hidup dan penuh kuasa, lebih tajam daripada sebilah pedang bermata dua, untuk pembelahan

23^b Mat. 6:33.
24^a Mat. 7:24–27.
^b prs Injil.
25^a prs Wahyu.
^b Why. 19:10.
prs Nubuat,
Bernubuat.

26^a Ul. 11:18;
A&P 6:20; 43:34;
JS—M 1:37.
27^a prs Pekerjaan
Penginjilan.
28^a prs Yesus Kristus.
^b prs Cahaya,

Cahaya Kristus.
30^a Yoh. 1:12.
^b prs Para Putera dan
Puteri Tuhan.
12^{1a} Lihat A&P 11:1–6
untuk rujukan silang
yang serupa.

baik tulang sendi mahupun sumsum; oleh kerana itu, endahkanlah firman-Ku.

3 Lihatlah, ladang telah memutih sedia dituai; oleh kerana itu, barang siapa berhasrat untuk menuai biarlah dia menghayunkan sabitnya dengan dayanya, dan menuai sementara hari masih ada, agar dia boleh menyimpan bagi jiwanya keselamatan abadi di dalam kerajaan Tuhan.

4 Ya, barang siapa akan menghayunkan sabitnya dan menuai, orang yang sama dipanggil oleh Tuhan.

5 Oleh kerana itu, jika kamu akan meminta daripada-Ku kamu akan menerima; jika kamu akan mengetuk akan dibukakan bagimu.

6 Sekarang, kerana kamu telah meminta, lihatlah, Aku berfirman

kepadamu, taatilah perintah-perintah-Ku, dan usahakanlah untuk mewujudkan dan menegakkan tujuan Sion.

7 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu, dan juga kepada mereka semua yang memiliki hasrat untuk mewujudkan dan menegakkan pekerjaan ini;

8 Dan tiada seorang pun dapat membantu dalam pekerjaan ini kecuali dia akan ^amerendahkan hati dan penuh ^bkasih, memiliki ^ciman, ^dharapan, dan ^ekasih ihsan, bersederhana dalam segala hal, apa pun yang akan dipercayakan pada pengurusannya.

9 Lihatlah, Aku ialah cahaya dan kehidupan dunia, yang memfirmankan firman ini, oleh kerana itu endahkanlah dengan dayamu, dan kemudian kamu dipanggil. Amin.

BAHAGIAN 13

Sebuah petikan daripada sejarah Joseph Smith menceritakan pentahbisan Nabi dan Oliver Cowdery pada Imam Harun berdekatan Harmony, Pennsylvania, 15 Mei 1829. Pentahbisan dilakukan oleh tangan seorang malaikat yang memperkenalkan dirinya sebagai Yohanes, orang yang sama yang disebut Yohanes Pembaptis dalam Perjanjian Baru. Malaikat itu menjelaskan bahawa dia bertindak di bawah arahan Petrus, Yakobus, dan Yohanes, para Rasul zaman dahulu, yang memegang kunci-kunci imamat yang lebih tinggi, yang disebut Imamat Melkisedek. Janji diberikan kepada Joseph dan Oliver bahawa pada waktu yang tepat imamat yang lebih tinggi ini akan dianugerahkan ke atas diri mereka. (Lihat bahagian 27:7-8, 12.)

Kunci-kunci dan kuasa Imamat Harun dinyatakan.

KE atas dirimu para hamba sesama-maku, di dalam nama Mesias

^{8a} prs Rendah Hati,
Kerendahan Hati.

^b prs Kasih.
^c prs Iman.

^d prs Harapan.
^e prs Kasih Ihsan.

aku ^amenganugerahkan ^bImamat Harun, yang memegang kunci-kunci pelayanan para ^cmalaikat, dan Injil ^dpertaubatan, dan ^epembaptisan melalui pencelupan untuk pengampunan dosa-dosa; dan ini

tidak akan pernah diambil lagi dari bumi, sehingga ^fanak-anak lelaki Lewi mempersembahkan lagi suatu persembahan kepada Tuhan dalam ^gkesolehan.

BAHAGIAN 14

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada David Whitmer, di Fayette, New York, Jun 1829. Keluarga Whitmer telah menjadi sangat tertarik pada penterjemahan Kitab Mormon. Nabi menjadikan rumah Peter Whitmer Sr., tempat tinggalnya, di mana dia tinggal sehingga pekerjaan penterjemahan dijalankan hingga selesai dan hak cipta kitab yang akan datang itu diperoleh. Tiga orang daripada anak-anak lelaki Whitmer, masing-masing telah menerima suatu kesaksian tentang keaslian pekerjaan itu, menjadi amat risau atas hal kewajipan individu mereka. Wahyu ini dan dua bahagian yang seterusnya (bahagian 15 dan 16) diberikan sebagai jawapan terhadap pertanyaan melalui Urim dan Tumim. David Whitmer kemudian menjadi salah seorang daripada Tiga Orang Saksi Kitab Mormon.

1-6, Para pekerja di dalam ladang anggur akan memperoleh keselamatan; 7-8, Kehidupan abadi adalah yang terbesar dari kurnia-kurnia Tuhan; 9-11, Kristus menciptakan langit dan bumi.

^aSUATU pekerjaan yang menakjubkan dan agung hampir tiba kepada anak-anak manusia.

2 Lihatlah, Aku ialah Tuhan; endahkanlah firman-Ku, yang hidup dan penuh kuasa, lebih tajam daripada sebilah pedang

bermata dua, untuk pembelahan baik tulang sendi mahupun sumsum; oleh kerana itu endahkanlah firman-Ku.

3 Lihatlah, ladang telah memutih sedia dituai; oleh kerana itu, barang siapa berhasrat untuk menuai biarlah dia menghayunkan sabitnya dengan dayanya, dan menuai sementara hari masih ada, agar dia boleh menyimpan bagi jiwanya keselamatan abadi di dalam kerajaan Tuhan.

4 Ya, barang siapa akan meng-

13 1a JS—S 1:68-75.

PTS Tahbis, Pentahbisan.

b A&P 27:8; 84:18-34. PTS Imamat Harun.

c PTS Malaikat-malaikat.

d PTS Bertaubat,

Pertaubatan.

e PTS Pembaptisan, Membaptis.

f Lihat laporan Oliver Cowdery mengenai pemulihan Imamat Harun di penghujung Joseph Smith—

Sejarah.

Ul. 10:8;

1 Taw. 6:48;

A&P 128:24.

g PTS Soleh, Kesolehan.

14 1a Lihat A&P 11:1-6 untuk rujukan silang yang serupa.

hayunkan sabitnya dan menuai, orang yang sama dipanggil oleh Tuhan.

5 Oleh kerana itu, jika kamu akan meminta daripada-Ku kamu akan menerima; jika kamu akan mengemukakan akan dibukakan bagimu.

6 Usahakanlah untuk mewujudkan dan menegakkan Sion-Ku. Taatilah perintah-perintah-Ku dalam segala hal.

7 Dan, jika kamu ^amentaati perintah-perintah-Ku dan ^bbertahan sampai akhir kamu akan memperoleh ^ckehidupan kekal, iaitu kurnia yang terbesar dari segala kurnia Tuhan.

8 Dan akan terjadilah, bahawa jika kamu akan meminta kepada Bapa dalam nama-Ku, dalam iman percaya, kamu akan menerima ^aRoh Kudus, yang memberikan per-tuturan, agar kamu boleh berdiri

sebagai ^bseorang saksi tentang hal-hal yang akan kamu ^cdengar dan juga lihat, dan juga agar kamu boleh memaklumkan pertaubatan kepada generasi ini.

9 Lihatlah, Aku ialah ^aYesus Kristus, ^bPutera ^cTuhan yang hidup, yang ^dmenciptakan langit dan ^ebumi, suatu ^fcahaya yang tidak dapat disembunyikan dalam ^gkegelapan;

10 Kerana itu, Aku mesti menda-tangkan ^akegenapan Injil-Ku dari ^bbangsa bukan Israel kepada bani Israel.

11 Dan lihatlah, engkau ialah David, dan engkau dipanggil untuk membantu; yang mana jika kamu lakukannya, dan setia, kamu akan diberkati baik secara rohani mahupun secara duniawi, dan besarlah ganjaranmu. Amin.

BAHAGIAN 15

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada John Whitmer, di Fayette, New York, Jun 1829 (lihat pengenalan untuk bahagian 14). Pesanan ini akrab dan bersifat peribadi kerana Tuhan memberitahu tentang apa yang hanya diketahui oleh John Whitmer dan diri-Nya. John Whitmer kemudiannya menjadi salah seorang daripada Lapan Orang Saksi Kitab Mormon.

7a Im. 26:3–12; Yoh. 15:10; Mosia 2:22, 41; A&P 58:2.	Saksi ¹ dalam halaman-halaman permulaan Kitab Mormon.	pts Mencipta, Penciptaan.
b pts Bertahan.	9a Mosia 4:2; A&P 76:20–24.	e Abr. 4:12, 24–25.
c 2 Ne. 31:20; A&P 6:13.	b Rm. 1:4.	f 2 Sam. 22:29. pts Cahaya, Cahaya Kristus.
pts Kehidupan Abadi.	c Dan. 6:26; Alma 7:6; A&P 20:19.	g pts Kegelapan Rohani.
8a pts Roh Kudus.	d Yoh. 1:1–3, 14; 3 Ne. 9:15; A&P 45:1.	10a A&P 20:8–9; JS—S 1:34.
b Mosia 18:8–10. pts Saksi.		b pts Bangsa bukan Israel.
c Lihat “Kesaksian Tiga		

1–2, *Lengan Tuhan berada di atas seluruh bumi; 3–6, Mengkhutbahkan Injil dan menyelamatkan jiwa adalah hal yang paling berharga.*

DENGARLAH, hamba-Ku John, dan dengarkanlah firman Yesus Kristus, Tuhanmu dan Penebusmu.

2 Kerana lihatlah, Aku berfirman kepadamu dengan ketajaman dan dengan ^akuasa, kerana lengan-Ku berada di atas seluruh bumi.

3 Dan Aku akan memberitahu kamu apa yang tak seorang pun tahu kecuali Aku dan engkau sendiri—

4 Kerana banyak kali kamu telah menghasratkan daripada-Ku

untuk mengetahui apa yang akan menjadi paling berharga bagimu.

5 Lihatlah, diberkatilah kamu kerana hal ini, dan kerana membicarakan firman-Ku yang telah Aku berikan kepadamu menurut perintah-perintah-Ku.

6 Dan sekarang, lihatlah, Aku berfirman kepadamu, bahawa hal yang akan menjadi paling berharga bagimu adalah untuk ^amemaklumkan pertaubatan kepada orang-orang ini, agar kamu boleh membawa jiwa-jiwa kepada-Ku, agar kamu boleh ^bberistirahat bersama mereka di dalam ^ckerajaan ^dBapa-Ku. Amin.

BAHAGIAN 16

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Peter Whitmer Jr., di Fayette, New York, Jun 1829 (lihat pengenalan untuk bahagian 14). Peter Whitmer Jr. kemudian menjadi salah seorang daripada Lapan Orang Saksi Kitab Mormon.

1–2, *Lengan Tuhan berada di atas seluruh bumi; 3–6, Mengkhutbahkan Injil dan menyelamatkan jiwa adalah hal yang paling berharga.*

^aDENGARLAH, hamba-Ku Peter, dan dengarkanlah firman Yesus Kristus, Tuhanmu dan Penebusmu.

2 Kerana lihatlah, Aku berfirman kepadamu dengan ketajaman dan dengan kuasa, kerana lengan-Ku berada di atas seluruh bumi.

3 Dan Aku akan memberitahu

kamu apa yang tak seorang pun tahu kecuali Aku dan engkau sendiri—

4 Kerana berulang kali kamu telah menghasratkan daripada-Ku untuk mengetahui apa yang akan menjadi paling berharga bagimu.

5 Lihatlah, diberkatilah kamu kerana hal ini, dan kerana membicarakan firman-Ku yang telah Aku berikan kepadamu menurut perintah-perintah-Ku.

6 Dan sekarang, lihatlah, Aku

15 2a Hel. 3:29–30.

PTS Kuasa.

6a A&P 18:15–16.

PTS Pekerjaan

Penginjilan.

b PTS Beristirahat.

c PTS Kerajaan Tuhan

atau Kerajaan Syurga.

d PTS Bapa di Syurga.

16 1a Lihat A&P 15 untuk rujukan silang yang serupa.

berfirman kepadamu, bahawa hal yang akan menjadi paling berharga bagimu adalah untuk memaklumkan pertaubatan kepada orang-orang ini, agar kamu boleh

membawa jiwa-jiwa kepada-Ku, agar kamu boleh beristirahat bersama mereka di dalam kerajaan Bapa-Ku. Amin.

BAHAGIAN 17

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Oliver Cowdery, David Whitmer, dan Martin Harris, di Fayette, New York, Jun 1829, sebelum mereka melihat kepingan-kepingan berukir yang mengandungi catatan Kitab Mormon. Joseph dan jurutulisnya, Oliver Cowdery, telah mendapat tahu dari terjemahan kepingan-kepingan Kitab Mormon bahawa tiga orang saksi istimewa akan dipilih (lihat Eter 5:2-4; 2 Nefi 11:3; 27:12). Oliver Cowdery, David Whitmer, dan Martin Harris digerakkan oleh suatu hasrat yang diilhami untuk menjadi tiga orang saksi istimewa itu. Nabi bertanya kepada Tuhan, dan wahyu ini diberikan sebagai jawapan melalui Urim dan Tumim.

1-4, Dengan iman Tiga Orang Saksi akan melihat kepingan-kepingan tersebut dan benda-benda kudus yang lain; 5-9, Kristus memberikan kesaksian terhadap keilahian Kitab Mormon.

LIHATLAH, Aku berfirman kepadamu, bahawa kamu mesti bersandar pada firman-Ku, yang mana jika kamu lakukan dengan maksud hati yang sepenuhnya, kamu akan dapat ^amelihat ^bkepingan-kepingan itu, dan juga perisai dada, ^cpedang Laban, ^dUrim dan Tumim, yang diberikan kepada ^esaudara lelaki Yared di atas

gunung, semasa dia berbicara dengan Tuhan ^fsecara bersemuka, dan alat-alat penunjuk ^gajaib yang diberikan kepada Lehi semasa berada di padang belantara, di persempadanan ^hLaut Merah.

2 Dan adalah dengan imanmu bahawa kamu akan dapat melihatnya, bahkan dengan iman yang dimiliki oleh para nabi zaman dahulu.

3 Dan setelah kamu mendapatkan iman, dan telah melihatnya dengan matamu, kamu akan ^abersaksi tentangnya, melalui kuasa Tuhan;

4 Dan kamu akan melakukan ini

17 1a 2 Ne. 27:12;
Eter 5:2-4;
A&P 5:15.

Lihat juga "Kesaksian Tiga Saksi" dalam halaman-halaman permulaan Kitab Mormon.

b Morm. 6:6; JS-S 1:52.
pts Kepingan-kepingan.

c 1 Ne. 4:8-9;
2 Ne. 5:14;
Yakub 1:10;
Mosia 1:16.

d pts Urim dan Tumim.

e Eter 3.

f Kej. 32:30; Kel. 33:11;
Musa 1:2.

g 1 Ne. 16:10, 16, 26-29;
Alma 37:38-47.

h 1 Ne. 2:5.

3a pts Bersaksi;
Saksi.

agar hamba-Ku Joseph Smith Jr., tidak dihancurkan, agar Aku boleh membawakan tujuan-Ku yang benar kepada anak-anak manusia dalam pekerjaan ini.

5 Dan kamu akan bersaksi bahawa kamu telah melihatnya, bahkan seperti hamba-Ku Joseph Smith Jr., telah melihatnya; kerana adalah melalui kuasa-Ku dia telah melihatnya, dan ini adalah kerana dia memiliki iman.

6 Dan dia telah menterjemahkan "kitab itu, bahkan ^bbahagian itu yang telah Aku perintahkan kepadanya, dan seperti mana Tuhanmu dan Rajamu hidup ia adalah benar.

7 Kerana itu, kamu telah mene-

rima kuasa yang sama, dan iman yang sama, dan kurnia yang sama seperti dia;

8 Dan jika kamu melakukan perintah-perintah terakhir milik-Ku ini, yang telah Aku berikan kepadamu, "pintu-pintu gerbang neraka tidak akan berjaya melawanmu; kerana ^brahmat-Ku cukup bagimu, dan kamu akan ^cdiangkat pada hari terakhir.

9 Dan Aku, Yesus Kristus, "Tuhanmu dan Rajamu, telah memfirmankannya kepadamu, agar Aku boleh membawakan tujuan-Ku yang benar kepada anak-anak manusia. Amin.

BAHAGIAN 18

Wahyu kepada Nabi Joseph Smith, Oliver Cowdery, dan David Whitmer, diberikan di Fayette, New York, Jun 1829. Menurut Nabi, wahyu ini menyatakan "panggilan dua belas rasul pada zaman akhir, dan juga arahan berkenaan pembangunan Gereja."

1–5, Tulisan suci menunjukkan bagaimana membangunkan Gereja; 6–8, Dunia sedang menjadi matang dalam kederhakaan; 9–16, Nilai semua jiwa adalah besar; 17–25, Untuk memperoleh keselamatan, manusia mesti mengambil ke atas diri mereka nama Kristus; 26–36, Pemanggilan dan misi Dua Belas didedahkan; 37–39, Oliver Cowdery dan David Whitmer mesti mencari Dua Belas; 40–47, Untuk memperoleh keselamatan, manusia mesti

bertaubat, dibaptiskan, dan mentaati perintah-perintah.

SEKARANG, lihatlah, kerana hal yang telah kamu, hamba-Ku Oliver Cowdery, hasratkan untuk tahu daripada-Ku, Aku memberikan kepadamu firman ini:

2 Lihatlah, Aku telah menyatakan kepadamu, melalui Roh-Ku dalam banyak hal, bahawa hal-hal yang telah kamu tuliskan adalah "benar; kerana itu

6a prs Kitab Mormon.

b 2 Ne. 27:22;

3 Ne. 26:7–10.

8a Mat. 16:18;

3 Ne. 11:39;

A&P 10:69.

b prs Rahmat.

c 1 Ne. 13:37;

3 Ne. 27:14–15, 22;

A&P 9:14.

9a prs Tuhan.

18 2a A&P 6:15–17.

kamu tahu bahawa ianya adalah benar.

3 Dan jika kamu tahu bahawa ianya adalah benar, lihatlah, Aku memberi kepadamu sebuah perintah, agar kamu bersandar pada apa yang telah "dituliskan;

4 Kerana di dalamnya semua hal dituliskan tentang landasan gereja-Ku, "Injil-Ku, dan ^bbatu-Ku.

5 Kerana itu, jika kamu akan membangunkan gereja-Ku, di atas landasan Injil-Ku dan batu-Ku, pintu-pintu gerbang neraka tidak akan berjaya melawanmu.

6 Lihatlah, "dunia sedang menjadi matang dalam kederhakaan; dan mestilah perlu bahawa anak-anak manusia digugah ke arah pertaubatan, baik ^bbangsa bukan Israel mahupun juga bani Israel.

7 Kerana itu, sebagaimana engkau telah "dibaptiskan oleh tangan hamba-Ku Joseph Smith Jr., menurut apa yang telah Aku perintahkan kepadanya, dia telah memenuhi apa yang Aku perintahkan kepadanya.

8 Dan sekarang, janganlah takjub bahawa Aku telah memanggilnya untuk tujuan-Ku sendiri, yang mana tujuan itu diketahui di dalam-Ku; kerana itu, jika dia akan

"teknun dalam ^bmentaati perintah-perintah-Ku dia akan "diberkati menuju kehidupan abadi; dan namanya ialah "Joseph.

9 Dan sekarang, Oliver Cowdery, Aku berfirman kepadamu, dan juga kepada David Whitmer, dengan cara perintah; kerana, lihatlah, Aku memerintahkan semua orang di mana-mana pun untuk bertaubat, dan Aku berfirman kepadamu, bahkan seperti kepada Paulus "rasul-Ku, kerana kamu dipanggil bahkan dengan panggilan yang sama yang dengannya.

10 Ingatlah "nilai semua ^bjiwa adalah besar di mata Tuhan;

11 Kerana, lihatlah, Tuhan "Penebusmu menderita ^bkematian dalam keadaan daging; kerana itu Dia "menderita "kesakitan semua manusia, agar semua manusia boleh bertaubat dan datang kepada-Nya.

12 Dan Dia telah "bangkit lagi dari yang mati, agar Dia boleh membawa semua orang kepada-Nya, dengan syarat-syarat ^bpertaubatan.

13 Dan betapa besar "kebahagiaan-Nya di dalam jiwa yang bertaubat!

14 Kerana itu, kamu telah

3a A&P 98:11.
pts Tulisan Suci—Nilai tulisan suci.

4a pts Injil.

b pts Batu.

6a pts Dunia.

b pts Bangsa bukan Israel.

7a JS—S 1:70-71.

8a pts Ketekunan.

b pts Patuh, Kepatuhan, Mematuhi.

c pts Berkati, Diberkati, Memberkati.

d 2 Ne. 3:14-15.

pts Joseph Smith Jr.

9a Rm. 1:1.

10a pts Jiwa—Nilai jiwa-jiwa.

b pts Jiwa.

11a pts Penebus.

b pts Penyaliban.

c pts Tebus, Ditebus, Penebusan.

d Yes. 53:4-5.

pts Menebus, Korban Tebusan.

12a pts Kebangkitan.

b A&P 19:4-18.

pts Bertaubat, Pertaubatan.

13a Luk. 15:7.

14a Alma 29:1-2;

A&P 34:5-6; 63:57.

dipanggil untuk “menyerukan pertaubatan kepada orang-orang ini.

15 Dan jika demikian halnya bahawa kamu akan bekerja sepanjang hidupmu dalam menyerukan pertaubatan kepada orang-orang ini, dan membawa, meskipun hanya satu “jiwa kepada-Ku, maka betapa besarnya kebahagiaanmu bersamanya di dalam kerajaan Bapa-Ku!

16 Dan sekarang, jika kebahagiaanmu besar dengan satu jiwa yang telah kamu bawa kepada-Ku ke dalam “kerajaan Bapa-Ku, maka betapa besar ^bkebahagiaanmu jika kamu akan ‘membawa banyak jiwa kepada-Ku!

17 Lihatlah, kamu memiliki Injil-Ku di hadapanmu, dan batu-Ku, dan “keselamatan-Ku.

18 “Mintalah kepada Bapa dalam ^bnama-Ku, dalam iman percaya bahawa kamu akan menerima, dan kamu akan memperoleh Roh Kudus, yang menyatakan segala hal yang ‘perlu kepada anak-anak manusia.

19 Dan jika kamu tidak memiliki “iman, ^bharapan, dan ‘kasih ihsan, kamu tidak dapat melakukan apa pun.

20 Janganlah “bertikai menentang mana-mana gereja pun, kecuali ^bgereja iblis.

21 Ambillah ke atas dirimu “nama Kristus, dan ^bucapkanlah kebenaran dengan ‘kesungguhan.

22 Dan seberapa banyak yang bertaubat dan “dibaptiskan dalam nama-Ku, iaitu Yesus Kristus, dan ^bbertahan sampai akhir, orang yang sama akan diselamatkan.

23 Lihatlah, Yesus Kristus adalah “nama yang diberikan oleh Bapa, dan tidak ada nama lain diberikan yang dengannya manusia dapat diselamatkan;

24 Kerana itu, semua orang mesti mengambil ke atas diri mereka nama yang diberikan oleh Bapa, kerana dalam nama itu mereka akan dipanggil pada hari terakhir;

25 Kerana itu, jika mereka tidak mengetahui “nama yang dengannya mereka dipanggil, mereka tidak dapat memiliki tempat di dalam ^bkerajaan Bapa-Ku.

26 Dan sekarang, lihatlah, ada yang lain yang dipanggil untuk memaklumkan Injil-Ku, baik kepada “bangsa bukan Israel mahupun kepada bangsa Yahudi;

27 Ya, bahkan dua belas; dan “Dua Belas ini akan menjadi para pengikut-Ku, dan mereka akan mengambil ke atas diri mereka nama-Ku; dan Dua Belas ini ialah mereka yang akan berhasrat untuk

15a pts Jiwa—Nilai jiwa-jiwa.

16a pts Kerajaan Tuhan

atau Kerajaan Syurga.
b Alma 26:11.

pts Kegembiraan.

c pts Pekerjaan
Penginjilan.

17a pts Keselamatan.

18a pts Doa.

b Yoh. 15:16.

c A&P 88:63–65.

19a pts Iman.

b pts Harapan.

c pts Kasih Ihsan.

20a 2 Tim. 2:23–24;

3 Ne. 11:29–30.

b pts Iblis—Gereja iblis.

21a 2 Ne. 31:13;

Mosia 5:8;

3 Ne. 27:5;

A&P 20:37.

b A&P 100:5–8.

c Rm. 12:3.

22a pts Pembaptisan,
Membaptis.

b pts Bertahan.

23a Mal. 1:11;

Kis. 4:12;

Mosia 3:17;

Hel. 3:28–29.

25a Mosia 5:9–14.

b pts Kemuliaan

Selestial.

26a A&P 90:8–9; 112:4.

27a pts Rasul.

mengambil ke atas diri mereka ^bnama-Ku dengan tujuan hati yang sepenuhnya.

28 Dan jika mereka berhasrat untuk mengambil ke atas diri mereka nama-Ku dengan tujuan hati yang sepenuhnya, mereka dipanggil untuk pergi ke seluruh ^adunia untuk mengkhutbahkan ^bInjil-Ku kepada setiap ^cmakhluk.

29 Dan merekalah yang ditahbiskan oleh-Ku untuk ^amembaptis dalam nama-Ku, menurut apa yang dituliskan;

30 Dan kamu memiliki apa yang telah dituliskan di hadapanmu; kerana itu, kamu mesti melaksanakannya menurut firman yang telah dituliskan.

31 Dan sekarang, Aku berfirman kepadamu, ^aDua Belas—Lihatlah, rahmat-Ku cukup utukmu; kamu mesti berjalan dengan lurus di hadapan-Ku dan janganlah berdosa.

32 Dan, lihatlah, kamulah mereka yang ditahbiskan oleh-Ku untuk ^amenahbiskan para imam dan pengajar; untuk memaklumkan Injil-Ku, ^bmenurut kuasa Roh Kudus yang ada dalam dirimu, dan menurut ^cpanggilan dan kurniaan Tuhan kepada manusia;

33 Dan Aku, Yesus Kristus, Tuhanmu dan Rajamu, telah memfirmankannya.

34 ^aFirman ini bukannya daripada

manusia tidak juga daripada orang biasa, tetapi daripada-Ku; kerana itu, kamu akan bersaksi ianya adalah daripada-Ku dan bukan daripada orang biasa;

35 Kerana ^asuara-Kulah yang memfirmankannya kepadamu; kerana ia diberikan melalui Roh-Ku kepadamu, dan melalui kuasa-Ku kamu dapat saling membacakannya; dan kecuali melalui kuasa-Ku kamu tidak akan dapat memperolehnya;

36 Kerana itu, kamu dapat ^abersaksi bahawa kamu telah mendengar suara-Ku, dan mengetahui firman-Ku.

37 Dan sekarang, lihatlah, Aku memberi tugas kepadamu, Oliver Cowdery, dan juga kepada David Whitmer, bahawa kamu harus mencari Dua Belas ini, yang memiliki hasrat-hasrat seperti yang telah Aku firmankan;

38 Dan berdasarkan hasrat mereka dan ^apekerjaan-pekerjaan mereka kamu akan mengenali mereka.

39 Dan apabila kamu telah menemui mereka kamu haruslah menunjukkan hal-hal ini kepada mereka.

40 Dan kamu akan menjatuhkan diri dan ^amenyembah Bapa dalam nama-Ku.

41 Dan kamu mesti berkhotbah kepada dunia, mengatakan: Kamu

27b A&P 27:12.

28a Mrk. 16:15–16.

b pts Injil.

c A&P 1:2; 42:58.

29a 3 Ne. 11:21–28;

A&P 20:72–74.

31a A&P 107:23–35.

32a Moro. 3;

A&P 20:60; 107:58.

pts Tahbis,

Pentahbisan.

b 2 Ptr. 1:21;

A&P 68:3–4.

c A&P 20:27.

34a pts Tulisan Suci.

35a A&P 1:38.

pts Suara.

36a pts Bersaksi.

38a pts Pekerjaan-

pekerjaan.

40a pts Menyembah.

mesti bertaubat dan dibaptiskan, dalam nama Yesus Kristus;

42 Kerana semua orang mesti bertaubat dan dibaptiskan, dan bukan hanya lelaki, tetapi juga wanita, dan anak-anak yang telah mencapai umur "pertanggungjawaban.

43 Dan sekarang, setelah kamu menerima ini, kamu mesti mentaati "perintah-perintah-Ku dalam segala hal;

44 Dan melalui tanganmu Aku akan mengerjakan suatu "pekerjaan yang menakjubkan di kalangan anak-anak manusia, untuk ^bmeyakinkan banyak orang

tentang dosa-dosa mereka, agar mereka boleh datang pada pertaubatan, dan agar mereka boleh datang ke kerajaan Bapa-Ku.

45 Kerana itu, berkat-berkat yang Aku berikan kepadamu "melebihi segala hal.

46 Dan setelah kamu menerima ini, jika kamu tidak "mentaati perintah-perintah-Ku kamu tidak dapat diselamatkan di dalam kerajaan Bapa-Ku.

47 Lihatlah, Aku, Yesus Kristus, Tuhanmu dan Rajamu, dan Penebusmu, melalui kuasa Roh-Ku telah memfirmankannya. Amin.

BAHAGIAN 19

Wahyu yang diberikan melalui Joseph Smith, di Manchester, New York, mungkin pada musim panas 1829. Dalam sejarahnya, Nabi memperkenalkannya sebagai "sebuah perintah daripada Tuhan dan bukan daripada manusia, kepada Martin Harris, diberikan oleh Dia yang adalah Abadi."

1-3, Kristus memiliki segala kuasa; 4-5, Semua orang mesti bertaubat atau menderita; 6-12, Hukuman abadi adalah hukuman Tuhan; 13-20, Kristus menderita bagi semua orang, agar mereka tidak menderita jika mereka mahu bertaubat; 21-28, Khutbahkanlah Injil pertaubatan; 29-41, Maklumkanlah khabar gem-bira.

AKU ialah "Alfa dan Omega, ^bKristus Tuhan; ya, bahkan Aku adalah Dia, awal dan akhir, Penebus dunia.

2 Aku, setelah melaksanakan dan "menyelesaikan kehendak-Nya yang memiliki-Ku, bahkan Bapa, tentang Aku—telah melakukan ini agar Aku boleh ^bmenundukkan semua hal kepada diri-Ku—

42a A&P 20:71; 29:47; 68:27.
 prs Bertanggungjawab, Laporan, Pertanggungjawaban.
 43a prs Perintah-perintah Tuhan.

44a Yes. 29:14; A&P 4:1.
 b Alma 36:12-19; 62:45.
 45a A&P 84:35-38.
 46a A&P 82:3.
 19 1a Why. 1:8, 11;

3 Ne. 9:18; A&P 35:1; 61:1.
 prs Alfa dan Omega.
 b prs Yesus Kristus.
 2a Yoh. 17:4; 3 Ne. 11:11.
 b Flp. 3:21.

3 Menyimpan segala ^akuasa, bahkan untuk ^bpenghancuran Setan dan pekerjaannya pada ^cakhir dunia, dan hari penghakiman besar yang terakhir, yang akan Aku jatuhkan ke atas para penduduknya, ^dmenghakimi setiap orang menurut ^epekerjaannya dan perbuatan yang telah dia lakukan.

4 Dan pastinya setiap orang mesti ^abertaubat atau ^bmenderita, kerana Aku, Tuhan, adalah ^ctanpa akhir.

5 Kerana itu, Aku tidak ^amembatalkan penghakiman yang akan Aku jatuhkan, tetapi kecelakaan akan menyebar luas, tangisan, ^bratapan dan kertakan gigi, ya, kepada mereka yang didapati pada sisi tangan ^ckiri-Ku.

6 Walaupun demikian, ^atidaklah tertulis bahawa tidak akan ada pengakhiran terhadap seksaan ini, tetapi ianya tertulis *seksaan* ^btanpa akhir.

7 Lagi, ianya tertulis ^akelaknatan abadi; kerana itu ia lebih jelas daripada tulisan suci yang lain, agar ia dapat bekerja pada hati anak-anak manusia, kesemuanya demi kemuliaan nama-Ku.

8 Kerana itu, Aku akan menjelaskan kepadamu misteri ini, kerana wajarlah bagimu untuk mengetahui bahkan sebagai para rasul-Ku.

9 Aku berfirman kepadamu yang terpilih dalam hal ini, bahkan bagaikan satu, agar kamu boleh masuk ke dalam ^aperistirahatan-Ku.

10 Kerana, lihatlah, ^amisteri ketuhanan, betapa besarnya ia! Kerana, lihatlah, Aku adalah tanpa akhir, dan hukuman yang diberikan daripada tangan-Ku adalah hukuman tanpa akhir, kerana ^bTanpa Akhir adalah nama-Ku. Kerana itu—

11 Hukuman ^aabadi adalah hukuman Tuhan.

12 Hukuman tanpa akhir adalah hukuman Tuhan.

13 Kerana itu, Aku memerintahkanmu untuk bertaubat, dan mentaati ^aperintah-perintah yang telah kamu terima melalui tangan hamba-Ku Joseph Smith Jr., dalam nama-Ku;

14 Dan ianya melalui kekuatan mahakuasa-Ku bahawa kamu telah menerimanya;

15 Oleh kerana itu Aku memerintahkanmu untuk bertaubat—bertaubatlah, agar jangan Aku menghentammu dengan tongkat mulut-Ku, dan dengan kemurkaan-Ku, dan dengan kemarahan-Ku, dan ^apenderitaanmu menjadi parah—betapa parahnya kamu tidak tahu, betapa hebatnya kamu tidak tahu, ya,

3a prs Kuasa.

b Yes. 14:12–17;

1 Yoh. 3:8;

1 Ne. 22:26;

A&P 88:111–115.

c prs Dunia—Akhir dunia.

d prs Penghakiman Terakhir.

e prs Pekerjaan-pekerjaan.

4a prs Bertaubat, Pertaubatan.

b Luk. 13:3;

Hel. 14:19.

c Musa 1:3.

5a A&P 56:4; 58:32.

b Mat. 13:42.

c Mat. 25:41–43.

6a A&P 76:105–106; 138:59.

b A&P 76:33, 44–45.

7a Hel. 12:25–26;

A&P 29:44.

9a prs Beristirahat.

10a Yakub 4:8;

A&P 76:114–116.

b Musa 1:3; 7:35.

prc Tanpa Akhir.

11a Mat. 25:46.

13a A&P 5:2; 10:6–7; 17.

15a Alma 36:11–19.

betapa sukarnya untuk ditanggung kamu tidak tahu.

16 Kerana lihatlah, Aku, Tuhan, telah “menderita hal-hal ini bagi semua orang, agar mereka ^bboleh tidak menderita jika mereka akan “bertaubat;

17 Tetapi jika mereka tidak akan bertaubat mereka mesti “menderita bahkan seperti Aku;

18 Yang mana penderitaan itu menyebabkan diri-Ku, bahkan Tuhan, yang terbesar daripada semuanya, menggeletar kerana kesakitan, dan berdarah pada setiap liang roma, dan menderita baik tubuh mahupun roh—dan menginginkan agar Aku boleh “tidak meminum cawan yang pahit itu, dan menarik diri—

19 Walaupun demikian, kemuliaan kepada Bapa, dan Aku meminumnya dan “menyelesaikan persediaan-Ku bagi anak-anak manusia.

20 Kerana itu, Aku memerintahkanmu lagi untuk bertaubat, agar jangan Aku merendahkan hatimu dengan kekuatan mahakuasa-Ku; dan agar kamu “mengakui dosadosamu, agar jangan kamu menderita hukuman ini yang telah Aku firmankan, yang mana dalam kadar terkecil, ya, bahkan kamu telah merasakan sedikit

daripadanya sewaktu Aku menarik Roh-Ku.

21 Dan Aku memerintahkanmu bahawa kamu janganlah “mengkhutbahkan apa pun selain pertaubatan, dan ^bjanganlah memperlihatkan hal-hal ini kepada dunia sehinggalah ianya bijaksana di dalam Aku.

22 Kerana mereka tidak dapat “menerima daging sekarang, tetapi ^bsusu mestilah mereka terima; kerana itu, mereka mestilah tidak mengetahui hal-hal ini, agar jangan mereka binasa.

23 Belajarlah daripada-Ku, dan dengarkanlah firman-Ku; “berjalanlah dalam ^bkelembutan hati Roh-Ku, dan kamu akan merasakan “kedamaian di dalam Aku.

24 Aku ialah “Yesus Kristus; Aku datang melalui kehendak Bapa, dan Aku melakukan kehendak-Nya.

25 Dan lagi, Aku memerintahkan engkau bahawa janganlah engkau “mendambakan ^bisteri sesamamu; tidak juga mengancam nyawa sesamamu.

26 Dan lagi, Aku memerintahkan engkau bahawa janganlah engkau mendambakan harta milikmu sendiri, tetapi memberikannya dengan murah hati untuk pencetakan Kitab Mormon, yang

16a Alma 11:40–41.
pts Menebus, Korban Tebusan.

b pts Belas Kasihan, Berbelas Kasihan.

c pts Pengampunan Dosa-dosa.

17a A&P 29:17.

18a Luk. 22:42–44.

19a Yoh. 17:4; 19:30.

20a Bil. 5:6–7;
Mosaia 26:29;
A&P 58:43; 64:7.
pts Mengaku,
Pengakuan.

21a A&P 11:9.

b JS—S 1:42.

22a A&P 78:17–18.

b Ibr. 5:11–14;
A&P 50:40.

23a Moro. 7:3–4.

b pts Lembut Hati,
Kelembutan Hati.

c pts Kedamaian.

24a pts Yesus Kristus.

25a pts Mendambakan.

b Kel. 20:17;
1 Kor. 7:2–4.
pts Zina.

mengandungi "kebenaran dan firman Tuhan—

27 Yang merupakan firman-Ku kepada "bangsa bukan Israel, agar ia boleh disebarkan kepada ^bbangsa Yahudi dengan segera, merekalah "keturunan bangsa Laman yang selebihnya, agar mereka boleh mempercayai Injil, dan tidak mengharapkan seorang "Mesias untuk datang yang telah pun datang.

28 Dan lagi, Aku memerintahkan engkau agar engkau haruslah "berdoa dengan ^bbersuara seperti juga dalam hatimu; ya, di hadapan dunia dan juga secara tersembunyi, di hadapan umum dan juga secara peribadi.

29 Dan engkau haruslah "memaklumkan khabar gembira, ya, memberitakannya di atas gunung-ganang, dan di atas setiap tempat yang tinggi, dan di kalangan setiap bangsa yang engkau akan diizinkan untuk bertemu.

30 Dan engkau haruslah melakukannya dengan segenap kerendahan hati, "percaya kepada-Ku, janganlah mencaci terhadap para pencaci.

31 Dan tentang "ajaran yang mendalam janganlah engkau

bicarakan, tetapi engkau harus memaklumkan pertaubatan dan ^biman terhadap Juruselamat, dan "pengampunan dosa-dosa melalui "pembaptisan, dan melalui "api, ya, bahkan "Roh Kudus.

32 Lihatlah, inilah sebuah "perintah yang besar dan terakhir yang akan Aku berikan kepadamu tentang hal ini; kerana ini akan mencukupi bagi perjalananmu setiap hari, bahkan sehingga ke akhir hidupmu.

33 Dan kegetiran akan engkau terima jika engkau akan mengabaikan "nasihat-nasihat ini, ya, bahkan juga kehancuran dirimu dan harta benda milikmu.

34 "Berikanlah sebahagian dari harta benda milikmu, ya, bahkan sebahagian dari tanah-tanahmu dan segalanya kecuali tanggungan untuk keluargamu.

35 Bayarlah "hutang yang telah engkau ^bpersetujui dengan pen-cetak. Bebaskanlah dirimu dari "belunggu.

36 "Tinggalkanlah rumah dan kediamanmu, kecuali apabila engkau akan berhasrat untuk mengunjungi keluargamu;

37 Dan "berbicaralah dengan bebas kepada semua orang; ya,

26a prs Kebenaran.

27a prs Bangsa bukan Israel.

b prs Bangsa Yahudi.

c Omni 1:14-19;

Mosia 25:2-4;

Hel. 8:21;

3 Ne. 2:12-16.

d prs Mesias.

28a 1 Tim. 2:8.

prs Doa.

b A&P 20:47, 51; 23:6.

29a prs Pekerjaan

Penginjilan.

30a prs Mempercayai.

31a 2 Tim. 2:23-24.

b prs Iman.

c prs Pengampunan

Dosa-dosa.

d prs Pembaptisan,

Membaptis.

e Mat. 3:11.

f prs Kurnia Roh

Kudus.

32a A&P 58:26-29.

33a prs Perintah-perintah Tuhan.

34a Kis. 4:34-35.

35a prs Hutang.

b IAITU membayar

penerbitan edisi

pertama Kitab

Mormon.

c Ams. 22:7.

36a Mat. 19:29.

37a A&P 58:47; 68:8; 71:7.

khutbahkanlah, doronglah, maklumkanlah ^bkebenaran, bahkan dengan suara yang kuat, dengan suara kesukacitaan, menyerukan—Hosana, hosana, terpujilah nama Tuhan Raja!

38 ^aBerdoalah selalu, dan Aku akan ^bmencurahkan Roh-Ku ke atas dirimu, dan akan besarlah berkatmu—ya, bahkan lebih daripada sekiranya kamu mendapatkan harta dari bumi dan kereputan yang setimpal dengannya.

39 Lihatlah, dapatkah engkau membaca ini tanpa bersukacita dan mengangkat hatimu kerana kegembiraan?

40 Atau dapatkah engkau berke-liaran ke sana ke mari dengan lama sebagai pembimbing yang buta?

41 Atau dapatkah engkau ^arendah hati dan lembut hati, dan membawa diri dengan bijak di hadapan-Ku? Ya, ^bdatanglah kepada-Ku Juruselamatmu. Amin.

BAHAGIAN 20

Wahyu tentang organisasi dan pengaturan Gereja, diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di atau berdekatan Fayette, New York. Bahagian dari wahyu ini mungkin diberikan seawal musim panas 1829. Wahyu yang penuh pada masa itu dikenali sebagai Fasal dan Perjanjian, mungkin telah dicatat sejurus selepas 6 April 1830 (hari Gereja ditubuhkan). Nabi telah menuliskan, “Kami mendapatkan daripada Dia [Yesus Kristus] yang berikut, melalui roh nubuat dan wahyu; yang bukan hanya memberi kami banyak maklumat, tetapi juga menunjukkan kepada kami hari yang tepat di mana, menurut kehendak dan perintah-Nya, kami harus mula untuk mengorganisasikan Gereja-Nya sekali lagi di sini di atas bumi.”

1–16, Kitab Mormon membuktikan keilahian pekerjaan zaman akhir; 17–28, Ajaran tentang penciptaan, kejatuhan, korban tebusan, dan pembaptisan ditegakkan; 29–37, Hukum-hukum yang mengatur pertaubatan, pemakluman soleh, pengudusan, dan pembaptisan dinyatakan; 38–67, Kewajipan para penatua, imam, pengajar, dan diaken diringkaskan;

68–74, Kewajipan para anggota, pemberkatan anak, dan cara pembaptisan didedahkan; 75–84, Doa sakramen dan peraturan yang mengatur keanggotaan Gereja diberikan.

^aKEBANGKITAN ^bGereja Kristus pada zaman akhir ini, yang adalah seribu lapan ratus tiga puluh tahun sejak kedatangan Tuhan

37b A&P 75:4.

38a Luk. 18:1; 2 Ne. 32:9;

A&P 10:5.

b Ams. 1:23;

Kis. 2:17.

41a pts Rendah Hati,
Kerendahan Hati.

b Mat. 11:28–30.

20 1a JS—S 1:2.

b 3 Ne. 27:1–8.

pts Gereja Yesus
Kristus Orang Suci
Zaman Akhir;
Nama Gereja.

dan Juruselamat kita Yesus Kristus dalam keadaan dagingnya, yang secara rasmi ‘diorganisasikan dan ditubuhkan menurut undang-undang negara kita, menurut kehendak dan perintah Tuhan, dalam bulan keempat, dan pada hari keenam dalam bulan yang disebut April—

2 Yang mana perintah-perintah itu diberikan kepada Joseph Smith Jr., yang ‘dipanggil oleh Tuhan, dan ditahbiskan sebagai ^brasul Yesus Kristus, untuk menjadi ‘penatua pertama gereja ini;

3 Dan kepada Oliver Cowdery, yang juga dipanggil oleh Tuhan, sebagai rasul Yesus Kristus, untuk menjadi penatua kedua gereja ini, dan ditahbiskan di bawah tangannya;

4 Dan ini menurut rahmat Tuhan dan Juruselamat kita Yesus Kristus, kepada-Nya ada segala kemuliaan, sekarang mahupun selamanya. Amin.

5 Setelah benar-benar dinyatakan kepada penatua pertama ini bahawa dia telah menerima pengampunan dosa-dosanya, dia ‘terlibat lagi dalam kesombongan dunia;

6 Tetapi setelah bertaubat, dan merendahkan hatinya dengan tulus, melalui iman, Tuhan mel-

yaninya melalui seorang ‘malaikat kudus, ^bwajahnya bagaikan kilat, dan pakaiannya suci dan putih melebihi keputihan yang lain;

7 Dan memberikan kepadanya perintah-perintah yang mengilhaminya;

8 Dan memberikannya kuasa dari syurga, melalui ‘sarana yang sebelumnya disediakan, untuk menterjemahkan Kitab Mormon;

9 Yang mengandungi sebuah catatan tentang bangsa yang terjatuh, dan ‘kegenapan ^bInjil Yesus Kristus kepada bangsa bukan Israel dan kepada bangsa Yahudi juga;

10 Yang telah diberikan melalui ilham, dan disahkan kepada yang ‘lain melalui pelayanan para malaikat, dan ^bdimaklumkan kepada dunia melalui mereka—

11 Membuktikan kepada dunia bahawa tulisan-tulisan suci yang kudus adalah ‘benar, dan bahawa Tuhan ^bmengilhami manusia dan memanggil mereka pada pekerjaan ‘kudus-Nya dalam zaman dan generasi ini, seperti juga pada generasi-generasi zaman dahulu;

12 Dengan demikian memperlihatkan bahawa Dia ialah Tuhan yang ‘sama kelmarin, hari ini, dan selamanya. Amin.

13 Oleh kerana itu, dengan mem-

1c A&P 21:3.

2a prs Dipanggil oleh Tuhan, Memanggil, Panggilan; Wewenang.

b prs Rasul.

c prs Penatua.

5a JS—S 1:28–29.

6a JS—S 1:30–35.

prs Malaikat-malaikat.

b Mat. 28:2–3.

8a prs Urim dan Tumim.

9a JS—S 1:34.

b prs Injil.

10a Moro. 7:29–32;

A&P 5:11.

b Lihat “Kesaksian Tiga Saksi” dan “Kesaksian Lapan Saksi” dalam halaman-halaman

permulaan Kitab Mormon.

11a prs Tulisan Suci—Nilai tulisan suci.

b prs Ilham,

Mengilhami.

c prs Kudus.

12a Ibr. 13:8; 1 Ne. 10:18–19;

Morm. 9:9–10;

A&P 35:1; 38:1–4.

punyai begitu banyak saksi, melalui mereka dunia akan dihakimi, bahkan sebanyak mana selepas ini akan datang pada pengetahuan tentang pekerjaan ini.

14 Dan mereka yang menerimanya dalam iman, dan mengerjakan “kesolehan, akan menerima ^bmahkota kehidupan abadi;

15 Tetapi mereka yang menge-raskan hati mereka dalam “ketidakpercayaan, dan menolaknya, ia akan berpaling untuk penghukuman mereka sendiri—

16 Kerana Tuhan Raja telah memfirmankannya; dan kami, para penatua gereja, telah mendengar dan memberikan kesaksian tentang firman Yang Maha Mulia di syurga, kepada-Nya ada kemuliaan selama-lamanya. Amin.

17 Melalui hal-hal ini kita “mengetahui bahawa ada seorang ^bTuhan di dalam syurga, yang tak terbatas dan abadi, dari keabadian ke keabadian Tuhan yang tidak berubah yang sama, pembentuk langit dan bumi, dan segala yang ada di dalamnya;

18 Dan bahawa Dia “menciptakan manusia, lelaki dan perempuan, menurut ^brupa-Nya sendiri dan menurut kemiripan-Nya sendiri, Dia telah menciptakan mereka;

19 Dan memberikan kepada mereka perintah-perintah agar mereka haruslah “mengasihi dan ^bmelayani-Nya, satu-satunya Tuhan yang hidup dan benar, dan bahawa Dialah satu-satunya Makhhluk yang harus mereka ‘sembah.

20 Tetapi melalui pelanggaran terhadap hukum-hukum kudus ini manusia menjadi “berhawa nafsu dan ^bseperti iblis, dan menjadi manusia yang ‘terjatuh.

21 Kerana itu, Tuhan Yang Mahakuasa memberikan “Putera Tunggal-Nya, seperti yang tertulis dalam tulisan suci itu yang telah diberikan tentang Dia.

22 Dia menderita “godaan tetapi tidak mengendahkannya.

23 Dia “disalibkan, mati, dan ^bbangkit lagi pada hari ketiga;

24 Dan “naik ke syurga, untuk duduk di sisi kanan ^bBapa, untuk memerintah dengan kekuatan mahakuasa menurut kehendak Bapa;

25 Agar sebanyak mana yang akan “percaya dan dibaptiskan dalam nama kudus-Nya dan ^bbertahan dalam iman sampai akhir, akan diselamatkan—

26 Bukan sahaja mereka yang percaya setelah Dia datang pada

14a prs Soleh, Kesolehan.
b prs Kehidupan Abadi; Permuliaan.
15a prs Ketidakpercayaan.
17a A&P 76:22–23.
b Yos. 2:11.
prs Tuhan, Kesatuan Ketuhanan.
18a prs Mencipta, Penciptaan.
b Kej. 1:26–27; Mosia 7:27;

Eter 3:14–17.
19a Ul. 11:1; Mat. 22:37; Moro. 10:32; A&P 59:5–6.
b Ul. 6:13–15.
prs Pelayanan.
c prs Menyembah.
20a prs Berhawa Nafsu, Hawa Nafsu.
b prs Iblis.
c prs Manusia Alamiah.

21a prs Putera Tunggal.
22a Mat. 4:1–11; 27:40.
23a prs Penyaliban.
b prs Kebangkitan.
24a prs Kenaikan.
b prs Bapa di Syurga; Tuhan, Kesatuan Ketuhanan—Tuhan Bapa.
25a A&P 35:2; 38:4; 45:5, 8; 68:9; 76:51–53.
b prs Bertahan.

“pertengahan zaman, dalam keadaan daging, tetapi mereka semua yang sejak dari awal, bahkan sebanyak mana yang ada sebelum Dia datang, yang percaya pada perkataan ^bpara nabi kudus, yang berbicara sebagaimana mereka diilhami oleh ^ckurnia Roh Kudus, yang benar-benar ^abersaksi tentang Dia dalam segala hal, akan memperoleh kehidupan abadi,

27 Seperti juga mereka yang akan datang selepas itu, yang akan percaya pada ^akurniaan dan pemanggilan daripada Tuhan melalui Roh Kudus, yang ^bmemberikan kesaksian tentang Bapa dan Putera;

28 Yang mana Bapa, Putera, dan Roh Kudus itu adalah ^asatu Tuhan, tak terbatas dan abadi, tanpa akhir. Amin.

29 Dan kami tahu bahawa semua orang mesti ^abertaubat dan percaya pada nama Yesus Kristus, dan menyembah Bapa dalam nama-Nya, dan bertahan dalam ^biman pada nama-Nya sampai akhir, atau mereka tidak dapat ^cdiselamatkan di dalam kerajaan Tuhan.

30 Dan kami mengetahui bahawa ^apemakluman soleh melalui ^brahmat Tuhan dan Juruselamat kita Yesus Kristus adalah adil dan benar;

31 Dan kami juga tahu, bahawa ^apengudusan melalui rahmat Tuhan dan Juruselamat kita Yesus Kristus adalah adil dan benar, kepada mereka semua yang mengasihi dan melayani Tuhan dengan sepenuh ^bdaya, fikiran, dan kekuatan mereka.

32 Tetapi ada suatu kemungkinan bahawa manusia boleh ^ajatuh daripada rahmat dan meninggalkan Tuhan yang hidup;

33 Oleh kerana itu biarlah gereja mengendahkan dan berdoa selalu, agar jangan mereka jatuh ke dalam ^agodaan;

34 Ya, dan bahkan biarlah mereka yang dikuduskan mengendahkan-nya juga.

35 Dan kami tahu bahawa hal-hal ini adalah benar dan menurut wahyu Yohanes, tidak juga ^amenambah, tidak juga mengurangkan nubuat kitabnya, ^btulisan suci yang kudus, atau wahyu-wahyu Tuhan yang akan datang selepas ini melalui kurnia dan kuasa Roh Kudus, ^csuara Tuhan, atau pelayanan para malaikat.

36 Dan Tuhan Raja telah memfirmankannya; dan kehormatan, kuasa dan kemuliaan diberikan pada nama kudus-Nya, baik sekarang mahupun selamanya. Amin.

26a A&P 39:1–3.

b Yakub 4:4; 7:11;
Mosia 13:33.

c Musa 5:58.

pts Roh Kudus.

d pts Yesus Kristus—
Nubuat-nubuat
tentang kelahiran dan
kematian Yesus
Kristus.

27a A&P 18:32.

b A&P 42:17.

28a Yoh. 17:20–22;

3 Ne. 11:27, 36.

pts Tuhan, Kesatuan
Ketuhanan.

29a pts Bertaubat,

Pertaubatan.

b pts Iman.

c pts Keselamatan;

Rancangan Penebusan.

30a pts Dimaklumkan

Soleh, Dipersolehkan.

b pts Rahmat.

31a pts Pengudusan.

b Ul. 6:5;

Moro. 10:32.

32a pts Kemurtadan;

Pemberontakan.

33a pts Godaan,

Menggoda.

35a Why. 22:18–19.

b pts Tulisan Suci.

c A&P 18:33–36.

37 Dan lagi, dengan cara perintah kepada gereja tentang cara pembaptisan—Mereka semua yang merendahkan hati mereka di hadapan Tuhan, dan berhasrat untuk “dibaptiskan, dan datang dengan ^bhati yang hancur dan jiwa yang menyesal, dan bersaksi di hadapan gereja bahawa mereka telah benar-benar bertaubat dari semua dosa mereka, dan bersedia mengambil ke atas diri mereka ‘nama Yesus Kristus, menunjukkan suatu “keazaman untuk melayani-Nya sampai akhir, dan benar-benar menyatakan melalui ‘pekerjaan mereka bahawa mereka telah menerima Roh Kristus bagi ^fpengampunan dosa-dosa mereka, akan diterima melalui pembaptisan ke dalam gereja-Nya.

38 Kewajipan para penatua, imam, pengajar, diaken, dan anggota gereja Kristus—“Rasul ialah seorang penatua, dan adalah panggilannya untuk ^bmembaptis;

39 Dan untuk “mentahbiskan para penatua lain, imam, pengajar, dan diaken;

40 Dan untuk “memberkati roti dan wain—lambang daging dan darah Kristus—

41 Dan untuk “menetapkan mereka yang telah dibaptiskan ke

dalam gereja, melalui perletakan ^btangan untuk pembaptisan api dan ‘Roh Kudus, menurut tulisan suci;

42 Dan untuk mengajar, menghuraikan, mendorong, membaptis, dan mengawasi gereja;

43 Dan untuk menetapkan gereja melalui perletakan tangan, dan pemberian Roh Kudus;

44 Dan untuk mengetuai semua pertemuan.

45 Para penatua mesti “mengacarakan pertemuan-pertemuan sebagaimana mereka dituntun oleh Roh Kudus, menurut perintah dan wahyu Tuhan.

46 Kewajipan “imam adalah untuk berkhotbah, ^bmengajar, menghuraikan, mendorong, dan membaptis, dan memberkati sakramen,

47 Dan mengunjungi rumah setiap anggota, dan mendorong mereka untuk “berdoa dengan ^bbersuara dan secara tersembunyi dan melaksanakan segala kewajipan ‘keluarga.

48 Dan dia juga boleh “mentahbiskan para imam lain, pengajar, dan diaken.

49 Dan dia akan mengetuai pertemuan-pertemuan apabila tidak ada penatua yang hadir;

37a prs Pembaptisan, Membaptis.
b prs Hati yang Hancur.
c Mosia 5:7-9; 18:8-10.
prc Yesus Kristus—
Mengambil nama
Yesus Kristus ke atas
diri kita.
d prs Bertahan.
e Yak. 2:18.
prc Pekerjaan-pekerjaan.

f prs Pengampunan
Dosa-dosa.
38a prs Rasul.
b 3 Ne. 11:21-22.
39a Moro. 3;
A&P 107:58.
40a prs Sakramen.
41a A&P 33:11, 14-15; 55:3.
b prs Perletakan Tangan.
c prs Kurnia Roh
Kudus.
45a Moro. 6:9;

A&P 46:2.
46a A&P 84:111; 107:61.
prc Imam, Imamat
Harun.
b prs Ajar, Pengajar.
47a 1 Tim. 2:8.
b A&P 19:28.
c prs Keluarga.
48a prs Tahbis,
Pentahbisan.

50 Tetapi apabila ada penatua yang hadir, dia hanya berkhotbah, mengajar, menghuraikan, mendorong, dan membaptis,

51 Dan mengunjungi rumah setiap anggota, mendorong mereka untuk berdoa dengan bersuara dan secara peribadi dan melaksanakan segala kewajipan keluarga.

52 Dalam semua kewajipan ini imam akan ^amembantu penatua jika keadaan memerlukan.

53 Kewajipan ^apengajar adalah untuk ^bmengawasi gereja selalu, dan berada bersama dan mengutamakan mereka;

54 Dan memastikan bahawa tidak ada kederhakaan di dalam gereja, tiada juga ^akelakuan kasar antara satu sama lain, tiada juga pendustaan, pemfitnahan, tiada juga percakapan yang ^bjahat;

55 Dan memastikan bahawa gereja sering bertemu bersama, dan juga memastikan bahawa semua anggota melakukan kewajipan mereka.

56 Dan dia akan mengetuai pertemuan-pertemuan semasa ketidakhadiran penatua atau imam—

57 Dan selalu mesti dibantu, dalam semua kewajibannya di dalam gereja, oleh ^apara diaken, jika keadaan memerlukan.

58 Tetapi tiada pengajar atau diaken memiliki wewenang untuk membaptis, memberkati

sakramen, atau meletakkan tangan;

59 Mereka, walau bagaimanapun, memperingatkan, menghuraikan, mendorong dan mengajar, dan mengajak semua orang untuk datang kepada Kristus.

60 Setiap ^apenatua, imam, pengajar, atau diaken mesti ditahbiskan menurut kurniaan dan ^bpemanggilan daripada Tuhan kepadanya; dan dia mesti ditahbiskan melalui kuasa Roh Kudus, yang ada pada orang yang mentahbiskannya.

61 Beberapa penatua yang membentuk gereja Kristus ini mesti bertemu dalam persidangan sekali dalam tiga bulan, atau dari semasa ke semasa sebagaimana persidangan-persidangan tersebut akan arahkan atau tetapkan;

62 Dan persidangan-persidangan tersebut mesti melakukan apa pun urusan gereja yang perlu dilakukan pada waktu itu.

63 Para penatua akan menerima surat kuasa mereka daripada penatua lain, melalui ^apungutan suara gereja yang mereka anggotai itu, atau dari persidangan-persidangan tersebut.

64 Setiap imam, pengajar, atau diaken, yang ditahbiskan oleh seorang imam, boleh mengambil sekeping sijil daripadanya pada waktu itu, iaitu ^asijil, apabila ditunjukkan kepada seorang penatua, akan memberinya sekeping surat

52a A&P 107:14.

53a PTS Pengajar, Imam
Harun.

^b PTS Berjaga, Para
Penjaga.

54a 1 Tes. 5:11–13.

^b PTS Pertuturan yang
Jahat.

57a PTS Diaken.

60a PTS Penatua.

^b PTS Dipanggil oleh
Tuhan, Memanggil,

Panggilan.

63a PTS Persetujuan
Bersama.

64a A&P 20:84; 52:41.

kuasa, yang akan mewenangkan dia untuk melaksanakan kewajipan panggilannya, atau dia boleh menerimanya dari sebuah persidangan.

65 Tidak seorang pun “ditahbiskan pada jabatan apa pun di dalam gereja ini, di mana terdapatnya sebuah cabang yang sudah diorganisasikan secara rasmi yang sama, tanpa ^bpungutan suara dari jemaah gereja itu;

66 Tetapi para penatua yang mengetuai, para uskup yang mengunjungi, para anggota majlis tinggi, para imam tinggi, dan para penatua, boleh memperoleh hak istimewa untuk mentahbiskan, di mana tidak ada cabang gereja untuk mengadakan pungutan suara.

67 Setiap presiden imamat tinggi (atau penatua yang mengetuai), “uskup, anggota majlis tinggi, dan ^bimam tinggi, mesti ditahbiskan melalui arahan daripada ‘majlis tinggi atau persidangan umum.

68 “*Kewajipan para anggota setelah mereka diterima melalui pembaptisan*—Para penatua atau imam mesti mempunyai masa yang cukup untuk menghuraikan semua hal tentang gereja Kristus untuk ^bpemahaman mereka, sebelum mereka mengambil ‘sakramen

dan ditetapkan melalui perletakan ^dtangan para penatua, supaya semuanya dilakukan dengan teratur.

69 Dan para anggota harus menyatakan di hadapan gereja, dan juga di hadapan para penatua, melalui gaya hidup dan percakapan yang soleh, bahawa mereka layak untuk itu, agar boleh ada “pekerjaan dan iman yang menurut tulisan suci yang kudus—berjalan dalam ^bkekudusan di hadapan Tuhan.

70 Setiap anggota gereja Kristus yang mempunyai anak mesti membawa mereka kepada para penatua di hadapan gereja, yang akan meletakkan tangan mereka ke atas diri mereka dalam nama Yesus Kristus, dan “memberkati mereka dalam nama-Nya.

71 Tidak seorang pun dapat diterima ke dalam gereja Kristus kecuali dia telah mencapai umur “pertanggungjawaban di hadapan Tuhan, dan mampu untuk ^bbertaubat.

72 “Pembaptisan mesti dilaksanakan dengan cara yang berikut kepada mereka semua yang bertaubat—

73 Orang yang dipanggil oleh Tuhan dan memiliki wewenang daripada Yesus Kristus untuk

65a *pts* Tahbis, Pentahbisan.

b A&P 26:2.
pts Perseutujuan Bersama.

67a *pts* Uskup.
b *pts* Imam Tinggi.
c *pts* Majlis Tinggi.

68a *pts* Tugas.
b *pts* Pemahaman.

c *pts* Sakramen.

d *pts* Perletakan Tangan.
69a Yak. 2:14–17.

b *pts* Kekudusan.
70a *pts* Berkat, Diberkati, Memberkati—
Memberkatan anak kecil.

71a A&P 18:42; 29:47;
68:25–27.

pts Bertanggungjawab, Laporan, Pertanggungjawaban; Pembaptisan, Membaptis—
Kelayakan untuk pembaptisan.

b *pts* Bertaubat, Pertaubatan.

72a 3 Ne. 11:22–28.

membaptis, akan turun ke dalam air bersama orang yang telah mempersembahkan dirinya, lelaki atau perempuan untuk pembaptisan, dan akan berkata, memanggil lelaki atau perempuan itu menurut nama mereka: Dengan wewenang daripada Yesus Kristus, aku membaptis kamu dalam nama Bapa, dan Putera, dan Roh Kudus. Amin.

74 Kemudian dia akan “mencelupkan lelaki atau perempuan itu ke dalam air, dan keluar dari air itu.

75 Adalah perlu bahawa gereja sering bertemu bersama untuk “mengambil roti dan wain dalam ^bperingatan akan Tuhan Yesus;

76 Dan penatua atau imam akan memberkatinya; dan menurut “cara ini dia akan memberkatinya—dia akan berlutut bersama gereja dan meminta kepada Bapa dalam doa yang khusyuk, mengatakan:

77 Ya Tuhan, Bapa Yang Abadi, kami mohon kepada-Mu dalam nama Putera-Mu, Yesus Kristus, untuk memberkati dan menguduskan “roti ini bagi jiwa mereka semua yang mengambilnya, agar mereka boleh makan sebagai peringatan akan tubuh Putera-Mu, dan ^bbersaksi kepada-Mu, Ya Tuhan, Bapa Yang Abadi, bahawa mereka bersedia “mengambil ke atas diri mereka nama Putera-Mu, dan

selalu mengingati-Nya, dan ^dtaat kepada perintah-perintah-Nya yang telah Dia berikan kepada mereka, agar mereka boleh selalu memiliki ^eRoh-Nya bersama mereka. Amin.

78 “Cara memberkati wain—dia akan mengambil ^bcawan juga, dan mengatakan:

79 Ya Tuhan, Bapa Yang Abadi, kami mohon kepada-Mu, dalam nama Putera-Mu, Yesus Kristus, untuk memberkati dan menguduskan “wain ini bagi jiwa mereka semua yang meminumnya, agar mereka boleh melakukannya sebagai peringatan akan darah Putera-Mu, yang ditumpahkan untuk mereka; agar mereka boleh bersaksi kepada-Mu, Ya Tuhan, Bapa Yang Abadi, bahawa mereka selalu mengingati-Nya, agar mereka boleh memiliki Roh-Nya bersama mereka. Amin.

80 Sesiapa pun anggota gereja Kristus yang melanggar, atau yang didapati bersalah, akan diuruskan seperti yang diarahkan oleh tulisan suci.

81 Akan menjadi kewajipan beberapa jemaah gereja, yang membentuk gereja Kristus, untuk menghantar seorang atau lebih daripada para pengajar mereka untuk menghadiri beberapa persidangan yang diadakan oleh para penatua gereja,

82 Dengan sebuah senarai “nama

74a prs Pembaptisan,
Membaptis—
Pembaptisan dengan
pencelupan.

75a Kis. 20:7.

b prs Sakramen.

76a Moro. 4.

77a Luk. 22:19.

b Mosia 18:8–10;
A&P 20:37.

c Mosia 5:8–12.

d prs Patuh, Kepatuhan,

Mematuhi.

e Yoh. 14:16.

78a Moro. 5.

b Luk. 22:20.

79a A&P 27:2–4.

82a Moro. 6:4.

beberapa anggota yang menggabungkan diri mereka dengan gereja sejak persidangan yang terakhir; atau dikirim melalui tangan seorang imam; supaya sebuah senarai tentang semua nama seluruh gereja akan disimpan dalam sebuah buku oleh salah seorang penatua, sesiapa pun yang dilantik oleh para penatua yang lain dari semasa ke semasa;

83 Dan juga, jika ada orang yang telah “dikeluarkan dari gereja, supaya nama mereka boleh disingkirkan dari catatan nama gereja yang umum.

84 Semua anggota yang berpini-

dah dari jemaah gereja di mana mereka tinggal, jika pergi ke sebuah jemaah gereja di mana mereka tidak dikenali, boleh membawa sepucuk surat yang mengesahkan bahawa mereka adalah anggota rasmi dan dalam kedudukan yang baik, yang mana sijil itu boleh ditandatangani oleh mana-mana penatua atau imam pun jika anggota yang menerima surat itu mengenali penatua atau imam itu secara peribadi, atau ia boleh ditandatangani oleh pengajar atau diaken dari jemaah gereja itu.

BAHAGIAN 21

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith, di Fayette, New York, 6 April 1830. Wahyu ini diberikan pada pengorganisasian Gereja, pada tarikh tersebut, di dalam rumah Peter Whitmer Sr. Enam orang, yang telah dibaptiskan sebelumnya, turut serta. Melalui pungutan sebulat suara orang-orang ini meluahkan hasrat dan keazaman mereka untuk mengorganisasi, menurut perintah Tuhan (lihat bahagian 20). Mereka juga mengundi untuk menerima dan menyokong Joseph Smith Jr. dan Oliver Cowdery sebagai ketua kepimpinan Gereja. Dengan perletakan tangan, Joseph kemudiannya mentahbiskan Oliver sebagai penatua Gereja, dan Oliver dengan cara yang serupa mentahbiskan Joseph. Selepas pelaksanaan sakramen, Joseph dan Oliver meletakkan tangan ke atas para hadirin secara individu untuk pemberian Roh Kudus dan untuk penetapan setiap orang sebagai anggota Gereja.

1–3, Joseph Smith dipanggil untuk menjadi pelihat, penterjemah, nabi, rasul, dan penatua; 4–8, Perkataannya akan membimbing tujuan Sion; 9–12, Para Orang Suci akan

mempercayai perkataannya sewaktu dia berbicara melalui Penolong.

LIHATLAH, akan ada sebuah “catatan disimpan di antara kamu;

dan di dalamnya engkau akan disebut seorang ^bpelihat, penterjemah, nabi, ^crasul Yesus Kristus, penatua gereja melalui kehendak Tuhan Bapa, dan rahmat Tuhanmu Yesus Kristus,

2 ^aDiilhami oleh Roh Kudus untuk meletakkan landasannya, dan untuk membangunkannya demi kepercayaan yang paling kudus.

3 Yang mana ^agereja itu ^bdiorganisasi dan ditubuhkan pada tahun Tuhanmu seribu lapan ratus tiga puluh, pada bulan keempat, dan pada hari keenam dalam bulan yang disebut April.

4 Kerana itu, iaitu gereja, engkau akan mengendahkan segala ^aperkataan dan perintahnya yang akan dia berikan kepadamu ketika dia menerimanya, berjalan dalam segala ^bkekudusan di hadapan-Ku;

5 Kerana ^aperkataannya akan kamu terima, seolah-olah daripada mulut-Ku sendiri, dalam segala kesabaran dan iman.

6 Kerana dengan melakukan hal-hal ini ^apintu-pintu gerbang neraka tidak akan berjaya melawanmu; ya, dan Tuhan Raja akan menyelenggarakan kuasa ^bkegelapan dari hadapanmu, dan menyebabkan

langit ^cbergoncang demi kebaikanmu, dan ^dkemuliaan nama-Nya.

7 Kerana demikianlah firman Tuhan Raja: Dia telah Aku ilhami untuk menggerakkan tujuan ^aSion dalam kuasa yang kuat demi kebaikan, dan ketekunannya Aku ketahui, dan doa-doanya telah Aku dengari.

8 Ya, tangisannya bagi Sion telah Aku lihat, dan Aku akan menyebabkan bahawa dia tidak akan lagi berduka baginya; kerana masa kesukacitaannya telah datang disebabkan ^apengampunan dosaduanya, dan pernyataan akan berkat-berkat-Ku ke atas pekerjaannya.

9 Kerana, lihatlah, Aku akan ^amemberkati mereka semua yang bekerja di dalam ^bladang anggur-Ku dengan suatu berkat yang besar, dan mereka akan percaya pada perkataannya, yang diberikan kepadanya melalui-Ku oleh ^cPenolong, yang ^amenyatakan bahawa Yesus ^cdisalibkan oleh orang-orang yang ^fpenuh dosa bagi dosa-dosa ^ddunia, ya, untuk pengampunan dosa bagi ^hhati yang menyesal.

10 Kerana itu adalah perlu menurut-Ku bahawa dia haruslah

1 b prs Pelihat.

c prs Rasul.

2 a prs Ilham,
Mengilhami.

3 a prs Gereja Yesus
Kristus Orang Suci
Zaman Akhir.

b A&P 20:1.

4 a prs Tulisan Suci.

b prs Kekudusan.

5 a A&P 1:38.

prs Nabi;

Penyokongan para
Pemimpin Gereja.

6 a Mat. 16:18;

A&P 10:69.

b Kol. 1:12-13.

c A&P 35:24.

d prs Kemuliaan.

7 a prs Sion.

8 a A&P 20:5-6.

9 a 1 Ne. 13:37;

Yakub 5:70-76.

b prs Ladang Anggur

Tuhan.

c prs Penolong.

d prs Bersaksi.

e prs Penyaliban.

f prs Dosa.

g 1 Yoh. 2:2.

prs Dunia—

Orang-orang yang

tidak mematuhi

perintah-perintah.

h prs Hati yang Hancur.

“ditahbiskan olehmu, Oliver Cowdery rasul-Ku;

11 Ini yang adalah sebuah tata-cara bagimu, bahawa kamu adalah seorang penatua di bawah tangannya, dia adalah yang “pertama bagimu, agar kamu boleh menjadi seorang penatua bagi gereja Kristus ini, menyandang nama-Ku—

12 Dan pengkhutbah pertama gereja ini kepada jemaah gereja, dan di hadapan dunia, ya, di hadapan bangsa bukan Israel; ya, dan demikianlah firman Tuhan Raja, lihatlah, lihatlah! kepada “bangsa Yahudi juga. Amin.

BAHAGIAN 22

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Manchester, New York, 16 April 1830. Wahyu ini diberikan kepada Gereja disebabkan beberapa orang yang telah dibaptiskan sebelumnya berhasrat untuk bersatu dengan Gereja tanpa pembaptisan semula.

1, Pembaptisan adalah sebuah perjanjian yang baru dan abadi; 2–4, Pembaptisan yang berwenang diperlukan.

LIHATLAH, Aku berfirman kepadamu bahawa segala perjanjian yang “lama telah Aku akhiri dalam hal ini; dan ini adalah sebuah perjanjian yang ^bbaru dan abadi, bahkan apa yang telah ada sejak dari awal.

2 Kerana itu, walaupun seseorang itu akan dibaptis seratus kali ia tidak berguna apa pun baginya,

kerana kamu tidak dapat masuk ke dalam pintu gerbang yang kecil itu melalui “hukum Musa, tidak juga melalui ^bpekerjaanmu yang mati.

3 Disebabkan pekerjaanmu yang matilah maka Aku telah menyebabkan perjanjian terakhir ini dan gereja ini dibangunkan bagi-Ku, bahkan seperti pada zaman dahulu.

4 Kerana itu, masuklah kamu ke dalam “pintu gerbang itu, seperti yang telah Aku perintahkan, dan janganlah ^bberusaha untuk menasihati Tuhanmu. Amin.

10a pts Tahbis,
Pentahbisan.

11a A&P 20:2.

12a 1 Ne. 13:42;
A&P 19:27; 90:8–9.

22 1a Ibr. 8:13;
3 Ne. 12:46–47.

b A&P 66:2.
pts Perjanjian;
Perjanjian yang Baru
dan Kekal.

2a Gal. 2:16.
pts Hukum Musa.
b Moro. 8:23–26.

4a Mat. 7:13–14;
Luk. 13:24;
2 Ne. 9:41; 31:9, 17–18;
3 Ne. 14:13–14.
pts Pembaptisan,
Membaptis.
b Yakub 4:10.

BAHAGIAN 23

Satu siri lima wahyu diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Manchester, New York, April 1830, kepada Oliver Cowdery, Hyrum Smith, Samuel H. Smith, Joseph Smith Sr., dan Joseph Knight Sr. Sebagai hasil daripada hasrat yang bersungguh-sungguh daripada lima orang tersebut untuk mengetahui tentang kewajipan mereka masing-masing, Nabi bertanya kepada Tuhan dan menerima satu wahyu bagi setiap orang.

1-7, Para murid terdahulu ini dipanggil untuk berkhotbah, mendorong, dan menguatkan Gereja.

LIHATLAH, Aku berfirman kepadamu, Oliver, beberapa patah kata. Lihatlah, engkau diberkati, dan tidak berada di bawah penghukuman. Tetapi berhati-hatilah dengan "kesombongan, agar jangan engkau masuk ke dalam ^bgodaan.

2 Dedahkanlah panggilanmu kepada gereja, dan juga di hadapan dunia, dan hatimu akan dibukakan untuk mengkhutbahkan kebenaran sejak dari sekarang dan selamanya. Amin.

3 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu, Hyrum, beberapa patah kata; kerana engkau juga tidak berada di bawah penghukuman, dan hatimu dibukakan, dan lidahmu dilembutkan; dan panggilanmu adalah untuk mendorong, dan untuk "menguatkan gereja secara berterusan. Kerana itu kewajipanmu adalah kepada gereja selamanya, dan ini disebabkan keluargamu. Amin.

4 Lihatlah, Aku berfirman beberapa patah kata kepadamu, "Samuel; kerana engkau juga tidak berada di bawah penghukuman, dan panggilanmu adalah untuk mendorong, dan untuk menguatkan gereja; dan engkau belum lagi dipanggil untuk berkhotbah di hadapan dunia. Amin.

5 Lihatlah, Aku berfirman beberapa patah kata kepadamu, Joseph; kerana engkau juga tidak berada di bawah penghukuman, dan panggilanmu juga untuk mendorong, dan untuk menguatkan gereja; dan inilah kewajipanmu sejak dari sekarang dan selamanya. Amin.

6 Lihatlah, Aku menyatakan kepadamu, Joseph Knight, melalui firman ini, bahawa kamu mesti memikul "salibmu, yang mana kamu mesti ^bberdoa "dengan bersuara di hadapan dunia seperti juga secara tersembunyi, dan dalam keluargamu, dan di kalangan teman-temanmu, dan di semua tempat.

7 Dan, lihatlah, adalah kewajipanmu untuk "bersatu dengan gereja yang benar, dan memberikan cara

23 1a PTS Keangkuhan.

b PTS Godaan,
Menggoda.

3a A&P 81:4-5; 108:7.

4a JS—S 1:4.

6a Mat. 10:38;
3 Ne. 12:30.

b PTS Doa.

c A&P 20:47, 51.

7a PTS Pembaptisan,
Membaptis—
Kepentingan.

berbahasamu untuk mendorong | boleh menerima ganjaran seorang
secara berterusan, agar kamu | pekerja. Amin.

BAHAGIAN 24

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith dan Oliver Cowdery, di Harmony, Pennsylvania, Julai 1830. Walaupun kurang dari empat bulan telah berlalu sejak Gereja diorganisasikan, penganiayaan telah menjadi hebat, dan para pemimpin harus mencari keselamatan dalam pengasingan diri. Tiga wahyu berikut diberikan pada waktu ini untuk menguatkan, mendorong, dan mengarahkan mereka.

1-9, Joseph Smith dipanggil untuk menterjemah, berkhotbah, dan menghuraikan tulisan suci; 10-12, Oliver Cowdery dipanggil untuk mengkhutbahkan Injil; 13-19, Hukum diwahyukan berkaitan dengan mukjizat, kutukan, pengibasan debu dari kaki seseorang, dan pergi tanpa dompet atau tas.

LIHATLAH, engkau telah dipanggil dan dipilih untuk menulis Kitab Mormon, dan pada pelayanan-Ku; dan Aku telah mengangkat engkau keluar dari kesengsaraanmu, dan telah menasihati engkau, sehingga engkau telah dibebaskan daripada semua musuhmu, dan engkau telah dibebaskan dari kuasa Setan dan dari kegelapan!

2 Walaupun demikian, engkau tidak dikecualikan dalam "pelanggaranmu; walaupun demikian, pergilah pada jalanmu dan janganlah berdosa lagi.

3 "Kembangkanlah jabatanmu; dan setelah engkau menabur

ladang-ladangmu dan melindunginya, pergilah segera kepada jemaah gereja yang berada di ^bColesville, Fayette, dan Manchester, dan mereka akan 'menanggung engkau; dan Aku akan memberkati mereka baik secara rohani mahupun secara duniawi;

4 Tetapi jika mereka tidak menerima engkau, Aku akan menghantar ke atas diri mereka kutukan daripada berkat.

5 Dan engkau haruslah terus memanggil kepada Tuhan dalam nama-Ku, dan menulis hal-hal yang akan diberikan kepadamu oleh "Penolong, dan menghuraikan semua tulisan suci kepada gereja.

6 Dan akan diberikan kepadamu pada masa yang tepat apa yang akan engkau "bicarakan dan tuliskan, dan mereka akan mendengarnya, atau Aku akan menghantarkan kepada mereka kutukan daripada berkat.

7 Kerana engkau haruslah mem-

24 2a A&P 1:31-32.

3a Yakub 1:19; 2:2.

b A&P 26:1; 37:2.

c A&P 70:12.

5a Prs Penolong.

6a Kel. 4:12;

Mat. 10:19-20;

Luk. 12:11-12;

Hel. 5:18-19;

A&P 84:85; 100:5-8;

Musa 6:32.

baktikan segala ^apelayananmu di Sion; dan di dalamnya engkau akan memperoleh kekuatan.

8 ^aBersabarlah dalam ^bkesengsaraan, kerana banyak yang akan engkau alami; tetapi ^cbertahanlah di dalamnya, kerana, lihatlah, Aku bersamamu, bahkan sehingga ^dakhir riwayat hidupmu.

9 Dan di dalam pekerjaan duniawi engkau tidak akan memperoleh kekuatan, kerana ini bukan panggilanmu. Laksanakanlah ^apanggilanmu dan engkau akan memperoleh apa yang diperlukan untuk mengembangkan jabatanmu, dan untuk menghuraikan semua tulisan suci, dan meneruskan dalam perletakan tangan dan menetapkan para jemaah gereja.

10 Dan saudaramu Oliver akan terus menyandang nama-Ku di hadapan dunia, dan juga kepada gereja. Dan dia haruslah tidak menyangka bahawa dia dapat berkata cukup dalam tujuan-Ku; dan lihatlah, Aku bersamanya sehingga akhir.

11 Melalui Aku dia akan memperoleh kemuliaan, dan bukan melalui dirinya, sama ada dalam kelemahan atau dalam kekuatan, sama ada dalam belenggu atau bebas;

12 Dan pada segala waktu, dan di

semua tempat, dia akan membuka mulutnya dan ^amemaklumkan Injil-Ku bagaikan dengan bunyi ^bsangkakala, baik siang mahupun malam. Dan Aku akan memberikan kepadanya kekuatan seperti yang belum diketahui di kalangan manusia.

13 Janganlah menuntut ^amukjizat, kecuali Aku akan ^bmemerintahkanmu, kecuali ^cmengusir ^diblis, ^emenyembuhkan yang sakit, dan melawan ular ^fberacun, dan melawan racun yang membunuh;

14 Dan ^ahal-hal ini janganlah kamu lakukan, kecuali ia dituntut daripadamu oleh mereka yang menghasratkannya, agar tulisan suci boleh digenapi; kerana kamu haruslah melakukan menurut apa yang dituliskan.

15 Dan di tempat mana pun kamu akan ^amasuk, dan mereka tidak menerimamu dalam nama-Ku, kamu haruslah meninggalkan kutukan daripada berkat, dengan mengibaskan ^bdebu dari kakimu terhadap mereka sebagai sebuah kesaksian, dan membersihkan kakimu di tepi jalan.

16 Dan akan terjadilah bahawa barang siapa akan meletakkan tangan mereka kepadamu dengan kekerasan, kamu akan perintahkan untuk dihentam dalam nama-Ku; dan, lihatlah, Aku akan

7a pts Pelayanan.

8a pts Kesabaran.

b pts Kesusahan.

c pts Bertahan.

d Mat. 28:20.

9a pts Pengawas,
Pengawasan.

12a pts Mengkhutbahkan.

b A&P 34:6.

13a pts Mukjizat;
Tanda.

b 1 Ne. 17:50.

c Mrk. 16:17.

d pts Roh—Roh-roh
jahat.

e pts Sembuh,
Penyembuhan.

f Kis. 28:3-9;

A&P 84:71-72;
124:98-99.

14a pts Pemberkatan
Orang Sakit.

15a Mat. 10:11-15.

b Mrk. 6:11;

Luk. 10:11;

A&P 60:15; 75:19-22;

99:4-5.

menghentam mereka menurut perkataanmu, pada waktu-Ku sendiri yang tepat.

17 Dan barang siapa akan membawamu kepada undang-undang akan dikutuk oleh undang-undang itu.

18 Dan engkau haruslah tidak membawa "dompet atau tas, tidak juga tongkat, tidak juga dua kot, kerana gereja akan memberi kepadamu tepat pada masanya apa yang engkau perlukan untuk

makanan dan untuk pakaian, dan untuk kasut dan untuk wang, dan untuk tas.

19 Kerana engkau telah dipanggil untuk "memangkas ladang anggur-Ku dengan pemangkasan yang dahsyat, ya, bahkan untuk kali yang terakhir; ya, dan juga mereka semua yang telah engkau ^btahbiskan, dan mereka akan melakukan bahkan menurut cara ini. Amin.

BAHAGIAN 25

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Harmony, Pennsylvania, Julai 1830 (lihat pengenalan untuk bahagian 24). Wahyu ini menyatakan kehendak Tuhan kepada Emma Smith, isteri Nabi.

1-6, Emma Smith, seorang wanita terpilih, dipanggil untuk membantu dan menghiburkan suaminya; 7-11, Dia juga dipanggil untuk menulis, untuk menghuraikan tulisan suci, dan untuk memilih lagu-lagu rohani; 12-14, Nyanyian orang-orang yang soleh adalah doa kepada Tuhan; 15-16, Asas-asas kepatuhan dalam wahyu ini dikenakan kepada semua.

DENGARLAH suara Tuhan Rajamu, semasa Aku berfirman kepadamu, Emma Smith, puteri-Ku; kerana sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, mereka semua

yang "menerima Injil-Ku adalah para putera dan puteri di dalam ^bkerajaan-Ku.

2 Sebuah wahyu Aku berikan kepadamu tentang kehendak-Ku; dan jika engkau setia dan ^aberjalan pada jalan ^bberhemah di hadapan-Ku, Aku akan melindungi kehidupanmu, dan engkau akan menerima suatu "warisan di Sion.

3 Lihatlah, "dosa-dosamu diampuni bagimu, dan engkau ialah wanita terpilih, yang telah Aku ^bpanggil.

4 Janganlah merungut kerana

18a Mat. 10:9-10;
Luk. 10:4;
A&P 84:78-79.
19a Yakub 5:61-74;
A&P 39:17; 71:4.
b PTS Tahbis,
Pentahbisan.
25 1a Yoh. 1:12.

PTS Para Putera dan
Puteri Tuhan.
b PTS Kerajaan Tuhan
atau Kerajaan Syurga.
2a PTS Berjalan, Berjalan
dengan Tuhan.
b PTS Hemah.
c A&P 52:42; 64:30;

101:18.
PTS Sion.
3a Mat. 9:2.
b PTS Dipanggil oleh
Tuhan, Memanggil,
Panggilan.

hal-hal yang belum engkau lihat, kerana ia ditahan daripadamu dan dari dunia, yang adalah bijaksana di dalam Aku pada suatu masa yang akan datang.

5 Dan jabatan panggilanmu adalah sebagai "penghiburan kepada hamba-Ku, Joseph Smith Jr., suamimu, dalam kesengsarannya, dengan perkataan yang menenangkan, di dalam semangat kelembutan hati.

6 Dan engkau haruslah pergi bersamanya pada waktu pemergiannya, dan menjadi jurutulis kepadanya, semasa tidak ada sesiapa pun untuk menjadi jurutulis kepadanya, agar Aku boleh menghantar hamba-Ku, Oliver Cowdery, ke mana pun Aku kehendaki.

7 Dan engkau akan "ditahbiskan di bawah tangannya untuk menghuraikan tulisan suci, dan untuk mendorong gereja, menurut yang akan diberikan kepadamu oleh Roh-Ku.

8 Kerana dia akan meletakkan "tangannya ke atas dirimu, dan engkau akan menerima Roh Kudus, dan waktumu akan diberikan untuk menulis, dan untuk pembelajaran yang banyak.

9 Dan engkau tak perlu takut, kerana suamimu akan menyokong engkau di dalam gereja; kerana

kepada merekalah "panggilannya, agar segala hal boleh ^bdidedahkan kepada mereka, apa pun yang Aku kehendaki, menurut iman mereka.

10 Dan sesungguhnya Aku berfirman kepadamu bahawa engkau haruslah mengeneipkan "hal-hal dari ^bdunia ini, dan "mencari hal-hal yang lebih baik.

11 Dan akan diberikan kepadamu, juga, untuk membuat pilihan "lagu-lagu rohani yang kudus, sebagaimana akan diberikan kepadamu, yang menyenangkan bagi-Ku, untuk dimiliki di dalam gereja-Ku.

12 Kerana jiwa-Ku senang akan "nyanyian ^bhati; ya, nyanyian orang-orang soleh adalah doa bagi-Ku, dan akan dijawab dengan sebuah berkat ke atas kepala mereka.

13 Kerana itu, angkatlah hatimu dan bersukacitalah, dan pautkanlah diri pada perjanjian-perjanjian yang telah engkau buat.

14 Teruskanlah di dalam semangat "kelembutan hati, dan berhati-hatilah terhadap ^bkesombongan. Biarlah jiwamu senang terhadap suamimu, dan kemuliaan yang akan datang ke atas dirinya.

15 Taatilah perintah-perintah-Ku secara berterusan, dan "mahkota ^bkebenaran akan engkau terima. Dan melainkan engkau melakukan

5a PTS Rasa kasihan.

7a ATAU penetapan.

PTS Menetapkan.

8a PTS Perletakan Tangan.

9a PTS Dipanggil oleh Tuhan, Memanggil, Panggilan; Nabi.

b PTS Nubuat,

Bernubuat; Wahyu.

10a PTS Kekayaan;

Mendambakan.

b PTS Keduniaan.

c Eter 12:4.

11a PTS Lagu Rohani.

12a 1 Taw. 16:9.

PTS Nyanyi.

b PTS Hati.

14a PTS Lembut Hati, Kelembutan Hati.

b PTS Keangkuhan.

15a PTS Mahkota;

Permuliaan.

b PTS Soleh, Kesolehan.

ini, di mana Aku berada kamu
“tidak dapat datang.

16 Dan sesungguhnya-sungguhnya,

Aku berfirman kepadamu, bahawa
inilah “suara-Ku kepada semua.

Amin.

BAHAGIAN 26

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith, Oliver Cowdery, dan John Whitmer, di Harmony, Pennsylvania, Julai 1830 (lihat pengenalan untuk bahagian 24).

1, Mereka diarahkan untuk mengkaji tulisan suci dan untuk berkhotbah; 2, Hukum persetujuan bersama ditenggakan.

LIHATLAH, Aku berfirman kepadamu bahawa kamu haruslah membiarkan waktumu diabdikan untuk “pengkajian tulisan suci, dan untuk berkhotbah, dan untuk menetapkan jemaah di ^bColeville, dan untuk melaksanakan

pekerjaanmu di tanah ini, seperti yang diperlukan, sehingga kamu telah pergi ke barat untuk mengadakan persidangan yang berikutnya; dan kemudian akan diberitahukan apa yang kamu harus lakukan.

2 Dan semua hal akan dilakukan dengan “persetujuan bersama di dalam gereja, melalui banyak doa dan iman, kerana semua hal akan kamu terima melalui iman. Amin.

BAHAGIAN 27

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith, di Harmony, Pennsylvania, Ogos 1830. Dalam persediaan untuk satu upacara keagamaan dimana sakramen roti dan wain akan diberkati, Joseph berangkat untuk mendapatkan wain. Dia ditemui oleh seorang utusan syurgawi dan menerima wahyu ini, yang mana sebahagian daripadanya dituliskan pada waktu itu dan selebihnya pada bulan September berikutnya. Sekarang air digunakan daripada wain dalam upacara sakramen Gereja.

1–4, Lambang yang digunakan dalam mengambil sakramen dinyatakan; 5–14, Kristus dan para hamba-Nya dari semua zaman keagamaan akan mengambil sakramen; 15–18,

Kenakanlah seluruh perlengkapan perang Tuhan.

DENGARKANLAH suara Yesus Kristus, Tuhanmu, Rajamu, dan

15c Yoh. 7:34.

16a A&P 1:38.

26 1a PTS Tulisan Suci—

Nilai tulisan suci.

b A&P 24:3; 37:2.

2a 1 Sam. 8:7;

Mosia 29:26.

PTS Persetujuan

Bersama.

Penebusmu, firman-Nya "hidup dan penuh kuasa.

2 Kerana, lihatlah, Aku berfirman kepadamu, bahawa tidaklah kisah apa yang akan kamu makan atau apa yang akan kamu minum semasa kamu mengambil "sakramen, jika dengan demikian kamu melakukannya dengan suatu tumpuan mata yang satu pada ^bkemuliaan-Ku—mengingati kepada Bapa akan tubuh-Ku yang diserahkan bagimu, dan ^cdarah-Ku yang ditumpahkan untuk ^dpengampunan dosa-dosamu.

3 Kerana itu, sebuah perintah Aku berikan kepadamu, bahawa kamu janganlah membeli wain tidak juga minuman keras daripada musuhmu;

4 Kerana itu, kamu janganlah mengambilnya kecuali ianya dibuat baru di antara kamu; ya, di dalam kerajaan Bapa-Ku ini yang akan dibangunkan di atas bumi.

5 Lihatlah, ini adalah kebijaksanaan di dalam Aku; kerana itu, janganlah takjub, kerana masanya akan datang apabila Aku akan "minum dari buah pohon anggur bersamamu di atas bumi, dan bersama ^bMoroni, yang telah Aku utuskan kepadamu untuk mendedahkan Kitab Mormon, yang mengandungi kegenapan Injil

abadi-Ku, kepadanya telah Aku anugerahkan kunci-kunci untuk catatan ^ckayu Efraim;

6 Dan juga bersama "Elias, kepadanya telah Aku anugerahkan kunci-kunci untuk mendatangkan pemulihan segala sesuatu yang dibicarakan oleh mulut semua nabi kudus sejak permulaan dunia, tentang zaman terakhir;

7 Dan juga Yohanes anak lelaki Zakharia, iaitu Zakharia yang dia ("Elias) kunjungi dan berikan janji bahawa dia akan memiliki seorang anak lelaki, dan namanya haruslah ^bYohanes, dan dia akan dipenuhi dengan roh Elia;

8 Yang mana Yohanes itu telah Aku utuskan kepadamu, hamba-Ku, Joseph Smith Jr., dan Oliver Cowdery, untuk menahbiskanmu pada "imamat pertama yang telah kamu terima, agar kamu boleh dipanggil dan ^bditahbiskan bahkan seperti ^cHarun;

9 Dan juga "Elia, kepadanya telah Aku anugerahkan kunci-kunci kuasa untuk ^bmemalingkan hati bapa-bapa kepada anak-anak, dan hati anak-anak kepada bapa-bapa, agar seluruh bumi tidak akan dihentam dengan kutukan;

10 Dan juga bersama Yusuf dan Yakub, dan Ishak, dan Abraham,

27 1a Hel. 3:29;
A&P 6:2.

2a Prs Sakramen.

b Prs Kemuliaan.

c Prs Darah.

d Prs Pengampunan
Dosa-dosa.

5a Mat. 26:29;

Mrk. 14:25;

Luk. 22:18.

b JS—S 1:30–34.

c Yeh. 37:16.

Prs Efraim—Kayu
Efraim atau Yusuf.

6a Prs Elias.

7a Luk. 1:17–19.

b Luk. 1:13;

A&P 84:27–28.

8a A&P 13.

Prs Imamat Harun.

b Prs Tahbis,

Pentahbisan.

c Kel. 28:1–3, 41;

A&P 107:13.

9a 1 Raj. 17:1–22;

2 Raj. 1–2;

A&P 2; 110:13–16;

JS—S 1:38–39.

Prs Elia.

b Prs Salasilah.

nenek moyangmu, melalui mereka “janji-janji ini tetap ada;

11 Dan juga bersama Mikhael, atau “Adam, bapa kepada semuanya, putera kepada semuanya, yang lanjut usianya;

12 Dan juga bersama Petrus, dan Yakobus, dan Yohanes, yang telah Aku utuskan kepadamu, melalui mereka Aku telah “menahbiskanmu dan menetapkanku untuk menjadi ^bpara rasul, dan “saksi istimewa bagi nama-Ku, dan mempunyai kunci-kunci bagi pelayananmu dan bagi hal-hal yang sama yang Aku dedahkan kepada mereka;

13 Kepada mereka telah Aku “anugerahkan ^bkunci-kunci kerajaan-Ku, dan suatu ^czaman keagamaan “Injil untuk ^ezaman terakhir; dan untuk ^fkegenapan zaman, dimana Aku akan kumpulkan bersama segala sesuatu menjadi ^ssatu, baik yang ada di dalam syurga, mahupun yang ada di atas bumi;

14 Dan juga bersama mereka semua yang telah Bapa “berikan kepada-Ku dari dunia ini.

15 Kerana itu, angkatlah hatimu

dan bersukacitalah, dan persiapkanlah dirimu, dan ambillah ke atas dirimu seluruh “perlengkapan perang-Ku, agar kamu boleh dapat menghadapi hari yang jahat, setelah melakukan semuanya, agar kamu boleh dapat ^bbertahan.

16 Berdirilah, oleh kerana itu, dengan “mempersiapkan dirimu dengan ^bkebenaran, dengan mengenakan ^cperisai dada “kesolehan, dan kakimu dialasi dengan persiapan Injil “kedamaian, yang telah Aku utuskan ^fpara malaikat-Ku untuk percayakan kepadamu;

17 Mengambil perisai iman yang dengannya kamu akan dapat memadamkan segala panah-panah “berapi dari yang jahat;

18 Dan ambillah ketopong keselamatan, dan pedang Roh-Ku, yang akan Aku curahkan ke atas dirimu, dan firman-Ku yang Aku dedahkan kepadamu, dan bersepakatlah berkaitan dengan segala hal apa pun yang kamu minta daripada-Ku, dan setialah sehingga Aku datang, dan kamu akan “diangkat, agar di mana Aku berada kamu akan berada ^bjuga. Amin.

10a prs Perjanjian Abraham.

11a prs Adam.

12a JS—S 1:72.
prs Imam
Melkisedek.

b prs Rasul.

c Kis. 1:8.

13a Mat. 16:19.

b prs Kunci-kunci Imam.

c prs Zaman Keagamaan.

d prs Injil.

e Yakub 5:71;
A&P 43:28–30.

f Ef. 1:9–10;
A&P 112:30; 124:41.

g A&P 84:100.

14a Yoh. 6:37; 17:9, 11;

3 Ne. 15:24;

A&P 50:41–42; 84:63.

15a Rm. 13:12;

Ef. 6:11–18.

b Mal. 3:2;
A&P 87:8.

16a Yes. 11:5.

b prs Kebenaran.

c Yes. 59:17.

d prs Soleh, Kesolehan.

e 2 Ne. 19:6.

f A&P 128:19–21.

17a 1 Ne. 15:24;

A&P 3:8.

18a 1 Ne. 13:37;

A&P 17:8.

b Yoh. 14:3.

BAHAGIAN 28

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Oliver Cowdery, di Fayette, New York, September 1830. Hiram Page, seorang anggota Gereja, memiliki seketul batu dan mengaku menerima wahyu melalui bantuannya berkaitan dengan pembangunan Sion dan tarekat Gereja. Beberapa anggota telah terpedaya dengan dakwaan-dakwaan ini, dan bahkan Oliver Cowdery dipengaruhi dengan salah olehnya. Tepat sebelum sebuah persidangan yang dijadualkan, Nabi menanyakan dengan sungguh-sungguh kepada Tuhan tentang hal itu, dan wahyu ini menyusul.

1-7, Joseph Smith memegang kunci-kunci misteri, dan hanya dia yang menerima wahyu untuk Gereja; 8-10, Oliver Cowdery mesti berkhutbah kepada bangsa Laman; 11-16, Setan memperdayakan Hiram Page dan memberinya wahyu-wahyu palsu.

LIHATLAH, Aku berfirman kepadamu, "Oliver, bahawa akan diberikan kepadamu bahawa engkau akan didengari oleh gereja dalam segala hal apa pun yang akan engkau ajarkan kepada mereka melalui Penolong, tentang wahyu-wahyu dan perintah yang telah Aku berikan.

2 Tetapi, lihatlah, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, "tiada seorang pun yang akan ditetapkan untuk menerima perintah dan wahyu di dalam gereja ini kecuali hamba-Ku Joseph Smith Jr., kerana dia menerimanya bahkan seperti Musa.

3 Dan engkau haruslah patuh kepada hal-hal yang akan Aku berikan kepadanya, bahkan seperti "Harun, untuk memaklumkan dengan setia perintah dan wahyu-wahyu, dengan kuasa dan wewenang kepada gereja.

4 Dan jika engkau dipimpin pada bila-bila masa pun oleh Penolong untuk "berbicara atau mengajar, atau pada setiap masa dengan cara perintah kepada gereja, engkau boleh melakukannya.

5 Tetapi janganlah engkau menulis dengan cara perintah, tetapi dengan kebijaksanaan.

6 Dan janganlah engkau memerintah dia yang merupakan ketuamu, dan ketua gereja.

7 Kerana Aku telah memberikannya "kunci-kunci misteri, dan wahyu-wahyu yang dimeteraikan, sehingga Aku memilih bagi mereka seorang yang lain sebagai penggantinya.

8 Dan sekarang, lihatlah, Aku

28 1a A&P 20:3.

b PTS Ajar, Pengajar—
Mengajar dengan
Roh Kudus.

c PTS Penolong.

2a A&P 35:17-18; 43:4.

b 2 Ne. 3:14-20.

pts Joseph Smith Jr.

3a pts Harun, Abang
Musa.

b pts Wewenang.

4a Kel. 4:12-16;

A&P 24:5-6.

7a A&P 64:5; 84:19.

b PTS Misteri-misteri
Tuhan.

berfirman kepadamu bahawa kamu haruslah pergi kepada "bangsa Laman dan mengkhutbahkan ^bInjil-Ku kepada mereka; dan sejauh mana mereka menerima ajaran-ajaranmu engkau haruslah menyebabkan gereja-Ku untuk ditubuhkan di kalangan mereka; dan engkau akan memperoleh wahyu-wahyu, tetapi janganlah menuliskannya dengan cara perintah.

9 Dan sekarang, lihatlah, Aku berfirman kepadamu bahawa ia belumlah diwahyukan, dan tidak seorang pun tahu di mana "Kota ^bSion akan dibangunkan, tetapi ia akan diberikan selepas ini. Lihatlah, Aku berfirman kepadamu bahawa ia akan berada di sempadan-sempadan dekat dengan bangsa Laman.

10 Janganlah engkau meninggalkan tempat ini sehinggalah selepas persidangan; dan hamba-Ku Joseph akan dipilih untuk mengetuai persidangan oleh suaranya, dan apa yang dia katakan kepadamu haruslah engkau beritahu.

11 Dan lagi, engkau haruslah mengajak saudaramu, Hiram Page,

"di antara dia dan engkau sendiri, dan memberitahu dia bahawa hal-hal yang telah dia tuliskan dari batu itu bukanlah daripada-Ku dan bahawa ^bSetan telah "memperdayakannya;

12 Kerana, lihatlah, hal-hal ini belumlah ditugaskan kepadanya, tidak juga apa pun akan ditugaskan kepada sesiapa pun dari gereja ini yang bertentangan dengan perjanjian-perjanjian gereja.

13 Kerana segala hal mesti dilakukannya dengan teratur, dan dengan "persetujuan bersama di dalam gereja, melalui doa dengan iman.

14 Dan engkau haruslah membantu untuk menyelesaikan segala hal ini, menurut perjanjian-perjanjian gereja, sebelum engkau memulakan perjalananmu ke kalangan bangsa Laman.

15 Dan ia akan "diberikan kepadamu dari waktu engkau pergi, sehinggalah waktu engkau akan kembali, apa yang engkau harus lakukan.

16 Dan engkau mesti membuka mulutmu pada setiap masa, memaklumkan Injil-Ku dengan suara kesukacitaan. Amin.

BAHAGIAN 29

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di dalam hadirat enam orang penatua, di Fayette, New York, September 1830. Wahyu ini diberikan beberapa hari sebelum persidangan, bermula pada tarikh 26 September 1830.

8a 2 Ne. 3:18-22;
A&P 30:5-6; 32:1-3.
b A&P 3:19-20.
9a A&P 57:1-3.

b A&P 52:42-43.
PTS Sion.
11a Mat. 18:15.
b Why. 20:10.

c A&P 43:5-7.
13a PTS Persetujuan
Bersama.
15a 2 Ne. 32:3, 5.

1-8, Kristus mengumpulkan umat pilihan-Nya; 9-11, Kedatangan-Nya membawakan Zaman Seribu Tahun; 12-13, Dua Belas Rasul akan menghakimi seluruh Israel; 14-21, Tanda, wabak, dan kemusnahan akan mendahului Kedatangan Kedua; 22-28, Kebangkitan terakhir dan penghakiman akhir menyusuli Zaman Seribu Tahun; 29-35, Segala sesuatu adalah rohani bagi Tuhan; 36-39, Iblis dan bala tenteranya dicampak keluar dari syurga untuk menggoda manusia; 40-45, Kejatuhan dan Korban Tebusan membawa keselamatan; 46-50, Anak-anak kecil ditebus melalui Korban Tebusan.

DENGARKANLAH suara Yesus Kristus, Penebusmu, "AKU Yang Agung, lengan belas^bkasihan-Nya telah 'menebus dosa-dosamu.

2 Yang akan "mengumpulkan umat-Nya bahkan bagaikan seekor ayam betina mengumpulkan anak-anaknya di bawah sayapnya, bahkan seberapa banyak yang akan mendengar suara-Ku dan ^bmerendahkan hati mereka di hadapan-Ku, dan meminta kepada-Ku dalam doa yang membara.

3 Lihatlah, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa pada waktu ini

dosa-dosamu "diampuni bagimu, oleh kerana itu kamu menerima hal-hal ini; tetapi ingatlah untuk tidak lagi berdosa, agar jangan bahaya datang ke atas dirimu.

4 Sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu bahawa kamu dipilih dari dunia untuk memaklumkan Injil-Ku dengan suara kesuka-citaan, bagaikan dengan "bunyi sangkakala.

5 Angkatlah hatimu dan bergembiralah, kerana Aku berada di "tengah-tengahmu, dan Aku adalah ^bpembelamu dengan Bapa; dan ia adalah kemahuan-Nya yang baik untuk memberimu 'kerajaan itu.

6 Dan, seperti yang tertulis—Apa pun yang akan kamu "minta dalam ^biman, 'dipersatukan dalam doa menurut perintah-Ku, akan kamu terima.

7 Dan kamu dipanggil untuk mendatangkan "pengumpulan ^bumat pilihan-Ku; kerana umat pilihan-Ku 'mendengar suara-Ku dan tidak mengeraskan "hati mereka;

8 Kerana itu perintah telah tersebar luas daripada Bapa bahawa mereka akan "dikumpulkan di satu tempat di permukaan tanah ini, untuk ^bmenyediakan hati mereka dan bersedia dalam segala

29 1a PTS AKU.
b PTS Belas Kasihan, Berbelas Kasihan.
c PTS Menebus, Korban Tebusan.
2a Mat. 23:37;
3 Ne. 10:4-6.
b PTS Rendah Hati, Kerendahan Hati.
3a PTS Mengampuni.

4a Alma 29:1-2;
A&P 19:37; 30:9.
5a Mat. 18:20;
A&P 6:32; 38:7;
88:62-63.
b PTS Pembela.
c PTS Kerajaan Tuhan atau Kerajaan Syurga.
6a Mat. 21:22; Yoh. 14:13.
b Mrk. 11:24.

c 3 Ne. 27:1-2; A&P 84:1.
7a PTS Israel—
Pengumpulan Israel.
b Mrk. 13:20;
A&P 84:34.
PTS Umat Pilihan.
c Alma 5:37-41.
d PTS Hati.
8a A&P 45:64-66; 57:1.
b A&P 58:6-9; 78:7.

hal menghadapi hari itu apabila ‘kesengsaraan dan kemusnahan dihantar kepada yang jahat.

9 Kerana masanya sudah dekat dan harinya akan segera tiba apabila bumi sudah matang; dan semua yang “sombong dan mereka yang melakukan kejahatan akan menjadi bagaikan ^btunggul jerami; dan Aku akan ‘membakar mereka, firman Tuhan Semesta Alam, agar kejahatan tidak akan berada di atas bumi;

10 Kerana masanya sudah dekat, dan apa yang “diucapkan oleh para rasul-Ku mesti digenapi; kerana seperti yang mereka ucapkan demikianlah akan terjadi;

11 Kerana Aku akan menunjukkan diri-Ku dari syurga dengan kuasa dan kemuliaan yang besar, dengan seluruh “bala tentera di sana, dan tinggal dalam ^bkebenaran bersama manusia di atas bumi selama ‘seribu tahun, dan yang jahat tidak akan bertahan.

12 Dan lagi, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, dan ia telah tersebar luas dalam sebuah perintah yang teguh, melalui kehendak Bapa, bahawa “para rasul-Ku, Dua

Belas yang bersama-Ku dalam pelayanan-Ku di Yerusalem, akan berdiri di sisi tangan kanan-Ku pada hari kedatangan-Ku dalam sebuah tiang ^bapi, berpakaian jubah kebenaran, dengan mahkota di atas kepala mereka, dalam ‘kemuliaan bahkan seperti Aku, untuk “menghakimi seluruh bani Israel, bahkan seberapa banyak yang telah mengasihi-Ku dan menaati perintah-perintah-Ku, dan tiada yang lain.

13 Kerana sebuah “sangkakala akan berbunyi dengan panjang dan nyaring, bahkan seperti di atas Gunung Sinai, dan seluruh bumi akan bergoncang, dan mereka akan ^bdatang—ya, bahkan orang ‘mati yang mati di dalam Aku, untuk menerima “mahkota kebenaran, dan dikenakan pakaian ke atas mereka, “bahkan seperti Aku, untuk berada bersama-Ku, agar kami boleh menjadi satu.

14 Tetapi, lihatlah, Aku berfirman kepadamu sebelum “hari yang besar ini akan datang ^bmatahari akan digelapkan, dan bulan akan berubah menjadi darah, dan bintang-bintang akan jatuh dari langit, dan akan ada ‘tanda-tanda

8c A&P 5:19; 43:17-27.

9a 2 Ne. 20:33;

3 Ne. 25:1.

pts Keangkuhan.

b Nah. 1:10; Mal. 4:1;

1 Ne. 22:15, 23;

JS—S 1:37.

c A&P 45:57; 63:34, 54; 64:24; 88:94; 101:23-25; 133:64.

pts Bumi—

Pembersihan bumi.

10a pts Kedatangan Kedua Yesus Kristus.

11a JS—M 1:37.

b pts Soleh, Kesolehan.

c pts Yesus Kristus—
Pemerintahan seribu tahun Kristus;
Zaman Seribu Tahun.

12a pts Rasul.

b Yes. 66:15-16;

A&P 130:7; 133:41.

c pts Kemuliaan;
Yesus Kristus—
Kemuliaan Yesus Kristus.

d Mat. 19:28; Luk. 22:30;

1 Ne. 12:9;

Morm. 3:18-19.

13a A&P 43:18; 45:45.

b A&P 76:50.

c A&P 88:97; 133:56.

d pts Mahkota;

Permuliaan.

e A&P 76:94-95;

84:35-39.

14a pts Kedatangan Kedua Yesus Kristus.

b Yl. 2:10; JS—M 1:33.

c pts Tanda-tanda Zaman Akhir.

yang lebih besar di langit di atas dan di bumi di bawah;

15 Dan akan ada tangisan dan "ratapan di kalangan banyak orang;

16 Dan akan ada "hujan batu yang dashyat dihantar untuk menghancurkan hasil-hasil tuaian bumi.

17 Dan akan terjadilah, kerana kejahatan dunia, bahawa Aku akan melakukan "pembalasan terhadap yang ^bjahat, kerana mereka tidak mahu bertaubat; kerana cawan kemarahan-Ku sudah penuh; kerana lihatlah, ^cdarah-Ku tidak akan membersihkan mereka jika mereka tidak mendengar-Ku.

18 Kerana itu, Aku Tuhan Raja akan menghantar banyak lalat ke atas permukaan bumi, yang akan melanda penduduknya, dan akan memakan daging mereka, dan akan menyebabkan ulat-ulat datang ke atas mereka;

19 Dan lidah mereka akan dikeluarkan agar mereka tidak akan "bersuara menentang-Ku; dan daging mereka akan jatuh terlepas dari tulang-tulang mereka, dan mata mereka dari rongganya;

20 Dan akan terjadilah bahawa "binatang buas di hutan dan burung di udara akan melahap mereka.

21 Dan gereja yang besar dan "keji itu, yang merupakan ^bpelacur di seluruh bumi, akan dicampakkan dengan ^capi pelahap, seperti yang diucapkan oleh mulut Yehezkiel si nabi, yang berbicara tentang hal-hal ini, yang belum terjadi tetapi ^dsemestinya akan terjadi, seperti mana Aku hidup, kerana kekejian tidak akan berkuasa.

22 Dan lagi, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu bahawa apabila zaman "seribu tahun berakhir, dan manusia mula menyangkal Tuhan mereka kembali, kemudian Aku akan melepaskan bumi tetapi untuk suatu ^bmasa yang singkat;

23 Dan "pengakhiran itu akan datang, dan langit dan bumi akan dilenyapkan dan ^bberlalu, dan akan terdapat langit yang baru dan sebuah ^cbumi yang baru.

24 Kerana semua hal yang lama akan "berlalu, dan semua hal akan menjadi baru, bahkan langit dan bumi, dan seluruh kegenapannya, baik manusia mahupun binatang buas, burung-burung di udara, dan ikan di laut;

25 Dan tiada sehelai "rambut pun, tidak juga zarah, akan hilang, kerana ia adalah hasil kerja tangan-Ku.

15a Mat. 13:42.

16a Yeh. 38:22;

Why. 11:19; 16:21.

17a Why. 16:7-11;

2 Ne. 30:10;

JS—M 1:53-55.

pts Pembalasan.

^b pts Jahat, Kejahatan.

^c 1 Yoh. 1:7;

Alma 11:40-41;

A&P 19:16-18.

19a Za. 14:12.

20a Yes. 18:6;

Yeh. 39:17;

Why. 19:17-18.

21a pts Iblis—Gereja iblis.

^b Why. 19:2.

^c Yl. 1:19-20; 2:3;

A&P 97:25-26.

pts Bumi—

Pembersihan bumi.

^d A&P 1:38.

22a pts Zaman Seribu

Tahun.

^b Why. 20:3;

A&P 43:30-31;

88:110-111.

23a Mat. 24:14.

pts Dunia—Akhir

dunia.

^b Mat. 24:35;

JS—M 1:35.

^c pts Bumi—Tahap

terakhir bumi.

24a Why. 21:1-4.

25a Alma 40:23.

26 Tetapi, lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, sebelum bumi akan berlalu, “Mikhael, ^bmalaikat agung-Ku, akan membunyikan ‘sangkakalanya, dan pada waktu itu semua yang mati akan “bangun, kerana kuburan mereka akan dibukakan, dan mereka akan “datang—ya, bahkan semuanya.

27 Dan yang “soleh akan dikumpulkan pada sisi ^btangan kanan-Ku kepada kehidupan kekal; dan yang jahat pada sisi tangan kiri-Ku yang akan Aku malu akui di hadapan Bapa;

28 Kerana Aku akan berfirman kepada mereka—“Pergilah daripada-Ku, kamu yang terkuat, ke dalam ^bapi yang abadi, yang disediakan untuk ‘iblis dan para malaikatnya.

29 Dan sekarang, lihatlah, Aku berfirman kepadamu, tidak pernah pada bila-bila masa pun Aku maklumkan daripada mulut-Ku sendiri bahawa mereka akan kembali, kerana “di mana Aku berada mereka tidak dapat datang, kerana mereka tidak memiliki kuasa.

30 Tetapi ingatlah bahawa segala penghakiman-Ku tidak diberikan kepada manusia; dan seperti firman-firman itu telah tersebar luas daripada mulut-Ku begitu-lah ia akan digenapi, bahawa yang “pertama akan menjadi yang terakhir, dan bahawa yang terakhir

akan menjadi yang pertama dalam segala hal apa pun yang telah Aku ciptakan melalui firman kuasa-Ku, yang merupakan kuasa Roh-Ku.

31 Kerana melalui kuasa Roh-Ku Aku telah “menciptakan mereka; ya, segala sesuatu baik ^brohani mahupun duniawi—

32 Pertamanya “rohani, yang kedua duniawi, yang merupakan permulaan pekerjaan-Ku; dan sekali lagi, pertamanya duniawi, dan yang kedua rohani, yang merupakan pekerjaan-Ku yang terakhir—

33 Berfirman kepadamu agar kamu boleh memahami secara alamiah; tetapi bagi diri-Ku pekerjaan-Ku tiada “pengakhiran, tiada juga permulaan; tetapi ia diberikan kepadamu agar kamu boleh memahami, kerana kamu telah memintanya daripada-Ku dan dipersetujui.

34 Kerana itu, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu bahawa segala sesuatu bagi-Ku adalah rohani, dan tidak pada bila-bila masa pun Aku memberikan kepadamu suatu hukum yang duniawi; tidak juga seorang pun, tidak juga anak-anak manusia; tidak juga Adam, bapamu, yang telah Aku ciptakan.

35 Lihatlah, Aku memberi kepadanya bahawa dia haruslah menjadi seorang “wakil bagi dirinya;

26a prs Adam;
Mikhael.
b prs Malaikat Agung.
c 1 Kor. 15:52–55.
d prs Baqa, Kebaqaan;
Kebangkitan.
e Yoh. 5:28–29.
27a prs Soleh, Kesihatan.

b Mat. 25:33.
prs Penghakiman
Terakhir.
28a Mat. 25:41; A&P 29:41.
b A&P 43:33.
c prs Iblis.
29a Yoh. 7:34; A&P 76:112.
30a Mat. 19:30;

1 Ne. 13:42.
31a prs Mencipta,
Penciptaan.
b Musa 3:4–5.
32a prs Penciptaan Roh.
33a Mzm. 111:7–8;
Musa 1:4.
35a prs Hak pilihan.

dan Aku memberikan kepadanya perintah, tetapi bukan perintah duniawi yang Aku berikan kepadanya, kerana ^bperintah-perintah-Ku adalah rohani; ianya bukanlah alamiah tidak juga duniawi, tidak juga badaniah tidak juga berhawa nafsu.

36 Dan terjadilah bahawa Adam, digoda oleh iblis—kerana, lihatlah, “iblis ada sebelum Adam, kerana dia ^bmemberontak melawan-Ku, mengatakan, Berilah aku ^ckehormatan-Mu, iaitu ^dkuasa-Ku; dan juga ^esepertiga daripada ^fbala tentera syurga dia palingkan daripada-Ku kerana ^ghak pilihan mereka;

37 Dan mereka dibuang, dan demikianlah terjadinya “iblis dan ^bpara malaikatnya;

38 Dan, lihatlah, ada sebuah tempat yang disediakan bagi mereka sejak dari permulaan, yang mana tempat itu adalah “neraka.

39 Dan mestilah perlu bahawa iblis akan “menggoda anak-anak manusia, atau mereka tidak dapat menjadi juru wakil diri mereka sendiri; kerana jika mereka tidak pernah merasakan ^bpahit mereka

tidak dapat mengenal yang manis—

40 Kerana itu, terjadilah bahawa iblis menggoda Adam, dan dia memakan “buah terlarang dan melanggar perintah, dimana dia menjadi ^btunduk pada kehendak iblis, kerana dia menyerah pada godaan.

41 Kerana itu, Aku, Tuhan Raja, menyebabkan agar dia harus “diusir dari Taman ^bEden, dari hadirat-Ku, kerana pelanggaranannya, dimana dia menjadi mati secara ^crohani, iaitu kematian pertama, bahkan kematian yang sama yang merupakan ^dkematian terakhir, yang adalah rohani, yang akan dinyatakan kepada yang jahat apabila Aku akan berfirman: Pergilah, kamu yang ^eterkutuk.

42 Tetapi, lihatlah, Aku berfirman kepadamu bahawa Aku, Tuhan Raja, memberikan kepada Adam dan kepada benih keturunannya, bahawa mereka tidak akan “mati sehubungan dengan kematian duniawi, sehingga Aku, Tuhan Raja, akan mengutuskan ^bpara malaikat untuk memaklumkan kepada mereka ^cpertaubatan dan

35b *pts* Perintah-perintah Tuhan.

36a A&P 76:25–26; Musa 4:1–4.

b *pts* Majlis di Syurga.

c *pts* Hormat.

d Yes. 14:12–14;

A&P 76:28–29.

e Why. 12:3–4.

f A&P 38:1; 45:1.
pts Kehidupan Pra-fana.

g *pts* Hak pilihan.

37a *pts* Iblis.

b 2 Ptr. 2:4;

Yud. 1:6;

Musa 7:26.

pts Malaikat-malaikat.

38a *pts* Neraka.

39a Musa 4:3–4.
pts Godaan,

Menggoda.

b Musa 6:55.

40a Kej. 3:6;

Musa 4:7–13.

b 2 Ne. 10:24;

Mosia 16:3–5;

Alma 5:41–42.

41a *pts* Kejatuhan Adam dan Hawa.

b *pts* Eden.

c *pts* Kematian Rohani.

d Alma 40:26.

e A&P 29:27–28;
76:31–39.

42a 2 Ne. 2:21.

pts Kematian Jasmani.

b Alma 12:28–30.

c *pts* Bertaubat, Pertaubatan.

^apenebusan, melalui iman pada nama ^ePutera Tunggal-Ku.

43 Dan demikianlah telah Aku, Tuhan Raja, menetapkan bagi manusia masa ^apercubaannya—agar melalui kematian alaminya dia boleh ^bdibangkitkan dalam ^ekebaqaan pada ^akehidupan abadi, bahkan seberapa banyak yang akan percaya;

44 Dan mereka yang tidak percaya pada ^akelaknatan abadi; kerana mereka tidak dapat ditebus dari kejatuhan rohani mereka, kerana mereka tidak bertaubat;

45 Kerana mereka lebih mengasihii kegelapan daripada terang, dan ^aperbuatan mereka adalah jahat, dan mereka menerima ^bupah mereka daripada siapa yang ingin mereka patuhi.

46 Tetapi lihatlah, Aku berfirman kepadamu, bahawa ^aanak kecil ^bditebus sejak pengasasan dunia melalui Anak Tunggal-Ku;

47 Kerana itu, mereka tidak dapat berdosa, kerana kuasa tidak diberikan kepada Setan untuk ^amenggoda anak kecil, sehingga mereka mula menjadi ^bbertanggungjawab di hadapan-Ku;

48 Kerana diberikan kepada mereka bahkan seperti yang Aku kehendaki, menurut kesenangan-Ku sendiri, agar hal-hal yang besar akan dituntut dari tangan ^anenek moyang mereka.

49 Dan, lagi, Aku berfirman kepadamu, bahawa barang siapa memiliki pengetahuan, tidakkah Aku perintahkan untuk bertaubat?

50 Dan dia yang tidak memiliki ^apemahaman, terserahlah pada-Ku untuk melakukan menurut apa yang tertulis. Dan sekarang, Aku tidak memaklumkan apa pun lagi kepadamu pada waktu ini. Amin.

BAHAGIAN 30

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada David Whitmer, Peter Whitmer Jr., dan John Whitmer, di Fayette, New York, September 1830, mengikut persidangan tiga hari di Fayette, tetapi sebelum para penatua Gereja berpisah. Pada asalnya bahan ini diterbitkan sebagai tiga buah wahyu; ia digabungkan ke dalam satu bahagian oleh Nabi untuk Ajaran dan Perjanjian edisi 1835.

42d prs Tebus, Ditebus,
Penebusan.

e Musa 5:6–8.

43a Alma 12:24; 42:10.

b prs Kebangkitan.

c Musa 1:39.

prs Baqa, Kebaqaan.

d prs Kehidupan Abadi.

44a A&P 19:7–12.

prs Laknat.

45a Yoh. 3:18–20;
A&P 93:31–32.

b Mosia 2:32–33;

Alma 3:26–27; 5:41–42;
30:60.

46a Moro. 8:8, 12;

A&P 93:38.

prs Anak, Anak-anak.

b A&P 74:7.

prs Tebus, Ditebus,

Penebusan.

47a prs Godaan,
Menggoda.

b prs Bertanggungjawab,
Laporan,
Pertanggungjawaban.

48a A&P 68:25.

50a A&P 137:7–10.

prs Pemahaman.

1-4, *David Whitmer ditegur kerana gagal melayani dengan tekun; 5-8, Peter Whitmer Jr. akan menyertai Oliver Cowdery dalam sebuah misi kepada bangsa Laman; 9-11, John Whitmer dipanggil untuk mengkhutbahkan Injil.*

LIHATLAH, Aku berfirman kepadamu, "David, bahawa kamu ^btakut kepada manusia dan tidak ^cbersandar kepada-Ku untuk kekuatan sebagaimana yang seharusnya kamu lakukan.

2 Tetapi fikiranmu berada pada hal-hal dari ^abumi lebih daripada hal tentang Aku, Penciptamu, dan pada pelayanan yang kamu telah dipanggil; dan kamu tidak mengendahkan Roh-Ku, dan kepada mereka yang ditempatkan ke atas dirimu, tetapi telah dipujuk oleh mereka yang tidak Aku perintahkan.

3 Kerana itu, kamu ditinggalkan untuk bertanya bagi dirimu daripada tangan-Ku, dan ^amerenungkan tentang hal-hal yang telah kamu terima.

4 Dan tempat tinggalmu adalah di rumah ayahmu, sehinggalah Aku memberi kepadamu perintah-perintah yang selanjutnya. Dan kamu haruslah melaksanakan ^apelayanan di dalam gereja, dan di hadapan dunia, dan di kawasan-kawasan sekitarnya. Amin.

5 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu, ^aPeter, bahawa kamu haruslah melakukan ^bperjalananmu bersama saudaramu Oliver; kerana ^cwaktunya telah tiba bahawa Aku merasakan sesuai bahawa kamu haruslah membuka mulutmu untuk memaklumkan Injil-Ku; oleh kerana itu, janganlah takut, tetapi ^dendahkanlah perkataan dan nasihat saudaramu, yang akan dia berikan kepadamu.

6 Dan sengsaralah kamu dalam segala kesengsaraannya, sentiasa mengangkat hatimu kepada-Ku dalam doa dan iman, bagi pembebasan dia dan kamu; kerana Aku telah memberikan kepadanya kuasa untuk membangunkan ^agereja-Ku di kalangan ^bbangsa Laman;

7 Dan tiada seorang pun telah Aku lantik untuk menjadi penasihat ^akepadanya di dalam gereja, tentang masalah-masalah gereja, melainkan saudaranya, Joseph Smith Jr.

8 Kerana itu, endahkanlah hal-hal ini dan tekunlah dalam menaati perintah-perintah-Ku, dan kamu akan diberkati menuju kehidupan abadi. Amin.

9 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu, hamba-Ku John, bahawa engkau harus bermula sejak dari saat ini untuk ^amemaklumkan Injil-Ku, bagaikan dengan ^bbunyi sangkakala.

30 1a PTS David Whitmer.
b Kis. 5:29.
c 2 Taw. 16:7-9.
2a A&P 25:10.
3a PTS Merenungkan.
4a PTS Melayani;
Pelayanan.

5a PTS Peter Whitmer Jr.
b A&P 32:1-3.
c A&P 11:15.
d PTS Nasihat;
Penyokongan para
Pemimpin Gereja.
6a PTS Gereja Yesus

Kristus Orang Suci
Zaman Akhir.
b A&P 3:20; 49:24.
pts Bangsa Laman.
7a A&P 20:2-3.
9a A&P 15:6.
b A&P 33:2.

10 Dan pekerjaanmu haruslah berada di kediaman saudaramu Philip Burroughs, dan di kawasan sekitarnya, ya, di mana pun kamu dapat didengari, sehinggalah Aku memerintahkanmu untuk pergi dari tempat ini.

11 Dan seluruh pekerjaanmu

akan berada di Sion, dengan segenap jiwamu, sejak dari sekarang; ya, kamu haruslah sentiasa membuka mulutmu dalam tujuan-Ku, tidak ^atakut terhadap apa yang ^bmanusia dapat lakukan, kerana Aku ^cbersamamu. Amin.

BAHAGIAN 31

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Thomas B. Marsh, September 1830. Ini terjadi sejurus selepas sebuah persidangan Gereja (lihat pengenalan untuk bahagian 30). Thomas B. Marsh telah dibaptiskan pada awal pada bulan itu dan telah ditahbiskan sebagai penatua di dalam Gereja sebelum wahyu ini diberikan.

1–6, *Thomas B. Marsh dipanggil untuk mengkhutbahkan Injil dan diyakinkan akan kesejahteraan keluarganya; 7–13, Dia dinasihati untuk bersabar, berdoa selalu, dan mengikut Penolong.*

^aTHOMAS, anak-Ku, diberkatilah engkau kerana imanmu pada pekerjaan-Ku.

2 Lihatlah, kamu telah mengalami banyak kesengsaraan kerana keluargamu; walaupun demikian, Aku akan memberkatimu dan keluargamu, ya, anak-anakmu yang kecil; dan masanya tiba bahawa mereka akan mempercayai dan mengetahui kebenaran dan menjadi satu bersamamu di dalam gereja-Ku.

3 Angkatlah hatimu dan bersukacitalah, kerana masa bagi misimu telah tiba; dan lidahmu akan dilembutkan, dan kamu akan memaklumkan khabar ^agembira tentang kebahagiaan yang besar kepada generasi ini.

4 Kamu haruslah ^amemaklumkan hal-hal yang telah diwahyukan kepada hamba-Ku, Joseph Smith Jr. Kamu haruslah mula berkhutbah sejak dari waktu ini, ya, untuk menuai di ladang yang telah ^bputih sedia untuk dibakar.

5 Oleh kerana itu, ^ahayunkanlah sabitmu dengan segenap jiwamu, dan dosa-dosamu ^bdiampuni bagimu, dan kamu akan disaratkan dengan ^cberkas-berkas gandum di belakangmu, kerana si ^dpekerja

11 *a* PTS Berani, Keberanian; Takut.
b Yes. 51:7.
c Mat. 28:19–20.
31 *1 a* PTS Thomas B.

Marsh.
3 *a* Yes. 52:7; Luk. 2:10–11; Mosia 3:3–5.
4 *a* Mosia 18:19; A&P 42:12; 52:36.

b A&P 4:4–6.
5 *a* Why. 14:15.
b PTS Mengampuni.
c A&P 79:3.
d Luk. 10:3–11; A&P 75:24.

layak akan upahnya. Kerana itu, keluargamu akan hidup.

6 Lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, pergilah daripada mereka hanya untuk waktu yang singkat, dan maklumkanlah firman-Ku, dan Aku akan sediakan sebuah tempat bagi mereka.

7 Ya, Aku akan "membuka hati orang-orang ini, dan mereka akan menerimamu. Dan Aku akan menubuhkan sebuah jemaah gereja melalui tanganmu;

8 Dan kamu haruslah "mengunjungi mereka dan menyediakan mereka untuk waktu mereka akan dikumpulkan.

9 "Bersabarlah dalam ^bkesengsaraan, janganlah mencaci mereka yang mencaci maki. Aturlah seisi 'rumahmu dengan kelembutan hati, dan tabahlah.

10 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu bahawa kamu haruslah menjadi tabib bagi gereja, tetapi tidak bagi dunia, kerana mereka tidak akan menerimamu.

11 Pergilah pada jalanmu ke mana pun Aku kehendaki, dan akan diberikan kepadamu oleh "Penolong apa yang kamu harus lakukan dan ke mana kamu harus pergi.

12 "Berdoalah selalu, agar jangan kamu masuk ke dalam ^bgodaan dan kehilangan ganjaranmu.

13 "Setialah sampai akhir, dan lihatlah, Aku ^bbersamamu. Firman-firman ini bukannya daripada manusia tidak juga dari manusia, tetapi daripada-Ku, bahkan Yesus Kristus, Penebusmu, melalui 'kehendak Bapa. Amin.

BAHAGIAN 32

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Parley P. Pratt dan Ziba Peterson, di Manchester, New York, awal Oktober 1830. Minat dan hasrat yang besar dirasakan oleh para penatua terhadap bangsa Laman, yang mana berkat-berkat mereka yang telah diramalkan telah diketahui oleh Gereja dari Kitab Mormon. Sebagai akibatnya, permohonan dibuat agar Tuhan mahu menyatakan kehendak-Nya sama ada para penatua harus diutus pada waktu itu kepada suku-suku Kaum Asli Amerika di Barat. Wahyu ini diberikan.

1-3, Parley P. Pratt dan Ziba Peterson dipanggil untuk berkhotbah kepada bangsa Laman dan untuk menyertai Oliver Cowdery dan Peter

Whitmer Jr.; 4-5, Mereka mesti berdoa untuk suatu pemahaman akan tulisan suci.

7a pts Penukaran hati,
Bertukar hati.

8a A&P 81:5; 108:7.

9a pts Kesabaran.

b pts Kesusahan.

c pts Keluarga—

Tanggungjawab Ibu
bapa.

11a pts Penolong;
Roh Kudus.

12a 3 Ne. 18:17-21.

pts Doa.

b pts Godaan,
Menggoda.

13a pts Bertahan.

b Mat. 28:20.

c pts Yesus Kristus—
Wewenang.

DAN sekarang berkenaan dengan hamba-Ku "Parley P. Pratt, lihatlah, Aku berfirman kepadanya bahawa seperti mana Aku hidup Aku menghendaki agar dia haruslah memaklumkan Injil-Ku dan ^bbelajar daripada-Ku, dan menjadi lembut dan rendah hati.

2 Dan apa yang telah Aku tetapkan kepadanya adalah bahawa dia haruslah "pergi bersama hambahamba-Ku, Oliver Cowdery dan Peter Whitmer, Jr., ke padang belantara di kalangan ^bbangsa Laman.

3 Dan "Ziba Peterson juga haruslah pergi bersama mereka; dan

Aku sendiri akan pergi bersama mereka dan berada di ^btengah-tengah mereka; dan Aku ialah "pembela mereka dengan Bapa, dan tidak ada yang akan berjaya melawan mereka.

4 Dan mereka haruslah "mengendahkan apa yang telah ditulis, dan tidak mengakui ^bwahyu lain; dan mereka haruslah berdoa selalu agar Aku boleh "membuka-kan yang sama pada "pemahaman mereka.

5 Dan mereka haruslah mengendahkan firman ini dan jangan mempermainkannya, dan Aku akan memberkati mereka. Amin.

BAHAGIAN 33

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Ezra Thayer dan Northrop Sweet, di Fayette, New York, Oktober 1830. Dalam pengenalan wahyu ini, sejarah Joseph Smith menegaskan bahawa "Tuhan . . . sentiasa bersedia untuk mengarahkan mereka yang tekun mencari dalam iman."

1–4, Para pekerja dipanggil untuk memaklumkan Injil pada jam yang kesebelas; 5–6, Gereja ditubuhkan, dan orang-orang pilihan akan dikumpulkan; 7–10, Bertaubatlah, kerana kerajaan syurga di depan mata; 11–15, Gereja dibangunkan di atas batu Injil; 16–18, Bersedialah untuk kedatangan Pengantin Lelaki.

LIHATLAH, Aku berfirman kepa-

damu, hamba-Ku Ezra dan Northrop, bukalah telinga kamu dan dengarlah suara Tuhan Rajamu, yang mana "firman-Nya hidup dan penuh kuasa, lebih tajam daripada sebilah pedang bermata dua, untuk pembelahan tulang sendi dan sumsum, jiwa dan roh; dan adalah yang mengetahui pemikiran dan ^bmaksud hati.

2 Kerana sesungguhnya

32 1a PTS Parley Parker Pratt.

b Mat. 11:28–30.

2a A&P 28:8; 30:5.

b A&P 3:18–20.

3a A&P 58:60.

b Mat. 18:20;

A&P 6:32; 38:7.

c PTS Pembela.

4a 1 Ne. 15:25;

A&P 84:43–44.

b A&P 28:2.

c JS—S 1:74.

d PTS Pemahaman.

33 1a Ibr. 4:12;

Hel. 3:29–30.

b Alma 18:32;

A&P 6:16.

seungguhnya, Aku berfirman kepadamu bahawa kamu dipanggil untuk mengangkat suaramu bagaikan "bunyi sangkakala, untuk memaklumkan Injil-Ku kepada suatu generasi yang berputar belit dan suka membantah.

3 Kerana lihatlah, "ladang telah memutih sedia dituai; dan inilah jam yang ^bkesebelas, dan ^cmasa yang terakhir Aku akan memanggil para pekerja ke dalam ladang anggur-Ku.

4 Dan "ladang anggur-Ku telah menjadi ^brosak bahkan setiap bahagian yang kecil pun; dan tidak ada yang ^cbaik kecuali beberapa sahaja; dan mereka "keliru dalam banyak hal kerana ^cpenipuan imam, semuanya memiliki fikiran yang rosak.

5 Dan sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa "gereja ini telah Aku ^btubuhkan dan dikeluarkan dari padang belantara.

6 Dan demikian juga Aku akan "mengumpulkan umat pilihan-Ku dari ^bkeempat-empat penjuru bumi, bahkan seberapa banyak yang akan percaya kepada-Ku, dan mendengar suara-Ku.

7 Ya, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa ladang telah memutih sedia dituai;

kerana itu, hayunkanlah sabitmu, dan tuailah dengan segenap daya, fikiran, dan kekuatanmu.

8 "Bukalah mulut-mulutmu dan ia akan dipenuhi, dan kamu akan menjadi bahkan seperti ^bNefi dahulu kala, yang melakukan perjalanan dari Yerusalem di padang belantara.

9 Ya, bukalah mulut-mulutmu dan janganlah menahan diri, dan kamu akan disarati dengan "berkas-berkas gandum di belakangmu, kerana lihatlah, Aku bersamamu.

10 Ya, bukalah mulut-mulutmu dan ia akan dipenuhi, mengatakan: "Bertaubatlah, bertaubatlah, dan kamu sediakanlah jalan Tuhan, dan jadikanlah jalan-Nya lurus; kerana kerajaan syurga di depan mata;

11 Ya, bertaubat dan "dibaptiskanlah, setiap orang daripada kamu, untuk pengampunan dosadosamu; ya, dibaptiskanlah bahkan dengan air, dan kemudian datanglah pembaptisan dengan api dan dengan Roh Kudus.

12 Lihatlah, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, inilah "Injil-Ku; dan ingatlah bahawa mereka harus menunjukkan iman kepada-Ku atau mereka tidak akan sekali-kali dapat diselamatkan;

2a Yes. 58:1.

3a Yoh. 4:35;

A&P 4:4; 12:3; 14:3.

b Mat. 20:1-16.

c Yakub 5:71;

A&P 43:28.

4a prs Ladang Anggur Tuhan.

b 2 Ne. 28:2-14;

Morm. 8:28-41.

c Rm. 3:12;

A&P 35:12.

d 2 Ne. 28:14.

e prs Penipuan Imam.

5a prs Gereja Yesus

Kristus Orang Suci

Zaman Akhir.

b prs Pemulihan Injil.

6a prs Israel—

Pengumpulan Israel.

b 1 Ne. 19:15-17.

8a A&P 88:81.

b 2 Ne. 1:26-28.

9a Mzm. 126:6;

Alma 26:3-5;

A&P 75:5.

10a Mat. 3:1-3.

11a prs Pembaptisan,

Membaptis.

12a 3 Ne. 27:13-22.

13 Dan di atas ^abatu ini Aku akan membangunkan gereja-Ku; ya, di atas batu ini kamu dibangunkan, dan jika kamu meneruskan, ^bpintu-pintu gerbang neraka tidak akan berjaya melawanmu.

14 Dan kamu haruslah mengingati ^afasal-fasal dan perjanjian gereja untuk mentaatinya.

15 Dan barang siapa menunjukkan iman kamu haruslah ^amene-tapkannya di dalam gereja-Ku, melalui perletakan ^btangan, dan Aku akan memberikan ^ckurnia Roh Kudus ke atas diri mereka.

16 Dan Kitab Mormon dan ^atulisan suci yang kudus diberikan oleh-Ku untuk ^barahanmu; dan kuasa Roh-Ku ^cmenghidupkan segala sesuatu.

17 Kerana itu, setialah, berdoalah selalu, memastikan pelitamu yang dijaga dan menyala, dan minyak bersamamu, agar kamu boleh bersedia semasa kedatangan ^aPengantin Lelaki—

18 Kerana lihatlah, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa Aku ^adatang dengan cepat. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 34

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Orson Pratt, di Fayette, New York, 4 November 1830. Saudara Pratt berumur sembilan belas tahun pada waktu itu. Dia telah bertukar hati dan dibaptiskan semasa dia pertama kali mendengar pengkhotbahannya Injil yang dipulihkan melalui abangnya, Parley P. Pratt, enam minggu sebelumnya. Wahyu ini diterima di rumah Peter Whitmer Sr.

1–4, Yang setia menjadi anak-anak Tuhan melalui Korban Tebusan; 5–9, Pengkhotbahannya Injil menyediakan jalan bagi Kedatangan Kedua; 10–12, Nubuat datang melalui kuasa Roh Kudus.

ANAK-KU ^aOrson, dengar dan lihatlah apa yang akan Aku, Tuhan

Raja, firmankan kepadamu, bahkan Yesus Kristus Penebusmu;

2 ^aCahaya dan kehidupan dunia, suatu cahaya yang bersinar dalam kegelapan dan kegelapan itu tidak memahaminya;

3 Yang sangat ^amengasihi dunia sehingga ^bDia ^cmemberikan nyawa-Nya sendiri, agar seberapa

13a PTS Batu.

b Mat. 16:16–19;
A&P 10:69–70.

14a IAITU A&P 20

(lihat pengenalan
bahagian 20). A&P
42:13.

15a A&P 20:41.

b PTS Perletakan Tangan.
c PTS Kurnia Roh

Kudus.

16a PTS Tulisan Suci.

b 2 Tim. 3:16.

c Yoh. 6:63.

17a Mat. 25:1–13.

PTS Pengantin Lelaki.

18a Why. 22:20.

PTS Kedatangan
Kedua Yesus Kristus.

34 1a PTS Orson Pratt.

2a Yoh. 1:1–5.

PTS Cahaya,
Cahaya Kristus.

3a Yoh. 3:16; 15:13.

PTS Kasih.

b PTS Penebus.

c PTS Menebus, Korban
Tebusan;
Tebus, Ditebus,
Penebusan.

banyak yang akan percaya boleh menjadi "anak-anak Tuhan. Kerana itu kamu ialah anak-Ku;

4 Dan "diberkatilah kamu kerana kamu telah percaya;

5 Dan lebih diberkatilah kamu kerana kamu "dipanggil oleh-Ku untuk mengkhutbahkan Injil-Ku—

6 Untuk mengangkat suaramu bagaikan bunyi sangkakala, dengan panjang dan nyaring, dan "menyerukan pertaubatan kepada suatu generasi yang berputar belit dan suka membantah, menyediakan jalan Tuhan untuk ^bkedatangan kedua-Nya.

7 Kerana lihatlah, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, "waktunya akan segera tiba apabila Aku akan datang dalam ^bawan dengan kuasa dan kemuliaan yang besar.

8 Dan ia akan menjadi satu "hari yang besar pada waktu

kedatangan-Ku, kerana segala bangsa akan ^bgemetar.

9 Tetapi sebelum hari yang besar itu akan datang, matahari akan digelapkan, dan bulan berubah menjadi darah; dan bintang-bintang enggan bersinar, dan ada yang akan jatuh, dan kehancuran yang besar menunggu yang jahat.

10 Kerana itu, angkatlah suaramu dan janganlah "menahan diri, kerana Tuhan Raja telah berfirman; oleh kerana itu bernubuatlah, dan ia akan diberikan melalui ^bkuasa Roh Kudus.

11 Dan jika kamu setia, lihatlah, Aku bersamamu sehingga Aku datang—

12 Dan sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, Aku datang dengan cepat. Aku ialah Tuhanmu dan Penebusmu. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 35

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith dan Sidney Rigdon, di atau berdekatan Fayette, New York, 7 Disember 1830. Pada waktu ini, Nabi terlibat hampir setiap hari dalam membuat penterjemahan Alkitab. Terjemahan itu dimulakan bahkan sejak Jun 1830, dan kedua-dua Oliver Cowdery dan John Whitmer telah melayani sebagai jurutulis. Disebabkan mereka sekarang telah dipanggil pada kewajipan lain, Sidney Rigdon dipanggil melalui pelantikan ilahi untuk melayani sebagai jurutulis Nabi dalam pekerjaan ini (lihat ayat 20). Sebagai kata pengantar tentang catatannya akan wahyu ini, sejarah Joseph

3d Yoh. 1:9-12;
Rm. 8:14, 16-17;
Musa 6:64-68.
pts Para Putera dan
Puteri Tuhan.
4a Yoh. 20:29.
5a pts Dipanggil oleh

Tuhan, Memanggil,
Panggilan.
6a A&P 6:9.
b pts Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.
7a Why. 1:3.
b Luk. 21:27.

8a Yl. 2:11; Mal. 4:5;
A&P 43:17-26.
pts Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.
b Yes. 64:2.
10a Yes. 58:1.
b 2 Ptr. 1:21.

Smith menyatakan: "Pada bulan Disember Sidney Rigdon datang [dari Ohio] untuk bertanya kepada Tuhan, dan bersamanya datanglah Edward Partridge. . . . Tidak lama selepas ketibaan dua saudara ini, demikianlah firman Tuhan."

1-2, Bagaimana manusia boleh menjadi anak-anak Tuhan; 3-7, Sidney Rigdon dipanggil untuk membaptis dan untuk menganugerahkan Roh Kudus; 8-12, Tanda-tanda dan mukjizat dikerjakan melalui iman; 13-16, Para hamba Tuhan akan membanting bangsa-bangsa melalui kuasa Roh; 17-19, Joseph Smith memegang kunci-kunci misteri; 20-21, Umat pilihan akan bertahan pada hari kedatangan Tuhan; 22-27, Israel akan diselamatkan.

DENGARKANLAH suara "Tuhan Rajamu, bahkan ^bAlfa dan Omega, permulaan dan pengakhiran, yang 'jalan-Nya adalah satu kitaran abadi, yang ^dsama hari ini seperti kelmarin, dan selamanya.

2 Aku ialah Yesus Kristus, Putera Tuhan, yang telah ^adisalahkan bagi dosa-dosa dunia, bahkan seberapa banyak yang akan ^bpercaya pada nama-Ku, agar mereka boleh menjadi ^canak-anak Tuhan, bahkan ^dsatu di dalam Aku seperti Aku adalah ^esatu di dalam Bapa, seperti Bapa adalah satu di dalam Aku, agar kita boleh menjadi satu.

3 Lihatlah, sesungguhnya, Aku berfirman kepada hamba-Ku Sidney, Aku telah melihat engkau dan pekerjaanmu. Aku telah mendengar doadoamu, dan menyediakan engkau untuk sebuah pekerjaan yang lebih besar.

4 Engkau diberkati, kerana engkau akan melakukan hal-hal yang besar. Lihatlah engkau diutus, bahkan seperti "Yohanes, untuk menyediakan jalan di hadapan-Ku, dan sebelum ^bElia yang akan datang, dan engkau tak mengetahuinya.

5 Engkau telah membaptis dengan air untuk pertaubatan, tetapi mereka "tidak menerima Roh Kudus;

6 Tetapi sekarang Aku memberi kepadamu sebuah perintah, agar engkau haruslah "membaptis dengan air, dan mereka akan menerima ^bRoh Kudus melalui perletakan ^ctangan, bahkan seperti para rasul zaman dahulu.

7 Dan akan terjadi bahawa akan ada sebuah pekerjaan yang besar di tanah ini, bahkan di kalangan "bangsa bukan Israel, kerana

35 1a PTS Tuhan.
b Why. 1:8.
PTS Alfa dan Omega.
c 1 Ne. 10:19; A&P 3:2.
d Ibr. 13:8;
A&P 38:1-4; 39:1-3.
2a PTS Penyaliban.
b A&P 20:25; 45:5, 8.
c PTS Para Putera dan

Putera Tuhan.
d Yoh. 17:20-23.
PTS Kesatuan.
e PTS Tuhan, Kesatuan
Ketuhanan.
4a Mal. 3:1; Mat. 11:10;
1 Ne. 11:27;
A&P 84:27-28.
b 3 Ne. 25:5-6;

A&P 2:1; 110:13-15.
5a Kis. 19:1-6.
6a PTS Pembaptisan,
Membaptis.
b PTS Kurnia Roh
Kudus.
c PTS Perletakan Tangan.
7a PTS Bangsa bukan
Israel.

kebodohan mereka dan kekejian mereka akan dinyatakan di mata semua orang.

8 Kerana Aku ialah Tuhan, dan lengan-Ku tidak "dipendekkan; dan Aku akan memperlihatkan ^bmukjizat, ^ctanda-tanda, dan keajaiban, kepada mereka semua yang ^dpercaya pada nama-Ku.

9 Dan barang siapa akan memintanya dalam nama-Ku dalam "iman, mereka akan ^bmengusir "iblis; mereka akan ^dmenyembuhkan yang sakit; mereka akan menyebabkan yang buta mendapat penglihatan mereka, dan yang tuli mendengar, dan yang bisu berbicara, dan yang lumpuh berjalan.

10 Dan waktunya akan segera tiba bahawa hal-hal yang besar akan ditunjukkan kepada anak-anak manusia;

11 Tetapi "tanpa iman tiada apa pun akan ditunjukkan kecuali ^bkemusnahan ke atas "Babilon, yang sama yang telah membuatkan segala bangsa meminum wain kemurkaan dari ^dkekejian dosanya.

12 Dan "tak seorang pun melakukannya kebaikan kecuali mereka yang sedia menerima kegenapan Injil-Ku, yang telah Aku hantarkan kepada generasi ini.

13 Kerana itu, Aku memanggil mereka yang "lemah dari dunia ini, mereka yang ^btidak terpelajar dan yang dikeji, untuk membanting bangsa-bangsa dengan kuasa Roh-Ku;

14 Dan lengan mereka akan menjadi lengan-Ku, dan Aku akan menjadi "perisai mereka dan perisai kecil mereka; dan Aku akan menyediakan diri mereka, dan mereka akan berperang dengan beraninya bagi-Ku; dan ^bmusuh mereka akan berada di bawah kaki mereka; dan Aku akan membiarkan pedang itu "jatuh demi kepentingan mereka, dan dengan ^dapi kemarahan-Ku akan Aku akan melindungi mereka.

15 Dan yang "miskin dan yang ^blembut hati akan mendapatkan Injil dikhutbahkan kepada mereka, dan mereka akan "menanti-nantikan waktu kedatangan-Ku, kerana ia sudah ^ddi depan mata—

16 Dan mereka akan mempelajari perumpamaan tentang "pokok ara, kerana bahkan sekarang musim panas telah dekat.

17 Dan Aku telah menghantarkan "kegenapan Injil-Ku melalui tangan hamba-Ku ^bJoseph; dan

8a Yes. 50:2; 59:1.

b prs Mukjizat.

c prs Tanda.

d prs Kepercayaan,
Percaya.

9a prs Iman.

b Mrk. 16:17.

c Mrk. 1:21-45.

d prs Sembuh,
Penyembuhan.

11a A&P 63:11-12.

b A&P 5:19-20.

c prs Babel, Babilon.

d Why. 18:2-4.

12a Rm. 3:10-12;

A&P 33:4; 38:10-11;
84:49.

13a 1 Kor. 1:27;

A&P 1:19-23; 124:1.

b Kis. 4:13.

14a 2 Sam. 22:2-3.

b A&P 98:34-38.

c A&P 1:13-14.

d A&P 128:24.

15a Mat. 11:5.

b prs Lembut Hati,

Kelembutan Hati.

c 2 Ptr. 3:10-13;

A&P 39:23; 45:39;

Musa 7:6.

d A&P 63:53.

16a Mat. 24:32;

A&P 45:36-38;

JS—M 1:38.

prs Tanda-tanda

Zaman Akhir.

17a A&P 42:12.

b A&P 135:3.

dalam kelemahannya telah Aku berkati dia;

18 Dan Aku telah memberi kepadanya “kunci-kunci misteri tentang hal-hal yang telah ^bdime-teraikan itu, bahkan hal yang ada sejak ^cpengasasan dunia, dan hal yang akan datang sejak dari waktu ini sehingga waktu kedatangan-Ku, jika dia tinggal di dalam Aku, dan jika tidak, seorang yang lain akan Aku tempatkan sebagai penggantinya.

19 Kerana itu, jagalah dia agar imannya tidak gagal, dan ia akan diberikan oleh ^aPenghibur, ^bRoh Kudus, yang mengetahui segala sesuatu.

20 Dan sebuah perintah Aku berikan kepadamu—agar engkau haruslah ^amenulis untuknya; dan tulisan suci akan diberikan, bahkan seperti yang ada di dada-Ku sendiri, untuk keselamatan ^bumat pilihan milik-Ku.

21 Kerana mereka akan mende-ngar ^asuara-Ku, dan akan melihat-Ku, dan tidak akan tertidur, dan akan ^bbertahan pada hari ^ckedatangan-Ku; kerana mereka akan disucikan, bahkan seperti Aku adalah ^dsuci.

22 Dan sekarang Aku berfirman “kepadamu, tinggallah bersamanya, dan dia akan melakukan perjalanan bersamamu; janganlah meninggalkannya, dan hal-hal ini pasti akan digenapi.

23 Dan “sejauh mana kamu tidak menulis, lihatlah, akan diberikan kepadanya untuk bernubuat; dan engkau akan mengkhutbahkan Injil-Ku dan merujuk kepada ^bpara nabi kudus untuk membuktikan perkataannya, seperti yang akan diberikan kepadanya.

24 ^aTaatilah semua perintah dan perjanjian yang mana kamu telah terikat padanya; dan Aku akan menyebabkan langit ^bbergoncang demi kebaikanmu, dan ^cSetan akan gemetar dan Sion akan ^dbersuka-cita di atas bukit-bukit dan tumbuh subur;

25 Dan “Israel akan ^bdiselamatkan pada waktu-Ku sendiri yang tepat; dan melalui ^ckunci-kunci yang telah Aku berikan mereka akan dipimpin, dan tidak lagi dikelirukan sama sekali.

26 Angkat hatimu dan bergembiralah, “penebusanmu semakin dekat.

27 Janganlah takut, kawan

18a A&P 84:19.

b Dan. 12:9;
Mat. 13:35;
2 Ne. 27:10–11;
Eter 4:4–7;
JS—S 1:65.

c A&P 128:18.

19a Yoh. 14:16, 26; 15:26.
pts Penolong.

b pts Roh Kudus.

20a Nabi Joseph Smith pada waktu ini sibuk dengan penterjemahan yang berwahyu untuk

Alkitab, dimana Sidney Rigdon dipanggil sebagai jurutulis.

b pts Umat Pilihan.

21a Yl. 2:11;
A&P 43:17–25; 88:90;
133:50–51.

b Mal. 3:2–3.

c pts Kedatangan Kedua Yesus Kristus.

d pts Murni, Kemurnian.

22a A&P 100:9–11.

23a IAITU bila Sidney

Rigdon tidak sibuk dengan menulis.

b IAITU tulisan suci.

24a A&P 103:7.

b A&P 21:6.

c 1 Ne. 22:26.

d pts Kegembiraan.

25a pts Israel.

b Yes. 45:17;

1 Ne. 19:15–16; 22:12.

c pts Kunci-kunci Imam.

26a Luk. 21:28.

kecil, ^akerajaan adalah milikmu | Aku ^bdatang dengan cepat. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 36

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Edward Partridge, berdekatan dengan Fayette, New York, 9 Disember 1830 (lihat pengenalan untuk bahagian 35). Sejarah Joseph Smith menyatakan bahawa Edward Partridge "adalah teladan kealiman, dan salah seorang orang kuat Tuhan."

1-3, Tuhan meletakkan tangan-Nya ke atas Edward Partridge melalui tangan Sidney Rigdon; 4-8, Setiap lelaki yang menerima Injil dan imamat mesti dipanggil untuk pergi dan berkhotbah.

DEMIKIANLAH firman Tuhan Raja, "Yang Perkasa dari Israel: Lihatlah, Aku berfirman kepadamu, hamba-Ku ^bEdward, bahawa kamu diberkati, dan dosa-dosamu diampuni bagimu, dan kamu dipanggil untuk mengkhutbahkan Injil-Ku bagaikan bunyi sangkakala;

2 Dan Aku akan meletakkan "tangan-Ku ke atas dirimu melalui tangan hamba-Ku Sidney Rigdon, dan kamu akan menerima Roh-Ku, Roh Kudus, bahkan ^bPenolong, yang akan mengajarmu hal-hal ^ckedamaian tentang kerajaan;

3 Dan kamu akan memaklumkanannya dengan suara nyaring, mengatakan: Hosana, terpujilah nama Tuhan yang maha tinggi.

4 Dan sekarang, panggilan dan perintah ini Aku berikan kepadamu tentang semua orang—

5 Bahawa seberapa banyak yang akan datang ke hadapan hamba-hamba-Ku Sidney Rigdon dan Joseph Smith Jr., memeluk panggilan dan perintah ini, haruslah ^aditahbiskan dan dihantar untuk ^bmengkhutbahkan Injil abadi di kalangan bangsa-bangsa itu—

6 Menyerukan pertaubatan, mengatakan: "Selamatkanlah dirimu dari generasi yang nahas ini, dan keluarlah dari api, bencilah bahkan ^bpakaian yang ternoda dengan daging.

7 Dan perintah ini akan diberikan kepada para penatua gereja-Ku, agar setiap orang yang akan memeluknya dengan kesatuan hati boleh ditahbiskan dan diutus, bahkan seperti yang telah Aku firmankan.

8 Aku ialah Yesus Kristus, Putera

27a prs Kerajaan Tuhan atau Kerajaan Syurga.
b Why. 22:20.
36 1a prs Yehovah; Yesus Kristus.

b A&P 41:9-11.
2a prs Perletakan Tangan.
b prs Penolong; Roh Kudus.
c A&P 42:61.
5a A&P 63:57.

prs Tahbis, Pentahbisan.
b prs Mengkhutbahkan.
6a Kis. 2:40.
b Yud. 1:23.

Tuhan; kerana itu, persiapkanlah dirimu dan Aku akan datang | secara tiba-tiba ke "bait suci-Ku. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 37

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith dan Sidney Rigdon, berdekatan dengan Fayette, New York, Disember 1830. Di dalamnya diberikan perintah pertama tentang sebuah pengumpulan pada zaman keagamaan ini.

1-4, Para Orang Suci dipanggil untuk berkumpul di Ohio.

LIHATLAH, Aku berfirman kepadamu bahawa belumlah perlu menurut-Ku bahawa kamu akan "menterjemahkan lagi sehinggalah kamu harus pergi ke Ohio, dan ini disebabkan oleh musuh dan demi kepentinganmu.

2 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu bahawa kamu janganlah pergi sehingga kamu telah mengkhutbahkan Injil-Ku di bahagian-bahagian itu, dan telah menguatkan gereja di mana-mana

pun ia berada, dan terutamanya di "Colesville; kerana, lihatlah, mereka berdoa kepada-Ku dengan iman yang besar.

3 Dan lagi, sebuah perintah Aku berikan kepada gereja, bahawa adalah perlu menurut-Ku agar mereka akan berhimpun bersama di "Ohio, menunggu waktu apabila hamba-Ku Oliver Cowdery akan kembali kepada mereka.

4 Lihatlah, inilah kebijaksanaan, dan biarlah setiap orang "memilih bagi dirinya sehingga Aku datang. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 38

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Fayette, New York, 2 Januari 1831. Kejadiannya adalah sebuah persidangan Gereja.

1-6, Kristus menciptakan segala sesuatu; 7-8, Dia berada di tengah-tengah para Orang Suci-Nya, yang tidak lama lagi akan melihat-Nya; 9-12, Semua daging mereput di hadapan-Nya; 13-22, Dia telah memperuntukkan negeri yang

dijanjiakan untuk para Orang Suci-Nya pada waktu ini dan dalam keabadian; 23-27, Para Orang Suci diperintahkan untuk menjadi satu dan menghormati satu sama lain sebagai saudara; 28-29, Peperangan diramalkan; 30-33, Para Orang Suci

8a Mal. 3:1.
37 1a IAITU penterjemahan Alkitab sudah berada

dalam proses.
2a A&P 24:3; 26:1.
3a IAITU negeri Ohio.

A&P 38:31-32.
4a PTS Hak pilihan.

akan diberi kuasa dari syurga dan pergi ke kalangan semua bangsa; 34-42, Gereja diperintahkan untuk menjaga yang miskin dan memerlukan dan untuk mencari kekayaan abadi.

DEMIKIANLAH firman Tuhan Rajamu, bahkan Yesus Kristus, "AKU Yang Agung, Alfa dan Omega, yang ^bawal dan yang akhir, yang sama yang melihat bentangan keabadian yang luas, dan seluruh ^cbala tentera serafim syurga, ^dsebelum dunia ^ediciptakan;

2 Yang sama yang ^amengetahui segala sesuatu, kerana ^bsegala sesuatu berada di hadapan mata-Ku;

3 Aku ialah yang sama yang berfirman, dan dunia ^adiciptakan, dan segala sesuatu datang melalui-Ku.

4 Aku ialah yang sama yang telah mengambil "Sion Henokh ke dada-Ku sendiri; dan sesungguhnya, Aku berfirman, bahkan seberapa banyak yang telah ^bpercaya dalam nama-Ku, kerana Aku ialah Kristus, dan dalam nama-Ku sendiri, berdasarkan kuasa ^cdarah yang telah Aku tumpahkan, Aku telah memohon di hadapan Bapa bagi mereka.

5 Tetapi lihatlah, sisa mereka yang ^ajahat telah Aku tahan dalam ^brantai kegelapan sehingga ^cpenghakiman pada hari yang besar itu, yang akan datang pada akhir bumi;

6 Dan demikian pula Aku akan menyebabkan yang jahat ditahan, yang tidak mahu mendengar suara-Ku tetapi mengeraskan hati mereka, dan celaka, celaka, celaka, adalah ajal mereka.

7 Tetapi lihatlah, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu bahawa ^amata-Ku adalah ke atas dirimu. Aku berada di ^btengah-tengahmu dan kamu tidak dapat melihat-Ku;

8 Tetapi harinya akan segera datang apabila kamu akan ^amelihat-Ku, dan mengetahui bahawa Aku ada; kerana tirai kegelapan tidak lama lagi akan dikoyakkan, dan dia yang tidak ^bdisucikan tidak akan ^cbertahan pada hari itu.

9 Kerana itu, persiapkan dirimu dan bersedialah. Lihatlah, ^akerajaan adalah milikmu, dan musuh tidak akan berkuasa.

10 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, kamu ^abersih, tetapi

38 1a PTS AKU.
b Why. 1:8.
c A&P 45:1.
d PTS Kehidupan Pra-fana.
e Mzm. 90:2.
2a A&P 88:41; Musa 1:35.
PTS Maha Mengetahui.
b Ams. 5:21; 2 Ne. 9:20.
3a Mzm. 33:6-9.
PTS Mencipta, Penciptaan.

4a TJS Kej. 14:25-40 (Lampiran); A&P 45:11-14; 76:66-67; 84:99-100; Musa 7:18-21.
PTS Sion.
b A&P 20:25; 35:2; 45:3-5.
c PTS Menebus, Korban Tebusan.
5a PTS Tidak Soleh, Ketidaksolehan.
b 2 Ptr. 2:4; Yud. 1:6.
PTS Neraka.

c PTS Penghakiman Terakhir.
7a A&P 1:1.
b A&P 6:32; 29:5.
8a Why. 22:4-5.
PTS Kedatangan Kedua Yesus Kristus.
b PTS Murni, Kemurnian.
c Mal. 3:2.
9a Luk. 6:20.
PTS Kerajaan Tuhan atau Kerajaan Syurga.
10a PTS Bersih dan Tidak Bersih.

tidak keseluruhannya; dan tiada orang yang lain kepadanya Aku sangat ^bberkenan;

11 Kerana semua ^adaging mereput di hadapan-Ku; dan kuasa ^bkegelapan berjaya di atas bumi, di kalangan anak-anak manusia, di hadapan seluruh bala tentera syurga—

12 Yang menyebabkan keheningan berkuasa, dan segala keabadian ^adisakiti, dan ^bpara malaikat menunggu perintah yang besar itu untuk ^cmenuai bumi, untuk mengumpulkan ^dlalang agar ia boleh ^edibakar; dan, lihatlah, musuh bergabung.

13 Dan sekarang, Aku memperlihatkan kepadamu suatu misteri, suatu hal yang ada di dalam bilik-bilik rahsia, untuk mendatangkan bahkan ^akehancuranmu dalam peredaran waktu, dan kamu tidak mengetahuinya;

14 Tetapi sekarang, Aku memberitahukannya kepadamu, dan kamu diberkati, bukan kerana kederhakaanmu, tidak juga hati ketidakpercayaanmu; kerana sesungguhnya segelintir daripada kamu bersalah di hadapan-Ku, tetapi Aku akan penuh belas kasihan pada kelemahan-kelemahanmu.

15 Oleh kerana itu, jadilah kamu ^akuat sejak dari sekarang; ^bjanganlah takut, kerana kerajaan adalah milikmu.

16 Dan untuk keselamatanmu Aku memberi kepadamu sebuah perintah, kerana Aku telah mendedngar doa-doamu, dan yang ^a“miskin telah mengeluh di hadapan-Ku, dan yang ^b“kaya telah Aku jadikan, dan semua daging adalah milik-Ku, dan Aku bukanlah ^c“orang yang pilih kasih.

17 Dan Aku telah menjadikan bumi kaya, dan lihatlah itu adalah ^a“bangku kaki-Ku, kerana itu, Aku akan berdiri di atasnya lagi.

18 Dan Aku menawarkan dan sudi memberi kepadamu kekayaan yang lebih besar, bahkan sebuah negeri yang dijanjikan, sebuah tanah yang dilimpahi dengan susu dan madu, yang mana di atasnya tidak akan ada kutukan apabila Tuhan datang;

19 Dan Aku akan memberikannya kepadamu untuk negeri warisanmu, jika kamu mencarinya dengan segenap hatimu.

20 Dan ini akan menjadi perjanjian-Ku denganmu, kamu akan memilikinya untuk negeri warisanmu, dan untuk ^a“warisan anak-anakmu selamanya, sementara bumi masih bertahan, dan kamu akan memilikinya lagi dalam keabadian, tidak lagi akan berlalu.

21 Tetapi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu bahawa tiba masanya kamu tidak akan

10 *b* A&P 1:30.

11 *a* Yes. 1:3–4;
A&P 33:4.

b Mi. 3:6;
A&P 112:23;
Musa 7:61–62.

12 *a* Musa 7:41.

b A&P 86:3–7.

c PTS Penuaian.

d A&P 88:94; 101:65–66.

e Mat. 13:30.

13 *a* A&P 5:32–33.

15 *a* PTS Berani,
Keberanian.

b PTS Takut—Takut
kepada manusia.

16 *a* Mosia 4:16–18.

b 1 Sam. 2:7.

c Kis. 10:34;

Moro. 8:11–12;

A&P 1:34–35.

17 *a* 1 Ne. 17:39;
Abr. 2:7.

20 *a* A&P 45:58.

mempunyai "raja tidak juga pemerintah, kerana Aku akan menjadi rajamu dan menjagamu.

22 Kerana itu, dengarlah suara-Ku dan "ikutlah Aku, dan kamu akan menjadi umat yang ^bbebas, dan kamu tidak akan memiliki hukum-hukum selain hukum-Ku apabila Aku datang, kerana Aku adalah "pemberi hukummu, dan apa yang dapat menahan tangan-Ku?

23 Tetapi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, "ajarlah satu sama lain menurut jabatan yang telah Aku lantikkan kepadamu;

24 Dan biarlah setiap orang "menjunjung tinggi saudaranya seperti dirinya, dan menjalankan ^bkebijaksanaan dan ^ckekudusan di hadapan-Ku.

25 Dan lagi aku berfirman kepadamu, biarlah setiap orang menghormati saudaranya seperti dirinya.

26 Kerana orang macam apakah di kalangan kamu yang mempunyai dua belas anak lelaki, dan tidak pilih kasih terhadap mereka, dan mereka melayaninya dengan patuh, dan dia berkata kepada yang seorang: Berpakailah engkau dengan jubah dan duduklah engkau di sini; dan kepada yang seorang lagi: Berpakailah engkau dengan pakaian

compang-camping dan duduklah engkau di sana—dan melihat kepada anak-anak lelakinya dan berkata aku adil?

27 Lihatlah, ini Aku berikan kepadamu sebagai sebuah perumpamaan, dan ia bahkan seperti Aku adanya. Aku berfirman kepadamu, jadilah "satu; dan jika kamu tidak bersatu kamu bukanlah milik-Ku.

28 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu bahawa musuh di dalam bilik-bilik rahsia mengancam "nyawamu.

29 Kamu mendengar tentang "peperangan di negeri-negeri yang jauh, dan kamu berkata bahawa tidak lama lagi akan ada peperangan besar di negeri-negeri yang jauh, tetapi kamu tidak mengenali hati orang-orang di negerimu sendiri.

30 Aku memberitahu kamu hal-hal ini kerana doa-doamu; kerana itu, "simpanlah baik-baik ^bkebijaksanaan di dalam dadamu, agar jangan kejahatan manusia menedahkan hal-hal ini kepadamu melalui kejahatan mereka, dengan suatu cara yang akan berbicara di telingamu dengan suara yang lebih nyaring daripada apa yang akan mengegarkan tanah; tetapi jika kamu bersedia kamu tidak akan takut.

21a Za. 14:9;

2 Ne. 10:14;

Alma 5:50.

22a Yoh. 10:27.

^b prs Yesus Kristus—
Pemerintahan seribu
tahun Kristus.

^c Yes. 33:22;

Mi. 4:2;

A&P 45:59.

23a A&P 88:77-79, 118,
122.

prts Ajar, Pengajar.

24a Ul. 17:20;

1 Kor. 4:6.

^b A&P 46:33.

prts Hemah.

^c prs Kekudusan.

27a Yoh. 17:21-23;

1 Kor. 1:10;

Ef. 4:11-14;

3 Ne. 11:28-30;

Musa 7:18.

prts Kesatuan.

28a A&P 5:33; 38:13.

29a A&P 45:26, 63; 87:1-5;
130:12.

30a JS—M 1:37.

^b prts Kebijaksanaan.

31 Dan agar kamu boleh terlepas daripada kuasa musuh, dan dikumpulkan kepada-Ku sebagai umat yang soleh, "tanpa noda dan tanpa salah—

32 Kerana itu, kerana sebab ini Aku memberi kepadamu perintah agar kamu haruslah pergi ke "Ohio; dan di sana Aku akan memberikan kepadamu ^bhukum-Ku; dan di sana kamu akan 'dianugerahi dengan kuasa dari syurga;

33 Dan dari sana, barang siapa yang Aku kehendaki akan "pergi ke kalangan segala bangsa, dan akan diberitahukan kepada mereka apa yang harus mereka lakukan; kerana Aku menyediakan suatu pekerjaan yang besar, kerana Israel akan ^bdiselamatkan, dan Aku akan menuntun mereka ke mana pun Aku kehendaki, dan tidak ada kuasa yang akan 'menahan tangan-Ku.

34 Dan sekarang, Aku memberikan kepada jemaah gereja di tempat-tempat ini sebuah perintah, agar orang-orang tertentu di antara mereka harus dilantik, dan mereka akan dilantik melalui "suara gereja;

35 Dan mereka haruslah memerhatikan yang miskin dan yang memerlukan, dan "membantu mereka agar mereka tidak menderita; dan menghantar mereka ke tempat yang telah Aku perintahkan kepada mereka;

36 Dan ini akan menjadi pekerjaan mereka, untuk mengurus urusan-urusan harta milik gereja ini.

37 Dan mereka yang memiliki tanah pertanian yang tidak dapat dijual, biarlah ia ditinggalkan atau disewakan seperti yang kelihatannya sesuai bagi mereka.

38 Pastikan bahawa segala sesuatu dipelihara; dan apabila orang-orang "dianugerahi dengan kuasa dari syurga dan diutus, segala sesuatu ini akan dikumpulkan ke dada gereja.

39 Dan jika kamu mencari "kekayaan yang merupakan kehendak Bapa untuk diberikan kepadamu, kamu akan menjadi yang paling kaya dari semua orang, kerana kamu akan memperoleh kekayaan keabadian; dan mestilah perlu bahawa ^bkekayaan bumi adalah milik-Ku untuk diberikan; tetapi berhati-hatilah akan 'keangkuhan, agar jangan kamu menjadi seperti "bangsa Nefi zaman dahulu.

40 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu, Aku memberi kepadamu sebuah perintah, agar setiap orang, baik penatua, imam, pengajar, mahupun juga anggota, pergi dengan dayanya, dengan kerja "tangannya, untuk menyediakan dan menyelesaikan hal-hal yang telah Aku perintahkan.

41 Dan biarlah "pengkhotbah-

31a 2 Ptr. 3:14.

32a A&P 37:3.

b A&P 42.

c Luk. 24:49;

A&P 39:15; 95:8;
110:9-10.

33a pts Pekerjaan
Penginjalan.

b Yes. 45:17;

Yer. 30:10;

A&P 136:22.

c Dan. 4:35.

34a pts Persetujuan
Bersama.

35a pts Kebajikan.

38a pts Anugerahan.

39a Yakub 2:17-19;

A&P 11:7.

b Hag. 2:8.

c pts Keangkuhan.

d Moro. 8:27.

40a 1 Kor. 4:12.

41a pts Mengkhotbahkan.

anmu menjadi suara ^bperingatan, setiap orang kepada sesamanya, dalam kelunakan hati dan dalam kelembutan hati.

42 Dan pergilah kamu “keluar

dari kalangan yang jahat. Selamatkanlah dirimu. Jadilah kamu bersih yang menyandang bejana Tuhan. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 39

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada James Covell, di Fayette, New York, 5 Januari 1831. James Covell, yang telah menjadi seorang pendeta Methodist selama kira-kira empat puluh tahun, membuat perjanjian dengan Tuhan bahawa dia akan mematuhi apa pun perintah yang Tuhan akan berikan kepadanya melalui Joseph si Nabi.

1–4, Para Orang Suci memiliki kuasa untuk menjadi anak-anak Tuhan; 5–6, Menerima Injil adalah menerima Kristus; 7–14, James Covell diperintahkan untuk dibaptiskan dan bekerja di dalam ladang anggur Tuhan; 15–21, Para hamba Tuhan mesti mengkhutbahkan Injil sebelum Kedatangan Kedua; 22–24, Mereka yang menerima Injil akan dikumpulkan pada waktu ini dan dalam keabadian.

DENGARKANLAH suara-Nya yang ada dari segala “keabadian ke segala keabadian, ^bAKU Yang Agung, bahkan Yesus Kristus—

2 “Cahaya dan kehidupan dunia; suatu cahaya yang bersinar dalam kegelapan dan kegelapan itu tidak memahaminya;

3 Yang sama yang datang pada

“pertengahan zaman kepada umat milik-Ku, dan umat milik-Ku tidak menerima-Ku;

4 Tetapi kepada seberapa banyak yang menerima-Ku, Aku berikan kuasa untuk menjadi “anak-anak-Ku; dan demikian pula Aku akan berikan kepada seberapa banyak yang akan menerima-Ku, kuasa untuk menjadi anak-anak-Ku.

5 Dan sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, dia yang menerima Injil-Ku “menerima-Ku; dan dia yang tidak menerima Injil-Ku tidak menerima-Ku.

6 Dan inilah “Injil-Ku—pertaubatan dan pembaptisan dengan air, dan kemudian datanglah ^bpembaptisan dengan api dan Roh Kudus, bahkan Penolong, yang memperlihatkan segala hal, dan

41 *b* pts Amaran, Memberi Amaran.

42 *a* Yes. 52:11.

39 1 *a* Ibr. 13:8; A&P 20:12; 35:1; 38:1–4.

b Kel. 3:14.

pts Yehovah.

2 *a* pts Cahaya, Cahaya Kristus.

3 *a* A&P 20:26;

Musa 6:57, 62.

4 *a* Yoh. 1:12.

pts Para Putera dan Puteri Tuhan.

5 *a* Yoh. 13:20.

6 *a* pts Bertaubat, Pertaubatan;

Injil;

Pembaptisan,

Membaptis.

b pts Dilahirkan Semula, Dilahirkan oleh Tuhan; Roh Kudus.

“mengajarkan hal-hal kedamaian tentang kerajaan.

7 Dan sekarang, lihatlah, Aku berfirman kepadamu, hamba-Ku “James, Aku telah melihat pekerja-anmu dan Aku mengenali engkau.

8 Dan sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, hatimu sekarang adalah benar di hadapan-Ku pada waktu ini; dan, lihatlah, Aku telah memberikan berkat-berkat besar ke atas kepalamu;

9 Walaupun demikian, engkau telah melihat kedukaan yang besar, kerana engkau telah menolak-Ku berulang kali kerana keangkuhan dan kekhuatiran “dunia.

10 Tetapi, lihatlah, masa pembedaanmu telah datang, jika engkau akan mendengar suara-Ku, yang memfirmankan kepadamu: Bangkit dan “dibaptiskanlah, dan basuhlah dosa-dosamu, memanggil nama-Ku, dan kamu akan menerima Roh-Ku, dan suatu berkat yang begitu besar seperti yang belum pernah kamu ketahui.

11 Dan jika engkau melakukan ini, Aku telah menyediakan engkau untuk sebuah pekerjaan yang lebih besar. Engkau akan mengkhutbahkan kegenapan Injil-Ku, yang telah Aku hantarkan pada zaman terakhir ini, perjanjian yang telah Aku hantarkan untuk “memulihkan umat-Ku, yang merupakan dari bani Israel.

12 Dan akan terjadi bahawa

kuasa akan “diberikan ke atas dirimu; engkau harus menunjukkan iman yang besar, dan Aku akan bersertamu dan pergi dari hadapan mukamu.

13 Engkau dipanggil untuk “bekerja di dalam ladang anggur-Ku, dan untuk membangunkan gereja-Ku, dan untuk ^bmendatangkan Sion, agar ia boleh bersukacita di atas bukit-bukit dan “tumbuh subur.

14 Lihatlah, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, engkau tidak dipanggil untuk pergi ke negara-negara sebelah timur, tetapi engkau dipanggil untuk pergi ke Ohio.

15 Dan sejauh mana umat-Ku akan berhimpun bersama di Ohio, Aku telah menyimpan sebuah “berkat seperti yang belum diketahui di kalangan anak-anak manusia, dan ia akan dicurahkan ke atas kepala mereka. Dan dari sana mereka akan pergi ke ^bsegala “bangsa.

16 Lihatlah, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa orang-orang di Ohio meminta kepada-Ku dengan banyak iman, berfikir Aku akan menahan tangan-Ku dalam penghakiman atas bangsa-bangsa itu, tetapi Aku tidak dapat menyangkal firman-Ku.

17 Kerana itu kerahkanlah dengan dayamu dan panggillah

6c A&P 42:61.

7a A&P 40:1.

9a Mat. 13:22.

10a A&P 40.

pts Pembaptisan,
Membaptis.

11a pts Israel—

Pengumpulan Israel.

12a 2 Kor. 12:9.

13a Mat. 20:1-16.

b Yes. 52:8.

c A&P 117:7.

15a A&P 38:32; 95:8;

110:8-10.

b A&P 1:2.

c pts Pekerjaan

Penginjilan.

para pekerja yang setia ke dalam ladang anggur-Ku, agar ia boleh “dipangkas untuk kali terakhir.

18 Dan sejauh mana mereka ber-taubat dan menerima kegenapan Injil-Ku, dan menjadi kudus, Aku akan menahan tangan-Ku dalam “penghakiman.

19 Kerana itu, pergilah, berseru dengan suara nyaring, mengata-kan: Kerajaan syurga di depan mata; berseru: Hosana! terpujilah nama Tuhan Yang Mahatinggi.

20 Pergilah membaptis dengan air, menyediakan jalan di hadapan muka-Ku untuk waktu “kedatangan-Ku;

21 Kerana waktunya di depan mata; “hari atau jamnya tiada se-

rang pun yang ^btahu; tetapi ia pasti akan datang.

22 Dan dia yang menerima hal-hal ini menerima-Ku; dan mereka akan dikumpulkan kepada-Ku pada waktu ini dan dalam keabadi-an.

23 Dan lagi, akan terjadilah bahawa ke atas seberapa banyak yang akan kamu baptiskan dengan air, akan kamu letakkan “tanganmu, dan mereka akan menerima ^bkurnia Roh Kudus, dan akan ‘menanti-nantikan tanda-tanda “kedatangan-Ku, dan akan mengenal-Ku.

24 Lihatlah, Aku datang dengan cepat. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 40

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith dan Sidney Rigdon, di Fayette, New York, 6 Januari 1831. Mendahului catatan wahyu ini, sejarah Nabi menyatakan, “Kerana James [Covel] menolak firman Tuhan, dan kembali pada prinsip dan kelompok masyarakatnya yang terdahulu, Tuhan memberikan kepada saya dan Sidney Rigdon wahyu berikut” (lihat bahagian 39).

1–3, *Rasa takut terhadap penganiayaan dan kekhawatiran dunia menyebab-kan penolakan Injil.*

LIHATLAH, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa hati hamba-Ku “James Covel adalah benar di hadapan-Ku, kerana dia

membuat perjanjian dengan-Ku bahawa dia akan mematuhi firman-Ku.

2 Dan dia “menerima firman dengan kegembiraan, tetapi dengan segera Setan menggoda-danya; dan rasa takut terhadap ^bpenganiayaan dan kekhawatiran

17a Yakub 5:61–75;
A&P 24:19.

18a prs Yesus Kristus—
Hakim.

20a prs Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.

21a Mat. 24:36.

b JS—M 1:40.

23a prs Perletakan Tangan.

b prs Kurnia Roh Kudus.

c Why. 3:3;

A&P 35:15; 45:39–44.

d 2 Ptr. 3:10–14.

40 1a A&P 39:7–11.

2a Mrk. 4:16–19.

b Mat. 13:20–22.

prs Aniaya,
Penganiayaan.

dunia menyebabkan dia ‘menolak firman.

3 Kerana itu dia telah melanggar perjanjian-Ku, dan ianya terserah

kepada-Ku untuk melakukan terhadapnya seperti yang kelihatannya sesuai bagi-Ku. Amin.

BAHAGIAN 41

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Gereja, di Kirtland, Ohio, 4 Februari 1831. Wahyu ini mengarahkan Nabi dan penatua Gereja berdoa untuk menerima “hukum” Tuhan (lihat bahagian 42). Joseph Smith telah baru datang ke Kirtland dari New York, dan Leman Copley, seorang ahli Gereja berdekatan Thompson, Ohio, “memohon Brother Joseph dan Sidney [Rigdon] . . . tinggal bersama dia dan melengkapi rumah mereka dan bekalan.” Wahyu seterusnya menjelaskan di mana Joseph dan Sidney harus tinggal serta memanggil Edward Partridge sebagai Uskup Gereja pertama.

1–3, Para penatua akan menguruskan Gereja melalui roh wahyu; 4–6, Para pengikut yang sejati akan menerima dan mentaati hukum Tuhan; 7–12, Edward Partridge ditahbiskan sebagai uskup bagi Gereja.

DENGARLAH, Wahai kamu umat-Ku, firman Tuhan dan Rajamu, kamu yang senang Aku “berkati dengan berkat yang terbesar dari segala berkat, kamu yang mendengar-Ku; dan kamu yang tidak mendengar-Ku akan Aku ^bkutuk, yang telah ‘mengakui nama-Ku, dengan kutukan yang terberat dari segala kutukan.

2 Dengarlah, Wahai kamu penatua gereja-Ku yang telah Aku panggil, lihatlah Aku memberi

kepadamu sebuah perintah, agar kamu harus berhimpun bersama untuk “bersetuju ke atas firman-Ku;

3 Dan melalui doa dengan imanmu kamu akan menerima “hukum-Ku, agar kamu boleh mengetahui bagaimana menguruskan gereja-Ku dan menjadikan segala sesuatu benar di hadapan-Ku.

4 Dan Aku akan menjadi “pemerintahmu apabila Aku ^bdatang; dan lihatlah, Aku datang dengan cepat, dan kamu harus memastikan bahawa hukum-Ku ditaati.

5 Dia yang “menerima hukum-Ku dan ^bmelakukannya, merekalah pengikut-Ku; dan dia yang berkata dia menerimanya dan tidak

2c PTS Kemurtadan.

41 1a PTS Berkat, Diberkati, Memberkati.

b Ul. 11:26–28;

1 Ne. 2:23.

c A&P 56:1–4;

112:24–26.

2a PTS Kesatuan.

3a A&P 42.

4a Za. 14:9; A&P 45:59.

PTS Yesus Kristus—
Pemerintahan seribu

tahun Kristus.

b PTS Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.

5a Mat. 7:24.

b Yak. 1:22–25;

A&P 42:60.

melakukannya, mereka bukanlah pengikut-Ku, dan akan ‘diusir dari kalangan kamu;

6 Kerana tidaklah wajar bahawa hal-hal yang merupakan kepunyaan anak-anak kerajaan harus diberikan kepada mereka yang tidak layak, atau pada ‘anjing, atau ^bmutiara dilemparkan ke hadapan khinzir.

7 Dan lagi, adalah wajar bahawa hamba-Ku Joseph Smith Jr., harus membina sebuah ‘rumah, untuk tempat tinggal dan ^bmenterjemah.

8 Dan lagi, adalah wajar bahawa hamba-Ku Sidney Rigdon harus hidup seperti yang kelihatan sesuai baginya, sejauh dia mentaati perintah-perintah-Ku.

9 Dan lagi, Aku telah memanggil hamba-Ku ‘Edward Partridge; dan Aku memberikan sebuah perintah, agar dia haruslah dipilih mela-

lui suara gereja, dan ditahbiskan sebagai ^buskup bagi gereja, untuk meninggalkan barang dagangannya dan untuk ‘menggunakan seluruh waktunya dalam pekerjaan gereja;

10 Untuk menguruskan segala hal yang akan ditetapkan kepadanya dalam hukum-hukum-Ku pada hari Aku akan memberikannya.

11 Dan ini kerana hatinya suci di hadapan-Ku, kerana dia seperti ‘Natanael dahulu kala, yang tidak ada ^btipu daya dalam dirinya.

12 Firman ini diberikan kepadamu, dan ianya suci di hadapan-Ku; kerana itu, berhati-hatilah bagaimana kamu memegangnya, kerana ia akan dipertanggungjawabkan ke atas jiwamu pada hari penghakiman. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 42

Wahyu yang diberikan dalam dua bahagian melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 9 dan 23 Februari 1831. Bahagian pertama merangkumi ayat 1 sehingga 72, diterima di dalam kehadiran dua belas penatua dan dalam penggenapan janji Tuhan yang telah dibuat sebelumnya bahawa “hukum” akan diberikan di Ohio (lihat bahagian 38:32). Bahagian kedua merangkumi ayat 73 sehingga 93. Nabi menyatakan wahyu ini sebagai “kandungan hukum Gereja.”

1-10, Para penatua dipanggil untuk mengkhutbahkan Injil, membaptis yang insaf, dan membangunkan Gereja; 11-12, Mereka mesti

dipanggil dan ditahbiskan dan mesti mengajarkan asas-asas Injil yang terdapat di dalam tulisan suci; 13-17, Mereka mesti mengajar dan

5c A&P 50:8-9.
pts Penyingkiran.

6a Mat. 15:26.

b Mat. 7:6.

7a A&P 42:71.

b IAITU menerjemahkan Alkitab.

A&P 45:60-61.

9a A&P 36:1.

b A&P 72:9-12;

107:68-75.

pts Uskup.

c A&P 51.

11a Yoh. 1:47.

b pts Tipu muslihat.

berbuat melalui kuasa Roh; 18-29, Para Orang Suci diperintahkan untuk tidak membunuh, mencuri, berdusta, berhawa nafsu, berbuat zina, ataupun bercakap jahat terhadap orang lain; 30-39, Hukum-hukum yang mengatur pembaktian harta-harta dinyatakan; 40-42, Keangkuhan dan kemalasan ditekankan; 43-52, Yang sakit mesti disembuhkan melalui pelayanan dan dengan iman; 53-60, Tulisan suci mengatur Gereja dan mesti dimaklumkan kepada dunia; 61-69, Tempat untuk Yerusalem Baru dan misteri-misteri kerajaan akan didedahkan; 70-73, Harta-harta yang telah dibaktikan mesti digunakan untuk menyara para pemimpin Gereja; 74-93, Hukum-hukum yang mengatur permukahan, perzinaan, pembunuhan, kecurian, dan pengakuan dosa dinyatakan.

DENGARLAH, Wahai penatua-penatua gereja-Ku, yang telah berhimpun bersama dalam nama-Ku, bahkan Yesus Kristus Putera Tuhan yang hidup, Juruselamat dunia; sejauh kamu percaya pada nama-Ku dan mentaati perintah-perintah-Ku.

2 Lagi Aku berfirman kepadamu, dengar dan patuhilah "hukum yang akan Aku berikan kepadamu.

3 Kerana sesungguhnya Aku berfirman, kerana kamu telah berkumpul bersama menurut "perintah yang telah Aku perintahkan kamu, dan bersetuju

^bberkaitan dengan satu hal ini, dan telah meminta kepada Bapa dalam nama-Ku, demikianlah kamu akan menerima.

4 Lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Aku memberi kepadamu perintah yang pertama ini, bahawa kamu haruslah pergi dalam nama-Ku, setiap orang daripadamu, kecuali hamba-Ku Joseph Smith Jr., dan Sidney Rigdon.

5 Dan Aku memberikan kepada mereka sebuah perintah bahawa mereka harus pergi untuk suatu masa yang singkat, dan akan diberikan melalui kuasa "Roh bila mereka seharusnya kembali.

6 Dan kamu haruslah pergi dalam kuasa Roh-Ku, mengkhutbahkan Injil-Ku, "berdua-dua, dalam nama-Ku, mengangkat suaramu bagaikan dengan bunyi sangkakala, memaklumkan firman-Ku seperti para malaikat Tuhan.

7 Dan kamu haruslah pergi membaptiskan dengan air, mengatakan: Bertaubatlah kamu, bertaubatlah kamu, kerana kerajaan syurga di depan mata.

8 Dan dari tempat ini kamu haruslah pergi ke wilayah-wilayah di sebelah barat; dan sejauh kamu akan menemui mereka yang akan menerimamu kamu haruslah membangunkan gereja-Ku di setiap wilayah—

9 Sehingga waktu akan tiba apabila akan didedahkan kepadamu dari syurga, bila "Kota

^bYerusalem Baru akan dipersiapkan, agar kamu boleh ^cberkumpul menjadi satu, agar kamu boleh menjadi ^dumat-Ku dan Aku akan menjadi Tuhanmu.

10 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu, bahawa hamba-Ku ^aEdward Partridge haruslah berdiri pada jabatan yang telah Aku lantikan kepadanya. Dan akan terjadi, bahawa jika dia melanggar ^borang lain akan dilantik sebagai penggantinya. Demikianlah. Amin.

11 Lagi Aku berfirman kepadamu, bahawa tidak akan diberikan kepada sesiapa pun untuk pergi ^amengkhutbahkan Injil-Ku, atau untuk membangunkan gereja-Ku, kecuali dia ^bditahbisikan oleh seseorang yang memiliki ^cwewenang, dan diketahui oleh gereja bahawa dia memiliki wewenang dan telah secara rasminya ditahbisikan oleh ketua-ketua gereja.

12 Dan lagi, ^apara penatua, imam dan pengajar gereja ini haruslah ^bmengajarkan asas-asas Injil-Ku, yang ada di dalam ^cAlkitab dan ^dKitab Mormon, yang mana di dalamnya adalah kegenapan ^eInjil.

13 Dan mereka haruslah mentaati ^aperjanjian-perjanjian dan fasal gereja untuk melakukannya, dan ini akan menjadi ajaran mereka, sebagaimana mereka akan diarahkan oleh Roh.

14 Dan Roh akan diberikan kepadamu melalui ^adoa dengan iman; dan jika kamu tidak menerima ^bRoh janganlah kamu mengajar.

15 Dan semua ini kamu akan berusaha untuk lakukan seperti yang telah Aku perintahkan tentang ajaranmu, sehingga kegenapan ^atulisan suci-Ku diberikan.

16 Dan apabila kamu akan mengangkat suaramu melalui ^aPenolong, kamu haruslah berbicara dan bernubuat seperti yang kelihatannya baik bagi-Ku;

17 Kerana, lihatlah, Penolong mengetahui segala sesuatu, dan memberikan kesaksian tentang Bapa dan Putera.

18 Dan sekarang, lihatlah, Aku berfirman kepada gereja. Janganlah engkau ^amembunuh; dan dia yang ^bmembunuh tidak akan memperoleh pengampunan di dunia ini, tidak juga di dunia yang akan datang.

9b Eter 13:2-11;
A&P 45:66-71; 84:2-5;
Musa 7:62;
FK 1:10.
pts Yerusalem Baru.
c pts Israel—
Pengumpulan Israel.
d Za. 8:8.
10a A&P 41:9-11; 124:19.
b A&P 64:40.
11a pts Mengkhutbahkan.
b pts Dipanggil oleh
Tuhan, Memanggil,
Panggilan;
Tahbis, Pentahbisian.

c pts Imamat;
Wewenang.
12a pts Penatua.
b Mosia 18:19-20;
A&P 52:9, 36.
pts Ajar, Pengajar.
c pts Alkitab.
d pts Kitab Mormon;
Tulisan Suci—Nilai
tulisan suci.
e pts Injil.
13a IAITU A&P 20
(lihat pengenalan
bahagian 20).
14a A&P 63:64.

pts Doa.
b pts Ajar, Pengajar—
Mengajar dengan Roh
Kudus;
Roh Kudus.
15a A&P 42:56-58.
16a 1 Kor. 2:10-14;
A&P 68:2-4.
pts Penolong.
18a Kel. 20:13-17;
Mat. 5:21-37;
2 Ne. 9:35;
Mosia 13:21-24;
3 Ne. 12:21-37.
b pts Bunuh.

19 Dan lagi, Aku berfirman, janganlah engkau membunuh; tetapi dia yang membunuh akan "mati.

20 Janganlah engkau "mencuri; dan dia yang mencuri dan tidak mahu bertaubat akan diusir.

21 Janganlah engkau "berdusta; dia yang berdusta dan tidak mahu bertaubat akan diusir.

22 Engkau haruslah "mengasihi isterimu dengan sepenuh hatimu, dan akan ^bberpaut kepadanya dan bukan kepada yang lain.

23 Dan dia yang memandang kepada seorang wanita sehingga berhawa "nafsu terhadapnya akan menyangkal iman, dan tidak akan memiliki Roh; dan jika dia tidak bertaubat dia akan diusir.

24 Janganlah engkau berbuat "zina; dan dia yang berbuat zina, dan tidak bertaubat, akan diusir.

25 Tetapi dia yang telah berbuat zina dan "bertaubat dengan sepenuh hatinya, dan meninggalkannya, dan tidak melakukannya lagi, haruslah engkau ^bampuni;

26 Tetapi jika dia melakukannya "lagi, dia tidak akan diampuni, tetapi akan diusir.

27 Janganlah engkau "bercakap jahat tentang sesamamu, jangan

juga mendatangkan apa pun bahaya kepadanya.

28 Engkau mengetahui hukum-Ku tentang hal-hal ini yang diberikan dalam tulisan suci-Ku; dia yang berdosa dan tidak bertaubat akan "diusir.

29 Jika engkau "mengasihi-Ku haruslah engkau ^bmelayani-Ku dan "mentaati segala perintah-Ku.

30 Dan lihatlah, engkau haruslah mengingat yang "miskin, dan ^bmembaktikan harta-hartamu untuk "menyara mereka dengan apa yang engkau miliki untuk diberikan kepada mereka, dengan perjanjian dan surat ikatan hak milik yang tidak boleh dilanggar.

31 Dan sejauh kamu "memberikan harta kekayaanmu kepada yang ^bmiskin, kamu akan melakukannya bagi-Ku; dan ia akan diletakkan di hadapan "uskup gereja-Ku dan para penasihatnya, dua orang daripada para penatua, atau imam tinggi, sebagaimana yang akan dia tugaskan atau telah tugaskan dan "tetapkan untuk tujuan itu.

32 Dan akan terjadilah, bahawa selepas ia diletakkan di hadapan uskup gereja-Ku, dan setelah dia

19a prs Hukuman Mati.

20a prs Curi, Mencuri.

21a prs Dusta;

Jujur, Kejujuran.

22a prs Berkahwin, Perkahwinan; Kasih.

^b Kej. 2:23–24; Ef. 5:25, 28–33.

23a Mat. 5:28; 3 Ne. 12:28; A&P 63:16. prs Nafsu.

24a prs Zina.

25a prs Bertaubat, Pertaubatan.

^b Yoh. 8:3–11.

prc Mengampuni.

26a 2 Ptr. 2:20–22; A&P 82:7.

27a prs Gosip.

28a prs Penyingkiran.

29a Yoh. 14:15, 21.

^b prs Pelayanan.

^c prs Patuh, Kepatuhan, Mematuhi.

30a Mosia 4:16–26;

Alma 1:27.

prc Miskin.

^b prs Membaktikan, Hukum Kebaktian.

^c prs Kebajikan.

31a Mosia 2:17.

prc Sedekah, Pemberian Sedekah.

^b prs Miskin.

^c prs Uskup.

^d prs Menetapkan.

menerima kesaksian tentang “pembaktian harta-harta gereja-Ku ini, bahawa ia tidak boleh diambil dari gereja, selaras dengan perintah-perintah-Ku, setiap orang akan dijadikan ^bbertanggungjawab kepada-Ku, seorang ^cpengawas ke atas hartanya sendiri, atau apa yang telah dia terima menurut pembaktian, sebanyak mana yang cukup untuk dirinya dan ^akeluarganya.

33 Dan lagi, jika akan terdapat harta-harta di tangan gereja, atau sebarang individu darinya, lebih daripada yang diperlukan untuk saraan mereka selepas pembaktian yang pertama ini, merupakan ^alebihan untuk dibaktikan kepada uskup, ia akan disimpan untuk melayani mereka yang tidak mempunyai apa-apa, dari semasa ke semasa, agar setiap orang yang memiliki keperluan boleh dibekalkan secukupnya dan menerima menurut keinginannya.

34 Oleh kerana itu, lebihannya akan disimpan di dalam gudang penyimpanan-Ku, untuk melayani yang miskin dan yang memerlukan, sebagaimana yang akan ditetapkan oleh majlis tinggi gereja, dan uskup dan majlisnya;

35 Dan untuk tujuan membeli tanah demi manfaat umum gereja, dan membangunkan rumah-rumah ibadat, dan membangunkan

“Yerusalem Baru yang selepas ini akan didedahkan—

36 Agar umat perjanjian-Ku boleh dikumpulkan menjadi satu pada hari itu apabila Aku akan “datang ke ^bbait suci-Ku. Dan ini Aku lakukan demi keselamatan umat-Ku.

37 Dan akan terjadi, bahawa dia yang berdosa dan tidak bertaubat akan “diusir dari gereja, dan tidak akan menerima lagi apa yang telah dia ^bbaktikan kepada yang miskin dan yang memerlukan dari gereja-Ku, atau dengan perkataan lain, bagi-Ku—

38 Kerana sejauh kamu “melakukannya kepada mereka yang paling rendah ini, kamu melakukannya kepada-Ku.

39 Kerana ia akan terjadi, apa yang Aku firmankan melalui mulut para nabi-Ku akan digenapi; kerana Aku akan membaktikan kekayaan mereka yang memeluk Injil-Ku di kalangan bangsa bukan Israel kepada yang miskin dari umat-Ku yang merupakan dari bani Israel.

40 Dan lagi, janganlah engkau “angkuh dalam hatimu; biarlah segala ^bpakaianmu sederhana, dan kecantikannya adalah kecantikan buatan tanganmu sendiri;

41 Dan biarlah segala hal dilakukan dalam kebersihan di hadapan-Ku.

32a A&P 51:4.

b A&P 72:3–11.

pts Bertanggungjawab, Laporan, Pertanggungjawaban.

c pts Pengawas, Pengawasan.

d A&P 51:3.

33a A&P 42:55; 51:13; 119:1–3.

35a pts Sion; Yerusalem Baru.

36a A&P 36:8.

b Mal. 3:1.

37a A&P 41:5; 50:8–9.

pts Penyingkiran.

b pts Membaktikan, Hukum Kebaktian.

38a Mat. 25:34–40.

pts Kasih Ihsan; Kebajikan.

40a Ams. 16:5.

pts Keangkuhan.

b pts Kesopanan.

42 Janganlah engkau "malas; kerana dia yang malas tidak akan makan roti tidak juga memakai pakaian pekerja.

43 Dan barang siapa di antara kamu "sakit, dan tidak memiliki iman untuk disembuhkan, tetapi percaya, akan dirawat dengan penuh kelembutan, dengan herba-herba dan makanan yang mudah dicerna, dan bukannya melalui tangan musuh.

44 Dan para penatua gereja, dua atau lebih, hendaknya dipanggil, dan akan berdoa untuk mereka dan meletakkan "tangan mereka ke atas diri mereka dalam nama-Ku; dan jika mereka mati mereka akan ^bmati bagi-Ku, dan jika mereka hidup mereka akan hidup bagi-Ku.

45 Engkau haruslah "hidup bersama dalam ^bkasih, sedemikian rupanya engkau akan "menangis kerana kehilangan mereka yang mati, dan terutamanya bagi mereka yang tidak memiliki "harapan untuk kebangkitan yang mulia.

46 Dan akan terjadilah bahawa mereka yang mati di dalam Aku tidak akan merasakan "kematian, kerana ia akan terasa ^bmanis bagi mereka;

47 Dan mereka yang tidak mati di dalam Aku, celakalah mereka, kerana kematian mereka adalah pahit.

48 Dan lagi, akan terjadilah bahawa dia yang memiliki "iman kepada-Ku untuk ^bdisembuhkan, dan tidak "ditetapkan pada kematian, akan disembuhkan.

49 Dia yang memiliki iman untuk melihat akan melihat.

50 Dia yang memiliki iman untuk mendengar akan mendengar.

51 Yang lumpuh iaitu mereka yang memiliki iman untuk melompat akan melompat.

52 Dan mereka yang tidak memiliki iman untuk melakukan hal-hal ini, tetapi percaya kepada-Ku, memiliki kuasa untuk menjadi "anak-anak-Ku; dan sejauh mereka tidak melanggar hukum-Ku engkau haruslah ^bmemikul kelemahan mereka.

53 Engkau haruslah berdiri di tempat "pengawasanmu.

54 Janganlah engkau mengambil pakaian saudaramu; engkau haruslah membayar untuk apa yang akan engkau terima daripada saudaramu.

55 Dan jika engkau "mendapatkan lebih daripada apa yang akan menjadi saraanmu, eng-

42a A&P 68:30-32.

pts Malas, Kemalasan.

43a pts Sakit, Penyakit.

44a pts Pemberkatan

Orang Sakit;

Perletakan Tangan.

b Rm. 14:8;

Why. 14:13;

A&P 63:49.

45a 1 Yoh. 4:16, 20-21.

b pts Kasih.

c Alma 28:11-12.

d 1 Kor. 15:19-22.

pts Harapan.

46a pts Kematian Jasmani.

b Why. 14:13.

48a A&P 46:19.

pts Iman.

b pts Sembuh,

Penyembuhan.

c Pkh. 3:1-2;

Kis. 17:26;

Ibr. 9:27;

A&P 122:9.

52a pts Para Putera dan

Puteri Tuhan.

b Rm. 15:1.

pts Bersahabat.

53a pts Pengawas,

Pengawasan.

55a A&P 82:17-19; 119:1-3.

kau haruslah memberikannya ke dalam ^bgudang penyimpanan-Ku, agar segala hal boleh dilakukan menurut apa yang telah Aku firmankan.

56 Engkau haruslah meminta, dan ^atulisan suci-Ku akan diberikan seperti yang telah Aku tetapkan, dan ia akan ^bdilindungi dengan selamat.

57 Dan adalah perlu bahawa engkau haruslah senyap tentangnya, dan tidak mengajarkannya sehinggalah kamu telah menerimanya dengan lengkap.

58 Dan Aku memberi kepadamu sebuah perintah bahawa pada waktu itu kamu haruslah mengajarkannya kepada semua orang; kerana ianya akan diajarkan kepada ^asemua negara, kaum, bahasa dan bangsa.

59 Engkau haruslah mengambil hal-hal yang telah engkau terima, yang telah diberikan kepadamu dalam tulisan suci-Ku untuk sebuah hukum, untuk menjadi hukum-Ku untuk menguruskan gereja-Ku;

60 Dan dia yang ^amelakukan menurut hal-hal ini akan diselamatkan, dan dia yang tidak melakukannya akan ^bdilaknat jika dia meneruskan sedemikian.

61 Jika engkau akan meminta, engkau akan menerima ^awahyu demi wahyu, ^bpengetahuan demi

pengetahuan, agar engkau boleh mengetahui ^cmisteri dan ^dhal-hal kedamaian—yang membawa ^ekebahagiaan, yang membawa kehidupan abadi.

62 Engkau haruslah meminta, dan ia akan didedahkan kepadamu pada waktu-Ku tersendiri yang tepat di mana ^aYerusalem Baru akan dibangunkan.

63 Dan lihatlah, akan terjadilah bahawa para hamba-Ku akan diutus ke timur dan ke barat, ke utara dan ke selatan.

64 Dan bahkan sekarang, biarlah dia yang pergi ke timur mengajar mereka yang akan ditukarkan hati untuk melarikan diri ke ^abarat, dan ini diakibatkan oleh apa yang akan datang ke atas bumi, dan dari ^bkomplot-komplot rahsia.

65 Lihatlah, engkau haruslah mentaati segala hal ini, dan akan besarlah ganjaranmu; kerana kepadamu diberikan untuk mengetahui misteri-misteri kerajaan, tetapi tidaklah diberikan kepada dunia untuk mengetahuinya.

66 Kamu haruslah mentaati hukum-hukum yang telah kamu terima dan setialah.

67 Dan selepas ini kamu akan menerima ^aperjanjian-perjanjian gereja, iaitu yang akan cukup untuk menegakkanmu, baik di sini mahupun di Yerusalem Baru.

68 Oleh kerana itu, dia yang

55 *b* A&P 42:34; 51:13.

56 *a* A&P 45:60–61.

b *pts* Tulisan Suci—Nilai tulisan suci.

58 *a* A&P 1:2.

60 *a* A&P 41:5.

pts Patuh, Kepatuhan, Mematuhi.

b Musa 5:15.

pts Laknat.

61 *a* *pts* Wahyu.

b Abr. 1:2.

pts Kesaksian;

Pengetahuan.

c A&P 63:23.

pts Misteri-misteri

Tuhan.

d A&P 39:6.

e *pts* Kegembiraan.

62 *a* A&P 57:1–5.

64 *a* A&P 45:64.

b *pts* Komplot-komplot Rahsia.

67 *a* A&P 82:11–15.

kekurangan "kebijaksanaan, biarlah dia meminta daripada-Ku, dan Aku akan memberikannya dengan murah hati dan tidak memarahkannya.

69 Angkat hatimu dan bersukacitalah, kerana kepadamu "kerajaan, atau dengan perkataan lain, ^bkunci-kunci gereja telah diberikan. Demikianlah. Amin.

70 "Para imam dan ^bpengajar akan memiliki "tugas pengawasan mereka, bahkan seperti para anggota.

71 Dan para penatua atau imam tinggi yang dilantik untuk membantu uskup sebagai penasihat dalam segala hal, keluarga mereka haruslah disara dari harta-harta yang telah "dibaktikan kepada uskup, demi kebaikan yang miskin, dan untuk tujuan-tujuan lain, seperti yang disebutkan sebelumnya;

72 Atau mereka mesti menerima pembayaran yang adil untuk segala pelayanan mereka, sama ada tugas pengawasan atau dari cara yang lain, sebagaimana yang dianggap terbaik atau diputuskan oleh para penasihat dan uskup.

73 Dan uskup, juga, harus menerima saraannya, atau pembayaran yang adil untuk segala pelayanannya di dalam gereja.

74 Lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa

sesiapa pun di antara kamu, telah menyingkirkan pasangan mereka disebabkan "permukahan, atau dengan perkataan lain, jika mereka akan bersaksi di hadapanmu dengan segala kerendahan hati bahawa inilah keadaannya, janganlah kamu mengusir mereka dari kalangan kamu;

75 Tetapi jika kamu mendapati bahawa sesiapa pun telah meninggalkan pasangan mereka demi "perzinaan, dan mereka sendiri adalah orang yang bersalah, dan pasangan mereka masih hidup, mereka haruslah ^bdiusir dari kalangan kamu.

76 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu, bahawa kamu haruslah "berwaspada dan berhati-hati, dengan semua pertanyaan, agar kamu tidak menerima orang yang seperti itu di kalangan kamu jika mereka telah berkahwin;

77 Dan jika mereka belum berkahwin, mereka haruslah bertaubat dari segala dosa mereka atau kamu tidak akan menerima mereka.

78 Dan lagi, setiap orang yang masuk dalam gereja Kristus ini, haruslah berusaha untuk mentaati semua perintah dan perjanjian gereja.

79 Dan akan terjadilah, bahawa jika sesiapa pun di antara kamu "membunuh mereka akan dise-

68a Yak. 1:5.
pts Kebijaksanaan.

69a pts Kerajaan Tuhan
atau Kerajaan Syurga.
b Mat. 16:19;
A&P 65:2.
pts Kunci-kunci
Imamat.

70a pts Imam, Imamat
Harun.
b pts Pengajar, Imamat
Harun.
c pts Pengawas,
Pengawasan.
71a pts Membaktikan,
Hukum Kebaktian.

74a pts Keruntuhan moral
Seksual;
Mukah.
75a pts Zina.
b pts Penyingkiran.
76a pts Berjaga, Para
Penjaga.
79a pts Bunuh.

rahan dan diuruskan menurut undang-undang negara; kerana ingatlah bahawa dia tidak memperoleh pengampunan; dan ia akan dibuktikan menurut undang-undang negara.

80 Dan jika sesiapa pun lelaki atau wanita berbuat zina, lelaki atau wanita itu haruslah diadili di hadapan dua orang penatua gereja, atau lebih, dan setiap perkataan haruslah ditegakkan terhadap lelaki atau wanita itu oleh dua orang saksi dari gereja, dan bukanlah daripada musuh; tetapi jika ada lebih daripada dua orang saksi adalah lebih baik.

81 Tetapi lelaki atau wanita itu haruslah dihukum melalui mulut dua orang saksi; dan para penatua haruslah menghadapkan perkara itu di hadapan gereja, dan gereja akan mengangkat tangan mereka terhadap lelaki atau wanita itu, agar mereka boleh diurus menurut hukum Tuhan.

82 Dan jika dapat, kehadiran uskup juga diperlukan.

83 Dan demikianlah kamu harus lakukan dalam segala perkara yang akan datang ke hadapanmu.

84 Dan jika seorang lelaki atau wanita merompak, lelaki atau wanita itu akan diserahkan pada undang-undang negara.

85 Dan jika lelaki atau wanita itu "mencuri, lelaki atau wanita itu akan diserahkan pada undang-undang negara.

86 Dan jika lelaki atau wanita itu

"berdusta, lelaki atau wanita itu akan diserahkan pada undang-undang negara.

87 Dan jika lelaki atau wanita itu melakukan apa-apa kederhakaan pun, lelaki atau wanita itu akan diserahkan pada hukum, bahkan daripada Tuhan.

88 Dan jika "saudara lelaki atau saudara perempuanmu ^bbersalah terhadapmu, engkau haruslah mengajak lelaki atau wanita itu berada di antara engkau dan lelaki atau wanita itu sendiri; dan jika lelaki atau wanita itu "mengaku engkau haruslah berdamai.

89 Dan jika lelaki atau wanita itu tidak mengaku engkau haruslah menyerahkan lelaki atau wanita itu kepada gereja, bukan kepada anggota, tetapi kepada para penatua. Dan ia akan dilakukan dalam suatu pertemuan, dan bukan di hadapan dunia.

90 Dan jika saudara lelaki atau saudara perempuanmu bersalah terhadap banyak orang, lelaki atau wanita itu haruslah "ditegur di hadapan banyak orang.

91 Dan jika sesiapa pun bersalah secara terbuka, lelaki atau wanita itu haruslah ditegur dengan terbuka, agar lelaki atau wanita itu boleh menjadi malu. Dan jika lelaki atau wanita itu tidak mengaku, lelaki atau wanita itu akan diserahkan pada hukum Tuhan.

92 Jika sesiapa pun bersalah secara rahsia, lelaki atau wanita itu akan ditegur secara rahsia, agar

85a PTS Curi, Mencuri.

86a PTS Dusta;

Jujur, Kejujuran.

88a PTS Saudara, Para

Saudara;

Saudari.

b Mat. 18:15-17.

c PTS Mengaku,

Pengakuan.

90a PTS Tegur, Menegur.

lelaki atau wanita itu boleh mempunyai peluang untuk mengaku secara rahsia kepada lelaki atau wanita yang telah lelaki atau wanita itu salahi, dan kepada Tuhan, agar gereja tidak payah

berbicara secara teguran terhadap lelaki atau wanita itu.

93 Dan dengan demikianlah kamu akan menjalankan segala hal.

BAHAGIAN 43

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, pada bulan Februari 1831. Pada waktu ini beberapa anggota Gereja terganggu oleh orang-orang yang membuat pengakuan palsu sebagai para pewahyu. Nabi bertanya kepada Tuhan dan menerima komunikasi ini yang ditujukan kepada para penatua Gereja. Bahagian yang pertama berkaitan dengan hal-hal pengurusan Gereja; bahagian yang kedua mengandungi sebuah peringatan yang mesti para penatua berikan kepada bangsa-bangsa di bumi.

1–7, Wahyu-wahyu dan perintah datang hanya melalui orang yang ditetapkan; 8–14, Para Orang Suci dikuduskan dengan bertindak dalam segala kekudusan di hadapan Tuhan; 15–22, Para penatua diutuskan untuk menyerukan pertaubatan dan menyediakan manusia untuk hari Tuhan yang besar itu; 23–28, Tuhan memanggil manusia dengan suaranya sendiri dan melalui kekuatan alam; 29–35, Zaman Seribu Tahun dan pengikatan Setan akan datang.

YA Dengarlah, kamu para penatua gereja-Ku, dan pasanglah telinga terhadap firman yang akan Aku firmankan kepadamu.

2 Kerana lihatlah, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa kamu telah menerima sebuah perintah untuk

sebuah "hukum bagi gereja-Ku, melalui dia yang telah Aku tetapkan bagimu untuk menerima^b perintah dan wahyu-wahyu daripada tangan-Ku.

3 Dan ini akan kamu ketahui dengan pasti—bahawa tidak ada seorang pun yang lain ditetapkan kepadamu untuk menerima perintah dan wahyu-wahyu sehinggalah dia diambil, jika dia "tinggal di dalam Aku.

4 Tetapi sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa "tidak seorang pun yang lain yang ditetapkan pada kurnia ini kecuali melalui dia; kerana jika ia diambil daripadanya dia tidak akan memiliki kuasa kecuali menetapkan orang yang lain sebagai penggantinya.

5 Dan ini akan menjadi sebuah

43 2a A&P 42.

b PTS Perintah-perintah

Tuhan;
Wahyu.

3a Yoh. 15:4.

4a A&P 28:2–3.

hukum bagimu, bahawa kamu tidak menerima ajaran-ajaran daripada sesiapa pun yang akan datang di hadapanmu sebagai wahyu atau perintah;

6 Dan ini Aku berikan kepadamu agar kamu tidak "terpedaya, agar kamu boleh tahu ia bukan daripada-Ku.

7 Kerana sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa dia yang "ditahbiskan oleh-Ku akan masuk pada ^bpintu gerbang itu dan ditahbiskan seperti yang telah Aku beritahukan kepadamu sebelumnya, untuk mengajarkan wahyu-wahyu yang telah kamu terima dan akan terima melalui dia yang telah Aku tetapkan.

8 Dan sekarang, lihatlah, Aku memberi kepadamu sebuah perintah, bahawa apabila kamu dihimpun bersama kamu haruslah "mengajar dan meneguhkan satu sama lain, agar kamu boleh mengetahui bagaimana untuk bertindak dan mengarahkan gereja-Ku, bagaimana untuk bertindak atas pokok-pokok hukum dan perintah-Ku, yang telah Aku berikan.

9 Dan demikianlah kamu akan menjadi terlatih dalam hukum gereja-Ku, dan "dikuduskan oleh apa yang telah kamu terima, dan kamu akan mengikat dirimu untuk

bertindak dalam segala kekudusan di hadapan-Ku—

10 Agar sejauh kamu melakukan ini, kemuliaan akan "ditambahkan pada kerajaan yang telah kamu terima. Sejauh kamu tidak melakukannya, ia akan ^bdiambil, bahkan apa yang telah kamu terima.

11 Murnikanlah kamu dari "kederhakaan yang ada di kalangan kamu; kuduskanlah dirimu di hadapan-Ku;

12 Dan jika kamu menghasratkan kemuliaan kerajaan, tetapkanlah kamu hamba-Ku Joseph Smith Jr., dan "sokonglah dia di hadapan-Ku melalui doa dengan iman.

13 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu, bahawa jika kamu menghasratkan "misteri-misteri kerajaan, sediakanlah makanan dan pakaian untuknya, dan apa pun yang dia perlukan untuk menyelesaikan pekerjaan yang telah Aku perintahkan;

14 Dan jika kamu tidak melakukannya dia akan tinggal kepada mereka yang telah menerimanya, agar Aku boleh menyimpan bagi diri-Ku suatu umat yang "murni di hadapan-Ku.

15 Aku berfirman lagi, dengarlah kamu para penatua gereja-Ku, yang telah Aku tetapkan: Kamu tidak diutus untuk diajar, tetapi untuk "mengajar anak-anak manu-

6a A&P 46:7.
pts Tipu, Menipu,
Penipuan.

7a pts Tahbis,
Pentahbisan.

b Mat. 7:13-14;
2 Ne. 9:41; 31:9, 17-18;
3 Ne. 14:13-14;

A&P 22.

8a A&P 88:77.

9a pts Pengudusan.

10a Alma 12:10.

b Mrk. 4:25.

11a pts Dosa.

12a pts Penyokongan para
Pemimpin Gereja.

13a pts Misteri-misteri
Tuhan.

14a pts Murni,
Kemurnian.

15a pts Pekerjaan
Penginjilan.

sia apa yang telah Aku letakkan ke dalam tanganmu melalui kuasa ^bRoh-Ku;

16 Dan kamu mesti ^adiajar dari syurga. ^bKuduskanlah dirimu dan kamu akan ^cdianugerahkan dengan kuasa, agar kamu boleh memberi bahkan seperti yang telah Aku firmankan.

17 Dengarkanlah kamu, kerana, lihatlah, ^ahari Tuhan yang ^bbesar sudah di depan mata.

18 Kerana harinya datang apabila Tuhan akan menyuarakan ^asuara-Nya dari syurga; langit akan ^bbergoncang dan tanah akan ^cbergegar, dan ^dsangkalala Tuhan akan berbunyi dengan panjang dan nyaring, dan akan mengatakan kepada bangsa-bangsa yang tidur: Kamu para orang suci ^abangkit dan hiduplah; kamu pendosa ^ftinggal dan ^gtidurlah sehingga Aku akan panggil lagi.

19 Kerana itu persiapkanlah dirimu agar jangan kamu didapati di kalangan yang jahat.

20 Angkatlah suaramu dan janganlah menahan diri. Serulah kepada bangsa-bangsa itu untuk bertaubat, baik tua mahupun muda, baik yang terikat mahupun yang bebas, mengatakan: Sediakanlah dirimu untuk hari Tuhan yang besar;

21 Kerana jika Aku, yang adalah seorang manusia, mengangkat suara-Ku dan meminta kepadamu untuk bertaubat, dan kamu membenci-Ku, apa yang akan kamu katakan apabila masanya tiba apabila ^aguntur akan menyuarakan suaranya dari hujung-hujung bumi, berbicara pada telinga semua yang hidup, mengatakan—Bertaubatlah, dan bersedialah bagi hari Tuhan yang besar?

22 Ya, dan lagi, apabila kilat akan memancar dari timur ke barat, dan akan menyuarakan suaranya kepada segala yang hidup, dan membuat semua telinga yang mendengar berdengung, mengatakan perkataan ini—Bertaubatlah kamu, kerana hari Tuhan yang besar telah datang?

23 Dan lagi, Tuhan akan menyuarakan suara-Nya dari syurga, memfirmankan: Dengarlah, hai kamu bangsa-bangsa di bumi, dan dengarlah firman dari Tuhan itu yang menciptakanmu.

24 Hai, kamu bangsa-bangsa di bumi, betapa kerap Aku harus kumpulkan kamu bersama bagaikan seekor ^aayam betina mengumpulkan anak-anaknya di bawah sayapnya, tetapi kamu ^btidak mahu!

25 Betapa kerap telah Aku ^amemanggil kamu melalui mulut

15b prs Ajar, Pengajar—
Mengajar dengan Roh
Kudus.

16a prs Ilham,
Mengilhami.

b prs Pengudusan.

c Luk. 24:49;
A&P 38:32; 95:8–9;
110:8–10.

17a A&P 29:8.

prk Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.

b Mal. 4:5;
A&P 2:1; 34:6–9.

18a Yl. 2:11;
A&P 133:50.

b Yl. 2:10; 3:16;
A&P 45:48.

c A&P 88:87.

d A&P 29:13; 45:45.

e prk Kebangkitan.

f A&P 76:85; 88:100–101.

g Morm. 9:13–14.

21a 2 Ne. 27:2;
A&P 88:90.

24a Mat. 23:37;
3 Ne. 10:4–6.

b prs Pemberontakan.

25a Hel. 12:2–4.

^bpara hamba-Ku, dan melalui ^cpelayanan para malaikat, dan melalui suara-Ku sendiri, dan melalui suara guntur, dan melalui suara kilat, dan melalui suara angin ribut, dan melalui suara gempa bumi, dan hujan batu yang hebat, dan melalui suara ^dbencana kebuluran dan wabak dari setiap jenis, dan melalui bunyi yang kuat dari sangkakala, dan melalui suara penghakiman, dan melalui suara ^ebelas kasihan sepanjang hari, dan melalui suara kemuliaan dan kehormatan dan kekayaan kehidupan abadi, dan akan menyelamatkanmu dengan keselamatan ^fabadi, tetapi kamu tidak mahu!

26 Lihatlah, masanya telah tiba, apabila cawan kemurkaan dari kemarahan-Ku penuh.

27 Lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa inilah firman Tuhan Rajamu.

28 Kerana itu, bekerjalah kamu, ^abekerjalah kamu di dalam ladang anggur-Ku untuk kali terakhir—untuk kali terakhir panggillah para penduduk bumi.

29 Kerana pada waktu-Ku sendiri yang tepat Aku akan ^adatang ke atas bumi untuk penghakiman,

dan umat-Ku akan ditebus dan akan memerintah bersama-Ku di atas bumi.

30 Kerana ^aZaman Seribu Tahun yang hebat, yang telah Aku firmankan tentangnya melalui mulut para hamba-Ku, akan datang.

31 Kerana ^aSetan akan ^bdiikat, dan apabila dia dilepaskan lagi dia hanya akan berkuasa untuk suatu ^cmasa yang singkat, dan kemudian datanglah ^dpengakhiran dari bumi.

32 Dan dia yang hidup dalam ^akesolehan akan ^bdiubah dalam sekejap mata, dan bumi akan berakhir seolah-olah dengan api.

33 Dan yang jahat akan pergi ke dalam ^aapi yang tak terpadamkan, dan tiada seorang pun yang tahu tentang pengakhiran mereka di atas bumi, tidak juga akan pernah tahu, sehingga mereka datang di hadapan-Ku pada ^bpenghakiman.

34 Dengarkanlah kamu firman ini. Lihatlah, Aku ialah Yesus Kristus, ^aJuruselamat dunia. ^bSimpanlah baik-baik hal ini dalam hatimu, dan biarlah ^ckekhusyukan akan keabadian ^dberada dalam ^efikiranmu.

35 ^aBersungguh-sungguhlah. Taatilah semua perintah-Ku. Demikianlah. Amin.

25b Mat. 23:34.
 prs Nabi.
 c A&P 7:6; 130:4–5.
 d Yer. 24:10; Am. 4:6;
 A&P 87:6;
 JS—M 1:29.
 e prs Belas Kasihan,
 Berbelas Kasihan.
 f prs Baqa, Kebaqaan;
 Kehidupan Abadi;
 Keselamatan.
 28a Yakub 5:71;
 A&P 33:3.
 prs Ladang Anggur

Tuhan.
 29a prs Kedatangan Kedua
 Yesus Kristus.
 30a prs Zaman Seribu
 Tahun.
 31a 1 Ne. 22:26.
 prs Iblis.
 b A&P 45:55; 84:100;
 88:110.
 c Why. 20:3;
 Yakub 5:77;
 A&P 29:22.
 d prs Dunia—Akhir
 dunia.

32a prs Soleh, Kesolehan.
 b 1 Kor. 15:51–52;
 A&P 63:51; 101:31.
 prs Kebangkitan.
 33a Mat. 3:12.
 b prs Yesus Kristus—
 Hakim.
 34a prs Juruselamat.
 b JS—M 1:37.
 c A&P 84:61; 100:7–8.
 d prs Merenungkan.
 e prs Minda.
 35a Rm. 12:3.
 A&P 18:21.

BAHAGIAN 44

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith dan Sidney Rigdon, di Kirtland, Ohio, pada penghujung Februari 1831. Selaras dengan syarat yang di dinyatakan di dalam ini, Gereja menjadualkan sebuah persidangan untuk diadakan pada awal bulan Jun yang berikutnya.

1-3, Para penatua harus berhimpun di dalam persidangan; 4-6, Mereka mesti mengurus menurut undang-undang negara dan menjaga yang miskin.

LIHATLAH, demikianlah firman Tuhan kepadamu para hambaku, adalah perlu menurut-Ku bahawa para penatua gereja-Ku haruslah dipanggil bersama, dari timur dan dari barat, dan dari utara dan dari selatan, melalui surat atau suatu cara yang lain.

2 Dan akan terjadilah, bahawa sejauh mereka setia, dan menjalakan iman kepada-Ku, Aku akan mencurahkan "Roh-Ku ke atas diri mereka pada hari mereka berhimpun bersama.

3 Dan akan terjadilah bahawa mereka akan pergi ke wilayah-wilayah di sekitar, dan "mengkhutbahkan pertaubatan kepada orang-orang itu.

4 Dan banyak orang akan "ditukarkan hati, sedemikian rupa sehingga kamu akan mendapat kuasa untuk menguruskan dirimu ^bmenurut hokum-hukum manusia;

5 Agar "musuhmu tidak dapat memiliki kuasa ke atas kamu; agar kamu boleh dilindungi dalam segala hal; agar kamu dapat dibenarkan untuk mentaati hukum-hukum-Ku; agar setiap ikatan boleh diputuskan yang dengannya musuh berusaha untuk menghancurkan umat-Ku.

6 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu, bahawa kamu mesti "mengunjungi yang miskin dan yang memerlukan dan melayani demi pertolongan mereka, agar mereka boleh dijaga sehingga segala hal boleh dilakukan menurut hukum-Ku yang telah kamu terima. Amin.

BAHAGIAN 45

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Gereja, di Kirtland, Ohio, 7 Mac 1831. Sebagai pengantar catatan ini tentang wahyu ini, sejarah Joseph Smith menyatakan bahawa "pada usia Gereja ini . . . banyak laporan palsu . . . dan cerita-cerita bodoh, diterbitkan

44 2a Kis. 2:17.

3a PTS Mengkhutbahkan.

4a PTS Penukaran hati,

Bertukar hati.

b A&P 98:5-7.

5a 2 Ne. 4:33.

6a Yak. 1:27.

PTS Kebajikan;

Rasa kasihan.

. . . dan disebarikan, . . . untuk mencegah orang-orang itu menyelidiki pekerjaan, atau memeluk agama ini. . . . Tetapi yang membuat para Orang Suci gembira, . . . saya telah menerima yang berikut."

1-5, Kristus ialah pembela kita dengan Bapa; 6-10, Injil adalah utusan untuk menyediakan jalan di hadapan Tuhan; 11-15, Henokh dan saudara-saudaranya diterima oleh Tuhan bagi diri-Nya; 16-23, Kristus mendedahkan tanda-tanda kedatangan-Nya seperti yang diberikan di atas Bukit Zaitun; 24-38, Injil akan dipulihkan, zaman bangsa bukan Israel akan digenapi, dan penyakit-penyakit yang memusnahkan akan meliputi tanah itu; 39-47, Tanda-tanda, keajaiban, dan Kebangkitan akan menyertai Kedatangan Kedua; 48-53, Kristus akan berdiri di atas Bukit Zaitun, bangsa Yahudi akan melihat luka pada tangan dan kaki-Nya; 54-59, Tuhan akan memerintah semasa Zaman Seribu Tahun; 60-62, Nabi diarahkan untuk memulakan penterjemahan Perjanjian Baru, yang mana melaluinya maklumat penting akan diberitahukan; 63-75, Para Orang Suci diperintahkan untuk berkumpul dan membangunkan Yerusalem Baru, iaitu tempat orang-orang dari segala bangsa akan datang.

DENGARKANLAH, Wahai kamu umat ^agereja-Ku, kepada siapa ^bkerajaan telah diberikan; dengar-

lah kamu dan pasanglah telinga terhadap Dia yang meletakkan landasan bumi ini, yang ^cmenciptakan langit dan seluruh isinya, dan melalui-Nya segala sesuatu diciptakan yang hidup, dan bergerak, dan yang ada.

2 Dan lagi Aku berfirman, dengarlah suara-Ku, agar jangan ^akematian akan mendatangimu; pada ^bjam ketika kamu tidak memikirkannya musim panas akan berlalu, dan ^cpenuaian telah berakhir, dan jiwamu tidak diselamatkan.

3 Dengarkanlah Dia yang ^amerupakan pembela dengan Bapa, yang membela perkaramu di hadapan-Nya—

4 Memfirmankan: Bapa, lihatlah ^apenderitaan dan kematian Dia yang tidak ^bberdosa, kepada siapa Engkau sangat berkenan; lihatlah darah Putera-Mu yang telah ditumpahkan, darah Dia yang Engkau berikan agar Engkau sendiri dapat ^cdimuliakan;

5 Kerana itu, Bapa, biarkanlah hidup saudara-saudara-Ku ini yang ^apercaya pada nama-Ku, agar mereka boleh datang kepada-Ku dan memperoleh ^bkehidupan abadi.

6 Dengarkanlah, Wahai kamu

45 1a pts Gereja Yesus Kristus.
b A&P 50:35.
c Yer. 14:22;
3 Ne. 9:15;
A&P 14:9.
pts Mencipta,
Penciptaan.

2a Alma 34:33-35.
b Mat. 24:44.
c Yer. 8:20;
A&P 56:16.
pts Penuaian.
3a A&P 62:1.
pts Pembela.
4a A&P 19:18-19.

pts Menebus,
Korban Tebusan.
b lbr. 4:15.
c Yoh. 12:28.
5a A&P 20:25; 35:2; 38:4.
b Yoh. 3:16.

umat gereja-Ku, dan kamu para penatua dengarkanlah bersama, dan dengarlah suara-Ku sementara ia disebut "hari ini, dan janganlah mengeraskan hatimu;

7 Kerana sesungguhnya Aku berfirman kepadamu bahawa Aku ialah "Alfa dan Omega, yang awal dan yang akhir, cahaya dan kehidupan dunia—suatu ^bcahaya yang bersinar dalam kegelapan dan kegelapan itu tidak memahaminya.

8 Aku datang kepada umat milik-Ku, dan umat milik-Ku tidak menerima-Ku; tetapi kepada seberapa banyak yang menerima-Ku Aku berikan ^akuasa untuk melakukan banyak ^bmukjizat, dan untuk menjadi ^canak-anak Tuhan; dan bahkan kepada mereka yang ^dpercaya pada nama-Ku Aku berikan kuasa untuk memperoleh ^ekehidupan abadi.

9 Dan demikian juga telah Aku hantarkan "perjanjian-Ku yang ^babadi ke dunia, untuk menjadi cahaya bagi dunia, dan untuk menjadi ^cpanji bagi umat-Ku, dan bagi ^dbangsa bukan Israel untuk mencarinya, dan untuk menjadi ^eutusan di hadapan muka-Ku untuk menyediakan jalan di hadapan Aku.

10 Kerana itu, datanglah kamu padanya, dan dengan dia yang datang Aku akan berbincang dengan manusia seperti pada zaman dahulu, dan Aku akan memperlihatkan kepadamu pemikiran-Ku yang "kuat.

11 Kerana itu, dengarkanlah kamu bersama dan biarlah Aku memperlihatkan kepadamu bahkan kebijaksanaan-Ku—kebijaksanaan Dia yang kamu katakan adalah Tuhan "Henokh, dan saudara-saudaranya.

12 Yang telah "dipisahkan dari bumi, dan diterima bagi diri-Ku—sebuah ^bkota yang disimpan sehinggalah suatu hari kesolehan akan datang—suatu hari yang dicari-cari oleh semua orang kudus, dan mereka tidak menemuinya disebabkan kejahatan dan kekejian;

13 Dan mengakui mereka adalah "orang asing dan pengembara di atas bumi;

14 Tetapi mendapatkan sebuah "janji bahawa mereka akan menemuinya dan melihatnya dalam keadaan daging mereka.

15 Kerana itu, dengarkanlah dan Aku akan berbincang denganmu, dan Aku akan berfirman kepadamu dan bernubuat, seperti

6a Ibr. 3:13;
A&P 64:23-25.

7a Why. 1:8; 21:6;
A&P 19:1.

b Yoh. 1:5.

8a Mat. 10:1.
pts Kuasa.

b pts Mukjizat.

c pts Para Putera dan Puteri Tuhan.

d pts Iman;

Kepercayaan, Percaya.

e A&P 14:7.

9a Yer. 31:31-34;
Morm. 5:20.

b pts Perjanjian yang Baru dan Kekal.

c 2 Ne. 29:2.

d Yes. 42:6;

e 2 Ne. 10:9-18.

e Mal. 3:1.

10a Yes. 41:21;

A&P 50:10-12.

11a Musa 7:69.

12a rjs Kej. 14:30-34
(Lampiran);

A&P 38:4;

Musa 7:21.

b Musa 7:62-64.

pts Sion.

13a Ibr. 11:13; 1 Ptr. 2:11.

14a Ibr. 11:8-13;

Musa 7:63.

kepada manusia pada zaman dahulu.

16 Dan Aku akan memperlihatkannya dengan jelas seperti Aku “memperlihatkannya kepada para pengikut-Ku ketika Aku berdiri di hadapan mereka dalam keadaan daging, dan berfirman kepada mereka, memfirmankan: Kerana kamu telah bertanya kepada-Ku tentang ^btanda-tanda kedatangan-Ku, pada hari apabila Aku akan datang dalam kemuliaan-Ku di dalam awan-awan di langit, untuk menggenapi janji-janji yang telah Aku buat kepada nenek moyangmu,

17 Kerana kamu telah melihat “ketiadaan ^brohmu daripada tubuhmu yang lama menjadi suatu penawanan, Aku akan memperlihatkan kepadamu bagaimana hari penebusan akan datang, dan juga “pemulihan Israel yang “tercerai-berai.

18 Dan sekarang kamu melihat bait suci ini yang ada di Yerusalem, yang kamu sebut rumah Tuhan, dan musuh-musuhmu mengatakan bahawa rumah ini tidak akan pernah roboh.

19 Tetapi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa kemusnahan akan datang ke atas generasi ini bagaikan pencuri pada malam hari, dan umat ini akan dihancurkan dan diceraikan-beraikan ke kalangan segala bangsa.

20 Dan bait suci ini yang kamu lihat sekarang akan diruntuhkan sehingga tidak akan ada yang tinggal seketul batu pun di atas yang lain.

21 Dan akan terjadi, bahawa generasi bangsa Yahudi ini tidak akan mati sehinggalah setiap kemusnahan yang telah Aku beritahukan kepadamu tentang mereka akan terjadi.

22 Kamu mengatakan bahawa kamu tahu bahawa “pengakhiran dunia akan datang; kamu mengatakan juga bahawa kamu tahu bahawa langit dan bumi akan berakhir;

23 Dan dalam ini kamu mengatakan dengan benar, kerana begitulah demikiannya; tetapi hal-hal ini yang telah Aku beritahukan kepadamu tidak akan berakhir sehingga semuanya akan digenapi.

24 Dan ini telah Aku beritahukan kepadamu tentang Yerusalem; dan apabila hari itu akan datang, keturunan yang selebihnya akan “diceraikan-beraikan di kalangan segala bangsa;

25 Tetapi mereka akan “dikumpulkan lagi; tetapi mereka akan tetap tinggal sehingga zaman ^bbangsa bukan Israel digenapi.

26 Dan pada “hari itu akan terdengar tentang ^bpeperangan dan desas-desus berkenaan peperangan, dan seluruh bumi akan

16a Mat. 24;
Luk. 21:7–36;
JS—M 1.

^b prs Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.

17a A&P 138:50.

^b prs Roh.

^c prs Israel—

Pengumpulan Israel.
^d 1 Ne. 10:12–14.

prs Israel—Penceraian-beraikan Israel.

22a prs Dunia—Akhir
dunia.

24a 2 Ne. 25:15.

25a Neh. 1:9;

Yes. 11:12–14;

1 Ne. 22:10–12;

2 Ne. 21:12–14.

^b Luk. 21:24.

26a prs Hari-hari Terakhir,
Zaman Akhir.

^b A&P 87;

JS—M 1:23.

berada dalam huru-hara, dan hati manusia akan 'kecut, dan mereka akan mengatakan bahawa Kristus ^amenunda kedatangan-Nya sehingga pengakhiran bumi.

27 Dan kasih akan menjadi dingin, dan kederhakaan akan berlimpah ruah.

28 Dan apabila zaman ^abangsa bukan Israel telah datang, suatu ^bcahaya akan menembusi di kalangan mereka yang duduk dalam kegelapan, dan ia adalah kegenapan Injil-Ku;

29 Tetapi mereka tidak ^amenerimanya; kerana mereka tidak mengenali cahaya itu, dan mereka ^bmemalingkan hati mereka daripada-Ku disebabkan ^cajaran-ajaran manusia.

30 Dan dalam generasi itu zaman bangsa bukan Israel akan digenapi.

31 Dan akan ada manusia yang berdiri dalam generasi itu, yang tidak akan mati sehinggalah mereka akan melihat ^apercambahan yang meluap; kerana penyakit yang memusnahkan akan menutupi tanah itu.

32 Tetapi para pengikut-Ku akan ^aberdiri di tempat-tempat kudus, dan tidak akan digerakkan; tetapi di kalangan yang jahat, manusia akan mengangkat suara mereka dan ^bmengutuk Tuhan dan mati.

33 Dan akan ada ^agempa bumi juga di merata-rata tempat, dan banyak kemusnahan; namun manusia akan mengeraskan hati mereka terhadap-Ku, dan mereka akan mengambil ^bpedang, melawan satu sama lain, dan mereka akan saling membunuh.

34 Dan sekarang, apabila Aku Tuhan telah memfirmankan firman ini kepada para murid-Ku, mereka berasa susah hati.

35 Dan Aku berfirman kepada mereka: Janganlah ^asusah hati, kerana, apabila segala hal ini akan terjadi, kamu boleh mengetahui bahawa janji-janji yang telah dibuat kepadamu akan digenapi.

36 Dan apabila cahaya akan mula menembusi, ia akan terjadi kepada mereka seperti sebuah perumpamaan yang akan Aku tunjukkan kepadamu—

37 Kamu memandang, dan melihat ^apokok-pokok ara, dan kamu menyaksikannya dengan matamu, dan kamu mengatakan apabila ia mula bertunas, dan daun-daunnya masih muda, musim panas sekarang sudah di depan mata;

38 Demikianlah pula akan terjadi pada hari itu apabila mereka akan menyaksikan hal-hal ini, kemudian mereka akan tahu bahawa jama sudah dekat.

39 Dan akan terjadlahi bahawa dia yang ^atakut kepada-Ku akan

26c Luk. 21:26.

d 2 Ptr. 3:3–10.

28a 1 Ne. 15:13.

b prs Cahaya,
Cahaya Kristus;
Pemulihan Injil.

29a Yoh. 1:5.

b Mat. 15:8–9.

c A&P 3:6–8; 46:7;

JS—S 1:19.

31a A&P 5:19–20; 97:22–25.

32a A&P 101:21–22, 64.

b Why. 16:11, 21.

33a A&P 43:18; 88:87–90.

b A&P 63:33.

35a Mat. 24:6.

37a Mrk. 13:28;

Luk. 21:29–31.

39a A&P 10:55–56.

prs Patuh, Kepatuhan,
Mematuhi;
Takut—Takut kepada
Tuhan.

^bmenanti-nantikan ^chari Tuhan yang besar itu datang, bahkan ^dtanda-tanda kedatangan ^ePutera Manusia.

40 Dan mereka akan melihat tanda-tanda dan keajaiban, kerana ia akan diperlihatkan di langit di atas, dan di bumi di bawah.

41 Dan mereka akan melihat darah, dan ^aapi, dan kabut asap.

42 Dan sebelum hari Tuhan itu akan datang, ^amatahari akan digelapkan, dan bulan akan diubah menjadi darah, dan bintang-bintang akan jatuh dari langit.

43 Dan keturunan yang selebihnya itu akan dikumpulkan ke tempat ini;

44 Dan kemudian mereka akan mencari-Ku, dan, lihatlah, Aku akan datang; dan mereka akan melihat-Ku dalam awan di langit, berbalutkan kuasa dan ^akemuliaan yang besar; dengan semua malaikat kudus; dan dia yang tidak ^bmenanti-nantikan-Ku akan disingkirkan.

45 Tetapi sebelum lengan Tuhan akan jatuh, seorang malaikat akan membunyikan ^asangkakalanya, dan para orang suci yang telah tidur akan ^bdatang menemui-Ku di dalam ^cawan.

46 Kerana itu, jika kamu telah

tidur dalam ^akedamaian diberkatalah kamu; kerana sebagaimana kamu sekarang melihat-Ku dan mengetahui bahawa Aku ada, demikian pula kamu akan ^bdatang kepada-Ku dan jiwamu akan ^chidup, dan penebusanmu akan disempurnakan; dan para orang suci akan datang dari keempat-empat penjuru bumi.

47 Kemudian ^alengan Tuhan akan jatuh ke atas bangsa-bangsa itu.

48 Dan kemudian Tuhan akan meletakkan kaki-Nya di atas ^agunung ini, dan ia akan terbelah menjadi dua, bumi akan ^bbergegar, dan terhuyung-huyung ke sana ke mari, dan langit juga ^cakan bergoncang.

49 Dan Tuhan akan menyuarakan suara-Nya, dan segenap hujung bumi akan mendengarnya; dan bangsa-bangsa di bumi akan ^aberduka, dan mereka yang telah mentertawakan akan melihat kebodohan mereka.

50 Dan malapetaka akan menutupi pengejek, dan pencemuh akan dilalap api; dan mereka yang telah berjaga-jaga bagi kederhakaan akan ditebang dan dilemparkan ke dalam api.

51 Dan kemudian ^abangsa Yahudi akan ^bmemandang kepada-Ku dan

39 b 2 Ptr. 3:10-13;
A&P 35:15-16;
Musa 7:62.
c prs Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.
d prs Tanda-tanda
Zaman Akhir.
e prs Putera Manusia.
41 a A&P 29:21; 97:25-26.
42 a Yl. 2:10;
Why. 6:12;

A&P 88:87; 133:49.
44 a prs Yesus Kristus—
Kemuliaan Yesus
Kristus.
b Mat. 24:43-51;
Mrk. 13:32-37.
45 a A&P 29:13; 43:18.
b A&P 88:96-97.
prs Kebangkitan.
c 1 Tes. 4:16-17.
46 a Alma 40:12.

b Yes. 55:3.
c prs Kehidupan Abadi.
47 a A&P 1:12-16.
48 a Za. 14:4.
b A&P 43:18; 88:87.
c Yl. 3:16;
A&P 49:23.
49 a A&P 87:6.
51 a prs Bangsa Yahudi.
b Za. 12:10.

berkata: Apakah luka-luka yang ada pada tangan-Mu dan pada kaki-Mu ini?

52 Kemudian mereka akan tahu bahawa Aku ialah Tuhan; kerana Aku akan berfirman kepada mereka: Luka ini adalah luka yang mana dengannya Aku “dilukai di rumah teman-teman-Ku. Aku ialah Dia yang telah diangkat. Aku ialah Yesus yang telah ^bdisalibkan. Aku ialah Putera Tuhan.

53 Dan kemudian mereka akan “menangis kerana kederhakaan mereka; kemudian mereka akan meratap kerana mereka menganiaya ^braja mereka.

54 Dan kemudian bangsa-bangsa “kafir akan ditebus, dan mereka yang tidak mengetahui apa-apa hukum akan memperoleh bahagian di dalam ^bkebangkitan yang pertama; dan ia akan “lebih senang ditanggung oleh mereka.

55 Dan “Setan akan ^bdiikat, sehingga dia tidak akan memiliki tempat dalam hati anak-anak manusia.

56 Dan pada “hari itu, apabila Aku akan datang dalam kemuliaan-Ku, perumpamaan itu akan digenapi yang mana Aku telah firmankan tentang sepuluh ^borang gadis.

57 Kerana mereka yang bijak dan telah menerima “kebenaran, dan telah mengambil Roh Kudus untuk ^bpembimbing mereka, dan tidak “terpedaya—sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, mereka tidak akan ditebang dan dilemparkan ke dalam ^dapi, tetapi akan bertahan pada hari itu.

58 Dan “bumi akan diberikan kepada mereka untuk ^bdiwarisi; dan mereka akan beranak cucu dan menjadi kuat, dan anak-anak mereka akan “membesar tanpa dosa pada ^dkeselamatan.

59 Kerana Tuhan akan berada di “tengah-tengah mereka, dan kemuliaan-Nya akan berada di atas diri mereka, dan Dia akan menjadi raja mereka dan ^bpemberi hukum mereka.

60 Dan sekarang, lihatlah, Aku berfirman kepadamu, tidak akan diberikan kepadamu untuk mengetahui lebih lanjut tentang Bab ini, sehinggalah “Perjanjian Baru diterjemahkan, dan di dalamnya segala hal ini akan diberitahukan;

61 Kerana itu Aku memberikan kepadamu bahawa sekarang kamu boleh menterjemahkannya, agar kamu boleh dipersiapkan untuk hal-hal yang akan datang.

62 Kerana sesungguhnya Aku

52a Za. 13:6.

b prs Penyaliban.

53a Why. 1:7.

b Luk. 23:38;

Yoh. 19:3, 14–15.

54a Yeh. 36:23; 39:21.

b prs Kebangkitan.

c A&P 75:22.

55a prs Iblis.

b Why. 20:2;

1 Ne. 22:26;

A&P 43:31; 88:110.

56a prs Kedatangan Kedua

Yesus Kristus.

b Mat. 25:1–13;

A&P 63:54.

57a prs Kebenaran.

b prs Roh Kudus.

c JS—M 1:37.

d A&P 29:7–9; 63:34;

64:23–24; 101:22–25.

58a prs Zaman Seribu

Tahun.

b Mat. 5:5.

c A&P 63:51; 101:29–31.

d prs Keselamatan.

59a A&P 29:11; 104:59.

b Kej. 49:10;

Za. 14:9;

A&P 38:21–22.

60a prs Terjemahan Joseph

Smith (TJS). Lihat juga

Pilihan dari

Terjemahan Alkitab

oleh Joseph Smith.

berfirman kepadamu, bahawa hal-hal yang besar menunggumu;

63 Kamu mendengar tentang "peperangan di negeri-negeri asing; tetapi, lihatlah, Aku berfirman kepadamu, ia sudah dekat, bahkan di pintumu, dan tidak sampai bertahun-tahun lamanya selepas ini kamu akan mendengar tentang peperangan di negeri-negerimu sendiri.

64 Kerana itu Aku, Tuhan, telah berfirman, berkumpullah kamu keluar dari negeri-negeri sebelah "timur, berhimpunlah kamu bersama para penatua gereja-Ku; pergilah kamu ke negara-negara sebelah barat, serulah kepada para penduduknya untuk bertaubat, dan sejauh mana mereka bertaubat, bangunkanlah jemaah-jemaah gereja bagi-Ku.

65 Dan dengan satu hati dan dengan satu fikiran, kumpulkanlah kekayaanmu agar kamu boleh "membeli suatu warisan yang selepas ini akan ditetapkan bagimu.

66 Dan ia akan dipanggil "Yerusalem Baru, ^bnegeri ^ckedamaian, kota untuk ^dperlindungan, tempat untuk keselamatan bagi para orang suci Tuhan Yang Maha Tinggi;

67 Dan "kemuliaan Tuhan akan berada di sana, dan ketakutan kepada Tuhan juga akan berada di sana, sedemikian rupa sehingga yang jahat tidak akan datang

kepadanya, dan ia akan disebut Sion.

68 Dan akan terjadilah di kalangan yang jahat, bahawa setiap orang yang tidak akan mengambil pedangnya untuk melawan sesamanya mestilah perlu melarikan diri ke Sion untuk keselamatan.

69 Dan akan "dikumpulkan padanya dari setiap bangsa di kolong langit; dan ia akan menjadi satu-satunya umat yang tidak akan saling berperang.

70 Dan akan dikatakan di kalangan yang jahat: Janganlah kita pergi untuk bertempur melawan Sion, kerana penduduk Sion menakutkan; kerana itu kita tidak dapat bertahan.

71 Dan akan terjadilah bahawa yang soleh akan dikumpulkan keluar dari kalangan segala bangsa, dan akan datang ke Sion, bernyanyi dengan nyanyian kebahagiaan yang abadi.

72 Dan sekarang Aku berfirman kepadamu, jagalah hal-hal ini dari tersebar luas kepada dunia sehinggalah ianya perlu bagi-Ku, agar kamu boleh menyelesaikan pekerjaan ini di mata umat ini, dan di mata musuh-musuhmu, agar mereka tidak dapat mengetahui pekerjaanmu sehingga kamu telah menyelesaikan apa yang telah Aku perintahkan kepadamu;

73 Agar apabila mereka akan

63a A&P 38:29; 87:1-5; 130:12.

64a A&P 42:64.

65a A&P 63:27.

66a Eter 13:5-6;
Musa 7:62;
FK 1:10.

PTS Sion;

Yerusalem Baru.

b A&P 57:1-3.

c PTS Kedamaian.

d Yes. 4:6;

A&P 115:6.

67a A&P 64:41-43;

97:15-18.

PTS Yesus Kristus—
Kemuliaan Yesus
Kristus.

69a Ul. 30:3;

Yer. 32:37-39;

A&P 33:6.

mengetahuinya, mereka boleh mempertimbangkan hal-hal ini.

74 Kerana apabila Tuhan akan muncul Dia akan “menakutkan bagi mereka, agar ketakutan itu boleh mencengkam mereka, dan

mereka akan berdiri jauh dan gementar.

75 Dan segala bangsa akan takut kerana ketakutan kepada Tuhan, dan kuasa daya-Nya. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 46

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Gereja, di Kirtland, Ohio, 8 Mac 1831. Pada waktu awal Gereja ini, sebuah panduan yang seragam untuk mengacarakan upacara-upacara Gereja belum dihasilkan. Meskipun demikian, suatu kebiasaan yang hanya mengizinkan para anggota dan penyidik yang bersungguh-sungguh ke pertemuan sakramen dan pertemuan Gereja yang lain telah menjadi agak umum. Wahyu ini mengutarakan kehendak Tuhan yang berkaitan dengan pengurusan dan pengacaraan pertemuan serta arahan-Nya dalam mencari dan mengenali kurnia-kurnia Roh.

1–2, Para Penatua mesti mengacarakan pertemuan sebagaimana yang dibimbing oleh Roh Kudus; 3–6, Pencari kebenaran tidak harus dilarang memasuki upacara-upacara sakramen; 7–12, Mintalah kepada Tuhan dan carilah kurnia-kurnia Roh; 13–26, Penyebutan satu demi satu sebahagian daripada kurnia-kurnia ini diberikan; 27–33, Para pemimpin gereja diberikan kuasa untuk membezakan kurnia-kurnia Roh.

DENGARKANLAH, Wahai kamu umat gereja-Ku; kerana sesungguhnya Aku berfirman kepadamu bahawa hal-hal ini difirmankan kepadamu untuk “keuntungan dan pembelajaranmu.

2 Tetapi walau bagaimanapun

hal-hal yang telah dituliskan itu, ia selalu diberikan kepada “para penatua gereja-Ku sejak dari awal, dan akan sentiasa sedemikian, untuk ^bmengacarakan semua pertemuan sebagaimana mereka diarahkan dan dibimbing oleh Roh Kudus.

3 Walaupun demikian kamu diperintahkan untuk tidak “mengusir sesiapa pun dari pertemuan-pertemuan umummu, yang diadakan di hadapan dunia.

4 Kamu juga diperintahkan untuk tidak mengusir sesiapa pun yang masuk dalam “gereja dari pertemuan sakramenmu; walaupun demikian, jika sesiapa pun telah melanggar, ^bjanganlah biarkan dia mengambilnya

74a Zef. 2:11.

46 1a 2 Tim. 3:16–17.

2a Alma 6:1.

b Moro. 6:9;

A&P 20:45.

3a 3 Ne. 18:22–25.

PTS Bersahabat.

4a PTS Gereja Yesus

Kristus.

b 3 Ne. 18:26–32.

PTS Sakramen.

sehingga dia membuat penda-
maian.

5 Dan lagi Aku berfirman kepa-
damu, janganlah kamu mengusir
sesiapa pun dari pertemuan sakra-
menmu yang dengan bersungguh-
sungguh mencari kerajaan—Aku
memfirmankan ini tentang mereka
yang bukan dari gereja ini.

6 Dan lagi Aku berfirman kepa-
damu, tentang “pertemuan-
pertemuan penetapanmu, bahawa
jika ada sesiapa pun yang bukan
dari gereja ini, yang dengan
bersungguh-sungguh mencari
kerajaan, janganlah kamu mengu-
sir mereka.

7 Tetapi kamu diperintahkan
dalam segala hal untuk “meminta
kepada Tuhan, yang memberikan
dengan murah hati; dan apa
yang Roh persaksikan kepadamu
demikian juga Aku menghendaki
agar kamu harus lakukan dalam
seluruh ^bkekudusan hati, berja-
lan dengan lurus di hadapan-Ku,
“mempertimbangkan kesan kese-
lamatanmu, melakukan segala
hal dengan doa dan ^dkesyukuran,
agar kamu tidak dapat “digoda
oleh roh jahat, atau ajaran-ajaran
^fiblis, atau ^gperintah manusia;
kerana sebahagian adalah dari-
pada manusia, dan yang lain dari-
pada iblis.

8 Kerana itu, berhati-hatilah agar
jangan kamu terpedaya; dan agar

kamu tidak dapat diperdayakan
kamu “carilah dengan sungguh-
sungguh kurnia-kurnia yang ter-
baik, selalu mengingati untuk apa
ianya diberikan;

9 Kerana sesungguhnya Aku
berfirman kepadamu, ianya dibe-
rikan demi manfaat mereka yang
mengasihi-Ku dan mentaati semua
perintah-Ku, dan dia yang men-
cari juga melakukan demikian;
agar semua orang boleh mem-
peroleh manfaat yang mencari
atau yang meminta daripada-Ku,
yang meminta dan bukan untuk
suatu “petanda agar mereka boleh
^bmemuaskan hawa nafsu mereka.

10 Dan lagi, sesungguhnya Aku
berfirman kepadamu, Aku meng-
hendaki agar kamu harus selalu
mengingati, dan selalu menyim-
pan dalam “fikiranmu apakah^b
kurnia-kurnia tersebut, yang dibe-
rikan kepada gereja.

11 Kerana kepada semua orang
tidaklah diberikan setiap kurnia
kepada mereka; kerana terdapat
banyak kurnia, dan kepada “setiap
orang diberikan satu kurnia oleh
Roh Tuhan.

12 Kepada segelintir diberikan
satu, dan kepada segelintir dibe-
rikan yang lain, agar semua boleh
dimanfaatkan olehnya.

13 Kepada segelintir diberikan
oleh Roh Kudus untuk “menge-
tahui bahawa Yesus Kristus ialah

6a IAITU penetapan bagi
mereka yang baru
dibaptis.

7a Yak. 1:5-6;
A&P 88:63.

b PTS Kekudusan.

c PTS Merenungkan.

d Mzm. 100;

Alma 34:38.
PTS Bersyukur,
Kesyukuran, Syukur.

e 1 Tim. 4:1-4;

A&P 43:5-7.

f PTS Iblis.

g A&P 3:6-7; 45:29.

8a 1 Kor. 12:31.

9a PTS Tanda.

b Yak. 4:3.

10a PTS Minda.

b 1 Kor. 14:12.

PTS Kurniaan Roh.

11a 1 Kor. 12:4-11.

13a PTS Kesaksian.

Putera Tuhan, dan bahawa Dia disalibkan bagi dosa-dosa dunia.

14 Kepada yang lain diberikan untuk “percaya pada perkataan mereka, agar mereka juga boleh memperoleh kehidupan abadi jika mereka terus setia.

15 Dan lagi, kepada segelintir diberikan oleh Roh Kudus untuk mengetahui pengurusan yang “berbeza, kerana ia akan menyenangkan Tuhan yang sama, menurut yang dikehendaki Tuhan, menyesuaikan belas kasihan-Nya menurut keadaan anak-anak manusia.

16 Dan lagi, diberikanlah oleh Roh Kudus kepada segelintir untuk mengetahui kepelbagaian cara kerja, sama ada ia daripada Tuhan, agar pernyataan Roh boleh diberikan kepada setiap orang untuk mengambil keuntungan darinya.

17 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, kepada segelintir diberikan, oleh Roh Tuhan, perkataan “kebijaksanaan.

18 Kepada yang lain diberikan perkataan “pengetahuan, agar semua boleh diajar untuk menjadi bijak dan untuk memiliki pengetahuan.

19 Dan lagi, kepada segelintir diberikan untuk memiliki “iman untuk disembuhkan;

20 Dan kepada yang lain diberi-

kan untuk memiliki iman untuk “menyembuhkan.

21 Dan lagi, kepada segelintir diberikan pengerjaan “mukjizat-mukjizat;

22 Dan kepada yang lain diberikan untuk “bernubuat;

23 Dan kepada yang lain “pembezaan roh-roh.

24 Dan lagi, diberikan kepada segelintir untuk berbicara dengan “bahasa-bahasa;

25 Dan kepada yang lain diberikan penafsiran bahasa-bahasa.

26 Dan semua “kurniaan ini datang daripada Tuhan, demi manfaat ^banak-anak Tuhan.

27 Dan kepada “uskup gereja, dan kepada mereka yang Tuhan akan lantik dan tahbiskan untuk menjaga gereja dan untuk menjadi para penatua bagi gereja, akan diberikan kepada mereka untuk ^bmembezakan semua kurniaan itu agar jangan ada sesiapa pun di antara kamu mengakuinya namun bukannya daripada Tuhan.

28 Dan akan terjadilah bahawa dia yang meminta di dalam “Roh akan menerima di dalam Roh;

29 Agar kepada segelintir dapat diberikan untuk memiliki semua kurniaan itu, agar adanya ketua, supaya setiap anggota boleh diuntungkan olehnya.

30 Dia yang “meminta di dalam

14a 3 Ne. 12:2.
pts Kepercayaan,
Percaya.

15a Moro. 10:8.

17a Moro. 10:9.
pts Kebijaksanaan.

18a pts Pengetahuan.

19a A&P 42:48–52.

pts Iman.
20a pts Sembuh,
Penyembuhan.

21a pts Mukjizat.

22a pts Nubuat,
Bernubuat.

23a Musa 1:13–15.

24a pts Kurnia Bahasa.

26a Moro. 10:8–19.
^b pts Para Putera dan
Puteri Tuhan.

27a pts Uskup.

^b pts Kurnia
Membezakan.

28a A&P 88:64–65.

30a A&P 50:29.

^bRoh meminta menurut ^ckehendak Tuhan; kerana itu ia dilakukan bahkan seperti yang dia minta.

31 Dan lagi, Aku berfiman kepadamu, segala hal mesti dilakukan dalam nama Kristus, apa pun yang kamu lakukan di dalam Roh;

32 Dan kamu mesti ^aberterima

kasih kepada Tuhan di dalam Roh untuk apa pun berkat yang telah kamu diberkati dengannya.

33 Dan kamu mesti menjalankan ^akehemahan dan ^bkekudusan di hadapan-Ku secara berterusan. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 47

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 8 Mac 1831. John Whitmer, yang telah melayani sebagai jurutulis Nabi, pada mulanya teragak-agak apabila diminta melayani sebagai sejarawan dan jurucatat Gereja, menggantikan Oliver Cowdery. Dia menulis, "Aku lebih suka tidak melakukan tetapi perhatikan kehendakan Tuhan di jadikan, dan jika dia hendaknya, aku ingin dia menyatakannya melalui pelihat Joseph." Setelah Joseph Smith menerima wahyu ini, John Whitmer bersetuju dan melayani dalam jawatan yang ditetapkan.

1–4, John Whitmer dilantik untuk menyimpan sejarah Gereja dan untuk menulis bagi Nabi.

LIHATLAH, adalah perlu menurut-Ku bahawa hamba-Ku John harus menulis dan menyimpan suatu "sejarah yang teratur, dan membantumu, hamba-Ku Joseph, dalam menyalin segala hal yang akan diberikan kepadamu, sehinggalah dia dipanggil untuk kewajiban-kewajiban yang selanjutnya.

2 Lagi, sesungguhnya Aku ber-

firman kepadamu bahawa dia juga boleh bersuara di dalam pertemuan-pertemuan, bila-bila masa pun ianya diperlukan.

3 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu bahawa akan ditetapkan kepadanya untuk menyimpan catatan dan sejarah gereja secara berterusan; kerana Oliver Cowdery telah Aku tetapkan pada jabatan lain.

4 Kerana itu, ia akan diberikan kepadanya, sejauh dia setia, oleh "Penolong, untuk menuliskan hal-hal ini. Demikianlah. Amin.

30^b prs Roh Kudus.
c 2 Ne. 4:35.
32^a 1 Taw. 16:8–15;
1 Tes. 1:2;
Alma 37:37;

A&P 59:7, 21.
prs Bersyukur,
Kesyukuran, Syukur.
33^a prs Hemah.
b prs Kekudusan.

47 1^a A&P 69:2–8; 85:1–2.
4^a prs Penolong;
Roh Kudus.

BAHAGIAN 48

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 10 Mac 1831. Nabi telah bertanya kepada Tuhan tentang langkah-langkah untuk membeli tanah untuk tempat tinggal para Orang Suci. Ini adalah hal yang penting disebabkan penghijrahan para anggota Gereja dari sebelah timur Amerika Syarikat, dalam kepatuhan pada perintah Tuhan agar mereka harus berhimpun di Ohio (lihat bahagian 37:1-3; 45:64).

1-3, Para Orang Suci di Ohio mesti berkongsi tanah mereka dengan saudara-saudara mereka; 4-6, Para Orang Suci mesti membeli tanah, membangunkan sebuah kota, dan mengikut nasihat para pemimpin utama mereka.

ADALAH perlu bahawa kamu harus tetap tinggal pada waktu sekarang ini di tempat-tempat tinggalmu, sebagaimana ia sesuai untuk keadaanmu.

2 Dan sejauh kamu memiliki tanah, kamu harus "memberikan kepada saudara-saudara dari sebelah timur.

3 Dan sejauh kamu tidak memiliki tanah, biarlah mereka membeli pada waktu sekarang ini di wilayah-wilayah di sekitar, seperti yang kelihatannya baik bagi mereka, kerana adalah perlu bahawa mereka memiliki tempat untuk tinggal pada waktu sekarang ini.

4 Adalah perlu bahawa kamu menabung semua wang yang

kamu boleh, dan bahawa kamu mendapatkan semua yang kamu boleh dalam kebenaran, agar sampai waktunya kamu dapat "membeli tanah untuk warisan, ^bbahkan kota itu.

5 Tempat itu belum lagi didehkan; tetapi selepas saudara-saudaramu datang dari timur akan ada^a orang-orang tertentu yang akan dilantik, dan kepada mereka akan diberikan untuk ^bmengetahui tempat itu, atau kepada mereka ia akan diwahyukan.

6 Dan mereka akan dilantik untuk membeli tanah, dan membuat permulaan untuk meletakkan landasan ^akota; dan kemudian kamu akan mula dikumpulkan bersama keluarga-keluargamu, setiap orang menurut ^bkeluarganya, menurut keadaannya, dan sebagaimana ditetapkan kepadanya oleh presiden dan uskup gereja, menurut hukum-hukum dan perintah yang telah kamu terima, dan yang akan kamu terima selepas ini. Demikianlah. Amin.

48 2a PTS Kebajikan.
4a A&P 57:4-5.
b A&P 42:35-36;

45:65-67.
5a A&P 57:6-8.
b A&P 57:1-3.

6a PTS Yerusalem Baru.
b A&P 51:3.

BAHAGIAN 49

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Sidney Rigdon, Parley P. Pratt, dan Leman Copley, di Kirtland, Ohio, 7 Mac 1831. Leman Copley telah memeluk Injil tetapi masih berpegang pada beberapa ajaran Shakers (United Society of Believers in Christ's Second Appearing [Persekutuan Masyarakat Pemercaya terhadap Penampakan Kedua Kristus]), yang mana dia sebelum ini termasuk di dalamnya. Beberapa di antara kepercayaan para penganut Shakers adalah bahawa Kedatangan Kedua Kristus telah terjadi dan bahawa Dia telah muncul di dalam bentuk seorang wanita, Ann Lee. Mereka tidak menganggap pembaptisan dengan air penting. Mereka menolak perkahwinan dan percaya dalam kehidupan tanpa perkahwinan. Beberapa Shakers juga dilarang memakan daging. Sebagai pengantar wahyu ini, sejarah Joseph Smith menyatakan, "Untuk memiliki [suatu] pemahaman yang lebih sempurna tentang perkara ini, saya bertanya kepada Tuhan, dan menerima yang berikut." Wahyu ini mematahkan sebahagian dari konsep-konsep asas kumpulan Shaker. Saudara-saudara yang telah disebutkan tadi membawa sekeping salinan wahyu itu kepada masyarakat Shaker (berdekatan Cleveland, Ohio) dan membacakannya kepada mereka secara keseluruhan, tetapi ditolak.

1-7, Hari dan jam kedatangan Kristus akan tetap tidak diketahui sehinggalah Dia datang; 8-14, Manusia mesti bertaubat, mempercayai Injil, dan mematuhi tatacara-tatacara untuk memperoleh keselamatan; 15-16, Perkahwinan ditetapkan oleh Tuhan; 17-21, Memakan daging dibenarkan; 22-28, Sion akan tumbuh subur dan bangsa Laman kembang mekar seperti bunga mawar sebelum Kedatangan Kedua.

DENGARKANLAH firman-Ku, hamba-Ku Sidney, dan Parley, dan Leman; kerana lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa Aku memberi kepadamu sebuah perintah agar kamu harus

pergi dan "mengkhutbahkan Injil-Ku yang telah kamu terima, bahkan seperti kamu telah menerimanya, kepada para Shakers.

2 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu, bahawa mereka berhasrat untuk mengetahui sebahagian kebenaran, tetapi tidak keseluruhannya, kerana mereka tidak soleh "di hadapan-Ku dan mestilah perlu bertaubat.

3 Kerana itu, Aku mengutusmu, hamba-hamba-Ku Sidney dan Parley, untuk mengkhutbahkan Injil kepada mereka.

4 Dan hamba-Ku Leman akan ditahbiskan pada pekerjaan ini, agar dia boleh berbincang dengan mereka, bukan menurut apa yang

telah dia terima daripada mereka, tetapi menurut apa yang akan "di-jarkan kepadanya olehmu para hamba-Ku; dan dengan melakukan demikian Aku akan memberkatinya, jika tidak dia tidak akan makmur.

5 Demikianlah firman Tuhan; kerana Aku ialah Tuhan, dan telah "mengutuskan Putera Tunggal-Ku ke dunia untuk ^bpenebusan dunia, dan telah menetapkan bahawa dia yang menerima-Nya akan diselamatkan, dan dia yang tidak menerima-Nya akan ^cdilaknati—

6 Dan mereka telah melakukan kepada "Putera Manusia bahkan seperti yang mereka inginkan; dan Dia telah mengambil kuasa-Nya pada sisi^b tangan kanan ^ckemuliaan-Nya, dan sekarang memerintah di syurga, dan akan memerintah sehingga Dia turun ke bumi untuk meletakkan semua musuh ^ddi bawah kaki-Nya, yang mana waktunya sudah di depan mata—

7 Aku, Tuhan Raja, telah memfirmankannya; tetapi jam dan ^aharinya tidak seorang pun tahu, tidak juga para malaikat di dalam syurga, tidak juga mereka akan tahu sehingga Dia datang.

8 Kerana itu, Aku menghendaki agar semua orang akan bertaubat, kerana semuanya berada di bawah ^adosa, kecuali mereka yang telah Aku simpankan bagi diri-Ku, para orang ^bkudus yang tidak kamu ketahui.

9 Kerana itu, Aku berfirman kepadamu bahawa Aku telah menghantarkan kepadamu "perjanjian-Ku yang abadi, bahkan ia yang ada sejak dari awal.

10 Dan apa yang telah Aku janjikan telah Aku genapi, dan ^abangsa-bangsa di bumi akan ^btunduk kepadanya; dan, jika tidak tunduk dengan sendirinya, mereka akan direndahkan, kerana apa yang sekarang memuliakan dirinya sendiri akan ^cdijatuhkan oleh kuasa.

11 Kerana itu, Aku memberi kepadamu sebuah perintah agar kamu "pergi ke kalangan orang-orang ini, dan berkata kepada mereka, seperti rasul-Ku pada zaman dahulu, iaitu yang bernama Petrus:

12 Percayalah pada nama Tuhan Yesus, yang telah berada di atas bumi, dan yang akan datang, yang awal dan yang akhir;

13 ^aBertaubat dan dibaptiskanlah

4a pts Injil;

Kebenaran.

5a Yoh. 3:16-17;

A&P 132:24.

pts Yesus Kristus—

Wewenang.

b pts Penebus;

Tebus, Ditebus,

Penebusan.

c pts Laknat.

6a pts Putera Manusia.

b Kis. 7:55-56;

A&P 76:20-23.

c pts Yesus Kristus—

Kemuliaan Yesus

Kristus.

d 1 Kor. 15:25;

A&P 76:61.

7a Mat. 24:36;

Mrk. 13:32-37;

Why. 16:15;

A&P 133:11.

8a Gal. 3:22;

Mosia 16:3-5.

b Ibr. 13:2;

3 Ne. 28:25-29.

9a Kej. 17:7;

A&P 66:2.

pts Perjanjian yang

Baru dan Kekal.

10a Za. 2:11;

A&P 45:66-69;

97:18-21.

b Yes. 60:14.

c Mat. 23:12.

11a pts Pekerjaan

Penginjilan.

13a 3 Ne. 27:19-20.

dalam nama Yesus Kristus, menurut perintah kudus, untuk pengampunan dosa-dosa;

14 Dan barang siapa melakukan ini akan menerima "kurnia Roh Kudus, melalui perletakan ^btangan daripada para penatua gereja.

15 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa barang siapa "melarang untuk berkahwin bukanlah ditahbiskan oleh Tuhan, kerana ^bperkahwinan ditahbiskan oleh Tuhan bagi manusia.

16 Kerana itu, adalah sah bahawa dia mesti mempunyai seorang "isteri, dan mereka berdua akan menjadi ^bsatu daging, dan semua ini agar ^cbumi boleh memenuhi tujuan penciptaannya;

17 Dan agar ia boleh dipenuhi dengan jumlah manusia, menurut "penciptaannya ^bsebelum dunia diciptakan.

18 Dan barang siapa "melarang untuk tidak memakan ^bdaging, bahawa orang lain tidak harus memakannya juga, bukanlah ditahbiskan oleh Tuhan;

19 Kerana, lihatlah, "binatang-binatang di ladang dan burung di udara, dan semua yang datang dari bumi, ditahbiskan untuk kegunaan

manusia untuk makanan dan untuk pakaian, dan agar dia boleh memiliki dengan banyak.

20 Tetapi ia tidaklah diberikan agar satu orang harus "memilikinya melebihi orang lain, kerana itu ^bdunia berada dalam dosa.

21 Dan celakalah kepada orang yang "menumpahkan darah atau yang membazirkan daging dan tidak memerlukannya.

22 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa Putera Manusia tidak "datang di dalam bentuk seorang wanita, tidak juga seorang lelaki yang mengembara di atas bumi.

23 Kerana itu, janganlah "tertipu, tetapi teruslah dalam ketabahan, ^bmenanti-nantikan langit bergoncang, dan tanah bergegar dan terhuyung-hayang ke sana ke mari seperti orang yang mabuk, dan ^clembah-lembah ditinggikan, dan "gunung-ganang direndahkan, dan tempat-tempat yang kasar menjadi halus—dan semua ini apabila malaikat akan membunyikan "sangkakalanya.

24 Tetapi sebelum hari Tuhan yang besar akan datang, "Yakub akan hidup subur di padang belantara, dan bangsa Laman akan

14a prs Kurnia Roh Kudus.

b prs Perletakan Tangan.

15a 1 Tim. 4:1-3.

b Kej. 2:18, 24;

1 Kor. 11:11.

prc Berkahwin,
Perkahwinan.

16a Yakub 2:27-30.

b Kej. 2:24;

Mat. 19:5-6.

c prs Bumi—Dicipta
bagi manusia.

17a Musa 3:4-5.

prc Mencipta,
Penciptaan.

b prs Kehidupan
Pra-fana.

18a IAITU menyuruh untuk
tidak makan.

b Kej. 9:3;

1 Tim. 4:1-3.

19a A&P 89:10-13.

20a Kis. 4:32;

A&P 51:3; 70:14; 78:6.

b prs Keduniaan.

21a Tjs Kej. 9:10-15

(Lampiran).

22a prc Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.

23a Mat. 24:4-5.

b 2 Ptr. 3:12;

A&P 45:39.

c Yes. 40:4;

A&P 109:74.

d Mi. 1:3-4.

e Mat. 24:29-31.

24a 3 Ne. 5:21-26.

^bkembang mekar seperti bunga mawar.

25 Sion akan ^atumbuh subur di atas ^bbukit-bukit dan bersukacita di atas gunung-ganang, dan akan dihimpun bersama ke tempat yang telah Aku tetapkan.

26 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu, pergilah seperti yang telah Aku perintahkan kepadamu; bertaubatlah dari segala dosamu;

^amintalah dan kamu akan menerima; ketuklah dan akan dibukakan bagimu.

27 Lihatlah, Aku akan pergi di depanmu dan menjadi ^abarisan belakangmu; dan Aku akan berada di ^btengahmu, dan kamu tidak akan ^cditumpaskan.

28 Lihatlah, Aku ialah Yesus Kristus, dan Aku datang dengan ^acepat. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 50

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 9 Mei 1831. Sejarah Joseph Smith menyatakan bahawa beberapa penatua tidak memahami pernyataan dari roh-roh yang berbeza yang tersebar luas di bumi dan bahawa wahyu ini diberikan sebagai balasan terhadap pertanyaannya yang khusus tentang hal itu. Yang disebutkan fenomena rohani ini bukanlah tidak lazim di kalangan para anggota, beberapa daripada mereka mengakui menerima penglihatan dan wahyu.

1–5, Banyak roh palsu tersebar luas di bumi; 6–9, Celakalah yang munafik dan mereka yang disingkirkan dari Gereja; 10–14, Para penatua mesti mengkhutbahkan Injil dengan Roh; 15–22, Kedua-dua pengkhutbah dan pendengar perlu diterangi oleh Roh; 23–25, Hal yang tidak meneguhkan bukanlah daripada Tuhan; 26–28, Mereka yang setia ialah pemilik segala sesuatu; 29–36, Doa dari orang-orang yang disucikan dijawab; 37–46, Kristus ialah Gembala Yang Baik dan Batu Israel.

DENGARKANLAH, Wahai kamu para penatua gereja-Ku, dan pasanglah telinga terhadap suara Tuhan yang hidup; dan perhatikanlah firman kebijaksanaan yang akan diberikan kepadamu, menurut yang telah kamu minta dan persetujuan berkaitan dengan gereja, dan roh-roh yang telah tersebar luas di bumi.

2 Lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa ada banyak roh yang merupakan ^aroh-roh palsu, yang telah berkeliaran

24b Yes. 35:1;
2 Ne. 30:5–6;
3 Ne. 21:22–25;
A&P 3:20; 109:65.
25a A&P 35:24.
b Kej. 49:26;

2 Ne. 12:2–3.
26a A&P 88:63.
27a Yes. 52:12.
b 3 Ne. 20:22.
c 1 Ptr. 2:6;
A&P 84:116.

28a A&P 1:12.
50 2a A&P 129.
pts Roh—Roh-roh jahat.

di atas bumi, memperdayakan dunia.

3 Dan juga "Setan telah berusaha untuk memperdayakanmu, agar dia boleh menumbangkanmu.

4 Lihatlah, Aku, Tuhan, telah memandangkanmu, dan telah melihat kekejian di dalam gereja yang "mengakui nama-Ku.

5 Tetapi diberkatilah mereka yang setia dan "bertahan, sama ada dalam kehidupan atau dalam kematian, kerana mereka akan mewarisi kehidupan abadi.

6 Tetapi celakalah mereka yang adalah "penipu dan munafik, kerana, demikianlah firman Tuhan, Aku akan membawa mereka pada penghakiman.

7 Lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, ada "orang-orang munafik di antara kamu, yang telah menipu segelintir orang, yang telah memberikan kuasa kepada "musuh; tetapi lihatlah "yang demikian akan dipulihkan kembali;

8 Tetapi yang munafik akan dikenalpasti dan akan "disingkirkan, sama ada dalam kehidupan ataupun dalam kematian, bahkan seperti yang Aku kehendaki; dan celakalah mereka yang disingkirkan dari gereja-Ku, kerana mereka yang dikuasai oleh dunia.

9 Kerana itu, biarlah setiap orang berhati-hati agar jangan dia melakukannya apa pun yang tidak menurut kebenaran dan kesolehan di hadapan-Ku.

10 Dan sekarang, marilah, firman Tuhan, melalui Roh, kepada para penatua gereja-Nya, dan marilah kita "berbincang bersama, agar kamu boleh memahami;

11 Marilah kita berbincang-bahkan seperti seseorang yang saling berbincang dengan yang lain secara bersemuka.

12 Sekarang, apabila seseorang itu berbincang dia difahami oleh manusia, kerana dia berbincang sebagai seorang manusia; demikian juga Aku, Tuhan, akan berbincang denganmu agar kamu boleh "memahami.

13 Kerana itu, Aku Tuhan menanyakan kepadamu soalan ini—kepada apakah kamu "ditahbiskan?

14 Untuk mengkhutbahkan Injil-Ku melalui "Roh, bahkan "Penolong yang diutuskan untuk mengajarkan kebenaran.

15 Dan kemudian kamu menerima "roh-roh yang tidak dapat kamu fahami, dan menerima mereka sebagai daripada Tuhan; dan dalam hal ini adakah kamu dipersolehkan?

3a Luk. 22:31;

3 Ne. 18:18.

4a pts Yesus Kristus—
Mengambil nama
Yesus Kristus ke atas
diri kita.

5a pts Bertahan.

6a pts Tipu, Menipu,
Penipuan.

7a Mat. 23:13-15;

Alma 34:28.

b Mosia 27:8-9.

c pts Iblis.

d IAITU mereka yang
telah diperdaya.

8a A&P 1:14; 56:3; 64:35.

pts Penyingkiran.

10a Yes. 1:18;

A&P 45:10.

12a A&P 1:24.

13a pts Tahbis,
Pentahbisan.

14a A&P 43:15.

pts Ajar, Pengajar—
Mengajar dengan Roh
Kudus.

b pts Penolong.

15a pts Kurnia
Membezakan.

16 Lihatlah kamu harus menjawab pertanyaan ini sendiri; walaupun demikian, Aku akan penuh belas kasihan kepadamu; dia yang lemah di kalangan kamu selepas ini akan dijadikan "kuat.

17 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, dia yang ditahbiskan oleh-Ku dan diutuskan untuk "mengkhutbahkan firman kebenaran melalui Penolong, di dalam Roh kebenaran, adakah dia mengkhutbahkannya melalui ^bRoh kebenaran atau suatu cara yang lain?

18 Dan jika ia melalui suatu cara yang lain ia bukanlah daripada Tuhan.

19 Dan lagi, dia yang menerima firman kebenaran, adakah dia menerimanya melalui Roh kebenaran atau suatu cara yang lain?

20 Jika ia suatu cara yang lain ia bukanlah daripada Tuhan.

21 Oleh kerana itu, mengapa kamu tidak dapat memahami dan mengetahui, bahawa dia yang menerima firman melalui Roh kebenaran menerimanya sebagaimana ia dikhutbahkan melalui Roh kebenaran?

22 Kerana itu, dia yang berkhutbah dan dia yang menerima, saling memahami, dan kedua-duanya "diteguhkan dan ^bbersukacita bersama.

23 Dan apa yang tidak meneguhkan bukanlah daripada Tuhan, dan merupakan "kegelapan.

24 Apa yang daripada Tuhan adalah "cahaya; dan dia yang menerima cahaya, dan ^bmeneruskan di dalam Tuhan, menerima "lebih banyak cahaya; dan cahaya itu semakin bertambah terang dan benderang sehingga hari yang sempurna.

25 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, dan Aku memfirmankannya agar kamu boleh mengetahui "kebenaran, agar kamu boleh menghalau kegelapan dari kalangan kamu;

26 Dia yang ditahbiskan oleh Tuhan dan diutus, orang yang sama ditetapkan untuk menjadi yang "terhebat, sekalipun dia ialah yang terendah dan ^borang suruhan semua orang.

27 Kerana itu, dia ialah "pemilik segala sesuatu; kerana segala sesuatu tunduk kepadanya, baik di dalam syurga mahupun di atas bumi, kehidupan dan cahaya, Roh dan ^bkuasa, dikirimkan oleh kehendak Bapa melalui Yesus Kristus, Putera-Nya.

28 Tetapi tidak seorang pun adalah pemilik segala sesuatu kecuali dia "disucikan dan ^bdibersihkan dari segala dosa.

16a Eter 12:23–27.

17a prs Mengkhutbahkan; Pekerjaan Penginjilan.

b A&P 6:15.

prs Kebenaran; Roh Kudus.

22a 1 Kor. 14:26.

b Yoh. 4:36.

23a prs Kegelasan Rohani.

24a 1 Yoh. 2:8–11;

Moro. 7:14–19;

A&P 84:45–47; 88:49.

prs Cahaya, Cahaya Kristus.

b Yoh. 15:4–5, 10.

c 2 Ne. 28:30.

25a Yoh. 8:32.

26a Mat. 23:11.

b Mrk. 10:42–45.

prs Pelayanan.

27a A&P 76:5–10, 53–60; 84:34–41.

b prs Kuasa.

28a 3 Ne. 19:28–29;

A&P 88:74–75.

prs Murni, Kemurnian; Pengudusan.

b 1 Yoh. 1:7–9.

29 Dan jika kamu disucikan dan dibersihkan dari segala dosa, kamu akan "meminta apa pun yang kamu kehendaki dalam nama Yesus dan ia akan terjadi.

30 Tetapi ketahuilah ini, akan diberikan kepadamu apa pun yang akan kamu minta; dan kerana kamu ditetapkan menjadi "ketua, roh-roh itu akan tunduk kepadamu.

31 Kerana itu, akan terjadi, bahawa jika kamu melihat suatu "roh dinyatakan yang tidak dapat kamu fahami, dan kamu tidak menerima roh itu, kamu harus meminta kepada Bapa dalam nama Yesus; dan jika Dia tidak memberi kepadamu roh itu, maka kamu dapat mengetahui bahawa ia bukanlah daripada Tuhan.

32 Dan akan diberikan kepadamu, "kuasa ke atas roh itu; dan kamu haruslah memaklumkan terhadap roh itu dengan suara nyaring bahawa ia bukanlah daripada Tuhan—

33 Bukan dengan "tuduhan yang mencerca, agar kamu tidak dikuasai, tidak juga dengan ^bbermegah-megah tidak juga bersukacita, agar jangan kamu dicengkam olehnya.

34 Dia yang menerima daripada Tuhan, biarlah dia menganggapnya daripada Tuhan; dan biarlah dia bersukacita bahawa dia

dianggap oleh Tuhan layak untuk menerima.

35 Dan dengan mengendahkan dan melakukan hal-hal yang telah kamu terima ini, dan yang akan kamu terima selepas ini—dan "kerajaan diberikan kepadamu oleh Bapa, dan ^bkuasa untuk mengatasi segala sesuatu yang bukan ditahbiskan oleh-Nya—

36 Dan lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, diberkatilah kamu yang sekarang mendengar firman-Ku ini daripada mulut hamba-Ku, kerana dosadosamu "diampunkan.

37 Biarlah hamba-Ku Joseph Wakefield, kepadanya Aku sangat berkenan, dan hamba-Ku "Parley P. Pratt pergi ke kalangan jemaah-jemaah gereja dan menguatkan mereka dengan kata ^bdorongan;

38 Dan juga hamba-Ku John Corrill, atau seberapa banyak daripada para hamba-Ku yang ditahbiskan pada jabatan ini, dan biarlah mereka bekerja di dalam "ladang anggur; dan janganlah biarkan seorang pun menghalang mereka melakukan apa yang telah Aku tetapkan kepada mereka—

39 Kerana itu, dalam hal ini hamba-Ku "Edward Partridge tidaklah dipersolehkan; walaupun demikian biarlah dia bertaubat dan dia akan diampuni.

29a Hel. 10:5; A&P 46:30.
pts Doa.

30a pts Wewenang.

31a 1 Yoh. 4:1.

pts Roh—Roh-roh jahat.

32a Mat. 10:1.

33a Yud. 1:9.

b A&P 84:67, 73.

35a pts Kerajaan Tuhan atau Kerajaan Syurga.

b 1 Yoh. 4:4;

A&P 63:20, 47.

36a A&P 58:42-43.

pts Mengampuni.

37a pts Parley Parker Pratt.

b A&P 97:3-5.

38a pts Ladang Anggur Tuhan.

39a pts Edward Partridge.

40 Lihatlah, kamu ialah anak-anak kecil dan kamu tidak dapat “menanggung segala hal sekarang; kamu mesti ^btumbuh dalam ^crahmat dan dalam pengetahuan tentang “kebenaran.

41 “Janganlah takut, ^banak-anak kecil, kerana kamu ialah milik-Ku, dan Aku telah ^cmengatasi dunia, dan kamu ialah daripada mereka yang telah Bapa-Ku “berikan kepada-Ku;

42 Dan tidak seorang pun daripada mereka yang telah Bapa-Ku berikan kepada-Ku akan “hilang.

43 Dan Bapa dan Aku ialah “satu. Aku di dalam Bapa dan Bapa di

dalam Aku; dan sejauh kamu telah menerima-Ku, kamu di dalam Aku dan Aku di dalam kamu.

44 Kerana itu, Aku berada di tengah-tengahmu, dan Aku ialah gembala yang “baik, dan ^bbatu Israel. Dia yang membangun di atas “batu ini “tidak akan pernah jatuh.

45 Dan masanya datang apabila kamu akan mendengar suara-Ku dan “melihat-Ku, dan mengetahui bahawa Aku ada.

46 “Berjagalalah, oleh kerana itu, agar kamu boleh ^bbersedia. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 51

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Thompson, Ohio, 20 Mei 1831. Pada waktu ini para Orang Suci yang berhijrah dari negeri-negeri sebelah timur mulai tiba di Ohio, dan ia menjadi perlu untuk membuat penyusunan yang tetap untuk tempat tinggal mereka. Disebabkan tugas ini khususnya termasuk dalam jabatan uskup, Uskup Edward Partridge mencari bimbingan dalam hal itu, dan Nabi bertanya kepada Tuhan.

1–8, Edward Partridge ditetapkan untuk mengatur tugas pengawasan dan harta; 9–12, Para Orang Suci mesti berurusan secara jujur dan menerima sama rata; 13–15, Mereka

mesti mempunyai sebuah gudang penyimpanan uskup dan mengatur harta-harta menurut hukum Tuhan; 16–20, Ohio akan menjadi tempat pengumpulan sementara.

40a 3 Ne. 17:2–3;
A&P 78:17–18.

b 1 Kor. 3:2–3;
A&P 19:22–23.

c prs Rahmat.
d prs Kebenaran.

41a 1 Yoh. 4:18.

b prs Para Putera dan
Puteri Tuhan.

c Yoh. 16:33.

d Yoh. 10:27–29; 17:2;

3 Ne. 15:24;
A&P 27:14; 84:63.

42a Yoh. 17:12;

3 Ne. 27:30–31.

43a Yoh. 17:20–23;

3 Ne. 11:35–36.

prs Tuhan, Kesatuan
Ketuhanan.

44a Yoh. 10:14–15.

prs Gembala yang
Baik.

b Kej. 49:24;

1 Ptr. 2:4–8.

prs Batu penjuru.

c 1 Kor. 10:1–4.

prs Batu;

Yesus Kristus.

d Hel. 5:12.

45a A&P 67:10–13.

46a prs Berjaga, Para
Penjaga.

b Alma 34:32–33.

DENGARKANLAH Aku, firman Tuhan Rajamu, dan Aku akan berfirman kepada hamba-Ku "Edward Partridge, dan memberikan kepadanya arahan; kerana mestilah perlu bahawa dia menerima arahan bagaimana untuk mengatur orang-orang ini.

2 Kerana mestilah perlu bahawa mereka diatur menurut "hukum-hukum-Ku; jika tidak, mereka akan disingkirkan.

3 Kerana itu, biarlah hamba-Ku Edward Partridge, dan mereka yang telah dia pilih, kepadanya Aku sangat berkenan, menetapkan bagi orang-orang ini bahagian-bahagian mereka, setiap orang "sama rata menurut keluarganya, menurut keadaannya dan keinginan dan ^bkeperluannya.

4 Dan biarlah hamba-Ku Edward Partridge, apabila dia akan menetapkan seseorang itu bahagiannya, berikan kepadanya sesuatu secara bertulis yang akan menjamin bahagiannya pada dirinya, agar dia akan memegangnya, bahkan hak ini dan warisan ini di dalam gereja, sehinggalah dia melanggar dan tidak dianggap layak oleh suara gereja, menurut hukum dan "perjanjian-perjanjian gereja, untuk termasuk di dalam gereja.

5 Dan jika dia melanggar dan tidak dianggap layak untuk masuk

dalam gereja, dia tidak akan memiliki kuasa untuk menuntut hak ke atas bahagian itu yang telah dia baktikan kepada uskup untuk yang miskin dan memerlukan dari gereja-Ku; oleh kerana itu, dia tidak akan menyimpan pemberian itu, tetapi hanya akan mempunyai hak ke atas bahagian itu yang diikat milik kepadanya.

6 Dan demikianlah segala sesuatu akan dijadikan pasti, "menurut ^bundang-undang negara.

7 Dan biarlah apa yang merupakan kepunyaan orang-orang ini ditetapkan kepada orang-orang ini.

8 Dan baki "wang bagi orang-orang ini—biarlah ada seorang wakil yang dilantik bagi orang-orang ini, untuk mengambil ^bwang itu untuk menyediakan makanan dan pakaian, menurut keinginan orang-orang ini.

9 Dan biarlah setiap orang mengurus secara "jujur, dan menjadi sama rata di kalangan orang-orang ini, dan menerima yang sama rata, agar kamu boleh menjadi ^bsatu, bahkan seperti yang telah Aku perintahkan kepadamu.

10 Dan biarlah apa yang menjadi kepunyaan orang-orang ini tidak diambil dan diberikan kepada orang dari jemaah "gereja yang lain.

11 Kerana itu, jika jemaah gereja

51 1a PTS Edward Partridge.
2a A&P 42:30-39; 105:5. PTS Membaktikan, Hukum Kebaktian.
3a A&P 49:20.
b Kis. 2:44-45; 4 Ne. 1:2-3.

4a IAITU bahagian 20 disebut Fasal-fasal dan Perjanjian Gereja Kristus.
A&P 33:14; 42:13. PTS Perjanjian.
6a 1 Ptr. 2:13; A&P 98:5-7.
b A&P 58:21-22.

8a A&P 84:104.
b A&P 104:15-18.
9a PTS Jujur, Kejujuran.
b A&P 38:27. PTS Kesatuan.
10a IAITU cabang lain dari Gereja ini, bukan mazhab agama yang lain.

lain ingin menerima wang dari jemaah gereja ini, biarlah mereka membayar kepada jemaah gereja ini lagi seperti yang akan mereka persetujui;

12 Dan ini akan dilakukan melalui uskup atau wakil, yang akan ditetapkan melalui “suara jemaah gereja.

13 Dan lagi, biarlah uskup menetapkan sebuah “gudang penyimpanan bagi jemaah gereja ini; dan biarlah segala sesuatu baik wang mahupun makanan, yang lebih daripada yang ^bdiperlukan untuk keinginan orang-orang ini, disimpan di dalam tangan uskup.

14 Dan biarlah dia juga menyimpan bagi dirinya untuk keinginannya sendiri, dan untuk keinginan keluarganya, kerana dia akan diupah dalam melakukan urusan ini.

15 Dan demikianlah Aku memberikan kepada orang-orang ini suatu hak istimewa untuk mengatur diri mereka menurut “hukum-hukum-Ku.

16 Dan Aku membaktikan

kepada mereka “tanah ini untuk suatu masa yang singkat, sehingga Aku, Tuhan, akan menyediakan bagi mereka dengan cara lain, dan memerintahkan mereka untuk pergi dari sini;

17 Dan jam dan harinya tidak diberikan kepada mereka, kerana itu biarlah mereka tinggal di atas tanah ini seolah-olah untuk bertahun-tahun, dan ini akan bertukar menjadi demi kebaikan mereka.

18 Lihatlah, ini akan menjadi “sebuah contoh bagi hamba-Ku Edward Partridge, di tempat-tempat lain, di dalam semua jemaah gereja.

19 Dan barang siapa didapati sebagai “seorang pengawas yang setia, soleh, dan bijak akan masuk ke dalam ^bkebahagiaan Tuhannya, dan akan mewarisi kehidupan abadi.

20 Sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, Aku ialah Yesus Kristus, yang “datang dengan cepat, pada ^bjam yang tidak kamu sangkakan. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 52

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada para penatua Gereja, di Kirtland, Ohio, 6 Jun 1831. Sebuah persidangan telah diadakan di Kirtland, bermula pada tarikh 3 hari bulan dan berakhir pada tarikh 6 Jun. Dalam persidangan ini penahbisan khusus yang pertama pada jabatan imam tinggi diadakan, dan pernyataan tertentu roh-roh palsu dan memperdaya dibezakan dan ditegur.

12^a PTS Persetujuan Bersama.

13^a A&P 42:55.

PTS Gudang Penyimpanan.

^b A&P 42:33-34, 55;

82:17-19.

15^a A&P 51:2.

16^a IAITU Kirtland, kawasan Ohio.

18^a IAITU sebuah panduan.

19^a Mat. 24:45-47.

PTS Pengawas, Pengawasan.

^b PTS Kegembiraan.

20^a Why. 22:6-16.

^b Mat. 24:44.

1-2, *Persidangan yang berikutnya dijadualkan untuk diadakan di Missouri*; 3-8, *Penetapan para penatua yang tertentu untuk melakukan perjalanan bersama dibuat*; 9-11, *Para penatua mesti mengajarkan apa yang para rasul dan nabi telah tuliskan*; 12-21, *Mereka yang diterangi oleh Roh menghasilkan buah-buah pujian dan kebijaksanaan*; 22-44, *Berbagai penatua ditetapkan untuk pergi mengkhutbahkan Injil semasa melakukan perjalanan ke Missouri untuk persidangan.*

LIHATLAH, demikianlah firman Tuhan kepada para penatua yang telah Dia ^apanggil dan pilih pada zaman terakhir ini, melalui suara Roh-Nya—

2 Memfirmankan: Aku, Tuhan, akan memberitahukan kepadamu apa yang Aku kehendaki yang harus kamu lakukan dari waktu ini sehinggalah persidangan yang seterusnya, yang akan diadakan di Missouri, di atas ^atanah yang akan Aku ^bbaktikan bagi umat-Ku, yang merupakan bani Yakub yang selebihnya, dan mereka ialah para pewaris menurut ^dperjanjian itu.

3 Kerana itu, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah hamba-Ku Joseph Smith Jr., dan Sidney Rigdon melakukan perjalanan mereka sesegera persediaan dapat dibuat untuk meninggalkan

rumah mereka, dan melakukan perjalanan ke negeri Missouri.

4 Dan sejauh mereka setia kepada-Ku, ia akan diberitahukan kepada mereka apa yang harus mereka lakukan;

5 Dan ia juga akan, sejauh mereka setia, diberitahukan kepada mereka ^anegeri warisanmu.

6 Dan sejauh mereka tidak setia, mereka akan disingkirkan, bahkan seperti yang Aku kehendaki, seperti yang kelihatannya baik bagi-Ku.

7 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah hamba-Ku Lyman Wight dan hamba-Ku John Corryll melakukan perjalanan mereka secepatnya;

8 Dan juga hamba-Ku John Murdock, dan hamba-Ku Hyrum Smith, melakukan perjalanan mereka ke tempat yang sama dengan melalui Detroit.

9 Dan biarlah mereka melakukan perjalanan dari sana mengkhutbahkan firman dalam perjalanan, ^atidak mengatakan hal-hal lain selain daripada apa yang ^bpara nabi dan rasul telah tuliskan, dan apa yang diajarkan kepada mereka oleh ^cPenolong melalui doa dengan iman.

10 Biarlah mereka pergi ^aberdua-dua, dan demikianlah biarlah mereka berkhutbah dalam perjalanan di dalam setiap jemaah

52 1a pts Dipanggil oleh Tuhan, Memanggil, Panggilan.

2a A&P 57:1-3.

b A&P 58:57; 84:3-4.

c Mzm. 135:4;
3 Ne. 5:21-26.

d Abr. 2:6-11.

pts Perjanjian Abraham.

5a A&P 57:1-3.

9a Mosia 18:19-20.

b A&P 42:12; 52:36.
pts Tulisan Suci.

c pts Ajar, Pengajar—
Mengajar dengan Roh Kudus;

Penolong;
Roh Kudus.

10a Mrk. 6:7;
A&P 61:35.

gereja, membaptis dengan ^bair, dan perletakan ^ctangan di tepi air.

11 Kerana demikianlah firman Tuhan, Aku akan mempersingkatkan pekerjaan-Ku dalam ^akeso-lehan, kerana masanya datang apabila Aku akan menghantar penghakiman pada kemenangan.

12 Dan biarlah hamba-Ku Lyman Wight berhati-hati, kerana Setan berhasrat untuk ^amengayaknya seperti sekam.

13 Dan lihatlah, dia yang ^asetia akan dijadikan pemerintah ke atas banyak hal.

14 Dan lagi, Aku akan memberi kepadamu sebuah panduan dalam segala hal, agar kamu tidak dapat diperdayakan; kerana Setan tersebar luas di atas tanah ini, dan dia pergi memperdayakan semua bangsa—

15 Kerana itu, dia yang berdoa, yang rohnya ^amenyesal, orang yang sama ^bditerima oleh-Ku jika dia mematuhi ^ctatacara-tatacara-Ku.

16 Dia yang berbicara, yang rohnya menyesal, yang cara berbahasanya lembut dan meneguhkan, orang yang sama ialah daripada Tuhan jika dia mematuhi tatacara-tatacara-Ku.

17 Dan lagi, dia yang gementar di bawah kuasa-Ku akan dijadikan ^akuat, dan akan menghasilkan buah-buah pujian dan ^bkebijaksa-

naan, menurut wahyu dan kebe-naran yang telah Aku berikan kepadamu.

18 Dan lagi, dia yang dikuasai dan tidak ^amenghasilkan buah-buah, bahkan menurut panduan ini, bukanlah daripada-Ku.

19 Kerana itu, dengan panduan ini kamu akan ^amengenali roh-roh dalam semua keadaan di bawah seluruh langit ini.

20 Dan masanya telah datang; menurut iman manusia ia akan ^aterjadi kepada mereka.

21 Lihatlah, perintah ini diberikan kepada semua penatua yang telah Aku pilih.

22 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah hamba-Ku ^aThomas B. Marsh dan hamba-Ku Ezra Thayre melak-kan perjalanan mereka juga, mengkhutbahkan firman dalam perjalanan ke tempat yang sama ini.

23 Dan lagi, biarlah hamba-Ku Isaac Morley dan hamba-Ku Ezra Booth melakukan perjalanan mereka, juga mengkhutbahkan firman dalam perjalanan ke tempat yang sama ini.

24 Dan lagi, biarlah hamba-Ku ^aEdward Partridge dan Martin Harris melakukan perjalanan mereka bersama hamba-Ku Sidney Rigdon dan Joseph Smith Jr.

25 Biarlah hamba-Ku David

10^b Yoh. 1:26.
^c Kis. 8:14-17.

11^a Rm. 9:28.
12^a Luk. 22:31;
3 Ne. 18:17-18.

13^a Mat. 25:23;
A&P 132:53.

15^a pts Hati yang Hancur.
^b A&P 97:8.

^c pts Tatacara-tatacara.
17^a A&P 66:8; 133:58.
^b pts Kebijaksanaan.

18^a Mat. 3:10.
19^a pts Kurnia

Membezakan.
20^a Mat. 8:5-13.
22^a A&P 56:5.
pts Thomas B. Marsh.
24^a pts Edward Partridge.

Whitmer dan Harvey Whitlock juga mengadakan perjalanan mereka, dan berkhotbah dalam perjalanan ke tempat yang sama ini.

26 Dan biarlah hamba-Ku ^aParley P. Pratt dan ^bOrson Pratt melakukan perjalanan mereka, dan berkhotbah dalam perjalanan, bahkan ke tempat yang sama ini.

27 Dan biarlah hamba-Ku Solomon Hancock dan Simeon Carter juga melakukan perjalanan mereka ke tempat yang sama ini, dan berkhotbah dalam perjalanan.

28 Biarlah hamba-Ku Edson Fuller dan Jacob Scott juga melakukan perjalanan mereka.

29 Biarlah hamba-Ku Levi W. Hancock dan Zebedee Coltrin juga melakukan perjalanan mereka.

30 Biarlah hamba-Ku Reynolds Cahoon dan Samuel H. Smith juga melakukan perjalanan mereka.

31 Biarlah hamba-Ku Wheeler Baldwin dan William Carter juga melakukan perjalanan mereka.

32 Dan biarlah kedua-dua hamba-Ku ^aNewel Knight dan Selah J. Griffin ditahbiskan, dan juga melakukan perjalanan mereka.

33 Ya, sesungguhnya Aku berfirman, biarlah semua orang ini melakukan perjalanan mereka ke satu tempat, dalam beberapa laluan mereka, dan satu orang tidak seharusnya membangun di

atas ^alandasan orang yang lain, tidak juga perjalanan dilakukan di atas jejak orang lain.

34 Dia yang setia, ialah orang yang sama akan dilindungi dan diberkati dengan ^abuah yang banyak.

35 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu, biarlah hamba-Ku Joseph Wakefield dan Solomon Humphrey melakukan perjalanan mereka ke wilayah-wilayah sebelah timur;

36 Biarlah mereka bekerja bersama para keluarga mereka, tidak ^amemaklumkan hal-hal lain selain para nabi dan rasul, apa yang telah mereka ^blihat dan dengar dan ^cpercayakan dengan pasti, bahawa nubuat-nubuat itu akan digenapi.

37 Sebagai akibat dari pelanggaran, biarlah apa yang diberikan kepada Heman Basset ^adiambil daripadanya, dan ditempatkan ke atas kepala Simonds Ryder.

38 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah Jared Carter ^aditahbiskan sebagai imam, dan juga George James ditahbiskan sebagai ^bimam.

39 Biarlah para penatua yang selebihnya ^amenjaga jemaah-jemaah gereja, dan memaklumkan firman di wilayah-wilayah sekitar mereka; dan biarlah mereka bekerja dengan tangan mereka sendiri agar tidak ada ^bpemujaan berhala tidak juga kejahatan diumumkan.

26a pts Parley Parker Pratt.

b pts Orson Pratt.

32a A&P 56:6-7.

33a Rm. 15:20.

34a Yoh. 15:16;

A&P 18:15-16.

36a Mosia 18:19-20;

A&P 52:9.

b Yoh. 3:11.

c pts Kepercayaan, Percaya.

37a Mat. 25:25-30.

38a A&P 79:1.

b pts Imam, Imamat Harun.

39a Alma 6:1.

b pts Pemujaan berhala.

40 Dan ingatlah dalam segala hal yang ^a“miskin dan yang ^bmemerlukan, yang sakit dan yang sengsara, kerana dia yang tidak melakukan hal-hal ini, orang yang sama itu bukanlah pengikut-Ku.

41 Dan lagi, biarlah hamba-hamba-Ku Joseph Smith Jr., dan Sidney Rigdon dan Edward Partridge membawa bersama mereka ^a“sekeping rekomen dari gereja. Dan biarlah sekeping lagi didapatkan untuk hamba-Ku Oliver Cowdery juga.

42 Dan demikianlah, bahkan seperti yang telah Aku firmankan,

jika kamu setia kamu akan berhimpun bersama untuk bersukacita di atas negeri ^a“Missouri, yang merupakan negeri ^bwarisanmu, yang merupakan negeri musuhmu sekarang.

43 Tetapi, lihatlah, Aku, Tuhan, akan mempercepatkan kota itu pada waktunya, dan akan memahkotai yang setia dengan ^a“kebahagiaan dan dengan kesukacitaan.

44 Lihatlah, Aku ialah Yesus Kristus, Putera Tuhan, dan Aku akan ^a“mengangkat mereka pada hari terakhir. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 53

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Algernon Sidney Gilbert, di Kirtland, Ohio, 8 Jun 1831. Di atas permintaan Sidney Gilbert, Nabi bertanya kepada Tuhan berkaitan dengan pekerjaan dan pelantikan Saudara Gilbert di dalam Gereja.

1–3, Pemanggilan dan pemilihan Sidney Gilbert di dalam Gereja adalah untuk ditahbiskan sebagai seorang penatua; 4–7, Dia juga mesti melayani sebagai wakil uskup.

LIHATLAH, Aku berfirman kepadamu, hamba-Ku Sidney Gilbert, bahawa Aku telah mendengar doamu; dan kamu telah meminta kepada-Ku agar ia akan diberitahukan kepadamu, daripada Tuhan Rajamu, tentang pemanggilan dan

^a“pemilihanmu di dalam gereja, yang telah Aku, Tuhan, bangkitkan pada zaman terakhir ini.

2 Lihatlah, Aku, Tuhan, yang telah ^a“disalibkan bagi dosa-dosa dunia, memberi kepadamu sebuah perintah bahawa kamu haruslah ^bmelupakan dunia.

3 Ambillah ke atas dirimu penahbisan-Ku, bahkan sebagai penatua, untuk mengkhutbahkan iman dan pertaubatan dan ^a“pengampunan dosa-dosa, menurut

40a A&P 104:15–18.
pts Miskin.

b pts Kebajikan.

41a A&P 20:64.

42a pts Sion.

b A&P 25:2; 57:1–3.

43a pts Kegembiraan.

44a A&P 88:96–98.

53 1a pts Panggilan dan
Pemilihan;
Pemilihan;
Umat Pilihan.

2a pts Penyaliban.

b pts Dunia;
Keduniaan.

3a pts Pengampunan
Dosa-dosa.

firman-Ku, dan penerimaan Roh Kudus melalui perletakan ^btangan;

4 Dan juga untuk menjadi ^awakil bagi gereja ini di tempat yang akan ditetapkan oleh uskup, menurut perintah-perintah yang akan diberikan selepas ini.

5 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, kamu harus melakukan perjalananmu bersama hamba-hamba-Ku Joseph Smith Jr., dan Sidney Rigdon.

6 Lihatlah, inilah tatacara-tatacara pertama yang akan kamu terima; dan selebihnya akan diberitahukan pada masa yang akan datang, menurut pekerjaanmu di dalam ladang anggur-Ku.

7 Dan lagi, Aku menghendaki bahawa kamu harus belajar bahawa hanya dia yang diselamatkan yang ^abertahan sampai akhir. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 54

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Newel Knight, di Kirtland, Ohio, 10 Jun 1831. Para anggota Gereja yang tinggal di Thompson, Ohio, terbahagi di dalam pertanyaan yang berkaitan dengan pembaktian harta-harta. Sifat mementingkan diri dan ketamakan dinyatakan. Setelah pelayanannya kepada Shakers (lihat pengenalan untuk bahagian 49), Leman Copley telah melanggar perjanjiannya untuk membaktikan tanah pertaniannya yang luas sebagai tempat warisan bagi para Orang Suci yang tiba dari Colesville, New York. Sebagai akibatnya, Newel Knight (pemimpin bagi para ahli tinggal di Thompson) dan penatua lain telah datang kepada Nabi menanyakan bagaimana harus menguruskannya. Nabi bertanya kepada Tuhan dan menerima wahyu ini yang perintahkan para ahli di Thompson untuk pergi dari tanah pertanian Leman Copley dan melakukan perjalanan ke Missouri.

1–6, Para Orang Suci mesti mentaati perjanjian Injil untuk memperoleh belas kasihan; 7–10, Mereka mesti bersabar dalam kesengsaraan.

LIHATLAH, demikianlah firman Tuhan, bahkan ^aAlfa dan Omega, yang awal dan yang akhir, bahkan Dia yang telah ^bdisalibkan bagi dosa-dosa dunia—

2 Lihatlah, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, hamba-Ku Newel Knight, kamu haruslah berdiri teguh dalam jabatan yang telah Aku tetapkan padamu.

3 Dan jika saudara-saudaramu berhasrat untuk terlepas daripada musuh-musuh mereka, biarlah mereka bertaubat dari segala dosa

3b pts Perletakan Tangan.
4a A&P 57:6, 8–10, 14–15;
84:113.

7a pts Bertahan.
54 1a Why. 1:8;
A&P 19:1.

pts Alfa dan Omega.
b pts Penyaliban.

mereka, dan menjadi benar-benar “rendah hati di hadapan-Ku dan menyesal.

4 Dan disebabkan “perjanjian yang mereka buat kepada-Ku telah dilanggar, demikian juga ia telah menjadi ^bbatal dan tidak berkuasa.

5 Dan celakalah dia yang daripadanya “kesalahan ini datang, kerana adalah lebih baik baginya bahawa dia dibenamkan di kedalaman laut.

6 Tetapi diberkatilah mereka yang telah mentaati perjanjian dan mematuhi perintah, kerana mereka akan mendapat “belas kasihan.

7 Kerana itu, pergilah sekarang dan larikan diri dari tanah itu, agar jangan musuhmu datang ke atas dirimu; dan lakukanlah perjalananmu, dan pilihlah siapa yang kamu kehendaki untuk menjadi

pemimpinmu, dan untuk membayar wang bagimu.

8 Dan demikianlah kamu akan melakukan perjalananmu ke wilayah-wilayah di sebelah barat, ke negeri “Missouri, ke persempadanan bangsa Laman.

9 Dan setelah kamu melakukan perjalanan, lihatlah, Aku berfirman kepadamu, carilah kamu “mata pencarian seperti orang lain, sehingga Aku menyediakan sebuah tempat bagimu.

10 Dan lagi, “bersabarlah dalam kesengsaraan sehingga Aku ^bdatang; dan, lihatlah, Aku datang dengan cepat, dan ganjaran-Ku ada bersama-Ku, dan mereka yang telah ‘mencari-Ku sejak dari awal akan menemui “istirahat bagi jiwa mereka. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 55

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada William W. Phelps, di Kirtland, Ohio, 14 Jun 1831. William W. Phelps, seorang pencetak, dan keluarganya baru saja tiba di Kirtland, dan Nabi mencari Tuhan untuk maklumat tentang dia.

1–3, William W. Phelps dipanggil dan dipilih untuk dibaptiskan, untuk ditahbiskan sebagai penatua, dan untuk mengkhutbahkan Injil; 4, Dia juga harus menulis buku untuk kanak-kanak di sekolah-sekolah Gereja; 5–6, Dia mesti melakukan

perjalanan ke Missouri, yang akan menjadi bidang pekerjaannya.

LIHATLAH, demikianlah firman Tuhan kepadamu, hamba-Ku William, ya, bahkan Tuhan seluruh “bumi, engkau dipanggil dan

3a pts Rendah Hati, Kerendahan Hati.
4a A&P 42:30–39.
pts Membaptiskan, Hukum Kebaktian.
b A&P 58:32–33.
5a Mat. 18:6–7.

6a pts Belas Kasihan, Berbelas Kasihan.
8a A&P 52:42.
9a 1 Tes. 4:11.
10a pts Kesabaran.
b Why. 22:12.
pts Kedatangan Kedua

Yesus Kristus.
c Ams. 8:17.
pts Doa.
d Mat. 11:28–30.
pts Beristirahat.
55 1a Ul. 10:14; 1 Ne. 11:6;
2 Ne. 29:7.

dipilih; dan selepas engkau ^bdibaptis dengan air, yang jika kamu lakukan dengan tumpuan matamu adalah satu pada kemuliaan-Ku, kamu akan memperoleh pengampunan dosa-dosamu dan penerimaan Roh Kudus melalui perletakan tangan;

2 Dan kemudian engkau akan ditahbiskan oleh tangan hamba-Ku Joseph Smith Jr., untuk menjadi penatua bagi gereja ini, untuk mengkhutbahkan pertaubatan dan "pengampunan dosa-dosa dengan cara pembaptisan dalam nama Yesus Kristus, Putera Tuhan yang hidup.

3 Dan ke atas sesiapa pun kamu akan letakkan tanganmu, jika mereka menyesal di hadapan-Ku, kamu akan memiliki kuasa untuk memberikan Roh Kudus.

4 Dan lagi, kamu akan ditahbis-

kan untuk membantu hamba-Ku Oliver Cowdery melakukan pekerjaan mencetak, dan memilih dan menulis "buku untuk sekolah-sekolah di dalam gereja ini, agar anak-anak kecil juga boleh menerima tunjuk ajar di hadapan-Ku yang menyenangkan bagi-Ku.

5 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, untuk tujuan ini kamu akan melakukan perjalananmu bersama hamba-Ku Joseph Smith Jr., dan Sidney Rigdon, agar kamu boleh "ditempatkan di negeri warisanmu untuk melakukan pekerjaan ini.

6 Dan lagi, biarlah hamba-Ku Joseph Coe juga melakukan perjalanannya bersama mereka. Selebihnya akan diberitahukan selepas ini, bahkan seperti yang Aku kehendaki. Amin.

BAHAGIAN 56

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 15 Jun 1831. Wahyu ini mendera Ezra Tayre kerana tidak mematuhi wahyu sebelumnya ("perintah" dirujuk dalam ayat 8) yang Joseph Smith telah menerima untuk dia, mengarahkan Thayre berkaitan tugasnya di tanah pertanian Frederick G. Williams, di mana dia tinggal. Wahyu seterusnya juga menarik panggilan Thayre untuk melakukan perjalanan ke Missouri bersama Thomas B. Marsh (lihat bahagian 52:22).

1-2, Para Orang Suci mesti memikul salib mereka dan mengikuti Tuhan untuk memperoleh keselamatan; 3-13, Tuhan memerintahkan

dan menarik, dan yang tidak patuh disingkirkan; 14-17, Celakalah yang kaya yang tidak mahu menolong yang miskin, dan celakalah yang

1b prs Pembaptisan,
Membaptis.
c prs Perletakan Tangan.

2a prs Pengampunan
Dosa-dosa.
4a A&P 88:118; 109:7, 14.

5a Am. 9:15.

miskin yang hatinya tidak hancur; 18-20, Diberkatilah yang miskin yang suci hatinya, kerana mereka akan mewarisi bumi.

DENGARLAH, Wahai kamu orang-orang yang "mengakui nama-Ku, firman Tuhan Rajamu; kerana lihatlah, kemarahan-Ku menyala terhadap yang memberontak, dan mereka akan mengetahui lengan-Ku dan kemarahan-Ku, pada hari ^bpengunjungan dan kemurkaan ke atas semua bangsa.

2 Dan dia yang tidak mahu memikul "salibnya dan ^bmengikuti-Ku, dan mentaati perintah-perintah-Ku, orang yang sama itu tidak akan diselamatkan.

3 Lihatlah, Aku, Tuhan, memerintahan; dan dia yang tidak mahu "mematuhi akan ^bdisingkirkan pada waktu-Ku sendiri yang tepat, selepas Aku perintahkan dan perintah itu dilanggar.

4 Kerana itu Aku, Tuhan, memerintahan dan "menarik, seperti yang kelihatannya baik bagi-Ku; dan semua ini akan dipertanggungjawabkan ke atas kepala mereka yang ^bmemberontak, firman Tuhan.

5 Kerana itu, Aku menarik perintah yang diberikan kepada hamba-Ku "Thomas B. Marsh dan Ezra Thayre, dan memberikan sebuah perintah baru kepada hamba-Ku Thomas, agar dia harus

melakukan perjalanannya secepatnya ke negeri Missouri, dan hamba-Ku Selah J. Griffin juga akan pergi bersamanya.

6 Kerana lihatlah, Aku menarik perintah yang diberikan kepada hamba-Ku Selah J. Griffin dan Newel Knight, sebagai akibat daripada kedegilan umat-Ku yang berada di Thompson, dan pemberontakan mereka.

7 Kerana itu, biarlah hamba-Ku Newel Knight tetap tinggal bersama mereka; dan seberapa banyak yang hendak pergi boleh pergi, yang menyesal di hadapan-Ku, dan dipimpin olehnya ke tanah yang telah Aku tetapkan.

8 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa hamba-Ku Ezra Thayre mesti bertaubat dari "keangkuhannya dan sifatnya yang mementingkan diri, dan mematuhi perintah yang telah Aku berikan kepadanya sebelum ini berkenaan dengan tempat yang dia tinggal.

9 Dan jika dia akan melakukan ini, kerana tidak akan ada pembahagian yang dibuat ke atas tanah itu, dia masih akan ditetapkan untuk pergi ke negeri Missouri;

10 Jika tidak dia akan menerima wang yang telah dibayarnya, dan harus meninggalkan tempat itu, dan akan "disingkirkan dari gereja-Ku, firman Tuhan Raja Semesta Alam;

56 1a A&P 41:1.
b Yes. 10:3-4;
Morm. 9:2;
A&P 1:13-14; 124:10.
2a Luk. 14:27.
b 1 Ptr. 2:21;

2 Ne. 31:10-13;
Moro. 7:11.
PTS Yesus Kristus—
Teladan Yesus Kristus.
3a PTS Patuh, Kepatuhan,
Mematuhi.

b A&P 1:14-16; 50:8.
4a A&P 58:31-33.
b PTS Pemberontakan.
5a PTS Thomas B. Marsh.
8a PTS Keangkuhan.
10a PTS Penyingkiran.

11 Dan walaupun langit dan bumi berakhir, firman ini tidak akan "berakhir, tetapi akan digenapi.

12 Dan jika hamba-Ku Joseph Smith Jr., mesti perlu membayar wang itu, lihatlah, Aku, Tuhan, akan membayarkan kepadanya lagi di negeri Missouri, agar mereka yang akan dia terima boleh diberi ganjaran lagi menurut apa yang mereka lakukan;

13 Kerana menurut apa yang mereka lakukan mereka akan menerima, bahkan dengan tanah untuk warisan mereka.

14 Lihatlah, demikianlah firman Tuhan kepada umat-Ku—kamu memiliki banyak hal untuk dilakukan dan untuk bertaubat darinya; kerana lihatlah, dosa-dosamu telah naik kepada-Ku, dan tidak diampuni, kerana kamu berusaha untuk "menasihati dengan caramu sendiri.

15 Dan hatimu tidak puas. Dan kamu tidak mematuhi kebenaran, tetapi menikmati "kesenangan dalam ketidaksolehan.

16 Celakalah kamu orang-orang "kaya, yang tidak mahu ^bmemberikan harta kekayaanmu kepada yang "miskin, kerana ^dkekayaanmu akan merosakkan jiwamu; dan ini akan menjadi ratapanmu pada

hari pengunjungan, dan penghakiman, dan kemarahan: "Penuaian telah berlalu, musim panas telah berakhir, dan jiwaku tidak diselamatkan!

17 Celakalah kamu orang-orang "miskin, yang hatinya tidak hancur, yang rohnya tidak menyesal, dan yang perutnya tidak puas, dan yang tangannya tidak ditahan dari menyambar barang-barang orang lain, yang matanya penuh ^bketamakan, dan yang tidak mahu bekerja dengan tanganmu sendiri!

18 Tetapi diberkatilah yang "miskin yang suci hatinya, yang hatinya ^bhancur, dan yang rohnya menyesal, kerana mereka akan melihat "kerajaan Tuhan datang dalam kuasa dan kemuliaan yang besar untuk pembebasan mereka; kerana ketambunan "bumi akan menjadi milik mereka.

19 Kerana lihatlah, Tuhan akan datang, dan "ganjaran-Nya akan ada bersama-Nya, dan Dia akan mengganjarkan setiap orang, dan yang miskin akan bersukacita;

20 Dan generasi-generasi mereka akan "mewarisi bumi dari generasi ke generasi, selama-lamanya. Dan sekarang Aku mengakhiri berfirman kepadamu. Demikianlah. Amin.

11a 2 Ne. 9:16.

14a Yakub 4:10.

15a Alma 41:10;

3 Ne. 27:11.

16a Yer. 17:11;

2 Ne. 9:30.

b prs Sedekah,
Pemberian Sedekah.

c Ams. 14:31;

Alma 5:55-56.

prs Miskin.

d Yak. 5:3.

e Yer. 8:20;

Alma 34:33-35;

A&P 45:2.

17a Mosia 4:24-27;

A&P 42:42; 68:30-32.

b prs Mendambakan.

18a Mat. 5:3, 8;

Luk. 6:20;

3 Ne. 12:3.

prs Miskin.

b prs Hati yang Hancur.

c prs Kerajaan Tuhan

atau Kerajaan Syurga.

d prs Bumi.

19a Why. 22:12;

A&P 1:10.

20a Mat. 5:5;

A&P 45:56-58.

BAHAGIAN 57

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Sion, Jackson County, Missouri, 20 July 1831. Sebagai kepatuhan pada perintah Tuhan untuk melakukan perjalanan ke Missouri, yang Dia akan mendedahkan “negeri warisanmu” (bahagian 52), para penatua telah melakukan perjalanan dari Ohio ke sempadan Missouri Barat. Joseph Smith merenungkan keadaan bangsa Laman dan tertanya-tanya: “Bilakah padang belantara akan mekar seperti bunga mawar? Bilakah Sion akan dibangunkan dalam kemuliaannya, dan di manakah bait suci-Mu akan berdiri, iaitu tempat segala bangsa akan datang pada zaman terakhir?” Sesudah itu dia menerima wahyu ini.

1-3, *Independence, Missouri*, adalah tempat untuk Kota Sion dan bait suci; 4-7, Para Orang Suci mesti membeli tanah dan menerima warisan di kawasan itu; 8-16, Sidney Gilbert harus mendirikan sebuah kedai, William W. Phelps harus menjadi pencetak, dan Oliver Cowdery harus menyunting bahan untuk penerbitan.

DENGARKANLAH, Wahai kamu para penatua gereja-Ku, firman Tuhan Rajamu, yang telah menghimpunkan dirimu bersama, menurut perintah-perintah-Ku, di negeri ini, iaitu negeri “Missouri, yang merupakan ^bnegeri yang telah Aku tetapkan dan ^cbaktikan untuk ^dpengumpulan para orang suci.

2 Kerana itu, inilah negeri yang dijanjikan, dan merupakan ^atempat untuk Kota ^bSion.

3 Dan demikianlah firman Tuhan Rajamu, jika kamu ingin menerima

kebijaksanaan inilah kebijaksanaan. Lihatlah, tempat yang sekarang disebut Independence adalah tempat pusat; dan sebuah tempat untuk ^abait suci yang terletak di sebelah barat, di atas sebidang tanah yang tidak jauh dari mahkamah.

4 Kerana itu, adalah kebijaksanaan bahawa tanah itu akan ^adibeli oleh para orang suci, dan juga setiap bidang tanah yang terletak di sebelah barat, bahkan sehingga ke sempadan yang membentang betul-betul di antara antara ^bbangsa Yahudi dan bangsa bukan Israel;

5 Dan juga setiap bidang tanah yang bersempadan dengan padang rumput, sejauh para pengikut-Ku dapat ^amembeli tanah. Lihatlah, ini adalah kebijaksanaan, agar mereka boleh ^bmendapatkannya untuk warisan abadi.

6 Dan biarlah hamba-ku Sidney

57 1a A&P 52:42.

b A&P 29:7-8; 45:64-66.

c A&P 61:17.

d PTS Israel—

Pengumpulan Israel.

2a A&P 28:9; 42:9, 62.

b PTS Sion.

3a A&P 58:57; 97:15-17.

4a A&P 48:4.

b IAITU bangsa Yahudi di sini merujuk kepada bangsa Laman dan

bangsa bukan Israel

kepada para penghuni kulit putih.

5a A&P 58:49, 51;

101:68-74.

b A&P 56:20.

Gilbert berdiri pada jabatan yang telah Aku tetapkan kepadanya, untuk menerima wang, untuk menjadi "wakil bagi gereja, untuk membeli tanah di seluruh wilayah sekitarnya, sejauh yang dapat dilakukan dalam kebenaran, dan sebagaimana yang akan dibimbing oleh kebijaksanaan.

7 Dan biarlah hamba-Ku "Edward Partridge berdiri pada jabatan yang telah Aku tetapkan kepadanya, dan ^bmembahagi-bahagikan kepada para orang suci warisan mereka, bahkan seperti yang telah Aku perintahkan; dan juga mereka yang telah dia pilih untuk membantunya.

8 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah hamba-Ku Sidney Gilbert menempatkan dirinya di tempat ini, dan mendirikan sebuah kedai, agar dia boleh menjual barang-barang tanpa penipuan, agar dia boleh mendapatkan wang untuk membeli tanah demi kebaikan para orang suci, dan agar dia boleh mendapatkan apa pun barang-barang yang para pengikut mungkin perlukan untuk menempatkan mereka di warisan mereka.

9 Dan juga biarlah hamba-Ku Sidney Gilbert mendapatkan surat kuasa—lihatlah inilah kebijaksanaan, dan barang siapa membaca biarlah dia memahami—agar dia boleh menghantarkan barangan juga kepada orang-orang ini, bahkan melalui sesiapa pun yang dia

kehendaki bekerja sebagai kerani dalam pelayanannya;

10 Dan demikianlah disediakan bagi para orang suci-Ku, agar Injil-Ku boleh dihutbahkan kepada mereka yang duduk dalam "kegelapan dan di wilayah dan ^bbayangan kematian.

11 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah hamba-Ku "William W. Phelps ditempatkan di tempat ini, dan ditetapkan sebagai ^bpencetak bagi gereja.

12 Dan lihatlah, jika dunia menerima tulisannya—lihatlah inilah kebijaksanaan—biarlah dia mendapatkan apa pun yang boleh dia dapatkan dalam kesolehan, demi kebaikan para orang suci.

13 Dan biarlah hamba-Ku "Oliver Cowdery membantunya, bahkan seperti yang telah Aku perintahkan, di mana-mana tempat pun yang akan Aku tetapkan kepadanya, untuk menyalin, dan untuk membetulkan, dan memilih, agar segala hal boleh menjadi benar di hadapan-Ku, seperti akan dibuktikan oleh Roh melalui dia.

14 Dan dengan demikian biarlah mereka yang telah Aku firmankan ditempatkan di negeri Sion, secepat yang boleh, bersama keluarga mereka, untuk melakukan hal-hal itu bahkan seperti yang telah Aku firmankan.

15 Dan sekarang, berkenaan dengan pengumpulan itu—Biarlah uskup dan wakil membuat

6a A&P 53.
7a A&P 58:24.
 pts Edward Partridge.
b A&P 41:9-11; 58:14-18.

10a Yes. 9:2;
 Mat. 4:16.
 pts Kegelapan Rohani.
b Mzm. 23:4.

11a pts William W. Phelps.
 b A&P 58:37, 40-41.
13a pts Oliver Cowdery.
 b

persediaan untuk para keluarga yang telah diperintahkan untuk datang ke negeri ini, secepat yang mungkin, dan menempatkan mereka di warisan mereka.

16 Dan kepada para penatua dan anggota yang selebihnya petunjuk akan diberikan dengan lebih lanjut selepas ini. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 58

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Sion, Jackson County, Missouri, 1 Ogos 1831. Lebih awal, pada Sabat pertama setelah tibanya Nabi dan rombongannya di Jackson County, Missouri, suatu upacara keagamaan telah diadakan, dan dua anggota telah diterima melalui pembaptisan. Semasa minggu itu, beberapa orang daripada para Orang Suci Colesville dari Cabang Thompson dan yang lainnya tiba (lihat bahagian 54). Ramai yang sangat berminat untuk mempelajari kehendak Tuhan tentang mereka di tempat pengumpulan yang baru.

1–5, Mereka yang bertahan dalam kesengsaraan akan dimahkotai dengan kemuliaan; 6–12, Para Orang Suci mesti bersedia untuk perkahwinan Anak Domba dan jamuan malam Tuhan; 13–18, Para Uskup ialah hakim-hakim di Israel; 19–23, Para Orang Suci mesti mematuhi undang-undang negara; 24–29, Manusia haruslah menggunakan hak pilihan mereka untuk melakukan kebaikan; 30–33, Tuhan memerintahkan dan menarik; 34–43, Untuk bertaubat, manusia mesti mengakui dan meninggalkan dosa-dosa mereka; 44–58, Para Orang Suci mesti membeli warisan mereka dan berkumpul di Missouri; 59–65, Injil mesti dihutbahkan kepada setiap makhluk.

telinga terhadap firman-Ku, dan belajarlah daripada-Ku apa yang Aku kehendaki tentang kamu, dan juga tentang “tanah ini yang mana Aku telah hantarkan kamu padanya.

2 Kerana sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, diberkatilah dia yang “mentaati perintah-perintah-Ku, sama ada dalam kehidupan atau dalam ^bkematian; dan dia yang ^csetia dalam ^dkesengsaraan, orang yang sama itu ganjarannya lebih besar di dalam kerajaan syurga.

3 Kamu tidak dapat melihat dengan mata alamimu, pada masa kini, rancangan “Tuhanmu tentang hal-hal yang akan datang selepas ini, dan ^bkemuliaan yang akan menyusul selepas banyak kesengsaraan.

DENGARKANLAH, Wahai kamu para penatua gereja-Ku, dan pasanglah

58 1a A&P 57:1–8.
2a Mosia 2:22.
b 1 Ptr. 4:6.

c 2 Tes. 1:4.
d PRS Kesusahlan.
3a PRS Tuhan, Kesatuan

Ketuhanan.
b PRS Kemuliaan.

4 Kerana selepas banyak "kesengsaraan datanglah ^bberkat. Kerana itu harinya akan datang kamu akan "dimahkotai dengan banyak "kemuliaan; jamnya belumlah tiba, tetapi sudah di depan mata.

5 Ingatlah ini, yang Aku beritahukan kepadamu sebelumnya, agar kamu boleh "menyematkannya di dalam hati, dan menerima apa yang akan menyusul.

6 Lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, untuk tujuan ini Aku telah menghantarmu—agar kamu boleh patuh, dan agar hatimu boleh "disediakan untuk memberikan ^bkesaksian tentang hal-hal yang akan datang.

7 Dan juga agar kamu boleh dihormati dalam meletakkan landasan, dan dalam memberikan kesaksian tentang tanah yang di atasnya "Sion Tuhan akan berdiri;

8 Dan juga agar sebuah jamuan makan yang terbaik boleh disediakan bagi yang "miskin; ya, sebuah jamuan makan terbaik, wain ^bberkeladak yang disaring dengan baik, agar bumi boleh mengetahui bahawa mulut para nabi tidak akan gagal;

9 Ya, sebuah jamuan malam rumah Tuhan, disediakan dengan baik, di mana semua bangsa akan diundang.

10 Pertama, yang kaya dan yang

terpelajar, yang bijak dan yang mulia;

11 Dan selepas itu datanglah hari kekuasaan-Ku; kemudian yang miskin, yang lumpuh, dan yang buta, dan yang tuli, akan datang ke "perkahwinan Anak Domba, dan ikut serta dalam ^bjamuan malam Tuhan, yang disediakan untuk hari yang besar yang akan datang.

12 Lihatlah, Aku, Tuhan, telah memfirmankannya.

13 Dan agar "kesaksian itu boleh menyebar luas dari Sion, ya, dari mulut kota pusaka Tuhan—

14 Ya, untuk tujuan ini Aku telah menghantarmu ke mari, dan telah memilih hamba-Ku "Edward Partridge, dan telah menetapkan kepadanya misinya di tanah ini.

15 Tetapi jika dia tidak bertaubat dari dosa-dosanya, iaitu ketidakpercayaan dan kebutaan hati, biarlah dia mengendakkannya agar jangan dia "terjatuh.

16 Lihatlah misinya telah diberikan kepadanya, dan ia tidak akan diberikan lagi.

17 Dan barang siapa berdiri di dalam misi ini ditetapkan untuk menjadi "seorang hakim di Israel, seperti pada zaman dahulu, untuk membahagi-bahagikan tanah pusaka Tuhan kepada ^banak-anak-Nya;

18 Dan untuk menghakimi umat-

4a Mzm. 30:5;
A&P 101:2-7;
103:11-14; 109:76.

b prs Berkat, Diberkati,
Memberkati.

c prs Mahkota;
Permuliaan.

d Rm. 8:17-18;
A&P 136:31.

5a Ul. 11:18-19.

6a A&P 29:8.

b prs Kesaksian.

7a prs Sion.

8a prs Miskin.

b Yes. 25:6.

11a Mat. 22:1-14;

Why. 19:9;

A&P 65:3.

b Luk. 14:16-24.

13a Mi. 4:2.

14a prs Edward Partridge.

15a 1 Kor. 10:12.

17a A&P 107:72-74.

prs Uskup.

b prs Para Putera dan
Puteri Tuhan.

Nya dengan kesaksian orang yang adil, dan dengan bantuan para penasihatnya, menurut hukum-hukum kerajaan yang diberikan oleh "para nabi Tuhan.

19 Dan sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, hukum-Ku harus ditaati di tanah ini.

20 Janganlah biarkan seorang pun berfikir dia ialah pemerintah; tetapi biarlah Tuhan memerintah dia yang menghakimi, menurut nasihat dari kehendak-Nya sendiri, atau, dengan perkataan lain, dia yang menasihati atau duduk di atas kerusi penghakiman.

21 Janganlah biarkan seorang pun "melanggar undang-undang negara, kerana dia yang mentaati hukum Tuhan tidak perlu melanggar undang-undang negara.

22 Kerana itu, tunduklah pada kekuasaan yang ada, sehingga "Dia memerintah yang merupakan hak-Nya untuk memerintah, dan menundukkan semua musuh di bawah kaki-Nya.

23 Lihatlah, "hukum-hukum yang telah kamu terima daripada tangan-Ku adalah hukum-hukum gereja, dan dalam cahaya ini kamu akan memegangnya. Lihatlah, inilah kebijaksanaan.

24 Dan sekarang, seperti yang Aku firmankan tentang hamba-Ku Edward Partridge, tanah ini adalah tanah tempat tinggalnya, dan mereka yang telah dia tetapkan

sebagai penasihatnya; dan juga tanah tempat tinggal dia yang telah Aku tetapkan untuk mengawasi "gudang penyimpanan-Ku;

25 Kerana itu, biarlah mereka membawa keluarga mereka ke tanah ini, sebagaimana mereka akan rundingkan di antara mereka dan Aku.

26 Kerana lihatlah, adalah tidak wajar bahawa Aku harus memerintah dalam semua hal; kerana dia yang dipaksa dalam semua hal, orang yang sama ialah hamba yang "malas dan tidak bijak; kerana itu, dia tidak menerima ganjaran.

27 Sesungguhnya Aku berfirman, manusia seharusnya "bersemangat terlibat dalam perkara yang baik, dan melakukan banyak hal dari keinginan bebas mereka sendiri, dan mendatangkan banyak keberanian;

28 Kerana kuasa ada pada mereka, dimana mereka ialah "wakil bagi diri mereka. Dan sejauh manusia melakukan kebaikan mereka walau bagaimanapun tidak akan kehilangan ganjaran mereka.

29 Tetapi dia yang tidak melakukan apa pun sehinggalah dia diperintahkan, dan menerima perintah itu dengan hati yang penuh keraguan, dan mentaatinya dengan kemalasan, orang yang sama itu "dilaknat.

30 Siapakah Aku yang "mencipta-

18a pts Nabi.
21a Luk. 20:22-26;
A&P 98:4-10;
FK 1:12.
pts Kerajaan.
22a pts Mesias;

Yesus Kristus;
Zaman Seribu Tahun.
23a pts Hukum.
24a A&P 51:13; 70:7-11.
26a Mat. 24:45-51;
A&P 107:99-100.

27a pts Ketekunan;
Pekerjaan-pekerjaan.
28a pts Hak pilihan.
29a pts Laknat.
30a Yes. 45:9-10;
Hel. 12:6.

kan manusia, firman Tuhan, yang akan menganggap dia tidak bersalah yang tidak mematuhi perintah-perintah-Ku?

31 Siapakah Aku, firman Tuhan, yang telah "berjanji dan belum menggenapi?

32 Aku memerintahkan dan manusia tidak mematuhi; Aku "menarik dan mereka tidak menerima berkatnya.

33 Kemudian mereka berkata dalam hati mereka: Ini bukanlah pekerjaan Tuhan, kerana janji-janji-Nya tidak digenapi. Tetapi celakalah yang seperti itu, kerana ganjaran mereka menanti "di bawah, dan bukan dari atas.

34 Dan sekarang Aku memberi kepadamu arahan yang lebih lanjut tentang tanah ini.

35 Adalah kebijaksanaan di dalam Aku bahawa hamba-Ku Martin Harris harus menjadi teladan bagi gereja, dalam "meletakkan wangnya di hadapan uskup gereja.

36 Dan juga, inilah sebuah hukum kepada setiap orang yang datang ke tanah ini untuk menerima warisan; dan dia harus menguruskan wangnya menurut yang diarahkan oleh hukum.

37 Dan adalah kebijaksanaan juga bahawa tanah harus dibeli di Independence, untuk tempat gudang penyimpanan, dan juga untuk rumah "percetakan.

38 Dan arahan lain berkenaan hamba-Ku Martin Harris akan diberikan kepadanya oleh Roh, agar dia boleh menerima warisannya seperti yang kelihatannya baik baginya;

39 Dan biarlah dia bertaubat dari dosa-dosanya, kerana dia mencari "pujian dunia.

40 Dan juga biarlah hamba-Ku "William W. Phelps berdiri pada jabatan yang telah Aku tetapkan padanya, dan menerima warisannya di tanah ini;

41 Dan juga dia perlu bertaubat, kerana Aku, Tuhan, tidak terlalu berkenan dengannya, kerana dia berusaha untuk menandingi, dan dia tidak cukup lembut hati di hadapan-Ku.

42 Lihatlah, dia yang telah "bertaubat dari dosa-dosanya, orang yang sama ^bdiampuni, dan Aku, Tuhan, tidak "mengingatinya lagi.

43 Dengan ini kamu boleh mengetahui jika seseorang itu bertaubat dari dosa-dosanya—lihatlah, dia akan "mengakuinya dan ^bmeninggalkannya.

44 Dan sekarang, sesungguhnya, Aku berfirman tentang para penatua gereja-Ku yang selebihnya, waktunya belumlah tiba, selama bertahun-tahun, bagi mereka untuk menerima warisan mereka di tanah ini, kecuali mereka menghasratkannya melalui doa dengan iman, hanya seperti yang akan

31a A&P 1:37-38; 82:10.

32a A&P 56:3-4.

33a A&P 29:45.

35a A&P 42:30-32.

37a A&P 57:11-12.

39a 2 Ne. 26:29;

A&P 121:34-37.

40a PTS William W. Phelps.

42a PTS Bertaubat,
Pertaubatan.

b Yes. 1:18.

PTS Mengampuni.

c Yes. 43:25.

43a A&P 19:20; 64:7.

PTS Mengaku,
Pengakuan.

b A&P 82:7.

ditetapkan kepada mereka oleh Tuhan.

45 Kerana, lihatlah, mereka akan “mengumpul semua orang bersama dari hujung-hujung bumi.

46 Kerana itu, berhimpunlah kamu bersama; dan mereka yang tidak ditetapkan untuk tinggal di tanah ini, biarlah mereka mengkhutbahkan Injil di wilayah-wilayah sekitarnya; dan selepas itu biarlah mereka kembali ke rumah mereka.

47 Biarlah mereka berkhutbah dalam perjalanan, dan “memberikan kesaksian tentang kebenaran di semua tempat, dan meminta kepada yang kaya, yang tinggi dan yang rendah, dan yang miskin untuk bertaubat.

48 Dan biarlah mereka membangunkan jemaah-jemaah “gereja, sejauh penduduk bumi akan bertaubat.

49 Dan biarlah ada seorang wakil yang ditetapkan oleh suara gereja, untuk jemaah gereja di Ohio, untuk menerima wang untuk membeli tanah di “Sion.

50 Dan Aku memberi kepada hamba-Ku Sidney Rigdon sebuah perintah, agar dia harus “menulis sebuah huraian tentang negeri Sion, dan sebuah pernyataan kehendak Tuhan, seperti yang akan diberitahukan oleh Roh kepadanya;

51 Dan sepucuk surat dan permohonan sumbangan, untuk diedarkan kepada semua jemaah gereja

bagi mendapatkan wang, untuk diletakkan ke dalam tangan uskup, dia sendiri atau wakil, seperti yang kelihatan baik baginya atau seperti yang akan dia arahkan, untuk membeli tanah sebagai warisan bagi anak-anak Tuhan.

52 Kerana, lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Tuhan menghendaki agar para pengikut dan anak-anak manusia haruslah membuka hati mereka, bahkan untuk membeli seluruh wilayah negara ini, secepat waktu akan mengizinkan.

53 Lihatlah, inilah kebijaksanaan. Biarlah mereka melakukan ini agar jangan mereka tidak menerima sebarang “warisan, kecuali melalui pertumpahan darah.

54 Dan lagi, sejauh ada tanah yang didapatkan, biarlah ada para pekerja yang dihantar dari segala jenis ke tanah ini, untuk bekerja bagi para orang suci Tuhan.

55 Biarlah semua hal ini dilakukan dengan teratur; dan biarlah hak istimewa tanah-tanah itu diberitahukan dari masa ke semasa, oleh uskup atau wakil gereja.

56 Dan biarlah pekerjaan pengumpulan tidak dilakukan dengan tergesa-gesa, tidak juga dengan terburu-buru; tetapi biarlah ia dilakukan sebagaimana yang akan dinasihatkan oleh para penatua gereja di dalam persidangan-persidangan, menurut pengetahuan yang mereka terima dari semasa ke semasa.

45a Ul. 33:17.
PTS Israel—
Pengumpulan Israel.

47a A&P 68:8.
48a IAITU cabang-cabang
Gereja.

49a PTS Sion.
50a A&P 63:55-56.
53a A&P 63:27-31.

57 Dan biarlah hamba-Ku Sidney Rigdon mempersucikan dan membaktikan tanah ini, dan tempat untuk "bait suci, bagi Tuhan.

58 Dan biarlah sebuah pertemuan persidangan diadakan; dan selepas itu biarlah hamba-hamba-Ku Sidney Rigdon dan Joseph Smith Jr., kembali, dan juga Oliver Cowdery bersama mereka, untuk menyelesaikan pekerjaan selebihnya yang telah Aku tetapkan kepada mereka di tanah mereka sendiri, dan selebihnya itu sebagaimana yang akan "diatur oleh persidangan.

59 Dan janganlah membiarkan seorang pun kembali dari tanah ini kecuali dia "memberikan kesaksian dalam perjalanan, tentang apa yang dia ketahui dan percayai dengan kepastian yang kuat.

60 Biarlah apa yang telah diberikan kepada Ziba Peterson diambil daripadanya; dan biarlah dia berdiri sebagai anggota di dalam gereja, dan bekerja dengan tangannya sendiri, bersama saudara-saudara, sehingga dia "dihukum dengan secukupnya untuk semua

dosanya; kerana dia tidak mengaikuinya, dan dia berfikir untuk menyembunyikannya.

61 Biarlah para penatua gereja ini yang selebihnya, yang sedang datang ke tanah ini, yang beberapa daripada mereka sangat diberkati bahkan lebih dari batas ukuran, juga mengadakan sebuah persidangan di atas tanah ini.

62 Dan biarlah hamba-Ku Edward Partridge mengarahkan persidangan yang akan diadakan oleh mereka.

63 Dan biarlah mereka juga kembali, mengkhutbahkan Injil dalam perjalanan, memberikan kesaksian tentang hal-hal yang didedahkan kepada mereka.

64 Kerana, sesungguhnya, suara itu mesti menyebar luas dari tempat ini ke seluruh dunia, dan ke bahagian-bahagian paling jauh di bumi—Injil mesti "dikhutbahkan kepada setiap makhluk, dengan ^btanda-tanda mengikuti mereka yang percaya.

65 Dan lihatlah Putera Manusia "datang. Amin.

BAHAGIAN 59

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Sion, Jackson County, Missouri, 7 Ogos 1831. Mendahului catatan wahyu ini, tanah itu dipersucikan, sebagaimana Tuhan telah arahkan, dan tempat untuk bait suci pada masa depan dibaktikan. Pada hari wahyu ini diterima, Polly Knight, isteri Joseph Knight Sr., mati, ahli Gereja pertama yang mati di Sion. Para ahli terdahulu memahami wahyu ini

57a A&P 57:3; 84:3-5, 31;
97:10-17.

58a PTS Persetujuan
Bersama.

59a PTS Kesaksian.
60a PTS Tegur, Menegur.
64a PTS Mengkhutbahkan.
b PTS Tanda.

65a PTS Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.

sebagai “mengarahkan Orang Suci bagaimana untuk menguduskan Sabat dan bagaimana untuk berpuasa dan berdoa.”

1-4, Para Orang Suci yang setia di Sion akan diberkati; 5-8, Mereka mesti mengasihi dan melayani Tuhan dan mentaati perintah-perintah-Nya; 9-19, Dengan mentaati hari Tuhan dengan kudus, para Orang Suci diberkati secara duniawi dan secara rohani; 20-24, Yang soleh dijanjikan kedamaian di dunia ini dan kehidupan abadi di dunia yang akan datang.

LIHATLAH, diberkatilah, firman Tuhan, mereka yang telah datang ke tanah ini dengan tumpuan “matamu satu-satunya pada kemuliaan-Ku, menurut perintah-perintah-Ku.

2 Kerana mereka yang hidup akan “mewarisi bumi, dan mereka yang ^bmati akan beristirahat dari segala kerja mereka, dan pekerjaan mereka akan mengikuti mereka; dan mereka akan menerima ‘mahkota di dalam “tempat tinggal Bapa-Ku, yang telah Aku sediakan bagi mereka.

3 Ya, diberkatilah mereka yang kakinya berdiri di atas negeri Sion, yang telah mematuhi Injil-Ku; kerana mereka akan menerima

untuk ganjaran mereka hal-hal yang baik dari bumi, dan ia akan membawakannya dalam “kekuatan.

4 Dan mereka juga akan dimahkotai dengan berkat-berkat dari syurga, ya, dan dengan perintah-perintah yang bukannya sedikit, dan dengan “wahyu-wahyu pada waktunya yang tepat—mereka yang ^bsetia dan “tekun di hadapan-Ku.

5 Kerana itu, Aku memberikan kepada mereka sebuah perintah, memfirmankan demikian: Engkau haruslah “mengasihi Tuhan Rajamu dengan sepenuh ^bhatimu, dengan segenap daya, fikiran, dan kekuatanmu; dan dalam nama Yesus Kristus engkau akan ‘melayani-Nya.

6 Engkau haruslah mengasihi “sesamamu seperti dirimu. Janganlah engkau ^bmencuri; janganlah juga berbuat ‘zina, tidak juga “membunuh, tidak juga melakukan apa pun yang seperti itu.

7 Engkau haruslah “berterima kasih kepada Tuhan Rajamu dalam segala sesuatu.

8 Engkau harus mempersembah-

59 1a Mat. 6:22-24;
A&P 88:67.
2a Mat. 5:5;
A&P 63:20, 48-49.
b Why. 14:13.
PTS Firdaus;
Kematian Jasmani.
c PTS Mahkota;
Permuliaan.
d Yoh. 14:2;
A&P 72:4; 76:111; 81:6;
98:18.

3a Kej. 4:12;
Musa 5:37.
4a A&P 42:61; 76:7; 98:12;
121:26-29.
PTS Wahyu.
b PTS Layak, Kelayakan.
c PTS Ketekunan.
5a Ul. 11:1;
Mat. 22:37;
Moro. 10:32;
A&P 20:19.
PTS Kasih.

b PTS Hati.
c PTS Pelayanan.
6a PTS Bersahabat.
b PTS Curi, Mencuri.
c PTS Zina.
d PTS Bunuh.
7a Mzm. 92:1;
Alma 37:37;
A&P 46:32.
PTS Bersyukur,
Kesyukuran, Syukur.

kan sebuah "pengorbanan kepada Tuhan Rajamu dalam ^bkesolehan, bahkan yang merupakan hati yang hancur dan "jiwa yang menyesal.

9 Dan agar engkau boleh lebih sepenuhnya menghindarkan dirimu "tidak bernoda dari dunia ini, engkau akan pergi ke rumah doa dan mempersembahkan sakramenmu pada ^bhari kudus-Ku;

10 Kerana sesungguhnya inilah satu hari yang ditetapkan bagimu untuk beristirahat dari pekerjaanmu, dan untuk "mempersembahkan kewarakanmu kepada Yang Maha Tinggi;

11 Walaupun demikian ikrar-ikrarmu haruslah dipersembahkan dalam kesolehan pada setiap hari dan pada setiap waktu.

12 Tetapi ingatlah bahawa pada hari ini, hari Tuhan, engkau harus mempersembahkan "sumbanganmu dan sakramenmu kepada Yang Maha Tinggi, ^bmengakui dosa-dosamu kepada saudara-saudaramu, dan di hadapan Tuhan.

13 Dan pada hari ini engkau seharusnya tidak melakukan hal lain, hanya biarlah makananmu disediakan dengan kesatuan hati agar "puasamu boleh menjadi sempurna, atau, dengan perkataan lain, agar ^bkebahagiaanmu menjadi penuh.

14 Sesungguhnya, inilah puasa

dan doa, atau dengan perkataan lain, kesukacitaan dan doa.

15 Dan sejauh kamu melakukan hal-hal ini dengan "kesyukuran, dengan ^bhati dan wajah-wajah yang "riang, tidak dengan banyak "gelak ketawa, kerana ini adalah dosa, tetapi dengan hati gembira dan wajah yang riang—

16 Sesungguhnya Aku berfirman, bahawa sejauh kamu melakukan ini, kegenapan bumi adalah milikmu, binatang-binatang di ladang dan burung di udara, dan yang memanjat pokok dan berjalan di atas bumi;

17 Ya, dan tumbuhan herba, dan apa pun yang baik yang datang dari bumi, sama ada untuk makanan atau untuk pakaian, atau untuk rumah, atau untuk bangsal, atau untuk kebun buah-buahan, atau untuk taman, atau untuk ladang anggur;

18 Ya, segala sesuatu yang datang dari "bumi, pada musimnya, diciptakan untuk manfaat dan kegunaan manusia, baik untuk menyenangkan mata mahupun untuk menggembirakan hati;

19 Ya, untuk makanan dan untuk pakaian, untuk dirasai dan untuk dihidu, untuk menguatkan tubuh dan untuk menyegarkan jiwa.

20 Dan ia menyenangkan Tuhan bahawa Dia telah memberikan segala sesuatu ini kepada manusia;

8a PTS Korban.

b PTS Soleh, Kesolehan.

c PTS Hati yang Hancur.

9a Yak. 1:27.

b PTS Hari Sabat.

10a PTS Menyembah.

12a IAITU sumbangan, sama ada masa, bakat,

ataupun cara dalam pelayanan Tuhan dan sesama manusia. PTS Korban.

b PTS Mengaku, Pengakuan.

13a PTS Puasa, Berpuasa.

b PTS Kegembiraan.

15a PTS Bersyukur,

Kesyukuran, Syukur.

b Ams. 17:22.

c Kel. 25:2;

A&P 64:34.

d A&P 88:69.

18a PTS Bumi.

kerana untuk tujuan inilah ia diciptakan untuk digunakan, dengan pertimbangan, bukan secara berlebihan, tidak juga dengan peme-rasan.

21 Dan tidak dalam apa pun manusia ^amenyinggung Tuhan, atau tidak terhadap sesiapa pun kemurkaan-Nya dinyalakan, kecuali mereka yang ^btidak menga-kui tangan-Nya dalam segala hal, dan tidak mematuhi perintah-perintah-Nya.

22 Lihatlah, ini adalah menurut hukum dan para nabi; kerana itu, janganlah menyusahkan-Ku lagi tentang hal ini.

23 Tetapi pelajarilah bahawa dia yang melakukan pekerjaan ^akeso-lehan akan menerima ^bganjaran-nya, bahkan ^ckedamaian di dunia ini, dan ^dkehidupan abadi di dunia yang akan datang.

24 Aku, Tuhan, telah memfir-mankannya, dan Roh memberikan kesaksian. Amin.

BAHAGIAN 60

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Independence, Jackson County, Missouri, 8 Ogos 1831. Pada kejadian ini para penatua yang telah melakukan perjalanan ke Jackson County dan menyertai pembaktian tanah dan tempat bait suci berhasrat untuk mengetahui bagaimana mereka harus melakukannya.

1–9, Para penatua mesti mengkhut-bahkan Injil di dalam jemaah-jemaah orang jahat; 10–14, Mereka tidak harus membuang waktu mereka, tidak juga menguburkan bakat mereka; 15–17, Mereka boleh membasuh kaki mereka sebagai suatu kesaksian terha-dap mereka yang menolak Injil.

LIHATLAH, demikianlah firman Tuhan kepada para penatua gereja-Nya, yang harus kembali dengan secepatnya ke tanah dari mana mereka datang: Lihatlah, ia menyenangkan-Ku, bahawa kamu telah datang ke mari;

2 Tetapi dengan beberapa orang Aku tidak terlalu berkenan, kerana mereka tidak mahu membuka ^amulut mereka, tetapi mereka ^bmenyembunyikan bakat yang telah Aku berikan kepada mereka, kerana perasaan ^ctakut terha-dap manusia. Celakalah kepada mereka, kerana kemarahan-Ku dinyalakan terhadap mereka.

3 Dan akan terjadi, jika mereka tidak lebih setia kepada-Ku, ia akan ^adiambil, bahkan apa yang mereka miliki.

4 Kerana Aku, Tuhan, berkuasa di langit di atas, dan di kalangan

21a prs Singgung.

b Ayb. 1:21.

23a prs Soleh, Kesolehan.

b prs Berkat, Diberkati, Memberkati.

c Mat. 11:28–30.

prs Kedamaian.

d A&P 14:7.

60 2a Ef. 6:19–20.

b Luk. 8:16, 18.

c Mat. 25:14–30.

prs Takut—Takut kepada manusia.

3a Mrk. 4:25;

A&P 1:33.

"pasukan tentera di bumi; dan pada hari apabila Aku akan menghimpunkan ^bpermata-permata-Ku, semua orang akan mengetahui apakah ia yang membuktikan kuasa Tuhan.

5 Tetapi, sesungguhnya, Aku akan berfirman kepadamu tentang perjalananmu ke tanah dari mana kamu datang. Biarlah ada sebuah kapal dibuat, atau dibeli, seperti yang kelihatannya baik bagimu, tiada masalah bagi-Ku, dan lakukanlah perjalananmu secepatnya ke tempat yang disebut St. Louis.

6 Dan dari sana biarlah hamba-hamba-Ku, Sidney Rigdon, Joseph Smith Jr., dan Oliver Cowdery, melakukan perjalanan mereka ke Cincinnati;

7 Dan di tempat ini biarlah mereka mengangkat suara mereka dan memaklumkan firman-Ku dengan suara nyaring, tanpa kemurkaan atau keraguan, mengangkat tangan-tangan yang kudus ke atas diri mereka. Kerana Aku mampu untuk menjadikanmu "kudus, dan dosa-dosamu ^bdiam-puni bagimu.

8 Dan biarlah yang selebihnya melakukan perjalanan mereka dari St. Louis, berdua-dua, dan mengkhutbahkan firman, bukan dengan tergesa-gesa, ke kalangan jemaah-jemaah orang jahat, sehingga mereka kembali ke jemaah-jemaah gereja dari mana mereka datang.

9 Dan semua ini demi kebaikan jemaah-jemaah gereja itu; untuk tujuan ini Aku telah mengutus-kan mereka.

10 Dan biarlah hamba-Ku "Edward Partridge memberikan wang yang telah Aku berikan kepadanya, sebahagiannya kepada para penatua-Ku yang diperintahkan untuk kembali;

11 Dan dia yang mampu, biarlah dia mengembalikannya melalui wakil; dan dia yang tidak mampu, tidak akan dituntut daripadanya.

12 Dan sekarang, Aku berfirman tentang mereka yang selebihnya akan datang ke tanah ini.

13 Lihatlah, mereka telah diutus untuk mengkhutbahkan Injil-Ku ke kalangan jemaah-jemaah orang jahat; kerana itu, Aku memberikan kepada mereka sebuah perintah, demikian: Janganlah engkau "membuang waktumu, janganlah juga engkau menguburkan ^bbakatmu sehingga ia tidak diketahuai.

14 Dan selepas engkau datang ke negeri Sion, dan telah memaklumkan firman-Ku, engkau harus segera kembali, memaklumkan firman-Ku di kalangan jemaah-jemaah orang jahat, bukan dengan tergesa-gesa, tidak juga dalam "kemurkaan tidak juga dengan persengketaan.

15 Dan kibaskanlah "debu dari kakimu terhadap mereka yang

4a Alma 43:50.

b Yes. 62:3;

Za. 9:16;

Mal. 3:17;

A&P 101:3.

7a prs Kekudusan.

b prs Mengampuni.

10a prs Edward Partridge.

13a A&P 42:42.

prts Malas, Kemalasan.

b Mat. 25:24-30;

A&P 82:18.

14a Ams. 14:29.

15a Mat. 10:14;

Luk. 9:5;

Kis. 13:51;

A&P 24:15; 75:20;

84:92.

tidak menerima engkau, bukan di hadapan mereka, agar jangan engkau membangkitkan kemarahan mereka, tetapi secara rahsia; dan basuhlah kakimu, sebagai suatu kesaksian terhadap mereka pada hari penghakiman.

16 Lihatlah, ini adalah cukup

bagimu, dan kehendak Dia yang telah mengutusmu.

17 Dan oleh mulut hamba-Ku Joseph Smith Jr., ia akan diberitahukan tentang Sidney Rigdon dan Oliver Cowdery. Selebihnya selepas ini. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 61

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di tepi Sungai Missouri, Selekoh McIlwaine, 12 Ogos 1831. Dalam perjalanan pulang mereka ke Kirtland, Nabi dan sepuluh orang penatua telah melakukan perjalanan menyusuri Sungai Missouri di dalam perahu. Pada hari ketiga perjalanan itu, banyak bahaya dialami. Elder William W. Phelps, dalam suatu penglihatan di siang hari, telah melihat si pemusnah bergerak dengan berkuasa di atas permukaan perairan.

1–12, Tuhan telah menetapkan banyak kehancuran di atas perairan; 13–22, Perairan dikutuk oleh Yohanes, dan si pemusnah bergerak di atas permukaannya; 23–29, Ada yang mempunyai kuasa untuk memerintah perairan; 30–35, Para penatua mesti melakukan perjalanan berdua-dua dan mengkhutbahkan Injil; 36–39, Mereka mesti bersedia bagi kedatangan Putera Manusia.

LIHATLAH, dan dengarlah suara Dia yang memiliki segala “kuasa, yang adalah dari kekekalan ke kekekalan, bahkan ^bAlfa dan Omega, yang awal dan yang akhir.

2 Lihatlah, sesungguhnya demikianlah firman Tuhan kepadamu, Wahai kamu para penatua

gereja-Ku, yang berhimpun di atas bidang tanah ini, yang mana dosa-dosamu sekarang diampuni, kerana Aku, Tuhan, “mengampuni dosa, dan ^bpenyembel belas kasihan kepada mereka yang “mengakui dosa-dosa mereka dengan kerendahan hati;

3 Tetapi sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa tidaklah perlu bagi seluruh rombongan penatua-Ku ini untuk bergerak dengan cepat di atas perairan, sementara para penduduk di setiap sisi sedang binasa dalam ketidakpercayaan.

4 Walaupun demikian, Aku membenarkan agar kamu boleh memberikan kesaksian; lihatlah, terdapat banyak bahaya di atas

61 1a PTS Kuasa.
b PTS Alfa dan Omega.
2a Mosia 4:10–11.

PTS Mengampuni.
b PTS Belas Kasihan,
Berbelas Kasihan.

c PTS Mengaku,
Pengkakuan.

perairan, dan terutama sekali selepas ini;

5 Kerana Aku, Tuhan, telah menetapkan dalam kemarahan-Ku banyak kehancuran di atas perairan; ya, dan terutamanya di atas perairan ini.

6 Walaupun demikian, semua manusia berada dalam tangan-Ku, dan dia yang setia di kalangan kamu tidak akan dihapuskan oleh perairan.

7 Kerana itu, adalah perlu bahawa hamba-Ku Sidney Gilbert dan hamba-Ku "William W. Phelps memulakan tugas dan misi mereka dengan segera.

8 Walaupun demikian, Aku tidak akan membiarkan bahawa kamu akan berpisah sehingga kamu "dihukum bagi segala dosamu, agar kamu boleh menjadi satu, agar kamu tidak dihapuskan dalam ^bkejahatan;

9 Tetapi sekarang, sesungguhnya Aku berfirman, adalah patut menurut-Ku bahawa kamu harus berpisah. Kerana itu biarlah hamba-Ku Sidney Gilbert dan William W. Phelps membawa rombongan mereka yang terdahulu, dan biarlah mereka melakukan perjalanan mereka dengan segera agar mereka boleh memenuhi misi mereka, dan melalui iman mereka akan mengatasi;

10 Dan sejauh mereka setia mereka akan dilindungi, dan Aku, Tuhan, akan bersama dengan mereka.

11 Dan biarlah yang selebihnya mengambil apa yang diperlukan untuk pakaian.

12 Biarlah hamba-Ku Sidney Gilbert mengambil apa yang tidak diperlukan bersamanya, seperti yang kamu persetujui.

13 Dan sekarang, lihatlah, demi "kebaikanmu Aku memberi kepadamu sebuah ^bperintah berkenaan hal-hal ini; dan Aku, Tuhan, akan berbincang denganmu seperti dengan orang-orang pada zaman dahulu.

14 Lihatlah, Aku, Tuhan, pada awalnya memberkati "perairan; tetapi pada zaman terakhir ini, melalui mulut hamba-Ku Yohanes, Aku ^bmengutuk perairan itu.

15 Kerana itu, masanya akan datang bahawa tidak ada manusia yang akan selamat di atas perairan.

16 Dan akan dikatakan pada masa yang akan datang bahawa tiada seorang pun yang dapat pergi ke negeri Sion di atas perairan, kecuali dia yang berhati soleh.

17 Dan, seperti Aku, Tuhan, pada mulanya "mengutuk daratan, demikian pula pada zaman akhir Aku telah memberkatinya, pada waktunya, untuk kegunaan para orang suci-Ku, agar mereka boleh mengambil hasilnya.

18 Dan sekarang, Aku memberi kepadamu sebuah perintah bahawa apa yang Aku firmankan kepada satu orang Aku firmankan kepada semuanya, bahawa kamu

7a prs William W. Phelps.
8a prs Tegur, Menegur.
b prs Jahat, Kejahatan.

13a A&P 21:6.
b prs Perintah-perintah
Tuhan.

14a Kej. 1:20.
b Why. 8:8-11.
17a Musa 4:23.

harus memperingatkan saudara-saudaramu dahulu tentang perairan ini, agar mereka tidak melakukan perjalanan di atasnya, agar jangan iman mereka gagal dan mereka terperangkap dalam jerat;

19 Aku, Tuhan, telah menetapkan, dan si pemusnah bergerak di atas permukaannya, dan Aku tidak menarik ketetapan itu.

20 Aku, Tuhan, marah denganmu kelmarin, tetapi hari ini kemarahan-Ku tiada lagi.

21 Kerana itu, biarlah mereka yang telah Aku firmankan, yang harus melakukan perjalanan mereka dengan segera—Aku berfirman kepadamu lagi, biarlah mereka melakukan perjalanan dengan segera.

22 Dan tiada halnya bagi-Ku, selepas seketika, jika sedemikian halnya bahawa mereka memenuhi misi mereka, sama ada mereka pergi melalui air atau melalui darat; biarlah ini menjadi seperti apa yang diberitahukan kepada mereka menurut pertimbangan mereka selepas ini.

23 Dan sekarang, menegenai hamba-hamba-Ku, Sidney Rigdon, Joseph Smith Jr. dan Oliver Cowdery, biarlah mereka tidak lagi datang melalui perairan, kecuali melalui terusan, semasa melakukan perjalanan menuju ke rumah mereka; atau dengan perkataan lain mereka tidak harus melalui perairan untuk melakukan perjalanan, kecuali melalui terusan.

24 Lihatlah, Aku, Tuhan, telah

menetapkan sebuah jalan untuk perjalanan para orang suci-Ku; dan lihatlah, inilah jalannya—bahawa setelah mereka meninggalkan terusan mereka akan melakukan perjalanan melalui darat, sejauh mereka diperintahkan untuk melakukan perjalanan dan pergi ke negeri Sion;

25 Dan mereka haruslah melakukannya seperti anak-anak Israel, “memasang khemah-khemah mereka dalam perjalanan.

26 Dan, lihatlah, perintah ini haruslah kamu berikan kepada semua saudaramu.

27 Walaupun demikian, kepada siapa diberikan “kuasa untuk memerintah perairan, kepadanya diberikan oleh Roh untuk mengetahui semua cara-Nya;

28 Kerana itu, biarlah dia lakukan seperti mana Roh Tuhan yang hidup memerintahkannya, sama ada di atas daratan atau di atas perairan, seperti mana yang terserah kepada-Ku untuk melakukannya selepas ini.

29 Dan kepadamu diberikan laluan bagi para orang suci, atau jalan bagi para orang suci dari perkhemahan Tuhan, untuk melakukan perjalanan.

30 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, hamba-Ku, Sidney Rigdon, Joseph Smith Jr. dan Oliver Cowdery, tidak harus membuka mulut mereka di dalam jemaah-jemaah yang jahat sehingga mereka tiba di Cincinnati;

31 Dan di tempat itu mereka harus mengangkat suara mereka

kepada Tuhan terhadap orang-orang itu, ya, kepada Dia yang kemarahan-Nya menyala terhadap kejahatan mereka, suatu umat yang hampir "matang untuk kehancuran.

32 Dan dari sana biarlah mereka melakukan perjalanan untuk jemaah-jemaah saudara mereka, kerana pekerjaan mereka sekarang lebih banyak diperlukan di kalangan mereka daripada di kalangan jemaah-jemaah yang jahat.

33 Dan sekarang, tentang yang selebihnya, biarlah mereka melakukan perjalanan dan "memaklumkan firman di kalangan jemaah-jemaah yang jahat, sejauh ianya diberikan;

34 Dan sejauh mereka melakukan ini mereka akan "membersihkan pakaian mereka, dan mereka akan menjadi tanpa noda di hadapan-Ku.

35 Dan biarlah mereka melakukan perjalanan bersama, atau "berdua-dua, seperti yang kelihatannya baik bagi mereka, hanya biarlah hamba-Ku Reynolds Cahoon, dan hamba-Ku

Samuel H. Smith, kepada mereka Aku sangat berkenan, tidak dipisahkan sehingga mereka kembali ke rumah mereka, dan ini adalah untuk suatu tujuan yang bijak di dalam Aku.

36 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, dan apa yang Aku firmankan kepada satu orang Aku firmankan kepada semuanya, cerialah, "anak-anak kecil; kerana Aku berada di ^btengah-tengahmu, dan Aku tidak "meninggalkanmu;

37 Dan sejauh kamu telah merendahkan hatimu sendiri di hadapan-Ku, berkat-berkat "kerajaan adalah milikmu.

38 Persiapkan dirimu dan "berwaspada dan bersungguhsungguh, menantikan-nantikan kedatangan Putera Manusia, kerana Dia datang pada waktu yang tidak kamu sangkakan.

39 "Berdoalah selalu agar kamu tidak masuk dalam ^bgodaan, agar kamu boleh bertahan pada hari kedatangan-Nya, sama ada dalam kehidupan atau dalam kematian. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 62

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di tepi Sungai Missouri di Chariton, Missouri, 13 Ogos 1831. Pada hari itu Nabi dan

31a Alma 37:31;

Hel. 13:14;

A&P 101:11.

33a prs Bersaksi;

Mengkhutbahkan.

34a 2 Ne. 9:44;

Yakub 2:2;

Mosia 2:28.

35a prs Pekerjaan

Penginjalan.

36a Yoh. 13:33.

b Mat. 18:20.

c Yes. 41:15-17;

1 Ne. 21:14-15.

37a A&P 50:35.

38a prs Berjaga, Para

Penjaga.

39a prs Doa.

b prs Godaan,

Menggoda.

rombongannya, yang sedang dalam perjalanan mereka dari Independence ke Kirtland, telah bertemu dengan beberapa penatua yang sedang dalam perjalanan mereka ke negeri Sion, dan, selepas persalaman yang penuh bahagia, telah menerima wahyu ini.

1-3, Kesaksian dicatatkan di dalam syurga; 4-9, Para penatua mesti melakukan perjalanan dan berkhutbah menurut pertimbangan dan sebagaimana yang diarahkan oleh Roh.

LIHATLAH, dan dengarlah, Wahai kamu para penatua gereja-Ku, firman Tuhan Rajamu, bahkan Yesus Kristus, "pembelamu, yang mengetahui kelemahan manusia dan bagaimana ^bmembantu mereka yang 'digoda.

2 Dan sesungguhnya mata-Ku memandang mereka yang masih lagi belum pergi ke negeri Sion; kerana itu misimu belumlah selesai.

3 Walaupun demikian, kamu diberkati, kerana "kesaksian yang telah kamu berikan ^bdicatatkan di dalam syurga untuk dilihat oleh para malaikat; dan mereka bersukacita keranamu, dan 'dosa-dosamu diampuni.

4 Dan sekarang teruskanlah perjalananmu. Berhimpunlah kamu di atas negeri "Sion; dan adakanlah sebuah pertemuan dan bersukacitalah bersama, dan persembahkanlah sakramen kepada Yang Maha Tinggi.

5 Dan kemudian kamu boleh kembali untuk memberikan kesaksian, ya, bahkan bersama, atau berdua-dua, seperti yang kelihatannya baik bagimu, tiada halnya bagi-Ku; hanya setialah, dan "maklumkanlah khabar gembira kepada para penduduk bumi, atau di kalangan para jemaah yang jahat.

6 Lihatlah, Aku, Tuhan, telah mengumpulkanmu bersama agar janji itu boleh digenapi, bahawa yang setia di kalangan kamu akan dilindungi dan bersukacita bersama di negeri Missouri. Aku, Tuhan, menjanjikan kepada yang setia dan tidak dapat "berdusta.

7 Aku, Tuhan, rela, jika ada di kalangan kamu berhasrat untuk menunggang kuda, atau keldai, atau kereta kuda, dia akan menerimanya berkat ini, jika dia menerimanya daripada tangan Tuhan, dengan hati yang penuh rasa "berterima kasih dalam segala hal.

8 Hal-hal ini tetap tinggal bersamamu untuk dilakukan menurut pertimbangan dan arahan Roh.

9 Lihatlah, "kerajaan adalah milikmu. Dan lihatlah, dan tengoklah, Aku sentiasa ^bbersama dengan yang setia. Demikianlah. Amin.

62 1a A&P 45:3-4.
PTS Pembela.
b Ibr. 2:18;
Alma 7:12.
c PTS Godaan,
Menggoda.

3a Luk. 12:8-9.
PTS Kesaksian.
b PTS Kitab Kehidupan.
c A&P 84:61.
4a A&P 57:1-2.
5a PTS Pekerjaan

Penginjalan.
6a Eter 3:12.
7a PTS Bersyukur,
Kesyukuran, Syukur.
9a A&P 61:37.
b Mat. 28:20.

BAHAGIAN 63

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 30 Ogos 1831. Nabi, Sidney Rigdon, dan Oliver Cowdery telah tiba di Kirtland pada 27 Ogos dari lawatan mereka ke Missouri. Sejarah Joseph Smith menghuraikan wahyu ini: "Pada masa awal Gereja ini, terdapat suatu kegelisahan besar untuk mendapatkan firman Tuhan bagi setiap perkara yang berkenaan dengan keselamatan kita; dan kerana negeri Sion dipandang sebagai hal duniawi yang paling penting sekarang, saya bertanya kepada Tuhan untuk maklumat yang lebih lanjut tentang pengumpulan para Orang Suci, dan pembelian tanah, dan hal-hal lain."

1-6, Satu hari kemurkaan akan datang kepada yang jahat; 7-12, Tanda-tanda datang melalui iman; 13-19, Para pezina dalam hati akan menyangkal iman dan dicampakkan ke dalam tasik berapi; 20, Yang setia akan menerima warisan di atas bumi yang telah diubah rupa; 21, Sebuah catatan lengkap tentang peristiwa-peristiwa di atas Gunung Perubahan Rupa belum didedahkan; 22-23, Yang patuh menerima misteri-misteri kerajaan; 24-31, Warisan-warisan di Sion harus dibeli; 32-35, Tuhan menetapkan peperangan, dan yang jahat membunuh yang jahat; 36-48, Para Orang Suci mesti berkumpul ke Sion dan menyediakan wang untuk membangunkannya; 49-54, Berkat-berkat dipastikan kepada yang setia pada Kedatangan Kedua, dalam Kebangkitan, dan semasa Kerajaan Seribu Tahun; 55-58, Inilah hari peringatan; 59-66, Nama Tuhan digunakan dengan sia-sia oleh mereka yang menggunakannya tanpa wewenang.

DENGARLAH, Wahai kamu manu-

sia, dan bukalah hatimu dan pasanglah telinga dari jauh; dan dengarkanlah, kamu yang menyebut dirimu umat Tuhan, dan dengarlah firman Tuhan dan kehendak-Nya tentang kamu.

2 Ya, sesungguhnya, Aku berfirman, dengarlah firman Dia yang kemarahan-Nya menyala terhadap yang jahat dan "memberontak;

3 Yang menghendaki untuk mengambil bahkan mereka yang hendak Dia "ambil, dan melindungi kehidupan mereka yang hendak Dia lindungi;

4 Yang membangunkan menurut kehendak dan kesenangan-Nya sendiri; dan memusnahkan sesuka hati-Nya, dan mampu untuk mencampakkan jiwa ke dalam neraka.

5 Lihatlah, Aku, Tuhan, menyuarakan suara-Ku, dan ia akan dipatuhi.

6 Kerana itu, sesungguhnya Aku berfirman, biarlah yang jahat mengendahkan, dan biarlah yang memberontak takut dan gementar; dan biarlah yang tidak percaya menahan bibir mereka,

kerana ^ahari kemurkaan akan datang ke atas diri mereka bagaikan ^bputing beliung, dan semua manusia akan ^ctahu bahawa Aku ialah Tuhan.

7 Dan dia yang mencari petanda akan melihat ^apetanda-petandanya, tetapi bukan untuk keselamatan.

8 Sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, ada di antara kamu yang mencari petanda-petanda, dan memang ada yang seperti itu bahkan sejak dari awal lagi;

9 Tetapi, lihatlah, iman datang bukan melalui tanda-tanda, tetapi petanda mengikuti mereka yang percaya.

10 Ya, tanda-tanda datang kerana ^aiman, bukan kerana kehendak manusia, tidak juga seperti yang mereka ingini, tetapi kerana kehendak Tuhan.

11 Ya, tanda-tanda datang kerana iman, pada pekerjaan yang hebat, kerana tanpa ^aiman tidak seorang pun menyenangkan Tuhan; dan kepada mereka yang Tuhan marah, Dia tidak berkenan; kerana itu, kepada merekalah Dia tidak memperlihatkan petanda, kecuali dalam ^bkemurkaan untuk ^cpenghukuman mereka.

12 Kerana itu, Aku, Tuhan, tidak senang dengan mereka di kalangan kamu yang telah mencari tanda-tanda dan keajaiban untuk iman,

dan bukan demi kebaikan manusia bagi kemuliaan-Ku.

13 Walaupun demikian, Aku memberikan banyak perintah, dan banyak yang telah berpaling dari perintah-perintah-Ku dan tidak mentaatinya.

14 Ada di antara kamu ^apenzina lelaki dan penzina perempuan; beberapa daripada mereka telah berpaling daripadamu, dan yang lainnya tetap tinggal bersamamu yang selepas ini akan didedahkan.

15 Biarlah mereka itu berhati-hati dan segera bertaubat, agar jangan penghakiman datang ke atas diri mereka seperti jerat, dan kebodohan mereka akan dinyatakan, dan pekerjaan mereka akan mengikuti mereka di mata manusia.

16 Dan sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, seperti yang telah Aku firmankan sebelumnya, dia yang ^amemandang kepada seorang wanita sehingga ^bbernafsu kepadanya, atau jika sesiapa pun akan ^cberbuat zina di dalam hati mereka, mereka tidak akan memiliki Roh, tetapi akan menyangkal iman dan akan takut.

17 Kerana itu, Aku, Tuhan, telah berfirman bahawa yang ^atakut, dan yang tidak percaya, dan semua ^bpendusta, dan barang siapa yang mengasihi dan ^cberbuat dusta, dan pelacur, dan tukang sihir, akan mendapat bahagian mereka di

6a pts Keadilan;
Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.
b Yer. 30:23.
c Yes. 49:26.
7a A&P 46:9.
pts Tanda.

10a Moro. 7:37.
pts Iman.
11a Ibr. 11:6.
b A&P 35:11.
c A&P 88:65.
14a A&P 42:24-25.
16a Mat. 5:27-28;

A&P 42:23-26.
b pts Nafsu.
c pts Zina.
17a Why. 21:8.
b pts Dusta.
c Why. 22:15;
A&P 76:103.

dalam ^atasik yang terbakar dengan api dan belerang, iaitu ^ekematian kedua.

18 Sesungguhnya Aku berfirman, bahawa mereka tidak akan mendapat bahagian di dalam ^kkebangkitan pertama.

19 Dan sekarang, lihatlah, Aku, Tuhan, berfirman kepadamu bahawa kamu tidak ^adimaklumkan soleh, kerana hal-hal ini ada di kalangan kamu.

20 Walaupun demikian, dia yang ^abertahan dalam iman dan melakukannya kehendak-Ku, orang yang sama akan mengatasi, dan akan menerima ^bwarisan di atas bumi apabila hari perubahan rupa akan datang;

21 Apabila ^abumi akan ^bdiubah rupa, bahkan menurut contoh yang diperlihatkan kepada para rasul-Ku di atas ^cgunung; yang mana kegenapan laporan itu masih belum kamu terima.

22 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa seperti yang Aku firman-kan bahawa Aku akan memberitahukan kehendak-Ku kepadamu, lihatlah Aku akan memberitahunya kepadamu, bukan dengan cara perintah, kerana ada banyak yang tidak berusaha untuk mentaati perintah-perintah-Ku.

23 Tetapi kepada dia yang menaati perintah-perintah-Ku akan Aku berikan ^amisteri-misteri kerajaan-Ku, dan orang yang sama itu akan terjadi dalam dirinya perigi ^bair yang hidup, ^cmeman-cut pada kehidupan yang kekal.

24 Dan sekarang, lihatlah, inilah kehendak Tuhan Rajamu mengenai para orang suci-Nya, bahawa mereka harus berhimpun bersama ke negeri Sion, bukan dengan segera, agar jangan adanya kekeliruan, yang membawa wabak.

25 Lihatlah, negeri ^aSion—Aku, Tuhan, memegangnya dalam tangan-Ku sendiri;

26 Walaupun demikian, Aku, Tuhan, memberi kepada ^aKaisar benda-benda yang merupakan milik Kaisar.

27 Kerana itu, Aku Tuhan menghendaki bahawa kamu haruslah membeli tanah, agar kamu boleh memiliki kelebihan pada dunia, agar kamu boleh memiliki tuntutan hak ke atas dunia, agar mereka tidak dapat dihasut pada kemarahan.

28 Kerana ^aSetan menaruhkannya di dalam hati mereka untuk marah terhadapmu, dan pada pertumpahan darah.

29 Kerana itu, negeri Sion tidak akan diperoleh melainkan dengan

17d Why. 19:20;
2 Ne. 9:8–19, 26; 28:23;
Yakub 6:10;
Alma 12:16–18;
A&P 76:36.
pts Neraka.
e pts Kematian Rohani.
18a Why. 20:6.
19a pts Dimaklumkan
Soleh, Dipersolehkan.

20a A&P 101:35.
b Mat. 5:5;
A&P 59:2; 88:25–26.
21a pts Bumi—Tahap
terakhir bumi.
b pts Dunia—Akhir
dunia.
c Mat. 17:1–3.
23a Alma 12:9–11;
A&P 42:61; 84:19;

107:18–19.
b pts Air Kehidupan.
c Yoh. 4:14.
25a pts Sion.
26a Luk. 20:25;
A&P 58:21–23.
pts Kerajaan.
28a pts Iblis.

pembelian atau dengan darah, jika tidak, tiadalah warisan bagimu.

30 Dan jika dengan pembelian, lihatlah kamu diberkati;

31 Dan jika dengan darah, kerana kamu dilarang untuk menumpahkan darah, tengoklah, musuh-musuhmu berada pada dirimu, dan kamu akan dicambuk dari kota ke kota, dan dari saumaah ke saumaah, dan hanya sedikit yang akan bertahan untuk menerima warisan.

32 Aku, Tuhan, marah terhadap yang jahat; Aku menahan Roh-Ku daripada penduduk bumi.

33 Aku telah bersumpah dalam kemurkaan-Ku, dan mengisytiharkan "peperangan di atas muka bumi, dan yang jahat akan membunuh yang jahat, dan ketakutan akan datang ke atas setiap manusia;

34 Dan para "orang suci juga tidak akan terlepas dengan mudah; walaupun demikian, Aku, Tuhan, bersama mereka, dan akan ^bturun di dalam syurga dari hadirat Bapa-Ku dan melahap yang 'jahat dengan ^dapi yang tidak dapat dipadamkan.

35 Dan lihatlah, ini belumlah terjadi, tetapi tidak lama lagi.

36 Kerana itu, perhatikan bahawa Aku, Tuhan, telah menetapkan segala hal ini di atas muka bumi, Aku menghendaki agar para orang suci-Ku haruslah berhimpun di atas negeri Sion;

37 Dan bahawa setiap orang haruslah mengambil "kesolehan dalam tangannya dan kesetiaan pada auratnya, dan mengangkat ^bsuara peringatan kepada penduduk bumi; dan memaklumkan baik dengan kata-kata mahupun dengan berlari bahawa "kemusnahan akan datang kepada yang jahat.

38 Kerana itu, biarlah para pengikut-Ku di Kirtland menguruskan urusan-urusan duniawi mereka, yang tinggal di atas tanah ladang ini.

39 Biarlah hamba-Ku Titus Billings, yang memiliki tugas penguurusan ke atasnya, menjualkan tanah itu, agar dia boleh dipersiapkan pada musim bunga yang akan datang untuk melakukan perjalanannya ke negeri Sion, bersama dengan mereka yang tinggal di atas permukaannya, kecuali mereka yang akan Aku simpan bagi diri-Ku, yang tidak akan pergi sehinggalah Aku akan memerintahkan mereka.

40 Dan biarlah semua wang yang dapat disimpan, tidaklah kisah bagi-Ku sama ada sedikit atau banyak, dikirimkan ke negeri Sion, kepada mereka yang telah Aku tetapkan untuk menerimanya.

41 Lihatlah, Aku, Tuhan, akan memberi kuasa kepada hamba-Ku Joseph Smith Jr. agar dia akan mampu untuk "membezakan melalui Roh, mereka yang akan

33a pts Peperangan.

34a pts Orang Suci.

b pts Kedatangan Kedua Yesus Kristus.

c Mat. 3:12;

2 Ne. 26:6;

A&P 45:57; 64:24;

101:23-25, 66.

pts Jahat, Kejahatan.

d pts Api.

37a pts Soleh, Kesolehan.

b A&P 1:4.

c Yes. 47:11.

41a pts Kurnia

Membezakan.

pergi ke negeri Sion, dan mereka dari antara para pengikut-Ku yang akan tinggal.

42 Biarlah hamba-Ku Newel K. Whitney mengekalkan kedainya, atau dengan perkataan lain, kedai itu, untuk suatu tempoh masa yang singkat.

43 Walaupun demikian, biarlah dia memberikan seluruh wang yang dapat dia berikan, untuk dikirimkan ke negeri Sion.

44 Lihatlah, hal-hal ini berada di dalam tangannya sendiri, biarlah dia melakukannya menurut kebijaksanaan.

45 Sesungguhnya Aku berfirman, biarlah dia ditahbiskan sebagai wakil bagi para pengikut yang akan tinggal, dan biarlah dia ditahbiskan pada kuasa ini;

46 Dan sekarang, segerakanlah kunjungilah jemaah-jemaah gereja, menghuraikan hal-hal ini kepada mereka, bersama dengan hamba-Ku Oliver Cowdery. Lihatlah, inilah kehendak-Ku, mendapatkan wang bahkan seperti yang telah Aku arahkan.

47 Dia yang "setia dan bertahan akan mengatasi dunia.

48 Dia yang mengirimkan harta ke negeri Sion akan menerima "warisan di dunia ini, dan pekerjaannya akan mengikutinya, dan juga ganjaran di dunia yang akan datang.

49 Ya, dan diberkatilah orang mati yang "mati di dalam Tuhan, sejak dari sekarang, apabila Tuhan datang, dan hal-hal yang lama akan ^bberlalu, dan segala hal menjadi baru, mereka akan ^abangkit dari yang mati dan tidak akan ^amati lagi, dan akan menerima warisan di hadapan Tuhan, di kota yang kudus itu.

50 Dan dia yang hidup apabila Tuhan datang, dan telah mempertahankan iman, "diberkatilah dia; walaupun demikian, ianya telah ditetapkan bagi dia untuk ^bmati pada usia manusia.

51 Kerana itu, anak-anak ^aakan ^bmembesar sehingga mereka menjadi tua; orang-orang tua akan mati; tetapi mereka tidak akan tidur dalam debu, tetapi mereka akan ^cdiubah dalam sekelip mata.

52 Kerana itu, untuk tujuan inilah para rasul telah berkhotbah kepada dunia tentang kebangkitan orang mati.

53 Hal-hal ini adalah hal yang mesti kamu cari; dan, berbicara menurut cara Tuhan, ianya sekarang "sudah di depan mata, dan pada waktu yang akan datang, bahkan pada hari kedatangan Putera Manusia.

54 Dan sehinggalah pada hari itu akan ada "gadis-gadis perawan yang bodoh di kalangan yang bijak; dan pada masa itu datanglah

47a Mosia 2:41;
A&P 6:13.

48a A&P 101:18.

49a Why. 14:13;
A&P 42:44-47.

b 2 Kor. 5:17.

c prs Kebangkitan.

d Why. 21:4;

Alma 11:45;
A&P 88:116.

prts Baqa, Kebaqaan.

50a prs Berkati, Diberkati,
Memberkati.

b prs Kematian Jasmani.

51a prs Zaman Seribu
Tahun.

b Yes. 65:20-22;
A&P 45:58; 101:29-31.

c 1 Kor. 15:51-52;

A&P 43:32.

53a A&P 35:15.

54a Mat. 25:1-13;

A&P 45:56-59.

suatu pemisahan menyeluruh di antara yang soleh dan yang jahat; dan pada hari itu Aku akan mengutuskan para malaikat-Ku untuk ^bmenarik yang jahat keluar dan mencampakkan mereka ke dalam api yang tidak dapat dipadamkan.

55 Dan sekarang, lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Aku, Tuhan, tidak senang dengan hamba-Ku “Sidney Rigdon; dia telah ^bmemuliakan diri dalam hatinya, dan tidak menerima nasihat, tetapi menyinggung Roh;

56 Kerana itu “tulisanannya tidak diterima oleh Tuhan, dan dia akan membuat yang lain; dan jika Tuhan tidak menerimanya, lihatlah dia tidak lagi berdiri pada jawatan yang telah Aku tetapkan padanya.

57 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, “mereka yang berhasrat dalam hati mereka, dalam kelembutan hati, untuk ^bmemperingatkan para pendosa untuk bertaubat, biarlah mereka ditahbiskan pada kuasa ini.

58 Kerana ini adalah hari peringatan, dan bukanlah hari untuk banyak perkataan. Kerana Aku, Tuhan, tidak mahu diperbodohkan pada zaman akhir.

59 Lihatlah, Aku dari atas, dan kuasa-Ku berada di bawah. Aku berkuasa atas segalanya, dan di

dalam segalanya, dan melalui segalanya, dan “menyelidiki segala hal, dan harinya akan datang apabila segalanya akan tunduk kepada-Ku.

60 Lihatlah, Aku adalah “Alfa dan Omega, bahkan Yesus Kristus.

61 Kerana itu, biarlah semua orang berhati-hati bagaimana mereka menggunakan “nama-Ku di bibir mereka—

62 Kerana lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman, bahawa ada banyak yang berada di bawah penghukuman, yang menggunakan nama Tuhan, dan menggunakannya dengan sia-sia, tidak memiliki wewenang.

63 Kerana itu, biarlah gereja bertaubat dari dosa-dosa mereka, dan Aku, Tuhan, akan memiliki mereka; jika tidak mereka akan disingkirkan.

64 Ingatlah bahawa apa yang datang dari atas adalah “kudus, dan mesti ^bdiucapkan dengan cermat, dan dengan desakan dari Roh; dan di dalamnya tidak ada penghukuman, dan kamu menerima Roh “melalui doa; kerana itu, tanpanya penghukuman tetap ada.

65 Biarlah hamba-Ku, Joseph Smith Jr. dan Sidney Rigdon, cari-kan mereka sebuah rumah, sebagaimana mereka diajar melalui “doa oleh Roh.

66 Hal-hal ini tetaplah mesti diatasi melalui kesabaran, agar orang

54 *b* Mosia 16:2.

55 *a* PTS Sidney Rigdon.
b PTS Keangkuhan.

56 *a* A&P 58:50.

57 *a* A&P 4:3–6.

b A&P 18:14–15.

PTS Amaran,
Memberi Amaran;
Pekerjaan Penginjian.

59 *a* 1 Kor. 2:10.

60 *a* PTS Alfa dan Omega.

61 *a* PTS Kata-kata Tidak

Senonoh.

64 *a* PTS Kudus.

b PTS Penghormatan.

c A&P 42:14.

65 *a* PTS Doa.

yang seperti itu boleh menerima | jika tidak, penghukuman yang
 "jumlah ^bkemuliaan yang abadi, | lebih besar. Amin.

BAHAGIAN 64

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada para penatua Gereja, di Kirtland, Ohio, 11 September 1831. Nabi sedang bersiap sedia untuk berpindah ke Hiram, Ohio, untuk menyambung pekerjaannya pada penterjemahan Alkitab, yang telah diketepikan semasa dia berada di Missouri. Sebuah rombongan lelaki yang telah diperintahkan untuk melakukan perjalanan ke Sion (Missouri) terlibat dengan bersungguh-sungguh dalam membuat persiapan untuk berangkat pada bulan Oktober. Pada waktu yang sibuk ini, wahyu tersebut diterima.

1-11, Para Orang Suci diperintahkan untuk mengampuni satu sama lain, agar jangan tertinggal dalam diri mereka dosa yang lebih besar; 12-22, Mereka yang tidak bertaubat mesti dibawa ke hadapan Gereja; 23-25, Dia yang membayar persepuluhan tidak akan dibakar semasa kedatangan Tuhan; 26-32, Para Orang Suci diperingatkan tentang hutang; 33-36, Mereka yang memberontak akan disingkirkan dari Sion; 37-40, Gereja akan menghakimi bangsa-bangsa; 41-43, Sion akan tumbuh subur.

LIHATLAH, demikianlah firman Tuhan Rajamu kepadamu, Wahai kamu para penatua gereja-Ku, dengarkanlah kamu, dan terimalah kehendak-Ku mengenai kamu.

2 Kerana sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Aku menghendaki agar kamu haruslah

"mengatasi dunia; kerana itu Aku akan memiliki ^brasa kasihan terhadapmu.

3 Terdapatnya di kalangan kamu mereka yang telah berdosa; tetapi sesungguhnya Aku berfirman, untuk sekali ini saja, untuk "kemuliaan-Ku sendiri, dan demi keselamatan para jiwa, Aku ^bmengampunkan dosa-dosamu.

4 Aku akan penuh berbelas kasihan kepadamu, kerana Aku telah memberi kepadamu kerajaan.

5 Dan "kunci-kunci misteri kerajaan tidak akan diambil daripada hamba-Ku Joseph Smith Jr. melalui cara yang telah Aku tetapkan, selagi dia hidup, sejauh mana dia mematuhi ^btatacara-tatacara-Ku.

6 Terdapatnya mereka yang telah mencari kesempatan untuk menentangnya tanpa sebab;

7 Walaupun demikian, dia telah

66a 2 Kor. 4:17.
 b Rm. 8:18;
 A&P 58:4; 136:31.
 64 2a 1 Yoh. 5:4.

b PTS Rasa kasihan.
 3a Musa 1:39.
 b Yes. 43:25.
 5a A&P 28:7; 84:19.

PTS Kunci-kunci
 Imamat.
 b PTS Tatacara-tatacara.

berdosa; tetapi sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Aku, Tuhan, “mengampuni dosa mereka yang ^bmengakui dosa-dosa mereka di hadapan-Ku dan meminta pengampunan, yang tidak berdosa sehingga ‘mati.

8 Para pengikut-Ku, pada zaman dahulu, mencari “kesempatan untuk menentang satu sama lain dan tidak mengampuni satu sama lain di dalam hati mereka; dan disebabkan kejahatan ini mereka disengsarakan dan ^bdihukum dengan parah.

9 Kerana itu, Aku berfirman kepadamu, bahawa kamu seharusnya “mengampuni satu sama lain; kerana dia yang tidak ^bmengampuni saudaranya atas pelanggaran berdirinya dikutuk di hadapan Tuhan; kerana di dalam dirinya tertinggal dosa yang lebih besar.

10 Aku, Tuhan, akan “mengampuni sesiapa pun yang akan Aku ampuni, tetapi daripada dirimu diwajibkan untuk ^bmengampuni semua orang.

11 Dan kamu seharusnya mengatakan dalam hatimu—biarlah Tuhan “menghakimi di antara aku dan engkau, dan memberi engkau ganjarannya menurut ^bperbuatanmu.

12 Dan dia yang tidak bertaubat dari dosa-dosanya, dan tidak

mengakuinya, kamu akan membawanya ke hadapan “gereja, dan melakukan padanya sebagaimana yang dikatakan oleh tulisan suci kepadamu, sama ada melalui perintah atau melalui wahyu.

13 Dan kamu haruslah melakukan ini agar Tuhan boleh dimuliakan—bukan kerana kamu tidak mengampuni, tidak memiliki rasa kasihan, tetapi agar kamu boleh dimaklumkan soleh di mata hukum, agar kamu tidak bersalah terhadap Dia yang merupakan pemberi hukummu—

14 Sesungguhnya Aku berfirman, untuk sebab ini kamu haruslah melakukan hal-hal ini.

15 Lihatlah, Aku, Tuhan, marah kepadanya iaitu hamba-Ku Ezra Booth, dan juga hamba-Ku Isaac Morley, kerana mereka tidak menaati hukum, dan juga perintah;

16 Mereka mencari kejahatan di dalam hati mereka, dan Aku, Tuhan, menahan Roh-Ku. Mereka “mengecam sebagai kejahatan hal yang di dalamnya itu tidak ada kejahatan; walaupun demikian Aku telah mengampuni hamba-Ku Isaac Morley.

17 Dan juga hamba-Ku “Edward Partridge, lihatlah, dia telah berdosa, dan ^bSetan berusaha untuk menghancurkan jiwanya; tetapi apabila hal-hal ini diberitahukan kepada mereka, dan mereka

7a prs Mengampuni;
Pengampunan
Dosa-dosa.
b Bil. 5:6-7;
A&P 19:20; 58:43.
prs Mengaku,
Pengakuan.
c A&P 76:31-37.

8a prs Pertikaian.
b prs Tegur, Menegur.
9a Mrk. 11:25-26;
A&P 82:1.
b Mat. 6:14-15;
Ef. 4:32.
10a Kel. 33:19; Alma 39:6;
A&P 56:14.

b Mosia 26:29-31.
11a 1 Sam. 24:12.
b 2 Tim. 4:14.
12a A&P 42:80-93.
16a 2 Ne. 15:20;
A&P 121:16.
17a prs Edward Partridge.
b prs Iblis.

bertaubat dari kejahatan itu, mereka akan diampuni.

18 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman bahawa adalah perlu menurut-Ku bahawa hamba-Ku Sidney Gilbert, selepas beberapa minggu, haruslah kembali pada perniagaannya, dan pada perwakilannya di negeri Sion;

19 Dan apa yang telah dia lihat dan dengar boleh diberitahukan kepada para pengikut-Ku, agar mereka tidak binasa. Dan untuk sebab ini telah Aku memfirmankan hal-hal ini.

20 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu, bahawa hamba-Ku Isaac Morley tidak akan ^adigoda melebihi dari apa yang dapat ditanggungnya, dan menasihati dengan salah yang menyakitimu, Aku memberikan perintah bahawa tanah ladangnya harus dijual.

21 Aku tidak menghendaki bahawa hamba-Ku Frederick G. Williams harus menjual tanah ladangnya, kerana Aku, Tuhan, menginginkan untuk mengekalkan sebuah kubu pertahanan di negeri Kirtland, untuk lima tahun, dimana Aku tidak akan menumbangkan yang jahat, agar dengan itu Aku boleh menyelamatkan beberapa daripadanya.

22 Dan selepas masa itu, Aku, Tuhan, tidak akan mengangap

sesiapa pun ^abersalah yang akan pergi dengan hati yang terbuka ke negeri Sion; kerana Aku, Tuhan, menuntut ^bhati anak-anak manusia.

23 Lihatlah, sekarang ianya disebut ^ahari ini sehinggalah ^bkedatangan Putera Manusia, dan sesungguhnya ianya adalah hari ^cpengorbanan, dan hari untuk persepuluh umat-Ku; kerana dia yang membayar ^apersepuluh tidak akan ^cdibakar pada kedatangan-Nya.

24 Kerana selepas hari ini datanglah ^apembakaran—ini adalah berbicara menurut cara Tuhan—kerana sesungguhnya Aku berfirman, keesokannya semua yang ^bsombong dan mereka yang melakukan kejahatan akan menjadi seperti tunggul jerami; dan Aku akan membakar mereka, kerana Aku ialah Tuhan Semesta Alam; dan Aku tidak akan membiarkan sesiapa pun hidup yang tertinggal di ^cBabilon.

25 Kerana itu, jika kamu mempercayai-Ku, kamu akan bekerja sementara ia masih disebut hari ini.

26 Dan tidaklah sesuai bahawa hamba-Ku, ^aNewel K. Whitney dan Sidney Gilbert, harus menjual ^bkedai mereka dan harta benda mereka di sini; kerana ini

20a pts Godaan,
Menggoda.

22a pts Perasaan bersalah.
b Kel. 35:5;
A&P 59:15; 64:34.

23a A&P 45:6; 64:24–25.
b pts Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.
c pts Korban.

d Mal. 3:10–11.
pts Sepersepuluh,
Persepuluh.

e Mal. 4:1;
3 Ne. 25:1;
JS—S 1:37.

24a Yes. 66:15–16.
pts Bumi—
Pembersihan bumi;

Dunia—Akhir dunia.

b Mal. 3:15;
2 Ne. 12:12; 23:11.
pts Keangkuhan.

c A&P 1:16.
pts Babel, Babilon.

26a pts Newel K. Whitney.
b A&P 57:8.

tidaklah bijaksana sehinggalah anggota gereja yang selebihnya, yang masih tinggal di tempat ini, akan pergi ke negeri Sion.

27 Lihatlah, telah dikatakan dalam hukum-hukum-Ku, atau dilarang, untuk ^aberhutang kepada para musuhmu;

28 Tetapi lihatlah, ianya tidak dikatakan bahawa Tuhan tidak akan mengambilnya pada bila-bila masa pun Dia mahu, dan membayar seperti yang kelihatannya baik bagi-Nya.

29 Kerana itu, kerana kamu adalah para wakil, kamu berada dalam tugas Tuhan; dan apa pun yang kamu lakukan menurut kehendak Tuhan adalah urusan Tuhan.

30 Dan Dia telah menetapkanmu untuk menyediakan bagi para orang suci-Nya pada zaman akhir ini, agar mereka boleh mendapatkan ^awarisan di negeri Sion.

31 Dan lihatlah, Aku, Tuhan, memaklumkan kepadamu, dan ^afirman-Ku adalah pasti dan tidak akan ^bgagal, bahawa mereka akan mendapatkannya.

32 Tetapi segala hal mesti terjadi pada waktunya.

33 Kerana itu, janganlah ^ajemu dalam melakukan yang baik, kerana kamu sedang meletakkan landasan bagi sebuah pekerjaan yang besar. Dan dari ^bhal-hal

yang kecil bermulalah hal yang besar.

34 Lihatlah, Tuhan ^amenuntut ^bhati dan suatu fikiran yang rela; dan yang rela dan ^cpatuh akan menikmati hasil dari negeri Sion pada zaman akhir ini.

35 Dan yang ^amemberontak akan ^bdisingkirkan dari negeri Sion, dan akan dihantar pergi, dan tidak akan mewarisi tanah itu.

36 Kerana, sesungguhnya Aku berfirman bahawa yang memberontak bukanlah dari darah ^aEfraim, kerana itu mereka akan ditarik keluar.

37 Lihatlah, Aku, Tuhan, telah menjadikan gereja-Ku pada zaman akhir ini seperti seorang hakim yang duduk di atas sebuah bukit, atau di suatu tempat yang tinggi, untuk menghakimi bangsa-bangsa.

38 Kerana akan terjadilah bahawa para penduduk Sion akan ^amenghakimi segala hal yang berkaitan dengan Sion.

39 Dan para pendusta dan orang munafik akan dibuktikan oleh mereka, dan mereka yang bukan ^arasul dan nabi akan diketahui.

40 Dan bahkan ^auskup, yang merupakan ^bseorang hakim, dan para penasihatnya, jika mereka tidak setia dalam ^ctugas pengawasan mereka akan dihukum,

27a pts Hutang.

30a A&P 63:48.

31a Mrk. 13:31;

2 Ne. 31:15;

A&P 1:37-38.

b A&P 76:3.

33a Gal. 6:9.

b A&P 123:16.

34a Mi. 6:8.

b Ul. 32:46; Yos. 22:5;

Morm. 9:27.

pts Hati.

c Yes. 1:19.

pts Patuh, Kepatuhan,

Mematuhi.

35a pts Pemberontakan.

b A&P 41:5; 50:8-9; 56:3.

pts Penyingkiran.

36a Ul. 33:16-17.

38a Yes. 2:3-4;

A&P 133:21.

39a Why. 2:2.

pts Rasul.

40a pts Uskup.

b A&P 58:17; 107:72-74.

c pts Pengawas,

Pengawasan.

dan ^dorang lain akan ditempatkan sebagai pengganti mereka.

41 Kerana, lihatlah, Aku berfirman kepadamu bahawa ^aSion akan tumbuh subur, dan ^bkemuliaan Tuhan akan berada di atasnya;

42 Dan ia akan menjadi sebuah ^apanji bagi orang-orang itu, dan

akan datang kepadanya dari setiap bangsa di kolong langit.

43 Dan harinya akan datang apabila bangsa-bangsa di bumi akan ^agementar kerananya, dan akan takut kerana para penduduknya yang menakutkan. Tuhan telah memfirmankannya. Amin.

BAHAGIAN 65

Wahyu dalam doa yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Hiram, Ohio, Oktober 1831.

1–2, *Kunci-kunci kerajaan Tuhan dianugerahkan kepada manusia di atas bumi, dan tujuan Injil akan menang; 3–6, Kerajaan syurga seribu tahun akan datang dan bergabung dengan kerajaan Tuhan di atas bumi.*

DENGARKANLAH, dan lihatlah, seperti suatu suara daripada seseorang yang diutus turun dari syurga, yang perkasa dan penuh kuasa, yang bergerak ke hujung-hujung bumi, ya, yang suaranya adalah kepada manusia—^aSediakanlah kamu jalan Tuhan, jadikanlah jalan-Nya lurus.

2 ^aKunci-kunci ^bkerajaan Tuhan dianugerahkan kepada manusia di atas bumi, dan dari situ Injil akan berguling ke hujung-hujung bumi,

bagaikan ^abatu yang dikerat dari gunung tanpa tangan akan berguling, sehingga ia telah ^amemenuhi seluruh bumi.

3 Ya, suatu suara berseru—Sediakanlah kamu jalan Tuhan, sediakanlah kamu ^ajamuan malam Anak Domba, bersedialah untuk ^bPengantin Lelaki.

4 Berdoalah kepada Tuhan, panggillah nama kudus-Nya, beritahukanlah pekerjaan-pekerjaan-Nya yang menakjubkan di kalangan semua orang.

5 Mintalah kepada Tuhan, agar kerajaan-Nya boleh menyebar luas di atas bumi, agar para penduduknya boleh menerimanya, dan disediakan untuk masa yang akan datang, apabila Putera Manusia akan ^aturun dari dalam syurga,

40 *d* A&P 107:99–100.

41 *a* PTS Sion.

b A&P 45:67; 84:4–5; 97:15–20.

PTS Kemuliaan.

42 *a* PTS Panji.

43 *a* Yes. 60:14;

A&P 97:19–20.

65 *1a* Yes. 40:3;

Mat. 3:3;

Yoh. 1:23.

2 *a* Mat. 16:19;

A&P 42:69.

PTS Kunci-kunci

Imamat.

b A&P 90:1–5.

c Dan. 2:34–45.

d Mzm. 72:19.

PTS Daniel—Kitab

Daniel;

Hari-hari Terakhir,

Zaman Akhir.

3 *a* Mat. 22:1–14;

Why. 19:9;

A&P 58:11.

b PTS Pengantin Lelaki.

5 *a* Mat. 24:30.

^bdiselubungi ^ckemuliaan-Nya yang gemilang, untuk menemui ^dkerajaan Tuhan yang didirikan di atas bumi.

6 Kerana itu, semoga ^akerajaan Tuhan menyebar luas, agar ^bkerajaan syurga boleh datang, agar

Engkau, Ya Tuhan, boleh dimuliakan di dalam syurga begitu juga di atas bumi, agar para musuh-Mu boleh ditundukkan; kerana ^ckepada-Mulah kehormatan, kekuasaan dan kemuliaan, selama-lamanya. Amin.

BAHAGIAN 66

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Hiram, Ohio, 25 Oktober 1831. William E. McLellin telah mengemukakan kepada Tuhan secara rahsia untuk memberitahukan melalui Nabi jawapan untuk lima pertanyaan, yang tidak diketahui Joseph Smith. Di atas permintaan, Nabi bertanya kepada Tuhan, dan telah menerima yang berikut.

1–4, Perjanjian yang kekal adalah kegenapan Injil; 5–8, Para penatua mesti berkhotbah, bersaksi, dan berbincang dengan semua orang; 9–13, Pelayanan rohani yang setia memastikan kehidupan kekal diwarisi.

LIHATLAH, demikianlah firman Tuhan kepada hamba-Ku William E. McLellin—Diberkatilah kamu, sejauh kamu telah berpaling dari kederhakaanmu, dan telah menerima kebenaran-kebenaran-Ku, firman Tuhan Penebusmu, Juruselamat dunia, bahkan bagi sebanyak mana yang ^apercaya pada nama-Ku.

2 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, diberkatilah kamu kerana menerima ^aperjanjian-Ku

yang kekal, bahkan kegenapan Injil-Ku, yang diutuskan kepada anak-anak manusia, agar mereka boleh memperoleh ^bkehidupan dan dijadikan para pengambil bahagian kemuliaan yang akan diungkapkan pada zaman akhir, seperti yang ditulis oleh para nabi dan rasul pada zaman dahulu.

3 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, hamba-Ku William, bahawa kamu bersih, tetapi tidak keseluruhannya; bertaubatlah, oleh kerana itu, dari perkara-perkara yang tidak menyenangkan dalam pandangan-Ku, firman Tuhan, kerana Tuhan akan ^amemperlihatkannya kepadamu.

4 Dan sekarang, sesungguhnya, Aku, Tuhan, akan memperlihatkan

5b Mzm. 93:1.

c pts Kemuliaan.

d Dan. 2:44.

6a pts Kerajaan Tuhan atau Kerajaan Syurga.

b Why. 11:15.

c 1 Taw. 29:11;

Mat. 6:13.

66 1a Yoh. 1:12.

pts Kepercayaan, Percaya.

2a pts Perjanjian yang

Baru dan Kekal.

b Yoh. 10:10;

3 Ne. 5:13.

3a Yakub 4:7;

Eter 12:27.

kepadamu apa yang Aku kehendaki mengenaimu, atau apakah kehendak-Ku terhadapmu.

5 Lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa adalah menjadi kehendak-Ku bahawa kamu harus ^amemaklumkan Injil-Ku dari negeri ke negeri, dan dari kota ke kota, ya, di wilayah-wilayah sekitarnya di mana ia belum dimaklumkan.

6 Janganlah singgah berhari-hari di tempat ini; janganlah pergi ke negeri Sion terlebih dahulu; tetapi sebanyak mana yang dapat kamu kirimkan, kirimkanlah; jika tidak, janganlah fikirkan tentang hartamu.

7 ^aPergilah ke negeri-negeri di sebelah timur, berikanlah ^bkesaksian di setiap tempat, kepada setiap orang dan di dalam saumaah-saumaah mereka, berbincanglah dengan orang-orang itu.

8 Biarlah hamba-Ku Samuel H. Smith pergi bersamamu, dan janganlah tinggalkan dia, dan berikanlah arahan-arahanmu kepadanya; dan dia yang setia akan dijadikan ^akuat di setiap tempat; dan Aku, Tuhan, akan pergi bersamamu.

9 Letakkanlah ^atanganmu ke atas yang sakit, dan mereka akan ^bpulih. Janganlah kembali sehingga Aku, Tuhan, akan mengutusmu. Bersabarlah dalam kesengsaraan. ^cMintalah, dan kamu akan menerima; ketuklah, dan akan dibukakan bagimu.

10 Berusahalah untuk tidak dibebani. Tinggalkanlah segala ketidaksolehan. Janganlah berbuat ^azina—suatu godaan yang telah membuat engkau bersusah hati.

11 ^aTaatilah firman ini, kerana ia adalah benar dan pasti; dan engkau haruslah mengembangkan jabatanmu, dan doronglah banyak orang ke ^bSion dengan ^cnyanyian bahagia yang kekal pada diri mereka.

12 ^aTeruskanlah dalam hal-hal ini bahkan sehingga akhir, dan kamu akan memperoleh ^bmahkota kehidupan abadi di sebelah kanan Bapa-Ku, yang penuh dengan kerahmatan dan kebenaran.

13 Sesungguhnya, demikianlah firman ^aTuhan Rajamu, Penebusmu, bahkan Yesus Kristus. Amin.

5a Mrk. 16:15.

7a A&P 75:6.

b prs Kesaksian.

8a A&P 52:17; 133:58.

9a prs Pemberkatan

Orang Sakit;

Perletakan Tangan.

b Mat. 9:18.

prs Sembuh,

Penyembuhan.

c Yak. 1:5.

10a prs Zina.

11a A&P 35:24.

b A&P 11:6.

c Yes. 35:10;

A&P 45:71.

prs Nyanyi.

12a 2 Tim. 3:14-15;

2 Ne. 31:20.

b Yes. 62:3;

Mat. 25:21;

1 Ptr. 5:4.

13a prs Tuhan, Kesatuan

Ketuhanan—Tuhan

Putera Bapa.

BAHAGIAN 67

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Hiram, Ohio, awal November 1831. Kejadiannya adalah sebuah persidangan khusus, dan penerbitan wahyu-wahyu yang telah diterima daripada Tuhan melalui Nabi dipertimbangkan dan dijalankan (lihat pengenalan untuk bahagian 1). William W. Phelps telah membina mesin pencetakan Gereja di Independence, Missouri. Persidangan telah memutuskan untuk menerbitkan wahyu ini di dalam Book of Commandments (Kitab Perintah) dan mencetak 10,000 salinan (sebab kesulitan yang tidak dijangka telah dikurang ke 3,000 salinan). Ramai saudara memberikan kesaksian yang khusyuk bahawa wahyu-wahyu yang pada waktu itu disusun untuk penerbitan adalah sungguh benar, sebagaimana dipersaksikan oleh Roh Kudus yang dicurahkan ke atas diri mereka. Sejarah Joseph Smith mencatatkan bahawa setelah wahyu yang dikenali sebagai bahagian 1 telah diterima, beberapa percakapan negatif terjadi tentang bahasa yang digunakan dalam wahyu-wahyu itu. Maka wahyu ini menyusul.

1-3, Tuhan mendengar doa dan mengawasi para penatua-Nya; 4-9, Dia mencabar orang yang paling bijak untuk meniru sebahagian kecil dari wahyu-wahyu-Nya; 10-14, Para penatua yang setia akan dihidupkan oleh Roh dan melihat muka Tuhan.

LIHAT dan dengarlah, Wahai kamu "para penatua gereja-Ku, yang telah berhimpun bersama, yang doa-doanya telah Aku dengari, dan yang hatinya Aku ketahui, dan yang hasratnya telah sampai ke hadapan-Ku.

2 Lihat dan tengoklah, "mata-Ku adalah ke atas dirimu, langit dan bumi ada di dalam tangan-Ku, dan kekayaan keabadian adalah milik-Ku untuk diberikan.

3 Kamu berusaha untuk percaya bahawa kamu akan menerima

berkat yang ditawarkan kepadamu; tetapi lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu ada perasaan "takut di dalam hatimu, dan sesungguhnya inilah sebab kamu tidak menerimanya.

4 Dan sekarang, Aku, Tuhan, memberi kepadamu sebuah "kesaksian tentang kebenaran akan perintah-perintah ini yang terletak di hadapanmu.

5 Matamu memandang ke atas hamba-Ku Joseph Smith Jr., dan cara "berbahasanya telah kamu ketahui, dan ketidaksempurnaanmu telah kamu ketahui; dan kamu telah mencari dalam hatimu pengetahuan agar kamu boleh menyampaikan lebih baik dari cara bahasanya; ini juga kamu ketahui.

6 Sekarang, carilah kamu dari Kitab Perintah-perintah, bahkan

sebahagian kecil yang ada di dalamnya, dan pilihlah seorang yang paling ^abijak di antara kamu;

7 Atau, jika ada sesiapa pun di antara kamu yang akan membuat satu yang sama sepertinya, maka kamu dibenarkan untuk mengatakan bahawa kamu tidak tahu bahawa ia adalah benar;

8 Tetapi jika kamu tidak dapat membuat satu yang sama sepertinya, kamu berada di bawah kutukan jika kamu tidak ^amemberikan kesaksian bahawa ia adalah benar.

9 Kerana kamu tahu bahawa tidak ada ketidaksolehan di dalamnya, dan apa yang ^asoleh turun dari syurga, daripada Bapa bagi ^bcahaya.

10 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu bahawa ini adalah hak istimewa, dan sebuah janji Aku berikan kepadamu yang telah ditetapkan pada pelayanan ini, bahawa sejauh mana kamu melucutkan dirimu dari ^ahasad dengki dan ^bperasaan takut, dan ^cmerendahkan

hatimu di hadapan-Ku, kerana kamu belum cukup rendah hati, ^dtirai akan terkoyak dan kamu akan ^emelihat-Ku dan mengetahui bahawa Aku ada—bukan dengan fikiran badaniah dan juga alamiah, tetapi dengan yang rohani.

11 Kerana tiada ^aseorang pun yang telah melihat Tuhan pada bila-bila masa pun dalam keadaan daging, kecuali dihidupkan oleh Roh Tuhan.

12 Tiada juga sesiapa pun ^amanusia alamiah dapat bertahan dalam hadirat Tuhan, tidak juga menurut fikiran badaniah.

13 Kamu tidak dapat bertahan di dalam hadirat Tuhan sekarang, tidak juga pelayanan para malaikat; kerana itu, teruskanlah ^abersabar sehingga kamu ^bdisempurnakan.

14 Janganlah biarkan fikiranmu berubah; dan apabila kamu ^alayak, pada waktu-Ku sendiri yang tepat, kamu akan melihat dan mengetahui apa yang dianugerahkan ke atas dirimu melalui tangan hamba-Ku Joseph Smith Jr. Amin.

BAHAGIAN 68

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Hiram, Ohio, 1 November 1831, dalam balasan doa agar fikiran Tuhan diberitahukan mengenai Orson Hyde, Luke S. Johnson, Lyman E. Johnson, dan

6a 2 Ne. 9:28-29, 42.

8a prs Saksi.

9a Moro. 7:15-18.

b Yak. 1:17;

A&P 50:24; 84:45;

88:49.

10a prs Cemburu,

Kecemburuan.

b prs Takut.

c prs Rendah Hati,

Kerendahan Hati.

d prs Tirai.

e A&P 88:68; 93:1; 97:16.

11a TJS Kel. 33:20, 23

(Lampiran);

Yoh. 1:18; 6:46;

TJS 1 Yoh. 4:12

(Lampiran);

A&P 84:19-22;

Musa 1:11, 14.

12a Mosia 3:19.

prts Manusia Alamiah.

13a Rm. 2:7.

prts Kesabaran.

b Mat. 5:48;

3 Ne. 12:48.

14a prs Layak, Kelayakan.

William E. McLellin. Walaupun bahagian wahyu ini diarahkan kepada empat saudara tersebut, kebanyakan kandungannya berkaitan dengan seluruh Gereja.

1-5, Perkataan para penatua apabila diilhami oleh Roh Kudus adalah tulisan suci; 6-12, Para penatua berkhutbah dan membaptis, dan petanda akan mengikuti orang-orang percaya yang sejati; 13-24, Anak sulung di kalangan anak-anak lelaki Harun boleh melayani sebagai Uskup Utama (iaitu, memegang kunci-kunci presidensi sebagai uskup) di bawah arahan Presidensi Utama; 25-28, Para ibu bapa diperintahkan untuk mengajarkan Injil kepada anak-anak mereka; 29-35, Para Orang Suci mesti menghormati Sabat, bekerja dengan tekun, dan berdoa.

HAMBA-KU, Orson Hyde, telah dipanggil melalui pentahbisannya untuk memaklumkan Injil kekal, melalui "Roh Tuhan yang hidup, dari satu khalayak ramai ke satu khalayak, dan dari negeri ke negeri, di dalam jemaah-jemaah orang jahat, dalam saumaah-saumaah mereka, berbincang dan menghuraikan semua tulisan suci kepada mereka.

2 Dan, lihatlah, dan tengoklah, inilah sebuah contoh bagi mereka semua yang telah ditahbiskan pada imamat ini, yang misinya telah ditetapkan bagi mereka untuk pergi—

3 Dan inilah contoh bagi mereka,

bahawa mereka haruslah "berbicara sebagaimana mereka diilhami oleh Roh Kudus.

4 Dan apa pun yang akan mereka ucapkan apabila diilhami oleh "Roh Kudus akan menjadi tulisan Tuhan, akan menjadi kehendak Tuhan, akan menjadi fikiran Tuhan, akan menjadi firman Tuhan, akan menjadi suara Tuhan, dan ^bkuasa Tuhan pada keselamatan.

5 Lihatlah, inilah janji Tuhan kepadamu, Wahai kamu para hamba-Ku.

6 Kerana itu, jadilah riang, dan janganlah "takut, kerana Aku Tuhan bersertamu, dan akan berdiri di sisimu; dan kamu akan memberikan kesaksian tentang Aku, bahkan Yesus Kristus, bahawa Aku ialah Putera Tuhan yang hidup, bahawa Aku sudah ada, bahawa Aku ada, dan bahawa Akulah yang akan datang.

7 Inilah firman Tuhan kepadamu, hamba-Ku "Orson Hyde, dan juga kepada hamba-Ku Luke Johnson, dan kepada hamba-Ku Lyman Johnson, dan kepada hamba-Ku William E. McLellin, dan kepada semua penatua yang setia dari gereja-Ku—

8 "Pergilah kamu ke seluruh dunia, ^bkhutbahkanlah Injil kepada setiap ^cmakhluk, bertindak dalam

68 1a PTS Roh Kudus.
3a 2 Ptr. 1:21;
A&P 18:32; 42:16;
100:5.
4a PTS Roh Kudus;

Wahyu.
b Rm. 1:16.
6a Yes. 41:10.
7a PTS Orson Hyde.
8a A&P 1:2; 63:37.

b PTS Mengkhutbahkan;
Pekerjaan Penginjilan.
c Mrk. 16:15.

“wewenang yang telah Aku berikan kepadamu, “membaptis dalam nama Bapa, dan Putera, dan Roh Kudus.

9 Dan “dia yang percaya dan dibaptis akan ^bdiselamatkan, dan dia yang tidak percaya akan “dilaknati.

10 Dan dia yang percaya akan diberkati dengan “tanda-tanda yang mengikutinya, bahkan seperti yang sudah tertulis.

11 Dan kepadamu akan diberikan untuk mengetahui petanda pada zaman ini, dan “tanda-tanda kedatangan Putera Manusia;

12 Dan tentang sebanyak mana yang akan Bapa berikan kesaksian, kepadamu akan diberikan kuasa untuk “memeteraikan mereka pada kehidupan abadi. Amin.

13 Dan sekarang, mengenai butir-butir sebagai tambahan pada perjanjian dan perintah-perintah, ianya merupakan—

14 Yang tertinggal selepas ini, pada waktu yang tepat bagi Tuhan, “para uskup lain untuk ditetapkan bagi gereja, untuk melayani bahkan menurut yang pertama;

15 Kerana itu mereka haruslah merupakan “imam tinggi yang layak, dan mereka akan ditetapkan oleh ^bPresidensi Utama dari Imam Melkisedek, melainkan

mereka adalah keturunan “Harun yang sejati.

16 Dan jika mereka adalah keturunan “Harun yang sejati mereka memiliki hak yang sah ke atas keuskupan, jika mereka adalah anak sulung di kalangan anak-anak lelaki Harun;

17 Kerana anak sulung memegang hak presidensi ke atas imam ini, dan “kunci-kunci atau wewenang imam yang sama.

18 Tiada seorang pun memiliki hak yang sah atas jawatan ini, untuk memegang kunci-kunci imam ini, kecuali dia adalah “keturunan sejati dan anak sulung Harun.

19 Tetapi, kerana “imam tinggi dari Imam Melkisedek memiliki wewenang untuk bertugas dalam semua jawatan yang lebih rendah dia boleh bertugas dalam jawatan ^buskup apabila tidak ada keturunan Harun yang sejati dapat ditemui, asalkan dia dipanggil dan ditetapkan dan ditahbiskan pada kuasa ini, di bawah tangan Presidensi Utama dari Imam Melkisedek.

20 Dan seseorang dari keturunan Harun yang sejati, juga, mesti ditetapkan oleh Presidensi ini, dan didapati layak, dan “disapukan minyak, dan ^bditahbiskan di

8d prs Wewenang.	prs Meterai, Pemeteraian.	Imamat.
e prs Pembaptisan, Membaptis.	14a prs Uskup.	18a Kel. 40:12–15; A&P 84:18; 107:13–16, 70–76.
9a Mrk. 16:16; A&P 20:25.	15a A&P 72:1.	19a prs Imam Tinggi.
b prs Keselamatan.	b prs Presidensi Utama.	b prs Uskup.
c prs Laknat.	c prs Harun, Abang Musa.	20a prs Menyapu dengan Minyak.
10a prs Tanda.	16a A&P 107:15–17.	b prs Tahbis, Pentahbisan.
11a prs Tanda-tanda Zaman Akhir.	prs Imam Harun.	
12a A&P 1:8; 132:49.	17a prs Kunci-kunci	

bawah tangan Presidensi ini, jika tidak mereka tidak diwenangkan secara sah untuk bertugas dalam imamat mereka.

21 Tetapi, berdasarkan pada ketetapan mengenai hak keimamatan mereka yang diturunkan dari ayah kepada anak lelaki, mereka boleh menuntut hak penetapan mereka jika mereka dapat membuktikan garis keturunan mereka pada bila-bila masa, atau memastikannya melalui wahyu dari Tuhan di bawah tangan Presidensi yang disebutkan di atas.

22 Dan lagi, tidak ada uskup atau imam tinggi yang akan ditetapkan bagi pelayanan ini yang akan diadili atau dihukum kerana jenayah apa pun, kecuali di hadapan ^aPresidensi Utama gereja;

23 Dan sejauh dia didapati bersalah di hadapan Presidensi ini, menurut kesaksian yang tidak dapat dinafikan, dia akan dihukum;

24 Dan jika dia bertaubat dia akan ^adiampuni, menurut perjanjian dan perintah-perintah gereja.

25 Dan lagi, sejauh ^aibu bapa memiliki anak-anak di Sion, atau di mana pun dari ^bpancang-pancangnya yang telah diorganisasikan, yang tidak ^cmengajari mereka untuk mengerti ajaran tentang pertaubatan, iman kepada Kristus Putera Tuhan yang hidup,

dan tentang pembaptisan dan kurnia Roh Kudus melalui peletakan tangan, apabila berumur ^dlapan tahun, ^edosa itu akan berada di atas kepala ibu bapa.

26 Kerana ini akan menjadi sebuah hukum bagi para penduduk ^aSion, atau di mana pun dari pancang-pancangnya yang telah diorganisasikan.

27 Dan anak-anak mereka haruslah ^adibaptis untuk ^bpengampunan dosa-dosa mereka apabila berumur ^clapan tahun, dan menerima perletakan tangan.

28 Dan mereka juga harus mengajar anak-anak mereka untuk ^aberdoa, dan untuk berjalan dengan lurus di hadapan Tuhan.

29 Dan para penduduk Sion juga harus mematuhi hari ^aSabat untuk menjaganya dengan kudus.

30 Dan para penduduk Sion juga harus mengingati kerja-kerja mereka, sejauh mereka ditetapkan untuk bekerja, dengan penuh kesetiaan; kerana pemalas akan diingati di hadapan Tuhan.

31 Sekarang, Aku, Tuhan, tidak terlalu berkenan dengan para penduduk Sion, kerana adanya ^apemalas di antara mereka; dan anak-anak mereka juga membesar dalam ^bkejahatan; mereka juga tidak ^cmencari kekayaan abadi dengan bersungguh-sungguh, tetapi mata mereka penuh dengan ketamakan.

22a pts Presidensi Utama.

24a pts Mengampuni.

25a pts Keluarga—
Tanggungjawab Ibu
bapa.

b pts Pancang.

c pts Ajar, Pengajar.

d A&P 18:42; 20:71.

e Yakub 1:19;

A&P 29:46–48.

26a pts Sion.

27a pts Pembaptisan,
Membaptis.

b pts Pengampunan
Dosa-dosa.

c pts Bertanggungjawab,

Laporan,

Pertanggungjawaban.

28a pts Doa.

29a A&P 59:9–12.

pts Hari Sabat.

31a pts Malas, Kemalasan.

b pts Jahat, Kejahatan.

c A&P 6:7.

32 Hal-hal ini tidak seharusnya terjadi, dan mesti dihentikan dari kalangan mereka; kerana itu, biarlah hamba-Ku Oliver Cowdery membawa firman ini ke negeri Sion.

33 Dan sebuah perintah Aku berikan kepada mereka—bahawa dia yang tidak menuruti “doa-doanya di hadapan Tuhan pada masanya,

biarlah dia ^bdiingati di hadapan hakim umat-Ku.

34 “Firman ini adalah benar dan pasti; kerana itu, janganlah melanggarnya, tidak juga ^bmengambil darinya.

35 Lihatlah, Aku adalah “Alfa dan Omega, dan Aku ^bdatang dengan segera. Amin.

BAHAGIAN 69

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Hiram, Ohio, 11 November 1831. Penyusunan wahyu-wahyu yang dicadangkan untuk penerbitan awal telah dipersetujui dalam persidangan khusus bertarikh 1 November–2. Pada 3 November, wahyu di dalam buku ini yang tampil sebagai bahagian 133, kemudian disebut Lampiran, telah ditambah. Oliver Cowdery sebelumnya telah ditetapkan untuk membawa naskah wahyu dan perintah yang telah disusun ke Independence, Missouri, untuk pencetakan. Dia juga harus membatwa bersamanya wang yang telah disumbangkan untuk pembangunan Gereja di Missouri. Wahyu ini mengarahkan John Whitmer menemani Oliver Cowdery serta mengarah Whitmer untuk melakukan perjalanan dan mengumpul bahan bersejarah dalam panggilannya sebagai sejarawan dan jurucatat.

1–2, John Whitmer akan menyertai Oliver Cowdery ke Missouri; 3–8, Dia juga mesti berkhotbah dan mengumpul, mencatat, dan menulis data sejarah.

DENGARLAH Aku, firman Tuhan Rajamu, demi kepentingan hamba-Ku “Oliver Cowdery. Tidaklah bijak bagi-Ku bahawa dia harus dipercayakan dengan

perintah-perintah dan wang yang akan dia bawakan ke negeri Sion, kecuali seseorang pergi bersamanya yang merupakan seorang yang benar dan setia.

2 Kerana itu, Aku, Tuhan, menginginkan bahawa hamba-Ku, “John Whitmer, harus pergi bersama hamba-Ku Oliver Cowdery;

3 Dan juga bahawa dia akan terus menulis dan membuat “sejarah

33a prs Doa.
b prs Hakim,
Penghakiman;
Tegur, Menegur.

34a Why. 22:6.
b A&P 20:35; 93:24–25.
35a prs Alfa dan Omega.
b A&P 1:12.

69 1a prs Oliver Cowdery.
2a prs John Whitmer.
3a A&P 47:1–3; 85:1.

tentang segala hal-hal penting yang dia akan perhatikan dan ketahui tentang gereja-Ku;

4 Dan juga bahawa dia menerima “nasihat dan bantuan daripada hamba-Ku Oliver Cowdery dan yang lain.

5 Dan juga, para hamba-Ku yang di luar negeri di bumi ini haruslah mengirimi laporan tentang “tugas pengawasan mereka ke negeri Sion.

6 Kerana negeri Sion akan menjadi kedudukan dan tempat untuk menerima dan melakukan segala hal ini.

7 Walaupun demikian, biarlah hamba-Ku John Whitmer melakukakan perjalanan berulang kali dari satu tempat ke tempat, dan dari suatu jemaah gereja ke jemaah gereja, agar lebih mudah baginya mendapatkan pengetahuan—

8 Berkhutbah dan menghutbah, menulis, menyalin, memilih, dan mendapatkan segala sesuatu demi kebaikan gereja, dan untuk generasi-generasi muda yang akan membesar di atas negeri “Sion, untuk memilikinya dari generasi ke generasi, selama-lamanya. Amin.

BAHAGIAN 70

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 12 November 1831. Sejarah Nabi menyatakan bahawa empat persidangan khusus diadakan dari 1 sehingga 12 November. Pada akhir perhimpunan-perhimpunan ini, kepentingan wahyu yang kemudiannya akan diterbitkan sebagai Book of Commandments (Kitab Perintah) dan kemudiannya Ajaran dan Perjanjian dipertimbangkan. Wahyu ini telah diberikan setelah persidangan mengundi bahawa wahyu tersebut adalah “lebih berharga dari kekayaan seluruh bumi.” Sejarah Joseph Smith merujuk padanya sebagai “landasan Gereja pada zaman akhir ini, dan suatu manfaat bagi dunia, memperlihatkan bahawa kunci misteri-misteri kerajaan Juruselamat kita telah dipercayakan kembali kepada manusia.”

1–5, Petugas pengawasan ditetapkan untuk menerbitkan wahyu-wahyu tersebut; 6–13, Mereka yang bekerja dalam hal-hal rohani layak untuk menerima upah mereka; 14–18, Para Orang Suci haruslah sama rata dalam hal-hal duniawi.

LIHATLAH, dan dengarlah, Wahai kamu para penduduk Sion, dan kamu semua umat gereja-Ku yang berada jauh, dan dengarlah firman Tuhan yang Aku berikan kepada hamba-Ku Joseph Smith Jr. dan juga kepada hamba-Ku Martin

Harris, dan juga kepada hamba-Ku Oliver Cowdery, dan juga kepada hamba-Ku John Whitmer, dan juga kepada hamba-Ku Sidney Rigdon, dan juga kepada hamba-Ku William W. Phelps, dengan cara perintah kepada mereka.

2 Kerana Aku memberikan kepada mereka sebuah perintah; kerana itu dengarkanlah, kerana demikianlah firman Tuhan kepada mereka—

3 Aku, Tuhan, telah menetapkan mereka, dan menahbiskan mereka untuk menjadi “petugas pengawasan ke atas wahyu dan perintah-perintah yang telah Aku berikan kepada mereka, dan yang selepas ini akan Aku berikan kepada mereka;

4 Dan sebuah laporan tentang tugas pengawasan ini akan Aku tuntutan daripada mereka pada hari penghakiman.

5 Kerana itu, Aku telah menetapkan kepada mereka, dan inilah urusan mereka di dalam gereja Tuhan, untuk menguruskannya dan hal-halnya, ya, keuntungan darinya.

6 Kerana itu, sebuah perintah Aku berikan kepada mereka, agar mereka tidak akan memberikan hal-hal ini kepada gereja, tidak juga kepada dunia.

7 Walaupun demikian, sejauh mereka menerima lebih daripada yang diperlukan untuk keperluan asas mereka dan keinginan

mereka, ianya akan disimpan ke dalam “gudang penyimpanan-Ku; 8 Dan keuntungan itu harus dibaktikan bagi para penduduk Sion, dan untuk generasi-generasi mereka, sejauh mereka menjadi “para pewaris menurut hukum-hukum kerajaan.

9 Lihatlah, inilah yang Tuhan tuntutan daripada setiap orang dalam “pengawasannya, bahkan seperti Aku, Tuhan, telah ditetapkan atau akan ditetapkan selepas ini kepada sesiapa pun.

10 Dan lihatlah, tiada seorang pun dikecualikan dari hukum ini yang termasuk di dalam gereja Tuhan yang hidup;

11 Ya, tidak juga uskup, tidak juga “wakil yang mengawasi gudang penyimpanan Tuhan, tidak juga dia yang ditetapkan dalam tugas pengawasan ke atas hal-hal yang duniawi.

12 Dia yang telah ditetapkan untuk menguruskan hal-hal rohani, orang yang sama itu “layak menerima upahnya, bahkan seperti mereka yang telah ditetapkan untuk tugas pengawasan bagi menguruskan hal-hal duniawi;

13 Ya, bahkan dengan lebih berlimpah-limpah, yang mana kelimpahan itu dilipatgandakan kepada mereka melalui pernyataan Roh.

14 Walaupun demikian, dalam hal-hal duniawimu kamu haruslah “sama rata, dan bukan dengan

70 3a 1 Kor. 4:1;
A&P 72:20.
7a A&P 72:9-10.
8a A&P 38:20.

9a pts Pengawasan,
Pengawasan.
11a A&P 57:6.
12a Luk. 10:7.

14a A&P 49:20.
pts Membaktikan,
Hukum Kebaktian.

berat hati, jika tidak kelimpahan pernyataan Roh akan ditahan.

15 Sekarang, "perintah ini Aku berikan kepada para hamba-Ku demi manfaat mereka sementara mereka masih tinggal, untuk pernyataan berkat-berkat-Ku ke atas kepala mereka, dan untuk ganjaran bagi ^bketekunan mereka dan bagi keselamatan mereka.

16 Untuk makanan dan untuk "pakaian; untuk warisan; untuk rumah dan untuk tanah, dalam

keadaan apa pun Aku, Tuhan, akan tempatkan mereka, dan ke mana pun Aku, Tuhan, akan mengutuskan mereka.

17 Kerana mereka telah setia dalam "banyak hal, dan telah melakukannya dengan baik sejauh mereka tidak berdosa.

18 Lihatlah, Aku, Tuhan, "penuh belas kasihan dan akan memberkati mereka, dan mereka akan masuk ke dalam kebahagiaan hal-hal ini. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 71

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith dan Sidney Rigdon, di Hiram, Ohio, 1 Disember 1831. Nabi telah meneruskan untuk menterjemahkan Alkitab bersama Sidney Rigdon sebagai jurutulisnya sehinggalah wahyu ini diterima, yang pada waktu itu diketepikan buat sementara supaya membolehkan mereka untuk memenuhi arahan yang diberikan di dalam wahyu itu. Mereka mesti pergi berkhotbah supaya meredakan perasaan kurang senang yang telah berkembang menentang Gereja akibat daripada penerbitan surat-surat ditulis oleh Ezra Booth, yang telah murtad.

1–4, Joseph Smith dan Sidney Rigdon diutus untuk memaklumkan Injil; 5–11, Musuh-musuh para Orang Suci akan ditundukkan.

LIHATLAH, demikianlah firman Tuhan kepadamu hamba-Ku Joseph Smith Jr., dan "Sidney Rigdon, bahawa sesungguhnya waktunya telah tiba bahawa ianya perlu dan sesuai menurut-Ku bahawa kamu harus membuka mulutmu

untuk ^bmemaklumkan Injil-Ku, hal-hal tentang kerajaan, menghuraikan "misteri-misterinya dari tulisan suci, menurut sebahagian daripada Roh dan kuasa itu yang akan diberikan kepadamu, bahkan seperti yang Aku kehendaki.

2 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, maklumkanlah kepada dunia di wilayah-wilayah sekitarnya, dan di dalam gereja juga, untuk suatu tempoh masa, bahkan

15a Ul. 10:12–13.
b pts Ketekunan.
16a A&P 59:16–20.
17a Mat. 25:21–23.

18a pts Belas Kasihan,
Berbelas Kasihan.
71 1a pts Sidney Rigdon.
b pts Pekerjaan

Penginjilan.
c A&P 42:61, 65.

sehingga ia akan diberitahukan kepadamu.

3 Sesungguhnya inilah misi untuk suatu tempoh masa, yang Aku berikan kepadamu.

4 Kerana itu, bekerjalah kamu di dalam ladang anggur-Ku. Berserulah kepada para penduduk bumi, dan berikanlah kesaksian, dan sediakanlah jalan untuk perintah-perintah dan wahyu yang akan datang.

5 Sekarang, lihatlah ini adalah kebijaksanaan; sesiapa yang membaca, biarlah dia ^amemahami dan juga ^bmenerima;

6 Kerana kepada dia yang menerimanya akan diberikan dengan lebih ^aberlimpah-limpah, bahkan kuasa.

7 Kerana itu, ^atundukkanlah

musuh-musuhmu; berserulah kepada mereka untuk ^bmenemuimu baik di hadapan umum mahupun secara peribadi; dan sejauh kamu setia rasa malu mereka akan ditunjukkan.

8 Kerana itu, biarlah mereka mengemukakan alasan-alasan mereka yang kuat menentang Tuhan.

9 Sesungguhnya, demikianlah firman Tuhan kepadamu—tidak ada ^asenjata yang dibentuk untuk menentangmu yang akan berjaya.

10 Dan jika sesiapa pun mengangkat suaranya menentangmu dia akan dibinasakan pada waktu-Ku sendiri yang tepat.

11 Kerana itu, taatilah perintah-perintah-Ku; ia adalah benar dan pasti. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 72

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 4 Disember 1831. Beberapa orang penatua dan anggota telah berhimpun untuk mempelajari tugas mereka dan untuk diteguhkan dengan lebih lanjut dalam ajaran-ajaran Gereja. Bahagian ini adalah susunan dari tiga wahyu yang diterima pada hari yang sama. Ayat 1 hingga 8 memberitahukan pemanggilan Newel K. Whitney sebagai uskup. Dia kemudiannya dipanggil dan ditahbiskan, yang mana selepas itu ayat 9 hingga 23 diterima, memberikan maklumat tambahan berkaitan tugas-tugas seorang uskup. Sesudahnya, ayat 24 sehingga 26 diberikan, menyediakan arahan berkaitan pengumpulan ke Sion.

1–8, Para penatua harus memberikan laporan tentang tugas pengawasan mereka kepada uskup; 9–15, Uskup mengawasi gudang penyimpanan dan menjaga yang miskin dan

memerlukan; 16–26, Uskup mesti mengesahkan kelayakan para penatua.

DENGARKANLAH suara Tuhan, Wahai kamu yang telah berhimpun

^{5a} prs Pemahaman.
^b Alma 12:9–11.

^{6a} Mat. 13:12.
^{7a} Musa 7:13–17.

^b A&P 63:37; 68:8–9.
^{9a} Yes. 54:17.

bersama, yang merupakan "imam tinggi gereja-Ku, kepada mereka ^bkerajaan dan kuasa telah diberikan.

2 Kerana sesungguhnya demikianlah firman Tuhan, adalah perlu menurut-Ku bahawa seorang "uskup ditetapkan kepadamu, atau daripadamu, kepada jemaah gereja di bahagian ladang anggur Tuhan ini.

3 Dan sesungguhnya dalam hal ini kamu telah melakukannya dengan bijaksana, kerana ianya dituntut daripada Tuhan, dari tangan setiap "petugas pengawasan, untuk memberikan ^blaporan tentang "tugas pengawasannya, baik pada waktu ini mahupun dalam keabadian.

4 Kerana dia yang setia dan "bijak pada waktu ini dianggap layak untuk mewarisi ^btempat tinggal yang disediakan baginya oleh Bapa-Ku.

5 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, para penatua gereja di bahagian "ladang anggur-Ku ini harus memberikan laporan tentang tugas pengawasan mereka kepada uskup, yang akan ditetapkan oleh-Ku di bahagian ladang anggur-Ku ini.

6 Hal-hal ini haruslah disimpan dalam catatan, untuk diserahkan kepada uskup di Sion.

7 Dan kewajipan "uskup akan

diberitahukan melalui perintah-perintah yang telah diberikan, dan suara persidangan.

8 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, hamba-Ku "Newel K. Whitney adalah orang yang harus ditetapkan dan ditahbiskan pada kuasa ini. Inilah kehendak Tuhan Rajamu, Penebusmu. Demikianlah. Amin.

9 Firman Tuhan, sebagai tambahan pada hukum yang telah diberikan, memberitahukan tugas-tugas uskup yang telah ditahbiskan kepada jemaah gereja di bahagian ladang anggur ini, yang sesungguhnya adalah ini—

10 Untuk mengawasi "gudang penyimpanan Tuhan; untuk menerima dana gereja di bahagian ladang anggur ini;

11 Untuk membuat laporan tentang para penatua sebagaimana yang telah diperintahkan sebelumnya; dan untuk "menguruskan kemahuan mereka, yang harus membayar apa yang mereka terima, sejauh mereka memiliki cara untuk membayarnya;

12 Agar ini juga boleh dibaktikan demi kebaikan gereja, kepada yang miskin dan memerlukan.

13 Dan dia yang tidak "memiliki cara untuk membayarnya, sebuah laporan haruslah dibuat dan diserahkan kepada uskup Sion, yang

72 1a A&P 68:14-19.
b pts Kerajaan Tuhan atau Kerajaan Syurga.
2a pts Uskup.
3a pts Pengawas, Pengawasan.

b A&P 42:32; 104:11-13.
c Luk. 19:11-27.
4a Mat. 24:45-47.
b A&P 59:2.
5a pts Ladang Anggur Tuhan.
7a A&P 42:31; 46:27;

58:17-18; 107:87-88.
8a pts Newel K. Whitney.
10a A&P 70:7-11; 78:3.
pts Gudang Penyimpanan.
11a A&P 75:24.
13a pts Miskin.

akan membayarkan hutang dari apa yang akan Tuhan letakkan ke dalam tangannya.

14 Dan pekerjaan mereka yang setia yang bekerja dalam hal-hal yang rohani, dalam menguruskan Injil dan hal-hal tentang kerajaan kepada gereja, dan pada dunia, akan menjelaskan hutang-hutang itu kepada uskup di Sion;

15 Demikianlah ianya dibayar dari gereja, kerana menurut "hukum setiap orang yang datang ke Sion mesti menempatkan semua harta di hadapan uskup di Sion.

16 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa disebabkan setiap penatua di bahagian ladang anggur ini mesti memberikan laporan tentang tugas pengawasannya kepada uskup di bahagian ladang anggur ini—

17 "Sekeping sijil daripada hakim atau uskup di bahagian ladang anggur ini, kepada uskup di Sion, menjadikan setiap orang layak, dan memenuhi segala keperluan, untuk sebuah warisan, dan untuk diterima sebagai ^bpetugas pengawasan yang bijak dan sebagai pekerja yang setia;

18 Jika tidak dia tidak akan diterima oleh uskup Sion.

19 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah setiap penatua yang akan memberikan laporan kepada uskup gereja di bahagian ladang anggur

ini dicadangkan oleh jemaah atau para jemaah gereja, dimana dia bekerja, agar dia boleh menjadikan dirinya dan laporannya diterima dalam segala hal.

20 Dan lagi, biarlah para hamba-Ku yang ditetapkan sebagai para petugas pengawasan ke atas urusan-urusan "bertulis gereja-Ku memiliki tuntutan hak ke atas bantuan daripada uskup atau para uskup dalam segala hal—

21 Agar "wahyu-wahyu itu boleh diterbitkan, dan disebarkan ke hujung-hujung bumi; agar mereka juga boleh mendapatkan dana yang akan memanfaatkan gereja dalam segala hal;

22 Agar mereka juga boleh menjadikan diri mereka diterima dalam segala hal, dan dianggap sebagai petugas pengawasan yang bijak.

23 Dan sekarang, lihatlah, ini akan menjadi contoh bagi semua cabang gereja-Ku di serata tempat, di mana pun ia akan dibina. Dan sekarang, Aku mengakhiri firman-Ku. Amin.

24 Beberapa patah kata sebagai tambahan pada hukum-hukum kerajaan, berkenaan dengan para anggota gereja—mereka yang telah "ditetapkan oleh Roh Kudus untuk pergi ke Sion, dan mereka yang diberi hak istimewa untuk pergi ke Sion—

25 Biarlah mereka membawa kepada uskup sekeping sijil daripada tiga orang penatua gereja, atau sekeping sijil daripada uskup;

15a A&P 42:30–31.
pts Membaktikan,
Hukum Kebaktian.
17a A&P 20:64, 84.

b A&P 42:32.
20a A&P 70:3–5.
21a pts Ajaran dan
Perjanjian.

24a pts Dipanggil oleh
Tuhan, Memanggil,
Panggilan.

26 Jika tidak dia yang akan pergi ke negeri Sion tidak akan dianggap sebagai petugas pengawasan

yang bijak. Ini juga adalah sebuah contoh. Amin.

BAHAGIAN 73

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith dan Sidney Rigdon, di Hiram, Ohio, 10 Januari 1832. Sejak awal Disember yang lepas, Nabi dan Sidney telah terlibat dalam pengkhutbahan, dan dengan cara ini banyak yang telah dicapai dalam mengurangkan perasaan kurang senang yang telah timbul terhadap Gereja (lihat pengenalan untuk bahagian 71).

1–2, Para penatua mesti meneruskan untuk berkhutbah; 3–6, Joseph Smith dan Sidney Rigdon harus meneruskan untuk menterjemahkan Alkitab sehingga selesai.

KERANA sesungguhnya, demikianlah firman Tuhan, adalah perlu menurut-Ku bahawa “mereka harus terus mengkhutbahkan Injil, dan dengan dorongan kepada para jemaah gereja di wilayah-wilayah sekitarnya, sehingga persidangan;

2 Dan kemudian, lihatlah, akan diberitahukan kepada mereka, melalui “suara persidangan, beberapa misi mereka.

3 Sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu hamba-Ku,

Joseph Smith Jr., dan Sidney Rigdon, Tuhan berfirman, ianya “perlu untuk ^bmenterjemah lagi;

4 Dan, sejauh mana ia dapat dilaksanakan, untuk berkhutbah di wilayah-wilayah sekitarnya sehingga persidangan; dan selepas itu adalah perlu untuk meneruskan pekerjaan penterjemahan sehingga ia selesai.

5 Dan biarlah ini menjadi panduan bagi para penatua sehingga pemberitahuan yang selanjutnya, bahkan seperti yang tertulis.

6 Sekarang, Aku tidak memberikan lagi kepadamu pada waktu ini. “Persiapkan dirimu dan bersungguh-sungguhlah. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 74

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith, di Wayne, County, New York, di 1830. Sebelum mengorganisasikan Gereja, pertanyaan

73 1a IAITU mereka yang melayani misi; lihat A&P 57–68.
2a A&P 20:63.
3a IAITU Joseph dan

Sidney pada mulanya diperintah untuk berhenti menterjemah Alkitab dan mengkhutbahkan Injil.

A&P 71:2.
b A&P 45:60–61; 76:15.
PTS Terjemahan Joseph Smith (TJS).
6a 1 Ptr. 1:13.

tertimbul tentang cara yang sesuai bagi pembaptisan, mendorong Nabi mencari jawapan mengenai pertanyaan tersebut. Sejarah Joseph Smith menyatakan bahawa wahyu ini merupakan penjelasan 1 Korintus 7:14, sebuah ayat suci yang sering digunakan untuk mempersolehkan pembaptisan bayi.

1-5, Paulus menasihatkan para jemaah Gereja pada zamannya untuk tidak mentaati hukum Musa; 6-7, Anak-anak kecil adalah kudus dan dikuduskan melalui Korban Tebusan.

KERANA suami yang "tidak percaya dikuduskan oleh isteri, dan isteri yang tidak percaya dikuduskan oleh suami; Jikalau tidak anak-anakmu tidak bersih, tetapi sekarang mereka kudus.

2 Sekarang, pada zaman para rasul hukum sunat dilaksanakan di kalangan semua bangsa Yahudi yang tidak mempercayai Injil Yesus Kristus.

3 Dan terjadilah bahawa timbul suatu "pertikaian besar di antara orang-orang itu mengenai hukum^b sunat, kerana suami yang tidak percaya menginginkan agar anak-anaknya disunat dan menjadi patuh pada^c hukum Musa, yang mana hukum itu telah digenapi.

4 Dan terjadilah bahawa anak-anak itu, telah dididik dalam

kepatuhan pada hukum Musa, mendengarkan "adat resam nenek moyang mereka dan tidak mempercayai Injil Kristus, yang dengannya mereka menjadi tidak kudus.

5 Kerana itu, untuk tujuan ini rasul itu menulis kepada gereja, memberikan kepada mereka sebuah perintah, bukan daripada Tuhan, tetapi daripada dirinya sendiri, bahawa orang yang percaya seharusnya tidak "disatukan dengan orang yang tidak percaya; kecuali^b hukum Musa akan diakhiri di kalangan mereka,

6 Agar anak-anak mereka boleh tetap tanpa sunat; dan agar adat resam itu boleh diakhiri, yang mengatakan bahawa anak-anak kecil tidak kudus; kerana ia dilaksanakan di kalangan bangsa Yahudi;

7 Tetapi "anak-anak kecil adalah^b kudus, ^cdikuduskan melalui^d korban tebusan Yesus Kristus; dan inilah yang tulisan suci maksudkan.

BAHAGIAN 75

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith di Amherst, Ohio,

74 1a 1 Kor. 7:14-19.

3a Kis. 15:1-35;
Gal. 2:1-5.

b PTS Penyunatan.

c PTS Hukum Musa.

4a PTS Adat Resam.

5a PTS Berkahwin,

Perkahwinan—
Perkahwinan di antara
agama yang berlainan.

b 2 Ne. 25:24-27.

7a Moro. 8:8-15;
A&P 29:46-47; 137:10.

b PTS Kudus.

c PTS Keselamatan—
Keselamatan
anak-anak kecil.

d PTS Menebus, Korban
Tebusan.

25 Januari 1832. Bahagian ini meliputi dua wahyu berasingan (yang pertama di ayat 1 sehingga 22 dan kedua di ayat 23 sehingga 36) diberikan pada hari yang sama. Kejadiannya adalah sebuah persidangan yang Joseph Smith ditetapkan sebelumnya. Pada persidangan ini Joseph Smith disokong dan ditahbiskan sebagai Presiden Imamat Tinggi. Para penatua tertentu berhasrat untuk mempelajari tugas-tugas mereka. Wahyu ini menyusuli.

1-5, Para penatua yang setia yang mengkhutbahkan Injil akan memperoleh kehidupan abadi; 6-12, Berdoalah untuk menerima Penolong, yang mengajarkan segala hal; 13-22, Para penatua akan duduk dalam penghakiman mereka yang menolak pesanan mereka; 23-36, Keluarga-keluarga para penginjil harus menerima bantuan dari Gereja.

SESUNGGUH-SUNGGUHNYA, Aku berfirman kepadamu, Aku yang berfirman bahkan melalui "suara Roh-Ku, bahkan ^bAlfa dan Omega, Tuhanmu dan Rajamu—

2 Dengarkanlah, Wahai kamu yang telah memberikan namamu untuk pergi memaklumkan Injil-Ku, dan untuk ^amemangkas ^bladang anggur-Ku.

3 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu bahawa adalah kehendak-Ku bahawa kamu harus pergi dan tidak berlengah-lengah, tidak juga "bermalas-malasan tetapi bekerja dengan dayamu—

4 Mengangkat suaramu bagaikan dengan suara sangkakala,

"memaklumkan ^bkebenaran menurut wahyu dan perintah yang telah Aku berikan kepadamu.

5 Dan demikianlah, jika kamu setia kamu akan disaratkan dengan banyak ^aberkas gandum, dan ^bdimahkotai dengan ^ckehormatan, dan ^dkemuliaan, dan ^ekebaqaan, dan ^fkehidupan abadi.

6 Oleh kerana itu, sesungguhnya Aku berfirman kepada hamba-Ku William E. McLellin, Aku "menarik kembali kewenangan yang telah Aku berikan kepadanya untuk pergi ke negara-negara sebelah timur;

7 Dan Aku memberikan kepadanya sebuah kewenangan baru dan sebuah perintah baru, yang mana di dalamnya Aku, Tuhan, "menegurnya kerana ^brunгутan-rungutan hatinya;

8 Dan dia telah berdosa; walaupun demikian, Aku mengampuninya dan berfirman kepadanya lagi, Pergilah kamu ke negara-negara sebelah selatan.

9 Dan biarlah hamba-Ku Luke Johnson pergi bersamanya, dan

75 1a PTS Wahyu.
b Why. 1:8.
PTS Alfa dan Omega.
2a Yakub 5:62.
b PTS Ladang Anggur Tuhan.
3a PTS Malas,

Kemalasan.
4a PTS Pekerjaan Penginjilan.
b A&P 19:37.
5a Mzm. 126:6; Alma 26:5.
b PTS Mahkota.
c PTS Hormat.

d PTS Kemuliaan.
e PTS Baqa, Kebaqaan.
f PTS Kehidupan Abadi.
6a A&P 66.
7a PTS Tegur, Menegur.
b PTS Pemikiran; Rungut.

memaklumkan hal-hal yang telah Aku perintahkan kepada mereka—

10 Memanggil nama Tuhan untuk “Penolong, yang akan mengajarkan kepada mereka segala hal yang perlu bagi mereka—

11 “Berdoa selalu agar mereka tidak lemah; dan sejauh mereka melakukan ini, Aku akan bersama-sama mereka bahkan sampai akhir.

12 Lihatlah, inilah kehendak Tuhan Rajamu tentang kamu. Demikianlah. Amin.

13 Dan lagi, sesungguhnya demikianlah firman Tuhan, biarlah hamba-Ku “Orson Hyde dan hamba-Ku ^bSamuel H. Smith melakukan perjalanan mereka ke negara-negara sebelah timur, dan memaklumkan hal-hal yang telah Aku perintahkan kepada mereka; dan sejauh mereka setia, lihatlah, Aku akan ^cbersama mereka bahkan sampai akhir.

14 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepada hamba-Ku Lyman Johnson, dan kepada hamba-Ku “Orson Pratt, mereka juga harus melakukan perjalanan mereka ke negara-negara sebelah timur; dan lihatlah, dan tengoklah, Aku juga bersama dengan mereka, bahkan sampai akhir.

15 Dan lagi, Aku berfirman kepada hamba-Ku Asa Dodds, dan kepada hamba-Ku Calves Wilson, bahawa mereka juga harus melakukan perjalanan mereka ke negara-negara sebelah barat, dan

memaklumkan Injil-Ku, bahkan seperti yang telah Aku perintahkan kepada mereka.

16 Dan dia yang setia akan mengatasi segala hal, dan akan “diangkat pada hari terakhir.

17 Dan lagi, Aku berfirman kepada hamba-Ku Major N. Ashley, dan hamba-Ku Burr Riggs, biarlah mereka melakukan perjalanan mereka juga ke negara sebelah selatan.

18 Ya, biarlah mereka semua melakukan perjalanan mereka, seperti yang telah Aku perintahkan kepada mereka, pergi dari rumah ke rumah, dan dari desa ke desa, dan dari kota ke kota.

19 Dan di dalam rumah apa pun yang kamu masuki, dan mereka menerimamu, tinggalkanlah berkatmu ke atas rumah itu.

20 Dan ke dalam rumah apa pun yang kamu masuki, dan mereka tidak menerimamu, kamu akan meninggalkan rumah itu dengan segera, dan “mengibaskan debu dari kakimu sebagai suatu kesaksian terhadap mereka.

21 Dan kamu akan dipenuhi dengan “kebahagiaan dan kegembiraan; dan ketahuilah ini, bahawa pada hari penghakiman kamu akan menjadi ^bhakim pada rumah itu, dan menghukum mereka;

22 Dan adalah lebih baik lagi bagi orang kafir pada hari penghakiman, daripada rumah itu; oleh kerana itu, “persiapkanlah dirimu

10a Yoh. 14:26.

pts Penolong.

11a 2 Ne. 32:9.

13a pts Orson Hyde.

b pts Samuel H. Smith.

c Mat. 28:19-20.

14a pts Orson Pratt.

16a A&P 5:35.

20a Mat. 10:14;

Luk. 10:11-12;

A&P 24:15; 60:15.

21a Mat. 5:11-12.

b pts Hakim,

Penghakiman.

22a Ef. 6:14; A&P 27:15-18.

dan setialah, dan kamu akan mengatasi segala hal, dan diangkat pada hari terakhir. Demikianlah. Amin.

23 Dan lagi, demikianlah firman Tuhan kepadamu, Wahai kamu para penatua Gereja-Ku, yang telah memberikan namamu agar kamu boleh mengetahui kehendak-Nya mengenai kamu—

24 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu, bahawa adalah tugas gereja untuk membantu dalam menyara keluarga mereka, dan juga untuk menanggung keluarga mereka yang telah dipanggil dan mesti perlu diutuskan ke dunia untuk memaklumkan Injil kepada dunia.

25 Kerana itu, Aku, Tuhan, memberi kepadamu perintah ini, agar kamu mendapatkan tempat bagi keluargamu, sejauh saudara-saudaramu bersedia untuk membuka hati mereka.

26 Dan biarlah mereka semua yang dapat mendapatkan tempat bagi keluarga mereka, dan tanggungan gereja untuk mereka, tidak gagal untuk pergi ke dunia, sama ada ke timur atau ke barat, atau ke utara, atau ke selatan.

27 Biarlah mereka meminta dan mereka akan menerima, mengemukakan dan akan dibukakan kepada mereka, dan diberitahukan dari syurga, bahkan oleh “Penolong, ke mana mereka akan pergi.

28 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa setiap lelaki yang bertanggungjawab untuk “menyara^bkeluarganya sendiri, biarlah dia menyarannya, dan walau bagaimanapun dia tidak akan kehilangan mahkotanya; dan biarlah dia bekerja di dalam gereja.

29 Biarlah setiap orang “tekun dalam segala hal. Dan^bpemalas tidak akan memperoleh tempat di dalam gereja, kecuali dia bertaubat dan memperbaiki caranya.

30 Kerana itu, biarlah hamba-Ku Simeon Carter dan hamba-Ku Emer Harris disatukan dalam pelayanan;

31 Dan juga hamba-Ku Ezra Thayer dan hamba-Ku “Thomas B. Marsh;

32 Juga hamba-Ku Hyrum Smith dan hamba-Ku Reynolds Cahoon;

33 Dan juga hamba-Ku Daniel Stanton dan hamba-Ku Seymour Brunson;

34 Dan juga hamba-Ku Sylvester Smith dan hamba-Ku Gideon Carter;

35 Dan juga hamba-Ku Ruggles Eames dan hamba-Ku Stephen Burnett;

36 Dan juga hamba-Ku Micah B. Welton dan juga hamba-Ku Eden Smith. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 76

Sebuah penglihatan yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith dan

27a 2 Ne. 32:5;
A&P 8:2.
pts Roh Kudus.

28a 1 Tim. 5:8;
A&P 83:2.
b pts Keluarga.

29a pts Ketekunan.
b pts Malas, Kemalasan.
31a pts Thomas B. Marsh.

Sidney Rigdon, di Hiram, Ohio, 16 Februari 1832 Sebagai pengantar catatan ini tentang penglihatan ini, sejarah Joseph Smith menyatakan: "Sekembalinya saya dari persidangan Amherst, saya memulakan lagi penterjemahan Tulisan Suci. Dari pelbagai wahyu yang telah diterima, adalah jelas bahawa banyak pokok ajaran penting berkaitan dengan keselamatan manusia, telah dikeluarkan dari Alkitab, atau hilang sebelum ianya dibukukan. Ia jelas terbukti sendirinya dari kebenaran-kebenaran yang selebihnya, bahawa jika Tuhan memberi ganjaran kepada setiap orang menurut perbuatan yang dilakukan dalam tubuh, istilah 'Syurga,' yang dimaksudkan sebagai rumah para Orang Suci yang abadi, mestilah melibatkan lebih daripada satu kerajaan. Sehubungan dengan itu, . . . semasa menterjemahkan Injil Yohanes, saya sendiri dan Elder Rigdon telah melihat penglihatan berikut" Pada masa penglihatan ini diberikan, Nabi sedang menterjemahkan Yohanes 5:29.

1-4, Tuhan adalah Raja; 5-10, Misteri-misteri kerajaan akan diwahyukan kepada semua yang setia; 11-17, Semua orang akan datang dalam kebangkitan soleh atau tidak soleh; 18-24, Penduduk dari banyak dunia merupakan anak-anak yang dilahirkan bagi Tuhan melalui Korban Tebusan Yesus Kristus; 25-29, Seorang malaikat Tuhan jatuh dan menjadi iblis; 30-49, Para putera keterkutukan menderita kelaknatan kekal; semua orang yang lain memperoleh suatu tahap keselamatan; 50-70, Kemuliaan dan ganjaran bagi makhluk yang telah dipermuliakan di dalam kerajaan selestial dihuraikan; 71-80, Mereka yang akan mewarisi kerajaan terestrial dihuraikan; 81-113, Kedudukan mereka di dalam kemuliaan telestial, terestrial, dan selestial dijelaskan; 114-119, Yang

setia boleh melihat dan memahami misteri-misteri kerajaan Tuhan melalui kuasa Roh Kudus.

"DENGARLAH, Wahai kamu langit, dan pasanglah telinga, Wahai bumi, dan bersukacitalah kamu para penduduknya, kerana ^bTuhan adalah Raja, dan selain Dia ^ctidak ada ^dJuruselamat.

2 ^aBesarliah kebijaksanaan-Nya, ^bmenakjubkanlah cara-cara-Nya, dan sejauh mana perbuatan-Nya tiada seorangpun dapat mengetahuinya.

3 ^aTujuan-Nya tidak gagal, tiada sesiapa pun juga yang dapat menahan tangan-Nya.

4 Dari keabadian ke keabadian Dia adalah yang ^asama, dan tahun-tahun-Nya tidak pernah ^bgagal.

5 Kerana demikianlah firman

76 1a Yes. 1:2.

b Yer. 10:10.

pts Tuhan, Kesatuan
Ketuhanan—Tuhan
Putera Bapa.

c Yes. 43:11;

Hos. 13:4.

d pts Juruselamat.

2a 2 Ne. 2:24;

A&P 38:1-3.

b Why. 15:3.

3a 1 Raj. 8:56;

A&P 1:38; 64:31.

4a Ibr. 13:8;

A&P 35:1; 38:1-4;
39:1-3.

b Mzm. 102:25-27;

Ibr. 1:12.

Tuhan—Aku, Tuhan, “penuh berbelas kasihan dan penyayang kepada mereka yang ^btakut kepada-Ku, dan senang menghormati mereka yang ^cmelayani-Ku dalam kesolehan dan dalam kebenaran sehingga akhir.

6 Maka besarlah ganjaran mereka dan abadilah “kemuliaan mereka.

7 Dan kepada mereka akan Aku “wahyukan segala ^bmisteri, ya, segala misteri tersembunyi tentang kerajaan-Ku dari zaman dahulu, dan untuk zaman yang akan datang, akan Aku beritahu kepada mereka kehendak-Ku yang baik tentang segala hal yang berkaitan dengan kerajaan-Ku.

8 Ya, bahkan keajaiban keabadian akan mereka ketahui, dan hal-hal yang akan datang akan Aku perlihatkan kepada mereka, bahkan hal-hal tentang banyak generasi.

9 Dan “kebijaksanaan mereka akan menjadi hebat, dan ^bpemahaman mereka mencecah langit; dan di hadapan mereka kebijaksanaan orang bijak akan ^cmusnah, dan pemahaman orang bijaksana akan menjadi tak bererti.

10 Kerana melalui “Roh-Ku akan Aku ^bmenerangi mereka, dan melalui ^ckuasa-Ku akan Aku beritahu kepada mereka rahsia-rahsia

kehendak-Ku—ya, bahkan hal-hal yang belum pernah dilihat oleh ^amata, atau didengari oleh telinga, atau pun masuk ke dalam hati manusia.

11 Kami, Joseph Smith Jr. dan Sidney Rigdon, yang berada “di dalam Roh pada hari keenam belas bulan Februari, pada tahun Tuhan kita seribu lapan ratus dan tiga puluh dua—

12 Melalui kuasa “Roh ^bmata kami dibukakan dan pemahaman kami diterangi, sehingga melihat dan memahami hal-hal daripada Tuhan—

13 Bahkan hal-hal itu yang ada sejak dari permulaan sebelum dunia ada, yang telah ditetapkan oleh Bapa, melalui Putera Tunggal-Nya, yang berada di pangkuan Bapa, bahkan sejak dari “permulaan;

14 Tentangnya kami memberikan kesaksian, dan kesaksian yang kami berikan adalah kegenapan Injil Yesus Kristus, yang merupakan Putera, yang telah kami lihat dan dengannya kami “bercakap dalam ^bpenglihatan syurgawi itu.

15 Kerana semasa kami sedang melakukan kerja “penterjemahan, yang Tuhan telah tetapkan kepada kami, kami sampai pada ayat

5a Kel. 34:6;
Mzm. 103:8.
pts Belas Kasihan,
Berbelas Kasihan.
b Ul. 6:13;
Yos. 4:23–24.
pts Penghormatan;
Takut.
c A&P 4:2.
6a pts Kemuliaan
Selestial.
7a A&P 42:61; 59:4; 98:12;

121:26–33.
b pts Misteri-misteri
Tuhan.
9a pts Kebijaksanaan.
b pts Pemahaman.
c Yes. 29:14;
2 Ne. 9:28–29.
10a Moro. 10:5.
b pts Kesaksian;
Wahyu.
c pts Kuasa.
d Yes. 64:4;

1 Kor. 2:9;
3 Ne. 17:15–17;
A&P 76:114–116.
11a Why. 1:10.
12a pts Perubahan Rupa.
b A&P 110:1; 137:1;
138:11, 29.
13a Musa 4:2.
14a A&P 109:57.
b pts Penglihatan.
15a pts Terjemahan Joseph
Smith (TJS).

kedua puluh sembilan pasal kelima Yohanes, yang diberikan kepada kami seperti berikut—

16 Berfirman tentang kebangkitan orang mati, mengenai mereka yang akan “mendengar suara ^bPutera Manusia:

17 Dan akan datang; mereka yang telah melakukan “kebaikan, dalam ^bkebangkitan ‘orang soleh; dan mereka yang telah melakukan kejahatan, dalam kebangkitan orang yang tidak soleh.

18 Sekarang, ini menyebabkan kami takjub, kerana ia telah diberikan kepada kami oleh Roh.

19 Dan semasa kami “merenungkan tentang hal-hal ini, Tuhan menyentuh mata pemahaman kami dan ianya dibukakan, dan kemuliaan Tuhan bersinar di sekitarnya.

20 Dan kami melihat “kemuliaan Putera, pada ^btangan kanan ‘Bapa, dan menerima kegenapan-Nya;

21 Dan melihat para “malaikat kudus, dan mereka yang telah ^bdikuduskan di hadapan takhta-Nya, menyembah Tuhan, dan Anak Domba, yang ‘menyembah-Nya selama-lamanya.

22 Dan sekarang, selepas begitu

banyak kesaksian yang telah diberikan tentang Dia, inilah “kesaksiannya, yang terakhir dari kesemuanya, yang kami berikan terhadap Dia: Bahawa Dia ^bhidup!

23 Kerana kami “melihat-Nya, bahkan pada tangan kanan ^bTuhan; dan kami mendengar suara yang memberikan kesaksian bahawa Dia ialah ‘Anak Tunggal Bapa—

24 Bahawa oleh “Dia, dan melalui Dia, dan daripada Dia, ^bdunia-dunia ada dan diciptakan, dan para penduduknya adalah ‘para putera dan puteri yang dilahirkan bagi Tuhan.

25 Dan kami juga telah melihat ini, dan memberikan kesaksian, bahawa seorang “malaikat Tuhan yang berwewenang di hadirat Tuhan, yang memberontak melawan Putera Tunggal yang Bapa kasihi dan yang berada di pangkuan Bapa, dibuang dari hadirat Tuhan dan Putera,

26 Dan disebut Keterkutukan, kerana syurga menangisinya—dia adalah “Lusifer, putera fajar.

27 Dan kami melihat, dan tengoklah, dia “terjatuh! terjatuh, bahkan putera fajar!

16a Yoh. 5:28.

b prs Putera Manusia.

17a prs Pekerjaan-pekerjaan.

b prs Kebangkitan.

c Kis. 24:15.

19a prs Merenungkan.

20a prs Yesus Kristus—
Kemuliaan Yesus Kristus.

b Kis. 7:56.

c prs Tuhan, Kesatuan Ketuhanan—Tuhan Bapa.

21a Mat. 25:31;

A&P 130:6-7; 136:37.

b prs Pengudusan.

c prs Menyembah.

22a prs Kesaksian.

b A&P 20:17.

23a prs Yesus Kristus—
Kemunculan Kristus setelah kematian-Nya.

b prs Tuhan, Kesatuan Ketuhanan—Tuhan Bapa.

c Yoh. 1:14.

prs Putera Tunggal.

24a Ibr. 1:1-3;
3 Ne. 9:15;

A&P 14:9; 93:8-10.

b Musa 1:31-33; 7:30.

prs Mencipta, Penciptaan.

c Kis. 17:28, 29;
Ibr. 12:9.

prs Para Putera dan Puteri Tuhan.

25a A&P 29:36-39;

Musa 4:1-4.

prs Iblis.

26a Yes. 14:12-17.

prs Lusifer.

27a Luk. 10:18.

28 Dan sementara kami masih berada di dalam Roh, Tuhan memerintahkan kami agar kami harus menuliskan penglihatan ini; kerana kami melihat Setan, “ular tua itu, bahkan ^biblis, yang ‘memberontak melawan Tuhan, dan berusaha untuk mengambil kerajaan Tuhan kita dan Kristus-Nya—

29 Kerana itu, dia melancarkan “perang terhadap para orang suci Tuhan, dan mengepung mereka.

30 Dan kami melihat suatu penglihatan tentang penderitaan mereka yang dia perangi dan kuasai, kerana demikianlah datanglah suara Tuhan kepada kami:

31 Demikianlah firman Tuhan mengenai mereka semua yang mengetahui kuasa-Ku, dan telah dijadikan pengambil bahagian darinya, dan membiarkan diri mereka melalui kuasa iblis untuk “dikuasai, dan menyangkal kebenaran dan menentang kuasa-Ku—

32 Mereka adalah mereka yang merupakan “para putera ^bketerkutukan, tentang merekalah Aku berfirman bahawa adalah lebih baik bagi mereka untuk tidak pernah dilahirkan;

33 Kerana mereka adalah bejana kemurkaan, ditakdirkan untuk menderita kemurkaan Tuhan,

bersama dengan iblis dan para malaikatnya dalam keabadian;

34 Mengenai mereka yang telah Aku firmankan tiada “pengampunan di dunia ini dan juga di dunia yang akan datang—

35 Yang telah “menyangkal Roh Kudus setelah menerimanya, dan telah menyangkal Putera Tunggal Bapa, telah ^bmenyalibkan-Nya dan memalukan-Nya secara terbuka.

36 Inilah mereka yang akan pergi ke dalam “tasik api dan belerang, bersama dengan iblis dan para malaikatnya—

37 Dan hanya kepada merekalah “kematian kedua akan memiliki kuasa;

38 Ya, sesungguhnya, hanya “merekalah yang tidak akan ditebus pada waktu Tuhan yang tepat, selepas menderitai kemurkaan-Nya.

39 Kerana semua yang selebihnya akan “dibawakan pada ^bkebangkitan orang mati, melalui kemenangan dan kemuliaan ‘Anak Domba, yang dibunuh, yang berada di pangkuan Bapa sebelum dunia-dunia itu diciptakan.

40 Dan inilah “Injil, khabar gembira, yang mana suara dari syurga persaksikan kepada kami—

41 Bahawa Dia datang ke dunia,

28a Why. 12:9.

b prs Iblis.

c prs Peperangan di Syurga.

29a Why. 13:7;

2 Ne. 2:18; 28:19–23.

31a prs Kemurtadan.

32a prs Para Putera Keterkutukan.

b A&P 76:26; Musa 5:22–26.

34a Mat. 12:31–32.

prs Mengampuni.

35a 2 Ptr. 2:20–22;

Alma 39:6.

prs Dosa yang Tidak Dapat Diampuni.

b lbr. 6:4–6; 1 Ne. 19:7; A&P 132:27.

36a Why. 19:20; 20:10; 21:8;

2 Ne. 9:16; 28:23;

Alma 12:16–18; A&P 63:17.

37a prs Kematian Rohani.

38a prs Para Putera

Keterkutukan.

39a IAITU ditebuskan; lihat ayat 38. Semua akan dibangkitkan. Lihat

Alma 11:41–45.

prs Menghidupkan.

b prs Kebangkitan.

c prs Yesus Kristus.

40a 3 Ne. 27:13–22.

prs Injil;

Rancangan Penebusan.

bahkan Yesus, untuk ^adisalibkan bagi dunia, dan untuk ^bmenanggung dosa-dosa ^cdunia, dan untuk ^dmenguduskan dunia, dan untuk ^emembersihkannya dari segala ketidaksolehan;

42 Agar melalui Dia semua orang boleh ^adiselamatkan yang telah Bapa letakkan ke dalam kuasa-Nya dan ciptakan melalui-Nya;

43 Yang memuliakan Bapa, dan menyelamatkan segala pekerjaan tangan-Nya, kecuali para putera keterkutukan itu yang menyangkal Putera setelah Bapa mempersembahkan-Nya.

44 Kerana itu, Dia menyelamatkan semua orang kecuali mereka—mereka akan pergi ke dalam ^ahukuman ^bkekal, yang merupakan hukuman tanpa akhir, iaitu hukuman abadi, untuk memerintah bersama ^ciblis dan para malaikatnya dalam keabadian, di mana ^dulat mereka tidak mati, dan apinya tidak terpadam, yang merupakan seksaan mereka—

45 Dan ^apenghujungnya, dan juga tempatnya, dan juga seksaan mereka, tiada seorang pun tahu;

46 Tiada juga ia diwahyukan, tidak sekarang, dan tidak juga akan diwahyukan kepada manusia, kecuali kepada mereka yang dijadikan pengambil bahagiannya;

47 Walaupun demikian, Aku, Tuhan, memperlihatkannya melalui penglihatan kepada banyak orang, tetapi dengan segera menutupnya kembali;

48 Kerana itu, penghujung, keluasan, ketinggian, ^akedalaman, dan kegetirannya, tidaklah mereka fahami, tiada seorang pun kecuali mereka yang telah ^bditetapkan pada ^cpenghukuman ini.

49 Dan kami mendengar suara, memfirmankan: Tulislah penglihatan ini, kerana tengoklah, inilah pengakhiran bagi penglihatan tentang penderitaan orang-orang fasiq.

50 Dan lagi kami memberikan kesaksian—kerana kami melihat dan mendengar, dan inilah ^akesaksian Injil Kristus mengenai mereka yang akan datang ke dalam ^bkebangkitan orang soleh—

51 Mereka adalah mereka yang menerima kesaksian tentang Yesus, dan ^apercaya pada nama-Nya dan ^bdibaptis menurut ^ccara penguburan-Nya, ^ddikubur di dalam air dalam nama-Nya, dan ini menurut perintah yang telah Dia berikan—

52 Agar dengan mentaati perintah-perintah mereka boleh ^adicuci dan ^bdibersihkan dari segala dosa mereka, dan menerima

41a prs Penyaliban.

b Yes. 53:4-12;
Ibr. 9:28.

c 1 Yoh. 2:1-2.

d prs Pengudusan.

e prs Tebus, Ditebus,
Penebusan.

42a prs Keselamatan.

44a prs Laknat.

b A&P 19:6-12.

c prs Iblis.

d Yes. 66:24;

Mrk. 9:43-48.

45a A&P 29:28-29.

48a Why. 20:1.

b IAITU dihukum,
ditentukan.

c Alma 42:22.

50a prs Kesaksian.

b prs Kebangkitan.

51a A&P 20:25-27, 37.

b prs Pembaptisan,

Membaptis.

c A&P 128:13.

d Rm. 6:3-5.

prs Pembaptisan,
Membaptis—
Pembaptisan dengan
pencelupan.

52a 2 Ne. 9:23;

Moro. 8:25-26.

b prs Murni,
Kemurnian.

Roh Kudus melalui peletakkan ‘tangan oleh dia yang telah ^d‘ditahbiskan dan dimeteraikan pada ‘kuasa ini;

53 Dan yang mengatasi dengan iman, dan ^a‘dimeteraikan oleh ^bRoh Kudus perjanjian, yang Bapa curahkan ke atas diri mereka semua yang soleh dan benar.

54 Mereka adalah mereka yang merupakan gereja ^a‘Putera Sulung.

55 Mereka adalah mereka yang ke dalam tangannya telah Bapa berikan ^a‘segala hal—

56 Mereka adalah mereka yang merupakan ^a‘para imam dan raja, yang telah menerima kegenapan-Nya, dan kemuliaan-Nya;

57 Dan merupakan ^a‘imam dari Yang Maha Tinggi, menurut tarekat Melkisedek, yang menurut tarekat ^bHenokh, yang menurut ^c‘tarekat Putera Tunggal.

58 Kerana itu, seperti yang tertulis, mereka adalah ^a‘Tuhan, bahkan ^b‘anak-anak ^c‘Tuhan—

59 Kerana itu, ^a‘segala hal adalah milik mereka, sama ada hidup atau

mati, atau hal-hal yang ada sekarang, atau hal yang akan datang, segalanya adalah milik mereka dan mereka adalah milik Kristus, dan Kristus adalah milik Tuhan.

60 Dan mereka akan ^a‘mengatasi segala hal.

61 Kerana itu, janganlah biarkan seorang pun ^a‘bermegah dalam diri manusia, tetapi sebaliknya biarlah dia ^b‘bermegah di dalam Tuhan, yang akan ^c‘menundukkan semua musuh di bawah kaki-Nya.

62 Merekalah yang akan ^a‘tinggal di dalam ^b‘hadirat Tuhan dan Kristus-Nya selama-lamanya.

63 Inilah ^a‘mereka yang akan Dia bawa bersama-Nya, apabila Dia akan ^b‘datang dalam awan di langit untuk ^c‘memerintah umat-Nya di atas bumi.

64 Inilah mereka yang akan mempunyai bahagian dalam ^a‘kebangkitan pertama.

65 Inilah mereka yang akan datang ke dalam ^a‘kebangkitan orang soleh.

66 Inilah mereka yang telah

52c prs Kurnia Roh Kudus;
Perletakan Tangan.

d prs Tahbis,
Pentahbisan.

e prs Wewenang.

53a prs Meterai,
Pemeteraian.

b Ef. 1:13;
A&P 88:3–5.
prs Roh Kudus
Perjanjian.

54a lbr. 12:23;
A&P 93:21–22.
prs Anak sulung.

55a 2 Ptr. 1:3–4;
A&P 50:26–28;
84:35–38.

56a Kel. 19:6;
Why. 1:5–6; 20:6.

57a prs Imam, Imamat

Melkisedek.

b Kej. 5:21–24.
prs Henokh.

c A&P 107:1–4.

58a Mzm. 82:1, 6;
Yoh. 10:34–36.
prs Lelaki, Para
Lelaki—Potensi manu-
sia untuk menjadi
seperti Bapa Syurgawi.

b prs Para Putera dan
Puteri Tuhan.

c A&P 121:32.
prs Tuhan, Kesatuan
Ketuhanan.

59a Luk. 12:42–44;
3 Ne. 28:10;
A&P 84:36–38.

60a Why. 3:5; 21:7.

61a Yoh. 5:41–44;

1 Kor. 3:21–23.

b 2 Ne. 33:6;
Alma 26:11–16.

prs Kemuliaan.

c A&P 49:6.

62a Mzm. 15:1–3; 24:3–4;
1 Ne. 15:33–34;

Musa 6:57.
b A&P 130:7.
prs Kehidupan Abadi.

63a A&P 88:96–98.
prs Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.

b Mat. 24:30.

c A&P 58:22.

prs Yesus Kristus—
Pemerintahan seribu
tahun Kristus.

64a Why. 20:6.

65a prs Kebangkitan.

datang ke ^aGunung ^bSion, dan ke kota Tuhan yang hidup, tempat syurgawi, yang paling kudus dari semuanya.

67 Inilah mereka yang telah datang kepada rombongan malikat yang tak terhitung banyaknya, ke perhimpunan umum dan gereja ^aHenokh, dan ^bPutera Sulung.

68 Inilah mereka yang namanya ^atertulis di dalam syurga, di mana Tuhan dan Kristus adalah ^bhakim kepada semua orang.

69 Inilah mereka yang merupakan orang-orang ^asoleh yang dijadikan ^bsempurna melalui Yesus pengantara bagi ^cperjanjian baru, yang membawakan ^dkorban tebusan yang sempurna ini melalui penumpahan ^edarah-Nya sendiri.

70 Inilah mereka yang tubuhnya adalah ^aselestial, yang ^bkemuliaannya adalah kemuliaan ^cmatahari, bahkan kemuliaan Tuhan, yang paling tinggi dari semuanya, yang mana kemuliaan-Nya dituliskan bagaikan matahari di cakerawala.

71 Dan lagi, kami melihat dunia ^aterestrial, dan lihat dan tengoklah, inilah mereka yang adalah dari terestrial, kemuliaan mereka berbeza dari gereja Putera Sulung

yang telah menerima kegenapan Bapa, bahkan seperti kemuliaan ^bbulan berbeza dengan matahari di cakerawala.

72 Lihatlah, inilah mereka yang telah mati ^atanpa ^bhukum;

73 Dan juga mereka yang merupakan ^aroh-roh manusia yang ditahan di dalam ^bpenjara, yang Putera lawati, dan ^ckhutbahkan ^dInjil kepada mereka, agar mereka boleh dihakimi menurut manusia dalam keadaan daging;

74 Yang tidak menerima ^akesaksian tentang Yesus dalam keadaan daging, tetapi sesudah itu menerimanya.

75 Inilah mereka yang merupakan orang-orang terhormat di bumi, yang telah dibutakan oleh kelicikan manusia.

76 Inilah mereka yang menerima kemuliaan-Nya, tetapi bukan kegenapan-Nya.

77 Inilah mereka yang menerima kehadiran Putera, tetapi bukan kegenapan Bapa.

78 Keranaitu, mereka adalah ^atubuh terestrial, dan bukan tubuh selestial, dan berbeza dalam kemuliaan seperti bulan berbeza dari matahari.

66a Yes. 24:23;
Ibr. 12:22-24;
Why. 14:1;
A&P 84:2; 133:56.

b prs Sion.

67a A&P 45:9-12.

b Ibr. 12:23;

A&P 76:53-54.

Prs Anak sulung.

68a prs Kitab Kehidupan.

b prs Yesus Kristus—
Hakim.

69a A&P 129:3; 138:12.

b Moro. 10:32-33.

c prs Perjanjian yang
Baru dan Kekal.

d prs Menebus,
Korban Tebusan.

e prs Darah.

70a A&P 88:28-29; 131:1-4;
137:7-10.

Prs Kemuliaan
Selestial.

b A&P 137:1-4.

c Mat. 13:43.

71a A&P 88:30.

Prs Kemuliaan
Terestrial.

b 1 Kor. 15:40-41.

72a A&P 137:7, 9.

b prs Hukum.

73a Alma 40:11-14.

Prs Roh.

b A&P 88:99; 138:8.

Prs Keselamatan bagi
Orang Mati;

Neraka.

c 1 Ptr. 3:19-20; 4:6;

A&P 138:28-37.

d prs Injil.

74a prs Kesaksian.

78a 1 Kor. 15:40-42.

79 Inilah mereka yang tidak “berani dalam kesaksian tentang Yesus; kerana itu, mereka tidak mendapatkan mahkota ke atas kerajaan Tuhan kita.

80 Dan sekarang, inilah penghu-
jung penglihatan yang kami lihat
tentang terestrial, yang Tuhan
perintahkan kepada kami untuk
dituliskan semasa kami masih
berada di dalam Roh.

81 Dan lagi, kami telah melihat
kemuliaan “telestial, yang mana
kemuliaannya adalah kemuliaan
yang lebih rendah, bahkan seperti
kemuliaan bintang-bintang ber-
beza dari kemuliaan bulan di cake-
rawala.

82 Inilah mereka yang tidak
menerima Injil Kristus, tidak juga
“kesaksian tentang Yesus.

83 Inilah mereka yang tidak
menyangkal Roh Kudus.

84 Inilah mereka yang dibuang
ke “neraka.

85 Inilah mereka yang tidak akan
ditebus daripada “iblis sehing-
galah ^bkebangkitan terakhir,
sehingga Tuhan, bahkan Kristus
^cAnak Domba, akan menyelesaikan
pekerjaan-Nya.

86 Inilah mereka yang tidak
menerima kegenapan-Nya di
dunia abadi, tetapi dari Roh Kudus
melalui pelayanan dari terestrial;

87 Dan terestrial melalui “pela-
nyanan dari selestial.

88 Dan juga telestial menerima

nya dari pelayanan para malaikat
yang ditetapkan untuk melayani
mereka, atau yang ditetapkan
untuk menjadi roh-roh yang mela-
yani mereka; kerana mereka akan
menjadi pewaris-pewaris kesela-
matan.

89 Dan demikianlah kami telah
melihat, dalam penglihatan syur-
gawi, kemuliaan telestial, yang
melampaui segala pemahaman;

90 Dan tiada seorang pun yang
mengetahuinya kecuali kepada dia
yang Tuhan telah wahyukannya.

91 Dan demikianlah kami telah
melihat kemuliaan terestrial yang
melebihi segala hal kemuliaan
telestial, bahkan di dalam kemu-
liaan, dan di dalam kuasa, dan di
dalam daya, dan di dalam kekua-
saan.

92 Dan demikianlah kami telah
melihat kemuliaan selestial, yang
melebihi segala hal—di mana
Tuhan, bahkan Bapa, memerin-
tah di atas takhta-Nya selama-
lamanya;

93 Iaitu di hadapan takhta-Nya
segala hal tunduk dalam “ketak-
ziman kerendahan hati, dan
memberi-Nya kemuliaan selama-
lamanya.

94 Mereka yang tinggal di
dalam “hadirat-Nya adalah gereja
^bPutera Sulung; dan mereka meli-
hat sebagaimana mereka dilihat,
dan ^cmengetahui sebagaimana
mereka diketahui, setelah mene-

79a A&P 56:16.
81a A&P 88:31.
 pts Kemuliaan
 Telestial.
82a A&P 138:21.
84a 2 Ne. 9:12;

Alma 12:11.
 pts Neraka.
85a pts Iblis.
 b Alma 11:41;
 A&P 43:18; 88:100–101.
 c pts Anak Domba

Tuhan.
87a A&P 138:37.
93a pts Penghormatan.
94a A&P 130:7.
 b pts Anak sulung.
 c 1 Kor. 13:12.

rima kegenapan-Nya dan ^arahmat-Nya;

95 Dan Dia menjadikan mereka ^asama rata dalam kuasa, dan dalam daya, dan dalam kekuasaan.

96 Dan kemuliaan selestial adalah satu, bahkan seperti kemuliaan ^amatahari adalah satu.

97 Dan kemuliaan terestrial adalah satu, bahkan seperti kemuliaan bulan adalah satu.

98 Dan kemuliaan telestial adalah satu, bahkan seperti kemuliaan bintang-bintang adalah satu; kerana seperti satu bintang berbeza dari bintang yang lain dalam kemuliaan, demikian juga berbeza dalam kemuliaan di antara satu sama lain di dalam dunia telestial;

99 Kerana inilah mereka yang dari ^aPaulus, dan dari Apolos, dan dari Kefas.

100 Inilah mereka yang mengatakan mereka adalah sebahagian daripada yang satu dan sebahagian daripada yang lain—sebahagian daripada Kristus dan sebahagian daripada Yohanes, dan sebahagian daripada Musa, dan sebahagian daripada Elias, dan sebahagian dari Esayas, dan sebahagian daripada Yesaya, dan sebahagian daripada Henokh;

101 Tetapi tidak menerima Injil, tidak juga kesaksian tentang Yesus,

tidak juga para nabi, tidak juga ^aperjanjian yang kekal.

102 Yang terakhir dari semuanya, semua mereka ini adalah mereka yang tidak akan dikumpulkan bersama para orang suci, untuk ^adiangkat pada ^bgereja Putera Sulung, dan diterima ke dalam awan.

103 Inilah ^amereka yang merupakan ^bpara pendusta, dan penyihir, ^cdan penzina, dan pelacur, dan sesiapa pun yang mengasihi dan membuat pendustaan.

104 Inilah mereka yang menderita ^akemurkaan Tuhan di atas bumi.

105 Inilah mereka yang menderita ^apembalasan api abadi.

106 Inilah mereka yang dicampakkan ke ^aneraka dan ^bmenderita kemurkaan ^cTuhan Yang Mahakuasa, sehingga ^akegenapan zaman, apabila Kristus akan ^amenundukkan semua musuh di bawah kaki-Nya, dan akan ^fmenyempurnakan pekerjaan-Nya;

107 Apabila dia akan menyerahkan kerajaan, dan mempersembahkannya kepada Bapa, tanpa noda, memfirmankan: Aku telah mengatasi dan telah ^amemijak-mijak ^balat pemeras anggur seorang diri, bahkan alat pemeras anggur dari kedahsyatan kemurkaan Tuhan Yang Maha Kuasa.

94 *d* prs Rahmat.

95 *a* A&P 29:13; 78:5-7; 84:38; 88:107; 132:20.

96 *a* 1 Kor. 15:40-41.

99 *a* 1 Kor. 3:4-7, 22.

101 *a* prs Perjanjian yang Baru dan Kekal.

102 *a* 1 Tes. 4:16-17; A&P 88:96-98.

b A&P 78:21.

103 *a* Why. 21:8; A&P 63:17-18.

b prs Dusta.

c prs Zina.

104 *a* prs Laknat.

105 *a* Yud. 1:7.

106 *a* prs Neraka. *b* A&P 19:3-20.

c A&P 87:6.

d Ef. 1:10.

e 1 Kor. 15:24-28.

f Ibr. 10:14.

107 *a* Why. 19:15; A&P 88:106; 133:46-53.

b Kej. 49:10-12;

Yes. 63:1-3.

108 Kemudian Dia akan dimahkotai dengan mahkota kemuliaan-Nya, untuk duduk di atas ^atakhta kuasa-Nya untuk memerintah selama-lamanya.

109 Tetapi lihatlah, dan tengoklah, kami telah melihat kemuliaan dan para penduduk di dunia telesial, bahawa jumlah mereka adalah tidak terhitung banyaknya seperti bintang-bintang di angkasa, atau seperti pasir di tepi laut;

110 Dan telah mendengar suara Tuhan berfirman: Semuanya akan berlutut, dan setiap lidah akan ^amengakui kepada Dia yang duduk di atas takhta itu selama-lamanya;

111 Kerana mereka akan dihakimi menurut pekerjaan mereka, dan setiap orang akan menerima menurut ^apekerjaannya sendiri, kekuasaannya sendiri, di dalam ^btempat-tempat tinggal yang disediakan;

112 Dan mereka akan menjadi para hamba Yang Maha Tinggi; tetapi ^adi mana Tuhan dan Kristus ^btinggal mereka tidak dapat datang, dunia-dunia tanpa akhir.

113 Inilah penghujung penglihatan yang kami lihat, yang mana kami telah diperintahkan untuk menuliskannya sementara kami masih berada di dalam Roh.

114 Tetapi menakjubkan dan ^aagungnyanya pekerjaan Tuhan, dan ^bmisteri-misteri kerajaan-Nya yang Dia perlihatkan kepada kami, yang melampaui segala pemahaman dalam kemuliaan, dan dalam daya, dan dalam kekuasaan;

115 Yang mana Dia telah perintahkan kepada kami agar kami tidak harus menuliskannya semasa kami masih berada di dalam Roh, dan tidak ^adibenarkan bagi manusia untuk mengatakannya;

116 Tidak juga manusia ^amampu untuk memberitahukannya, kerana ia hanya untuk dilihat dan ^bdifahami melalui kuasa Roh Kudus, yang Tuhan telah berikan kepada mereka yang mengasihinya, dan menyucikan diri mereka di hadapan-Nya;

117 Kepada merekalah Dia berikan hak istimewa ini untuk melihat dan mengetahui bagi diri mereka sendiri;

118 Agar melalui kuasa dan pernyataan Roh, semasa dalam keadaan daging, mereka dapat menahani hadirat-Nya di dalam dunia kemuliaan.

119 Dan kepada Tuhan dan Anak Dombalah kemuliaan, dan kehormatan, dan kekuasaan selama-lamanya. Amin.

108a A&P 137:3.

110a Flp. 2:9-11;
Mosia 27:31.

111a Why. 20:12-13.
pts Pekerjaan-pekerjaan.

b Yoh. 14:2;

A&P 59:2; 81:6.

112a A&P 29:29.

b Why. 21:23-27.

114a Why. 15:3;
Morm. 9:16-18;

Musa 1:3-5.

b Yakub 4:8.

115a 2 Kor. 12:4.

116a 3 Ne. 17:15-17;
19:32-34.

b 1 Kor. 2:10-12.

BAHAGIAN 77

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith, di Hiram, Ohio, kira-kira Mac 1832. Sejarah Joseph Smith menyatakan, "Sehubungan dengan penterjemahan Tulisan Suci, saya telah menerima penjelasan yang berikutnya tentang Wahyu Yohanes."

1-4, Binatang mempunyai roh dan akan tinggal di dalam kegembiraan abadi; 5-7, Bumi ini mempunyai kewujudan duniawi selama 7,000 tahun; 8-10, Pelbagai malaikat memulihkan Injil dan melayani di atas bumi; 11, Pemeteraian 144,000 orang; 12-14, Kristus akan datang pada permulaan tahun ketujuh ribu; 15, Dua orang nabi akan dibangkitkan bagi bangsa Yahudi.

SOALAN (S). Apakah "laut kaca yang dikatakan oleh Yohanes, bab ke-4, dan ayat ke-6 dari Wahyu?

JAWAPAN (J). Itu adalah ^bbumi, dalam keadaannya yang dikuduskan, baqa, dan ^cabadi.

2 S. Apakah yang harus kita fahami tentang empat ekor binatang, yang telah dikatakan dalam ayat yang sama?

J. Itu adalah "lambang, yang digunakan oleh Yohanes Pewahyu, dalam menggambarkan ^bsyurga, "firdaus Tuhan, "kebahagiaan manusia, dan binatang, dan hidupan yang merayap, dan burung-burung di udara; yang merupakan makhluk rohani dalam keserupaan dengan apa pun yang duniawi; dan apa

pun yang duniawi adalah dalam keserupaan dengan apa pun yang rohani; "roh manusia dalam keserupaan dengan dirinya seperti juga roh ^bbinatang, dan setiap makhluk lain yang telah Tuhan ciptakan.

3 S. Adakah empat binatang itu terhad pada seekor binatang, atau adakah mereka mewakili kelas atau golongan?

J. Mereka terhad pada empat binatang yang tersendiri, yang telah diperlihatkan kepada Yohanes, untuk mewakili kemuliaan kelas-kelas makhluk di dalam urutan atau "alam penciptaannya yang telah ditetapkan, dalam ^bnikmat kegembiraan abadinya.

4 S. Apakah yang kita fahami tentang mata dan sayap, yang dimiliki binatang-binatang itu?

J. Matanya adalah lambang cahaya dan "pengetahuan, yaitu, mereka penuh dengan pengetahuan; dan sayap-sayapnya adalah lambang bagi ^bkuasa, untuk bergerak, untuk bertindak, dsb.

5 S. Apakah yang kita fahami tentang dua puluh empat "penatua, yang dikatakan oleh Yohanes?

J. Kita harus memahami bahawa

77 1a A&P 130:6-9.
b A&P 88:17-20, 25-26.
c PTS Bumi—Tahap terakhir bumi; Kemuliaan Selestial.
2a PTS Perlambangan.
b PTS Syurga.

c PTS Firdaus.
d PTS Kegembiraan.
e Eter 3:15-16; Abr. 5:7-8.
PTS Roh.
f Musa 3:19.
3a A&P 93:30;

Musa 3:9.
b A&P 93:33-34.
4a PTS Pengetahuan.
b PTS Kuasa.
5a Why. 4:4, 10.

para penatua ini yang telah dilihat oleh Yohanes, merupakan para penatua yang telah ^bsetia dalam pekerjaan pelayanan dan mati; yang masuk dalam ^ctujuh gereja itu, dan pada waktu itu berada di dalam firdaus Tuhan.

6 S. Apakah yang kita fahami tentang kitab yang dilihat oleh Yohanes, yang telah ^adimeteraikan pada bahagian belakang dengan tujuh meterai?

J. Kita harus memahami bahawa ianya mengandungi kehendak, ^bmisteri-misteri, dan pekerjaan Tuhan yang diwahyukan; hal-hal pengurusan-Nya yang tersembunyi mengenai ^cbumi ini semasa tujuh ribu tahun keadaannya, atau kewujudan duniawinya.

7 S. Apakah yang kita harus fahami tentang tujuh meterai yang dengannya ia telah dimeteraikan?

J. Kita harus memahami bahawa meterai pertama mengandungi hal-hal tentang ^aseribu tahun yang pertama, dan yang kedua juga tentang seribu tahun yang kedua, dan seterusnya sehingga yang ketujuh.

8 S. Apakah yang kita harus fahami tentang empat malaikat, yang diperkatakan dalam bab ke-7 dan ayat ke-1 dari Wahyu?

J. Kita harus memahami bahawa mereka adalah empat malaikat yang diutus daripada Tuhan, kepada mereka telah diberikan kuasa ke atas empat bahagian

bumi, untuk menyelamatkan kehidupan dan untuk menghancurkan; inilah mereka yang memiliki ^aInjil abadi untuk diamanahkan kepada setiap bangsa, kaum, bahasa dan bangsa; memiliki kuasa untuk menutup langit, untuk memeteraikan pada kehidupan, atau untuk mencampakkan ke ^btempat-tempat kegelapan.

9 S. Apakah yang harus kita fahami tentang malaikat yang naik dari timur, Wahyu Bab ke-7 dan ayat ke-2?

J. Kita harus memahami bahawa malaikat yang naik dari timur adalah dia yang kepadanya telah diberikan meterai Tuhan yang hidup ke atas dua belas suku ^aIsrael; kerana itu, dia berseru kepada empat malaikat yang memiliki Injil kekal, mengatakan: Janganlah menyakiti bumi, dan juga laut, dan juga pokok-pokok, sehingga kita telah memeteraikan para hamba Tuhan kita pada ^bdahi mereka. Dan, jika kamu akan menerimanya, inilah ^cElias yang akan datang untuk mengumpulkan bersama suku-suku Israel dan ^dmemulihkan segala hal.

10 S. Bilakah hal-hal yang telah difirmankan di dalam Bab ini akan digenapi?

J. Ia akan digenapi pada ^aseribu tahun yang keenam, atau pembukaan meterai keenam.

11 S. Apakah yang harus kita fahami tentang pemeteraian

5b Why. 14:4–5.

c Why. 1:4.

6a Why. 5:1.

b prs Misteri-misteri Tuhan.

c prs Bumi.

7a A&P 88:108–110.

8a Why. 14:6–7.

b Mat. 8:11–12; 22:1–14; A&P 133:71–73.

9a Why. 7:4–8.

b Yeh. 9:4.

c prs Elias.

d prs Pemulihan Injil.

10a Why. 6:12–17.

“seratus empat puluh empat ribu, dari semua suku Israel—dua belas ribu dari setiap suku?”

J. Kita harus memahami bahawa mereka yang dimeteraikan adalah ^bpara imam tinggi, ditahbiskan pada tarekat kudus Tuhan, untuk melayani Injil kekal; kerana mereka adalah orang yang ditahbiskan dari setiap bangsa, kaum, bahasa, dan bangsa, oleh para malaikat yang kepada mereka telah diberikan kuasa ke atas bangsa-bangsa di bumi, untuk membawa sebanyak mana yang mahu datang pada gereja ‘Putera Sulung.

12 S. Apakah yang harus kita fahami tentang bunyi “sangkakala, yang disebutkan di dalam Bab ke-8 dari Wahyu?”

J. Kita harus memahami bahawa sebagaimana Tuhan telah menjadikan dunia ini dalam enam hari, dan pada hari ketujuh Dia menyelesaikan pekerjaan-Nya, dan ^bmenguduskannya, dan juga membentuk manusia dari ‘debu bumi, demikian juga, pada permulaan seribu tahun yang ketujuh Tuhan Raja akan ^amenguduskan bumi, dan melengkapkan keselamatan manusia, dan ^cmenghakimi segala hal, dan akan ^fmenebus segala hal, kecuali hal-hal yang belum Dia letakkan ke dalam kuasa-Nya,

apabila Dia telah memeteraikan segala hal, sehingga pada penghujung segala hal; dan bunyi sangkakala dari tujuh malaikat adalah persediaan dan penyelesaian pekerjaan-Nya, pada permulaan seribu tahun yang ketujuh—persediaan jalan sebelum waktu kedatangan-Nya.

13 S. Bilakah hal-hal ini akan digenapi, yang telah dituliskan dalam Bab ke-9 dari Wahyu?

J. Ia akan digenapi selepas pembukaan meterai ketujuh, sebelum kedatangan Kristus.

14 S. Apakah yang harus kita fahami tentang kitab kecil yang “dimakan oleh Yohanes, seperti yang disebutkan dalam Bab ke-10 dari Wahyu?”

J. Kita harus memahami bahawa itu adalah sebuah misi, dan sebuah tatacara, bagi dia untuk ^bmengumpulkan suku-suku Israel; lihatlah, inilah Elias, yang, seperti yang tertulis, mesti datang dan ^cmemulihkan segala hal.

15 S. Apakah yang harus difahami tentang dua “orang saksi, dalam bab kesebelas dari Wahyu?”

J. Mereka adalah dua orang nabi yang akan dibangkitkan bagi ^bbangsa Yahudi pada ^czaman akhir, pada masa ^dpemulihan, dan untuk bernubuat kepada bangsa

11a Why. 14:3-5.

b prs Imam Tinggi.

c A&P 76:51-70.

prs Anak sulung.

12a Why. 8:2.

b Kej. 2:1-3;

Kel. 20:11; 31:12-17;

Mosia 13:16-19;

Musa 3:1-3;

Abr. 5:1-3.

c Kej. 2:7.

d A&P 88:17-20.

e prs Yesus Kristus—
Hakim.

f prs Tebus, Ditebus,
Penebusan.

14a Yeh. 2:9-10; 3:1-4;

Why. 10:10.

b prs Israel—

Pengumpulan Israel.

c Mat. 17:11.

15a Why. 11:1-14.

b prs Bangsa Yahudi.

c prs Hari-hari Terakhir,
Zaman Akhir.

d prs Pemulihan Injil.

Yahudi setelah mereka dikumpulkan dan telah membangunkan Kota Yerusalem di ‘negeri nenek moyang mereka.

BAHAGIAN 78

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 1 Mac 1832. Pada hari itu, Nabi dan pemimpin lain telah berhimpun untuk mempertimbangkan hal-hal Gereja. Wahyu ini asalnya, mengarahkan Nabi, Sidney Rigdon, dan Newel K. Whitney melakukan perjalanan ke Missouri dan mendirikan kedai barangan Gereja dan usaha penerbitan dengan membentuk sebuah “syarikat” yang akan menyelia usaha tersebut, memberi dana-dana bagi penubuhan Sion dan kemanfaatan bagi yang miskin. Syarikat ini, telah diorganisasikan pada April 1832 dan dibubarkan pada 1834 (lihat bahagian 82). Selepas pembubaran itu, dibawah arahan Joseph Smith, frasa “pentadbiran gudang penyimpanan bagi yang miskin” digantikan “kedai barangan Gereja dan usaha penerbitan” dalam wahyu, dan perkataan “golongan” digantikan perkataan “syarikat.”

1-4, Para Orang Suci haruslah mengorganisasikan dan mendirikan sebuah gudang penyimpanan; 5-12, Penggunaan harta-harta milik mereka dengan bijak akan menuntun pada keselamatan; 13-14, Gereja haruslah tidak bergantung pada kuasa duniawi; 15-16, Mikhael (Adam) melayani di bawah arahan Yang Kudus (Kristus); 17-22, Diberkatilah yang setia, kerana mereka akan mewarisi segalanya.

TUHAN berfirman kepada Joseph Smith Jr. memfirmankan: Dengarkanlah Aku, firman Tuhan Rajamu, yang telah ditahbiskan pada “imat tinggi gereja-Ku, yang telah berhimpun bersama;

2 Dan dengarkanlah “nasihat dari Dia yang telah ^bmenahbiskanmu dari syurga, yang akan berfirman ke dalam telingamu firman kebijaksanaan, agar keselamatan boleh terjadi kepadamu dalam hal itu yang telah kamu persembahkan di hadapan-Ku, firman Tuhan Raja.

3 Kerana sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, waktunya telah datang, dan sekarang sudah di depan mata; dan lihatlah, dan tengoklah, mestilah perlu bahawa ada sebuah “organisasi umat-Ku, dalam mengatur dan menegakkan urusan ^bgudang penyimpanan bagi umat-Ku yang ^cmiskin, baik di tempat ini mahupun di negeri ^dSion—

4 Sebagai suatu pertubuhan

15e Am. 9:14-15.

78 1a prs Imamat
Melkisedek.
2a prs Nasihat.

b prs Tahbis,
Pentahbisan.

3a A&P 82:11-12, 15-21.

b A&P 72:9-10; 83:5-6.

c A&P 42:30-31.
prs Kebajikan.

d A&P 57:1-2.

dan aturan yang tetap dan abadi bagi gereja-Ku, untuk memajukan tujuannya, yang telah kamu sertai, bagi keselamatan manusia, dan bagi kemuliaan Bapamu yang berada di dalam syurga;

5 Agar kamu "sama rata dalam ikatan hal-hal syurgawi, ya, dan hal-hal duniawi juga, untuk mendapatkan hal-hal syurgawi.

6 Kerana jika kamu tidak sama rata dalam hal-hal duniawi kamu tidak dapat sama rata dalam mendapatkan hal-hal syurgawi;

7 Kerana jika kamu menginginkan agar Aku memberi kepadamu sebuah tempat di dunia "selestial, kamu mesti ^bmenyediakan dirimu dengan 'melakukan apa yang telah Aku perintahkan kepadamu dan perlukan daripadamu.

8 Dan sekarang, sesungguhnya demikianlah firman Tuhan, adalah perlu bahawa semua hal dilakukan bagi "kemuliaan-Ku, oleh kamu yang digabungkan bersama dalam ^bgolongan ini;

9 Atau, dengan perkataan lain, biarlah hamba-Ku Newel K. Whitney dan hamba-Ku Joseph Smith Jr. dan hamba-Ku Sidney Rigdon duduk di dalam majlis bersama para orang suci yang berada di Sion;

10 Jika tidak "Setan berusaha untuk memalingkan hati mereka dari kebenaran, sehingga mereka

menjadi buta dan tidak memahami apa yang telah disediakan untuk mereka.

11 Kerana itu, sebuah perintah Aku berikan kepadamu, untuk menyediakan dan mengatur dirimu melalui sebuah ikatan atau "perjanjian kekal yang tidak boleh dilanggar.

12 Dan dia yang melanggarnya akan kehilangan jawatan dan kedudukannya di dalam gereja, dan akan diserahkan pada "seksaan Setan sehingga hari penebusan.

13 Lihatlah, inilah persediaan yang dengannya Aku persiapkan kamu, dan landasan, dan contoh yang Aku berikan kepadamu, supaya kamu boleh melaksanakan perintah-perintah yang diberikan kepadamu;

14 Agar melalui pemeliharaan-Ku, walau bagaimanapun "kesukaran yang akan menimpa ke atas dirimu, agar gereja boleh berdiri sendiri melebihi dari semua makhluk lain di bawah dunia selestial;

15 Agar kamu boleh naik pada "mahkota yang disediakan bagimu, dan dijadikan ^bpara pemerintah ke atas banyak kerajaan, firman Tuhan Raja, Yang Kudus dari Sion, yang telah menegakkan landasan 'Adam-ondi-Ahman;

16 Yang telah menetapkan "Mikhael puteramu, dan mene-

5a A&P 49:20.
pts Membaktikan,
Hukum Kebaktian.

7a pts Kemuliaan
Selestial.
b A&P 29:8; 132:3.
c A&P 82:10.

8a Musa 1:39.
b A&P 92:1.
10a pts Iblis.
11a pts Perjanjian.
12a 1 Kor. 5:5;
A&P 82:21; 104:8-10.
14a A&P 58:2-4.

15a pts Mahkota;
Permuliaan.
b Why. 5:10;
A&P 76:56-60; 132:19.
c pts Adam-ondi-Ahman.
16a A&P 27:11; 107:54-55.
pts Adam.

gakkan dirinya, dan menempatkannya di kedudukan yang tinggi, dan memberi kepadanya kunci-kunci keselamatan di bawah nasihat dan arahan dari Yang Kudus, yang adalah tanpa permulaan hari atau penghujung kehidupan.

17 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, kamu adalah anak-anak kecil, dan kamu masih belum memahami setakat ini betapa besar berkat-berkat yang Bapa miliki dalam tangan-Nya sendiri dan sediakan bagimu;

18 Dan kamu tidak dapat "menanggung segala hal sekarang; walaupun demikian, cerialah, kerana Aku akan ^bmenuntunmu. Kerajaan adalah milikmu dan berkat-berkat darinya adalah milikmu, dan kekayaan ^ckeabadian adalah milikmu.

19 Dan dia yang menerima segala hal dengan "rasa terima kasih akan dijadikan mulia; dan hal-hal dari bumi ini akan ditambahkan kepadanya, bahkan ^bseratus kali ganda, ya, lebih.

20 Kerana itu, lakukanlah hal-hal yang telah Aku perintahkan kepadamu, firman Penebusmu, bahkan Putera "Ahman, yang menyediakan segala hal sebelum Dia ^bmengambilmu;

21 Kerana kamu adalah "gereja Putera Sulung, dan Dia akan ^bmengambilmu ke dalam awan, dan menetapkan kepada setiap orang bahagiannya.

22 Dan dia yang merupakan "pengawas yang setia dan ^bbijak akan mewarisi "segalanya. Amin.

BAHAGIAN 79

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Hiram, Ohio, 12 Mac 1832.

1-4, Jared Carter dipanggil untuk mengkhutbahkan Injil melalui Penolong.

SESUNGGUHNYA Aku berfirman kepadamu, bahawa ini adalah kehendak-Ku agar hamba-Ku Jared Carter harus pergi lagi ke

negeri-negeri sebelah timur, dari satu tempat ke satu tempat, dan dari kota ke kota, dalam kuasa "penahbisan yang dengannya dia telah ditahbiskan, memaklumkan khabar gembira tentang kebahagiaan besar, bahkan Injil abadi.

2 Dan Aku akan mengutuskan ke

18a Yoh. 16:12;
3 Ne. 17:2-3;
A&P 50:40.
b A&P 112:10.
c prs Kehidupan Abadi.
19a Mosia 2:20-21.
prs Bersyukur,

Kesyukuran, Syukur.
b Mat. 19:29.
20a A&P 95:17.
b 1 Tes. 4:17.
21a A&P 76:53-54.
b A&P 88:96-98.
22a prs Pengawas,

Pengawasan.
b A&P 72:3-4.
c A&P 84:38.
79 1a A&P 52:38.
prs Tahbis,
Pentahbisan.

atas dirinya “Penolong, yang akan mengajarnya kebenaran dan jalan ke mana dia seharusnya pergi;

3 Dan sejauh dia setia, Aku akan memahkotainya lagi dengan berkas-berkas.

4 Kerana itu, biarlah hatimu gembira, hamba-Ku Jared Carter, dan “janganlah takut, firman Tuhanmu, bahkan Yesus Kristus. Amin.

BAHAGIAN 80

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, kepada Stephen Burnett, di Hiram, Ohio, 7 Mac 1832.

1–5, Stephen Burnett dan Eden Smith dipanggil untuk berkhotbah di mana-mana tempat pun yang mereka pilih.

SESUNGGUHNYA, demikianlah firman Tuhan kepadamu hamba-Ku Stephen Burnett: Pergilah kamu, pergilah kamu ke dunia dan “khutbahkanlah Injil kepada setiap makhluk yang datang di bawah bunyi suaramu.

2 Dan sejauh kamu menghasratkan seorang rakan, Aku akan memberi kepadamu hamba-Ku Eden Smith.

3 Kerana itu, pergilah kamu dan khutbahkanlah Injil-Ku, sama ada ke utara atau ke selatan, ke timur atau ke barat, tidaklah kisah, kerana kamu tidak akan tersilap pergi.

4 Oleh kerana itu, maklumkanlah hal-hal yang telah kamu dengari, dan sesungguhnya percayai, dan “tahu adalah benar.

5 Lihatlah, inilah kehendak Dia yang telah “memanggilmu, Penebusmu, bahkan Yesus Kristus. Amin.

BAHAGIAN 81

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Hiram, Ohio, 15 Mac 1832. Frederick G. Williams dipanggil untuk menjadi imam tinggi dan penasihat dalam Presidensi Imam Tinggi. Catatan sejarah menunjukkan bahawa semasa wahyu ini diterima pada bulan Mac 1832, ia memanggil Jesse Gause pada jawatan penasihat bagi Joseph Smith dalam Presidensi. Meskipun demikian, apabila dia lalai untuk meneruskannya dengan cara yang selaras dengan pelantikan ini, panggilan itu seterusnya dialihkan kepada Frederick G. Williams. Wahyu ini

2a Yoh. 14:26.
PTS Penolong.
4a A&P 68:5–6.

80 1a Mrk. 16:15.
4a PTS Kesaksian.
5a PTS Dipanggil oleh

Tuhan, Memanggil,
Panggilan.

(bertarikh Mac 1832) harus dianggap sebagai suatu langkah menuju pengorganisasian Presidensi Utama yang rasmi, khususnya pemanggilan untuk jawatan penasihat dalam badan itu dan menjelaskan kewibawaan pelantikan itu. Saudara Gause melayani untuk suatu tempoh masa tetapi disingkirkan dari Gereja pada bulan Disember 1832. Saudara Williams ditahbiskan pada jawatan yang telah disebutkan pada 18 Mac 1833.

1-2, Kunci-kunci kerajaan selalu dipegang oleh Presidensi Utama; 3-7, Jika Frederick G. Williams setia dalam pelayanannya, dia akan memperoleh kehidupan kekal.

SESUNGGUH-SUNGGUHNYA, Aku berfirman kepadamu hamba-Ku Frederick G. Williams: Dengarkanlah suara Dia yang berfirman, pada firman Tuhan Rajamu, dan dengarkanlah pada panggilan yang dengannya kamu dipanggil, bahkan untuk menjadi ^aimam tinggi di dalam gereja-Ku, dan penasihat bagi hamba-Ku Joseph Smith Jr.;

2 Kepadanya telah Aku berikan ^akunci-kunci kerajaan, yang selalu menjadi kepunyaan ^bPresidensi Imamat Tinggi:

3 Oleh kerana itu, sesungguhnya Aku mengakuinya dan akan memberkatinya, dan juga engkau, sejauh engkau setia dalam nasihat, pada jawatan yang telah Aku tetapkan kepadamu, dalam

doa sentiasa, dengan bersuara dan dalam hatimu, di hadapan umum dan secara peribadi, juga dalam pelayanamu dalam memaklumkan Injil di dunia orang yang hidup, dan di kalangan saudara-saudaramu.

4 Dan dengan melakukan hal-hal ini engkau akan melakukan kebaikan yang terbesar kepada sesama manusia, dan akan meningkatkan ^akemuliaan Dia iaitu Tuhanmu.

5 Kerana itu, setialah; berdirilah pada jawatan yang telah Aku tetapkan kepadamu; ^asokonglah yang lemah, angkatlah tangan yang terkulai, dan ^bkuatkanlah lutut-lutut yang ^clemah.

6 Dan jika engkau setia sehingga akhir engkau akan memperoleh mahkota ^akebaqaan, dan ^bkehidupan abadi di dalam ^ctempat tinggal yang telah Aku sediakan di dalam rumah Bapa-Ku.

7 Lihatlah, dan tengoklah, inilah firman-firman Alfa dan Omega, bahkan Yesus Kristus. Amin.

81 1a PTS Imam Tinggi.
2a PTS Kunci-kunci Imamat.
b A&P 107:8-9, 22.
PTS Presidensi

Utama.
4a Musa 1:39.
5a Mosia 4:15-16.
b A&P 108:7.
c Yes. 35:3.

6a PTS Baqa, Kebaqaan.
b PTS Kehidupan Abadi; Permuliaan.
c Yoh. 14:2-3;
A&P 59:2; 106:8.

BAHAGIAN 82

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith, di Independence, Jackson County, Missouri, 26 April 1832. Kejadiannya adalah sebuah majlis imam tinggi dan para penatua Gereja. Di majlis tersebut, Joseph Smith disokong sebagai Presiden Imamat Tinggi, yang mana dia telah ditahbiskan pada jabatan tersebut sebelumnya di sebuah persidangan imam tinggi, para penatua, dan para anggota, di Amherst, Ohio, 25 Januari 1832 (lihat pengenalan untuk bahagian 75). Wahyu ini mengulangi arahan diberi dalam wahyu terdahulu (bahagian 78) untuk menubuhkan sebuah syarikat—dikenali sebagai Syarikat Bersatu (dibawah arahan Joseph Smith, istilah “golongan” kemudian menggantikan “syarikat”)—untuk mengatur kedai barangan Gereja dan usaha penerbitan.

1-4, Di mana banyak yang diberikan, banyak yang dituntut; 5-7, Kegelapan berkuasa di dunia; 8-13, Tuhan terikat apabila kita melakukan apa yang Dia firmankan; 14-18, Sion mesti meningkat dalam keindahan dan kekudusan; 19-24, Setiap orang harus mencari kepentingan sesama sendiri.

SESUNGGUH-SUNGGUHNYA, Aku berfirman kepadamu, para hamba-Ku, bahawa sejauh kamu sudah saling “mengampuni pelanggaranmu, demikian juga Aku, Tuhan, mengampunimu.

2 Walaupun demikian, ada mereka di antara kamu yang sangat berdosa; ya, bahkan “semua kamu telah berdosa; tetapi sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, berhati-hatilah sejak dari sekarang,

dan jauhkanlah diri dari dosa, agar jangan penghakiman yang parah jatuh ke atas kepalamu.

3 Kerana kepada dia yang “banyak diberi banyak yang dituntut; dan dia yang berdosanya terhadap cahaya yang lebih terang itu akan menerima penghukuman yang lebih besar.

4 Kamu memanggil nama-Ku untuk “wahyu, dan Aku memberikannya kepadamu; dan sejauh kamu tidak menuruti firman-Ku, yang Aku berikan kepadamu, kamu menjadi pelanggar; dan keadilan dan penghakiman adalah hukuman yang telah dikaitkan pada hukum-Ku.

5 Oleh kerana itu, apa yang Aku firmankan kepada seorang Aku firmankan kepada semua: “Berjaga-jagalalah, kerana musuh

82 1a Mat. 6:14-15;
A&P 64:9-11.

2a Rm. 3:23.

3a Luk. 12:48;
Yak. 4:17.

PTS Bertanggungjawab, Laporan,

Pertanggungjawaban.

b prs Pengawas,
Pengawasan.

c prs Dosa;
Kemurtadan.

d Yoh. 15:22-24.

prc Cahaya, Cahaya

Kristus.

4a prs Wahyu.

b prs Keadilan.

5a prs Berjaga, Para
Penjaga.

b prs Iblis.

menyebarkan kekuasaannya, dan 'kegelapan berkuasa;

6 Dan kemarahan Tuhan menyala terhadap para penduduk bumi; dan tiada seorang pun melakukan kebaikan, kerana semuanya telah tersesat dari "jalannya.

7 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Aku, Tuhan, tidak akan meletakkan apa pun "dosa pada tanggunganmu; pergilah pada jalanmu dan janganlah berdosa lagi; tetapi kepada jiwa yang berdosa itu, dosa-dosa yang ^bterdahulu akan kembali, firman Tuhan Rajamu.

8 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu, Aku memberi kepadamu sebuah perintah yang "baru, agar kamu boleh memahami kehendak-Ku terhadap kamu;

9 Atau, dengan perkataan lain, Aku memberi kepadamu bimbingan bagaimana kamu harus "bertindak di hadapan-Ku, agar ia boleh berpaling kepadamu untuk keselamatanmu.

10 Aku, Tuhan, "terikat apabila kamu melakukan apa yang Aku firmankan; tetapi apabila kamu tidak melakukan apa yang Aku firmankan, kamu tidak mempunyai janji.

11 Oleh kerana itu, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa adalah perlu bagi para hamba-Ku Edward Partridge dan Newel K.

Whitney, A. Sidney Gilbert dan Sidney Rigdon, dan hamba-Ku Joseph Smith, dan John Whitmer dan Oliver Cowdery, dan W. W. Phelps dan Martin Harris untuk terikat "bersama dengan sebuah ikatan dan perjanjian yang tidak boleh dilanggar oleh pelanggaran, kecuali penghakiman akan segera mengikuti, dalam beberapa tugas pengawasanmu—

12 Untuk menguruskan hal-hal orang miskin, dan semua hal yang berkaitan dengan keuskupan baik di negeri Sion mahupun di negeri Kirtland;

13 Kerana Aku telah membaktikan negeri Kirtland pada waktu-Ku sendiri yang tepat demi manfaat para orang suci Yang Maha Tinggi, dan untuk sebuah "pancang bagi Sion.

14 Kerana Sion mesti meningkat dalam keindahan, dan dalam kekudusan; sempadan-sempadannya mesti diperluaskan; pancang-pancangnya mesti diperkuatkan; ya, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, "Sion mesti bangkit dan mengenakan ^bpakaiannya yang indah.

15 Oleh kerana itu, Aku memberi kepadamu perintah ini, agar kamu mengikatkan dirimu dengan perjanjian ini, dan ianya akan dilakukakan menurut hukum-hukum Tuhan.

5c pts Kegelapan Rohani.
6a Rm. 3:12;
A&P 1:16.
7a pts Dosa.
b A&P 1:32-33; 58:43.
8a Yoh. 13:34.
9a A&P 43:8.

10a Yos. 23:14;
1 Raj. 8:23;
A&P 1:38; 130:20-21.
pts Berkat, Diberkati,
Memberkati;
Patuh, Kepatuhan,
Mematuhi.

11a A&P 78:3-7, 11-15.
13a Yes. 33:20; 54:2.
pts Pancang.
14a pts Sion.
b Yes. 52:1;
A&P 113:7-8.

16 Lihatlah, inilah juga adalah kebijaksanaan di dalam Aku demi kebaikanmu.

17 Dan kamu mesti “sama rata, atau dengan perkataan lain, kamu mesti memiliki tuntutan yang sama rata ke atas harta-harta itu, demi manfaat menguruskan urusan tugas pengawasanmu, setiap orang menurut keinginan dan keperluannya, sejauh keinginannya adalah adil—

18 Dan semua ini demi manfaat gereja Tuhan yang hidup, agar setiap orang boleh meningkatkan “sumbernya, agar setiap orang boleh memperoleh sumber yang lain, ya, bahkan seratus kali ganda, untuk dimasukkan ke dalam ^bgudang penyimpanan Tuhan, untuk menjadi harta milik bersama bagi seluruh gereja—

19 Setiap orang mencari kepentingan sesama sendiri, dan melakukan segala hal dengan tumpuan “matamu hanya satu pada kemuliaan Tuhan.

20 “Golongan Bersatu ini telah Aku tetapkan untuk menjadi

sebuah golongan kekal bagimu, dan bagi para penggantimu, sejauh kamu tidak berdosa.

21 Dan jiwa yang berdosa terhadap perjanjian ini, dan mengeraskan hatinya terhadapnya, akan diurus menurut hukum-hukum gereja-Ku, dan akan diserahkan pada “seksaan Setan sehingga hari penebusan.

22 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, dan inilah kebijaksanaan, dapatkanlah bagi dirimu rakan-rakan dari mamon ketidakbenaran, dan mereka tidak akan menghancurkanmu.

23 Biarkanlah penghakiman hanya pada-Ku, kerana ia adalah milik-Ku dan Aku akan “membayarnya kembali. Kedamaian bersertamu; berkat-berkat-Ku berterusan bersamamu.

24 Kerana bahkan kini “kerajaan adalah milikmu, dan akan menjadi milikmu selamanya, jika kamu tidak jatuh dari ketabahanmu. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 83

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Independence, Missouri, 30 April 1832. Wahyu ini diterima semasa Nabi duduk di dalam dewan bersama saudara-saudaranya.

17a A&P 51:3.
pts Membaktikan,
Hukum Kebaktian.
18a Mat. 25:14–30;
A&P 60:13.
pts Kurnia;
Kurniaan Roh.

b A&P 42:30–34, 55;
119:1–3.
pts Gudang
Penyimpanan.
19a A&P 88:67.
pts Mata.
20a pts Golongan Bersatu.

21a A&P 104:8–10.
23a Rm. 12:19;
Morm. 3:15.
24a Luk. 12:32;
A&P 64:3–5.
pts Kerajaan Tuhan
atau Kerajaan Syurga.

1-4, *Kaum wanita dan anak-anak memiliki tuntutan hak ke atas suami dan ayah mereka untuk nafkah mereka*; 5-6, *Para balu dan yatim piatu memiliki tuntutan hak ke atas Gereja untuk nafkah mereka.*

SESUNGGUHNYA, demikianlah firman Tuhan, sebagai tambahan pada hukum-hukum gereja mengenai kaum wanita dan anak-anak, mereka yang masuk dalam gereja, yang telah "kehilangan suami atau ayah mereka:

2 Para wanita memiliki "tuntutan hak ke atas suami mereka untuk pemeliharaan mereka, sehinggalah suami mereka diambil; dan jika mereka tidak didapati sebagai pelanggar mereka akan memperoleh penemanan di dalam gereja.

3 Dan jika mereka tidak setia

mereka tidak akan memperoleh penemanan di dalam gereja; namun mereka boleh tinggal di atas warisan mereka menurut undang-undang negara.

4 Semua "anak memiliki tuntutan hak ke atas orang tua mereka untuk pemeliharaan mereka sehingga mereka cukup usia.

5 Dan selepas itu, mereka memiliki tuntutan hak ke atas gereja, atau dengan perkataan lain ke atas "gudang penyimpanan Tuhan, jika ibu bapa mereka tidak memiliki apapun untuk memberi mereka warisan.

6 Dan gudang penyimpanan haruslah diawasi dengan pembaktian gereja; dan "para balu dan yatim piatu haruslah disara, seperti juga yang ^bmiskin. Amin.

BAHAGIAN 84

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, 22 dan 23 September 1832. Semasa bulan September, para penatua telah mula kembali dari misi mereka di negeri-negeri sebelah timur dan membuat laporan tentang pekerjaan mereka. Ianya adalah semasa mereka berada bersama dalam masa yang gembira ini komunikasi yang berikutnya telah diterima. Nabi telah menggelarkannya sebagai sebuah wahyu tentang imamat.

1-5, *Yerusalem Baru dan bait suci akan dibangunkan di Missouri*; 6-17, *Jalinan keimamatan dari Musa ke Adam diberikan*; 18-25, *Imamat yang lebih tinggi memegang kunci pengetahuan Tuhan*; 26-32, *Imamat*

yang lebih rendah memegang kunci pelayanan para malaikat dan perse-diaan Injil; 33-44, *Manusia memperoleh kehidupan kekal melalui sumpah dan perjanjian imamat*; 45-53, *Roh Kristus menerangi manusia,*

83 1a Yak. 1:27.
2a 1 Tim. 5:8.
4a Mosia 4:14.
5a A&P 78:3.

PTS Gudang
Penyimpanan.
6a PTS Balu.
b Mosia 4:16-26;

Hel. 4:11-13;
A&P 42:30-39.
PTS Miskin.

dan dunia berada dalam dosa; 54-61, Para Orang Suci mesti bersaksi tentang hal-hal yang telah mereka terima; 62-76, Mereka mesti mengkhutbahkan Injil, dan tanda-tanda akan menyusuli; 77-91, Para penatua pergi tanpa dompet atau tas, dan Tuhan akan menguruskan keperluan mereka; 92-97, Wabak dan kutukan menunggu mereka yang menolak Injil; 98-102, Lagu baru penebusan Sion diberikan; 103-110, Biarlah setiap orang berdiri pada jawatannya sendiri dan bekerja pada pemanggilannya sendiri; 111-120, Para hamba Tuhan harus memaklumkan kekejian pemusnahan di zaman akhir.

SEBUAH wahyu Yesus Kristus kepada hamba-Nya Joseph Smith Jr. dan enam orang penatua, ketika mereka menyatukan hati mereka dan "mengangkat suara mereka ke syurga.

2 Ya, firman Tuhan mengenai gereja-Nya, ditubuhkan pada zaman akhir untuk "pemulihan umat-Nya, sebagaimana Dia telah firmankan melalui mulut ^bpara nabi-Nya, dan untuk pengumpulan ^cpara orang suci-Nya untuk berdiri di atas ^dGunung Sion, yang akan menjadi kota ^eYerusalem Baru.

3 Yang mana kota itu akan dibina, bermula di bidang tanah ^abait suci, yang ditetapkan oleh jari Tuhan,

di sempadan sebelah barat Negeri Missouri, dan didedikasikan oleh tangan Joseph Smith Jr. dan yang lain-lain iaitu mereka yang Tuhan sangat berkenan.

4 Sesungguhnya inilah firman Tuhan, agar Kota ^aYerusalem Baru harus dibina melalui pengumpulan para orang suci, bermula di tempat ini, bahkan di tempat ^bbait suci, yang mana bait suci itu akan dibina dalam generasi ini.

5 Kerana sesungguhnya generasi ini tidak akan berlalu semuanya sehinggalah sebuah rumah akan dibina bagi Tuhan, dan segumpal awan akan tinggal di atasnya, yang mana awan itu akan menjadi bahkan ^akemuliaan Tuhan, yang akan memenuhi rumah itu.

6 Dan anak-anak lelaki Musa, menurut Imamat Kudus yang dia terima dari ^atangan ayah mertuanya, ^bYitro;

7 Dan Yitro menerimanya dari tangan Kaleb;

8 Dan Kaleb menerimanya dari tangan Elihu;

9 Dan Elihu dari tangan Yeremias;

10 Dan Yeremias dari tangan Gad;

11 Dan Gad di dari tangan Esayas;

12 Dan Esayas menerimanya dari tangan Tuhan.

13 Esayas juga hidup pada masa Abraham, dan diberkati oleh dia—

84 1a PTS Doa.
2a PTS Israel—
Pengumpulan Israel.
b Kis. 3:19-21.
c PTS Orang Suci.
d Yes. 2:2-5; Ibr. 12:22;
Why. 14:1;

A&P 76:66; 84:32;
133:18, 56.
e Eter 13:2-11;
A&P 42:8-9; 45:66-67;
FK 1:10.
PTS Yerusalem Baru.
3a A&P 57:3.

4a PTS Yerusalem Baru.
b PTS Bait Suci, Rumah
Tuhan.
5a A&P 45:67; 64:41-43;
97:15-20; 109:12, 37.
6a PTS Perletakan Tangan.
b PTS Yitro.

14 Yang mana ^aAbraham itu telah menerima imamat dari ^bMelkisedek, yang telah menerimanya melalui garis keturunan nenek moyangnya, bahkan sehingga ^cNuh;

15 Dan dari Nuh sehingga ^aHenokh, melalui garis keturunan nenek moyang mereka;

16 Dan dari Henokh sehinggalah ^aHabel, yang telah dibunuh melalui ^bpakatan jahat abangnya, yang ^cmenerima imamat melalui perintah-perintah Tuhan, melalui tangan bapanya, ^dAdam, yang merupakan manusia pertama—

17 Yang mana ^aimamat itu diteruskan di dalam gereja Tuhan dalam semua generasi, dan adalah tanpa permulaan hari ataupun penghujung tahun.

18 Dan Tuhan menetapkan ^aimamat juga kepada ^bHarun dan benih keturunannya, sepanjang seluruh generasi mereka, yang mana imamat itu juga berterusan dan ^ctinggal selamanya bersama imamat yang adalah menurut tarekat Tuhan yang paling kudus.

19 Dan imamat yang lebih tinggi ini melaksanakan Injil dan memegang kunci ^amisteri-misteri

kerajaan, bahkan kunci ^bpengetahuan Tuhan.

20 Oleh kerana itu, di dalam ^atatacara-tatacaranya, kuasa ketuhanan dinyatakan.

21 Dan tanpa tatacara-tatacaranya, dan ^awewenang imamat, kuasa ketuhanan tidak dinyatakan kepada manusia dalam keadaan daging;

22 Kerana tanpanya tiada ^aseorang pun dapat melihat muka Tuhan, bahkan Bapa, dan hidup.

23 Sekarang, ini ^aMusa dengan jelasnya mengajarkan kepada anak-anak Israel di padang belantara, dan berusaha dengan tekun untuk ^bmenguduskan umatnya agar mereka boleh ^cmelihat muka Tuhan;

24 Tetapi mereka ^amengeraskan hati mereka dan tidak dapat bertahan di dalam hadirat-Nya; oleh kerana itu, Tuhan dalam ^bkemurkaan-Nya, kerana kemarahan-Nya menyala terhadap mereka, bersumpah bahawa mereka tidak akan ^cmasuk ke dalam peristirahatan-Nya semasa di padang belantara, yang mana peristirahatan itu adalah kege-napan kemuliaan-Nya.

25 Oleh kerana itu, Dia meng-

14a prs Abraham.
b prs Melkisedek.
c prs Nuh, Bapa Bangsa dalam Alkitab.
15a prs Henokh.
16a prs Habel.
b Musa 5:29–32.
c A&P 107:40–57.
d prs Adam.
17a Alma 13:1–19;
Abr. 2:9, 11.
prs Imamat Melkisedek.

18a prs Imamat Harun.
b prs Harun, Abang Musa.
c A&P 13.
19a A&P 63:23; 107:18–19.
prs Misteri-misteri Tuhan.
b Abr. 1:2.
20a prs Tatacara-tatacara.
21a prs Imamat;
Wewenang.
22a A&P 67:11.
23a Kel. 19:5–11; 33:11.

b prs Pengudusan.
c Kel. 24:9–11;
A&P 93:1.
24a Kel. 20:18–21; 32:8;
Ul. 9:23;
1 Ne. 17:30–31, 42.
b Mzm. 95:8;
Ibr. 3:8–11;
Yakub 1:7–8;
Alma 12:36.
c Tjs Kel. 34:1–2
(Lampiran);
Bil. 14:23; Ibr. 4:1–11.

ambil ^aMusa dari tengah-tengah mereka, dan juga ^bImamat Kudus;

26 Dan ^aimamat yang lebih rendah diteruskan, yang mana imamat itu memegang ^b kunci ^c pelayanan para malaikat dan persediaan Injil;

27 Yang mana Injil itu adalah Injil ^a pertaubatan dan ^b pembaptisan, dan ^c pengampunan dosa-dosa, dan ^d hukum perintah-perintah ^e badaniah, yang mana Tuhan dalam kemurkaan-Nya menyebabkannya untuk diteruskan bersama bani Harun di kalangan anak-anak Israel sehingga ^f Yohanes, yang Tuhan datangkan, ^g dipenuhi dengan Roh Kudus dari rahim ibunya.

28 Kerana dia telah dibaptiskan semasa dia masih di dalam zaman kanak-kanaknya, dan telah ditahbiskan oleh malaikat Tuhan pada waktu dia berumur lapan hari pada kuasa ini, untuk menumbangkan kerajaan bangsa Yahudi, dan untuk ^a meluruskan jalan Tuhan di hadapan umat-Nya, untuk menyediakan mereka untuk kedatangan Tuhan, yang di dalam tangan-Nya diberikan ^b segala kuasa.

29 Dan lagi, jawatan penatua dan uskup adalah ^a tambahan yang perlu yang termasuk dalam imamat tinggi.

30 Dan lagi, jabatan pengajar dan diaken adalah tambahan yang perlu yang termasuk dalam imamat yang lebih rendah, yang mana imamat itu ditetapkan kepada Harun dan anak-anak lelakinya.

31 Oleh kerana itu, seperti yang Aku firmankan mengenai anak-anak lelaki Musa—kerana anak-anak lelaki Musa dan juga anak-anak lelaki Harun akan mempersembahkan suatu ^a persembahan dan korban yang dapat diterima di dalam rumah Tuhan, yang mana rumah itu akan dibina bagi Tuhan dalam generasi ini, di atas ^b bidang tanah yang telah dibaktikan seperti yang telah Aku tetapkan—

32 Dan anak-anak lelaki Musa dan Harun akan dipenuhi dengan ^a kemuliaan Tuhan, di atas ^b Gunung Sion di dalam rumah Tuhan, kamulah anak-anak lelaki mereka; dan juga banyak yang telah Aku panggil dan utuskan untuk membangunkan ^c gereja-Ku.

33 Kerana barang siapa yang ^a setia untuk menerima dua ^b imamat ini yang telah Aku firmankan tentangnya, dan meningkatkan pemanggilan mereka, ^c dikuduskan oleh Roh bagi memperbaharui tubuh mereka.

25a Ul. 34:1–5.

b prs Imamat
Melkisedek.

26a prs Imamat Harun.

b A&P 13.

c A&P 107:20.

27a prs Bertaubat,
Pertaubatan.

b prs Pembaptisan,
Membaptis.

c prs Pengampunan
Dosa-dosa.

d prs Hukum Musa.

e lbr. 7:11–16.

f prs Yohanes
Pembaptis.

g Luk. 1:15.

28a Yes. 40:3;
Mat. 3:1–3;

Yoh. 1:23.

b Mat. 28:18;
Yoh. 17:2;

1 Ptr. 3:22;

A&P 93:16–17.

29a A&P 107:5.

31a A&P 128:24.

b A&P 57:3.

32a prs Kemuliaan.

b lbr. 12:22;

A&P 76:66; 84:2;
133:56.

c prs Gereja Yesus
Kristus.

33a prs Layak, Kelayakan.

b prs Imamat.

c prs Pengudusan.

34 Mereka menjadi anak-anak lelaki Musa dan Harun dan benih “keturunan ^bAbraham, dan gereja dan kerajaan, dan ^cumat pilihan Tuhan.

35 Dan juga mereka semua yang menerima imamat ini menerima-Ku, firman Tuhan;

36 Kerana dia yang menerima para hamba-Ku “menerima-Ku;

37 Dan dia yang “menerima-Ku menerima Bapa-Ku;

38 Dan dia yang menerima Bapa-Ku menerima kerajaan Bapa-Ku; oleh kerana itu “segala yang Bapa-Ku miliki akan diberikan kepadanya.

39 Dan ini adalah menurut “sumpah dan perjanjian yang termasuk dalam imamat itu.

40 Oleh kerana itu, mereka semua yang menerima imamat, menerima sumpah dan perjanjian Bapa-Ku ini, yang tidak boleh dia langgari, tidak juga ianya boleh dipindahkan.

41 Tetapi barang siapa “melanggar perjanjian ini setelah dia menerimanya, dan berpaling sepe-
nuhnya daripadanya, ^btidak akan memperoleh pengampunan dosa di dunia ini dan juga di dunia yang akan datang.

42 Dan celakalah mereka semua yang tidak datang pada imamat ini yang telah kamu terima, yang Aku sekarang tetapkan ke atas dirimu yang hadir pada hari ini, melalui suara-Ku sendiri dari syurga; dan bahkan telah Aku berikan bala tentera surgawi dan para “malaikat-Ku untuk bertanggung-jawab terhadap kamu.

43 Dan Aku sekarang memberi kepadamu sebuah perintah untuk berhati-hati tentang dirimu sendiri, untuk tekun “mengendahkan firman tentang kehidupan kekal.

44 Kerana kamu harus “hidup dengan setiap firman yang keluar dari mulut Tuhan.

45 Kerana “firman Tuhan adalah kebenaran, dan apa pun yang merupakan ^bkebenaran adalah cahaya, dan apa pun yang terang adalah Roh, bahkan Roh Yesus Kristus.

46 Dan Roh memberikan “cahaya kepada ^bsetiap orang yang datang ke dunia; dan Roh menerangi setiap orang di seluruh dunia, yang mendengar suara Roh.

47 Dan setiap orang yang mendengar suara Roh datang kepada Tuhan, bahkan Bapa.

48 Dan Bapa “mengajarnya ten-

34a Gal. 3:29;
Abr. 2:9–11.
pts Abraham—Benih keturunan Abraham.
b A&P 132:30–32.
pts Perjanjian Abraham.
c pts Umat Pilihan.
36a Mat. 10:40–42;
Luk. 10:16;
A&P 112:20.
37a Yoh. 13:20.
38a Luk. 12:43–44;

Rm. 8:32;
Why. 21:7;
3 Ne. 28:10;
A&P 132:18–20.
pts Permuliaan.
39a pts Sumpah dan Perjanjian Imamat.
41a pts Kemurtadan.
b A&P 76:34–38; 132:27.
42a A&P 84:88.
43a 1 Ne. 15:23–25;
A&P 1:14.
44a Ul. 8:3;

Mat. 4:4;
A&P 98:11.
45a Mzm. 33:4.
pts Firman Tuhan.
b pts Kebenaran.
46a pts Cahaya, Cahaya Kristus;
Hati nurani.
b Yoh. 1:9;
A&P 93:2.
48a pts Ilham,
Mengilhami.

tang ^bperjanjian yang telah Dia perbaharui dan tetapkan ke atas dirimu, yang ditetapkan ke atas dirimu untuk kepentinganmu, dan bukan untuk kepentinganmu saja, tetapi untuk seluruh dunia.

49 Dan seluruh “dunia berada dalam dosa, dan merintah di dalam ^bkegelapan dan di dalam belunggu dosa.

50 Dan dengan ini kamu boleh mengetahui mereka berada di dalam “belunggu ^bdosa, kerana mereka tidak datang kepada-Ku.

51 Kerana barang siapa tidak datang kepada-Ku berada di dalam belunggu dosa.

52 Dan barang siapa tidak menerima suara-Ku tidak mengenali “suara-Ku, dan bukanlah daripada-Ku.

53 Dan dengan ini kamu boleh mengetahui yang soleh dari yang jahat, dan bahawa seluruh “dunia ^bmerintah di dalam ‘dosa dan kegelapan bahkan sekarang.

54 Dan fikiranmu pada waktu-waktu yang lalu telah digelapkan disebabkan “ketidakpercayaan, dan kerana kamu telah memandang remeh hal-hal yang telah kamu terima—

55 Yang mana “kesombongan dan ketidakpercayaan telah membawa seluruh gereja ke dalam penghukuman.

56 Dan penghukuman ini berada di atas anak-anak Sion, bahkan kesemuanya.

57 Dan mereka akan tetap berada di dalam penghukuman ini sehingga mereka bertaubat dan mengingati “perjanjian yang baru, bahkan ^bKitab Mormon dan perintah-perintah ‘terdahulu yang telah Aku berikan kepada mereka, bukan hanya untuk mengatakannya, tetapi untuk “melakukannya menurut apa yang telah Aku tuliskan—

58 Agar mereka boleh menghasilkan buah yang layak untuk kerajaan Bapa mereka; jika tidak akan tetap ada pencambukan dan penghakiman untuk dicurahkan ke atas anak-anak Sion.

59 Kerana adakah anak-anak kerajaan akan mencemari tanah kudus-Ku? Sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, Tidak.

60 Sesungguh-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu yang sekarang mendengar “firman-Ku, yang merupakan suara-Ku, diberkatilah kamu sejauh kamu menerima hal-hal ini;

61 Kerana Aku akan “mengampunimu dari dosa-dosamu dengan perintah ini—agar kamu tetap tabah dalam fikiranmu dalam ^bkekhusyukan dan roh doa, dalam memberikan kesaksian kepada

48 *b* prs Perjanjian;
Perjanjian yang Baru
dan Kekal.

49 *a* 1 Yoh. 5:19.

b prs Kegelapan Rohani.

50 *a* Gal. 4:9.

b prs Dosa.

52 *a* Yoh. 10:27.

53 *a* prs Dunia.

b Rm. 8:22;

Musa 7:48.

c prs Keduniaan.

54 *a* prs Ketidakpercayaan.

55 *a* prs Sia-sia,

Kesia-siaan.

57 *a* Yer. 31:31–34.

b prs Kitab Mormon.

c 1 Ne. 13:40–41.

d Yak. 1:22–25;

A&P 42:13–15.

60 *a* A&P 18:34–36.

61 *a* Dan. 9:9.

prs Mengampuni.

b A&P 43:34; 88:121;
100:7.

seluruh dunia tentang hal-hal itu yang telah disampaikan kepadamu.

62 Oleh kerana itu, "pergilah kamu ke seluruh dunia; dan ke mana pun tempat yang kamu tidak dapat pergi kamu haruslah ke sana, agar kesaksian itu boleh pergi daripada dirimu ke seluruh dunia kepada setiap makhluk.

63 Dan seperti yang Aku firmankan kepada "para rasul-Ku, demikian juga Aku berfirman kepadamu, kerana kamu adalah para rasul-Ku, bahkan imam tinggi Tuhan; kamu adalah mereka yang telah Bapa-Ku ^bberikan kepada-Ku; kamu adalah "teman-teman-Ku;

64 Oleh kerana itu, seperti yang Aku firmankan kepada para rasul-Ku Aku berfirman kepadamu lagi, bahawa setiap "jiwa yang ^bpercaya pada perkataanmu, dan dibaptiskan dengan air untuk "pengampunan dosa-dosa, akan menerima "Roh Kudus.

65 Dan "tanda-tanda ini akan mengikutinya mereka yang percaya—

66 Dalam nama-Ku mereka akan melakukan banyak pekerjaan yang "menakjubkan;

67 Dalam "nama-Ku mereka akan mengusir iblis;

68 Dalam nama-Ku mereka akan "menyembuhkan yang sakit;

69 Dalam nama-Ku mereka akan membuka mata orang yang buta, dan menyembuhkan telinga orang yang tuli;

70 Dan lidah orang yang bisu akan berbicara;

71 Dan jika sesiapa pun yang akan memberikan "racun kepada mereka ia tidak akan menyakiti mereka;

72 Dan racun seekor ular tidak akan memiliki kuasa untuk membahayakan mereka.

73 Tetapi sebuah perintah Aku berikan kepada mereka, agar mereka tidak akan "bermegah akan diri mereka tentang hal-hal ini, tidak juga membicarakannya di hadapan dunia; kerana hal-hal ini diberikan kepadamu untuk keuntunganmu dan untuk keselamatan.

74 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, mereka yang tidak percaya pada perkataanmu, dan tidak "dibaptiskan di dalam air dalam nama-Ku, untuk pengampunan dosa-dosa mereka, agar mereka boleh menerima Roh Kudus, akan ^bdilaknati, dan tidak akan datang ke dalam kerajaan Bapa-Ku di mana Bapa-Ku dan Aku berada.

75 Dan wahyu ini kepadamu, dan perintah, berkuatkuasa tepat dari

62a Mrk. 16:15;
A&P 1:2-5.
pts Pekerjaan
Penginjilan.

63a pts Rasul.
b 3 Ne. 15:24;
A&P 50:41-42.
c Yoh. 15:13-15;
A&P 93:45.

64a pts Jiwa.
b Mrk. 16:15-16.
pts Kepercayaan,

Percaya.
c pts Pengampunan
Dosa-dosa.
d pts Kurnia Roh
Kudus.

65a Mrk. 16:17-18.
pts Tanda.
66a pts Pekerjaan-
pekerjaan.
67a Mat. 17:14-21.
68a pts Sembuh,
Penyembuhan.

71a Mrk. 16:18;
Kis. 28:3-9;
A&P 24:13; 124:98-100.

73a A&P 105:24.
pts Keangkuhan.

74a 2 Ne. 9:23;
A&P 76:50-52.
pts Pembaptisan,
Membaptis—
Kepentingan.
b Yoh. 3:18.

waktu ini ke atas seluruh dunia, dan Injil adalah bagi semua yang belum menerimanya.

76 Tetapi, sesungguhnya Aku berfirman kepada mereka semua kepada mereka kerajaan telah dibagikan—daripada kamu ianya mesti dikhutbahkan kepada mereka, agar mereka akan bertaubat dari pekerjaan jahat mereka yang terdahulu; kerana mereka mesti ditegur kerana hati ketidakpercayaan mereka yang jahat, dan saudara-saudaramu di Sion kerana pemberontakan mereka terhadapmu pada waktu Aku mengutusmu.

77 Dan lagi Aku berfirman kepadamu, teman-teman-Ku, kerana sejak dari sekarang Aku akan memanggilmu teman, adalah perlu bahawa Aku memberi kepadamu perintah ini, agar kamu menjadi bahkan seperti teman-Ku pada masa ketika Aku bersama mereka, melakukan perjalanan untuk mengkhutbahkan Injil dalam kuasa-Ku;

78 Kerana Aku tidak membiarkan mereka untuk memiliki ^adompet atau tas, tidak juga dua helai baju.

79 Lihatlah, Aku mengutusmu keluar untuk menguji dunia, dan pekerja layak menerima ^aupahnya.

80 Dan sesiapa pun yang akan pergi dan ^amengkhutbahkan ^bInjil kerajaan ini, dan tidak gagal untuk

terus setia dalam segala hal, tidak akan letih dalam fikiran, tidak juga digelapkan, tidak juga dalam tubuh, tulang sendi; dan sehelai ^crambut kepalanya tidak akan jatuh ke tanah tanpa diketahui. Dan mereka tidak akan lapar, tidak juga dahaga.

81 Oleh kerana itu, janganlah kamu ^amemikirkan tentang keesokan hari, tentang apa yang akan kamu makan, atau apa yang akan kamu minum, atau dengan apa kamu akan berpakaian.

82 Kerana, perhatikanlah bunga teratai di ladang, bagaimana ia tumbuh, tidak membanting tulang, tidak juga menenun; dan kerajaan-kerajaan dunia, dalam segala kemuliaannya, tidak seindah seperti salah satunya ini.

83 Kerana ^aBapamu, yang berada di dalam syurga, ^bmengetahui bahawa kamu memerlukan hal-hal ini.

84 Oleh kerana itu, biarlah hari esok ^amemikirkan tentang halnya sendiri.

85 Jangan juga kamu memikirkan ^aapa yang harus kamu katakan sebelumnya; tetapi ^bsimpanlah baik-baik dalam fikiranmu secara berterusan firman kehidupan, dan akan ^cdiberikan kepadamu pada jam yang tepat bahagian itu yang akan dibagikan kepada setiap orang.

78^a Mat. 10:9–10;
A&P 24:18.

79^a A&P 31:5.

80^a prs Pekerjaan
Penginjilan.

^b prs Injil.

^c Luk. 21:18.

81^a Mat. 6:25–28.

83^a prs Bapa di Syurga.

^b Mat. 6:8.

84^a Mat. 6:34.

85^a Mat. 10:19–20;

Luk. 12:11–12;

A&P 100:6.

^b 2 Ne. 31:20;

Alma 17:2–3;

A&P 6:20; 11:21–26.

prs Merenungkan.

^c prs Ajar, Pengajar—
Mengajar dengan Roh
Kudus.

86 Oleh kerana itu, janganlah biarkan seorang pun di antara kamu, kerana perintah ini adalah bagi semua yang “setia yang dipanggil oleh Tuhan di dalam gereja pada pelayanan, dari saat ini mengambil dompet atau tas, yang pergi untuk memaklumkan Injil kerajaan ini.

87 Lihatlah, Aku “mengutusmu keluar untuk menegur dunia tentang semua perbuatan mereka yang tidak soleh, dan untuk mengajarkan mereka tentang penghakiman yang akan datang.

88 Dan barang siapa “menerimamu, di sana Aku akan berada juga, kerana Aku akan pergi di hadapan mukamu. Aku akan berada di kanan dan kirimu, dan Roh-Ku akan berada dalam hatimu, dan ^bpara malaikat-Ku di sekelilingmu, untuk menyokongmu.

89 Barang siapa menerimamu menerima-Ku; dan orang yang sama akan memberimu makan, dan mengenakan pakaian kepadamu, dan memberimu wang.

90 Dan dia yang memberimu makan, atau mengenakan pakaian kepadamu, atau memberimu wang, walau bagaimanapun tidak akan “kehilangan ganjarannya.

91 Dan dia yang tidak melakukan hal-hal ini bukanlah pengikut-Ku; dengan ini kamu boleh mengenali “para pengikut-Ku.

92 Dia yang tidak menerimamu, pergilah daripadanya seorang diri saja, dan “bersihkanlah kakimu bahkan dengan air, air yang murni, sama ada di dalam panas atau sejuk, dan berikanlah kesaksian terhadapnya kepada Bapamu yang berada di dalam syurga, dan janganlah kembali lagi kepada orang itu.

93 Dan di desa atau kota mana pun yang kamu masuki, lakukanlah sedemikian juga.

94 Walaupun demikian, carilah dengan tekun dan janganlah menahan diri; dan celakalah rumah itu, atau desa atau kota itu yang menolakmu, atau perkataanmu, atau kesaksianmu mengenai Aku.

95 Celakalah, Aku berfirman lagi, pada rumah itu, atau desa atau kota itu yang menolakmu, atau perkataanmu, atau kesaksianmu mengenai Aku;

96 Kerana Aku, Yang “Maha Kuasa, telah meletakkan tangan-Ku ke atas bangsa-bangsa, untuk ^bmencambuk mereka kerana “kejahatan mereka.

97 Dan wabak akan menular, dan tidak akan diambil dari bumi sehingga Aku telah menyelesaikan pekerjaan-Ku, yang akan “disingkatkan dalam kebenaran—

98 Sehingga semua akan mengenali-Ku, yang tetap tinggal, bahkan dari yang terkecil sehingga yang terbesar, dan akan dipe-

86a Mat. 24:44–46;
A&P 58:26–29;
107:99–100.

87a PTS Pekerjaan
Peningjilan.

88a Mat. 10:40;

Yoh. 13:20.

b A&P 84:42.

PTS Malaikat-malaikat.

90a Mat. 10:42;

Mrk. 9:41.

91a Yoh. 13:35.

92a Mat. 10:14; Luk. 9:5;
A&P 60:15.

96a PTS Maha Kuasa.

b A&P 1:13–14.

c PTS Jahat, kejahatan.

97a Mat. 24:22.

nuhi dengan pengetahuan tentang Tuhan, dan akan "melihat dengan mata kepala sendiri, dan akan mengangkat suara mereka, dan dengan suara bersama ^bmenyanyikan lagu baru ini, mengatakan:

99 Tuhan telah membawa Sion kembali;

Tuhan telah ^amenebus umat-Nya, ^bIsrael,

Menurut ^cpemilihan ^drahmat, Yang telah dilaksanakan dengan iman

Dan ^eperjanjian nenek moyang mereka.

100 Tuhan telah menebus umat-Nya;

Dan Setan ^adiikat dan waktunya tidak ada lagi.

Tuhan telah mengumpulkan segala hal menjadi ^bsatu.

Tuhan telah membawa ^cSion turun dari atas.

Tuhan telah ^dmembawa Sion naik dari bawah.

101 "Bumi telah melahirkan dan menunjukkan kekuatannya;

Dan kebenaran ditegakkan dalam sanubarinya;

Dan syurga tersenyum kepadanya;

Dan dia dikenakan ^bkemuliaan Tuhannya;

Kerana Dia berdiri di tengah-tengah umat-Nya.

102 Kemuliaan, dan kehormatan, dan kuasa, dan daya,

Diberikan kepada Tuhan kita; kerana Dia penuh dengan ^abelas kasihan,

Keadilan, kerahmatan dan kebenaran, dan ^bkedamaian,

Selama-lamanya, Amin.

103 Dan lagi, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, adalah perlu bahawa setiap orang yang pergi untuk memaklumkan Injil kekal-Ku, bahawa sejauh mereka memiliki keluarga, dan menerima wang sebagai pemberian, bahawa mereka haruslah mengirimbkannya kepada mereka atau menggunakannya demi manfaat mereka, sebagaimana Tuhan akan arahkan mereka, kerana demikianlah kelihatannya baik bagi-Ku.

104 Dan biarlah mereka semua yang tidak memiliki keluarga, yang menerima ^awang, mengirimbkannya kepada uskup di Sion, atau kepada uskup di Ohio, agar boleh dibaktikan untuk membawakan wahyu-wahyu dan pencetakannya, dan untuk menegakkan Sion.

105 Dan jika sesiapa pun akan memberikan kepada sesiapa pun daripadamu sehelai jubah, atau sehelai baju, ambillah yang lama dan berikanlah ia kepada yang ^amiskin, dan pergilah dengan bersukacita.

106 Dan jika sesiapa pun di

98a Yes. 52:8.

b Mzm. 96:1; Why. 15:3; A&P 25:12; 133:56.

pts Nyanyi.

99a Why. 5:9; A&P 43:29.

b pts Israel.

c pts Pemilihan.

d pts Rahmat.

e pts Perjanjian Abraham.

100a Why. 20:2-3;

A&P 43:31; 45:55; 88:110.

b Ef. 1:10; A&P 27:13.

c A&P 45:11-14;

Musa 7:62-64.

pts Sion.

d A&P 76:102; 88:96.

101a pts Bumi.

b pts Kemuliaan.

102a pts Belas Kasihan, Berbelas Kasihan.

b pts Kedamaian.

104a A&P 51:8-9, 12-13.

105a pts Miskin—Miskin dalam harta benda.

antara kamu kuat di dalam Roh, biarlah dia "mengambil bersamanya dia yang lemah, agar dia boleh diteguhkan dalam segala ^bkelembutan hati, agar dia boleh menjadi kuat juga.

107 Oleh kerana itu, ambillah bersamamu mereka yang ditahbisakan pada "imamat yang lebih rendah, dan utuslah mereka sebelum kamu untuk membuat temu janji, dan untuk menyediakan jalan, dan untuk memenuhi janji yang kamu sendiri tidak mampu penuhi.

108 Lihatlah, inilah cara bagaimana para rasul-Ku, pada zaman dahulu, membangunkan gereja-Ku bagi-Ku.

109 Oleh kerana itu, biarlah setiap orang berdiri pada jawatannya sendiri, dan bekerja pada pemanggilannya sendiri; dan janganlah biarkan kepala berkata kepada kaki bahawa ia tidak memerlukan kaki; kerana tanpa kaki bagaimana tubuh akan mampu berdiri?

110 Juga tubuh memerlukan setiap "anggota, agar semuanya boleh diteguhkan bersama, agar sistemnya boleh dikekalkan sempurna.

111 Dan lihatlah, "imam tinggi harus melakukan perjalanan, dan juga para penatua, dan juga ^bimam yang lebih rendah; tetapi ^cdiaken dan ^dpengajar haruslah ditetapkan untuk ^emengawasi gereja, untuk

menjadi pelayan rohani yang tetap bagi gereja.

112 Dan uskup, Newel K. Whitney, juga harus melakukan perjalanan ke sekitarnya dan ke kalangan semua jemaah gereja, mencari yang miskin untuk "melayani keinginan mereka dengan ^bmerendahkan hati yang kaya dan yang sombong.

113 Dia juga harus menggaji seorang "wakil untuk bertanggungjawab dan melakukan urusan duniawinya sebagaimana yang dia akan arahkan.

114 Walaupun demikian, biarlah uskup pergi ke Kota New York, juga ke Kota Albany, dan juga ke Kota Boston, dan memperingatkan orang-orang di kota-kota itu dengan suara Injil, dengan suara kuat, tentang "kemusnahan dan penghapusan menyeluruh yang menunggu mereka jika mereka menolak hal-hal ini.

115 Kerana jika mereka menolak hal-hal ini masa penghakiman mereka sudah dekat, dan rumah mereka akan ditinggalkan "musnah terlantar.

116 Biarlah dia "percaya kepada-Ku dan dia tidak ^bdikelirukan; dan sehelai "rambut dari kepalanya tidak akan jatuh ke tanah tanpa diketahui.

117 Dan sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, dari para

106a pts Bersahabat.
b pts Lembut Hati,
Kelembutan Hati.
107a pts Imamat Harun.
110a 1 Kor. 12:12-23.
111a pts Imam Tinggi.
b pts Imam, Imamat
Harun.

c pts Diaken.
d pts Pengajar,
Imamat Harun.
e pts Berjaga,
Para Penjaga.
112a pts Kebajikan.
b A&P 56:16.
113a A&P 90:22.

114a A&P 1:13-14.
115a Luk. 13:35.
116a pts Mempercayai.
b Mzm. 22:5;
1 Ptr. 2:6.
c Mat. 10:29-31.

hamba-Ku yang selebihnya, pergilah kamu sebagaimana keadaanmu mengizinkan, dalam beberapa pemanggilanmu, ke kota-kota dan desa-desa yang besar dan terkenal, menegur dunia dalam kesolehan tentang segala perbuatan mereka yang tidak soleh dan fasiq, menyatakannya dengan jelas dan dengan pengertian pemusnahan kekejian pada zaman akhir.

118 Kerana, bersamamu firman Tuhan Yang Maha Kuasa, Aku akan "mengoyakkan kerajaan-kerajaan mereka; Aku bukan sahaja akan

^bmenggoncangkan tanah, tetapi langit yang berbintang akan bergetar.

119 Kerana Aku, Tuhan, telah menghulurkan tangan-Ku untuk mengerahkan kuasa syurga; kamu tidak dapat melihatnya sekarang, tetapi tidak lama lagi dan kamu akan melihatnya, dan mengetahui bahawa Aku ada, dan bahawa Aku akan "datang dan ^bmemerintahkan bersama umat-Ku.

120 Aku adalah "Alfa dan Omega, yang awal dan yang akhir. Amin.

BAHAGIAN 85

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 27 November 1832. Bahagian ini adalah petikan dari sepucuk surat Nabi kepada William. W. Phelps, yang tinggal di Independence, Missouri. Ia menjawab pertanyaan-pertanyaan tentang para Orang Suci yang telah berpindah ke Sion tetapi belum mengikuti perintah untuk membaptiskan harta-harta dan demikian belum menerima warisan mereka menurut aturan yang ditegakkan di dalam Gereja.

1–5, Warisan-warisan di Sion diterima melalui pembaptisan; 6–12, Seseorang yang perkasa dan kuat akan memberikan kepada para Orang Suci warisan mereka di Sion.

ADALAH menjadi kewajipan kerani Tuhan, yang telah Dia lantik, untuk menyimpan sejarah, dan "catatan umum gereja tentang segala hal yang terjadi di Sion, dan tentang

mereka semua yang ^bmembaptiskan harta, dan menerima warisan secara sah daripada uskup;

2 Dan juga cara hidup mereka, iman, dan pekerjaan mereka; dan juga tentang orang-orang yang murtad selepas menerima warisan mereka.

3 Adalah bertentangan dengan kehendak dan perintah Tuhan bahawa mereka yang tidak mene-

118a Dan. 2:44–45.

^b Yl. 2:10;

A&P 43:18; 45:33, 48;
88:87, 90.

PTS Hari-hari Terakhir,
Zaman Akhir;

Tanda-tanda Zaman
Akhir.

119a A&P 1:12, 35–36;
29:9–11; 45:59.

PTS Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.

^b pts Zaman Seribu
Tahun.

120a pts Alfa dan Omega.
85 1a A&P 21:1; 47:1;
69:3–6.

^b A&P 42:30–35.

rima warisan mereka melalui "pembaktian, selaras dengan hukum-Nya, yang telah Dia berikan, agar Dia boleh melaksanakan ^bpersepuluhan terhadap umat-Nya, untuk menyediakan mereka menghadapi hari "pembalasan dan pembakaran, untuk mendapati nama mereka terdaftar bersama umat Tuhan.

4 Tidak juga salasilah mereka disimpan, atau ditempatkan di mana ia boleh ditemui pada apa pun catatan atau sejarah gereja.

5 Nama mereka tidak akan ditemui, tiada juga nama nenek moyang, tiada juga nama anak-anak tertulis dalam "kitab hukum Tuhan, firman Tuhan Semesta Alam.

6 Ya, demikianlah kata "suara kecil yang lembut, yang berbisik melalui dan ^bmenusuk segala sesuatu, dan sering kali membuatkan tulang-tulangku bergegar semasa ia menyatakan dirinya, memfirmankan:

7 Dan akan terjadilah bahawa Aku, Tuhan Raja, akan mengutuskan seseorang yang perkasa dan kuat, memegang cokmar kekuasaan dalam tangannya, dibaluti cahaya sebagai pelindung, yang mulutnya akan menyuarakan perkataan, perkataan-perkataan abadi; sementara sanubarinya akan menjadi sumber kebenaran,

untuk mengaturkan rumah Tuhan, dan untuk menyusun warisan para Orang Suci yang namanya ditemui menurut bidang, dan nama nenek moyang mereka, dan anak-anak mereka, terdaftar di dalam kitab hukum Tuhan.

8 Sementara orang itu, yang dipanggil oleh Tuhan dan ditetapkan, yang menghulurkan tangannya untuk menahan "tabut Tuhan, akan dijatuhkan oleh panah kematian, bagaikan sebatang pokok yang disambar oleh panahan kilat yang benderang.

9 Dan mereka semua yang tidak didapati tertulis di dalam "kitab kenangan tidak akan mendapatkan apapun warisan pada hari itu, tetapi mereka akan dihukum, dan mereka akan ditetapkan di kalangan orang-orang yang tidak percaya, di mana terdapatnya ^bratapan dan kertakan gigi.

10 Hal-hal ini bukan aku katakan daripada diriku sendiri; oleh kerana itu, sebagaimana Tuhan firmankan, Dia juga akan menggenapi.

11 Dan mereka yang dari Imamat Tinggi, yang nama-namanya tidak didapati tertulis di dalam "kitab hukum, atau yang didapati telah ^bmurtad, atau telah "disingkirkan dari gereja, seperti juga imamat yang lebih rendah, atau para anggota, pada hari itu tidak akan

3a pts Membaktikan,
Hukum Kebaktian.

b pts Sepersepuhan,
Persepuhan.

c Mal. 3:10-11, 17;
A&P 97:25-26.

5a pts Kitab Kehidupan.

6a 1 Raj. 19:11-12;
Hel. 5:30-31;
3 Ne. 11:3-7.

b Ibr. 4:12.

8a 2 Sam. 6:6-7;
1 Taw. 13:9-10.

pts Tabut Perjanjian.

9a 3 Ne. 24:16;

Musa 6:5-6.

pts Kitab Kenangan.

b A&P 19:5.

11a pts Kitab Kehidupan.

b pts Kemurtadan.

c pts Penyingkiran.

mendapatkan warisan di kalangan para orang suci Yang Maha Tinggi; 12 Oleh kerana itu, ia akan dilakukannya kepada mereka seperti

kepada anak-anak imam, seperti yang akan ditemui tercatat di dalam bab kedua Ezra dan ayat keenam puluh satu dan dua.

BAHAGIAN 86

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 6 Disember 1832. Wahyu ini diterima semasa Nabi sedang mengkaji semula dan menyunting naskah terjemahan Alkitab.

1–7, Tuhan memberikan maksud perumpamaan tentang gandum dan lalang; 8–11, Dia menjelaskan berkat-berkat imamat kepada mereka yang merupakan para pewaris sah menurut darah daging.

SESUNGGUHNYA, demikianlah firman Tuhan kepadamu para hamba-Ku, mengenai “perumpamaan tentang gandum dan lalang:

2 Lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman, ladang adalah dunia, dan para rasul adalah penabur benih;

3 Dan selepas mereka tertidur penganiaya besar gereja, orang murtad, pelacur, bahkan “Babilon, yang membuatkan semua bangsa minum dari cawannya, yang berada di dalam hatinya si musuh, bahkan Setan, duduk untuk memerintah—lihatlah dia menabur lalang; kerana itu, lalang menghimpit gandum dan menghalau ^bgereja ke padang belantara.

4 Tetapi lihatlah, pada “zaman terakhir, bahkan sekarang sementara

Tuhan mula untuk membawakan firman, dan daunnya tumbuh dan masih lembut—

5 Lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, “para malai-
kat berseru kepada Tuhan siang dan malam, yang bersedia dan menunggu untuk diutuskan untuk ^bmenuai ladang;

6 Tetapi Tuhan berfirman kepada mereka, janganlah mencabut lalang semasa daunnya masih lembut (kerana sesungguhnya imanmu lemah), agar jangan kamu menghancurkan gandumnya juga.

7 Oleh kerana itu, biarlah gandum dan lalang tumbuh bersama sehingga tuaian matang sepenuhnya; kemudian pertama-tama kamu harus mengumpulkan gandum di kalangan lalang, dan selepas pengumpulan gandum, lihat dan tengoklah, lalang diikat di dalam berkas-berkas, dan ladang itu tinggal untuk dibakar.

8 Oleh kerana itu, demikianlah firman Tuhan kepadamu, dengan siapa “imamat telah

86 1a Mat. 13:6–43;
A&P 101:64–67.

3a Why. 17:1–9.
PTS Babel, Babilon.

b Why. 12:6, 14.

4a prs Hari-hari Terakhir,
Zaman Akhir.
5a A&P 38:12.

b prs Penuaian.
8a A&P 113:8.
prs Imamat
Melkisedek.

diteruskan melalui keturunan nenek moyangmu—

9 Kerana kamu ialah ^apara pewaris sah, menurut darah daging, dan telah ^bdisembunyikan dari dunia bersama Kristus di dalam Tuhan—

10 Oleh kerana itu kehidupanmu dan imamat tetap tinggal, dan haruslah tetap tinggal melalui kamu dan keturunanmu sehingga ^apemulihan segala hal yang dibi-

carakan oleh mulut semua nabi kudus sejak dunia bermula.

11 Oleh kerana itu, diberkati-lah kamu jika kamu meneruskan dalam kebaikan-Ku, suatu ^acahaya bagi bangsa bukan Israel, dan melalui imamat ini, seorang penyelamat bagi umat-Ku ^bIsrael. Tuhan telah memfirmankannya. Amin.

BAHAGIAN 87

Wahyu dan nubuat tentang peperangan, diberikan melalui Nabi Joseph Smith, pada atau berdekatan Kirtland, Ohio, 25 Disember 1832. Pada masa ini, perbantahan di Amerika Syarikat tentang perhambaan dan pembatalan tarif persekutuan tersebar luas. Sejarah Joseph Smith menyatakan bahawa “munculnya kesusahan antara bangsa-bangsa” semakin “lebih kelihatan” kepada Nabi “berbanding dengan sebelum ini sejak Gereja telah mula perjalanan keluar dari padang belantara.”

1–4, *Peperangan diramalkan di antara Negeri-negeri Utara dan Negeri-negeri Selatan; 5–8, Mala-petaka besar akan jatuh ke atas seluruh penduduk bumi.*

SESUNGGUHNYA, demikianlah firman Tuhan tentang peperangan yang akan terjadi tidak lama lagi, bermula dengan pemberontakan ^aSouth Carolina, yang pada akhirnya akan disudahi dengan kematian dan kegetiran banyak jiwa;

2 Dan waktunya akan datang bahawa ^aperang akan dicurahkan

ke atas semua bangsa, bermula di tempat ini.

3 Kerana lihatlah, Negeri-negeri Selatan akan terbahagi melawan Negeri-negeri Utara, dan Negeri-negeri Selatan akan meminta kepada bangsa-bangsa lain, bahkan bangsa Great Britain, seperti mana ia dipanggil, dan mereka akan juga meminta kepada bangsa-bangsa lain, supaya mempertahankan mereka menentang bangsa-bangsa lain; dan kemudian ^apeperangan akan dicurahkan ke atas semua bangsa.

4 Dan akan terjadi, selepas

9a Abr. 2:9–11.
pts Perjanjian
Abraham.
b Yes. 49:2–3.
10a Kis. 3:19–21.

pts Pemulihan Injil.
11a Yes. 49:6.
b A&P 109:59–67.
87 1a A&P 130:12–13.
2a Yl. 3:9–16;

Mat. 24:6–7;
A&P 45:26, 63; 63:33.
3a A&P 45:68–69.

berhari-hari, “para hamba akan bangkit melawan tuan mereka, yang akan dikerahkan dan dilatih untuk berperang.

5 Dan akan terjadi juga bahawa selebihnya yang tinggal di negeri ini akan mengerahkan diri mereka, dan akan menjadi amat marah, dan akan menyengsarakan bangsa bukan Israel dengan kesengsaraan yang parah.

6 Dan demikianlah, dengan pedang dan melalui pertumpahan darah para penduduk bumi akan “berduka nestapa; dan dengan bencana ^bkebuluran, dan wabak penyakit, dan gempa bumi, dan guntur di langit, dan kilat yang dahsyat dan benderang juga, para

penduduk bumi akan merasakan kemurkaan, dan kemarahan, dan tangan yang “menghukum daripada seorang Tuhan Yang Maha Kuasa, sehingga kehancuran yang telah ditetapkan telah “mengakhiri semua bangsa sepenuhnya;

7 Agar seruan daripada para orang suci, dan “darah para orang suci, akan berhenti naik ke dalam telinga Tuhan ^bSabaot, dari bumi, untuk menuntut bela kepada musuh mereka.

8 Kerana itu, “berdirilah kamu di tempat-tempat kudus, dan janganlah goyah, sehingga hari Tuhan datang; kerana lihatlah, ianya datang dengan ^bcepat, firman Tuhan. Amin.

BAHAGIAN 88

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith di Kirtland, Ohio, 27 dan 28 Disember 1832 dan 3 Januari 1833. Nabi mengelarnya sebagai “‘daun zaitun’ . . . dipetik dari Pokok Firdaus, pesanan kedamaian Tuhan kepada kita” Wahyu ini diberikan setelah imam tinggi berdoa di sebuah persidangan “secara perseorangan dan bersuara kepada Tuhan untuk mendedahkan kehendaknya kepada mereka berkaitan dengan pembangunan Sion.”

1–5, Para Orang Suci yang setia menerima Penolong itu, yang merupakan janji kehidupan abadi; 6–13, Segala hal dikendalikan dan diatur melalui Cahaya Kristus; 14–16, Kebangkitan datang melalui Penebusan; 17–31, Kepatuhan pada hukum selestial, terestrial, atau telestial menyediakan manusia

untuk kerajaan dan kemuliaan masing-masing; 32–35, Mereka yang ingin tetap tinggal dalam dosa akan tetap kotor; 36–41, Semua kerajaan diatur melalui hukum; 42–45, Tuhan telah memberikan sebuah hukum bagi segala semua hal; 46–50, Manusia akan memahami bakan Tuhan; 51–61, Perumpamaan

4a A&P 134:12.

6a A&P 29:14–21; 45:49.

b JS—M 1:29.

c PTS Tegur, Menegur.

d PTS Dunia—Akhir dunia.

7a Eter 8:22–24.

b Yak. 5:4;

A&P 88:2; 95:7.

8a Mat. 24:15;

A&P 45:32; 101:21–22.

b Why. 3:11.

tentang orang yang mengutus para orang suruhannya ke ladang dan mengunjungi mereka secara bergilir; 62-73, Dekatilah kepada Tuhan, dan kamu akan melihat muka-Nya; 74-80, Kuduskanlah dirimu dan saling mengajar ajaran-ajaran dari kerajaan; 81-85, Setiap orang yang telah diperingatkan harus memperingatkan jirannya; 86-94, Tanda-tanda, pergolakkan unsur-unsur bumi, dan para malaikat menyediakan jalan bagi kedatangan Tuhan; 95-102, Sangkakala malaikat memanggil yang mati dalam urutan mereka; 103-116, Sangkakala malaikat memaklumkan pemulihan Injil, kejatuhan Babilon, dan pertempuran Tuhan yang besar; 117-126, Carilah pembelajaran, tubuhkanlah sebuah rumah Tuhan (sebuah bait suci), dan kenakanlah pada dirimu ikatan kasih ihsan; 127-141, Aturan Sekolah Para Nabi dinyatakan, termasuk tatacara pembasuhan kaki.

SESUNGGUHNYA, demikianlah firman Tuhan kepadamu yang telah berhimpun bersama untuk menerima kehendak-Nya terhadap kamu:

2 Lihatlah, ini menyenangkan Tuhanmu, dan para malaikat "bersukacita ke atas kamu; ^bsedekah dari doa-doamu telah naik ke dalam telinga Tuhan ^cSabaot, dan

dicatatkan dalam ^dkitab nama yang dikuduskan, bahkan mereka yang dari dunia selestial.

3 Kerana itu, Aku sekarang mengutus kepada dirimu "Penolong yang lain, bahkan kepada kamu teman-teman-Ku, agar Dia boleh tinggal dalam hatimu, bahkan ^bRoh Kudus perjanjian; yang mana Penolong itu adalah yang sama yang Aku janjikan kepada para pengikut-Ku, seperti yang dicatat dalam kesaksian Yohanes.

4 Penolong ini adalah janji yang Aku berikan kepadamu akan "kehidupan abadi, bahkan ^bkemuliaan kerajaan selestial.

5 Yang mana kemuliaan itu adalah kemuliaan gereja "Putera Sulung, bahkan daripada Tuhan, yang paling kudus dari segalanya, melalui Yesus Kristus Putera-Nya—

6 "Dia yang naik ke syurga, seperti juga Dia telah ^bturun di bawah segalanya, dimana Dia "memahami segalanya, agar Dia boleh berada dalam segalanya dan melalui segalanya, ^acahaya kebenaran;

7 Yang mana kebenaran itu bersinar. Inilah ^acahaya Kristus. Seperti juga Dia berada di matahari, dan cahaya matahari, dan dengan kuasa itulah ia telah ^bdijadikan.

88 2a Luk. 15:10.
b Kis. 10:1-4.
pts Doa.
c Yak. 5:4; A&P 95:7.
d pts Kitab Kehidupan.
3a Yoh. 14:16.
b A&P 76:53.
pts Roh Kudus Perjanjian.

4a A&P 14:7.
b pts Kemuliaan Selestial.
5a pts Anak sulung.
6a pts Yesus Kristus.
b A&P 122:8.
pts Menebus, Korban Tebusan.
c pts Maha Mengetahui.

d A&P 93:2, 8-39.
pts Cahaya, Cahaya Kristus; Kebenaran.
7a Moro. 7:15-19;
A&P 84:45.
b Kej. 1:16.
pts Mencipta, Penciptaan.

8 Seperti juga Dia berada di bulan, dan merupakan cahaya bulan, dan dengan kuasa itulah ia dijadikan;

9 Seperti juga cahaya dari bintang-bintang, dan dengan kuasa itulah ia dijadikan;

10 Dan juga bumi, dan dengan kuasa itulah, bahkan bumi yang kamu ^aberdiri di atasnya.

11 Dan cahaya yang bersinar, yang memberikanmu cahaya, adalah melalui Dia yang menerangi matamu, yang merupakan cahaya yang sama yang menghidupkan ^apemahamanmu;

12 Yang mana ^acahaya itu keluar dari hadirat Tuhan untuk ^bmemenuhi keluasan ruang—

13 Cahaya yang berada dalam ^asegala hal, yang memberikan ^bkehidupan pada segalanya, yang merupakan ^chukum yang mana oleh kerananya segala hal diatur, bahkan kuasa Tuhan yang duduk di atas takhta-Nya, yang berada di dada keabadian, yang berada di tengah-tengah segalanya.

14 Sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa melalui ^apenebusan yang dibuat untukmu kebangkitan dari yang mati didatangkan.

15 Dan ^aroh dan ^btubuh adalah ^cjiwa manusia.

16 Dan ^akebangkitan dari yang mati adalah penebusan jiwa.

17 Dan penebusan jiwa adalah melalui Dia yang menghidupkan segalanya, di dalam dada-Nya itu ditetapkan bahawa yang ^amisikn dan yang ^blembut hati di ^cbumi ini akan mewarisinya.

18 Oleh kerana itu, ia mestilah perlu dikuduskan dari segala ketidaksolehan, agar ia dapat disediakan bagi kemuliaan ^aselestial;

19 Kerana selepas ia memenuhi tujuan penciptaannya, ia akan dimahkotai dengan ^akemuliaan, bahkan dengan kehadiran Tuhan Bapa.

20 Agar tubuh mereka yang dari kerajaan selestial boleh ^amemilikinya selama-lamanya; kerana, untuk ^btujuan ini ia telah dijadikan dan diciptakan, dan untuk tujuan ini mereka telah ^cdikuduskan.

21 Dan mereka yang tidak dikuduskan melalui hukum yang telah Aku berikan kepadamu, bahkan hukum Kristus, mesti mewarisi kerajaan yang lain, bahkan yang dari kerajaan terestrial, atau yang dari kerajaan telestial.

22 Kerana dia yang tidak dapat

10a Musa 2:1.
11a prs Pemahaman.
12a prs Cahaya,
Cahaya Kristus.
b Yer. 23:24.
13a Kol. 1:16–17.
b Ul. 30:20;
A&P 10:70.
c Ayb. 38;
A&P 88:36–38.
prs Hukum.
14a prs Menebus,
Korban Tebusan;

Rancangan Penebusan.
15a prs Lelaki, Para
Lelaki—Manusia
ialah anak roh kepada
Bapa Syurgawi;
Roh.
b prs Tubuh.
c Kej. 2:7.
prs Jiwa.
16a Alma 11:42.
prs Kebangkitan.
17a prs Misikn.
b prs Lembut Hati,

Kelembutan Hati.
c prs Bumi—Tahap
terakhir bumi.
18a prs Kemuliaan
Selestial.
19a A&P 130:7–9.
20a A&P 38:20.
b Musa 1:39.
prs Lelaki, Para
Lelaki—Potensi manu-
sia untuk menjadi
seperti Bapa Syurgawi.
c prs Pengudusan.

mematuhi "hukum kerajaan selesial tidak dapat bertahan dalam kemuliaan selesial.

23 Dan dia yang tidak dapat mematuhi hukum kerajaan terestrial tidak dapat bertahan dalam kemuliaan "terestrial.

24 Dan dia yang tidak dapat mematuhi hukum kerajaan telesial tidak dapat bertahan dalam kemuliaan "telesial; oleh kerana itu dia tidak layak untuk sebuah kerajaan kemuliaan. Oleh kerana itu dia mesti tinggal di sebuah kerajaan yang bukan merupakan kerajaan kemuliaan.

25 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, "bumi mematuhi hukum kerajaan selesial, kerana memenuhi tujuan penciptaannya, dan tidak melanggar hukum—

26 Kerana itu, ia akan "dikuduskan; ya, walaupun ia akan ^bmati, ia akan dihidupkan lagi, dan akan bertahan dalam kuasa yang dengannya ia dihidupkan, dan yang ^csoleh akan "mewarisinya.

27 Kerana walaupun mereka mati, mereka juga akan "bangkit lagi, suatu ^btubuh rohani.

28 Mereka yang merupakan roh selesial akan menerima tubuh yang sama yang merupakan tubuh

jasmani; bahkan kamu akan menerima tubuhmu, dan "kemuliaanmu adalah merupakan kemuliaan yang ^bdengannya tubuhmu dihidupkan.

29 Kamu yang dihidupkan oleh sebahagian dari kemuliaan "selesial pada waktu itu akan menerima yang sama, bahkan suatu kegenapan.

30 Dan mereka yang dihidupkan oleh sebahagian dari kemuliaan "terestrial pada waktu itu akan menerima yang sama, bahkan suatu kegenapan.

31 Dan juga mereka yang dihidupkan oleh sebahagian dari kemuliaan "telesial pada waktu itu akan menerima yang sama, bahkan suatu kegenapan.

32 Dan mereka yang selebihnya juga akan "dihidupkan; walaupun demikian, mereka akan kembali lagi ke tempat mereka sendiri, untuk menikmati apa yang mereka ^bingin terima, kerana mereka tidak ingin untuk menikmati apa yang mereka boleh terima.

33 Kerana adakah ianya akan menguntungkan seseorang itu jika suatu kurnia diberikan ke atas dirinya, dan dia tidak menerima kurnia itu? Lihatlah, dia tidak bersukacita dalam hal yang diberikan

22a A&P 105:5.

23a prs Kemuliaan Terestrial.

24a prs Kemuliaan Telesial.

25a prs Bumi.

26a prs Bumi—Tahap terakhir bumi.

b prs Dunia—Akhir dunia.

c 2 Ptr. 3:11–14.

prc Soleh, Kesolehan.

d Mat. 5:5; A&P 45:58; 59:2; 63:49.

27a prs Kebangkitan.

b 1 Kor. 15:44.

28a prs Penghakiman Terakhir.

b A&P 43:32; 63:51; 101:31.

29a prs Kemuliaan Selesial;

Lelaki, Para Lelaki—Potensi manusia untuk menjadi seperti Bapa Syurgawi.

30a prs Kemuliaan Terestrial.

31a prs Kemuliaan Telesial.

32a Alma 11:41–45.

b prs Hak pilihan.

kepadanya, tidak juga bersukacita dalam dirinya yang merupakan pemberi kurnia itu.

34 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, apa yang diatur oleh hukum juga dipelihara oleh hukum dan disempurnakan dan "dikuduskan oleh yang sama.

35 Apa yang "melanggar hukum, dan tidak mematuhi hukum, tetapi berusaha untuk menjadi hukum baginya sendiri, dan ingin untuk tinggal dalam dosa, dan tinggal dalam dosa sepenuhnya, tidak dapat dikuduskan oleh hukum, tidak juga oleh ^bbelas kasihan, ^ckeadilan, atau pun penghakiman. Oleh kerana itu, mereka mesti tetap ^dkotor.

36 Semua kerajaan telah diberikan sebuah hukum;

37 Dan ada banyak "kerajaan; kerana tidak ada ruang yang mana di dalamnya tidak ada kerajaan; dan tidak ada kerajaan yang mana di dalamnya tidak ada ruang, sama ada kerajaan yang lebih tinggi atau yang lebih rendah.

38 Dan pada setiap kerajaan diberikan sebuah "hukum; dan pada setiap hukum ada batasan tertentu juga dan syarat-syarat.

39 Semua makhluk yang tidak mematuhi "syarat-syarat itu tidak ^bdipersolehkan.

40 Kerana "kecerdasan berpegang

teguh pada kecerdasan; ^bkebijaksanaan menerima kebijaksanaan; ^ckebenaran memeluk kebenaran; ^dkehemahan mengasihi kehemahan; ^ecahaya berpegang teguh pada cahaya; belas kasihan ^fbersimpati pada belas kasihan dan menuntut hak miliknya; keadilan meneruskan tindakan perannya dan menuntut hak miliknya; penghakiman berada di hadapan Dia yang duduk di atas takhta dan mengatur dan melaksanakan segala hal.

41 Dia "memahami segala hal, dan segala hal ada di hadapan-Nya, dan segala hal ada di sekeliling-Nya; dan Dia melebihi segalanya, dan di dalam segalanya, dan melalui segalanya, dan adalah di sekeliling segalanya; dan segalanya terjadi oleh kerana-Nya, dan daripada-Nya, bahkan Tuhan, selama-lamanya.

42 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Dia telah memberikan hukum bagi segala hal, yang mana dengannya ianya bergerak pada "waktu dan masanya;

43 Dan lintasannya adalah tetap, bahkan lintasan langit dan bumi, yang melibatkan bumi dan semua planet.

44 Dan mereka memberikan "cahaya pada satu sama lain pada

34a pts Pengudusan.

35a pts Pemberontakan.

b pts Belas Kasihan, Berbelas Kasihan.

c pts Keadilan.

d Why. 22:11;

1 Ne. 15:33-35;

2 Ne. 9:16; Alma 7:21.

37a A&P 78:15.

38a A&P 88:13.

39a A&P 130:20-21.

b pts Dimaklumkan Soleh, Dipersolehkan.

40a pts Kecerdasan.

b pts Kebijaksanaan.

c pts Kebenaran.

d pts Hemah.

e pts Cahaya,

Cahaya Kristus.

f pts Rasa kasihan.

41a 1 Yoh. 3:20; 1 Ne. 9:6;

2 Ne. 9:20; A&P 38:1-3. pts Maha Mengetahui.

42a Dan. 2:20-22;

Abr. 3:4-19.

44a pts Cahaya,

Cahaya Kristus.

waktu dan pada masanya, pada minitnya, pada jamnya, pada harinya, pada minggunya, pada bulannya, pada tahunnya—semuanya ini adalah ^bsatu tahun bagi Tuhan, tetapi bukan bagi manusia.

45 Bumi berguling pada sayapnya, dan ^amatahari memberikan cahayanya pada siang hari, dan bulan memberikan cahayanya pada malam hari, dan bintang-bintang juga memberikan cahayanya, ketika mereka berguling pada sayapnya dalam kemuliaannya, di tengah-tengah ^bkuasa Tuhan.

46 Dengan apa Aku harus ibaratkan kerajaan-kerajaan ini, agar kamu boleh memahaminya?

47 Lihatlah, semuanya ini adalah kerajaan, dan sesiapa pun yang telah melihat mana-mana pun atau yang terendah dari semua ini telah ^amelihat Tuhan bergerak dalam keagungan dan kuasa-Nya.

48 Aku berfirman kepadamu, dia telah melihat-Nya; walaupun demikian, Dia yang datang kepada ^aumat milik-Nya tidak diterima.

49 ^aCahaya bersinar dalam kegelapan, dan kegelapan itu tidak memahaminya; walaupun demikian, harinya akan datang apabila kamu akan ^bmemahami bahkan Tuhan, kerana dihidupkan di dalam Dia dan oleh Dia.

50 Pada waktu itu kamu akan tahu bahawa kamu telah melihat-Ku, bahawa Aku ada, dan bahawa Aku adalah cahaya sejati yang

berada dalam dirimu, dan bahawa kamu berada di dalam Aku; jika tidak kamu tidak dapat makmur.

51 Lihatlah, Aku akan mengibaratkan kerajaan-kerajaan ini dengan seorang lelaki yang memiliki sebuah ladang, dan dia mengutuskan para orang suruhannya ke ladang untuk menggali di ladang itu.

52 Dan dia berkata kepada yang pertama: Pergilah kamu dan bekerjalah di ladang, dan pada jam yang pertama aku akan datang kepadamu, dan kamu akan melihat kebahagiaan wajahku.

53 Dan dia berkata kepada yang kedua: Pergilah kamu juga ke ladang, dan pada jam yang kedua aku akan mengunjungimu dengan kebahagiaan wajahku.

54 Dan juga kepada yang ketiga, mengatakan: aku akan mengunjungimu;

55 Dan kepada yang keempat, dan seterusnya sehingga yang kedua belas.

56 Dan tuan ladang itu pergi kepada yang pertama pada jam yang pertama, dan berada bersamanya sepanjang jam itu, dan dia dijadikan gembira dengan terang wajah tuannya.

57 Dan kemudian dia meminta diri dari yang pertama agar dia boleh mengunjunginya yang kedua juga, dan yang ketiga, dan yang keempat, dan seterusnya sehingga yang kedua belas.

44b Mzm. 90:4;
2 Ptr. 3:8.
45a Kej. 1:16;
Abr. 4:16.
b A&P 88:7–13.

47a Alma 30:44;
Musa 1:27–28; 6:63;
Abr. 3:21.
48a Yoh. 1:11;
3 Ne. 9:16;

A&P 39:1–4.
49a A&P 6:21; 50:23–24;
84:45–47.
b Yoh. 17:3;
A&P 93:1, 28.

58 Dan demikianlah mereka semua menerima terang wajah tuan mereka, setiap orang pada jamnya, dan pada waktunya, dan pada masanya—

59 Mulai dari yang pertama, dan seterusnya sehingga yang “terakhir, dan dari yang terakhir sehingga yang pertama, dan dari yang pertama sehingga yang terakhir;

60 Setiap orang menurut urutannya sendiri, sehingga jamnya selesai, bahkan menurut yang telah diperintahkan oleh tuannya kepadanya, agar tuannya boleh dimuliakan dalam dirinya, dan dia di dalam diri tuannya, agar mereka semua boleh dimuliakan.

61 Oleh kerana itu, dengan perumpamaan ini Aku akan mengibaratkan semua kerajaan ini, dan “para penduduknya—setiap kerajaan pada jamnya, dan pada waktunya, dan pada masanya, bahkan menurut ketetapan yang telah Tuhan jadikan.

62 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, “teman-teman-Ku, Aku tinggalkan firman ini bersamamu untuk ^bdirenungkan dalam hatimu, dengan perintah ini yang Aku berikan kepadamu, bahawa kamu harus ‘meminta kepada-Ku sementara Aku dekat—

63 “Dekatlah kepada-Ku dan Aku akan dekat kepadamu; ^bcari-lah Aku dengan tekun dan kamu akan ‘menemui-Ku; mintalah, dan kamu akan menerima; ketuklah, dan akan dibukakan bagimu.

64 Apa pun yang kamu “minta kepada Bapa dalam nama-Ku ia akan diberikan kepadamu, yang adalah ^bperlu bagimu;

65 Dan jika kamu meminta apa pun yang tidak “perlu bagimu, ia akan berpaling sebagai ^bhukum-anmu.

66 Lihatlah, apa yang kamu dengar adalah seperti “suara seseorang berseru di padang belantara—di padang belantara, kerana kamu tidak dapat melihat-Nya—suara-Ku, kerana suara-Ku adalah ^bRoh; Roh-Ku adalah kebenaran; ‘kebenaran tetap ada dan tidak berakhir; dan jika ia berada dalam dirimu ia akan berlimpah ruah.

67 Dan jika tumpuan matamu adalah “satu pada ^bkemuliaan-Ku, seluruh tubuhmu akan dipenuhi dengan cahaya, dan tidak akan ada kegelapan dalam dirimu; dan tubuh itu yang telah dipenuhi dengan cahaya ‘memahami segala hal.

68 Oleh kerana itu, “kuduskanlah dirimu agar ^bfikiranmu menjadi

59a Mat. 20:1–16.

61a A&P 76:24.

62a A&P 84:63; 93:45.

b pts Merenungkan.

c Yes. 55:6; Yak. 1:5;

A&P 46:7.

63a Za. 1:3; Yak. 4:8;

Why. 3:20.

b 1 Taw. 28:9;

Eter 12:41;

A&P 101:38.

c A&P 4:7; 49:26.

64a pts Doa.

b A&P 18:18; 46:28–30.

65a Yak. 4:3.

b A&P 63:7–11.

66a Yes. 40:3; 1 Ne. 17:13;

Alma 5:37–38;

A&P 128:20.

b pts Cahaya,

Cahaya Kristus;

Roh Kudus.

c pts Kebenaran.

67a Mat. 6:22;

Luk. 11:34–36;

A&P 82:19.

b Yoh. 7:18.

c Ams. 28:5;

A&P 93:28.

pts Kurnia

Membezakan.

68a pts Pengudusan.

b pts Minda.

satu kepada Tuhan, dan masanya akan datang apabila kamu akan ‘melihat-Nya; kerana Dia akan menunjukkan muka-Nya kepadamu, dan ianya akan terjadi pada waktu-Nya sendiri, dan dengan cara-Nya sendiri, dan menurut kehendak-Nya sendiri.

69 Ingatlah janji yang besar dan terakhir yang telah Aku buat kepadamu; buanglah fikiranmu yang “tidak berguna dan gelak^b tawamu yang berlebihan jauh daripadamu.

70 Tinggallah kamu, tinggallah kamu di tempat ini, dan adakanlah sebuah perhimpunan yang khusus, bahkan mereka yang merupakan para pekerja yang pertama di dalam kerajaan yang terakhir ini.

71 Dan biarlah mereka yang telah mereka “peringatkan dalam perjalanan mereka meminta kepada Tuhan, dan merenungkan peringatan itu dalam hati mereka yang telah mereka terima, untuk suatu tempoh masa.

72 Lihatlah, dan tengoklah, Aku akan menjaga kawanamu, dan akan mengangkat para penatua dan mengutus kepada mereka.

73 Lihatlah, Aku akan mempercepatkan pekerjaan-Ku pada waktunya.

74 Dan Aku memberi kepadamu, yang merupakan “para pekerja yang pertama dalam kerajaan yang terakhir ini, sebuah perintah agar kamu berhimpun bersama, dan mengatur dirimu, dan menyediakan dirimu, dan ^bmenguduskan dirimu; ya, menyucikan hatimu, dan ‘membersihkan tanganmu dan kakimu di hadapan-Ku, agar Aku boleh menjadikanmu “bersih;

75 Agar Aku boleh bersaksi kepada “Bapamu, dan Tuhanmu, dan Tuhan-Ku, bahawa kamu bersih dari darah generasi yang jahat ini; agar Aku boleh menggenapi janji ini, janji yang besar dan terakhir ini, yang telah Aku buat kepadamu, bilamana Aku kehendaki.

76 Dan juga, Aku memberi kepadamu sebuah perintah agar kamu harus meneruskan di dalam “doa dan ^bpuasa sejak dari waktu ini.

77 Dan Aku memberi kepadamu sebuah perintah agar kamu harus saling “mengajarkan satu sama lain ^bajaran kerajaan.

78 Ajarlah kamu dengan tekun dan “kerahmatan-Ku akan menyertaimu, agar kamu boleh ^bdiberi arahan dengan lebih sempurna dalam teori, dalam asas, dalam ajaran, dalam hukum Injil, dalam segala hal yang berkaitan dengan

68 c A&P 67:10–13; 93:1; 97:15–17.

69 a Mat. 12:36; Mosia 4:29–30; Alma 12:14.

b A&P 59:15; 88:121.

71 a pts Amaran, Memberi Amaran.

74 a Mat. 20:1, 16.
b Im. 20:7–8;

3 Ne. 19:28–29; A&P 50:28–29; 133:62.

c pts Bersih dan Tidak Bersih.

d Eter 12:37.

75 a pts Bapa di Syurga; Lelaki, Para Lelaki—Manusia ialah anak roh kepada Bapa Syurgawi;

Tuhan, Kesatuan Ketuhanan—Tuhan Bapa.

76 a pts Doa.

b pts Puasa, Berpuasa.

77 a pts Ajar, Pengajar.

b pts Ajaran Kristus.

78 a pts Rahmat.

b A&P 88:118; 90:15; 93:53.

kerajaan Tuhan, yang perlu untuk kamu fahami;

79 Tentang hal-hal baik di ^alangit mahupun di bumi, dan di bawah bumi; hal yang telah terjadi, hal yang ada, hal yang mesti terjadi tidak lama lagi; hal yang ada di negara sendiri, hal yang ada di negara lain; ^bpeperangan dan kecelaruan bangsa-bangsa, penghakiman yang ada di atas negara itu; dan juga pengetahuan tentang negara-negara dan tentang kerajaan-kerajaan—

80 Agar kamu boleh dipersiapkan dalam segala hal apabila Aku akan mengutusmu lagi untuk meningkatkan pemanggilan yang telah Aku panggil kepadamu, dan misi yang telah Aku tetapkan kepadamu.

81 Lihatlah, Aku mengutusmu keluar untuk ^abersaksi dan memperingatkan orang-orang itu, dan adalah patut bagi setiap orang yang telah diperingatkan untuk ^bmemperingatkan jirannya.

82 Oleh kerana itu, mereka ditinggalkan tanpa alasan, dan dosa-dosa mereka berada di atas kepala mereka sendiri.

83 Dia yang sejak ^aawal ^bmencari-Ku akan menemui-Ku, dan tidak akan ditinggalkan.

84 Oleh kerana itu, tinggallah

kamu, dan bekerjalah dengan tekun, agar kamu boleh disempurnakan dalam pelayananmu untuk pergi ke kalangan ^abangsa bukan Israel untuk kali terakhir, sebanyak mana yang akan disebutkan oleh mulut Tuhan, untuk ^bmengikat hukum dan memeteraikan kesaksian, dan untuk menyediakan para orang suci untuk masa penghakiman yang akan datang;

85 Agar jiwa mereka boleh terlepas dari kemurkaan Tuhan, ^apemusnahan kekejian yang menunggu yang jahat, baik di dunia ini mahupun di dunia yang akan datang. Sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, biarlah mereka yang bukan para penatua yang pertama meneruskan di dalam ladang anggur sehingga mulut Tuhan akan ^bmemanggil mereka, kerana waktu mereka masih belum tiba; pakaian mereka tidak ^cbersih dari darah generasi ini.

86 Tinggallah kamu di dalam ^akemerdekaan yang dengannya kamu telah dijadikan ^bbebas; janganlah ^cmelibatkan dirimu dalam ^ddosa, tetapi biarlah tanganmu ^ebersih, sehingga Tuhan datang.

87 Kerana tidak sampai berhari-hari selepas ini dan ^atanah akan ^bbergegar dan terhuyung-hayang

79a prs Syurga.

b prs Peperangan.

81a prs Bersaksi.

b A&P 63:58.

prc Amaran,
Memberi Amaran.

83a Alma 37:35.

b Ul. 4:29-31;
Yer. 29:12-14;
A&P 54:10.

84a JS—S 1:41.

b Yes. 8:16-17.

85a Mat. 24:15.

b A&P 11:15.

c 1 Ne. 12:10-11;
Yakub 1:19; 2:2;
A&P 112:33.

prc Murni,
Kemurnian.

86a Mosia 5:8.

prc Kemerdekaan.

b Yoh. 8:36.

prc Bebas, Kebebasan;
Hak pilihan.

c Gal. 5:1.

d prc Dosa.

e Ayb. 17:9; Mzm. 24:4;
Alma 5:19.

87a Yes. 13:4-13.

b A&P 43:18.

ke sana ke mari seperti seorang pemabuk; dan ‘matahari akan menyembunyikan mukanya, dan enggan memberikan cahaya; dan bulan akan bermandikan ‘darah; dan ‘bintang-bintang akan menjadi amat marah, dan akan mencampakkan diri ke bawah seperti buah ara yang jatuh dari sebuah pokok ara.

88 Dan selepas kesaksianmu datanglah kemurkaan dan kemarahan kepada orang-orang ini.

89 Kerana selepas kesaksianmu datanglah kesaksian ‘gempa bumi, yang akan menyebabkan rintihan di tengah-tengahnya, dan manusia akan jatuh ke atas tanah dan tidak akan dapat berdiri.

90 Dan juga datanglah kesaksian ‘suara guntur, dan suara kilat, dan suara angin ribut, dan suara ombak laut yang menggelombangkan dirinya melebihi batasannya.

91 Dan segala hal akan berada dalam ‘huru-hara; dan pastinya, hati manusia akan kecut; kerana ketakutan akan datang ke atas semua orang.

92 Dan para ‘malaikat akan terbang di tengah-tengah langit, berseru dengan suara nyaring, membunyikan sangkakala Tuhan, mengatakan: Bersedialah kamu, bersedialah kamu, Wahai para penduduk bumi; kerana penghakiman

Tuhan kita telah datang. Lihatlah, dan tengoklah, ^bPengantin Lelaki datang; pergilah kamu keluar untuk menemui-Nya.

93 Dan dengan segera akan kelihatan suatu ‘tanda besar di langit, dan semua orang akan melihatnya bersama.

94 Dan seorang malaikat yang lain akan membunyikan sangkakalanya, mengatakan: ‘Gereja yang ^bbesar itu, ‘induk kekejian, yang menyebabkan semua bangsa meminum wain kemurkaan ‘per-mukahannya, yang menganiaya para orang suci Tuhan, yang menumpahkan darah mereka—dia yang duduk di atas banyak perairan, dan di atas pulau-pulau di laut—lihatlah, dia adalah ‘lalang bumi; dia diikat dalam berkas; ikatannya dijadikan kuat, tiada seorang pun dapat melepaskannya; oleh kerana itu, dia sedia untuk ^ddibakar. Dan dia akan membunyikan sangkakalanya dengan lama serta nyaring, dan semua bangsa akan mendengarnya.

95 Dan akan ada ‘keheningan di langit untuk tempoh waktu setengah jam; dan selepas itu tirai langit akan dibukakan dengan segera, bagaikan sebuah ^bgulungan kertas yang direntangkan setelah digulung, dan ‘muka Tuhan akan didedahkan;

87c Yl. 2:10;
A&P 45:42; 133:49.

d Why. 6:12.

e Yl. 3:15.

89a A&P 45:33.

90a Why. 8:5; A&P 43:17–25.

91a A&P 45:26.

92a Why. 8:13; A&P 133:17.

b Mat. 25:1–13;

A&P 33:17; 133:10, 19.

93a Mat. 24:30;

Luk. 21:25–27.

pts Tanda-tanda

Zaman Akhir.

94a pts Iblis—Gereja iblis.

b 1 Ne. 13:4–9.

c Why. 17:5.

d Why. 14:8.

e Mat. 13:38.

f A&P 64:23–24;

101:23–25.

pts Bumi—

Pembersihan bumi.

95a A&P 38:12.

b Why. 6:14.

c pts Kedatangan Kedua

Yesus Kristus.

96 Dan para orang suci yang berada di atas bumi, yang hidup, akan dihidupkan dan ^adiangkat untuk menemui-Nya.

97 Dan mereka yang telah tidur di dalam kubur mereka akan ^adatang, kerana kubur mereka akan dibuka; dan mereka juga akan diangkat untuk menemui-Nya di tengah-tengah tiang langit—

98 Mereka adalah milik Kristus, ^abuah-buah pertama, mereka yang akan turun bersama-Nya terlebih dahulu, dan mereka yang berada di atas bumi dan di dalam kubur mereka, yang merupakan yang pertama diangkat untuk menemui-Nya; dan semua ini melalui suara dari bunyi sangkakala malaikat Tuhan.

99 Dan selepas ini seorang malaikat yang lain akan membunyikan, iaitu sangkakala kedua; dan kemudian datanglah penebusan mereka yang merupakan milik Kristus pada kedatangan-Nya; yang telah menerima bahagian mereka di dalam ^apenjara itu yang disediakan bagi mereka, agar mereka boleh menerima Injil, dan ^bdihakimi menurut manusia dalam keadaan daging.

100 Dan lagi, sangkakala yang lain akan berbunyi, iaitu sangkakala ketiga; dan kemudian datanglah ^aroh manusia yang akan

dihakimi, dan didapati berada di dalam ^bpenghukuman;

101 Dan ini adalah orang-orang ^amati yang selebihnya; dan mereka tidak akan hidup lagi sehinggalah ^bseribu tahun berakhir, tidak juga lagi, sehinggalah bumi berakhir.

102 Dan sangkakala yang lain akan berbunyi, iaitu sangkakala keempat, mengatakan: Ada yang didapati di antara mereka yang harus tinggal sehingga hari yang besar dan terakhir itu, bahkan penghujungnya, yang masih tetap ^akotor.

103 Dan sangkakala yang lain akan berbunyi, iaitu sangkakala kelima, iaitu malaikat kelima yang mengamanahkan ^aInjil kekal—terbang di tengah langit, kepada semua negara, kaum, bahasa, dan bangsa;

104 Dan ini akan menjadi bunyi sangkakalanya, mengatakan kepada semua orang, baik di langit mahupun di bumi, dan yang berada di bawah bumi—kerana ^asetiap telinga akan mendengarnya, dan setiap lutut akan ^bmelutut, dan setiap lidah akan mengakui, semasa mereka mendengar bunyi sangkakala itu, mengatakan: ^cTakutlah kepada Tuhan, dan berikanlah kemuliaan kepada Dia yang duduk di atas takhta,

96a 1 Tes. 4:16-17.

97a A&P 29:13; 45:45-46; 133:56.

pts Kebangkitan.

98a 1 Kor. 15:23.

99a A&P 76:73; 138:8.

pts Keselamatan bagi Orang Mati.

b 1 Ptr. 4:6.

100a Why. 20:12-13;

Alma 11:41;

A&P 43:18; 76:85.

b pts Menghukum, Penghukuman.

101a Why. 20:5.

b pts Zaman Seribu Tahun.

102a pts Kekotoran,

Kotoran.

103a Why. 14:6-7.

pts Pemulihan Injil.

104a Why. 5:13.

b Yes. 45:23;

Flp. 2:9-11.

c pts Penghormatan; Takut—Takut kepada Tuhan.

selama-lamanya; kerana masa penghakiman-Nya telah datang.

105 Dan lagi, malaikat yang lain akan membunyikan sangkakalanya, iaitu malaikat keenam, mengatakan: Dia telah "jatuh yang menyebabkan semua bangsa minum wain kemurkaan permukahannya; dia telah jatuh, telah jatuh!

106 Dan lagi, malaikat yang lain akan membunyikan sangkakalanya, iaitu malaikat ketujuh, mengatakan: Sudah selesai; Sudah selesai! "Anak Domba Tuhan telah ^bmengatasi dan ^cmenginjak-injak alat pemeras anggur seorang diri, bahkan alat pemeras anggur dari kedahsyatan kemurkaan Tuhan Yang Maha Kuasa.

107 Dan kemudian para malaikat akan dimahkotai dengan kemuliaan daya-Nya, dan "para orang suci akan dipenuhi dengan ^bkemuliaan-Nya, dan menerima ^cwarisan mereka dan dijadikan ^dsama rata dengan-Nya.

108 Dan kemudian malaikat yang pertama akan kembali membunyikan sangkakalanya di telinga semua yang hidup, dan "mendedahkan perbuatan rahsia manusia, dan pekerjaan Tuhan yang besar dalam ^bseribu tahun yang pertama.

109 Dan kemudian malaikat kedua akan membunyikan

sangkakalanya, dan mendedahkan perbuatan rahsia manusia, dan fikiran dan keinginan hati mereka, dan pekerjaan Tuhan yang besar dalam seribu tahun yang kedua—

110 Dan seterusnya, sehingga malaikat ketujuh akan membunyikan sangkakalanya; dan dia akan berdiri di atas tanah dan di atas laut, dan bersumpah dalam nama Dia yang duduk di atas takhta, bahawa tidak akan ada "waktu lagi; dan ^bSetan akan diikat, ular tua itu, yang disebut iblis, dan tidak akan dilepaskan untuk tempoh waktu ^cseribu tahun.

111 Dan kemudian dia akan "dilepaskan untuk suatu tempoh masa yang singkat, agar dia boleh mengumpulkan tenteranya.

112 Dan "Mikhael, malaikat ketujuh, bahkan malaikat agung, akan mengumpulkan tenteranya, bahkan bala tentera syurga.

113 Dan iblis akan mengumpulkan tenteranya; bahkan bala tentera neraka, dan akan naik untuk bertempur melawan Mikhael dan tenteranya.

114 Dan kemudian datanglah "pertempuran Tuhan yang besar; dan iblis dan tenteranya akan dibuang ke dalam tempat mereka sendiri, bahawa mereka tidak akan memiliki kuasa sama sekali ke atas para orang suci lagi.

105a Why. 14:8;
A&P 1:16.

106a prs Anak Domba
Tuhan.

b 1 Kor. 15:25.

c Yes. 63:3-4;

Why. 19:15;

A&P 76:107; 133:50.

107a prs Orang Suci.

b prs Kemuliaan
Selestial.

c prs Permuliaan.

d A&P 76:95.

108a Alma 37:25;

A&P 1:3.

b A&P 77:6-7.

110a A&P 84:100.

b Why. 20:1-3;

1 Ne. 22:26;

A&P 101:28.

prs Iblis.

c prs Zaman Seribu
Tahun.

111a A&P 29:22; 43:30-31.

112a prs Mikhael.

114a Why. 16:14.

115 Kerana Mikhael akan berperang bagi pertempuran mereka, dan akan mengatasi dia yang “menginginkan takhta Dia yang duduk di atas takhta, bahkan Anak Domba.

116 Inilah kemuliaan Tuhan, dan yang telah “dikuduskan; dan mereka tidak akan melihat ^bkemuliaan lagi.

117 Oleh kerana itu, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, “teman-teman-Ku, adakanlah perhimpunan khusyukmu, seperti yang telah Aku perintahkan kepadamu.

118 Dan kerana semua orang tidak memiliki iman, carilah kamu dengan tekun dan saling “mengajarkan kata-kata ^bkebijaksanaan; ya, carilah kamu dari ^abuku-buku terbaik kata-kata kebijaksanaan; carilah pembelajaran, bahkan melalui pembelajaran dan juga melalui iman.

119 Aturlah dirimu; sediakanlah setiap hal yang diperlukan; dan tubuhkanlah sebuah “rumah, bahkan rumah doa, rumah puasa, rumah iman, rumah pembelajaran, rumah kemuliaan, rumah keteribatan, rumah Tuhan;

120 Agar kemasukanmu adalah dalam nama Tuhan; agar keluarmu adalah dalam nama Tuhan; agar semua salammu adalah dalam

nama Tuhan, dengan tangan yang diangkat kepada Yang Maha Tinggi.

121 Oleh kerana itu, “berhentilah dari segala pembicaraanmu yang tidak berguna, dari segala ^bgelak tawa, dari segala hasratmu yang “penuh nafsu, dari segala ^akesombongan dan keremehanmu, dan dari segala perbuatanmu yang jahat.

122 Tetapkanlah dari antara kamu seorang pengajar, dan janganlah biarkan semua menjadi pembicara pada waktu yang sama; tetapi biarlah seseorang berbicara pada satu-satu masa dan biarlah semua mendengarkan perkataannya, agar apabila semua telah berbicara maka semuanya dapat diteguhkan, dan agar setiap orang boleh memiliki peluang yang sama rata.

123 Pastikan bahawa kamu saling “mengasihi; berhentilah menjadi ^btamak; belajarlah untuk saling memberikan seperti yang dituntut oleh Injil.

124 Berhentilah menjadi “malas; berhentilah menjadi tidak bersih; berhentilah dari ^bmencari kesalahan antara satu sama lain; berhentilah tidur lebih lama daripada yang diperlukan; pergilah ke katilmu dengan awal, agar kamu tidak letih; bangunlah awal, agar

115 *a* Yes. 14:12–17;
Musa 4:1–4.

116 *a* *pts* Pengudusan;
Permuliaan.
b Why. 21:4;
Alma 11:45; 12:18;
A&P 63:49.
pts Baqa, Kebaqaan.

117 *a* A&P 109:6.

118 *a* A&P 88:76–80.

pts Ajar, Pengajar.

b *pts* Kebijaksanaan.

c A&P 55:4; 109:7, 14.

119 *a* A&P 95:3; 97:10–17;
109:2–9; 115:8.

pts Bait Suci, Rumah

Tuhan.

121 *a* A&P 43:34; 100:7.

b A&P 59:15; 88:69.

c *pts* Badaniah.

d *pts* Keangkuhan.

123 *a* *pts* Kasih.

b *pts* Mendambakan.

124 *a* *pts* Malas, Kemalasan.

b A&P 64:7–10.

pts Pertuturan yang
Jahat.

tubuhmu dan fikiranmu boleh disegarkan.

125 Dan lebih dari segalanya, kenakanlah pada dirimu ikatan "kasih ihsan, seperti dengan sebuah jubah, yang merupakan ikatan kesempurnaan dan ^bkedamaian.

126 "Berdoalah selalu, agar kamu tidak lemah, sehingga Aku ^bdatang. Lihatlah, dan tengoklah, Aku akan datang dengan segera, dan menerimamu bagi diri-Ku. Amin.

127 Dan lagi, aturan bagi rumah yang disediakan bagi presidensi "sekolah para nabi, ditubuhkan untuk arahan-arahan mereka dalam semua hal yang perlu bagi mereka, bahkan bagi semua ^bpemimpin gereja, atau dengan perkataan lain, mereka yang dipanggil pada pelayanan di dalam gereja, bermula dari imam tinggi, bahkan sehingga diaken—

128 Dan ini akan menjadi aturan rumah presidensi sekolah itu: Dia yang telah ditetapkan untuk menjadi presiden, atau pengajar, akan didapati berdiri pada tempatnya, di dalam rumah yang akan disediakan baginya.

129 Oleh kerana itu, dia akan menjadi yang pertama di dalam rumah Tuhan, di sebuah tempat di mana jemaah gereja di dalam rumah itu boleh mendengar perkaatannya dengan teliti dan dengan jelas, bukan dengan pembicaraan yang lantang.

130 Dan apabila dia datang ke dalam rumah Tuhan, kerana dia harus menjadi yang pertama di dalam rumah itu—lihatlah, ini adalah indah, bahawa dia boleh menjadi teladan—

131 Biarlah dia "mempersembahkan dirinya dalam doa berlutut di hadapan Tuhan, sebagai lambang atau peringatan akan perjanjian yang kekal.

132 Dan apabila sesiapa pun akan masuk selepasnya, biarlah pengajar itu bangkit, dan, dengan tangan diangkat ke langit, ya, bahkan secara langsung, memberi salam kepada saudara atau saudara-saudaranya dengan perkataan ini:

133 Adakah engkau seorang saudara atau saudara-saudara? Aku memberi salam kepadamu dalam nama Tuhan Yesus Kristus, dengan lambang atau peringatan akan perjanjian yang kekal, yang mana di dalamnya aku menerimamu pada "penemanan, dengan suatu tekad yang tetap, tidak tergoyahkan, dan tidak berubah, untuk menjadi teman dan ^bsaudaramu melalui rahmat Tuhan dalam ikatan kasih, untuk berjalan dalam semua perintah Tuhan tanpa bersalah, dalam kesyukuran, selamanya. Amin.

134 Dan dia yang didapati tidak layak untuk salam ini tidak akan mempunyai tempat di kalangan kamu; kerana janganlah kamu membiarkan bahawa rumah-Ku akan "dicemari olehnya.

125a prs Kasih Ihsan.
b prs Kedamaian.

126a prs Doa.
b A&P 1:12.

127a prs Sekolah Para Nabi.
b prs Jawatan, Pegawai.

131a prs Menyembah.
133a prs Bersahabat.

b prs Saudara, Para
Saudara;
Saudari.

134a A&P 97:15-17; 110:7-8.

135 Dan dia yang masuk dan setia di hadapan-Ku, dan adalah seorang saudara, atau jika mereka adalah saudara-saudara, mereka haruslah memberi salam kepada presiden atau pengajar dengan tangan diangkat ke langit, dengan doa dan perjanjian yang sama ini, atau dengan mengatakan Amin, sebagai lambang dari yang sama.

136 Lihatlah, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, inilah contoh bagimu untuk suatu salam terhadap satu sama lain di dalam rumah Tuhan, di dalam sekolah para nabi.

137 Dan kamu dipanggil untuk melakukan ini dengan doa dan kesyukuran, apabila Roh akan bertutur dalam segala perbuatanmu di dalam rumah Tuhan, di dalam sekolah para nabi, agar ia boleh menjadi sebuah tempat kudus,

sebuah khemah ibadat Roh Kudus untuk "peneguhanmu.

138 Dan janganlah kamu menerima sesiapa pun di antara kamu ke dalam sekolah ini kecuali dia bersih dari "darah generasi ini;

139 Dan dia seharusnya diterima melalui tatacara "pembasuhan kaki, kerana untuk tujuan inilah tatacara pembasuhan kaki ditegakkan.

140 Dan lagi, tata cara pembasuhan kaki mesti dilaksanakan oleh presiden, atau penatua utama gereja.

141 Ia mesti dimulakan dengan doa; dan selepas "mengambil roti dan wain, dia harus mengikat pinggangnya menurut ^bcara yang diberikan dalam pasal ketiga belas dari kesaksian Yohanes mengenai Aku. Amin.

BAHAGIAN 89

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 27 Februari 1833. Disebabkan dahulu para saudara menggunakan tembakau di dalam pertemuan-pertemuan mereka, menyebabkan Nabi untuk merenungkan tentang masalah itu; akibatnya, dia bertanya kepada Tuhan mengenainya. Wahyu ini, yang dikenali sebagai Kata-kata Bijaksana, merupakan hasilnya.

1–9, Penggunaan wain, minuman keras, tembakau, dan minuman panas dilarang; 10–17, Tumbuhan herba, buah-buahan, daging, dan bijirin ditetapkan untuk kegunaan manusia dan haiwan; 18–21, Kepatuhan

pada hukum Injil, termasuk Kata-kata Bijaksana, membawakan berkat-berkat duniawi dan rohani.

SUATU "KATA-KATA BIJAKSANA, demi manfaat majlis imam tinggi,

137a A&P 50:21–24.

138a A&P 88:74–75, 84–85.

139a prs Cuci, Dicuti,

Mencuci.

141a prs Sakramen.

b Yoh. 13:4–17.

89 1a prs Kata-kata Bijaksana.

yang dihimpunkan di Kirtland, dan gereja, dan juga para orang suci di Sion—

2 Dikirimkan sebagai salam; bukan sebagai perintah atau desakan, tetapi melalui wahyu dan kata-kata bijaksana, menunjukkan tarekat dan “kehendak Tuhan dalam keselamatan duniawi semua orang suci pada zaman akhir—

3 Diberikan sebagai suatu asas dengan “janji, disesuaikan dengan kemampuan yang lemah dan yang paling lemah daripada semua ^borang suci, yang merupakan atau boleh dipanggil orang suci.

4 Lihatlah, sesungguhnya, demikianlah firman Tuhan kepadamu: Disebabkan “kejahatan dan rancangan yang ada dan akan ada di dalam hati orang-orang jahat yang ^bbersubahat pada zaman akhir, Aku telah “memperingatkanmu, dan memperingatkanmu sebelumnya, dengan memberikan kepadamu kata-kata bijaksana ini melalui wahyu—

5 Agar sejauh sesiapa pun minum “wain atau minuman keras di antara kamu, lihatlah ianya tidak baik, tidak juga baik pada pandangan Bapamu, kecuali dalam berhimpun bersama untuk mempersembahkan sakramenmu di hadapan-Nya.

6 Dan, lihatlah, ini seharusnya wain, ya, wain “murni dari buah pokok anggur, buatanmu sendiri.

7 Dan, lagi, “minuman keras bukanlah untuk perut, tetapi untuk mencuci tubuhmu.

8 Dan lagi, tembakau bukanlah untuk “tubuh, tidak juga untuk perut, dan tidaklah baik untuk manusia, tetapi ia adalah tumbuhan herba untuk lebam-lebam dan semua haiwan ternakan yang sakit, untuk digunakan dengan pertimbangan dan kemahiran.

9 Dan lagi, minuman panas bukanlah untuk tubuh atau perut.

10 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, semua tumbuhan “herba yang menyihatkan telah Tuhan tetapkan sebagai kesejahteraan, fitrah, dan penggunaan manusia—

11 Setiap tumbuhan herba semasa musimnya, dan setiap buah semasa musimnya; semua ini untuk digunakan dengan kebijaksanaan dan “kesyukuran.

12 Ya, juga “daging ^bbinatang dan burung-burung di udara, Aku, Tuhan, telah tetapkan untuk kegunaan manusia dengan kesyukuran; walaupun demikian ia harus diambil dengan “jarang-jarang.

13 Dan adalah menyenangkan bagi-Ku bahawa ianya tidak diambil, kecuali semasa musim sejuk,

2a A&P 29:34.
pts Perintah-perintah Tuhan.

3a A&P 89:18-21.
b pts Orang Suci.

4a pts Tipu, Menipu, Penipuan.

b pts Komplot-komplot Rahsia.

c pts Amaran,
Memberi Amaran.

5a Im. 10:9-11;
Yes. 5:11-12;

1 Kor. 6:10.

6a A&P 27:1-4.

7a Ams. 20:1; 23:29-35.

8a 1 Kor. 3:16-17.

pts Tubuh.

10a IAITU tumbuhan.

Kej. 1:29;

A&P 59:17-20.

11a pts Bersyukur,

Kesyukuran, Syukur.

12a Kej. 9:3; Im. 11:1-8.

b 1 Tim. 4:3-4;

A&P 49:18-21.

c A&P 59:20.

atau untuk cuaca sejuk, atau bencana kebuluran.

14 Semua "bijirin ditetapkan untuk kegunaan manusia dan binatang, untuk menjadi tongkat kehidupan, bukan hanya untuk manusia tetapi untuk binatang-binatang di ladang, dan burung di langit, dan segala haiwan liar yang berlari atau merayap di atas bumi;

15 Dan semua ini telah Tuhan jadikan untuk kegunaan manusia hanya pada waktu bencana kebuluran dan kelaparan yang berlebihan.

16 Semua bijirin adalah baik untuk makanan manusia; seperti juga buah dari tanaman; yang menghasilkan buah, sama ada di dalam tanah atau di atas tanah—

17 Walaupun demikian, gandum untuk manusia, dan jagung untuk lembu, dan oat untuk kuda, dan rumput rai untuk burung-burung

dan khinzir, dan untuk semua binatang di ladang, dan barli untuk semua haiwan yang berguna, dan untuk minuman ringan, seperti juga bijirin-bijirin lain.

18 Dan semua orang suci yang ingat untuk mentaati dan melakukannya firman ini, berjalan dalam kepatuhan pada perintah-perintah, akan menerima "kesihatan pada pusat dan tulang sumsum mereka;

19 Dan akan menemui "kebijaksanaan dan harta ^bpengetahuan yang besar, bahkan harta-harta yang tersembunyi;

20 Dan akan "berlari dan tidak letih, dan akan berjalan dan tidak lemah.

21 Dan Aku, Tuhan, memberi kepada mereka sebuah "janji, bahawa malaikat kehancuran akan ^bmelempi mereka, seperti anak-anak Israel, dan tidak membunuh mereka. Amin.

BAHAGIAN 90

Wahyu kepada Nabi Joseph Smith, diberikan di Kirtland, Ohio, 8 Mac 1833. Wahyu ini adalah langkah seterusnya dalam pembentukan Presidensi Utama (lihat pengenalan untuk bahagian 81); sebagai akibatnya, para penasihat yang disebutkan telah ditahbiskan pada 18 Mac 1833.

1–5, Kunci-kunci kerajaan dianugerahkan kepada Joseph Smith dan melaluinya kepada Gereja; 6–7, Sidney Rigdon dan Frederick G. Williams melayani dalam Presidensi Utama; 8–11, Injil mesti dihutbahkan kepada bangsa-bangsa Israel, kepada bangsa bukan Israel, dan

kepada bangsa Yahudi, setiap orang mendengar dalam bahasanya sendiri; 12–18, Joseph Smith dan para penasihatnya mesti mengaturkan Gereja; 19–37, Pelbagai individu dinasihati oleh Tuhan untuk berjalan dengan lurus dan melayani di dalam kerajaan-Nya.

14a Dan. 1:6–20.

18a Ams. 3:8.

19a rts Kebijaksanaan.

b rts Kesaksian;
Pengetahuan.

20a Yes. 40:31.

21a A&P 84:80.

b Kel. 12:23, 29.

DEMIKIANLAH firman Tuhan, sesungguhnya-sungguhnya Aku berfirman kepadamu anak-Ku, dosa-dosamu "diampuni, menurut rayuanmu, kerana doamu dan doa saudara-saudaramu telah naik ke dalam telinga-Ku.

2 Oleh kerana itu, engkau diberkati sejak dari sekarang yang memegang "kunci-kunci kerajaan yang diberikan kepadamu; yang mana ^bkerajaan itu datang untuk kali terakhir.

3 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, kunci-kunci kerajaan ini tidak akan pernah diambil daripadamu, semasa engkau berada di dunia, tidak juga di dunia yang akan datang;

4 Walaupun demikian, melalui kamu "wahyu itu akan diberikan kepada yang lain, ya, bahkan kepada gereja.

5 Dan mereka semua yang menerima wahyu Tuhan, biarlah mereka "berhati-hati bagaimana mereka memegangnya agar jangan ianya dianggap sebagai hal yang remeh, dan dibawa ke bawah penghukuman olehnya, dan tersandung dan jatuh semasa ribut melanda, dan angin bertiup, dan ^bhujan turun, dan menimpa rumah mereka.

6 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepada saudaramu,

Sidney Rigdon dan Frederick G. Williams, dosa-dosa mereka diampuni juga, dan mereka dianggap sama rata denganmu dalam memegang kunci-kunci kerajaan yang terakhir ini;

7 Seperti juga melalui pengurusanmu kunci-kunci "sekolah para nabi, yang telah Aku perintahkan untuk diorganisasikan;

8 Agar dengannya mereka boleh disempurnakan dalam pelayanan mereka demi keselamatan Sion, dan bangsa-bangsa Israel, dan bangsa bukan Israel, sebanyak mana yang akan percaya;

9 Agar melalui pengurusanmu mereka boleh menerima firman, dan melalui pengurusan mereka firman itu boleh disebarikan ke hujung-hujung bumi, kepada "bangsa bukan Israel ^bdahulu, dan kemudian, lihatlah, dan tengoklah, mereka akan berpaling kepada bangsa Yahudi.

10 Dan kemudian datanglah harinya apabila lengan Tuhan akan "ditunjukkan dalam kuasa untuk meyakinkan bangsa-bangsa, bangsa kafir, bani ^bYusuf, tentang Injil keselamatan mereka.

11 Kerana akan terjadilah pada hari itu, bahawa setiap orang akan "mendengar kegenapan Injil dalam loghatnya sendiri, dan dalam bahasanya sendiri, melalui

90 1a PTS Mengampuni.

2a A&P 65:2.

PTS Kunci-kunci
Imamat.

b PTS Kerajaan Tuhan
atau Kerajaan
Syurga.

4a Kis. 7:38;

Rm. 3:2;

Ibr. 5:12;

A&P 124:39, 126.

PTS Nubuat,
Bernubuat.

5a A&P 1:14.

b Mat. 7:26-27.

7a PTS Sekolah Para Nabi.

9a 1 Ne. 13:42;

A&P 107:33; 133:8.

b Mat. 19:30;

Eter 13:10-12.

10a A&P 43:23-27;
88:84, 87-92.

b Kej. 49:22-26;

1 Ne. 15:13-14.

11a PTS Pekerjaan
Penginjian.

mereka yang telah ^bditahbiskan pada ^ckuasa ini, melalui pelayanan ^dPenolong, dicurahkan ke atas diri mereka untuk wahyu tentang Yesus Kristus.

12 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Aku memberi kepadamu sebuah perintah agar kamu meneruskan dalam ^apelayanan dan presidensi.

13 Dan apabila kamu telah menyelesaikan penterjemahan para nabi, kamu sejak dari itu akan ^amengetuai urusan-urusan gereja dan ^bsekolah;

14 Dan dari semasa ke semasa, sebagaimana yang akan dinyatakan oleh Penolong, menerima ^awahyu-wahyu untuk mendedahkan ^bmisteri-misteri kerajaan;

15 Dan mengaturkan jemaah-jemaah gereja, dan ^amenelaah dan ^bbelajar, dan mengenali semua buku yang baik, dan dengan ^cbahasa, loghat, dan orang.

16 Dan ini akan menjadi urusan dan misimu dalam seluruh kehidupanmu, untuk mengetuai majlis, dan mengaturkan segala urusan gereja dan kerajaan ini.

17 Janganlah ^amalu, tidak juga dimalukan; tetapi biarlah diberi nasihat dalam segala keangkuhan dan ^bkesombonganmu, kerana itu akan membawa jerat pada jiwamu.

18 Aturkanlah rumah-rumahmu; jauhkanlah ^akemalasan dan ^bketidakbersihan daripadamu.

19 Sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah ada sebuah tempat disediakan, secepat mungkin, untuk keluarga penasihat dan juru tulismu, bahkan Frederick G. Williams.

20 Dan biarlah hamba-Ku yang sudah berumur, "Joseph Smith Sr., terus bersama keluarganya di tempat di mana dia tinggal sekarang; dan biarlah ianya tidak dijual sehingga mulut Tuhan akan mengatakannya.

21 Dan biarlah penasihat-Ku, bahkan "Sidney Rigdon, tinggal di tempat tinggalnya sekarang sehingga mulut Tuhan akan mengatakannya.

22 Dan biarlah uskup mencari dengan tekun untuk mendapatkan seorang ^awakil, dan biarlah dia merupakan seorang lelaki yang mempunyai ^bkekayaan yang tersimpan—seorang hamba Tuhan, dan beriman kuat—

23 Agar dengannya dia dapat melunaskan setiap hutang; agar gudang penyimpanan Tuhan tidak terjejas di hadapan mata orang-orang itu.

24 Carilah dengan ^atekun, ^bberdoalah selalu, dan percayalah, dan

11 *b* *pts* Dipanggil oleh Tuhan, Memanggil, Panggilan; Tahbis, Pentahbisan.

c *pts* Imamat.

d *pts* Penolong.

12 *a* *pts* Melayani.

13 *a* A&P 107:91-92.

b *pts* Sekolah Para Nabi.

14 *a* *pts* Wahyu.

b *pts* Misteri-misteri Tuhan.

15 *a* A&P 88:76-80, 118; 93:53.

b A&P 107:99-100; 130:18-19.

c *pts* Bahasa.

17 *a* Rm. 1:16;

2 Ne. 6:13.

b A&P 88:121.

pts Keangkuhan.

18 *a* A&P 58:26-29.

pts Malas, Kemalasan.

b A&P 38:42.

20 *a* *pts* Joseph Smith Sr.

21 *a* *pts* Sidney Rigdon.

22 *a* A&P 84:112-113.

b Yakub 2:17-19.

24 *a* *pts* Ketekunan.

b *pts* Doa.

‘segala hal akan bekerja bersama demi kebaikanmu, jika kamu berjalan dengan lurus dan mengingat “perjanjian yang dengannya kamu telah membuat perjanjian antara satu sama lain.

25 Biarlah “keluargamu kecil, utamanya hamba-Ku yang sudah berumur Joseph Smith Sr., berkaitan dengan mereka yang tidak termasuk dalam keluargamu;

26 Agar hal-hal itu yang telah disediakan bagimu, untuk mendatangkan pekerjaan-Ku, tidak diambil daripadamu dan dibagikan kepada mereka yang tidak layak—

27 Dan dengannya kamu dihalang untuk mencapai hal-hal yang telah Aku perintahkan kepadamu.

28 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, adalah kehendak-Ku bahawa hamba perempuan-Ku Vienna Jaques harus menerima wang untuk menanggung perbelanjaannya, dan pergi ke negeri Sion;

29 Dan lebihan wang itu boleh dibaktikan kepada-Ku, dan dia diberi ganjaran pada waktu-Ku sendiri yang tepat.

30 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa adalah layak di mata-Ku bahawa dia harus pergi ke negeri Sion, dan menerima sebuah warisan dari tangan uskup;

31 Agar dia boleh menetap dalam kedamaian sejauh dia setia, dan

tidak malas dalam kehidupannya sejak dari itu.

32 Dan lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa kamu harus menuliskan perintah ini, dan mengatakan kepada saudara-saudaramu di Sion, dengan salam kasih, bahawa Aku telah memanggilmu juga untuk “mengetuai Sion pada waktu-Ku sendiri yang tepat.

33 Oleh kerana itu, biarlah mereka berhenti mengganggu-Ku tentang masalah ini.

34 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu bahawa saudara-saudaramu di Sion mulai bertaubat, dan para malaikat bersukacita ke atas diri mereka.

35 Walaupun demikian, Aku tidak terlalu berkenan dengan banyak hal; dan Aku tidak terlalu berkenan dengan hamba-Ku “William E. McLellin, tidak juga dengan hamba-Ku Sidney Gilbert; dan uskup juga, dan yang lain yang memiliki banyak hal untuk bertaubat.

36 Tetapi sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa Aku, Tuhan, akan berhadapan dengan “Sion, dan memohon kepada orang-orangnya yang kuat, dan ^bmenghukumnya sehingga dia mengatasi dan ^cbersih di hadapan-Ku.

37 Kerana dia tidak akan dikeluarkan dari tempatnya. Aku, Tuhan, telah memfirmankannya. Amin.

24c Ezr. 8:22;
Rm. 8:28;
A&P 100:15; 122:7–8.
d pts Perjanjian.
25a IAITU Mereka yang

miskin dalam jagaan
Joseph Smith Sr.
32a A&P 107:91–92.
35a A&P 66:1; 75:6–9.
36a pts Sion.

b pts Tegur, Menegur.
c pts Murni,
Kemurnian.

BAHAGIAN 91

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 9 Mac 1833. Nabi pada waktu itu terlibat dalam penterjemahan Perjanjian Lama. Apabila sampai pada bahagian dari tulisan kuno itu yang disebut Deuterokanonika, dia bertanya kepada Tuhan dan menerima petunjuk ini.

1–3, Deuterokanonika sebahagian besarnya diterjemahkan dengan betul tetapi mengandungi banyak selitan-selitan oleh tangan manusia yang tidak benar; 4–6, Ia bermanfaat bagi mereka yang diterangi oleh Roh.

SESUNGGUHNYA, demikianlah firman Tuhan kepadamu mengenai “Deuterokanonika—Ada banyak hal yang terkandung di dalamnya yang benar, dan sebahagian besarnya diterjemahkan dengan betul;

2 Ada banyak hal yang terkandung di dalamnya yang tidak benar, yang merupakan selitan-selitan oleh tangan manusia.

3 Sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa Deuterokanonika tidak perlu diterjemahkan.

4 Oleh kerana itu, barang siapa membacanya, biarlah dia “mengerti, kerana Roh menyatakan kebenaran;

5 Dan barang siapa diterangi oleh “Roh akan mendapatkan manfaat darinya;

6 Dan barang siapa tidak menerimanya melalui Roh, tidak dapat memperoleh manfaat. Oleh kerana itu tidaklah perlu bahawa ia harus diterjemahkan. Amin.

BAHAGIAN 92

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 15 Mac 1833. Wahyu itu mengarahkan Frederick G. Williams, yang baru-baru itu telah ditetapkan sebagai penasihat kepada Joseph Smith, tentang tugasnya dalam Syarikat Bersatu (lihat pengenalan untuk bahagian 78 dan 82).

1–2, Tuhan memberikan sebuah perintah yang berkaitan dengan kemasukan ke dalam golongan bersatu.

SESUNGGUHNYA, demikianlah

firman Tuhan, Aku memberikan pada “golongan bersatu, yang diorganisasikan selaras dengan perintah yang telah diberikan sebelumnya, sebuah wahyu dan perintah mengenai hamba-Ku

91 1a PTS Deuterokanonika.
4a PTS Pemahaman.
5a PTS Ilham,

Mengilhami;
Roh Kudus.
92 1a A&P 82:11, 15–21.

PTS Golongan Bersatu.

Frederick G. Williams, agar kamu akan menerimanya ke dalam golongan itu. Apa yang Aku firmankan kepada seorang Aku firmankan kepada semua.

2 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu hamba-Ku Frederick G.

Williams, kamu akan menjadi anggota yang aktif di dalam golongan ini; dan sejauh kamu setia dalam mentaati semua perintah terdahulu kamu akan diberkati selamanya. Amin.

BAHAGIAN 93

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 6 Mei 1833.

1-5, Semua yang setia akan melihat Tuhan; 6-18, Yohanes memberikan kesaksian bahawa Putera Tuhan berkembang dari rahmat ke rahmat sehingga Dia menerima kegenapan kemuliaan Bapa; 19-20, Orang-orang yang setia, berkembang dari rahmat ke rahmat, juga akan menerima kegenapan-Nya; 21-22, Mereka yang dilahirkan melalui Kristus adalah Gereja Putera Sulung; 23-28, Kristus menerima kegenapan segala kebenaran, dan manusia melalui kepatuhan boleh melakukan yang sedemikian juga; 29-32, Manusia pada mulanya berada bersama Tuhan; 33-35, Unsur-unsur adalah abadi, dan manusia dapat menerima kegenapan kebahagiaan dalam Kebangkitan; 36-37, Kemuliaan Tuhan adalah kecerdasan; 38-40, Anak-anak adalah tidak berdosa di hadapan Tuhan kerana penebusan

Kristus; 41-53, Saudara-saudara yang memimpin diperintahkan untuk mengaturkan keluarga mereka.

SESUNGGUHNYA, demikianlah firman Tuhan: Akan terjadilah bahawa setiap jiwa yang "meninggalkan dosa-dosanya dan datang kepada-Ku, dan ^bmemanggil nama-Ku, dan ^cmematuhi suara-Ku, dan mentaati perintah-perintah-Ku, akan ^dmelihat ^emuka-Ku dan mengetahui bahawa Aku ada;

2 Dan bahawa Aku adalah "cahaya sejati yang menerangi setiap orang yang datang ke dunia;

3 Dan bahawa Aku berada "di dalam Bapa, dan Bapa di dalam Aku, dan Bapa dan Aku adalah satu—

4 Bapa "kerana Dia ^bmemberi-Ku kegenapan-Nya, dan Putera kerana Aku telah berada di dunia

93 1a *PTS* Bertaubat, Pertaubatan; Layak, Kelayakan.
b *Yl.* 2:32.
c *PTS* Patuh, Kepatuhan, Mematuhi.
d *Kel.* 33:11;
A&P 38:7-8; 67:10-12;

88:68; 101:23; 130:3.
PTS Penolong.
e *Tjs* 1 *Yoh.* 4:12 (Lampiran).
2a *Yoh.* 1:4-9;
A&P 14:9; 84:45-47;
88:6-7.
PTS Cahaya,

Cahaya Kristus.
3a *Yoh.* 10:25-38;
17:20-23;
A&P 50:43-45.
4a *Mosia* 15:1-7.
b *PTS* Yesus Kristus—
Wewenang.

dan menjadikan tubuh-Ku dalam ‘daging, dan tinggal di kalangan anak-anak manusia.

5 Aku telah berada di dunia dan menerima daripada Bapa-Ku, dan “pekerjaan-Nya dinyatakan dengan jelas.

6 Dan “Yohanes telah melihat dan memberikan kesaksian tentang kegenapan ^bkemuliaan-Ku, dan kegenapan catatan ‘Yohanes akan diwahyukan selepas ini.

7 Dan dia memberikan kesaksian, mengatakan: Aku melihat kemuliaan-Nya, bahawa Dia ada pada ‘permulaan, sebelum dunia ada;

8 Oleh kerana itu, pada mulanya ‘Firman telah ada, kerana Dia adalah Firman itu, bahkan utusan keselamatan—

9 “Cahaya dan ^bPenebus dunia; Roh kebenaran, yang datang ke dunia, kerana dunia telah diciptakan oleh-Nya, dan di dalam Dia adalah kehidupan manusia dan cahaya manusia.

10 Dunia-dunia “diciptakan oleh-Nya; manusia telah diciptakan oleh-Nya; segalanya telah diciptakan oleh-Nya, dan melalui-Nya, dan daripada-Nya.

11 Dan aku, Yohanes, memberikan kesaksian bahawa aku melihat

kemuliaan-Nya, sebagai kemuliaan Anak Tunggal Bapa, penuh kerahmatan dan kebenaran, bahkan Roh kebenaran, yang datang dan tinggal dalam keadaan daging, dan tinggal di kalangan kita.

12 Dan aku, Yohanes, melihat bahawa Dia tidak menerima “kegenapan pada mulanya, tetapi menerimanya ^brahmat demi rahmat;

13 Dan Dia tidak menerima kegenapan pada mulanya, tetapi secara berterusan dari “rahmat ke rahmat, sehingga dia menerima suatu kegenapan;

14 Dan demikianlah Dia disebut “Putera Tuhan, kerana Dia tidak menerima kegenapan pada mulanya.

15 Dan aku, “Yohanes, memberikan kesaksian, dan tengoklah, langit terbuka, dan ^bRoh Kudus turun ke atas-Nya dalam bentuk ‘seekor burung merpati, dan hinggap di atas-Nya, dan datangnya suara dari syurga memfirmankan: Inilah “Putera-Ku yang Kukasihi.

16 Dan aku, Yohanes, memberikan kesaksian bahawa Dia menerima kegenapan kemuliaan Bapa;

17 Dan Dia menerima “segala ^bkuasa, baik di dalam syurga mahupun di atas bumi, dan kemuliaan

4c Luk. 1:26-35; 2:4-14;
3 Ne. 1:12-14;
Eter 3:14-16.

5a Yoh. 5:36; 10:25;
14:10-12.

6a Yoh. 1:34.
b prs Yesus Kristus—
Kemuliaan Yesus
Kristus.

c Yoh. 20:30-31.
7a Yoh. 1:1-3, 14; 17:5;
A&P 76:39.

8a prs Jehovah;
Yesus Kristus.

9a prs Cahaya, Cahaya
Kristus.

b prs Penebus.

10a Ibr. 1:1-3; A&P 76:24;
Musa 1:31-33.

12a Flp. 2:6-11.

b Yoh. 1:16-17.

13a Luk. 2:52.

14a Luk. 1:31-35; A&P 6:21.
prs Tuhan, Kesatuan

Ketuhanan—Tuhan
Putera Bapa.

15a Yoh. 1:29-34.

b prs Roh Kudus.

c prs Lambang Merpati.

d Mat. 3:16-17.

17a Mat. 28:18;

Yoh. 17:2;

1 Ptr. 3:22.

b prs Kuasa;
Yesus Kristus—
Wewenang.

“Bapa ada bersama-Nya, kerana Dia berada di dalam Dia.

18 Dan akan terjadilah, bahawa jika kamu setia kamu akan menerima kegenapan catatan Yohanes.

19 Aku memberi kepadamu firman ini agar kamu boleh memahami dan mengetahui bagaimana “menyembah, dan mengetahui apa yang kamu sembah, agar kamu boleh datang kepada Bapa dalam nama-Ku, dan pada waktu yang tepat menerima kegenapan-Nya.

20 Kerana jika kamu mentaati “perintah-perintah-Ku kamu akan menerima ^bkegenapan-Nya, dan “dimuliakan di dalam Aku seperti Aku di dalam Bapa; oleh kerana itu, Aku berfirman kepadamu, kamu akan menerima ^drahmat demi rahmat.

21 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Aku pada “mulanya berada bersama Bapa, dan merupakan ^bPutera Sulung;

22 Dan mereka semua yang dilahirkan melalui Aku adalah “penerima bahagian ^bkemuliaan yang sama, dan merupakan gereja Putera Sulung.

23 Kamu juga pada mulanya “berada bersama Bapa; yang merupakan Roh, bahkan Roh kebenaran;

24 Dan “kebenaran adalah ^bpengetahuan tentang hal-hal sebagaimana ianya ada, dan sebagaimana adanya dahulu, dan sebagaimana adanya yang akan datang;

25 Dan apa pun yang “lebih atau kurang daripada ini adalah dari roh yang jahat itu yang merupakan ^bpendusta sejak permulaan.

26 Roh “kebenaran adalah daripada Tuhan. Aku adalah Roh kebenaran, dan Yohanes memberikan kesaksian tentang Aku, mengatakan: Dia telah menerima kegenapan kebenaran, ya, bahkan segala kebenaran;

27 Dan tiada seorang pun menerima “kegenapan kecuali dia mentaati perintah-perintah-Nya.

28 Dia yang “mentaati perintah-perintah-Nya menerima kebenaran dan ^bcahaya, sehingga dia dimuliakan dalam kebenaran dan “mengetahui segala hal.

29 Manusia juga pada “awalnya berada bersama Tuhan. ^bKecer-

17c prs Tuhan, Kesatuan Ketuhanan—Tuhan Bapa.

19a Yoh. 4:21–26; 17:3; Kis. 17:22–25.
prs Menyembah.

20a A&P 50:28.

b Yoh. 1:16;

A&P 84:36–39.

c Yoh. 17:4–5, 22.

prs Lelaki, Para Lelaki—Potensi manusia untuk menjadi seperti Bapa Syurgawi.

d prs Rahmat.

21a Yoh. 1:1–2;

1 Ptr. 1:19–20;

Musa 4:2.

b prs Anak sulung.

22a 1 Ptr. 5:1;

A&P 133:57.

b prs Kemuliaan

Selestial.

23a prs Lelaki, Para

Lelaki—Manusia ialah

anak roh kepada Bapa

Syurgawi.

24a prs Kebenaran.

b prs Pengetahuan.

25a A&P 20:35.

b Yoh. 8:44;

2 Ne. 2:18;

Musa 4:4.

26a Yoh. 14:6.

27a prs Sempurna.

28a prs Patuh, Kepatuhan,

Mematuhi.

b A&P 50:24; 84:45.

prs Cahaya,

Cahaya Kristus.

c Yoh. 17:3;

A&P 88:49, 67.

29a Abr. 3:18.

prs Kehidupan

Pra-fana;

Lelaki, Para Lelaki.

b prs Kecerdasan.

dasan, atau cahaya kebenaran, bukanlah diciptakan atau dibuat, tidak juga ianya boleh terjadi.

30 Segala kebenaran adalah tersendiri di dalam lingkungan itu yang Tuhan telah tempatkan ia di dalamnya, untuk ^abertindak bagi dirinya sendiri, seperti semua kecerdasan juga; jika tidak tidak adalah kewujudan.

31 Lihatlah, inilah ^ahak pilihan manusia, dan inilah penghukuman manusia; kerana apa yang ada sejak permulaan dengan ^bjelasnya dinyatakan kepada mereka, dan mereka tidak menerima cahaya itu.

32 Dan setiap orang yang rohnya tidak menerima ^acahaya itu berada di bawah penghukuman.

33 Kerana manusia adalah ^aroh. ^bUnsur-unsur adalah abadi, dan roh dan unsur, berkait rapat, menerima kegenapan kebahagiaan;

34 Dan apabila ^adipisahkan, manusia tidak dapat menerima kegenapan ^bkebahagiaan.

35 ^aUnsur-unsur adalah khemah suci Tuhan; ya, manusia adalah khemah suci Tuhan, bahkan ^bbait suci; dan apa pun bait suci yang

ternoda; Tuhan akan menghancurkan bait suci itu.

36 ^aKemuliaan Tuhan adalah ^bkecerdasan, atau, dengan perkaataan lain, ^ccahaya dan kebenaran.

37 Cahaya dan kebenaran meninggalkan si ^ajahat itu.

38 Setiap roh manusia ^atidak berdosa pada mulanya; dan Tuhan setelah ^bmenebus manusia dari ^ckejatuhan, manusia sekali lagi menjadi, dalam keadaan bayi mereka, ^dtidak berdosa di hadapan Tuhan.

39 Dan yang jahat itu datang dan ^amengambil cahaya dan kebenaran, melalui ketidakpatuhan, daripada anak-anak manusia, dan kerana ^badat resam nenek moyang mereka.

40 Tetapi Aku telah memerintahkanmu untuk membesarkan ^aanak-anakmu dalam cahaya dan kebenaran.

41 Tetapi sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, hamba-Ku Frederick G. Williams, kamu telah meneruskan di bawah penghukuman ini;

42 Kamu belum ^amengajar anak-

30a 2 Ne. 2:13–27.

31a pts Hak pilihan.

b Ul. 30:11–14;
A&P 84:23–24.

32a pts Cahaya,
Cahaya Kristus;
Kebenaran.

33a A&P 77:2; Abr. 5:7–8.
pts Lelaki, Para
Lelaki—Manusia ialah
anak roh kepada Bapa
Syurgawi.

b A&P 131:7–8; 138:17.
pts Kebangkitan.

34a 2 Ne. 9:8–10.

b pts Kegembiraan.

35a A&P 130:22.

b 1 Kor. 3:16–17.

36a pts Kemuliaan;
Yesus Kristus—Kemuliaan
Yesus Kristus.

b A&P 130:18–19;
Abr. 3:19.
pts Kecerdasan.

c A&P 88:6–13.

37a Musa 1:12–16.
pts Iblis.

38a pts Ketidakbersalahan,
Tidak bersalah.

b Mosia 27:24–26;
Musa 5:9;
FK 1:3.
pts Tebus, Ditebus,
Penebusan.

c pts Kejatuhan Adam
dan Hawa.

d Moro. 8:8, 12, 22;
A&P 29:46–47.

pts Keselamatan—
Keselamatan anak-anak
kecil.

39a Mat. 13:18–19;
2 Kor. 4:3–4;
Alma 12:9–11.

b Yeh. 20:18–19;
Alma 3:8.

pts Adat Resam.

40a pts Keluarga—Tanggungjawab Ibu bapa.

42a 1 Sam. 3:11–13;
A&P 68:25–31.

anakmu cahaya dan kebenaran, menurut perintah-perintah itu; dan yang jahat itu memiliki kuasa, pada masa ini, ke atas kamu, dan inilah penyebab kesengsaraanmu.

43 Dan sekarang sebuah perintah Aku berikan kepadamu—jika kamu ingin dibebaskan kamu haruslah “mengatur rumahmu sendiri, kerana ada banyak hal yang tidak benar di dalam rumahmu.

44 Sesungguhnya, Aku berfirman kepada hamba-Ku Sidney Rigdon, bahawa dalam beberapa perkara dia belum mentaati perintah mengenai anak-anaknya; oleh kerana itu, terlebih dahulu tetapkanlah aturan rumahmu.

45 Sesungguhnya, Aku berfirman kepada hamba-Ku Joseph Smith Jr., atau dengan perkataan lain, Aku akan memanggilmu “teman, kerana kamu adalah teman-teman-Ku, dan kamu akan memperoleh warisan bersama-Ku—

46 Aku memanggilmu “para hamba demi kepentingan dunia, dan kamu adalah para hamba mereka demi kepentingan-Ku—

47 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepada Joseph Smith Jr.—Kamu belum mentaati perintah-perintah, dan mestilah perlu berdiri “ditegur di hadapan Tuhan;

48 “Keluargamu mestilah perlu bertaubat dan meninggalkan beberapa perkara, dan lebih bersungguh-sungguh mengendahkan

perkataanmu, atau dikeluarkan dari tempat mereka.

49 Apa yang Aku firmankan kepada yang satu Aku firmankan kepada semua; “berdoalah selalu agar jangan yang jahat itu memiliki kuasa dalam dirimu, dan mengeluarkanmu dari tempatmu.

50 Hamba-Ku Newel K. Whitney juga, uskup gereja-Ku, perlu dihukum, dan menetapkan aturan keluarganya, dan memastikan bahawa mereka lebih tekun dan mengambil berat di rumah, dan berdoa selalu, atau mereka akan dikeluarkan dari “tempat mereka.

51 Sekarang, Aku berfirman kepadamu, teman-teman-Ku, biarlah hamba-Ku Sidney Rigdon pergi melakukan perjalanannya, dengan segera, dan juga memaklumkan masa Tuhan “memberkati umatnya, dan Injil keselamatan, sebagaimana Aku akan memberinya pertuturan; dan melalui doamu dengan iman dengan satu persetujuan Aku akan menyokongnya.

52 Dan biarlah hamba-Ku Joseph Smith Jr. dan Frederick G. Williams juga pergi dengan segera, dan akan diberikan kepada mereka bahkan menurut doa dengan iman; dan sejauh kamu mentaati firman-Ku kamu tidak akan dibinasakan di dunia ini, tidak juga di dunia yang akan datang.

53 Dan, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa adalah menjadi kehendak-Ku bahawa kamu harus segera untuk

43a 1 Tim. 3:4–5.

45a A&P 84:63; 88:62.

46a Im. 25:55;

1 Ne. 21:3–8.

pts Pelayanan.

47a A&P 95:1–2.

pts Tegur, Menegur.

48a pts Keluarga—

Tanggungjawab Anak.

49a 3 Ne. 18:15–21.

50a A&P 64:40.

51a Luk. 4:19.

“menterjemahkan tulisan suci-Ku, dan untuk ^bmendapatkan suatu ‘pengetahuan sejarah, dan negara,

dan kerajaan, hokum-hukum Tuhan dan manusia, dan semua ini demi keselamatan Sion. Amin.

BAHAGIAN 94

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 2 Ogos 1833. Hyrum Smith, Reynolds Cahoon, dan Jared Carter dilantik sebagai jawatankuasa bangunan Gereja.

1-9, Tuhan memberikan sebuah perintah berkaitan dengan pembangunan sebuah rumah untuk pekerjaan Presidensi; 10-12, Sebuah rumah pencetakan harus dibina; 13-17, Warisan-warisan tertentu ditentukan.

DAN lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, “teman-teman-Ku, sebuah perintah Aku berikan kepadamu, bahawa kamu harus memulakan sebuah pekerjaan merancang dan menyediakan permulaan dan landasan kota di ^bpancang Sion, di sini di negeri Kirtland, bermula di rumah-Ku.

2 Dan lihatlah, ia mesti dilakukan menurut “panduan yang telah Aku berikan kepadamu.

3 Dan biarlah bidang tanah yang pertama di selatan dibaktikan kepada-Ku untuk pembinaan sebuah rumah untuk presidensi, untuk pekerjaan presidensi, dalam menerima wahyu-wahyu; dan untuk pekerjaan pelayanan “pre-

sidensi, dalam segala hal berkaitan dengan gereja dan kerajaan.

4 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa ia haruslah dibina lima puluh lima kali enam puluh lima kaki lebar dan panjangnya, di bahagian ruangan dalamnya.

5 Dan haruslah ada tingkat bawah dan tingkat atas, menurut panduan yang akan diberikan kepadamu selepas ini.

6 Dan ia harus didedikasikan kepada Tuhan dari landasannya, menurut tarekat keimamatan, menurut panduan yang akan diberikan kepadamu selepas ini.

7 Dan ia harus didedikasikan bagi Tuhan sepenuhnya untuk pekerjaan presidensi.

8 Dan janganlah kamu membiarkan “apa pun yang tidak bersih masuk ke dalamnya; dan ^bkemuliaan-Ku akan berada di sana, dan kehadiran-Ku akan berada di sana.

9 Tetapi jika akan datang ke dalamnya “apa pun yang tidak

53a PTS Terjemahan
Joseph Smith (TJS).
b A&P 88:76-80, 118.
c PTS Pengetahuan.
94 1a A&P 93:45.

b PTS Pancang.
2a A&P 52:14-15.
3a A&P 107:9, 22.
8a Luk. 19:45-46;
A&P 109:16-20.

b 1 Raj. 8:10-11.
pts Kemuliaan.
9a A&P 97:15-17.

bersih, kemuliaan-Ku tidak akan berada di sana; dan kehadiran-Ku tidak akan datang ke dalamnya.

10 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bidang tanah yang kedua di selatan haruslah didedikasikan kepada-Ku untuk pembangunan sebuah rumah bagi-Ku, untuk pekerjaan “pencetakan ^bterjemahan tulisan suci-Ku, dan semua hal apa pun yang akan Aku perintahkan kepadamu.

11 Dan ia seharusnya lima puluh lima kali enam puluh lima kaki lebar dan panjangnya, di bahagian ruangan dalam; dan harus adanya tingkat bawah dan tingkat atas.

12 Dan rumah ini haruslah didedikasikan sepenuhnya kepada Tuhan dari landasannya, untuk pekerjaan pencetakan, dalam semua hal apa pun yang akan Aku perintahkan kepadamu, untuk menjadi kudus, tidak bernoda,

menurut panduan dalam segala hal sebagaimana ia akan diberikan kepadamu.

13 Dan bidang tanah ketiga, hamba-Ku Hyrum Smith akan mewarisinya.

14 Dan bidang tanah pertama dan kedua di utara, hamba-Ku Reynolds Cahoon dan Jared Carter akan mewarisinya—

15 Agar mereka boleh melakukan pekerjaan yang telah Aku tetapkan kepada mereka, untuk menjadi sebuah jawatankuasa untuk membangunkan rumah-rumah-Ku, menurut perintah, yang telah Aku, Tuhan Raja, berikan kepadamu.

16 Dua buah rumah ini tidak akan dibina sehinggalah Aku memberi kepadamu sebuah perintah mengenainya.

17 Dan sekarang, Aku tidak memberikan lagi kepadamu pada waktu ini. Amin.

BAHAGIAN 95

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 1 Jun 1833. Wahyu ini adalah sambungan dari arahan ilahi untuk membina sebuah rumah untuk penyembahan dan bimbingan, rumah Tuhan (lihat bahagian 88:119–136).

1–6, Para Orang Suci ditegur kerana kelalaian mereka untuk membina rumah Tuhan; 7–10, Tuhan berhasrat menggunakan rumah-Nya untuk menganugerahi umat-Nya dengan kuasa dari syurga; 11–17, Rumah itu harus didedikasikan sebagai sebuah

tempat penyembahan dan untuk sekolah para Rasul.

SESUNGGUHNYA, demikianlah firman Tuhan kepada kamu yang Aku kasihi, dan kamu yang Aku kasihi juga Aku ^ateguri agar dosa-

10a A&P 104:58–59.
b pts Terjemahan Joseph Smith (TJS).

95 1a Ul. 11:1–8;
Ams. 13:18;
Ibr. 12:5–11;

Hel. 15:3;
A&P 101:4–5; 105:6.
pts Tegur, Menegur.

dosa mereka dapat ^bdiampunkan, kerana dengan teguran Aku menyediakan sebuah jalan bagi ‘pembebasan mereka dalam segala hal keluar dari ^dgodaan, dan Aku telah mengasihimu—

2 Kerana itu, kamu mestilah perlu ditegur dan berdiri diherdik di hadapan muka-Ku;

3 Kerana kamu telah berdosa terhadap-Ku suatu dosa yang sangat menyedihkan, dimana kamu belum menimbangkan perintah yang besar dalam semua hal, yang telah Aku berikan kepadamu tentang pembinaan ^arumah-Ku;

4 Bagi persiapan yang telah Aku rancangkan untuk menyediakan para rasul-Ku ^amemangkas kebun anggur-Ku untuk kali terakhir, agar Aku boleh melaksanakan ^btindakan-Ku yang ajaib, agar Aku boleh ‘mencurahkan Roh-Ku ke atas semua manusia—

5 Tetapi lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa ada banyak orang yang telah ditahbiskan di kalangan kamu, yang telah Aku panggil tetapi sedikit daripada mereka yang ‘terpilih.

6 Mereka yang tidak terpilih telah berdosa suatu dosa yang sangat menyedihkan, dimana mereka

berjalan dalam ‘kegelapan pada siang hari.

7 Dan untuk tujuan ini Aku memberi kepadamu sebuah perintah bahawa kamu harus mengadakan ^aperhimpunan khusyukmu, agar ^bpuasa dan duka nestapamu dapat naik ke dalam telinga Tuhan ‘Sabaot, yang menurut penafsiran, ^a‘pencipta hari pertama, yang awal dan yang akhir.

8 Ya, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Aku memberi kepadamu sebuah perintah agar kamu harus membangunkan sebuah rumah, yang di dalam rumah itu Aku merancang untuk ^a‘menganugerahi mereka yang telah Aku pilih dengan kuasa dari syurga;

9 Kerana inilah ^a‘janji Bapa kepadamu; oleh kerana itu Aku memerintahkanmu untuk tinggal, bahkan seperti para rasul-Ku di Yerusalem.

10 Walaupun demikian, para hamba-Ku berdosa suatu dosa yang sangat menyedihkan; dan ^a‘pertikaian timbul di dalam ^bsekolah para nabi; yang adalah sangat menyedihkan bagi-Ku, firman Tuhanmu; oleh kerana itu Aku mengutuskan mereka untuk di huk-

1b prs Mengampuni.

c 1 Kor. 10:13.

d prs Godaan,

Menggoda.

3a Hag. 1:7-11;

A&P 88:119.

prts Bait Suci, Rumah

Tuhan.

4a Yakub 5:61-75;

A&P 24:19; 33:3-4.

prts Ladang Anggur

Tuhan.

b Yes. 28:21;

A&P 101:95.

c Ams. 1:23;

Yl. 2:28;

A&P 19:38.

prts Kurniaan Roh;

Roh Kudus.

5a Mat. 20:16;

A&P 105:35-37;

121:34-40.

prts Pemilihan.

6a prs Kegelapan Rohani.

7a A&P 88:70, 74-82,
117-120.

b prs Puasa, Berpuasa.

c prs Yehovah.

d prs Mencipta,

Penciptaan.

8a A&P 38:32; 39:15;

43:16; 110:9-10.

prts Anugerahan.

9a Luk. 24:49.

10a prts Pertikaian.

b prts Sekolah Para Nabi.

11 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, adalah merupakan kehendak-Ku bahawa kamu harus membina sebuah rumah. Jika kamu mentaati perintah-perintah-Ku kamu akan memiliki kuasa untuk membina.

12 Jika kamu tidak “mentaati perintah-perintah-Ku, ^bkasih Bapa tidak akan terus bersamamu, oleh kerana itu kamu akan berjalan dalam kegelapan.

13 Sekarang, inilah kebijaksanaan, dan fikiran Tuhan—biarlah rumah itu dibina, bukan menurut cara duniawi, kerana Aku tidak memberi kepadamu bahawa kamu harus hidup menurut cara duniawi;

14 Oleh kerana itu, biarlah ia dibina menurut cara yang akan Aku tunjukkan kepada tiga orang daripada kamu, mereka yang akan

kamu tetapkan dan tahbiskan pada kuasa ini.

15 Dan saiznya seharusnya lima puluh lima kaki lebar, dan biarlah panjangnya enam puluh lima kaki, di bahagian ruangan dalamnya.

16 Dan biarlah tingkat bawah bahagian ruangan dalam didedikasikan kepada-Ku untuk persembahan sakramenmu, dan untuk pengkhotbahanmu, dan puasamu, dan doamu, dan untuk “persembahan hasratmu yang paling kudus kepada-Ku, firman Tuhanmu.

17 Dan biarlah tingkat atas bahagian ruangan dalam didedikasikan kepada-Ku untuk sekolah para rasul-Ku, firman Putera “Ahman; atau, dengan perkataan lain, Alfus; atau, dengan perkataan lain, Omegus; bahkan Yesus Kristus ^bTuhanmu. Amin.

BAHAGIAN 96

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith, menunjukkan aturan kota atau pancang Sion di Kirtland, Ohio, 4 Jun 1833, yang diberikan sebagai sebuah contoh kepada para Orang Suci di Kirtland. Kejadiannya adalah sebuah persidangan para imam tinggi, dan tajuk utama perbincangannya adalah pelepasan tanah-tanah yang tertentu, yang dikenali sebagai tanah pertanian French, yang dimiliki oleh Gereja berdekatan Kirtland. Disebabkan persidangan itu tidak dapat bersetuju siapa yang harus bertanggungjawab ke atas tanah pertanian itu, semua bersetuju untuk bertanya kepada Tuhan tentang hal ini.

1, Pancang Kirtland di Sion mesti dijadikan kuat; 2–5, Uskup mesti membahagi-bahagikan warisan itu bagi para Orang Suci; 6–9, John

Johnson harus menjadi anggota golongan bersatu.

LIHATLAH, Aku berfirman kepa-

12a Yoh. 15:10.
b 1 Yoh. 2:10, 15.

16a A&P 59:9–14.
17a A&P 78:20.

b prs Tuhan.

damu, inilah kebijaksanaan, yang dengannya kamu boleh mengetahui bagaimana untuk bertindak tentang masalah ini, kerana adalah perlu menurut-Ku bahawa "pancang ini yang telah Aku dirikan untuk kekuatan Sion harus dijadikan kuat.

2 Oleh kerana itu, biarlah hamba-Ku Newel K. Whitney bertanggungjawab ke atas tempat yang disebutkan di kalangan kamu, di mana di atasnya Aku merancang untuk membina rumah kudus-Ku.

3 Dan lagi, biarlah ia dibahagikan menjadi bidang-bidang tanah, menurut kebijaksanaan, demi manfaat mereka yang mencari warisan, sebagaimana yang akan diputuskan di dalam majlis di kalangan kamu.

4 Oleh kerana itu, dengarkanlah agar kamu menguruskan hal ini, dan bahagian itu yang diperlukan untuk manfaat "golongan-Ku, bagi tujuan untuk mendatangkan firman-Ku kepada anak-anak manusia.

5 Kerana lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, inilah yang paling arif menurut-Ku, bahawa firman-Ku haruslah disembarkan kepada anak-anak manusia, bagi tujuan menundukkan hati

anak-anak manusia demi kebaikanmu. Demikianlah. Amin.

6 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, adalah merupakan kebijaksanaan dan perlu menurut-Ku, bahawa hamba-Ku John Johnson yang persembahannya telah Aku terima, dan doa-doanya telah Aku dengari, kepadanya Aku berikan sebuah janji akan kehidupan abadi sejauh dia mentaati perintah-perintah-Ku sejak dari sekarang—

7 Kerana dia adalah keturunan "Yusuf dan pengambil bahagian berkat-berkat dari perjanjian yang telah dibuat kepada nenek moyangnya.

8 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, adalah perlu menurut-Ku bahawa dia harus menjadi anggota golongan bersatu, agar dia boleh membantu dalam mendatangkan firman-Ku kepada anak-anak manusia.

9 Oleh kerana itu kamu harus menahbiskannya pada berkat ini, dan dia harus berusaha dengan tekun untuk mengambil kewajipan tuntutan kewangan ke atas rumah yang dinamakan di kalangan kamu, agar dia boleh tinggal di dalamnya. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 97

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 2 Ogos 1833. Wahyu ini berkaitan terutama sekali dengan hal ehwal para Orang Suci di Sion, Jackson County, Missouri, sebagai balasan

terhadap pertanyaan Nabi kepada Tuhan untuk maklumat. Para anggota Gereja di Missouri pada waktu ini mengalami penganiayaan yang hebat dan, pada 23 Julai 1833, telah dipaksa untuk menandatangani suatu persetujuan untuk meninggalkan Jackson County.

1-2, Banyak Orang Suci di Sion (Jackson County, Missouri) diberkati kerana kesetiaan mereka; 3-5, Parley P. Pratt dipuji atas hasil kerjanya di dalam sekolah di Sion; 6-9, Mereka yang menepati perjanjian mereka diterima oleh Tuhan; 10-17, Sebuah rumah mesti dibangunkan di Sion yang mana mereka yang murni hatinya akan melihat Tuhan; 18-21, Sion adalah yang murni hatinya; 22-28, Sion akan terlepas dari pencambukan Tuhan jika dia setia.

SESUNGGUHNYA Aku berfirman kepadamu teman-teman-Ku, Aku berfirman kepadamu dengan suara-Ku, bahkan suara Roh-Ku, agar Aku boleh menunjukkan kepadamu kehendak-Ku terhadap saudara-saudaramu di negeri "Sion, ramai daripada mereka benar-benar rendah hati dan sedang berusaha dengan tekun untuk belajar kebijaksanaan dan untuk menemui kebenaran.

2 Sesungguhnya-sungguhnya Aku berfirman kepadamu, diberkati-lah mereka yang seperti itu, kerana mereka akan menerimanya; kerana Aku, Tuhan, menunjukkan belas kasihan kepada semua yang "lembut hati, dan kepada sesiapa pun yang Aku kehendaki, agar Aku boleh dimaklumkan soleh apabila

Aku akan membawa mereka pada penghakiman.

3 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu, mengenai "sekolah di Sion, Aku, Tuhan, sangat berke-nan bahawa harusnya ada sebuah sekolah di Sion, dan juga dengan hamba-Ku ^bParley P. Pratt, kerana dia tinggal di dalam Aku.

4 Dan sejauh dia meneruskan untuk tinggal di dalam Aku dia akan terus mengetuai sekolah di negeri Sion sehingga Aku akan memberikan kepadanya perintah-perintah lain.

5 Dan Aku akan memberkati-nya dengan berkat yang berlipat ganda, dalam menghuraikan semua tulisan suci dan misteri untuk peneguhan sekolah itu, dan gereja di Sion.

6 Dan kepada yang selebihnya di sekolah itu, Aku, Tuhan, bersedia untuk menunjukkan belas kasihan; walaupun demikian, ada daripada mereka yang mestilah perlu "dihukum, dan pekerjaan mereka akan diberitahukan.

7 "Kapak diletakkan pada akar pokok; dan setiap pokok yang tidak menghasilkan ^bbuah yang baik akan ditebang dan dilemparkan ke dalam api. Aku, Tuhan, telah memfirmankannya.

8 Sesungguhnya Aku berfirman

97 1a PTS Sion.

2a Mat. 5:5;
Mosaia 3:19.

3a PTS Sekolah Para

Nabi.

b PTS Parley Parker
Pratt.

6a PTS Tegur, Menegur.

7a Mat. 3:10.

b Luk. 6:43-45;
Alma 5:36, 52;

3 Ne. 14:15-20.

kepadamu, semua di antara mereka yang mengetahui “hati mereka adalah ^bjujur, dan patah, dan roh mereka menyesal, dan “bersedia untuk menepati perjanjian mereka melalui “pengorbanan—ya, setiap pengorbanan yang akan Aku, Tuhan, perintahkan—mereka “diterima oleh-Ku.

9 Kerana Aku, Tuhan, akan menyebabkan mereka untuk mendatangkan hasil bagaikan sebatang pokok yang sangat subur yang ditanam di dalam sebidang tanah yang baik, berdekatan dengan sebuah anak sungai yang suci, yang menghasilkan banyak buah yang berharga.

10 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa ini adalah kehendak-Ku agar sebuah “rumah haruslah dibangun bagi-Ku di negeri Sion, seperti ^bpanduan yang telah Aku berikan kepadamu.

11 Ya, biarlah ianya dibina dengan secepatnya, dengan persepuluhan umat-Ku.

12 Lihatlah, inilah “persepuluhan dan pengorbanan yang Aku, Tuhan, tuntutan daripada tangan mereka, agar dapat ada sebuah ^brumah dibina bagi-Ku demi keselamatan Sion—

13 Sebagai tempat untuk “kesyukuran bagi semua orang suci, dan sebagai tempat untuk arahan bagi

mereka semua yang dipanggil pada pekerjaan pelayanan dalam semua pemanggilan dan jawatan mereka;

14 Agar mereka dapat disempurnakan dalam “pemahaman akan pelayanan mereka, dalam teori, dalam asas, dan dalam ajaran, dalam segala hal yang berkaitan dengan ^bkerajaan Tuhan di atas bumi, “kunci-kunci kerajaan yang telah dianugerahkan ke atas dirimu.

15 Dan sejauh umat-Ku membina sebuah rumah bagi-Ku dalam nama Tuhan, dan tidak membiarkan “apa pun yang tidak bersih datang ke dalamnya, agar ia tidak ternoda, ^bkemuliaan-Ku akan berdiam di dalamnya;

16 Ya, dan “kehadiran-Ku akan berada di sana, kerana Aku akan datang ke dalamnya, dan semua yang ^bsuci hatinya yang akan datang ke dalamnya akan melihat Tuhan.

17 Tetapi jika ianya ternoda Aku tidak akan datang ke dalamnya, dan kemuliaan-Ku tidak akan ada di sana; kerana Aku tidak akan datang ke dalam bait suci-bait suci yang tidak kudus.

18 Dan, sekarang, lihatlah, jika Sion melakukan hal-hal ini, dia akan menjadi “makmur, dan menyebarkan dirinya dan menjadi

8a prs Hati yang Hancur.
 b prs Jujur, Kejujuran.
 c A&P 64:34.
 d prs Korban.
 e A&P 52:15; 132:50.
 10a A&P 57:3; 88:119;
 124:51.
 b A&P 115:14–16.
 12a prs Sepersepuluh,

Persepuluhan.
 b prs Bait Suci, Rumah Tuhan.
 13a prs Bersyukur,
 Kesyukuran, Syukur.
 14a prs Pemahaman.
 b prs Kerajaan Tuhan
 atau Kerajaan Syurga.
 c prs Kunci-kunci

Imamat.
 15a A&P 94:9; 109:20–21.
 b Hag. 2:7; A&P 84:5.
 16a A&P 110:1–10.
 b Mat. 5:8;
 A&P 67:10–13; 88:68.
 prs Murni,
 Kemurnian.
 18a A&P 90:24; 100:15.

sangat mulia, sangat hebat, dan sangat menakutkan.

19 Dan “bangsa-bangsa di bumi akan menghormatinya, dan akan berkata: Pastilah ^bSion adalah kota Tuhan kita, dan pastilah Sion tidak dapat roboh, tidak juga dipindahkan keluar dari tempatnya, kerana Tuhan berada di sana, dan tangan Tuhan ada di sana;

20 Dan Dia telah bersumpah dengan kuasa daya-Nya untuk menjadi keselamatannya dan “menaranya yang tinggi.

21 Oleh kerana itu, sesungguhnya, demikianlah firman Tuhan, biarlah Sion bersukacita, kerana inilah “Sion—YANG SUCI HATINYA; oleh kerana itu, biarlah Sion bersukacita, sementara semua yang jahat akan berduka.

22 Kerana lihatlah, dan tengoklah, “pembalasan datang segera kepada yang fasiq bagaikan puting beliung; dan siapakah yang akan terlepas darinya?

23 “Pencambukan Tuhan akan menimpa pada malam hari dan pada siang hari, dan laporannya akan menyengsarakan semua orang; ya, ianya tidak

akan ditahan sehingga Tuhan datang;

24 Kerana kemarahan Tuhan menyala terhadap kekejian mereka dan segala pekerjaan jahat mereka.

25 Walaupun demikian, Sion akan “terlepas jika berusaha keras untuk melakukan segala hal apa pun yang telah Aku perintahkan kepadanya.

26 Tetapi jika dia tidak berusaha keras untuk melakukan apa pun yang telah Aku perintahkan kepadanya, Aku akan “mengunjunginya menurut segala pekerjaannya, dengan kesengsaraan yang parah, dengan ^bpenyakit, dengan wabak, dengan pedang, dengan ^cpembalasan, dengan ^dapi pelahap.

27 Walaupun demikian, biarlah ia dibacakan sekali ke telinganya, bahawa Aku, Tuhan, telah menerima persembahannya; dan jika dia tidak lagi berdosa, hal-hal ini “tidak akan datang ke atasnya;

28 Dan Aku akan “memberkatinya dengan berkat, dan melipatgandakan berkat ke atasnya, dan ke atas generasinya selamalamanya, firman Tuhan Rajamu. Amin.

BAHAGIAN 98

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 6 Ogos 1833. Wahyu ini datang sebagai akibat dari penganiayaan

19a Yes. 60:14;

Za. 2:10–12;

A&P 45:66–70; 49:10.

^b pts Yerusalem Baru.

20a 2 Sam. 22:3.

21a Musa 7:18.

pts Murni,

Kemurnian;

Sion.

22a pts Pembalasan.

23a Yes. 28:14–19;

A&P 45:31.

25a 2 Ne. 6:13–18;

A&P 63:34;

JS—M 1:20.

26a A&P 84:54–59.

^b Luk. 21:10–13.

^c Mal. 4:1–3;

3 Ne. 21:20–21.

^d Yl. 1:15–20.

27a Yeh. 18:27.

28a pts Berkat, Diberkati, Memberkati.

ke atas para Orang Suci di Missouri. Penambahan tempat tinggal ahli Gereja di Missouri menyusahkan beberapa peneroka yang terasa diancam oleh bilangan Orang Suci, pengaruh politik dan ekonomi, dan perbezaan kebudayaan dan keagamaan. Pada Julai 1833, sekumpulan perusuh memusnahkan harta Gereja, menyiksa dengan tar dan bulu terhadap dua ahli Gereja, dan berkeras hendak mengusir para Orang Suci dari Jackson County. Walaupun beberapa berita tentang masalah-masalah di Missouri telah sampai kepada Nabi di Kirtland tanpa keraguan (sembilan ratus batu jauhnya), keseriusan situasi itu dapat diketahui olehnya pada tarikh ini hanya melalui wahyu.

1-3, Kesengsaraan para Orang Suci adalah demi kebaikan mereka; 4-8, Para Orang Suci mesti menyokong hukum negara berdasarkan undang-undang perlembagaan; 9-10, Orang-orang yang jujur, bijak, dan baik harus disokong untuk pemerintahan duniawi; 11-15, Mereka yang menyebarkan nyawa mereka dalam perkara Tuhan akan memperoleh kehidupan abadi; 16-18, Tinggalkan peperangan dan khabarkanlah kedamaian; 19-22, Para Orang Suci di Kirtland ditegur dan diperintahkan untuk bertaubat; 23-32, Tuhan memberitahukan hukum-hukum-Nya yang mengatur penganiayaan dan kesengsaraan yang dikenakan kepada umat-Nya; 33-38, Perang hanya dibenarkan apabila Tuhan memerintahkannya; 39-48, Para Orang Suci mesti mengampuni musuh mereka, yang, jika mereka bertaubat, juga akan terlepas dari pembalasan Tuhan.

SESUNGGUHNYA Aku berfirman kepadamu teman-teman-Ku, "janganlah takut, biarlah hatimu

terhibur; ya, bersukacitalah selamanya, dan ^bberterima kasihlah dalam setiap hal;

2 "Menunggu Tuhan dengan sabar, kerana doa-doamu telah masuk ke dalam telinga Tuhan Sabaot, dan dicatat dengan meterei dan perjanjian ini—Tuhan telah bersumpah dan menetapkan bahawa ianya akan dikabulkan.

3 Oleh kerana itu, Dia memberikan janji ini kepadamu, dengan sebuah perjanjian yang tidak berubah bahawa ia akan digenapi; dan segala hal yang kamu telah "disengsarakan dengannya akan bekerja bersama demi kebaikanmu, dan demi kemuliaan nama-Ku, firman Tuhan.

4 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu mengenai undang-undang negara, ianya adalah kehendak-Ku bahawa umat-Ku harus berusaha keras untuk melakukan segala hal apa pun yang Aku perintahkan kepada mereka.

5 Dan "hukum negara itu yang

98 1a A&P 68:6.
b pts Bersyukur,
Kesyukuran, Syukur.
2a Mzm. 27:14;

Yes. 30:18-19;
A&P 133:45.
3a A&P 122:7.
pts Kesusahan.

5a 1 Ptr. 2:13-14;
A&P 58:21; 134:5.

adalah ^bberdasarkan undang-undang perlembagaan, menyokong asas kebebasan dalam memelihara hak dan keistimewaan, adalah kepunyaan seluruh umat manusia, dan dapat dipersoalkan di hadapan-Ku.

6 Oleh kerana itu, Aku, Tuhan, mempersolehkanmu, dan saudara-saudaramu dari gereja-Ku, dalam menyokong hukum itu yang merupakan undang-undang negara berdasarkan undang-undang perlembagaan;

7 Dan berhubung dengan hukum manusia, apa pun yang lebih atau kurang daripada ini, datang dari yang jahat.

8 Aku, Tuhan Raja, menjadikanmu ^abebas, oleh kerana itu kamu sudah tentunya bebas; dan hukum juga menjadikanmu bebas.

9 Walaupun demikian, apabila yang ^ajahat berkuasa orang-orang itu berduka.

10 Kerana itu, orang ^ajujur dan orang bijak harus dicari dengan tekun, dan orang baik dan orang bijak harus kamu sokong; jika tidak apa pun yang kurang daripada ini datang daripada yang jahat.

11 Dan Aku memberi kepadamu sebuah perintah, bahawa kamu

harus meninggalkan segala kejahatan dan berpegang teguh pada segala kebaikan, agar kamu akan hidup dengan setiap ^afirman yang keluar daripada mulut Tuhan.

12 Kerana Dia akan ^amemberikan kepada yang setia baris demi baris, ajaran demi ajaran; dan Aku akan ^bmencubaimu dan mengujimu dengan ini.

13 Dan barang siapa ^amenyerahkan nyawanya dalam tujuan-Ku, demi kepentingan nama-Ku, akan menemukannya kembali, bahkan kehidupannya yang abadi.

14 Oleh kerana itu, janganlah ^atakut kepada musuhmu, kerana telah Aku tetapkan dalam hati-Ku, firman Tuhan, bahawa Aku akan ^bmengujimu dalam segala hal, sama ada kamu akan mematuhi perjanjian-Ku, bahkan sehingga ^ckeamatan, agar kamu boleh didapati layak.

15 Kerana jika kamu tidak mahu mematuhi perjanjian-Ku kamu tidak layak bagi-Ku.

16 Oleh kerana itu, ^atinggalkanlah ^bperang dan maklumkanlah ^ckedamaian, dan usahakanlah dengan tekun untuk ^dmemalingkan hati anak-anak kepada nenek moyang mereka, dan hati nenek moyang kepada anak-anak;

5b A&P 101:77-80;
109:54.

pts Kemerdekaan;
Perlembagaan.

8a Yoh. 8:32;
2 Kor. 3:17.

pts Bebas, Kebebasan;
Hak pilihan.

9a Ams. 29:2.

10a pts Jujur, Kejujuran.

11a Ul. 8:3;

Mat. 4:4;
A&P 84:43-44.

12a Yes. 28:10;

A&P 42:61.

b Abr. 3:25-26.

13a Luk. 9:24;

A&P 101:35-38;
103:27-28.

pts Mati syahid,
Kesyahidan.

14a Neh. 4:14;

A&P 122:9.

b A&P 124:55.

c Why. 2:10;

A&P 136:31, 39.

16a Alma 48:14.

pts Pendamai.

b pts Peperangan.

c pts Kedamaian.

d Mal. 4:5-6;

A&P 2:1-2.

17 Dan lagi, hati "bangsa Yahudi kepada para nabi, dan para nabi kepada bangsa Yahudi; agar jangan Aku datang dan menghentam seluruh bumi dengan kutukan, dan semua manusia dijilat api di hadapan-Ku.

18 Janganlah biarkan hatimu susah; kerana di dalam rumah Bapa-Ku ada "banyak tempat tinggal, dan Aku telah menyediakan sebuah tempat bagimu; dan di mana Bapa-Ku dan Aku berada, di sanalah kamu akan berada juga.

19 Lihatlah, Aku, Tuhan, tidak terlalu berkenan dengan banyak orang yang berada di dalam jemaah gereja di Kirtland;

20 Kerana mereka tidak meninggalkan dosa-dosa mereka, dan jalan mereka yang jahat, kesombong hati mereka, dan ketamakan mereka, dan segala hal mereka yang menjijikkan, dan mematuhi firman kebijaksanaan dan kehidupan kekal yang telah Aku berikan kepada mereka.

21 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa Aku, Tuhan, akan "menghukum mereka dan akan melakukan apa pun yang Aku inginkan, jika mereka tidak bertaubat dan mematuhi segala hal apa pun yang telah Aku firman kepada mereka.

22 Dan lagi Aku berfirman kepadamu, jika kamu berusaha keras untuk "melakukan apa pun yang

Aku perintahkan kepadamu, Aku, Tuhan, akan memalingkan segala kemurkaan dan kemarahan daripadamu, dan "gerbang-gerbang neraka tidak akan berjaya melawanmu.

23 Sekarang, Aku berfirman kepadamu mengenai keluar-gamu—jika manusia akan "menghantammu, atau keluargamu, sekali saja, dan kamu menahannya dengan sabar dan tidak mencaci mereka, tidak juga mencari pembalasan dendam, kamu akan diberi ganjaran;

24 Tetapi jika kamu tidak menahannya dengan sabar, ia akan diambil kira kepadamu sebagai hukuman adil yang "setimpal kepadamu.

25 Dan lagi, jika musuhmu akan menghentammu pada kedua kalinya, dan kamu tidak mencaci musuhmu, dan menahannya dengan sabar, ganjaranmu akan menjadi seratus kali lipat.

26 Dan lagi, jika dia akan menghentammu pada ketiga kalinya, dan kamu menahannya dengan "sabar, ganjaranmu akan digandakan empat kali ganda;

27 Dan tiga kesaksian ini akan berdiri menentang musuhmu jika dia tidak bertaubat, dan tidak akan disingkirkan.

28 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, jika musuh itu akan terlepas dari

17a pts Bangsa Yahudi.
18a Yoh. 14:2;
A&P 59:2; 76:111; 81:6.
21a Mosia 23:21;
Hel. 12:3.
pts Tegur, Menegur.

22a pts Patuh, Kepatuhan,
Mematuhi.
b Mat. 16:17-18;
A&P 33:12-13.
23a Luk. 6:29;
Alma 43:46-47.

pts Aniaya,
Penganiayaan.
24a Mat. 7:1-2.
26a pts Kesabaran.

pembalasan-Ku, sehingga dia tidak dibawa pada penghakiman di hadapan-Ku, maka kamu harus memastikan bahawa kamu akan “memperingatkannya dalam nama-Ku, agar dia tidak lagi menyeringmu, tidak juga keluargamu, bahkan anak-anak kepada anak-anakmu sehingga generasi yang ketiga dan keempat.

29 Dan kemudian, jika dia akan menyerangmu atau anak-anakmu, atau anak-anak kepada anak-anakmu sehingga generasi ketiga dan keempat, Aku telah menyerahkan musuhmu ke dalam tanganmu;

30 Dan kemudian jika engkau akan membiarkan dia hidup, engkau akan diberi ganjaran kerana kesolehanmu; dan juga anak-anakmu dan anak-anak kepada anak-anakmu sehingga generasi ketiga dan keempat.

31 Walaupun demikian, musuhmu berada dalam tanganmu; dan jika engkau memberi ganjaran kepadanya menurut pekerjaannya engkau dipersolehkan; jika dia telah mengancam nyawamu, dan nyawamu terancam olehnya, musuhmu berada dalam tanganmu dan engkau dipersolehkan.

32 Lihatlah, inilah hukum yang Aku berikan kepada hamba-Ku Nefi, dan “bapamu, Yusuf, dan Yakub, dan Ishak, dan Abraham, dan semua nabi dan rasul-Ku zaman dahulu.

33 Dan lagi, inilah “hukum yang Aku berikan kepada umat-Ku zaman dahulu, bahawa mereka tidak akan pergi bertempur melawan negara, kaum, bahasa, atau bangsa mana pun, kecuali Aku, Tuhan, perintahkan kepada mereka.

34 Dan jika negara, bahasa, atau bangsa mana pun akan mengisytiharkan peperangan menentang mereka, mereka pertamanya harus mengangkat suatu panji “kedamaian kepada bangsa, negara, atau bahasa itu;

35 Dan jika orang-orang itu tidak menerima tawaran perdamaian, tidak juga pada kali kedua tidak juga pada kali ketiga, mereka harus membawa kesaksian ini ke hadapan Tuhan;

36 Maka Aku, Tuhan, akan memberikan kepada mereka sebuah perintah, dan mempersolehkan mereka dalam pergi bertempur melawan negara, bahasa, atau bangsa itu.

37 Dan Aku, Tuhan, akan “berperang bagi pertempuran mereka, dan pertempuran anak-anak mereka, dan anak-anak kepada anak-anak mereka, sehingga mereka telah membalas dendam kepada semua musuh mereka, sehingga generasi ketiga dan keempat.

38 Lihatlah, inilah sebuah contoh kepada semua orang, firman Tuhan Rajamu, untuk persolehan di hadapan-Ku.

28a Prs Amaran, Memberi Amaran.
32a A&P 27:10.

33a Ul. 20:10;
Alma 48:14–16.
34a A&P 105:38–41.

37a Yos. 23:10;
Yes. 49:25.

39 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, jika selepas musuhmu menyerang engkau pertama kalinya, dia bertaubat dan datang kepadamu memohon pengampunanmu, engkau harus mengampuninya, dan tidak lagi menganggapnya sebagai kesaksian menentang musuhmu—

40 Dan seterusnya sehingga yang kedua dan ketiga kalinya; dan sesering musuhmu bertaubat dari pelanggaran yang telah dia langgar kepadamu, engkau harus “mengampuninya, sehingga tujuh puluh kali tujuh.

41 Dan jika dia melanggar terhadapmu dan tidak bertaubat pada kali pertama, walau bagaimanapun engkau harus mengampuninya.

42 Dan jika dia melanggar terhadapmu pada kali kedua, dan tidak bertaubat, walaupun demikian engkau haruslah mengampuninya.

43 Dan jika dia melanggar terhadapmu pada kali ketiga, dan tidak bertaubat, engkau juga harus mengampuninya.

44 Tetapi jika dia melanggar terhadapmu pada kali keempat janganlah engkau mengampuninya, tetapi harus membawa kesaksian ini ke hadapan Tuhan; dan ianya tidak akan dihapuskan sehingga dia bertaubat dan mem-

beri ganjaran kepadamu empat kali ganda dalam semua hal yang dia telah langgar terhadapmu.

45 Dan jika dia melakukan ini, engkau harus mengampuninya dengan sepenuh hatimu; dan jika dia tidak melakukan ini, Aku, Tuhan, akan “membalaskan bagimu terhadap musuhmu seratus kali ganda;

46 Dan ke atas anak-anaknya, dan ke atas anak-anak kepada anak-anaknya daripada mereka semua yang membenci-Ku, sehingga generasi “ketiga dan keempat.

47 Tetapi jika anak-anak itu akan bertaubat, atau anak-anak kepada anak-anak itu, dan “berpaling kepada Tuhan Raja mereka, dengan sepenuh hati mereka dan dengan sepenuh daya, fikiran, dan kekuatan mereka, dan memulihkan empat kali ganda untuk semua pelanggaran mereka yang mereka telah langgar, atau dengan apa yang nenek moyang mereka, atau nenek moyang dari ayah mereka, maka kemarahanmu harus dipalingkan;

48 Dan “pembalasan tidak akan datang lagi ke atas diri mereka, firman Tuhan Rajamu, dan pelanggaran mereka tidak akan pernah dibawa lagi sebagai kesaksian di hadapan Tuhan menentang mereka. Amin.

40a Mat. 18:21–22;
A&P 64:9–11.
pts Mengampuni.

45a Morm. 8:20.
46a Ul. 5:9–10.
47a Mosia 7:33;

Morm. 9:6.
48a Yeh. 18:19–23.

BAHAGIAN 99

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada John Murdock, 29 Ogos 1832, di Hiram, Ohio. Selama satu tahun, John Murdock mengkhutbahkan Injil semasa anak-anaknya—tidak beribu setelah kematian isterinya, Julia Clapp, pada April 1831—tinggal bersama keluarga lain di Ohio.

1-8, John Murdock dipanggil untuk memaklumkan Injil, dan mereka yang menerimanya menerima Tuhan dan akan mendapatkan belas kasihan.

LIHATLAH, demikianlah firman Tuhan kepada hamba-Ku John Murdock—engkau dipanggil untuk pergi ke negara-negara sebelah timur dari rumah ke rumah, dari desa ke desa, dan dari kota ke kota, untuk memaklumkan Injil abadi-Ku kepada penduduknya, di tengah-tengah “penganiayaan dan kejahatan.

2 Dan yang “menerimamu menerima-Ku; dan kamu akan memiliki kuasa untuk memaklumkan firman-Ku dalam ^bpenyataan Roh Kudus-Ku.

3 Dan yang menerimamu “seperti seorang anak kecil, menerima ^bkerajaan-Ku; dan diberkatilah mereka, kerana mereka akan mendapatkan “belas kasihan.

4 Dan barang siapa menolakmu akan “ditolak oleh Bapa-Ku dan seisi rumah-Nya; dan kamu

harus membersihkan ^bkakimu di tempat-tempat rahsia dalam perjalanan sebagai kesaksian terhadap mereka.

5 Dan lihatlah, dan tengoklah, Aku “datang dengan cepat untuk ^bpenghakiman, untuk meyakinkan segala perbuatan fasiq mereka yang telah mereka lakukan menentang-Ku, seperti yang tertulis tentang Aku dalam jilid kitab itu.

6 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa tidaklah perlu bahawa kamu harus pergi sehinggalah anak-anakmu diurus, dan dihantar dengan baik kepada uskup di Sion.

7 Dan selepas beberapa tahun, jika engkau hasratkan daripada-Ku, engkau juga boleh pergi ke tanah yang baik itu, untuk memiliki warisanmu;

8 Jika tidak, engkau haruslah meneruskan untuk memaklumkan Injil-Ku “sehinggalah engkau diambil. Amin.

99 1a PTS Aniaya,
Penganiayaan.

2a Mat. 10:40.

b 1 Kor. 2:4-5.

3a Mat. 18:1-6.

b PTS Kerajaan Tuhan

atau Kerajaan Syurga.

c PTS Belas Kasihan,
Berbelas Kasihan.

4a Yoh. 12:44-50.

b A&P 75:19-22.

5a A&P 1:11-14.

b Yud. 1:14-15.

PTS Yesus Kristus—
Hakim.

8a Mat. 19:29.

BAHAGIAN 100

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith dan Sidney Rigdon, di Perrysburg, New York, 12 Oktober 1833. Dua saudara ini, setelah tidak berada bersama keluarga mereka untuk beberapa hari, berasa risau tentang mereka.

1-4, Joseph dan Sidney mengkhutbahkan Injil demi keselamatan para jiwa; 5-8, Ianya akan diberikan kepada mereka pada jam yang tepat apa yang harus mereka katakan; 9-12, Sidney akan menjadi jurucakap dan Joseph akan menjadi pewahyu dan perkasa dalam kesaksian; 13-17, Tuhan akan membangunkan suatu umat yang murni, dan yang patuh akan diselamatkan.

SESUNGGUHNYA, demikianlah firman Tuhan kepadamu, teman-teman-Ku ^aSidney dan ^bJoseph, keluargamu sihat; mereka berada dalam tangan-Ku, dan Aku akan melakukan terhadap mereka seperti yang kelihatannya baik bagi-Ku; kerana di dalam-Ku adanya segala kuasa.

2 Oleh kerana itu, ikutlah Aku, dan dengarkanlah nasihat yang akan Aku berikan kepadamu.

3 Lihatlah, dan tengoklah, Aku mempunyai banyak orang di tempat ini, di wilayah-wilayah sekitarnya; dan sebuah pintu jalan akan dibukakan di wilayah sekitarnya di negeri sebelah timur ini.

4 Oleh kerana itu, Aku, Tuhan, telah membiarkanmu untuk datang

ke tempat ini; kerana demikianlah ianya adalah perlu menurut-Ku demi "keselamatan para jiwa.

5 Oleh kerana itu, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, angkatlah suaramu kepada orang-orang ini; "katakanlah fikiran yang akan Aku letakkan ke dalam hatimu, dan kamu tidak akan ditundukkan di hadapan manusia;

6 Kerana akan "diberikan kepadamu pada jam yang tepat, ya, pada saat yang tepat, apa yang harus kamu katakan.

7 Tetapi sebuah perintah Aku berikan kepadamu, bahawa kamu harus memaklumkan apa pun hal yang kamu "maklumkan dalam nama-Ku, dalam kekhusyukan hati, dalam roh ^bkelembutan hati, dalam semua hal.

8 Dan Aku memberi kepadamu janji ini, bahawa sejauh kamu melakukan ini "Roh Kudus akan dicurahkan dalam memberikan kesaksian untuk semua hal apa pun yang akan kamu katakan.

9 Dan ianya adalah perlu menurut-Ku bahawa kamu, hamba-Ku Sidney, harus menjadi "jurucakap bagi orang-orang ini; ya, sesungguhnya, Aku akan

100 1a prs Sidney Rigdon.
b prs Joseph Smith Jr.
4a prs Keselamatan.
5a Hel. 5:18;
A&P 68:3-4.

6a Mat. 10:19-20;
A&P 84:85.
7a A&P 84:61.
b prs Lembut Hati,
Kelembutan Hati.

8a 2 Ne. 33:1-4.
9a Kel. 4:14-16;
2 Ne. 3:17-18;
A&P 124:103-104.

menahbiskanmu pada panggilan ini, bahkan untuk menjadi jurucakap bagi hamba-Ku Joseph.

10 Dan Aku akan memberikan kepadanya kuasa untuk menjadi perkasa dalam ^akesaksian.

11 Dan Aku akan memberi kepadamu kuasa untuk menjadi ^aperkasa dalam menghuraikan semua tulisan suci, agar engkau boleh menjadi jurucakap baginya, dan dia akan menjadi ^bpewahyu bagimu, agar engkau boleh mengetahui kepastian akan semua hal berkaitan dengan hal-hal tentang kerajaan-Ku di atas bumi.

12 Oleh kerana itu, teruskanlah perjalananmu dan biarlah hatimu bersukacita; kerana lihatlah, dan tengoklah, Aku bersertamu bahkan sehingga akhir.

13 Dan sekarang Aku memberi kepadamu firman tentang ^aSion.

Sion akan ^bditebus, walaupun dia dihukum untuk suatu tempoh masa yang singkat.

14 Saudara-saudaramu, hamba-Ku ^aOrson Hyde dan John Gould, berada dalam tangan-Ku; dan sejauh mereka mentaati perintah-perintah-Ku mereka akan diselamatkan.

15 Oleh kerana itu, biarlah hatimu terhibur; kerana ^asemua hal akan bekerja bersama demi kebaikan mereka yang berjalan dengan lurus, dan bagi pengu-dusan gereja.

16 Kerana Aku akan membangunkan bagi diri-Ku suatu umat yang ^amurni, yang akan melayani-Ku dalam kesolehan;

17 Dan semua yang ^amemanggil nama Tuhan, dan mentaati perintah-perintah-Nya, akan diselamatkan. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 101

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 16 dan 17 Disember 1833. Pada waktu ini para Orang Suci yang telah berkumpul di Missouri sedang menderita penganiayaan yang besar. Kumpulan-kumpulan perusuh telah menghalau mereka dari rumah mereka di Jackson County; dan sebahagian daripada Orang Suci telah cuba untuk menempatkan diri mereka di Van Buren, Lafayette, dan Ray Counties, tetapi penganiayaan mengikuti mereka. Perkumpulan utama para Orang Suci pada waktu itu berada di Clay County, Missouri. Ancaman kematian terhadap para individu di Gereja adalah banyak. Para Orang Suci di Jackson County telah kehilangan perabot rumah, pakaian, haiwan ternakan, dan harta benda peribadi yang lain; dan banyak hasil tanaman mereka telah dihancurkan.

10a prs Bersaksi.

11a Alma 17:2-3.

b A&P 124:125.

13a prs Sion.

b A&P 84:99;

105:9-10, 31, 37.

14a prs Orson Hyde.

15a Rm. 8:28;

A&P 90:24; 105:40.

16a prs Murni,

Kemurnian.

17a Yl. 2:32; Alma 38:4-5.

1-8, Para Orang Suci dihukum dan disengsarakan kerana pelanggaran mereka; 9-15, Kemarahan Tuhan akan jatuh ke atas bangsa-bangsa itu, tetapi umat-Nya akan dikumpulkan dan dihiburkan; 16-21, Sion dan pancang-pancangnya akan ditegakkan; 22-31, Alam kehidupan semasa Milenium dinyatakan; 32-42, Para Orang Suci akan diberkati dan diberi ganjaran pada waktu itu; 43-62, Perumpamaan orang bangsawan dan pokok zaitun menandakan kesusahan dan penebusan Sion pada akhirnya; 63-75, Para Orang Suci harus terus berkumpul bersama; 76-80, Tuhan menegakkan Perlembagaan Amerika Syarikat; 81-101, Para Orang Suci mesti menuntut ganti rugi di atas kesengsaraan, menurut perumpamaan wanita dan hakim yang tidak adil.

SESUNGGUHNYA Aku berfirman kepadamu, tentang saudara-saudaramu yang telah disengsarakan, dan ^adianiaya, dan ^bdiusir dari negeri warisan mereka—

2 Aku, Tuhan, telah membiarkan ^akesengsaraan melanda mereka, yang dengannya mereka telah disengsarakan, sebagai akibat daripada ^bpelanggaran mereka.

3 Namun Aku akan memiliki mereka, dan mereka akan menjadi

^amilik-Ku pada hari itu apabila Aku akan datang untuk mengumpulkan permata-permata-Ku.

4 Oleh kerana itu, mereka mestilah perlu ^adihukum dan dicubai, bahkan seperti ^bAbraham, yang telah diperintahkan untuk mempersembahkan satu-satunya anak lelakinya.

5 Kerana mereka semua yang tidak mahu bertahan dalam penghukuman, tetapi ^amenyangkal-Ku, tidak dapat ^bdikuduskan.

6 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu, terdapat pertelingkahan, dan ^apertikaian, dan ^bkeirihan, dan persengketaan, dan keinginan-keinginan yang ^cpenuh nafsu dan tamak di kalangan mereka; oleh kerana itu melalui hal ini mereka telah mencemarkan harta-harta warisan mereka.

7 Mereka lambat untuk ^amendengarkan suara Tuhan Raja mereka; oleh kerana itu, Tuhan Raja mereka lambat untuk mendengarkan doa mereka, untuk menjawab mereka pada masa kesusahan mereka.

8 Pada masa kedamaian mereka, mereka memandang ringan nasihat-Ku; tetapi, pada masa ^akesusahan mereka, semasa memerlukan mereka ^bmencari-cari Aku.

9 Sesungguhnya Aku berfirman

101 1a PTS Aniaya, Penganiayaan.

b A&P 103:1-2, 11; 109:47.

2a A&P 58:3-4.

b Mosia 7:29-30; A&P 103:4; 105:2-10.

3a Yes. 62:3; Mal. 3:17; A&P 60:4.

4a A&P 95:1-2; 136:31. PTS Tegur, Menegur.

b Kej. 22:1-14; Yakub 4:5.

PTS Abraham.

5a Mat. 10:32-33; Rm. 1:16;

2 Ne. 31:14.

b PTS Pengudusan.

6a PTS Pertikaian.

b PTS Iri hati.

c PTS Nafsu.

7a Yes. 59:2;

Mosia 11:22-25; 21:15; Alma 5:38.

8a Hel. 12:3.

b Kis. 17:27;

Alma 32:5-16.

kepadamu, walau bagaimanapun dosa-dosa mereka, sanubari-Ku dipenuhi dengan ^abelas kasihan terhadap mereka. Aku tidak akan ^bmenyingkirkan mereka sepenuhnya; dan pada masa ^ckemurkaan Aku akan mengingati belas kasihan.

10 Aku telah bersumpah, dan perintah itu telah tersebar luas melalui sebuah perintah yang telah Aku berikan kepadamu, bahawa Aku akan membiarkan ^apedang kemarahan-Ku jatuh demi umat-Ku; dan bahkan seperti yang telah Aku firmankan, ia akan terjadi.

11 Kemarahan-Ku akan segera dicurahkan tanpa batasan kepada semua bangsa; dan ini akan Aku lakukan apabila cawan kederhaan mereka ^a“penuh.

12 Dan pada hari itu semua yang berada di atas ^amenara kawalan, atau dengan perkataan lain, seluruh Israel-Ku, akan diselamatkan.

13 Dan mereka yang telah dicerai-beraikan akan ^a“dikumpulkan.

14 Dan mereka semua yang telah ^a“berduka akan dihiburkan.

15 Dan mereka semua yang telah memberikan ^a“nyawa mereka demi nama-Ku akan dimahkotai.

16 Oleh kerana itu, biarlah

hatimu terhibur tentang Sion; kerana semua manusia berada dalam ^a“tangan-Ku; tenanglah dan ^bketahuilah bahawa Aku ialah Tuhan.

17 ^a“Sion tidak akan dipindahkan dari tempatnya, walaupun anak-anaknya dicerai-beraikan.

18 Mereka yang tinggal, dan suci hatinya, akan kembali, dan mendapatkan harta ^a“warisan mereka, mereka dan anak-anak mereka, dengan ^blagu kebahagiaan abadi, untuk ^c“membangunkan tempat-tempat Sion yang tandus—

19 Dan semuanya ini agar para nabi boleh digenapi.

20 Dan, lihatlah, tidak ada ^a“tempat lain yang ditetapkan melainkan yang telah Aku tetapkan itu; dan tidak akan ditetapkan tempat lain mana pun melainkan yang telah aku tetapkan, untuk pekerjaan pengumpulan para orang suci-Ku—

21 Sehingga tiba masanya apabila tidak ada lagi ruang untuk mereka; dan pada waktu itu Aku memiliki tempat-tempat lain yang akan Aku tetapkan bagi mereka, dan ianya akan disebut ^a“pancang, untuk tirai atau kekuatan Sion.

22 Lihatlah, ini adalah kehendak-Ku, bahawa mereka semua

9a pts Belas Kasihan,
Berbelas Kasihan;
Rasa kasihan.

b Yer. 30:11.

c A&P 98:21-22.

10a A&P 1:13-14.

11a Hel. 13:14;

Eter 2:9-11.

12a pts Berjaga, Para
Penjaga.

13a Ul. 30:3-6;

1 Ne. 10:14.

pts Israel—
Pengumpulan Israel.

14a Mat. 5:4.

15a Mat. 10:39.

pts Mati syahid,
Kesyahidan.

16a Musa 6:32.

b Kel. 14:13-14;

Mzm. 46:10.

17a pts Sion.

18a A&P 103:11-14.

b Yes. 35:10;

A&P 45:71.

pts Nyanyi.

c Am. 9:13-15;

A&P 84:2-5; 103:11.

20a A&P 57:1-4.

21a A&P 82:13-14;

115:6, 17-18.

pts Pancang.

yang memanggil nama-Ku, dan menyembah-Ku menurut Injil abadi-Ku, seharusnya ^aberkumpul bersama, dan ^bberdiri di tempat-tempat kudus;

23 Dan bersedia untuk wahyu yang akan datang, apabila ^atirai yang menutupi bait suci-Ku, di dalam khemah ibadat-Ku, yang menyembunyikan bumi, akan dibukakan, dan semua manusia akan ^bmelihat-Ku bersama.

24 Dan setiap hal yang ^amereput, baik manusia, atau binatang di ladang, atau burung di langit, atau ikan di laut, yang tinggal di atas seluruh muka bumi, akan ^bdijilat api;

25 Dan juga yang dari unsur akan ^amencair dengan haba yang kuat; dan segalanya akan menjadi ^bbaru, agar pengetahuan dan ^ckemuliaan-Ku boleh berada di atas seluruh bumi.

26 Dan pada hari itu ^apermusuhan manusia, dan permusuhan binatang, ya, permusuhan semua makhluk, akan ^bberhenti dari hadapan muka-Ku.

27 Dan pada hari itu apa pun yang diminta oleh seseorang, ia akan diberikan kepadanya.

28 Dan pada hari itu ^aSetan tidak akan memiliki kuasa untuk menggoda sesiapa pun.

29 Dan tidak akan ada ^akedukaan kerana tidak ada kematian.

30 Pada hari itu seorang ^abayi tidak akan mati sehinggalah dia tua; dan hidupnya akan seperti usia sebatang pokok;

31 Dan apabila dia mati dia tidak akan tidur, yang dimaksudkan di dalam tanah, tetapi akan ^adiubah dalam sekelip mata, dan akan ^bdiangkat, dan peristirahatannya akan menjadi mulia.

32 Ya, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, pada ^ahari itu apabila Tuhan akan datang, Dia akan ^bmendedahkan segalanya—

33 Apa yang telah berlalu, dan ^aapa yang tersembunyi yang tiada seorang pun tahu, hal-hal bumi, yang mana dengannya ianya dijadikan, dan tujuan dan penghujungnya—

34 Hal-hal yang paling berharga, apa yang ada di atas, dan apa yang ada di bawah, hal-hal di dalam bumi, dan di atas bumi, dan di langit.

35 Dan mereka semua yang menderita ^apenganiayaan demi

22a prs Israel—
Pengumpulan Israel.

b Mat. 24:15;
A&P 45:32; 115:6.

23a prs Tirai.

b Yes. 40:5;
A&P 38:8; 93:1.
prs Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.

24a A&P 29:24.

b Zef. 1:2–3;
Mal. 4:1;
A&P 88:94;
JS—S 1:37.

25a Am. 9:5;
2 Ptr. 3:10–14.

prs Bumi—
Pembersihan bumi.

b Why. 21:5.

c prs Zaman Seribu
Tahun.

26a Yes. 11:6–9.
prs Permusuhan.

b prs Kedamaian.

28a Why. 20:2–3;
1 Ne. 22:26;
A&P 88:110.

29a Why. 21:4.

30a Yes. 65:20–22;
A&P 63:51.

31a 1 Kor. 15:52;
A&P 43:32.

b 1 Tes. 4:16–17.

32a A&P 29:11.
prs Zaman Seribu
Tahun.

b A&P 121:26–28.

33a prs Misteri-misteri
Tuhan.

35a A&P 63:20.

prs Aniaya,
Penganiayaan.

nama-Ku, dan bertahan dalam iman, walaupun mereka dipanggil untuk menyerahkan nyawa mereka demi ^bkepentingan-Ku namun mereka akan mengambil bahagian dalam seluruh kemuliaan ini.

36 Kerana itu, janganlah takut bahkan pada ^akematian; kerana di dunia ini ^bkebahagiaanmu tidaklah penuh, tetapi di dalam Aku kebahagiaanmu penuh.

37 Oleh kerana itu, janganlah risaukan tubuhmu, bahkan juga nyawatubuh; tetapi jagalah ^ajiwa, dan riwayat jiwa.

38 Dan ^acarilah wajah Tuhan selalu, agar dengan ^bkesabaran kamu boleh memiliki jiwamu, dan kamu akan memiliki kehidupan kekal.

39 Apabila manusia dipanggil pada ^aInjil abadi-Ku, dan membuat perjanjian dengan sebuah perjanjian yang abadi, mereka dianggap sebagai ^bgaram bumi dan perasa bagi manusia;

40 Mereka dipanggil untuk menjadi perasa bagi manusia; oleh kerana itu, jika garam bumi itu kehilangan rasanya, lihatlah, sejak dari itu ia tidak berguna untuk apa pun melainkan untuk dibuang dan dipijak-pijak di bawah kaki manusia.

41 Lihatlah, inilah kebijaksanaan tentang anak-anak Sion,

bahkan banyak, tetapi bukan semua; mereka didapati sebagai pelanggar, oleh kerana itu mereka mestilah perlu ^adihukum—

42 Dia yang ^amemuliakan dirinya akan direndahkan, dan dia yang ^bmerendahkan dirinya akan dimuliakan.

43 Dan sekarang, Aku akan memperlihatkan kepadamu sebuah perumpamaan, agar kamu boleh mengetahui kehendak-Ku tentang penebusan Sion.

44 Seorang ^abangsawan yang tertentu memiliki sebidang tanah, yang sangat terpilih; dan dia berkata kepada para orang suruhannya: Pergilah kamu ke ^bladangku, bahkan di atas bidang tanah yang sangat terpilih ini, dan tanamlah dua belas batang pokok zaitun;

45 Dan tempatkanlah ^apara penjaga di sekeliling mereka, dan binalah sebuah menara, agar seseorang boleh memerhatikan kawasan sekitar tanah itu, untuk menjadi pengawal di atas menara itu, agar pokok-pokok zaitunku tidak akan ditumbang apabila musuh datang untuk mencuri dan mengambil ke atas diri mereka buah dari ladangku.

46 Sekarang, para orang suruhan orang bangsawan itu pergi dan melakukan seperti mana yang diperintahkan oleh tuan mereka kepada mereka, dan menanam

35 *b* A&P 98:13.

36 *a* *pts* Kematian Jasmani.
b *pts* Kegembiraan.

37 *a* *pts* Jiwa.

38 *a* 2 Taw. 7:14;
A&P 93:1.

b *pts* Kesabaran.

39 *a* *pts* Perjanjian yang

Baru dan Kekal.

b Mat. 5:13;

A&P 103:10.

41 *a* *pts* Tegur, Menegur.

42 *a* Ob. 1:3-4; Luk. 14:11;
Hel. 4:12-13.

b Luk. 18:14.

pts Rendah Hati,

Kerendahan Hati.

44 *a* A&P 103:21-22.

b *pts* Ladang Anggur
Tuhan.

45 *a* Yeh. 33:2, 7;

3 Ne. 16:18.

pts Berjaga, Para
Penjaga.

pokok-pokok zaitun, dan membuat pagar di sekelilingnya, dan menempatkan para pengawal, dan mula membina sebuah menara.

47 Dan semasa mereka masih meletakkan landasannya, mereka mula berkata di antara sesama mereka: Dan apakah yang tuanku perlukan dari menara ini?

48 Dan berbincang untuk suatu tempoh yang lama, berkata di antara sesama mereka: Apakah yang tuanku perlukan dari menara ini, sedangkan sekarang adalah suatu masa yang aman?

49 Bukankah wang ini harus diberikan kepada para penukar wang? Kerana tiada keperluan terhadap benda-benda ini.

50 Dan semasa mereka saling berselesih pendapat mereka menjadi sangat malas, dan mereka tidak mendengar perintah-perintah tuan mereka.

51 Dan musuh datang pada waktu malam, dan menumbangkan “pagar itu; dan para orang suruhan bangsawan itu bangun dan ketakutan, dan melarikan diri; dan musuh menghancurkan kerja-kerja mereka, dan menumbangkan pokok-pokok zaitun itu.

52 Sekarang, lihatlah, orang bangsawan itu, tuan ladang itu, memanggil para orang suruhannya, dan berkata kepada mereka, Mengapa! apakah penyebab kejahatan yang besar ini?

53 Bukankah kamu seharusnya melakukan bahkan seperti yang telah aku perintahkan kepadamu, dan—setelah kamu mena-

nam ladang dan membina pagar di sekelilingnya, dan menempatkan para pengawal di atas dinding temboknya—membina menara itu juga, dan menempatkan seorang pengawal di atas menara itu, dan mengawal ladangku, dan tidak tertidur, agar musuh tidak datang menyerangmu?

54 Dan lihatlah, pengawal di atas menara itu akan dapat melihat musuh semasa dia masih lagi jauh; dan kemudian kamu dapat bersedia dan menghalang musuh daripada menumbangkan pagarnya, dan menyelamatkan ladangku daripada tangan si pemusnah.

55 Dan tuan ladang itu berkata kepada salah seorang suruhannya: Pergi dan kumpulkanlah bersama orang-orang suruhanku yang selebihnya, dan ambillah “segala kekuatan isi rumahku, iaitu para pahlawanku, para pemudaku, dan juga mereka yang dalam pertengahan umur di kalangan semua orang suruhanku, yang merupakan kekuatan seisi rumahku, kecuali hanya mereka yang telah aku tetapkan untuk tinggal;

56 Dan pergilah kamu dengan segera ke tanah ladangku, dan tebuslah ladangku; kerana ia adalah milikku; aku telah membelinya dengan wang.

57 Oleh kerana itu, pergilah kamu dengan segera ke tanahku; runtuhkanlah dinding tembok musuhku; tumbanglah menara mereka, dan tempiarkanlah para pengawal mereka.

58 Dan sejauh mereka berkumpul

bersama melawanmu, "tuntutlah bela pada musuh-musuhku, agar dengan segera aku boleh datang bersama dengan seisi rumahku yang selebihnya dan memiliki tanah itu.

59 Dan orang suruhan itu berkata kepada tuannya: Bilakah hal-hal ini akan terjadi?

60 Dan dia berkata kepada orang suruhannya: Apabila aku menghendaknya; pergilah kamu dengan segera, dan lakukanlah semua hal yang telah aku perintahkan kepadamu;

61 Dan ini akan menjadi meterai dan berkatku kepada dirimu—seorang pengawas yang setia dan "bijak di tengah-tengah isi rumahku, ^bpemerintah di dalam kerajaanku.

62 Dan orang suruhannya pergi dengan segera, dan melakukan semua hal yang tuannya telah perintahkan kepadanya; dan berhari-hari "selepas itu semua hal digenapi.

63 Lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Aku akan memperlihatkan kepadamu kebijaksanaan di dalam Aku tentang semua jemaah gereja, sejauh mereka bersedia untuk dibimbing pada jalan yang benar dan tepat demi keselamatan mereka—

64 Agar pekerjaan pengumpulan bersama para orang suci-Ku boleh diteruskan, agar Aku boleh membangunkan mereka demi nama-Ku

di atas "tempat-tempat yang kudus; kerana waktu ^bmenuai telah tiba, dan firman-Ku mestilah perlu ^cdigenapi.

65 Oleh kerana itu, Aku mesti mengumpulkan bersama umat-Ku, menurut perumpamaan gandum dan "lalang, agar gandum boleh dikumpulkan di dalam gudang-gudang untuk memiliki kehidupan kekal, dan dimahkotai dengan kemuliaan ^bselestial, apabila Aku akan datang ke dalam kerajaan Bapa-Ku untuk memberi ganjaran kepada setiap orang menurut pekerjaannya;

66 Sementara itu lalang akan diikat dalam berkas-berkas, dan ikatannya diikat kuat, agar ianya boleh "dibakar dengan api yang tidak dapat dipadamkan.

67 Oleh itu, sebuah perintah Aku berikan kepada semua jemaah gereja, agar mereka harus terus berkumpul bersama ke tempat-tempat yang telah Aku tetapkan.

68 Walaupun demikian, seperti yang telah Aku firmankan kepadamu dalam sebuah perintah yang terdahulu, janganlah biarkan "pengumpulanmu tergesa-gesa, tidak juga dengan terburu-buru; tetapi biarlah segalanya disediakan sebelumnya bagimu.

69 Dan supaya segalanya disediakan sebelumnya bagimu, turutilah perintah yang telah Aku berikan berkenaan hal-hal ini—

70 Yang mengatakan, atau

58a A&P 97:22-24; 105:15.

61a A&P 78:22.

b Mat. 25:20-23.

62a A&P 105:37.

64a A&P 87:8.

b A&P 33:3, 7.

pts Penuaian.

c A&P 1:38.

65a Mat. 13:6-43;

A&P 86:1-7.

b pts Kemuliaan

Selestial.

66a Nah. 1:5; Mat. 3:12;

A&P 38:12; 63:33-34.

68a A&P 58:56.

mengajarkan, untuk "membeli semua tanah dengan wang, yang dapat dibeli dengan wang, di wilayah sekitar tanah yang telah Aku tetapkan untuk menjadi negeri Sion, untuk permulaan pengumpulan para orang suci-Ku;

71 Semua tanah yang dapat dibeli di Jackson County, dan di daerah-daerah sekitarnya, dan tinggalkanlah yang selebihnya di dalam tangan-Ku.

72 Sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah semua jemaah gereja mengumpulkan bersama semua wang mereka; biarlah hal-hal ini dilakukan pada waktu mereka, tetapi bukan dengan "tergesa-gesa; dan pastikanlah bahawa segalanya disediakan sebelumnya bagimu.

73 Dan biarlah para lelaki yang terhormat ditetapkan, bahkan para lelaki yang bijak, dan utuskanlah mereka untuk membeli tanah-tanah ini.

74 Dan para jemaah gereja di negeri-negeri sebelah timur, apabila mereka telah dibangunkan, jika mereka akan mendengar nasihat ini mereka boleh membeli tanah dan berkumpul bersama di atasnya; dan dengan cara ini mereka boleh menubuhkan Sion.

75 Bahkan sekarang sudah ada dalam simpanan yang cukup, ya, bahkan berlimpah-limpah, untuk menebus Sion, dan membangunkan tempat-tempatnya yang tan-

dus, tidak lagi akan dihancurkan, seandainya para jemaah gereja, yang memanggil diri mereka menurut nama-Ku, "bersedia untuk mendengar suara-Ku.

76 Dan lagi Aku berfirman kepadamu, mereka yang telah dicerai-beraikan oleh musuh mereka, adalah kehendak-Ku bahawa mereka harus terus menuntut ganti rugi, dan penebusan, dari tangan mereka yang telah ditempatkan sebagai pemerintah dan yang berwenang kepada kamu—

77 Menurut hukum dan "perlembagaan orang-orang itu, yang telah Aku biarkan untuk ditegakkan, dan harus dipertahankan demi ^bhak-hak dan perlindungan semua manusia, menurut asas-asas yang benar dan kudus;

78 Agar setiap orang boleh bertindak dalam ajaran dan asas yang berkaitan dengan masa depan, menurut "hak pilihan moral yang telah Aku berikan kepadanya, agar setiap orang boleh ^bbertanggungjawab atas dosa-dosanya sendiri pada hari "penghakiman.

79 Oleh kerana itu, tidaklah betul bahawa sesiapaupun harus saling menghambakan satu sama lain.

80 Dan untuk tujuan ini Aku telah menegakkan "Perlembagaan negeri ini, melalui tangan para lelaki bijak yang Aku bangunkan untuk tujuan ini, dan menebus negeri ini dengan ^bpertumpahan darah.

70a A&P 63:27-29.

72a Yes. 52:10-12.

75a Alma 5:37-39.

77a prs Kerajaan.

b prs Kemerdekaan.

78a prs Hak pilihan.

b prs Bertanggungjawab,

Laporan,

Pertanggungjawaban.

c prs Penghakiman

Terakhir.

80a 2 Ne. 1:7-9;

A&P 98:5-6.

prs Perlembagaan.

b 1 Ne. 13:13-19.

81 Sekarang, dengan apakah harus Aku persamakan anak-anak Sion? Aku akan mempersamakan mereka dengan "perumpamaan wanita dan hakim yang tidak adil, kerana manusia seharusnya selalu ^bberdoa dan tidak lemah, yang mengatakan—

82 Ada di sebuah kota seorang hakim yang tidak takut kepada Tuhan, tidak juga hormat kepada manusia.

83 Dan ada seorang janda di kota itu, dan dia datang kepadanya, mengatakan: Tuntutlah bela bagiku terhadap musuhku.

84 Dan dia tidak mahu untuk seketika, tetapi selepas itu dia berkata di dalam dirinya: Walaupun aku tidak takut kepada Tuhan, tidak juga menghormati manusia, namun oleh kerana janda ini menyusahkanku, aku akan menuntut bela baginya, agar dia tidak datang berkali-kali dan merimaskanku.

85 Demikianlah Aku akan persamakan anak-anak Sion.

86 Biarlah mereka memohon pada kaki hakim;

87 Dan jika dia tidak mengendahkan mereka, biarlah mereka memohon pada kaki pentadbir;

88 Dan jika pentadbir tidak mengendahkan mereka, biarlah mereka memohon pada kaki presiden;

89 Dan jika presiden tidak mengendahkan mereka, maka Tuhan akan bangkit dan muncul dari "tempat persembunyian-Nya, dan dalam keberangan-Nya menyengsarakan bangsa itu;

90 Dan dalam ketidaksenangan-Nya yang membara, dan dalam kemarahan-Nya yang dahsyat, pada waktu-Nya, akan menyingkirkan "para pengawas yang jahat, tidak setia, dan tidak soleh itu, dan menetapkan bagi mereka bahagian mereka di kalangan yang munafik, dan yang ^btidak percaya;

91 Bahkan di kegelapan luar, di mana ada "tangisan, dan ratapan, dan kertakan gigi.

92 Berdoalah kamu, oleh kerana itu, agar telinga mereka boleh terbuka pada seruanmu, agar Aku boleh "penuh berbelas kasihan kepada mereka, agar hal-hal ini tidak datang ke atas diri mereka.

93 Apa yang telah Aku firmankan kepadamu mestilah perlu terjadi, agar semua orang tidak meninggalkan sebarang "alasan;

94 Agar orang-orang bijak dan para pemerintah boleh mendengar dan mengetahui apa yang tidak pernah mereka "pertimbangkan.

95 Agar Aku boleh meneruskan untuk melaksanakan tindakan-Ku, "tindakan-Ku yang ajaib, dan menjalankan pekerjaan-Ku, pekerjaan-Ku yang ajaib, agar manusia boleh

81 *a* Luk. 18:1-8.

b *PTS* Doa.

89 *a* Yes. 45:15;

A&P 121:1, 4; 123:6.

90 *a* *PTS* Pengawas,
Pengawasan.

b Why. 21:8.

PTS Ketidakpercayaan.

91 *a* Mat. 25:30;

A&P 19:5; 29:15-17;

124:8.

92 *a* *PTS* Belas Kasihan,

Berbelas Kasihan.

93 *a* Rm. 1:18-21.

94 *a* Yes. 52:15;

3 Ne. 20:45; 21:8.

95 *a* Yes. 28:21;

A&P 95:4.

^bmembezakan antara yang soleh dan yang jahat, firman Tuhanmu.

96 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu, ini adalah bertentangan dengan perintah-Ku dan kehendak-Ku bahawa hamba-Ku Sidney Gilbert harus menjual “gudang penyimpanan-Ku, yang telah Aku tetapkan bagi umat-Ku, ke dalam tangan musuh-Ku.

97 Janganlah biarkan apa yang telah Aku tetapkan dicemari oleh musuh-Ku, dengan persetujuan daripada mereka yang “memanggil diri mereka menurut nama-Ku;

98 Kerana inilah dosa yang sangat parah dan memilukan menentang-Ku, dan menentang umat-Ku, sebagai akibat dari hal-hal yang telah Aku tetapkan dan yang tidak lama lagi akan menimpa bangsa-bangsa itu.

99 Oleh kerana itu, adalah kehendak-Ku bahawa umat-Ku harus menuntut hak, dan menegakkan tuntutan itu ke atas apa yang telah Aku tetapkan bagi mereka, walaupun mereka tidak diizinkan untuk tinggal di atasnya.

100 Walaupun demikian, Aku tidak mengatakan mereka tidak akan tinggal di atasnya; kerana sejauh mereka menghasilkan buah dan pekerjaan yang layak untuk kerajaan-Ku mereka akan tinggal di atasnya.

101 Mereka akan membina, dan yang lain tidak akan “mewarisinya; mereka akan menanam ladang-ladang anggur, dan mereka akan memakan buahnya. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 102

Minit mesyuarat tentang pembentukan majlis tinggi Gereja yang pertama, di Kirtland, Ohio, 17 Februari 1834. Minit mesyuarat yang asli dicatat oleh Penatua Oliver Cowdery dan Orson Hyde. Nabi menyemakkan minit pada hari seterusnya, dan pada hari kemudian minit yang dibetulkan diterima sebulat suara oleh majlis tinggi sebagai “satu susunan dan perlembagaan majlis tinggi” Gereja. Ayat 30 sehingga 32, berkaitan Majlis Dua Belas Rasul, telah ditambahkan pada tahun 1835 dibawah arahan Joseph Smith semasa bahagian ini disediakan untuk penerbitan dalam Ajaran dan Perjanjian.

1–8, Sebuah majlis tinggi ditetapkan untuk menyelesaikan masalah-masalah penting yang timbul di

dalam Gereja; 9–18, Peraturan bagi membicarakan kes diterangkan; 19–23, Presiden majlis memberikan

95b Mal. 3:18.
prs Kurnia
Membezakan.

96a prs Gudang

Penyimpanan.
97a A&P 103:4; 112:25–26;
125:2.

101a Yes. 65:21–22.

prs Zaman Seribu
Tahun.

keputusan; 24-34, Peraturan untuk rayuan dinyatakan.

HARI ini sebuah majlis umum dua puluh empat imam tinggi berhimpun di rumah Joseph Smith Jr. melalui wahyu, dan mula untuk membentuk "majlis tinggi gereja Kristus, yang harus terdiri daripada dua belas orang imam tinggi, dan satu atau tiga orang presiden menurut keperluan.

2 Majlis tinggi ditetapkan melalui wahyu untuk tujuan menyelesaikan masalah-masalah penting yang mungkin timbul di dalam gereja, yang tidak dapat diselesaikan oleh gereja atau majlis "uskup untuk kepuasan setiap pihak.

3 Joseph Smith Jr., Sidney Rigdon dan Frederick G. Williams diakui sebagai presiden oleh suara majlis; dan Joseph Smith Sr., John Smith, Joseph Coe, John Johnson, Martin Harris, John S. Carter, Jared Carter, Oliver Cowdery, Samuel H. Smith, Orson Hyde, Sylvester Smith, dan Luke Johnson, para imam tinggi, dipilih untuk menjadi majlis tetap bagi gereja, melalui sebulat suara oleh majlis.

4 Para anggota majlis yang disebutkan di atas kemudiannya ditanya adakah mereka menerima penetapan mereka dan adakah mereka akan bertindak dalam jawatan itu menurut hukum syurga, yang mana mereka semua menjawab bahawa mereka menerima penetapan mereka, dan akan memenuhi jawatan mereka menu-

rut rahmat Tuhan yang dicurahkan ke atas diri mereka.

5 Jumlah yang membentuk majlis itu, yang telah mengundi dalam nama dan bagi gereja dalam menetapkan para anggota majlis yang telah disebutkan di atas adalah empat puluh tiga, seperti yang berikut: sembilan imam tinggi, tujuh belas penatua, empat imam, dan tiga belas anggota gereja.

6 Telah diundi: bahawa majlis tinggi tidak boleh mempunyai kuasa untuk bertindak tanpa tujuh orang daripada para anggota majlis tinggi yang disebutkan di atas, atau para pengganti mereka yang secara rasminya ditetapkan, hadir.

7 Tujuh orang ini akan memiliki kuasa untuk menetapkan imam tinggi yang lain, yang mereka anggap layak dan mampu untuk bertindak bagi pihak anggota majlis yang tidak hadir.

8 Telah diundi: bahawa pada bila-bila masa pun terdapat sebarang kekosongan yang terjadi disebabkan kematian, penyingkiran jawatan kerana pelanggaran, atau perpindahan ke luar sempadan pentadbiran gereja, di kalangan anggota majlis yang disebutkan di atas, ianya akan diisi melalui pencalonan oleh presiden atau para presiden, dan disahkan oleh suara majlis umum imam tinggi, yang disidangkan untuk tujuan itu, untuk bertindak dalam nama gereja.

9 Presiden gereja, yang juga merupakan presiden majlis itu,

ditetapkan melalui ^awahyu, dan ^bdiakui dalam pelayanannya oleh suara gereja.

10 Dan adalah menurut kewibawaan jawatannya bahawa dia harus mengetuai majlis gereja; dan menjadi hak istimewanya untuk dibantu oleh dua presiden yang lain, yang ditetapkan menurut cara penetapannya sendiri.

11 Dan seandainya satu atau kedua-dua mereka yang telah ditetapkan untuk membantunya tidak hadir, dia mempunyai kuasa untuk mengetuai majlis tanpa seorang pembantu; dan seandainya dia sendiri tidak hadir, para presiden yang lain mempunyai kuasa untuk mengetuai sebagai penggantinya, kedua-duanya atau pun salah seorang daripada mereka.

12 Apabila sebuah majlis tinggi gereja Kristus telah dibentuk secara rasmi, menurut panduan yang telah diterangkan sebelumnya, akan menjadi kewajipan dua belas anggota majlis untuk mencabut undi dengan nombor, dan dengan demikian menentukan siapa daripada dua belas orang itu akan berbicara dahulu, bermula dengan nombor satu dan demikianlah berturut-turut sehinggalah ke nombor dua belas.

13 Pada bila-bila masa pun majlis ini bersidang untuk membicarakan apa jua kes sekalipun, kedua belas anggota majlis akan mempertimbangkan sama ada ia adalah kes yang sukar atau tidak; jika ianya tidak, hanya dua orang daripada

anggota majlis akan berbicara mengenainya, menurut yang tertulis di atas.

14 Tetapi jika ianya dianggap sukar, empat orang akan ditetapkan; dan jika lebih sukar, enam orang; tetapi sama sekali tidak akan ada lebih daripada enam orang yang ditetapkan untuk berbicara.

15 Tertuduh, dalam semua kes, mempunyai hak terhadap separuh daripada majlis, untuk mencegah penghinaan atau ketidakadilan.

16 Dan para anggota majlis yang ditetapkan untuk berbicara di hadapan majlis mesti membentangkan kes, selepas bukti diperiksa, menurut keterangan yang benar di hadapan majlis; dan setiap orang mesti berbicara menurut kesetaraan dan ^akeadilan.

17 Para anggota majlis itu yang mencabut nombor-nombor genap, iaitu, 2, 4, 6, 8, 10, dan 12, merupakan para individu yang mesti berdiri bagi pihak tertuduh, dan mencegah penghinaan dan ketidakadilan.

18 Dalam semua kes pendakwa dan tertuduh akan mempunyai hak istimewa untuk berbicara bagi diri mereka di hadapan majlis, selepas bukti-bukti telah didengari dan para anggota majlis yang ditetapkan untuk berbicara tentang kes itu telah menyelesaikan ucapan mereka.

19 Selepas bukti-bukti sudah didengari, para anggota dewan, pendakwa dan tertuduh telah

^{9a} prs Wahyu.

^b prs Penyokongan para

Pemimpin Gereja.

^{16a} prs Keadilan.

berbicara, presiden akan memberikan suatu keputusan menurut pemahaman yang akan dia miliki tentang kes itu, dan meminta kepada kedua belas anggota majlis untuk mengesahkannya melalui undian mereka.

20 Tetapi seandainya para anggota majlis yang selebihnya, yang belum berbicara, atau sesiapa pun daripada mereka, selepas mendengar bukti dan pembelaan dengan saksama, mendapati suatu kesilapan di dalam keputusan presiden, mereka boleh menyatakannya, dan kes itu akan mendapat perbicaraan semula.

21 Dan sekiranya, selepas perbicaraan semula yang cermat, terdapat sebarang keterangan tambahan yang ditunjukkan dalam kes itu, maka keputusan harus diubah menurutnya.

22 Tetapi seandainya tidak ada keterangan tambahan diberikan, keputusan yang pertama akan menjadi sah, majoriti majlis mempunyai kuasa untuk memutuskan hal yang sama.

23 Dalam kes masalah yang berkaitan dengan ^aajaran atau asas, jika yang tertulis tidak mencukupi untuk menjadikan kes itu jelas pada fikiran majlis, presiden boleh bertanya dan mendapatkan fikiran Tuhan melalui ^bwahyu.

24 Para Imam tinggi, semasa di luar daerah, mempunyai kuasa untuk memanggil dan membentuk sebuah majlis menurut cara yang telah disebutkan dahulu, untuk menyelesaikan masalah, apabila

pihak-pihak itu atau salah seorang daripada mereka akan memintanya.

25 Dan majlis imam tinggi tersebut akan memiliki kuasa untuk menetapkan salah seorang daripada kumpulan mereka sendiri untuk mengetuai majlis itu buat sementara waktu.

26 Akan menjadi kewajipan majlis tersebut untuk menghantar, dengan segera, satu salinan catatan tentang tindakan mereka itu, dengan pernyataan lengkap tentang kesaksian yang dilampirkan pada keputusan mereka, kepada majlis tinggi di tempat Presidensi Utama Gereja.

27 Seandainya pihak-pihak itu atau salah seorang daripada mereka tidak berpuas hati dengan keputusan majlis tersebut, mereka boleh merayu kepada majlis tinggi di tempat Presidensi Utama Gereja, dan mendapatkan perbicaraan kembali, yang mana kesnya akan dijalankan di sana, menurut panduan yang dahulunya sudah tertulis, seolah-olah belum dibuat.

28 Majlis imam tinggi di luar daerah ini hanyalah dipanggil untuk kes-kes hal ehwal gereja yang paling ^asukar; dan tidak ada kes yang lazim atau biasa yang memerlukan majlis seperti itu untuk dipanggil.

29 Para imam tinggi luar daerah yang melakukan perjalanan atau telah ditempatkan memiliki kuasa untuk mengatakan sama ada perlu untuk memanggil suatu majlis yang seperti itu atau pun tidak.

30 Terdapat suatu perbezaan di antara majlis tinggi atau para imam tinggi yang melakukan perjalanan di luar daerah, dan “majlis tinggi yang melakukan perjalanan yang terdiri daripada dua belas^b rasul, dalam keputusan mereka.

31 Terhadap keputusan yang pertama itu boleh ada rayuan; tetapi terhadap keputusan yang kedua itu tidak boleh.

32 Yang kedua itu hanya dapat dipersoalkan semula oleh para penguasa umum gereja seandainya ada pelanggaran.

33 Diputuskan: bahawa presiden atau para presiden di tempat Presidensi Utama Gereja akan memiliki kuasa untuk memutuskan jikalau sebarang kes yang seperti itu, yang boleh dirayu, adalah wajar dibica-

rakan semula, selepas memeriksa rayuan dan bukti-bukti dan pernyataan yang dilampirkan bersamanya.

34 Kedua belas anggota majlis kemudiannya mula untuk mencabut nombor atau undi, untuk memastikan siapa yang pertama akan berbicara, dan yang berikut merupakan keputusannya, iaitu: 1, Oliver Cowdery; 2, Joseph Coe; 3, Samuel H. Smith; 4, Luke Johnson; 5, John S. Carter; 6, Sylvester Smith; 7, John Johnson; 8, Orson Hyde; 9, Jared Carter; 10, Joseph Smith Sr.; 11, John Smith; 12, Martin Harris.

Selepas doa persidangan dibubarkan.

OLIVER COWDERY,

ORSON HYDE,

Jurutulis

BAHAGIAN 103

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 24 Februari 1834. Wahyu ini diterima setelah tibanya di Kirtland, Ohio, Parley P. Pratt dan Lyman Wight, yang telah datang dari Missouri untuk berunding dengan Nabi berkaitan dengan pertolongan dan pemulihan para Orang Suci ke tanah mereka di Jackson County.

1–4, Mengapa Tuhan mengizinkan para Orang Suci di Jackson County dianiaya; 5–10, Para Orang Suci akan berjaya jika mereka mentaati perintah-perintah; 11–20, Penebusan Sion akan datang melalui kuasa, dan Tuhan akan pergi di hadapan para umat-Nya; 21–28, Para Orang Suci mesti berkumpul di Sion, dan mereka yang menyerahkan nyawa mereka akan mendapatkannya kembali;

29–40, Berbagai saudara dipanggil untuk membentuk Perkhemahan Sion dan pergi ke Sion; mereka dijanjikan kemenangan jika mereka setia.

SESUNGGUHNYA Aku berfirman kepadamu, teman-teman-Ku, lihatlah, Aku akan memberi kepadamu sebuah wahyu dan perintah, agar kamu boleh mengetahui bagaimana “bertindak dalam

menunaikan kewajipanmu berke-
nanaan keselamatan dan ^bpenebusan
saudara-saudaramu, yang telah
dicerai-beraikan di atas negeri
Sion;

2 ^aDihalau dan dihentam oleh
tangan musuh-Ku, kepada mereka
akan Ku curahkan kemurkaan-Ku
tanpa batas pada waktu-Ku sen-
diri.

3 Kerana Aku telah membiarkan
mereka sejauh ini, agar mereka
boleh ^amemenuhi ukuran kederha-
kaan mereka, agar cawan mereka
boleh penuh;

4 Dan agar mereka yang
memanggil diri mereka menurut
nama-Ku boleh ^adihukum untuk
suatu tempoh yang singkat dengan
hukuman yang parah dan memi-
lukan, kerana mereka tidak ^bmen-
dengar sepenuhnya ajaran dan
perintah yang telah Aku berikan
kepada mereka.

5 Tetapi sesungguhnya Aku ber-
firman kepadamu, bahawa Aku
telah menetapkan suatu perin-
tah yang umat-Ku akan jalankan,
sejauh mereka mendengar sejak
dari waktu ini ^anasihat yang akan
Aku, Tuhan Raja mereka, berikan
kepada mereka.

6 Lihatlah mereka akan, kerana
Aku telah menetapkannya, mula
berjaya melawan musuh-Ku sejak
dari waktu ini.

7 Dan dengan ^amendengar untuk

mematuhi semua firman yang
akan Aku, Tuhan Raja mereka, fir-
mankan kepada mereka, mereka
tidak sekali-kali akan berhenti ber-
jaya sehingga ^bkerajaan-kerajaan
dunia telah ditundukkan di bawah
kaki-Ku, dan bumi ^cdiberikan
kepada ^dpara orang suci, untuk
^ememilikinya selama-lamanya.

8 Tetapi sejauh mereka tidak
^amentaati perintah-perintah-Ku,
dan tidak mendengar untuk
mematuhi semua firman-Ku,
kerajaan-kerajaan dunia akan ber-
jaya melawan mereka.

9 Kerana mereka ditentukan
untuk menjadi suatu ^acahaya bagi
dunia, dan untuk menjadi penye-
lamat manusia;

10 Dan sejauh mereka bukan
penyelamat manusia, mereka
bagaikan ^agaram yang telah kehi-
langan rasanya, dan sejak itu tak
berguna untuk apa pun tetapi
dibuang dan dipijak-pijak di
bawah kaki manusia.

11 Tetapi sesungguhnya Aku
berfirman kepadamu, Aku telah
menetapkan bahawa saudara-
saudaramu yang telah dicerai-
beraikan harus kembali ke
^atanah-tanah warisan mereka, dan
harus membangunkan tempat-
tempat yang tandus di Sion.

12 Kerana setelah ^abanyak
kesengsaraan, seperti yang telah
Aku firmankan kepadamu dalam

1 b A&P 101:43-62.
2 a A&P 101:1; 109:47.
3 a Alma 14:10-11; 60:13.
4 a A&P 95:1.
 prs Tegur, Menegur.
 b A&P 101:2; 105:2-6.
5 a prs Nasihat.

7 a A&P 35:24.
 prs Patuh, Kepatuhan,
 Mematuhi.
 b Dan. 2:44.
 c Dan. 7:27.
 d prs Orang Suci.
 e A&P 38:20.

8 a Mosia 1:13; A&P 82:10.
9 a 1 Ne. 21:6.
10 a Mat. 5:13-16;
 A&P 101:39-40.
11 a A&P 101:18.
12 a Why. 7:13-14;
 A&P 58:4; 112:13.

sebuah perintah yang sebelumnya, akan datanglah berkat.

13 Lihatlah, inilah berkat yang telah Aku janjikan setelah kesengsaraanmu, dan kesengsaraan saudara-saudaramu—penebusanmu, dan penebusan saudara-saudaramu, bahkan pemulihan mereka ke negeri Sion, untuk dibangunkan, tidak lagi akan dihancurkan.

14 Walaupun demikian, jika mereka mencemari harta warisan mereka, mereka akan dihancurkan; kerana Aku tidak akan menyelamatkan mereka jika mereka mencemari harta warisan mereka.

15 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu, penebusan Sion mestilah perlu datang dengan kuasa;

16 Oleh kerana itu, Aku akan membangkitkan bagi umat-Ku seorang lelaki, yang akan memimpin mereka seperti "Musa memimpin anak-anak Israel.

17 Kerana kamu ialah anak-anak Israel, dan "keturunan Abraham, dan kamu mestilah perlu dipimpin keluar dari belunggu dengan kuasa, dan dengan lengan yang terbentang.

18 Dan seperti nenek moyangmu yang telah dipimpin pada mulanya, demikian jugalah penebusan Sion.

19 Oleh kerana itu, janganlah biarkan hatimu lemah, kerana

Aku tidak berfirman kepadamu seperti Aku berfirman kepada nenek moyangmu: "Malaikat-Ku akan pergi di hadapanmu, tetapi bukan ^bkehadiran-Ku.

20 Tetapi Aku berfirman kepadamu: "Para malaikat-Ku akan pergi di hadapanmu, dan juga kehadiran-Ku, dan lama-kelamaan kamu akan ^bmemiliki tanah yang baik itu.

21 Sesungguh-sungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa hamba-Ku Joseph Smith Jr. ialah "lelaki yang Aku persamakan kepada hamba yang Tuan ^bladang anggur itu berbicara kepadanya di dalam perumpamaan yang telah Aku berikan kepadamu.

22 Oleh kerana itu biarlah hamba-Ku Joseph Smith Jr. berkata kepada "kekuatan isi rumah-Ku, para pemuda-Ku dan yang pertengahan umur—Berkumpullah kamu bersama ke negeri Sion, di atas tanah yang telah Aku beli dengan wang yang telah dibaktikan bagi-Ku.

23 Dan biarlah seluruh jemaah gereja mengutuskan para lelaki yang bijak dengan wang mereka, dan "membeli tanah bahkan seperti yang telah Aku perintahkan kepada mereka.

24 Dan sejauh musuh-Ku datang melawanmu untuk menghalaumu dari "tanah-Ku yang baik, yang

16a Kel. 3:2–10;
A&P 107:91–92.
pts Musa.

17a pts Abraham—Benih
keturunan Abraham;
Perjanjian Abraham.

19a pts Malaikat-malaikat.

b A&P 84:18–24.

20a Kel. 14:19–20.

b A&P 100:13.

21a A&P 101:55–58.

b pts Ladang Anggur
Tuhan.

22a A&P 35:13–14;

105:16, 29–30.

23a A&P 42:35–36; 57:5–7;
58:49–51; 101:68–74.

24a A&P 29:7–8; 45:64–66;
57:1–2.

telah Aku baktikan untuk menjadi negeri Sion, bahkan dari tanah-tanahmu sendiri selepas kesaksian ini, yang telah kamu bawakan di hadapan-Ku terhadap mereka, kamu akan mengutuk mereka;

25 Dan sesiapa pun yang kamu kutuki, akan Aku kutuki, dan kamu harus menuntut bela bagi-Ku terhadap musuh-Ku.

26 Dan kehadiran-Ku akan berada bersamamu bahkan dalam “menuntut bela bagi-Ku terhadap musuh-Ku, sehingga pada generasi ketiga dan keempat mereka yang membenci-Ku.

27 Janganlah membiarkan seorang pun takut untuk menyerahkan nyawanya demi kepentingan-Ku; kerana barang siapa “menyerahkan nyawanya demi kepentingan-Ku akan mendapatkannya kembali.

28 Dan barang siapa tidak bersedia untuk menyerahkan nyawanya demi kepentingan-Ku bukanlah pengikut-Ku.

29 Adalah kehendak-Ku bahawa hamba-Ku “Sidney Rigdon harus mengangkat suaranya di dalam jemaah gereja di negeri-negeri sebelah timur, dalam menyediakan jemaah gereja untuk mentaati perintah-perintah yang telah Aku berikan kepada mereka berkenaan pemulihan dan penebusan Sion.

30 Adalah kehendak-Ku bahawa hamba-Ku “Parley P. Pratt dan hamba-Ku Lyman Wight tidak harus kembali ke tanah saudara-saudara mereka, sehingga mereka

telah mengumpulkan rombongan-rombongan yang akan pergi ke negeri Sion, dalam jumlah sepuluh, atau dua puluh, atau lima puluh, atau seratus, sehingga mereka telah mencapai jumlah lima ratus daripada ^bkekuatan isi rumah-Ku.

31 Lihatlah inilah kehendak-Ku; mintalah dan kamu akan menerima; tetapi manusia “tidak selalu melakukan kehendak-Ku.

32 Oleh kerana itu, jika kamu tidak dapat mengumpulkan lima ratus, carilah dengan tekun agar barangkali kamu boleh mengumpulkan tiga ratus.

33 Dan jika kamu tidak dapat mengumpulkan tiga ratus, berupayalah dengan tekun agar mudah-mudahan kamu boleh mengumpulkan seratus.

34 Tetapi sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, sebuah perintah Aku berikan kepadamu, agar kamu tidak harus pergi ke negeri Sion sehingga kamu telah mengumpulkan seratus daripada kekuatan isi rumah-Ku, yang akan pergi bersamamu ke negeri Sion.

35 Oleh kerana itu, seperti yang Aku firmankan kepadamu, mintalah dan kamu akan menerima; berdoalah dengan bersungguh-sungguh agar mudah-mudahan hamba-Ku Joseph Smith Jr. boleh pergi bersamamu, dan mengetuai di tengah-tengah umat-Ku, dan menubuhkan kerajaan-Ku di atas tanah yang telah “dibaktikan, dan menegakkan anak-anak Sion

26a A&P 97:22.

27a Mat. 10:39; Luk. 9:24;
A&P 98:13–15; 124:54.

29a PTS Sidney Rigdon.

30a PTS Parley Parker
Pratt.

b A&P 101:55.

31a A&P 82:10.
35a A&P 84:31.

di atas hukum dan perintah yang telah dan yang akan diberikan kepadamu.

36 Semua kemenangan dan kemuliaan dibawakan kepadamu melalui "ketekunan, kesetiaan dan ^bdoa-doamu dengan iman.

37 Biarlah hamba-Ku Parley P. Pratt melakukan perjalanan bersama hamba-Ku Joseph Smith Jr.

38 Biarlah hamba-Ku Lyman Wight melakukan perjalanan bersama hamba-Ku Sidney Rigdon.

39 Biarlah hamba-Ku Hyrum

Smith melakukan perjalanan bersama hamba-Ku Frederick G. Williams.

40 Biarlah hamba-Ku Orson Hyde melakukan perjalanan bersama hamba-Ku Orson Pratt, ke mana pun hamba-Ku Joseph Smith Jr. akan mengarahkan mereka, untuk mendapatkan penggenapan perintah-perintah ini yang telah Aku berikan kepadamu, dan tinggalkan yang selebihnya dalam tangan-Ku. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 104

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith, di atau berdekatan Kirtland, Ohio, 23 April 1834, mengenai Syarikat Bersatu (lihat pengenalan untuk bahagian 78 dan 82). Peristiwanya adalah sebuah pertemuan majlis Syarikat Bersatu, yang mempertimbangkan keperluan duniawi para umat Gereja yang terdesak. Sebuah pertemuan syarikat terdahulu pada 10 April memutuskan organisasi ini dibubarkan. Wahyu ini mengarahkan bahawa syarikat ini disusun semula; hartanya akan dibahagikan diantara ahli syarikat sebagai pengawasan mereka. Dibawah arahan Joseph Smith, frasa "Syarikat Bersatu" kemudian di ganti dengan "Golongan Bersatu" dalam wahyu tersebut.

1–10, Para Orang Suci yang melanggar terhadap golongan bersatu akan dikutuk; 11–16, Tuhan menyediakan bagi para Orang Suci-Nya dengan cara-Nya sendiri; 17–18, Hukum Injil menetapkan cara menjaga orang yang miskin; 19–46, Tugas pengawasan dan berkat-berkat para saudara ditetapkan; 47–53, Golongan bersatu di Kirtland dan di Sion beroperasi secara berasingan; 54–66, Perbendaharaan suci Tuhan didirikan untuk pencetakan tulisan

suci; 67–77, Perbendaharaan umum golongan bersatu harus dijalankan berdasarkan persetujuan bersama; 78–86, Mereka yang berada di dalam golongan bersatu harus membayar semua hutang mereka, dan Tuhan akan membebaskan mereka dari belunggu kewangan.

SESUNGGUHNYA Aku berfirman kepadamu, teman-teman-Ku, Aku memberi kepadamu nasihat, dan sebuah perintah, mengenai

semua harta kepunyaan golongan yang telah Aku perintahkan untuk ditubuhkan dan ditegakkan, untuk menjadi sebuah "golongan bersatu, dan golongan kekal demi manfaat gereja-Ku, dan demi keselamatan manusia sehingga Aku datang—

2 Dengan janji yang tetap dan tidak berubah, bahawa sejauh mereka yang Aku perintahkan setia mereka akan diberkati dengan suatu penggandaan berkat;

3 Tetapi sejauh mereka tidak setia mereka dekat pada kutukan.

4 Oleh kerana itu, sejauh adanya hamba-Ku tidak mentaati perintah, tetapi telah melanggar perjanjian melalui "keserakahan, dan dengan perkataan yang palsu, Aku telah mengutuk mereka dengan kutukan yang sangat parah dan memilukan.

5 Kerana Aku, Tuhan, telah menetapkan dalam hati-Ku, bahawa sejauh sesiapa pun yang masuk dalam golongan itu didapati seorang pelanggar, atau, dengan perkataan lain, melanggar perjanjian yang mana kamu telah terikat padanya, dia akan dikutuk dalam kehidupannya, dan akan dipijak-pijak oleh sesiapa pun yang Aku kehendaki;

6 Kerana Aku, Tuhan, tidak mahu "diperbodohkan dalam hal-hal ini—

7 Dan semua ini agar mereka yang tidak berdosa di kalangan

kamu tidak dihukum bersama mereka yang tidak soleh; dan agar mereka yang bersalah di kalangan kamu tidak akan terlepas; kerana, Aku, Tuhan, telah menjanjikan kepadamu sebuah "mahkota kemuliaan di sebelah tangan kanan-Ku.

8 Oleh kerana itu, sejauh kamu didapati sebagai pelanggar, kamu tidak dapat terlepas dari kemurkaan-Ku dalam kehidup-anmu.

9 Sejahtera kamu "disingkirkan disebabkan pelanggaran, kamu tidak dapat terlepas dari ^bhajaran "Setan sehinggalah hari penebusan.

10 Dan sekarang Aku memberi kepadamu kuasa sejak dari waktu ini, bahawa jika sesiapa pun di antara kamu, dari golongan ini, didapati seorang pelanggar dan tidak bertaubat dari kejahatan, maka kamu akan menyerahkannya pada seksaan Setan; dan dia tidak akan memiliki kuasa untuk "membawakan kejahatan kepada dirimu.

11 Ini adalah kebijaksanaan di dalam Aku; oleh kerana itu, sebuah perintah Aku berikan kepadamu, bahawa kamu akan mengatur dirimu dan menetapkan kepada setiap orang "tugas pengawasannya;

12 Agar setiap orang boleh memberikan laporan kepada-Ku tentang tugas pengawasan yang ditetapkan kepadanya.

13 Kerana adalah arif bahawa

104 1a A&P 78:3-15.

pts Golongan Bersatu.

4a pts Mendambakan.

6a Gal. 6:7-9.

7a Yes. 62:3;

A&P 76:56.

pts Kemuliaan.

9a pts Penyingkiran.

b A&P 82:21.

c pts Iblis.

10a A&P 109:25-27.

11a A&P 42:32.

pts Pengawas,
Pengawasan.

Aku, Tuhan, akan menjadikan setiap orang ^abertanggungjawab, sebagai seorang ^bpengawas terhadap berkat-berkat duniawi, yang telah Aku jadikan dan sediakan bagi para makhluk-Ku.

14 Aku, Tuhan, merentangkan langit, dan ^amembangunkan bumi, bahkan ^bhasil kerja tangan-Ku; dan segala yang ada di dalamnya adalah milik-Ku.

15 Dan ini tujuan-Ku adalah untuk menyara bagi para orang suci-Ku, kerana segalanya adalah milik-Ku.

16 Tetapi ia mestilah dilakukan menurut ^acara-Ku sendiri; dan lihatlah inilah cara yang telah Aku, Tuhan, tetapkan untuk menyara para orang suci-Ku, agar yang ^bmiskin akan dipermuliakan, dimana yang kaya direndahkan.

17 Kerana ^abumi ini penuh, dan ianya cukup dan berlebihan; ya, Aku telah menyediakan segalanya, dan telah memberikan kepada anak-anak manusia untuk menjadi ^bwakil bagi diri mereka sendiri.

18 Oleh kerana itu, jika sesiapa pun akan mengambil dari ^akelimpahan yang telah Aku jadikan, dan tidak memberikan bahagiannya, menurut ^bhukum Injil-Ku, kepada yang ^cmiskin dan yang memerlukan, dia akan, bersama yang

jahat, membuka matanya di dalam ^aneraka, berada dalam seksaan.

19 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, berkenaan harta-harta milik ^agolongan tersebut—

20 Biarlah hamba-Ku Sidney Rigdon ditetapkan kepadanya tempat di mana dia tinggal sekarang, dan juga bidang tanah untuk penyamakan kulit itu sebagai tugas pengawasannya, untuk menanggungnya semasa dia bekerja di dalam ladang anggur-Ku, bahkan seperti yang Aku kehendaki, apabila Aku akan perintahkan kepadanya.

21 Dan biarlah segalanya dilakukan menurut nasihat golongan tersebut, dan persetujuan bersatu atau suara golongan, yang tinggal di negeri Kirtland.

22 Dan tugas pengawasan dan berkat ini, Aku, Tuhan, anugerahkan kepada hamba-Ku Sidney Rigdon sebagai sebuah berkat ke atas dirinya, dan keturunannya selepasnya;

23 Dan Aku akan melipatgandakan berkat-berkat kepada dirinya, sejauh dia akan merendahkan hati di hadapan-Ku.

24 Dan lagi, biarlah hamba-Ku Martin Harris ditetapkan kepadanya, sebagai tugas pengawasannya, bidang tanah itu dimana

13a pts Bertanggungjawab, Laporan, Pertanggungjawaban.

b A&P 72:3-5, 16-22.

14a Yes. 42:5; 45:12.

pts Mencipta, Penciptaan.

b Mzm. 19:1; 24:1.

16a A&P 105:5.

pts Kebajikan.

b 1 Sam. 2:7-8;

Luk. 1:51-53;

A&P 88:17.

17a A&P 59:16-20.

pts Bumi.

b pts Hak pilihan.

18a Luk. 3:11;

Yak. 2:15-16.

b A&P 42:30.

c Ams. 14:21;

Mosia 4:26;

A&P 52:40.

d Luk. 16:20-31.

19a pts Golongan Bersatu.

hamba-Ku John Johnson telah dapatkan dari hasil pertukaran dengan harta warisannya yang sebelumnya, untuk dirinya dan keturunannya selepasnya;

25 Dan sejauh dia setia, Aku akan melipatgandakan berkat-berkat kepada dirinya dan keturunannya selepasnya.

26 Dan biarlah hamba-Ku Martin Harris membaktikan wangnya untuk memaklumkan firman-Ku, menurut yang akan diarahkan oleh hamba-Ku Joseph Smith Jr.

27 Dan lagi, biarlah hamba-Ku Frederick G. Williams memiliki tempat itu di mana dia tinggal sekarang.

28 Dan biarlah hamba-Ku Oliver Cowdery memiliki bidang tanah itu yang terpisah tetapi bersebelahan dengan rumah tersebut, yang akan menjadi pejabat pencetakan, iaitu bidang tanah nombor satu, dan juga bidang tanah di mana ayahnya sedang tinggal.

29 Dan biarlah hamba-Ku Frederick G. Williams dan Oliver Cowdery memiliki pejabat pencetakan dan segala hal yang berkaitan dengannya.

30 Dan ini akan menjadi tugas pengawasan mereka yang akan ditetapkan kepada mereka.

31 Dan sejauh mereka setia, lihatlah Aku akan memberkati, dan melipatgandakan berkat-berkat kepada diri mereka.

32 Dan inilah permulaan tugas pengawasan yang telah Aku tetapkan kepada mereka, untuk mereka

dan keturunan mereka selepas mereka.

33 Dan, sejauh mereka setia, Aku akan melipatgandakan berkat-berkat kepada diri mereka dan keturunan mereka selepas mereka, bahkan suatu penggandaan berkat.

34 Dan lagi, biarlah hamba-Ku John Johnson memiliki rumah yang dia diami, dan harta warisan itu, semuanya kecuali tanah yang telah disimpan untuk "pembangunan rumah-rumah-Ku, yang berkaitan dengan harta warisan itu, dan bidang-bidang tanah itu yang telah dinamakan bagi hamba-Ku Oliver Cowdery.

35 Dan sejauh dia setia, Aku akan melipatgandakan berkat-berkat kepada dirinya.

36 Dan menjadi kehendak-Ku bahawa dia harus menjual bidang-bidang tanah yang telah diasingkan untuk pembangunan kota para orang suci-Ku, sejauh ianya akan diberitahu kepadanya oleh "suara Roh, dan menurut nasihat golongan, dan melalui suara golongan itu.

37 Dan inilah permulaan tugas pengawasan yang telah Aku tetapkan kepadanya, sebagai sebuah berkat baginya dan keturunan selepasnya.

38 Dan sejauh dia setia, Aku akan melipatgandakan suatu penggandaan berkat kepada dirinya.

39 Dan lagi, biarlah hamba-Ku "Newel K. Whitney ditetapkan kepadanya rumah-rumah dan

bidang tanah di mana dia tinggal sekarang, dan tanah dan bangunan dimana kedai barangan itu berada, dan juga bidang tanah yang berada di penjuru selatan kedai barangan itu, dan juga bidang tanah dimana tempat pembuatan garam abu terletak.

40 Dan semuanya ini telah Aku tetapkan bagi hamba-Ku Newel K. Whitney sebagai tugas pengawasannya, sebagai sebuah berkat kepada dirinya dan keturunannya selepasnya, demi manfaat kedai barangan golongan-Ku yang telah Aku tubuhkan untuk pancang-Ku di negeri Kirtland.

41 Ya, sesungguhnya, inilah tugas pengawasan yang telah Aku tetapkan bagi hamba-Ku N. K. Whitney, bahkan juga seluruh kedai barangan ini, dia dan "wakilnya, dan keturunannya selepasnya.

42 Dan sejauh dia setia dalam mentaati perintah-perintah-Ku, yang telah Aku berikan kepadanya, Aku akan melipatgandakan berkat-berkat kepada dirinya dan keturunannya selepasnya, bahkan suatu pengandaan berkat.

43 Dan lagi, biarlah hamba-Ku Joseph Smith Jr., ditetapkan kepadanya bidang tanah yang telah diasingkan untuk pembangunan rumah-Ku, yang berukuran dua ratus meter panjangnya dan enam puluh meter lebarnya, dan juga harta warisan di mana ayahnya sedang tinggal sekarang;

44 Dan inilah permulaan tugas pengawasan yang telah Aku

tetapkan kepadanya, sebagai sebuah berkat kepada dirinya, dan kepada ayahnya.

45 Kerana lihatlah, Aku telah menyimpan suatu harta warisan untuk "ayahnya, untuk menanggungnya; oleh kerana itu dia akan dikira di dalam keluarga hamba-Ku Joseph Smith Jr.

46 Dan Aku akan melipatgandakan berkat-berkat ke atas keluarga hamba-Ku Joseph Smith Jr., sejauh dia setia, bahkan suatu pengandaan berkat.

47 Dan sekarang, sebuah perintah Aku berikan kepadamu mengenai Sion, bahawa kamu tidak akan lagi terikat sebagai sebuah golongan bersatu kepada saudara-saudaramu di Sion, kecuali dengan cara ini—

48 Setelah kamu bikumpul menjadi golongan, kamu akan dipanggil Golongan Bersatu "Pancang Sion, Kota Kirtland. Dan saudara-saudaramu, setelah mereka berkumpul menjadi golongan, akan dipanggil Golongan Bersatu Kota Sion.

49 Dan mereka akan digolongkan dalam nama-nama mereka sendiri, dan dalam nama mereka sendiri; dan mereka akan melakukan urusan mereka dalam nama mereka sendiri, dan dalam nama-nama mereka sendiri;

50 Dan kamu akan melakukan urusanmu dalam namamu sendiri, dan dalam nama-namamu sendiri.

51 Dan ini telah Aku perintahkan untuk dilakukan demi keselamatan-

anmu, dan juga demi keselamatan mereka, disebabkan mereka telah “dihalau keluar dan apa yang akan datang.

52 Kerana “perjanjian-perjanjian itu dilanggar melalui pelanggaran, dengan ^bkeserakahan dan perka-
taan yang palsu—

53 Oleh kerana itu, kamu dibu-
barkan sebagai sebuah golongan
bersatu bersama saudara-
saudaramu, agar kamu tidak
terikat kepada mereka kecuali
sehingga pada waktu ini, kecuali
dengan cara ini, seperti yang Aku
firmankan, melalui pinjaman
yang dipersetujui oleh golongan
ini selepas perundingan, seperti
mana keadaanmu akan mengizin-
kan dan suara majlis mengarah-
kannya.

54 Dan lagi, sebuah perintah
Aku berikan kepadamu berkenaan
tugas pengawasanmu yang telah
Aku tetapkan kepadamu.

55 Lihatlah, semua harta ini ada-
lah milik-Ku, jikalau tidak imanmu
adalah sia-sia, dan kamu dida-
pati sebagai orang munafik, dan
perjanjian-perjanjian yang telah
kamu buat kepada-Ku sudah
dilanggar;

56 Dan jika harta-harta itu ada-
lah milik-Ku, maka kamu adalah
“para pengawas; jika tidak kamu
bukanlah pengawas.

57 Tetapi, sesungguhnya Aku
berfirman kepadamu, Aku telah
menetapkanmu untuk menjadi
para pengawas ke atas rumah-Ku,

bahkan para pengawas yang sebe-
narnya.

58 Dan untuk tujuan ini Aku
telah perintahkan kepadamu
untuk mengatur dirimu, bahkan
untuk mencetak “firman-Ku, kege-
napan tulisan suci-Ku, wahyu-
wahyu yang telah Aku berikan
kepadamu, dan yang akan Aku,
selepas ini, berikan kepadamu dari
semasa ke semasa—

59 Untuk tujuan pembangunan
gereja dan kerajaan-Ku di atas
bumi, dan untuk menyedia-
kan umat-Ku untuk “waktu apa-
bila Aku akan ^btinggal bersama
mereka, yang semakin hampir.

60 Dan kamu harus menyediakan
bagi dirimu sebuah tempat untuk
perbendaharaan, dan membakti-
kannya pada nama-Ku.

61 Dan kamu harus menetapkan
seorang di antara kamu untuk
menjaga perbendaharaan itu, dan
dia akan ditahbiskan pada berkat
ini.

62 Dan haruslah ada sebuah
kunci pada perbendaharaan itu,
dan segala sesuatu yang kudus
akan diserahkan pada perbenda-
haraan; dan tidak seorang pun di
antara kamu akan menetapkannya
bagi dirinya sendiri, atau mana-
mana bahagian pun daripadanya,
kerana ianya akan menjadi kepu-
nyaan kamu semua segolongan.

63 Dan Aku memberikannya
kepadamu tepat dari waktu ini;
dan sekarang pastikanlah, agar
kamu pergi dan menggunakan

51a A&P 109:47.

52a PTS Perjanjian.

b PTS Mendambakan.

56a PTS Pengawas,

Pengawasan.

58a PTS Terjemahan Joseph
Smith (TJS).

59a PTS Zaman Seribu

Tahun.

b A&P 1:35–36; 29:9–11.

tugas pengawasan yang telah Aku tetapkan kepadamu, kecuali hal-hal yang kudus itu, untuk tujuan pencetakan hal yang kudus ini seperti yang telah Aku firmankan.

64 Dan "keuntungan dari hal-hal yang kudus ini haruslah disimpan di dalam perbendaharaan, dan sebuah kunci harus diletakkan padanya; dan ia tidak akan digunakan atau dikeluarkan dari perbendaharaan oleh sesiapa pun, tidak juga kunci yang telah diletakkan padanya itu dibuka, kecuali menurut arahan golongan, atau melalui perintah.

65 Dan demikianlah kamu harus menyimpan keuntungan dari hal-hal yang kudus di dalam perbendaharaan, untuk tujuan-tujuan yang kudus dan suci.

66 Dan ini akan dipanggil perbendaharaan kudus Tuhan; dan sebuah kunci harus diletakkan padanya agar ia dikuduskan dan dibaktikan kepada Tuhan.

67 Dan lagi, harus ada sebuah lagi perbendaharaan disediakan, dan seorang bendahari akan ditetapkan untuk menjaga perbendaharaan itu, dan sebuah kunci harus diletakkan padanya;

68 Dan semua wang yang kamu terima dalam tugas pengawasanmu, dengan memajukan harta-harta yang telah Aku tetapkan kepadamu, pada rumah, atau tanah, atau haiwan ternakan, atau pada apapun kecuali tulisan-tulisan yang suci dan kudus itu, yang telah Aku simpan bagi diri-Ku untuk tujuan yang suci dan

kudus, akan diletakkan ke dalam perbendaharaan sebaik sahaja kamu menerima wang, dalam bentuk seratus, atau lima puluh, atau dua puluh, atau sepuluh, atau pun dalam bentuk lima.

69 Atau dengan perkataan lain, jika sesiapa pun di antara kamu mendapat lima dolar biarlah dia memasukkannya ke dalam perbendaharaan; atau jika dia mendapatkan sepuluh, atau dua puluh, atau lima puluh, atau seratus, biarlah dia melakukan yang sedemikian juga;

70 Dan janganlah biarkan seorang pun di antara kamu mengatakan bahawa itu adalah kepunyaannya; kerana ia tidak harus dianggap kepunyaannya, tidak juga mana-mana bahagian pun darinya.

71 Dan mana-mana bahagian pun daripadanya akan digunakan, atau dikeluarkan dari perbendaharaan, kecuali melalui arahan dan persetujuan bersama golongan itu.

72 Dan ini akan menjadi arahan dan persetujuan bersama golongan itu—bahawa sesiapa pun di antara kamu mengatakan kepada bendahari: Aku memerlukannya untuk menolongku dalam tugas pengawasanku—

73 Jika ia adalah lima dolar, atau jika ianya sepuluh dolar, atau dua puluh, atau lima puluh, atau seratus, bendahari akan memberikan kepadanya jumlah yang telah diminta olehnya untuk menolongnya dalam tugas pengawasannya—

74 Sehingga dia didapati

seorang pelanggar, dan dinyatakan dengan jelas di hadapan majlis golongan bahawa dia ialah seorang pengawas yang tidak setia dan “kurang bijak.

75 Tetapi selagi dia berada dalam penemuan yang penuh, dan setia dan bijak dalam tugas pengawasannya, ini akan menjadi buktinya kepada bendahari agar bendahari tidak akan menolak.

76 Tetapi sekiranya berlaku pelanggaran, bendahari itu akan berada dibawah kuasa majlis dan arahan golongan itu.

77 Dan sekiranya bendahari itu didapati seorang pengawas yang tidak setia dan kurang bijak, dia haruslah diserahkan kepada kuasa majlis dan arahan golongan itu, dan harus dilucutkan jawatannya, dan “orang lain akan ditetapkan sebagai penggantinya.

78 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, mengenai hutang-hutangmu—lihatlah adalah kehendak-Ku bahawa kamu harus “membayar semua ^bhutangmu.

79 Dan adalah kehendak-Ku bahawa kamu harus “merendahkan hatimu di hadapan-Ku, dan mendapatkan berkat ini melalui ^bketekunan dan kerendahan hati dan doamu dengan iman.

80 Dan sejauh kamu tekun dan rendah hati, dan menjalankan “doa dengan iman, lihatlah, Aku akan melembutkan hati mereka yang kamu hutangi, sehinggalah Aku

akan menghantar kepadamu cara pembebasanmu.

81 Oleh kerana itu tulislah dengan cepat ke New York dan tulislah menurut apa yang akan disampaikan oleh “Roh-Ku; dan Aku akan melembutkan hati mereka yang kamu hutangi, sehingga dikeluarkan dari fikiran mereka niat untuk membawa kesengsaraan ke atas dirimu.

82 Dan sejauh kamu “rendah hati dan setia dan memanggil nama-Ku, lihatlah, Aku akan memberimu ^bkemenangan.

83 Aku memberi kepadamu sebuah janji, bahawa kamu akan dibebaskan kali ini dari perhambaanmu.

84 Sejauh kamu mendapatkan suatu peluang untuk meminjam wang sebanyak ratusan, atau ribuan, bahkan sehingga kamu akan meminjam secukupnya untuk membebaskan dirimu dari perhambaan, itu adalah peluang baikmu.

85 Dan pajakkanlah harta-harta yang telah Aku letakkan ke dalam tanganmu, kali ini, dengan memberikan namamu melalui persetujuan bersama atau yang lain, menurut apa yang kelihatannya baik bagimu.

86 Aku memberi kepadamu peluang istimewa ini, untuk kali ini; dan lihatlah, jika kamu terus melakukan hal-hal yang telah Aku letakkan di hadapanmu ini, menurut perintah-perintah-Ku, segala-

74a Luk. 16:1–12.

77a A&P 107:99–100.

78a A&P 42:54.

b prs Hutang.

79a prs Rendah Hati,
Kerendahan Hati.

b prs Ketekunan.

80a Yak. 5:15.

81a prs Roh Kudus.

82a Luk. 14:11;

A&P 67:10.

b A&P 103:36.

nya adalah milik-Ku, dan kamu adalah para pengawas-Ku, dan seorang-tuan tidak akan membi-

arkan rumah-Nya dibinasakan. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 105

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, berdekatan Sungai Fishing, Missouri, 22 Jun 1834. Dibawah pimpinan Nani, para Orang Suci dari Ohio dan kawasan lain berkawat ke Missouri dalam ekspedisi dikenali sebagai Perkhemahan Sion. Tujuan mereka adalah menemani para Orang Suci Missouri yang disingkir pulang ke tanah kediaman mereka di Jackson Country. Para Orang Missouri yang telah menganiaya Orang Suci takut tindakan balas dari Perkhemahan Sion dan beberapa serangan dahuluan para Orang Suci tinggal di Clay County, Missiouri. Setelah pentadbir Missiouri menarik kembali perjanjiannya untuk menyokong para Orang Suci, Jospeh Smith menerima wahyu ini.

1-5, Sion akan dibina menurut hukum selestial; 6-13, Penebusan Sion ditangguhkan untuk suatu tempoh masa yang singkat; 14-19, Tuhan akan bertempur Sion; 20-26, Para Orang Suci mesti bijak dan tidak bermegah tentang pekerjaan yang besar semasa mereka berkumpul; 27-30, Tanah di Jackson dan daerah-daerah yang bersebelahan haruslah dibeli; 31-34, Para penatua harus menerima anugerahan di dalam bait suci di Kirtland; 35-37, Para Orang Suci yang telah dipanggil dan dipilih akan dikuduskan; 38-41, Para Orang Suci harus mengangkat suatu panji perdamaian kepada dunia.

SESUNGGUHNYA Aku berfirman kepadamu yang telah berhimpun bersama agar kamu boleh mengetahui kehendak-Ku mengenai

“penebusan umat-Ku yang sengsara—

2 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu, jikalau bukan kerana “pelanggaran umat-Ku, berfirman mengenai gereja dan bukan individu, mereka mungkin telah ditebus bahkan sekarang.

3 Tetapi lihatlah, mereka belum belajar untuk mematuhi apa yang telah Aku tuntutan daripada tangan mereka, tetapi penuh dengan segala jenis kejahatan, dan tidak “memberikan harta mereka, sebagai Orang Suci, kepada yang miskin dan sengsara di kalangan mereka;

4 Dan tidak “bersatu menurut kesatuan yang dituntut oleh hukum kerajaan selestial;

5 Dan “Sion ^bhanya dapat dibina berdasarkan asas-asas

105 1a A&P 100:13.

2a A&P 104:4-5, 52.

3a Kis. 5:1-11;

A&P 42:30.

pts Membaktikan,
Hukum Kebaktian.

4a A&P 78:3-7.

5a pts Sion.

b A&P 104:15-16.

‘hukum kerajaan selestial; jika tidak Aku tidak dapat menerimanya bagi diri-Ku.

6 Dan umat-Ku mesti perlu ‘dihukum sehingga mereka belajar ^bkepatuhan, jika perlu, melalui hal-hal yang menderitakan mereka.

7 Aku tidak berfirman mengenai mereka yang telah ditetapkan untuk memimpin umat-Ku, yang merupakan para penatua ‘pertama gereja-Ku, kerana bukan semua mereka berada di dalam hukuman ini;

8 Tetapi Aku berfirman berkenaan jemaah-jemaah gereja-Ku di luar daerah—terdapat banyak yang akan berkata: Di manakah Tuhan mereka? Lihatlah, Dia akan membebaskan mereka pada waktu kesusahan, jika tidak kita tidak akan pergi ke Sion, dan akan menyimpan wang kita.

9 Oleh kerana itu, sebagai akibat dari ‘pelanggaran umat-Ku, adalah arif menurut-Ku bahawa para penatua-Ku harus menunggu untuk suatu tempoh masa yang singkat untuk penebusan Sion—

10 Agar diri mereka boleh disediakan, dan agar umat-Ku boleh diajar dengan lebih sempurna, dan memperoleh pengalaman, dan mengetahui dengan lebih sempurna mengenai ‘kewajipan mereka, dan apa yang Aku tuntutan daripada tangan mereka.

11 Dan ini tidak dapat didatangkan sehingga ‘para penatua-Ku telah ^bdianugerahi dengan kuasa dari syurga.

12 Kerana lihatlah, Aku telah menyediakan sebuah anugerahan dan berkat yang besar untuk ‘dicurahkan ke atas diri mereka, sejauh mereka setia dan berterusan dalam kerendahan hati di hadapan-Ku.

13 Oleh kerana itu adalah arif menurut-Ku bahawa para penatua-Ku harus menunggu untuk suatu tempoh masa yang singkat, untuk penebusan Sion.

14 Kerana lihatlah, Aku tidak menuntut dari tangan mereka untuk bertempur bagi Sion; kerana, seperti yang Aku firman dalam sebuah perintah yang terdahulu, demikian jugalah akan Aku genapi—Aku akan ‘bertempur bagimu.

15 Lihatlah, si ‘penghancur telah Aku utuskan untuk menghancurkan dan melenyapkan musuh-Ku; dan tidak sampai bertahun-tahun selepas ini mereka tidak akan tinggal untuk mencemarkan pusaka-Ku, dan untuk ^bmenista nama-Ku di atas tanah yang telah Aku ‘baktikan untuk pengumpulan para orang suci-Ku bersama.

16 Lihatlah, Aku telah memerintahkan hamba-Ku Joseph Smith Jr. untuk mengatakan kepada ‘kekuatan isi rumah-Ku, bahkan para

5c A&P 88:22.

6a A&P 95:1–2.

pts Tegur, Menegur.

b pts Patuh, Kepatuhan, Mematuhi.

7a A&P 20:2–3.

9a A&P 103:4.

10a pts Tugas.

11a pts Penatua.

b A&P 38:32; 95:8.

pts Anugerahan.

12a A&P 110.

14a Yos. 10:12–14;

Yes. 49:25;

A&P 98:37.

15a A&P 1:13–14.

b A&P 112:24–26.

pts Menista, Nista.

c A&P 84:3–4; 103:35.

16a A&P 101:55; 103:22, 30.

pejuang-Ku, para pemuda-Ku, dan yang pertengahan umur, untuk berkumpul bersama untuk penebusan umat-Ku, dan merobohkan menara-menara musuh-Ku, dan menceraiberaikan ^bpara pengawal mereka;

17 Tetapi kekuatan isi rumah-Ku belum mendengar firman-Ku.

18 Tetapi sejauh adanya mereka yang telah mendengarkan firman-Ku, Aku telah menyediakan suatu berkat dan "anugerahan bagi mereka, jika mereka terus setia.

19 Aku telah mendengar doa-doa mereka, dan akan menerima persembahan mereka; dan adalah arif menurut-Ku bahawa mereka harus dibawa sejauh ini sebagai pencubaan "iman mereka.

20 Dan sekarang, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, sebuah perintah Aku berikan kepadamu, bahawa sebanyak mana yang datang ke mari, yang dapat tinggal di wilayah sekitarnya, biarlah mereka tinggal;

21 Dan mereka yang tidak dapat tinggal, yang mempunyai keluarga di sebelah timur, biarlah mereka tinggal untuk suatu masa yang singkat, sejauh hamba-Ku Joseph akan ditetapkan kepada mereka;

22 Kerana Aku akan menasihati dia mengenai hal ini, dan segala hal apa pun yang akan dia ditetapkan kepada mereka akan digenapi.

23 Dan biarlah seluruh umat-Ku yang tinggal di wilayah-wilayah sekitarnya menjadi sangat setia,

dan penuh doa, dan rendah hati di hadapan-Ku, dan tidak menedahkan hal-hal yang telah Aku wahyukan kepada mereka, sehinggalah menjadi bijaksana di dalam Aku bahawa ianya harus didedahkan.

24 Janganlah bercakap tentang penghakiman, tidak juga "bermegah tentang iman mahupun tentang pekerjaan yang besar, tetapi berkumpullah bersama dengan berhati-hati, sebanyak mana yang boleh di dalam sebuah wilayah, menurut perasaan orang-orang itu;

25 Dan lihatlah, Aku akan memberi kepadamu kemurahan hati dan rahmat di mata mereka, agar kamu boleh beristirahat dalam "kedamaian dan keselamatan, semasa kamu mengatakan kepada orang-orang itu: Laksanakanlah penghakiman dan keadilan bagi kami menurut hukum, dan berilah kami ganti rugi di atas ketidakadilan terhadap kami.

26 Sekarang, lihatlah, Aku berfirman kepadamu, teman-teman-Ku, dengan cara ini kamu boleh berkenan di mata orang-orang itu, sehingga "tentera Israel menjadi sangat besar.

27 Dan Aku akan melembutkan hati orang-orang itu, seperti yang Aku lakukan kepada hati "Firaun, dari semasa ke semasa, sehingga hamba-Ku Joseph Smith Jr. dan para penatua-Ku, yang telah Aku ditetapkan, akan mempunyai masa

16b pts Berjaga, Para Penjaga.
18a A&P 110:8-10.

19a pts Iman.
24a A&P 84:73.
pts Keangkuhan.

25a pts Kedamaian.
26a Yl. 2:11.
27a Kej. 47:1-12.

untuk mengumpulkan kekuatan isi rumah-Ku,

28 Dan untuk mengutus para lelaki "bijak, untuk menggenapi apa yang telah Aku perintahkan tentang ^bpembelian semua tanah di Jackson County yang dapat dibeli, dan di wilayah-wilayah yang berdekatan di sekitarnya.

29 Kerana merupakan kehendak-Ku bahawa tanah-tanah ini harus dibeli; dan selepas ianya dibeli, para orang suci-Ku akan memilikinya menurut "hukum-hukum pembaktian yang telah Aku berikan.

30 Dan selepas tanah-tanah ini dibeli, Aku akan menganggap bala "tentera Israel tidak bersalah dalam mengambil tanah milik mereka sendiri, yang telah mereka beli sebelumnya dengan wang mereka, dan merobohkan menara-menara musuh-Ku yang mungkin berada pada diri mereka, dan menceraiberaikan para pengawal mereka, dan ^bmenuntut bela bagi-Ku terhadap musuh-Ku sehingga generasi ketiga dan keempat mereka yang membenci-Ku.

31 Tetapi pertama sekali biarlah tentera-Ku menjadi sangat besar, dan biarlah ia "dikuduskan di hadapan-Ku, agar ia boleh menjadi terang bagaikan matahari, dan

jernih bagaikan ^bbulan, dan agar panji-panjinya boleh menakutkan semua bangsa;

32 Agar kerajaan-kerajaan di dunia ini boleh didesak untuk mengakui bahawa kerajaan Sion adalah benar-benar "kerajaan Tuhan kita dan Kristus-Nya; oleh kerana itu, marilah kita ^btunduk pada hukum-hukumnya.

33 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, adalah arif menurut-Ku bahawa para penatua pertama gereja-Ku harus menerima "anugerahan mereka dari syurga di dalam rumah-Ku, yang telah Aku perintahkan untuk dibina demi nama-Ku di negeri Kirtland.

34 Dan biarlah perintah-perintah itu yang telah Aku berikan mengenai Sion dan "hukumnya dilaksanakan dan dipenuhi, setelah penebusannya.

35 Telah ada masa "pemanggilan, tetapi waktunya telah tiba untuk masa pemilihan; dan biarlah mereka yang ^blayak itu dipilih.

36 Dan akan dinyatakan kepada hamba-Ku, melalui suara Roh, mereka yang "terpilih; dan mereka akan ^bdikuduskan;

37 Dan sejauh mereka mengikuti "nasihat yang mereka terima, mereka akan memperoleh kuasa

28a A&P 101:73.

b A&P 42:35-36.

29a A&P 42:30.

pts Golongan Bersatu;
Membaktikan,
Hukum Kebaktian.

30a A&P 35:13-14; 101:55;
103:22, 26.

b A&P 97:22.

31a pts Pengudusan.

b Kid. 6:10;

A&P 5:14; 109:73.

32a Why. 11:15.

pts Kerajaan Tuhan
atau Kerajaan Syurga.

b pts Kerajaan.

33a A&P 95:8-9.

pts Anugerahan.

34a IAITU A&P 42 dikenali
sebagai "Hukum."

35a pts Dipanggil oleh
Tuhan, Memanggil,
Panggilan.

b pts Layak, Kelayakan.

36a A&P 95:5.

pts Pilih, Dipilih,
Memilih.

b pts Pengudusan.

37a pts Nasihat.

selepas banyak hari untuk menyelesaikan semua hal berkaitan dengan Sion.

38 Dan lagi Aku berfirman kepadamu, isytiharkanlah kedamaian, bukan hanya kepada orang-orang yang telah menghentammu, tetapi juga kepada semua orang;

39 Dan angkatlah "panji^b kedamaian, dan isytiharkanlah kedamaian pada hujung-hujung bumi;

40 Dan buatlah cadangan-cadangan untuk perdamaian kepada mereka yang telah menghentammu, menurut suara Roh yang ada dalam dirimu, dan "segala hal akan bekerja bersama demi kebaikanmu.

41 Oleh kerana itu, setialah; dan lihatlah, dan tengoklah, "Aku besertamu bahkan sehingga akhir. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 106

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, 25 November 1834. Wahyu ini diarahkan kepada Warren A. Cowdery, abang Oliver Cowdery.

1–3, Warren A. Cowdery dipanggil sebagai ketua pemimpin tempatan; 4–5, Kedatangan Kedua tidak akan mendatangi anak-anak cahaya bagaikan pencuri; 6–8, Berkat-berkat besar menyusuli pelayanan yang setia di dalam Gereja.

ADALAH kehendak-Ku bahawa hamba-Ku Warren A. Cowdery harus ditetapkan dan ditahbisikan sebagai ketua imam tinggi ke atas gereja-Ku, di negeri "Freedom dan di wilayah-wilayah sekitarnya;

2 Dan harus mengkhutbahkan Injil kekal-Ku, dan mengangkat suaranya dan memperingatkan orang-orang itu, bukan hanya

di tempatnya sendiri, tetapi di daerah-daerah yang berdekatan;

3 Dan menumpukan seluruh waktunya pada pemanggilan yang tinggi dan kudus ini, yang Aku berikan kepadanya sekarang, "mencari dengan tekun^b kerajaan syurga dan kebenarannya, dan segala sesuatu yang perlu akan ditambahkan kepadanya; kerana "pekerja layak menerima upahnya.

4 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, "kedatangan Tuhan^b semakin dekat, dan ia akan mendatangi dunia bagaikan "pencuri pada malam hari—

5 Oleh kerana itu, sediakanlah dirimu, agar kamu boleh menjadi anak-anak "cahaya, dan hari itu

39a pts Panji.
b pts Kedamaian.

40a Rm. 8:28;
A&P 90:24; 100:15.

41a Mat. 28:19–20.

106 1a IAITU kota Freedom, New York, dan

persekitaran.

3a Mat. 6:33.

b pts Kerajaan Tuhan
atau Kerajaan Syurga.

c Mat. 10:10;
A&P 31:5.

4a Yak. 5:8.

b pts Hari-hari Terakhir,
Zaman Akhir.

c 1 Tes. 5:2.

5a pts Cahaya,
Cahaya Kristus.

tidak akan ^bmendatangimu bagaikan pencuri.

6 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, adanya kebahagiaan di dalam syurga apabila hamba-Ku Warren tunduk pada cokmar-Ku, dan memisahkan dirinya dari kelicikan manusia;

7 Oleh kerana itu, diberkatilah hamba-Ku Warren, kerana Aku akan berbelas kasihan kepadanya; dan, meskipun ^akesombongan

hatinya, Aku akan mengangkatnya sejauh dia mahu merendahkan hatinya di hadapan-Ku.

8 Dan Aku akan memberinya "rahmat dan keyakinan yang dengannya dia boleh bertahan; dan jika dia terus menjadi saksi yang setia dan cahaya bagi gereja, Aku telah sediakan sebuah mahkota baginya di ^btempat-tempat kediaman Bapa-Ku. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 107

Wahyu tentang imamat, diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Kirtland, Ohio, kira-kira April 1835. Walaupun bahagian ini dicatatkan pada 1835, catatan bersejarah menegaskan bahawa kebanyakan ayat 60 sehingga 100 menggabungkan satu wahyu diberi melalui Joseph Smith pada November 11, 1831. Bahagian ini berkaitan dengan organisasi Kuorum Dua Belas pada Februari dan Mac 1835. Nabi mungkin menyampaikannya di hadapan mereka yang bersedia untuk berangkat pada 3 Mei 1835, dalam misi kuorum pertama mereka.

1-6, Terdapat dua imamat: Melkisedek dan Harun; 7-12, Mereka yang memegang Imamat Melkisedek memiliki kuasa untuk bertugas di dalam semua jawatan di dalam Gereja; 13-17, Lembaga Uskup mengetuai Imamat Harun, yang melaksanakan tatacara-tatacara luaran; 18-20, Imamat Melkisedek memegang kunci-kunci bagi semua berkat rohani; Imamat Harun memegang kunci-kunci pelayanan para malikat; 21-38, Presidensi Utama, Dua Belas, dan Tujuh Puluh membentuk kuorum-kuorum yang mengetuai,

yang mana keputusannya mesti dibuat dalam kesatuan dan kesolehan; 39-52, Tarekat kepapabangsaan digariskan daripada Adam sehingga Nuh; 53-57, Para Orang Suci zaman dahulu berhimpun di Adam-ondi-Ahman, dan Tuhan menampakkan diri kepada mereka; 58-67, Dua Belas harus menyusun para pemimpin Gereja secara teratur; 68-76, Para uskup melayani sebagai hakim umum di Israel; 77-84, Presidensi Utama dan Dua Belas membentuk mahkamah tertinggi di dalam Gereja; 85-100, Para presiden

5b Why. 16:15.
7a pts Sia-sia,
Kesia-siaan.

8a pts Rahmat.
b Yoh. 14:2;
Eter 12:32-34;

A&P 59:2; 76:111;
81:6; 98:18.

imamat mentadbir kuorum mereka masing-masing.

TERDAPAT, di dalam gereja, dua imamat, iaitu, "Melkisedek dan ^bHarun, termasuk Imamat Lewi.

2 Sebab mengapa yang pertama disebut Imamat Melkisedek adalah kerana "Melkisedek merupakan seorang imam tinggi yang hebat.

3 Sebelum zamannya ia disebut *Imamat Kudus*, menurut "Tarekat Putera Tuhan.

4 Tetapi kerana rasa hormat atau "takzim terhadap nama Makhluq Agung itu, untuk mengelakkan pengulangan nama-Nya yang terlalu kerap, mereka, iaitu gereja, pada zaman dahulu, menyebut imamat itu menurut nama Melkisedek, atau Imamat Melkisedek.

5 Semua wewenang atau jawatan lain di dalam gereja adalah "tambahan daripada imamat ini.

6 Tetapi ada dua pembahagian atau bahagian utama—satu adalah Imamat Melkisedek, dan yang satu lagi adalah Imamat Harun atau "Lewi.

7 Jawatan "penatua berada di bawah imamat Melkisedek.

8 Imamat Melkisedek memegang hak presidensi, dan memiliki kuasa dan "wewenang ke atas semua jawatan di dalam gereja di seluruh zaman duniawi, untuk melaksanakan hal-hal yang rohani.

9 "Presidensi Imamat Tinggi, menurut tarekat Melkisedek, memiliki hak untuk bertugas dalam semua jawatan di dalam gereja.

10 "Para Imam tinggi menurut tarekat Imamat Melkisedek memiliki ^bhak untuk bertugas dalam kedudukan mereka sendiri, di bawah arahan presidensi, dalam melaksanakan hal-hal yang rohani, dan juga dalam jawatan seorang penatua, imam (dari tarekat Lewi), pengajar, diaken, dan anggota gereja.

11 Seorang penatua memiliki hak untuk bertugas sebagai penggantinya apabila imam tinggi tidak hadir.

12 Imam tinggi dan penatua mesti melaksanakan hal-hal yang rohani, selaras dengan perjanjian dan perintah gereja; dan mereka memiliki hak untuk bertugas dalam semua jawatan gereja ini apabila tidak ada penguasa yang lebih tinggi hadir.

13 Imamat yang kedua disebut "Imamat Harun, kerana ianya dianugerahkan kepada ^bHarun dan keturunannya, sepanjang seluruh generasi mereka.

14 Sebab mengapa ia disebut imamat yang lebih rendah adalah kerana ia merupakan "tambahan kepada yang lebih tinggi, atau Imamat Melkisedek, dan

107 1a PTS Imamat Melkisedek.
b PTS Imamat Harun.
2a TJS Kej. 14:25-40 (Lampiran); A&P 84:14.
PTS Melkisedek.
3a Alma 13:3-19;

A&P 76:57.
4a PTS Penghormatan.
5a A&P 84:29; 107:14.
6a Ul. 10:8-9.
7a PTS Penatua.
8a PTS Wewenang.
9a A&P 81:2;
107:22, 65-67, 91-92.

10a PTS Imam Tinggi.
b A&P 121:34-37.
13a PTS Imamat Harun.
b PTS Harun, Abang Musa.
14a A&P 20:52; 107:5.

memiliki kuasa dalam melaksanakan tatacara-tatacara luaran.

15 “Lembaga uskup adalah presidensi bagi imamat ini, dan memegang kunci atau wewenang dari imamat yang sama.

16 Tiada seorang lelaki pun memiliki hak yang sah terhadap jawatan ini, untuk memegang kunci-kunci keimamatan ini, melainkan dia adalah dari “keturunan darah daging Harun.

17 Tetapi oleh kerana seorang imam tinggi dalam Imamat Melkisedek memiliki wewenang untuk bertugas dalam semua jawatan yang lebih rendah, dia boleh bertugas dalam jawatan uskup apabila tidak ada keturunan darah daging Harun yang ditemui, asalkan dia telah dipanggil dan ditetapkan dan “ditahbiskan pada kuasa ini melalui tangan ^bPresidensi Imamat Melkisedek.

18 Kuasa dan wewenang dari yang lebih tinggi, atau Imamat Melkisedek, adalah untuk memegang “kunci-kunci semua berkat-berkat rohani gereja—

19 Untuk memiliki hak istimewa menerima “misteri-misteri kerajaan syurga, untuk melihat syurga dibukakan kepada mereka, untuk persekutuan dengan ^bperhimpunan umum dan gereja Putera

Sulung, dan untuk menikmati persekutuan dan hadirat Tuhan Bapa, dan Yesus “pengantara bagi perjanjian yang baru.

20 Kuasa dan wewenang dari yang lebih rendah, atau Imamat Harun, adalah untuk memegang “kunci-kunci pelayanan para malaikat, dan untuk melaksanakan ^btatacara-tatacara luaran, hal-hal Injil yang tersurat, “pembaptisan untuk pertaubatan bagi ^dpengampunan dosa-dosa, selaras dengan perjanjian dan perintah.

21 Kerana perlunya ada presiden, atau pemimpin-pemimpin utama yang berasal dari, atau dilantik dari atau datang daripada kalangan mereka yang telah ditahbiskan pada pelbagai jawatan di dalam kedua-dua imamat ini.

22 Dari “Imamat Melkisedek, tiga orang Imam Tinggi ^bUtama, dipilih oleh badan tersebut, dilantik dan ditahbiskan pada jawatan itu, dan “disokong dengan keyakinan, iman, dan doa daripada gereja, membentuk sebuah kuorum Presidensi Gereja.

23 “Kedua belas anggota majlis yang melakukan perjalanan dipanggil untuk menjadi Dua Belas ^bRasul, atau para saksi istimewa bagi nama Kristus di seluruh dunia—dengan demikian

15a pts Uskup.
16a A&P 68:14–21;
107:68–76.

17a pts Tahbis,
Pentahbisan.
b A&P 68:15.

18a pts Kunci-kunci
Imamat.

19a Alma 12:9–11;
A&P 63:23; 84:19–22.

pts Misteri-misteri
Tuhan.
b Ibr. 12:22–24.
c pts Pengantara.
20a A&P 13; 84:26–27.
b pts Tatacara-tatacara.
c pts Pembaptisan,
Membaptis.
d pts Pengampunan
Dosa-dosa.

22a pts Imamat
Melkisedek.
b A&P 90:3, 6; 107:9,
65–67, 78–84, 91–92.
c pts Penyokongan para
Pemimpin Gereja.
23a A&P 107:33–35.
b pts Rasul.

berbeza daripada para pemimpin lain di dalam gereja dalam tugas-tugas panggilan mereka.

24 Dan mereka membentuk sebuah kuorum, setara dalam wewenang dan kuasa dengan tiga presiden yang telah disebutkan sebelumnya.

25 “Tujuh Puluh juga dipanggil untuk mengkhutbahkan Injil, dan untuk menjadi para saksi istimewa bagi bangsa bukan Israel dan di seluruh dunia—dengan demikian berbeza daripada pemimpin lain di dalam gereja dalam tugas-tugas panggilan mereka.

26 Dan mereka membentuk sebuah kuorum, setara dalam wewenang dengan Dua Belas saksi istimewa atau Rasul yang baru saja disebutkan.

27 Dan setiap keputusan yang dibuat oleh salah satu kuorum ini mesti berdasarkan keputusan sebulat suara dari kuorum yang sama; iaitu, setiap anggota dalam kuorum masing-masing mesti bersetuju dengan keputusannya, untuk menjadikan keputusan mereka sama berkuasa dan sah antara satu sama lain—

28 Suatu majoriti boleh membentuk sebuah kuorum apabila keadaan menjadikan yang sebaliknya mustahil—

29 Melainkan keadaannya adalah sebegini, keputusan mereka tidaklah patut diberi berkat-berkat yang sama yang diberi kepada keputusan kuorum yang

terdiri daripada tiga presiden pada zaman dahulu, yang telah ditahbiskan menurut tarekat Melkisedek, dan merupakan para lelaki yang soleh dan kudus.

30 Keputusan kuorum-kuorum ini, atau salah satu darinya, mesti dibuat dalam “kesolehan, dalam kekudusan, dan kerendahan hati, kelembutan hati dan kepanjangan-sabaran, dan dalam iman, dan ^bkehemahan, dan pengetahuan, kesederhanaan, kesabaran, kesolehan, kebaikan persaudaraan dan kasih ihsan;

31 Kerana janjinya adalah, jika hal-hal ini berlimpah ruah di dalam mereka, mereka tidak akan “berhenti berbuah dalam pengetahuan tentang Tuhan.

32 Dan sekiranya terdapat keputusan dari kuorum-kuorum ini yang dibuat dalam ketidaksolehan, ianya boleh dibawa ke hadapan sebuah perhimpunan umum beberapa kuorum itu, yang merupakan para penguasa rohani gereja; jika tidak, tidak akan ada rayuan bagi keputusan mereka.

33 Dua Belas adalah sebuah Majlis Tinggi Utama yang Melakukan Perjalanan, untuk bertugas dalam nama Tuhan, di bawah arahan Presidensi Gereja, selaras dengan ketentuan syurga; untuk membangunkan gereja, dan mengatur segala urusan yang sama bagi semua bangsa; pertamanya kepada “bangsa bukan Israel dan yang kedua kepada bangsa Yahudi.

25a prs Tujuh Puluh.
30a A&P 121:36.
prs Soleh, Kesolehan.

b A&P 121:41.
prs Hemah.
31a 2 Ptr. 1:5–8.

33a 1 Ne. 13:42;
3 Ne. 16:4–13;
A&P 90:8–9.

34 Tujuh Puluh mesti bertindak dalam nama Tuhan, di bawah arahan “Dua Belas atau majlis tinggi yang melakukan perjalanan, dalam membangunkan gereja dan mengatur segala urusan yang sama bagi semua bangsa, pertamanya kepada bangsa bukan Israel dan kemudian kepada bangsa Yahudi—

35 Dua Belas diutus, memegang kunci-kunci, untuk membuka pintu melalui pernyataan Injil Yesus Kristus, pertamanya kepada bangsa bukan Israel dan kemudian kepada bangsa Yahudi.

36 “Majlis tinggi tempatan, di pancang-pancang Sion, membentuk sebuah kuorum yang setara dalam wewenang dalam urusan gereja, dalam semua keputusan mereka, dengan kuorum presidensi, atau dengan majlis tinggi yang melakukan perjalanan.

37 Majlis tinggi di Sion membentuk sebuah kuorum yang setara dalam wewenang dalam urusan gereja, dalam semua keputusan mereka, dengan Majlis Dua Belas di pancang-pancang Sion.

38 Adalah kewajipan majlis tinggi yang melakukan perjalanan untuk memanggil “Tujuh Puluh, apabila mereka memerlukan bantuan, bagi memenuhi beberapa panggilan untuk mengkhutbah dan melayani Injil, bukannya orang yang lain.

39 Adalah kewajipan Dua Belas, di dalam semua cabang gereja

yang besar, untuk menahbiskan “para pembawa Injil, seperti yang akan ditetapkan kepada mereka melalui wahyu—

40 Tarekat keimamatan ini telah ditetapkan untuk diturunkan daripada ayah kepada anak lelaki, dan secara sahnya milik keturunan darah daging daripada keturunan yang terpilih, iaitu kepada mereka—lah perjanjian-perjanjian itu telah dibuat.

41 Tarekat ini telah ditubuhkan pada zaman “Adam, dan diturunkan melalui ^bgaris keturunan dengan cara berikut:

42 Dari Adam sehingga “Set, yang telah ditahbiskan oleh Adam pada usia enam puluh sembilan tahun, dan diberkati olehnya tiga tahun sebelum kematiannya (Adam), dan menerima janji Tuhan melalui ayahnya, bahawa anak cucunya akan menjadi pilihan Tuhan, dan bahawa mereka akan dipelihara sehingga ke akhir bumi;

43 Kerana dia (Set) ialah seorang lelaki yang “sempurna, dan ^brupanya mirip seperti rupa ayahnya, sedemikian rupa sehingga dia kelihatan seperti ayahnya dalam segalanya, dan hanya dapat dibezakan daripadanya berdasarkan usianya.

44 Enos telah ditahbiskan pada usia seratus tiga puluh empat tahun dan empat bulan, oleh tangan Adam.

45 Tuhan berbicara kepada Kenan di padang belantara pada usianya

34 *a* A&P 112:21.

36 *a* PTS Majlis Tinggi.

38 *a* PTS Tujuh Puluh.

39 *a* PTS Bapa Bangsa, Kebapabangsaan;

Pemberita Injil.

41 *a* PTS Adam.

b Kej. 5;

A&P 84:6–16;

Musa 6:10–25.

42 *a* PTS Set.

43 *a* PTS Sempurna.

b Kej. 5:3.

yang keempat puluh tahun; dan dia bertemu dengan Adam dalam perjalanan ke Syedolamak. Dia berumur lapan puluh tujuh tahun semasa dia menerima penahbisannya.

46 Mahalaleel berusia empat ratus sembilan puluh enam tahun dan tujuh hari semasa dia ditahbiskan oleh tangan Adam, yang juga memberkatinya.

47 Yared berumur dua ratus tahun semasa dia ditahbiskan di bawah tangan Adam, yang juga memberkatinya.

48 ^aHenokh berumur dua puluh lima tahun semasa dia ditahbiskan di bawah tangan Adam; dan dia berusia enam puluh lima tahun dan Adam memberkatinya.

49 Dan dia telah melihat Tuhan, dan dia berjalan bersama-Nya, dan sentiasa berada di hadapan wajah-Nya; dan dia ^aberjalan bersama Tuhan tiga ratus enam puluh lima tahun, menjadikannya berumur empat ratus tiga puluh tahun semasa dia ^bdiangkat.

50 ^aMetusalah berumur seratus tahun semasa dia ditahbiskan di bawah tangan Adam.

51 Lamekh berumur tiga puluh dua tahun semasa dia ditahbiskan di bawah tangan Set.

52 ^aNuh berumur sepuluh tahun semasa dia ditahbiskan di bawah tangan Metusalah.

53 Tiga tahun sebelum kematian Adam, dia memanggil Set, Enos, Kenan, Mahalaleel, Yared, Henokh, dan Metusalah, yang mana mereka semuanya ialah ^aimam tinggi, bersama baki keturunannya yang tinggal, yang soleh, ke Lembah ^bAdam-ondi-Ahman, dan di sana mengaruniakan kepada mereka berkatnya yang terakhir.

54 Dan Tuhan menampakkan diri kepada mereka, dan mereka bangkit dan memberkati ^aAdam, dan memanggilnya ^bMikhael, putera, malaikat agung.

55 Dan Tuhan memberikan penghiburan kepada Adam, dan berfirman kepadanya: Aku telah menentukan engkau untuk menjadi kepala; sejumlah bangsa yang besar akan datang daripadamu, dan engkau ialah ^aputera kepada mereka selamanya.

56 Dan Adam berdiri di tengah para umat; dan, walaupun dia bongkok akibat usia tuanya, kerana dipenuhi dengan Roh Kudus, ^ameramalkan segala yang akan menimpa keturunannya sehinggalah generasi yang terakhir.

57 Hal-hal ini semuanya telah dituliskan dalam kitab Henokh, dan akan dipersaksikan pada waktu yang tepat.

58 Adalah kewajipan ^aDua Belas, juga, untuk ^bmenahbiskan

48^a pts Henokh.

49^a Kej. 5:22;

lbr. 11:5;

Musa 7:69.

^b pts Makhluq

Diangkat.

50^a pts Metuselalah.

52^a pts Nuh, Bapa Bangsa dalam Alkitab.

53^a pts Imam Tinggi.

^b A&P 78:15; 116.

pts Adam-ondi-Ahman.

54^a A&P 128:21.

pts Adam.

^b pts Mikhael.

55^a A&P 78:16.

56^a Musa 5:10.

58^a pts Rasul.

^b pts Tahbis,

Pentahbisan.

dan menyusunaturkan semua pemimpin gereja yang lain, selaras dengan wahyu yang mengatakan:

59 Kepada gereja Kristus di negeri Sion, sebagai tambahan pada "hukum-hukum gereja berkenaan urusan gereja—

60 Sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, firman Tuhan Semesta Alam, mestilah perlunya ada para penatua "yang mengetuai untuk mengetuai mereka yang berjawatan penatua;

61 Dan juga "para imam untuk mengetuai mereka yang berjawatan imam;

62 Dan juga para pengajar untuk "mengetuai mereka yang berjawatan pengajar, dengan cara yang sama, begitu juga dengan para diaken—

63 Kerana itu, dari diaken sehingga pengajar, dan dari pengajar sehingga imam, dan dari imam sehingga penatua, masing-masing sebagaimana mereka ditetapkan, menurut perjanjian dan perintah-perintah gereja.

64 Kemudian berikutnya Imam Tinggi, yang terbesar dari semuanya.

65 Kerana itu, mestilah perlu bahawa seorang ditetapkan oleh Imam Tinggi untuk mengetuai imamat itu, dan dia akan dipanggil Presiden Imam Tinggi Gereja;

66 Atau, dengan perkataan lain, Imam Tinggi "Utama ke atas Imamat Tinggi Gereja.

67 Dari orang yang sama datanglah pelayanan tata cara dan berkat ke atas gereja, melalui "perletakan tangan.

68 Kerana itu, jawatan uskup tidak setara dengannya; kerana jawatan "uskup adalah untuk melaksanakan semua hal duniawi;

69 Walaupun demikian seorang uskup mesti dipilih dari "Imamat Tinggi, kecuali dia ialah "keturunan darah daging Harun;

70 Melainkan dia ialah keturunan darah daging Harun dia tidak boleh memegang kunci-kunci keimamatan itu.

71 Walaupun demikian, seorang imam tinggi, yaitu, menurut tarekat Melkisedek, boleh ditetapkan pada pelayanan hal-hal duniawi, dengan memiliki pengetahuan mengenainya melalui Roh kebenaran;

72 Dan juga untuk menjadi seorang "hakim di Israel, untuk melakukan urusan gereja, untuk duduk dalam penghakiman terhadap pelanggar berdasarkan kesaksian seperti yang akan dikemukakan di hadapannya menurut hukum-hukum, dengan bantuan para penasihatnya, yang telah dia pilih atau akan pilih dari kalangan para penatua gereja.

73 Inilah kewajipan seorang uskup yang bukan keturunan darah daging Harun, tetapi telah ditahbiskan pada Imamat Tinggi menurut tarekat Melkisedek.

59a A&P 43:2-9.

60a A&P 107:89-90.

61a A&P 107:87.

62a A&P 107:85-86.

66a A&P 107:9, 91-92.

pts Presiden.

67a pts Perletakan Tangan.

68a pts Uskup.

69a pts Imamat Melkisedek.

b A&P 68:14-24; 84:18;

107:13-17.

72a A&P 58:17-18.

74 Demikianlah dia akan menjadi seorang hakim, bahkan seorang hakim umum di kalangan para penduduk Sion, atau di pancang Sion, atau di mana pun cabang gereja dia akan ditetapkan pada pelayanan ini, sehingga sempadan-sempadan Sion diperluas dan pelantikan uskup atau hakim yang lain di Sion atau di tempat lain menjadi perlu.

75 Dan sejauh uskup lain ditetapkan mereka akan bertindak di dalam jawatan yang sama.

76 Tetapi keturunan darah daging Harun memiliki hak yang sah ke atas presidensi imamat ini, ke atas "kunci-kunci pelayanan ini, untuk bertindak dalam jawatan uskup secara perseorangan, tanpa para penasihat, kecuali dalam suatu kes di mana seorang Presiden Imamat Tinggi, menurut tarekat Melkisedek, diadili, untuk duduk sebagai hakim di Israel.

77 Dan keputusan dari salah satu majlis ini, selaras dengan perintah yang mengatakan:

78 Dan lagi, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, urusan gereja yang paling penting, dan kes-kes gereja yang paling "sukar, sejauh tidak ada kepuasan terhadap keputusan uskup atau hakim, ia akan diserahkan dan dibawa kepada majlis gereja, di hadapan ^bPresidensi Imamat Tinggi.

79 Dan Presidensi majlis Imamat Tinggi akan berkuasa memanggil imam tinggi yang lain, bahkan

dua belas orang, untuk membantu sebagai para penasihat; dan demikianlah Presidensi Imamat Tinggi dan para penasihatnya akan berkuasa membuat keputusan berdasarkan kesaksian menurut hukum-hukum gereja.

80 Dan selepas keputusan ini, tidak akan ada lagi peringatan akan perkara itu di hadapan Tuhan; kerana ini adalah majlis gereja Tuhan yang tertinggi, dan merupakan keputusan muktamad bagi perselisihan dalam hal-hal kerohanian.

81 Tidak ada seorang pun yang masuk dalam gereja yang dikecualikan dari majlis gereja ini.

82 Dan sejauh Presiden Imamat Tinggi melanggar, dia akan diingati di hadapan majlis umum gereja, yang akan dibantu oleh dua belas penasihat Imamat Tinggi;

83 Dan keputusan mereka ke atas dirinya akan menjadi penamat bagi perselisihan terhadapnya.

84 Demikianlah, tidak seorang pun akan dikecualikan dari "keadilan dan hukum-hukum Tuhan, agar semua hal boleh dilakukan dalam aturan dan dalam kekhushyukan di hadapan-Nya, menurut kebenaran dan kesolehan.

85 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, kewajipan seorang presiden ke atas jawatan "diaken adalah untuk mengetuai dua belas diaken, untuk duduk di dalam perundingan bersama

76a *pts* Kunci-kunci
Imamat.

78a *A&P* 102:13, 28.
b *A&P* 68:22.

84a *pts* Keadilan.
85a *pts* Diaken.

mereka, dan untuk ^bmengajari mereka tugas-tugas mereka, saling meneguhkan satu sama lain, seperti yang dinyatakan menurut perjanjian.

86 Dan juga kewajipan presiden ke atas jawatan ^apengajar adalah untuk mengetuai dua puluh empat pengajar, dan untuk duduk dalam perundingan bersama mereka, mengajari mereka tugas-tugas jawatan mereka, seperti yang dinyatakan dalam perjanjian.

87 Begitu juga kewajipan presiden ke atas Imamat Harun adalah untuk mengetuai empat puluh lapan ^aimam, dan duduk dalam perbincangan bersama mereka, untuk mengajar mereka tugas-tugas jawatan mereka, seperti yang dinyatakan dalam perjanjian—

88 Presiden ini mestilah seorang ^auskup; kerana ini adalah salah satu tugas imamat ini.

89 Lagi, kewajipan presiden ke atas jawatan ^apenatua adalah untuk mengetuai sembilan puluh enam penatua, dan untuk duduk dalam perundingan bersama mereka, dan untuk mengajar mereka menurut perjanjian.

90 Presidensi ini berbeza dari presidensi tujuh puluh, dan ditubuhkan untuk mereka yang tidak melakukan ^aperjalanan ke seluruh dunia.

91 Dan lagi, kewajipan Presiden

ke atas jawatan Imamat Tinggi adalah untuk ^amengetuai seluruh gereja, dan untuk menjadi seperti ^bMusa—

92 Lihatlah, inilah kebijaksanaan; ya, untuk menjadi seorang ^apelihat, ^bpewahyu, penterjemah, dan ^cnabi, memiliki semua ^dkurniaan Tuhan yang Dia anugerahkan ke atas ketua gereja.

93 Dan ia adalah menurut penglihatan yang menunjukkan tarakat ^aTujuh Puluh, bahawa mereka harus mempunyai tujuh presiden untuk mengetuai mereka, dipilih daripada jumlah tujuh puluh itu;

94 Dan presiden yang ketujuh dari para presiden ini harus mengetuai enam orang itu;

95 Dan tujuh orang presiden ini mesti memilih tujuh puluh yang lain selain tujuh puluh pertama yang mana mereka sudah termasuk di dalamnya, dan harus mengetuai mereka;

96 Dan juga tujuh puluh yang lain, sehingga tujuh kali tujuh puluh, jika pekerjaan di dalam ladang anggur memerlukan.

97 Dan tujuh puluh ini mesti menjadi para pelayan rohani yang ^amelakukan perjalanan, pertamanya kepada bangsa bukan Israel dan juga kepada bangsa Yahudi.

98 Sedangkan pemimpin gereja yang lain, yang tidak termasuk dalam Dua Belas, tidak juga

85 *b* A&P 38:23;

88:77–79, 118.

86 *a* A&P 20:53–60.

pts Pengajar, Imamat

Harun.

87 *a* pts Imam, Imamat

Harun.

88 *a* pts Uskup.

89 *a* pts Penatua.

90 *a* A&P 124:137.

91 *a* A&P 107:9, 65–67.

b A&P 28:2; 103:16–21.

92 *a* Mosia 8:13–18.

pts Pelihat.

b pts Wahyu.

c A&P 21:1.

pts Nabi.

d pts Kurniaan Roh.

93 *a* A&P 107:38.

pts Tujuh Puluh.

97 *a* A&P 124:138–139.

dalam Tujuh Puluh, tidak bertanggungjawab untuk melakukan perjalanan ke semua bangsa, tetapi harus melakukan perjalanan sejauh keadaan mereka mengizinkan, walau bagaimanapun mereka boleh memegang jawatan yang sama tinggi dan bertanggungjawab di dalam gereja.

99 Kerana itu, sekarang, biarlah setiap lelaki mempelajari “tugas-

nya, dan bertindak dalam jawatan yang telah ditetapkan kepadanya, dengan penuh ^bketekunan.

100 Dia yang “malas tidak akan dianggap ^blayak untuk bertahan, dan dia yang tidak mempelajari tugasnya dan menunjukkan dirinya tidak diperkenankan oleh Tuhan tidak akan dianggap layak untuk bertahan. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 108

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith di Kirtland, Ohio, 26 Disember 1835. Bahagian ini diterima di atas permintaan Lyman Sherman, yang sebelumnya telah ditahbiskan sebagai seorang tujuh puluh dan yang telah datang kepada Nabi dengan suatu permintaan akan sebuah wahyu untuk memberitahukan tugasnya.

1–3, Lyman Sherman diampuni dosaduanya; 4–5, Dia akan terhitung di antara para penatua yang memimpin Gereja; 6–8, Dia dipanggil untuk mengkhutbahkan Injil dan menguatkan saudara-saudaranya.

SESUNGGUHNYA demikianlah firman Tuhan kepadamu, hamba-Ku Lyman: Dosa-dosamu diampuni bagimu, kerana kamu telah mematuhi suara-Ku untuk datang ke mari pagi ini untuk menerima nasihat daripada dia yang telah Aku tetapkan.

2 Oleh kerana itu, biarlah jiwamu “tenteram mengenai keadaan rohanimu, dan jangan lagi menentang suara-Ku.

3 Dan bangkit dan lebih berhati-hatilah mulai sekarang dalam memegang ikrarmu, yang telah kamu buat dan sedang buat, dan kamu akan diberkati dengan berkat-berkat yang amat besar.

4 Tunggulah dengan sabar sehingga “perhimpunan khusyuk akan diadakan oleh para hamba-Ku, kemudian kamu akan diingati bersama para penatua-Ku yang pertama, dan menerima hak melalui penahbisan bersama para penatua-Ku yang selebihnya yang telah Aku pilih.

5 Lihatlah, inilah “janji Bapa kepadamu jika kamu terus setia.

6 Dan ia akan digenapi ke atas dirimu pada hari itu apabila kamu

99^a PTS Tugas.
b PTS Ketekunan.
100^a A&P 58:26–29.

PTS Malas,
Kemalasan.
b PTS Layak, Kelayakan.

108^{2a} PTS Beristirahat.
4^a A&P 109:6–10.
5^a A&P 82:10.

akan berhak untuk “mengkhutbahkan Injil-Ku ke mana pun Aku akan mengutusmu, sejak dari sekarang sejak dari waktu itu.

7 Oleh kerana itu, “kuatkanlah saudara-saudaramu dalam semua perbualanmu, dalam semua

doamu, dalam semua doronganmu, dan dalam semua perbuatanmu.

8 Dan lihatlah, dan tengoklah, Aku bersertamu untuk memberkatimu dan “membebaskanmu selamanya. Amin.

BAHAGIAN 109

Doa yang dipersembahkan pada pembaktian bait suci di Kirtland, Ohio, 27 Mac 1836. Menurut pernyataan tertulis Nabi, doa ini diberikan kepadanya melalui wahyu.

1-5, Bait Suci Kirtland telah dibina sebagai sebuah tempat bagi kunjungan Putera Manusia untuk berkunjung; 6-21, Ia menjadi sebuah rumah untuk doa, puasa, iman, pembelajaran, kemuliaan, dan keterlibatan, dan sebuah rumah Tuhan; 22-33, Semoga yang tidak bertaubat yang menentang umat Tuhan ditundukkan; 34-42, Semoga para Orang Suci pergi dengan kuasa untuk mengumpulkan yang soleh ke Sion; 43-53, Semoga para Orang Suci dibebaskan dari segala yang dahsyat yang akan dicurahkan ke atas yang jahat pada zaman akhir; 54-58, Semoga bangsa dan manusia serta gereja disediakan untuk Injil; 59-67, Semoga bangsa Yahudi, bangsa Laman, dan seluruh Israel ditebus; 68-80, Semoga para Orang Suci dimahkotai dengan kemuliaan dan kehormatan dan memperoleh keselamatan abadi.

“TERIMA kasih pada nama-Mu, Ya Tuhan Raja Israel, yang memegang ^bperjanjian dan menunjukkan belas kasihan kepada para hamba-Mu yang berjalan lurus di hadapan-Mu, dengan segenap hati mereka—

2 Engkau yang telah memerintahkan para hamba-Mu untuk “membina sebuah rumah demi nama-Mu di tempat ini [Kirtland].

3 Dan sekarang Engkau melihat, Ya Tuhan, bahawa para hamba-Mu telah melakukannya menurut perintah-Mu.

4 Dan sekarang, kami memohon kepada-Mu, Bapa Yang Kudus, dalam nama Yesus Kristus, Putera daripada dada-Mu, iaitu hanya dalam nama-Nya sahaja keselamatan dapat dilaksanakan kepada anak-anak manusia, kami memohon kepada-Mu, Ya Tuhan, untuk menerima “rumah ini, ^bhasil kerja

6a pts Pekerjaan
Penginjilan.

7a Luk. 22:31-32.

8a 2 Ne. 9:19.

109 1a Alma 37:37;

A&P 46:32.

pts Bersyukur,

Kesyukuran, Syukur.

^b Dan. 9:4.

pts Perjanjian.

2a A&P 88:119.

4a 1 Raj. 9:3.

pts Bait Suci, Rumah
Tuhan.

^b 2 Ne. 5:16.

tangan kami, para hamba-Mu, yang telah Engkau perintahkan kami untuk membinanya.

5 Kerana Engkau tahu bahawa kami telah melakukan pekerjaan ini melalui kesengsaraan yang besar; dan dari kemiskinan kami, kami telah berikan harta benda kami untuk membina sebuah "rumah bagi nama-Mu, agar ada tempat di mana Putera Manusia boleh menyatakan diri-Nya kepada umat-Nya.

6 Dan seperti yang telah Engkau firmankan di dalam sebuah "wahyu, yang diberikan kepada kami, yang memanggil kami teman-teman-Mu, memfirmankan—Adakanlah perhimpunan khusyukmu, seperti yang telah Aku perintahkan kepadamu;

7 Dan kerana semua tidak beriman, carilah kamu dengan tekun dan saling mengajarkan kata-kata kebijaksanaan; ya, carilah kamu dari buku-buku terbaik kata-kata kebijaksanaan, carilah pelajaran bahkan melalui pembelajaran dan juga melalui iman;

8 Aturlah dirimu; sediakanlah segala yang diperlukan, dan bina lah sebuah rumah, bahkan sebuah rumah doa, rumah puasa, rumah iman, rumah pembelajaran, rumah kemuliaan, rumah ketertiban, rumah Tuhan;

9 Agar kemasukanmu adalah dalam nama Tuhan, agar keluarmu adalah dalam nama Tuhan, agar semua salammu adalah dalam nama Tuhan, dengan tangan

yang diangkat kepada Yang Maha Tinggi—

10 Dan sekarang, Bapa Yang Kudus, kami memohon kepada-Mu untuk membantu kami, umat-Mu, dengan rahmat-Mu, dalam mengadakan perhimpunan khusyuk kami, agar ia dilakukan bagi kehormatan-Mu dan bagi penerimaan ilahi-Mu;

11 Dan dengan suatu cara agar kami boleh didapati layak, pada mata-Mu, untuk memperoleh penggenapan "janji-janji yang telah Engkau buat kepada kami, umat-Mu, di dalam wahyu-wahyu yang diberikan kepada kami;

12 Agar "kemuliaan-Mu boleh turun kepada umat-Mu, dan di atas rumah-Mu ini, yang sekarang kami dedikasikan kepada-Mu, agar ia boleh disucikan dan dibaktikan untuk menjadi kudus, dan agar kehadiran-Mu yang kudus boleh terus berada di dalam rumah ini;

13 Dan agar semua orang yang akan masuk ke ambang pintu rumah Tuhan boleh merasakan kuasa-Mu, dan merasa akur untuk mengakui bahawa Engkau telah menguduskannya, dan bahawa ianya adalah rumah-Mu, sebuah tempat kekudusan-Mu.

14 Dan Engkau kabulkanlah, Bapa Yang Kudus, agar mereka semua yang akan menyembah di dalam rumah ini boleh diajarkan kata-kata kebijaksanaan dari buku-buku terbaik, dan agar mereka boleh mencari pelajaran bahkan

melalui pembelajaran, dan juga melalui iman, seperti yang telah Engkau firmankan;

15 Dan agar mereka boleh berkembang di dalam Engkau, dan menerima kegenapan Roh Kudus, dan diatur menurut hukum-hukum-Mu, dan disediakan untuk mendapatkan setiap hal yang diperlukan;

16 Dan agar rumah ini boleh menjadi sebuah rumah doa, rumah puasa, rumah iman, rumah kemuliaan dan Tuhan, bahkan rumah-Mu;

17 Agar semua kemasukan umat-Mu, ke dalam rumah ini, adalah dalam nama Tuhan;

18 Agar mereka semua yang keluar dari rumah ini adalah dalam nama Tuhan;

19 Dan agar semua salam mereka adalah dalam nama Tuhan, dengan tangan-tangan kudus, yang diangkat kepada Yang Maha Tinggi;

20 Dan agar tidak ada "sesuatu yang tidak bersih akan diizinkan untuk datang ke dalam rumah-Mu untuk mencemarinya;

21 Dan apabila umat-Mu melanggar, sesiapa pun daripada mereka, mereka boleh dengan segeranya bertaubat dan kembali kepada-Mu, dan berkenan pada pandangan-Mu, dan dipulihkan kepada berkat-berkat yang telah Engkau tetapkan untuk dicurahkan kepada mereka yang akan "menghormatimu di dalam rumah-Mu.

22 Dan kami memohon kepada-Mu, Bapa Yang Kudus, agar para hamba-Mu boleh pergi dari rumah ini bersenjatakan kuasa-Mu, dan agar nama-Mu boleh berada pada diri mereka, dan "kemuliaan-Mu di sekeliling mereka, dan para malaikat-Mu menjaga mereka;

23 Dan dari tempat ini mereka boleh menyampaikan khabar yang besar dan mulia, dalam kebenaran, ke "hujung-hujung bumi, agar mereka boleh mengetahui bahawa inilah pekerjaan-Mu, dan bahawa Engkau telah menghulurkan tangan-Mu, untuk menggenapi apa yang telah Engkau firmankan melalui mulut para nabi, tentang zaman akhir.

24 Kami memohon kepada-Mu, Bapa Yang Kudus, untuk menegakkan umat yang akan menyembah, dan dengan hormat memegang suatu nama dan kedudukan di dalam rumah-Mu ini, kepada semua generasi dan bagi keabadian;

25 Agar tidak ada senjata yang "dicipta untuk menentang mereka akan berjaya; agar dia yang menggali sebuah ^blubang bagi mereka akan jatuh sendiri ke dalam yang sama itu;

26 Agar tidak ada komplot kejahatan akan berkuasa untuk bangkit dan "berjaya menentang umat-Mu, yang kepadanya ^bnama-Mu akan diletakkan di dalam rumah ini;

27 Dan jika mana-mana orang pun akan bangkit menentang umat

20a A&P 94:8-9; 97:15-17.

21a prs Penghormatan.

22a prs Malaikat-malaikat.

23a A&P 1:2.

25a Yes. 54:17.

b Ams. 26:27;

1 Ne. 14:3; 22:14.

26a A&P 98:22.

b 1 Raj. 8:29.

ini, kemarahan-Mu akan menyala terhadap mereka;

28 Dan jika mereka akan menghentam umat ini Engkau akan menghentam mereka; Engkau akan berperang bagi umat-Mu seperti yang Engkau lakukan pada hari pertempuran, agar mereka boleh dibebaskan dari tangan semua musuh mereka.

29 Kami memohon kepada-Mu, Bapa Yang Kudus, untuk menundukkan, dan mencengangkan, dan untuk membawa keaiban dan kekeliruan, kepada mereka semua yang telah menyebarkan laporan-laporan palsu ke luar daerah, ke seluruh dunia, menentang hamba atau para hamba-Mu, jika mereka tidak mahu bertaubat, apabila Injil abadi akan dimaklumkan ke dalam telinga mereka;

30 Dan agar segala pekerjaan mereka boleh dijadikan sia-sia, dan disapu bersih oleh "hujan batu, dan oleh penghakiman yang akan Engkau kirimkan ke atas diri mereka dalam kemarahan-Mu, agar adanya suatu penamat terhadap ^bpenipuan dan fitnah terhadap umat-Mu.

31 Kerana Engkau tahu, Ya Tuhan, bahawa para hamba-Mu sentiasa tidak bersalah di hadapan-Mu dalam memberikan kesaksian tentang nama-Mu, yang mana keranyalah mereka telah menderitai hal-hal ini.

32 Oleh kerana itu kami memo-

hon di hadapan-Mu untuk pembebasan penuh dan lengkap dari "kuk ini;

33 Patahkanlah ia, Ya Tuhan; patahkanlah ia dari leher para hamba-Mu, dengan kuasa-Mu, agar kami boleh bangkit di tengah-tengah generasi ini dan melakukan pekerjaan-Mu.

34 Ya Yehova, berbelas kasihlah terhadap umat ini, dan kerana semua orang "berdosa ampunilah pelanggaran umat-Mu, dan biarlah ia dihapuskan selamanya.

35 Biarlah "penetapan para pelayan rohani-Mu dimeteraikan ke atas diri mereka dengan kuasa dari syurga.

36 Biarlah ianya digenapi bagi mereka, seperti bagi mereka pada hari Pentakosta; biarlah kurnia "bahasa dicurahkan ke atas umat-Mu, bahkan bagai lidah-lidah ^bbercabang seperti nyala api, dan tafsirannya.

37 Dan biarlah rumah-Mu dipeenuhi, bagaikan dengan angin kuat yang menderu, dengan "kemuliaan-Mu.

38 Letaklah ke atas para hamba-Mu "kesaksian pada perjanjian ini, agar apabila mereka keluar dan memaklumkan firman-Mu mereka boleh ^bmemeteraikan hukum itu, dan menyediakan hati para orang suci-Mu untuk semua penghakiman yang Engkau akan kirimkan tidak lama lagi, dalam kemurkaan-Mu, ke

30a Yes. 28:17;
Mosaia 12:6;
A&P 29:16.
b 3 Ne. 21:19–21.
32a rts Kuk.

34a Rm. 3:23; 5:12.
rts Dosa.
35a rts Menyapu dengan
Minyak.
36a rts Kurnia Bahasa.

b Kis. 2:1–3.
37a A&P 84:5; 109:12.
rts Kemuliaan.
38a rts Kesaksian.
b Yes. 8:16; A&P 1:8.

atas para penduduk ‘bumi, disebabkan pelanggaran mereka, agar umat-Mu tidak akan berputus asa pada hari kesusahan itu.

39 Dan di mana pun kota yang akan dimasuki oleh para hamba-Mu, dan orang-orang dari kota itu menerima kesaksian mereka, biarlah kedamaian-Mu dan keselamatan-Mu berada pada kota itu; agar mereka boleh mengumpulkan yang soleh dari kota itu, agar mereka boleh datang ke “Sion, atau ke pancang-pancangnya, tempat-tempat yang ditetapkan oleh-Mu, dengan nyanjian kebahagiaan yang kekal;

40 Dan sehinggalah ini dilaksanakan, janganlah membiarkan penghakiman-Mu jatuh ke atas kota itu.

41 Dan di mana pun kota yang akan dimasuki oleh para hamba-Mu, dan orang-orang di kota itu tidak menerima kesaksian para hamba-Mu, dan para hamba-Mu mengingatkan mereka untuk menyelamatkan diri mereka dari generasi yang nahas ini, biarlah terjadi ke atas kota itu menurut apa yang telah Engkau firmankan melalui mulut para nabi-Mu.

42 Tetapi Engkau bebaskanlah, Ya Yehova, kami memohon kepada-Mu, para hamba-Mu daripada tangan mereka, dan bersihkanlah mereka dari darah mereka.

43 Ya Tuhan, kami tidak gembira dengan kehancuran sesama

kami; “jiwa mereka berharga di hadapan-Mu;

44 Tetapi firman-Mu mesti digenapi. Tolonglah para hamba-Mu untuk mengatakan, dengan “rahmat-Mu membantu mereka; Jadilah kehendak-Mu, Ya Tuhan, dan bukanlah kehendak kami.

45 Kami tahu bahawa Engkau telah memfirmankan melalui mulut para nabi-Mu hal-hal yang dahsyat tentang yang jahat, dalam “zaman akhir ini—bahawa Engkau akan mencurahkan penghakiman-Mu, tanpa batas;

46 Oleh kerana itu, Ya Tuhan, bebaskanlah umat-Mu dari malapetaka orang jahat; izinkanlah para hamba-Mu untuk memeteraikan hukum ini, dan mengikat kesaksian ini, agar mereka boleh disediakan untuk menghadapi hari pembakaran.

47 Kami memohon kepada-Mu, Bapa Yang Kudus, untuk mengingati mereka yang telah dihalau oleh para penduduk Jackson County, Missouri, dari tanah-tanah warisan mereka, dan patahkanlah, Ya Tuhan, kuk kesengsaraan ini yang telah diletakkan ke atas diri mereka.

48 Engkau tahu, Ya Tuhan, bahawa mereka telah ditindas dan disengsarakan dengan kejam oleh orang-orang jahat; dan hati kami “meluap dengan kedukaan kerana beban mereka yang memilukan.

49 Ya Tuhan, “berapa lamakah

38c PTS Bumi—
Pembersihan bumi.
39a Yes. 35:10.

43a PTS Jiwa.
44a PTS Rahmat.
45a PTS Hari-hari Terakhir,

Zaman Akhir.
48a PTS Rasa kasihan.
49a Mzm. 13:1–2.

Engkau akan membiarkan umat ini untuk menanggung kesengsaraan ini, dan tangisan orang-orang mereka yang tidak berdosa untuk naik ke telinga-Mu, dan ^bdarah mereka datang sebagai kesaksian di hadapan-Mu, dan tidak menunjukkan kesaksian-Mu bagi pihak mereka?

50 "Berbelas kasihanlah, Ya Tuhan, terhadap kumpulan perusuh yang jahat itu, yang telah menghalau umat-Mu, agar mereka boleh berhenti merampas, agar mereka boleh bertaubat dari dosa-dosa mereka sekiranya pertaubatan masih boleh ditemukan;

51 Tetapi jika mereka tidak mahu, dedahkanlah lengan-Mu, Ya Tuhan, dan "tebuslah apa yang telah Engkau tetapkan sebagai sebuah Sion bagi umat-Mu.

52 Dan jika yang sebaliknya itu tidak dapat dilakukan, agar perjuangan umat-Mu tidak akan gagal di hadapan-Mu semoga kemurkaan-Mu ternyata, dan kemarahan-Mu jatuh ke atas diri mereka, agar mereka boleh dilenyapkan, baik akar mahupun cabang, dari kolong langit;

53 Tetapi sejauh mereka mahu bertaubat, Engkau penyayang dan penuh belas kasihan, dan akan memalingkan kemurkaan-Mu apabila Engkau memandang wajah Yang Terpilih.

54 Berbelas kasihanlah, Ya Tuhan, terhadap seluruh bangsa di bumi;

berbelas kasihanlah terhadap para pemerintah negara kami; semoga prinsip-prinsip itu, yang begitu dipertahankan dengan kehormatan dan kemuliaan, iaitu, "Perlembagaan negara kami, oleh nenek moyang kami, ditegakkan untuk selamanya.

55 Ingatlah para raja, para putera, yang mulia, dan yang agung di bumi, dan semua orang, dan gereja-gereja, semua yang miskin, yang memerlukan, dan yang sengsara di bumi;

56 Agar hati mereka boleh dilembutkan apabila para hamba-Mu akan keluar dari rumah-Mu, Ya Yehova, untuk memberikan kesaksian tentang nama-Mu; agar prasangka mereka boleh hilang di hadapan "kebenaran, dan umat-Mu boleh berkenan di dalam pandangan semua orang;

57 Agar segenap hujung bumi boleh mengetahui bahawa kami, para hamba-Mu, telah "mendengar suara-Mu, dan bahawa Engkau telah mengutuskan kami;

58 Agar dari antara semua ini, para hamba-Mu, anak-anak Yakub, boleh mengumpulkan yang soleh untuk membangunkan sebuah kota yang kudus demi nama-Mu, seperti yang telah Engkau perintahkan kepada mereka.

59 Kami memohon kepada-Mu untuk menetapkan bagi Sion "pancang-pancang selain daripada pancang ini yang telah Engkau

49b pts Mati syahid,
Kesyahidan.

50a pts Belas Kasihan,
Berbelas Kasihan.

51a A&P 100:13; 105:2.

54a 1 Ptr. 2:13-15;

A&P 98:5-7; 101:77, 80.

pts Perlembagaan.

56a pts Kebenaran.

57a A&P 20:16; 76:22-24.

59a Yes. 54:2.

tetapkan, agar ^bpengumpulan umat-Mu boleh berterusan dengan kuasa dan keagungan yang hebat, agar pekerjaan-Mu boleh ^cdipersingkatkan dalam kebenaran.

60 Sekarang perkataan ini, Ya Tuhan, kami telah katakan di hadapan-Mu, mengenai wahyu-wahyu dan perintah yang telah Engkau berikan kepada kami, yang digolongkan sebagai ^abangsa bukan Israel.

61 Tetapi Engkau tahu bahawa Engkau memiliki kasih yang besar kepada anak-anak Yakub, yang telah dicerai-beraikan di atas gunung-ganang untuk waktu yang lama, pada suatu hari yang berawan dan gelap.

62 Kami dengan itu memohon kepada-Mu untuk berbelas kasihan terhadap anak-anak Yakub, agar ^aYerusalem, dari saat ini, boleh mula ditebus;

63 Dan kuk penawanan boleh mula dipatahkan dari bani ^aDaud;

64 Dan anak-anak ^aYehuda boleh mula kembali ke ^btanah-tanah yang telah Engkau berikan kepada Abraham, bapa mereka.

65 Dan menyebabkan bani Yakub ^ayang selebihnya, yang telah dikutuk dan dihentam kerana pelanggaran mereka, ^bbertukar hati dari keadaan mereka

yang liar dan ganas pada kegenapan Injil abadi;

66 Agar mereka boleh meletakkan senjata penumpahan darah mereka, dan menghentikan pemberontakan mereka.

67 Dan semoga seluruh lebihan keturunan ^aIsrael yang tercerai-berai, yang telah dihalau ke hujung-hujung bumi, sampai pada suatu pengetahuan tentang kebenaran, percaya kepada Mesias, dan ditebus dari penindasan, dan bergembira di hadapan-Mu.

68 Ya Tuhan, ingatlah hamba-Mu, Joseph Smith Jr., dan segala kesengsaraan dan penganiayaannya—bagaimana dia telah ^aberjanji dengan ^bYehova, dan berikrar kepada-Mu, Ya Tuhan Yakub yang Perkasa—dan perintah-perintah yang telah Engkau berikan kepadanya, dan bahawa dia telah berusaha dengan tulus untuk melakukan kehendak-Mu.

69 Berbelas kasihanlah, Ya Tuhan, terhadap isteri dan anak-anaknya, agar mereka boleh dipermuliakan dalam hadirat-Mu, dan dipelihara oleh tangan peliharaan-Mu.

70 Berbelas kasihanlah terhadap semua ^asaudara-mara mereka, agar prasangka mereka boleh dihapuskan dan disapu bersih bagaikan dengan air bah; agar mereka

59 *b* prs Israel—
Pengumpulan Israel.
c Mat. 24:22.

60 *a* 1 Ne. 13:1-32;
15:13-18.

62 *a* 3 Ne. 20:29.
prs Yerusalem.

63 *a* prs Daud.

64 *a* Za. 12:6-9;
Mal. 3:4;

A&P 133:13, 35.
prs Yehuda.

b Kej. 17:1-8.
prs Negeri yang
Dijanjakan.

65 *a* 2 Ne. 30:3;
Alma 46:23-24;
3 Ne. 20:15-21;
A&P 19:27.

b 2 Ne. 30:6;

3 Ne. 21:20-22.
prs Penukaran hati,
Bertukar hati.

67 *a* prs Israel—
Pengumpulan Israel.

68 *a* prs Perjanjian.
b prs Yehovah.

70 *a* IAITU saudara-saudara
dekat.

boleh bertukar hati dan ditebus bersama Israel, dan mengetahui bahawa Engkau ialah Tuhan.

71 Ingatlah, Ya Tuhan, para presiden, bahkan semua presiden gereja-Mu, agar tangan kanan-Mu boleh mempermuliakan mereka, bersama seluruh keluarga mereka, dan saudara-mara mereka, agar nama mereka boleh diabadikan dan disimpan sebagai kenangan abadi dari generasi ke generasi.

72 Ingatlah seluruh gereja-Mu, Ya Tuhan, bersama seluruh keluarga mereka, dan seluruh saudara mara mereka, bersama semua orang mereka yang sakit dan sengsara, bersama semua orang yang miskin dan lembut hati di bumi; agar "kerajaan itu, yang telah Engkau dirikan tanpa tangan, boleh menjadi sebuah gunung yang besar dan memenuhi seluruh bumi;

73 Agar gereja-Mu boleh datang dari padang belantara kegelapan, dan bersinar cerah bagaikan "bulan, jernih bagaikan matahari, dan dahsyat bagaikan sepasukan tentera dengan bendera;

74 Dan dihiasi bagaikan seorang pengantin perempuan untuk hari itu apabila Engkau akan membuka tirai syurga, dan menyebabkan gunung-ganang "mengalir turun pada kehadiran-Mu, dan ^blembah-lembah ditinggikan, tempat-tempat kasar dijadikan

halus; agar kemuliaan-Mu boleh memenuhi bumi;

75 Agar apabila sangkakala akan berbunyi bagi yang telah mati, kami akan "diangkat ke awan untuk menemui-Mu, agar kami dapat sentiasa bersama Tuhan;

76 Agar pakaian kami boleh menjadi murni, agar kami boleh mengenakan "jubah kebenaran, dengan daun palma di tangan kami, dan ^bmahkota kemuliaan di atas kepala kami, dan menuai ^ckebahagiaan abadi untuk segala ^dpenderitaan kami.

77 Ya Tuhan Raja Yang Perkasa, dengarlah kami dalam permohonan kami ini, dan jawablah kami dari syurga, kediaman-Mu yang kudus, di mana Engkau duduk bertakhta, dengan "kemuliaan, kehormatan, kuasa, keagungan, daya, kekuasaan, kebenaran, keadilan, penghakiman, belas kasihan, dan suatu kegenapan yang tidak terbatas, dari kekekalan ke kekekalan.

78 Ya dengarlah, Ya dengarlah, Ya dengarlah kami, Ya Tuhan! Dan jawablah permohonan ini, dan terimalah pembaktian rumah ini bagi-Mu, hasil pekerjaan tangan kami, yang kami telah bangunkan demi nama-Mu;

79 Dan juga gereja ini, untuk meletakkan ke atasnya nama-Mu. Dan tolonglah kami melalui kuasa Roh-Mu, agar kami boleh menyatukan suara kami dengan para

72a Dan. 2:44-45;
A&P 65:2.

73a Kid. 6:10;
A&P 5:14; 105:31.

74a A&P 133:21-22, 40.
b Yes. 40:4;

Luk. 3:5;
A&P 49:23.

75a 1 Tes. 4:17.

76a Why. 7:13-15;
2 Ne. 9:14.

b PTS Mahkota;

Permuliaan.

c PTS Kegembiraan.

d Ibr. 12:1-11;

A&P 58:4.

77a PTS Kemuliaan.

“serafim yang cemerlang, yang bersinar di sekeliling takhta-Mu, dengan sambutan pujian, menyanyikan Hosana kepada Tuhan dan^bAnak Domba!

80 Dan biarlah mereka ini, yang

Engkau tetapkan, “diselubungi dengan keselamatan, dan para orang suci-Mu bersorak dengan kuat kerana kebahagiaan. Amin, dan Amin.

BAHAGIAN 110

Penglihatan-penglihatan yang dinyatakan kepada Nabi Joseph Smith dan Oliver Cowdery di dalam bait suci di Kirtland, Ohio, 3 April 1836. Kejadiannya merupakan sebuah pertemuan hari Sabat. Sejarah Joseph Smith menyatakan: “Pada waktu tengah hari, saya membantu para Presiden yang lain mengedarkan Perjamuan Tuhan kepada Gereja, menerimanya daripada Dua Belas, yang mempunyai hak istimewa untuk bertugas di meja yang kudus hari ini. Setelah melaksanakan pelayanan ini kepada saudara-saudaraku, saya mengundurkan diri ke mimbar, dengan tirai diturunkan, dan membongkokkan diri saya, bersama Oliver Cowdery, dalam doa yang khusyuk dan senyap. Setelah bangkit dari doa, penglihatan berikut dibukakan kepada kami berdua.”

1–10, Tuhan Yehova menampakkan diri dalam kemuliaan dan menerima Bait Suci Kirtland sebagai rumah-Nya; 11–12, Musa dan Elias masing-masing menampakkan diri dan menganugerahkan kunci-kunci dan zaman keagamaan mereka; 13–16, Elia kembali dan menganugerahkan kunci-kunci zaman keagamaannya seperti mana yang dijanjikan oleh Maleakhi.

“TIRAI diambil dari minda kami, dan^bmata pemahaman kami dibukakan.

2 Kami melihat Tuhan berdiri

di atas sandaran mimbar itu, di hadapan kami; dan di bawah kakinya terdapat turapan berlapis emas murni, dengan warna seperti kuning jingga.

3 “Mata-Nya bagaikan nyalaan api; rambut kepala-Nya putih bagaikan salji yang murni; ^bair muka-Nya bersinar melebihi ketenangan matahari; dan ^csuara-Nya bagaikan bunyi deru perairan yang luas, bahkan suara “Yehova, memfirmankan:

4 Akulah yang “pertama dan yang terakhir; Akulah Dia yang ^bhidup, Aku lah Dia yang dibu-

79a Yes. 6:1–2.

b Prs Anak Domba
Tuhan.

80a Mzm. 132:16.

110 1a Prs Tirai.

b A&P 76:12, 19; 136:32;
138:11.

3a Why. 1:14.

b Why. 1:16; JS—S 1:17.

c Yeh. 43:2;

Why. 1:15;

A&P 133:21–22.

d Prs Yehovah.

4a Prs Anak sulung.

b Ul. 5:24.

nuh; Akulah ‘pembelamu dengan Bapa.

5 Lihatlah, dosa-dosamu ^adiam-puni bagimu; kamu bersih di hadapan-Ku; oleh kerana itu, angkatlah kepalamu dan bersukacitalah.

6 Biarlah hati saudara-saudaramu bersukacita, dan biarlah hati seluruh umat-Ku bersukacita, yang telah, dengan daya mereka, ^amembangunkan rumah ini demi nama-Ku.

7 Kerana lihatlah, Aku telah ^amenerima ^brumah ini, dan nama-Ku akan berada di sini; dan Aku akan menyatakan diri-Ku kepada umat-Ku dengan belas kasihan di dalam rumah ini.

8 Ya, Aku akan ^amenampakkan diri kepada para hamba-Ku, dan berfirman kepada mereka dengan suara-Ku sendiri, jika umat-Ku akan mentaati perintah-perintah-Ku, dan tidak ^bmence-markan ‘rumah kudus ini.

9 Ya beribu dan berpuluh ribu hati manusia akan bersukacita dengan besar disebabkan ^aberkat-berkat yang akan dicurahkan, dan ^bpenganugerahan yang dengannya para hamba-Ku telah dianugerahi di dalam rumah ini.

10 Dan kemasyhuran rumah ini

akan terseebar ke negeri-negeri asing; dan inilah permulaan bagi berkat yang akan ^adicurahkan ke atas umat-Ku. Demikianlah. Amin.

11 Setelah ^apenglihatan ini ditutup, syurga dibukakan lagi kepada kami; dan ^bMusa menampakkan diri di hadapan kami, dan menganugerahkan kepada kami ‘kunci-kunci ^apengumpulan Israel dari empat bahagian bumi, dan pimpinan sepuluh suku dari negeri ^cutara.

12 Selepas itu, ^aElias menampakkan diri, dan menganugerahkan ^bzaman keagamaan ‘Injil Abraham, mengatakan bahawa melalui kami dan keturunan kami semua generasi selepas kami akan diberkati.

13 Setelah penglihatan ini ditutup, satu lagi penglihatan besar dan mulia muncul kepada kami; kerana Nabi ^aElia, yang ^bdiambil ke syurga tanpa merasakan kematian, berdiri di hadapan kami, dan berkata:

14 Lihatlah, waktunya telah sepenuhnya datang, yang telah dibicarakan oleh mulut Maleakhi—bersaksi bahawa dia [Elia] akan diutus, sebelum hari Tuhan yang agung dan mengerikan datang—

4c prs Pembela.

5a prs Mengampuni.

6a A&P 109:4-5.

7a 2 Taw. 7:16.

b prs Bait Suci, Rumah Tuhan.

8a A&P 50:45.

b A&P 97:15-17.

c prs Kudus.

9a Kej. 12:1-3;

A&P 39:15;

Ab. 2:8-11.

b A&P 95:8.

prs Anugerahan.

10a A&P 105:12.

11a prs Penglihatan.

b Mat. 17:3.

c prs Kunci-kunci Imamat.

d Yakub 6:2;

A&P 29:7.

prs Israel—

Pengumpulan Israel.

e A&P 133:26-32.

prs Israel—Sepuluh suku Israel yang hilang.

12a prs Elias.

b prs Zaman Keagamaan.

c Gal. 3:6-29.

prs Perjanjian Abraham.

13a prs Elia.

b prs Makhluk Diangkat.

15 Untuk “memalingkan hati nenek moyang kepada anak-anak, dan anak-anak kepada nenek moyang, agar seluruh bumi tidak dihentam dengan kutukan—

16 Oleh kerana itu, kunci-kunci

zaman keagamaan ini dianugerahkan ke dalam tanganmu; dan dengan ini kamu boleh tahu bahawa “hari Tuhan yang agung dan mengerikan sudah dekat, bahkan berada di depan pintu.

BAHAGIAN 111

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Salem, Massachusetts, 6 Ogos 1836. Pada waktu ini para pemimpin Gereja banyak berhutang disebabkan pekerjaan mereka dalam pelayanan. Mendengarkan bahawa sejumlah wang yang besar yang boleh diperoleh terdapat mereka di Salem, Nabi, Sidney Rigdon, Hyrum Smith, dan Oliver Cowdery melakukan perjalanan ke sana dari Kirtland, Ohio, untuk menyiasat perkara ini, sekali gus mengkhutbahkan Injil. Para saudara itu melaksanakan beberapa urusan Gereja dan berkhutbah. Apabila jelas kelihatan bahawa wang itu tidak akan datang, mereka kembali ke Kirtland. Beberapa unsur penting pada latar belakangnya dicerminkan di dalam perkataan wahyu ini.

1–5, Tuhan menjaga keperluan duniawi para hamba-Nya; 6–11, Dia akan berbelas kasihan terhadap Sion dan mengaturkan semua hal demi kebaikan para hamba-Nya.

Aku, Tuhan Rajamu, bukanlah marah dengan kedatanganmu dalam perjalanan ini, meskipun kebodohanmu.

2 Aku memiliki banyak harta di kota ini untukmu, demi manfaat Sion, dan banyak orang di kota ini, yang akan Aku kumpulkan pada waktu yang tepat demi manfaat Sion, melalui pelayananmu.

3 Oleh kerana itu, adalah arif bahawa kamu seharusnya

berkenalan dengan orang-orang di kota ini, sebagaimana kamu akan dipimpin, dan sebagaimana akan diberikan kepadamu.

4 Dan akan terjadi pada waktu yang tepat bahawa Aku akan memberikan kota ini ke dalam tanganmu, sehingga kamu akan berkuasa ke atasnya, sedemikian rupa sehingga mereka tidak akan menemui bahagian-bahagian rahsiamu; dan harta kekayaannya berkaitan dengan emas dan perak akan menjadi milikmu.

5 Janganlah risaukan dirimu tentang “hutang-hutangmu, kerana Aku akan memberimu kuasa untuk membayarnya.

6 Janganlah risaukan dirimu tentang Sion, kerana Aku akan penuh berbelas kasihan kepadanya.

7 Tinggallah di tempat ini, dan di wilayah-wilayah sekitarnya;

8 Dan di tempat di mana, menurut kehendak-Ku bahawa kamu seharusnya tinggal, bagi kebanyakan perjalananmu, akan diisyaratkan kepadamu melalui "kedamaian dan kuasa Roh-Ku, yang akan mengalir kepadamu.

9 Tempat ini boleh kamu dapatkan dengan menyewanya. Dan bertanyalah dengan tekun mengenai para penduduk terdahulu dan pengasas kota ini;

10 Kerana terdapat lebih dari satu harta utukmu di kota ini.

11 Oleh kerana itu, jadilah kamu "sebijak ular namun tanpa dosa; dan Aku akan mengaturkan semua hal demi ^bkebaikanmu, secepat kamu dapat menerimanya. Amin.

BAHAGIAN 112

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith kepada Thomas B. Marsh, di Kirtland, Ohio, 23 Julai 1837, mengenai Dua Belas Rasul Anak Domba. Wahyu ini diterima pada hari Elder Heber C. Kimball dan Elder Orson Hyde semasa Injil pertama kalinya dihutbahkan di England. Thomas B. Marsh pada waktu ini merupakan Presiden Kuorum Dua Belas Rasul.

1–10, Dua Belas Rasul mesti mengutuskan Injil dan mengangkat suara peringatan kepada semua bangsa dan manusia; 11–15, Mereka mesti memikul salib mereka, mengikuti Yesus, dan memberi makan kepada domba-domba-Nya; 16–20, Mereka yang menerima Presidensi Utama menerima Tuhan; 21–29, Kegelapan menutupi bumi, dan hanya mereka yang percaya dan dibaptis akan diselamatkan; 30–34, Presidensi Utama dan Dua Belas memegang kunci-kunci kegenapan zaman.

SESUNGGUHNYA demikianlah firman Tuhan kepadamu hamba-Ku Thomas: Aku telah mendengar

doa-doamu; dan sedekahmu telah naik sebagai "tanda peringatan di hadapan-Ku, demi kepentingan mereka, saudara-saudaramu, yang dipilih untuk memberikan kesaksian tentang nama-Ku dan untuk ^bmengutuskannya ke luar negeri di kalangan semua negara, kaum, bahasa, dan bangsa, dan ditahbiskan melalui perantaraan para hamba-Ku.

2 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, terdapat beberapa hal dalam hatimu dan denganmu yang mana Aku, Tuhan, tidak senangi.

3 Walaupun demikian, sejauh engkau telah "merendahkan dirimu engkau akan dipermuliakan; oleh

8a A&P 27:16.
pts Kedamaian.
11a Mat. 10:16.

b Rm. 8:28;
A&P 90:24; 100:15.
112 1a Kis. 10:4.

b A&P 18:28.
3a Mat. 23:12;
Luk. 14:11.

kerana itu, semua dosamu diam-puni bagimu.

4 Biarlah hatimu menjadi “riang di hadapan muka-Ku; dan engkau harus memberikan kesaksian tentang nama-Ku, bukan hanya kepada ^bbangsa bukan Israel, tetapi juga kepada ^cbangsa Yahudi; dan engkau hendaknya mengutus-kan firman-Ku ke hujung-hujung bumi.

5 “Pertahankanlah engkau, oleh itu, dari pagi ke pagi; dan hari demi hari biarlah suara ^bpering-atanmu disebar; dan apabila malam tiba janganlah biarkan pen-duduk bumi terlelap, kerana pem-bicaraanmu.

6 Biarlah tempat tinggalmu diketahui di Sion, dan janganlah “memindahkan rumahmu; kerana Aku, Tuhan, memiliki sebuah pekerjaan yang besar untuk eng-kau lakukan, dalam memberitakan nama-Ku ke kalangan anak-anak manusia.

7 Oleh kerana itu, “sediakanlah dirimu bagi pekerjaan itu. Biarlah kakimu dialas juga, kerana eng-kau dipilih, dan jalanmu berada di antara gunung-ganang, dan di kalangan banyak bangsa.

8 Dan melalui perkataanmu banyak yang berkedudukan tinggi akan dijadikan “rendah, dan melau-lui perkataanmu banyak yang

berkedudukan rendah akan dimu-liakan.

9 Suaramu akan menjadi herdi-kan kepada pelanggar; dan pada herdikanmu biarlah lidah pemfit-nah menghentikan kejahatannya.

10 Jadilah engkau “rendah hati; dan Tuhan Rajamu akan memim-pin tanganmu, dan memberi eng-kau jawapan pada doa-doamu.

11 Aku mengetahui hatimu, dan telah mendengar doa-doamu tentang saudara-saudaramu. Jangan-lah berat sebelah terhadap mereka dalam “kasih melebihi banyak orang yang lain, tetapi biarlah kasihmu kepada mereka menjadi seperti kasihmu kepada dirimu; dan biarlah kasihmu berlimpah ruah kepada semua orang, dan kepada semua yang mengasihi nama-Ku.

12 Dan berdoalah bagi saudara-saudaramu Dua Belas. Tegur-lah mereka dengan tajam demi nama-Ku, dan biarlah mereka diberi teguran untuk semua dosa mereka, dan jadilah kamu setia di hadapan-Ku demi “nama-Ku.

13 Dan selepas “penggodaan mereka, dan banyak ^bkeseng-saraan, lihatlah, Aku, Tuhan, akan menyelami mereka, dan jika mereka tidak mengeraskan hati mereka, dan tidak berdegil menentang-Ku, mereka akan ^cber-

4a Mat. 9:2;
Yoh. 16:33.
b A&P 18:6; 90:8–9.
c A&P 19:27.
5a Yud. 1:3.
b A&P 1:4–5.
6a Mzm. 125:1.
7a Ef. 6:13–17.
8a prs Rendah Hati,

Kerendahan Hati.
10a Ams. 18:12.
11a Mat. 5:43–48.
prs Kasih;
Kasih Ihsan.
12a prs Yesus Kristus—
Mengambil nama
Yesus Kristus ke atas
diri kita.

13a prs Godaan,
Menggoda.
b Yoh. 16:33;
Why. 7:13–14;
A&P 58:3–4.
c 3 Ne. 18:32.
prs Penukaran hati,
Bertukar hati.

tukar hati, dan Aku akan menyembuhkan mereka.

14 Sekarang, Aku berfirman kepadamu, dan apa yang Aku firmankan kepadamu, Aku firmankan kepada semua Dua Belas itu: Bangunlah dan sediakanlah dirimu, pikullah “salibmu, ikutlah Aku, dan ^bberilah makan kepada domba-domba-Ku.

15 Janganlah memuliakan dirimu; janganlah “memberontak melawan hamba-Ku Joseph; kerana sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Aku bersertanya, dan tangan-Ku akan berada pada dirinya; dan ^bkunci-kunci yang telah Aku berikan kepadanya, dan juga kepadamu, tidak akan diambil daripadanya sehingga Aku datang.

16 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, hamba-Ku Thomas, engkaulah lelaki yang telah Aku pilih untuk memegang kunci-kunci kerajaan-Ku, berkaitan dengan Dua Belas, di luar negeri di kalangan semua bangsa—

17 Agar engkau boleh menjadi hamba-Ku untuk membuka kunci pintu kerajaan di seluruh tempat di mana hamba-Ku Joseph, dan hamba-Ku “Sidney, dan hamba-Ku ^bHyrum, tidak dapat datang;

18 Kerana pada mereka telah Aku letakkan beban semua jemaah

gereja untuk suatu tempoh masa yang singkat.

19 Kerana itu, ke mana pun mereka akan mengutusmu, pergilah kamu, dan Aku akan bersertamu; dan di tempat mana pun kamu akan memaklumkan nama-Ku pintu “jalan akan dibukakan bagimu, agar mereka boleh menerima firman-Ku.

20 Barang siapa “menerima firman-Ku menerima-Ku, dan barang siapa menerima-Ku, menerima mereka, Presidensi Utama, yang telah Aku utuskan, yang telah Aku jadikan para penasihat demi kepentingan nama-Ku kepadamu.

21 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu, bahawa barang siapa yang akan kamu utus dalam nama-Ku, melalui suara saudara-saudaramu, “Dua Belas, yang dicadangkan dan ^bdiberikan kuasa olehmu seperti yang sepatutnya, akan berkuasa untuk membuka pintu kerajaan-Ku kepada mana-mana negara pun yang kepadanya akan kamu utuskan mereka—

22 Sejauh mereka akan merendahkan hati mereka di hadapan-Ku, dan “berpegang dalam firman-Ku, dan mendengar suara Roh-Ku.

23 Sesungguh-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, “kegelapan menutupi bumi, dan kegelapan

14a Mat. 16:24;
TJS Mat. 16:25–26
(Lampiran);
Luk. 9:23.

b Yoh. 21:15–17.

15a PRS Pemberontakan.
b A&P 28:7.
PRS Kunci-kunci
Imamat.

17a PRS Sidney Rigdon.
b PRS Hyrum Smith.

19a 1 Kor. 16:9;
A&P 118:3.

20a A&P 84:35–38.

21a A&P 107:34–35.

b PRS Wewenang.

22a PRS Dengar;
Patuh, Kepatuhan,

Mematuhi.
23a Yes. 60:2;
Mi. 3:6;
A&P 38:11.
PRS Kemurtadan—
Kemurtadan Gereja
Kristian pada zaman
yang awal.

memekatkan fikiran manusia, dan semua manusia telah menjadi ^brosak di hadapan muka-Ku.

24 Lihatlah, ^apembalasan segera datang ke atas para penduduk bumi, suatu hari kemurkaan, hari pembakaran, hari kemusnahan, ^btangisan, kesedihan, dan ratapan; dan bagaikan puting beliung ia akan datang ke atas seluruh permukaan bumi, firman Tuhan.

25 Dan di atas rumah-Ku ia akan ^abermula, dan dari rumah-Ku ia akan menyebar luas, firman Tuhan;

26 Pertama sekali di kalangan mereka dari kalangan kamu, firman Tuhan, yang telah ^amendakwa bahawa mereka mengenali nama-Ku dan belum ^bmengenali-Ku, dan telah ^cmenista terhadap-Ku di tengah rumah-Ku, firman Tuhan.

27 Oleh kerana itu, pastikanlah agar kamu tidak merisaukan dirimu tentang hal ehwal gereja-Ku di tempat ini, firman Tuhan.

28 Tetapi ^amurnikanlah hatimu di hadapan-Ku; dan kemudian ^bpergilah kamu ke seluruh dunia, dan khutbahkanlah Injil-Ku kepada setiap makhluk yang belum menerimanya;

29 Dan dia yang ^apercaya dan

^bdibaptiskan akan diselamatkan, dan dia yang tidak percaya, dan tidak dibaptiskan, akan ^cdilaknat.

30 Kerana kepadamu, ^aDua Belas, dan mereka, ^bPresidensi Utama, yang telah ditetapkan bersamamu untuk menjadi para penasihatmu dan pemimpinmu, kuasa imamat ini telah diberikan, untuk zaman akhir dan untuk kali terakhirnya, yang mana merupakan kegenapan ^czaman keagamaan,

31 Yang mana kuasa yang kamu pegang itu, bersama dengan mereka semua yang telah menerima tanggungjawab Injil pada bila-bila masa pun sejak dari permulaan penciptaan;

32 Kerana sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, ^akunci-kunci zaman keagamaan, yang telah kamu terima, telah ^bditurunkan daripada nenek moyang, dan yang terakhir dari semuanya, diturunkan dari syurga kepadamu.

33 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, lihatlah betapa besar pemanggihanmu. ^aBersihkanlah hatimu dan pakaianmu, agar darah generasi ini tidak ^bdituntut dari tanganmu.

34 Setialah sehingga Aku datang, kerana Aku ^adatang dengan cepat;

23 *b* A&P 10:20-23.

24 *a* *pts* Pembalasan.

b A&P 124:8.

25 *a* 1 Ptr. 4:17-18.

26 *a* Mat. 7:21-23;

A&P 41:1; 56:1.

b Luk. 6:46;

Mosia 26:24-27;

3 Ne. 14:21-23.

c *pts* Menista, Nista.

28 *a* *pts* Murni,

Kemurnian.

b Mrk. 16:15-16.

29 *a* Morm. 9:22-23;

A&P 20:25-26.

b *pts* Pembaptisan,

Membaptis.

c *pts* Laknat.

30 *a* *pts* Rasul.

b *pts* Presidensi Utama.

c Ef. 1:10;

A&P 27:13; 124:40-42.

pts Zaman

Keagamaan.

32 *a* A&P 110:11-16.

pts Kunci-kunci

Imamat.

b Abr. 1:2-3.

33 *a* Yakub 1:19.

b A&P 72:3.

34 *a* Why. 22:7, 12;

A&P 49:28; 54:10.

dan ganjaran-Ku bersama-Ku | menurut ^bpekerjaannya. Aku ialah
 untuk mengganjar setiap orang | Alfa dan Omega. Amin.

BAHAGIAN 113

Jawapan terhadap persoalan-persoalan tertentu tentang tulisan Yesaya, diberikan oleh Nabi Joseph Smith, di atau berdekatan Far West Missouri, Mac 1838.

1-6, *Tunggul Isai, tunas yang tumbuh darinya, dan akar Isai dikenal-pasti; 7-10, Lebihan keturunan Sion yang tercerai-berai memiliki hak ke atas imamat dan dipanggil untuk kembali kepada Tuhan.*

SIAPAKAH Tunggul ^aIsai yang dibicarakan dalam ayat ke-1, 2, 3, 4, dan 5 dalam Yesaya bab ke-11?

2 Sesungguhnya demikianlah firman Tuhan: Itu ialah Kristus.

3 Apakah tunas yang dibicarakan dalam ayat pertama bab ke-11 dari Yesaya, yang akan tumbuh dari Tunggul Isai?

4 Lihatlah, demikianlah firman Tuhan: Dia ialah seorang hamba dalam tangan Kristus, yang separuhnya berketurunan Isai dan separuh dari ^aEfraim, atau dari bani Yusuf, yang di dalamnya terletak banyak ^bkuasa.

5 Apakah akar Isai yang dibicarakan dalam ayat ke-10 bab ke-11?

6 Lihatlah, demikianlah firman Tuhan, itu ialah keturunan Isai, juga keturunan Yusuf, kepadanya

imamat adalah kepunyaannya secara sah, dan ^akunci-kunci kerajaan, untuk sebuah ^bpanji, dan untuk ^cpengumpulan umat-Ku pada zaman akhir.

7 Soalan-soalan oleh Elias Higbee: Apakah yang dimaksudkan dengan perintah di dalam Yesaya, bab ke-52, ayat ke-1, yang mengatakan: Kenakanlah pakaian kebesaranmu, Wahai Sion—dan umat manakah yang dirujuk oleh Yesaya?

8 Dia merujuk kepada mereka yang akan Tuhan panggil pada zaman akhir, yang akan memegang kuasa imamat untuk membawa ^aSion kembali, dan penebusan Israel; dan mengenakan pakaian ^bkebesarannya adalah mengenakan wewenang imamat, yang dia, Sion, miliki ^chaknya melalui garis keturunan; juga untuk kembali pada kuasa itu yang telah hilang daripadanya.

9 Apa yang mesti kita fahami apabila Sion melepaskan dirinya dari ikatan di lehernya; ayat ke-2?

34^b PTS Pekerjaan-pekerjaan.

113 1^a PTS Isai.

4^a Kej. 41:50-52;
 A&P 133:30-34.
 PTS Efraim.

^b PTS Kuasa.

6^a PTS Kunci-kunci

Imamat.

^b A&P 45:9.

PTS Panji.

^c PTS Israel—

Pengumpulan Israel.

8^a PTS Sion.

^b A&P 82:14.

^c PTS Hak Anak Sulung.

10 Kita mesti memahami bahawa lebih keturunan yang ^atercerai-berai didorong untuk ^bkembali kepada Tuhan dari tempat mereka telah jatuh; yang mana jika mereka melakukannya, janji Tuhan adalah bahawa Dia akan berfirman

kepada mereka, atau memberikan mereka wahyu. Lihat ayat ke-6, 7, dan 8. Ikatan di lehernya adalah kutukan Tuhan ke atasnya, atau sisa bani Israel dalam keadaan mereka yang tercerai-berai di kalangan bangsa bukan Israel.

BAHAGIAN 114

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Far West, Missouri, 11 April 1838.

1–2, *Jawatan-jawatan Gereja yang dipegang oleh mereka yang tidak setia akan diberikan kepada yang lain.*

datang, bersama-sama dengan yang lain, bahkan dua belas termasuk dia sendiri, untuk bersaksi tentang nama-Ku dan menyampaikan khabar gembira kepada seluruh dunia.

SESUNGGUHNYA demikianlah firman Tuhan: Adalah kebijaksanaan dalam diri hamba-Ku David W. Patten, bahawa dia menyelesaikan segala urusannya secepat yang dapat dia lakukan, dan menjual barang dagangannya, agar dia boleh melaksanakan misi bagi-Ku pada musim bunga yang akan

2 Kerana sesungguhnya demikianlah firman Tuhan, bahawa sejauh terdapatnya di kalangan kamu mereka yang menyangkal nama-Ku, orang lain akan “ditempatkan sebagai ^bpengganti mereka dan menerima keuskupan mereka. Amin.

BAHAGIAN 115

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Far West, Missouri, 26 April 1838, memberitahukan kehendak Tuhan mengenai pembangunan tempat itu dan rumah Tuhan. Wahyu ini ditujukan kepada para pemimpin utama dan para ahli Gereja.

1–4, *Tuhan menamakan gereja-Nya Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir; 5–6, Sion dan pancang-pancangnya adalah tempat*

pertahanan dan perlindungan bagi para Orang Suci; 7–16, Para Orang Suci diperintahkan untuk membangunkan sebuah rumah Tuhan di Far

10a rrs Israel—Penceraian-beraian Israel.

b Hos. 3:4–5;
2 Ne. 6:11.

114 2a A&P 118:1, 6.
b A&P 64:40.

West; 17-19, Joseph Smith memegang kunci-kunci kerajaan Tuhan di atas bumi.

SESUNGGUHNYA demikianlah firman Tuhan kepadamu, hamba-Ku ^aJoseph Smith Jr., dan juga hamba-Ku ^bSidney Rigdon, dan juga hamba-Ku ^cHyrum Smith, dan para penasihatmu yang telah dan akan ditetapkan selepas ini;

2 Dan juga kepadamu, hamba-Ku ^aEdward Partridge, dan para penasihatnya;

3 Dan juga kepada para hamba-Ku yang setia yang merupakan majlis tinggi gereja-Ku di Sion, kerana demikianlah ia akan dinamakan, dan kepada semua penatua dan umat Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir-Ku, yang tercerai-berai di seluruh dunia;

4 Kerana demikianlah ^agereja-Ku akan dinamakan pada zaman akhir, bahkan ^bGereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.

5 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu semua: ^aBangkit dan bersinarlah, agar cahayamu boleh menjadi ^bpanji bagi bangsa-bangsa.

6 Dan agar ^apengumpulan bersama ke atas negeri ^bSion, dan ke atas ^cpancang-pancangnya, dapat dijadikan pertahanan, dan untuk ^aperlindungan dari ribut, dan dari

kemurkaan apabila ia akan ^edicurahkan dengan pekat ke atas seluruh bumi.

7 Biarlah kota itu, Far West, menjadi tanah yang ^akudus dan disucikan bagi-Ku; dan ia akan disebut paling kudus, kerana tanah yang engkau sedang berdiri di atasnya adalah kudus.

8 Oleh kerana itu, Aku memerintahkanmu untuk ^amembina sebuah rumah bagi-Ku, untuk pengumpulan bersama para orang suci-Ku, agar mereka boleh ^bmenyembah-Ku.

9 Dan biarlah adanya permulaan bagi pekerjaan ini, dan sebuah landasan, dan kerja-kerja persiapan, pada musim panas yang berikutnya;

10 Dan biarlah permulaannya itu diadakan pada hari keempat bulan Julai yang akan datang; dan sejak dari waktu itu biarlah umat-Ku bekerja dengan tekun untuk membina sebuah rumah demi nama-Ku;

11 Dan ^asatu tahun dari hari ini biarlah mereka memulakan semula perletakan landasan ^brumah-Ku.

12 Demikianlah biarkanlah mereka sejak dari waktu itu bekerja dengan tekun sehingga ianya diselesaikan, dari batu penjurunya sehingga ke puncaknya, sehinggalah tiada apa pun yang tinggal yang belum diselesaikan.

115 1a *pts* Joseph Smith Jr.
 b *pts* Sidney Rigdon.
 c *pts* Hyrum Smith.
 2a *pts* Edward Partridge.
 4a 3 Ne. 27:4-8.
 b *pts* Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.

5a Yes. 60:1-3.
 b Yes. 11:12.
pts Panji.
 6a *pts* Israel—
 Pengumpulan Israel.
 b *pts* Sion.
 c A&P 101:21.
pts Pancang.
 d Yes. 25:1, 4;

A&P 45:66-71.
 e Why. 14:10;
 A&P 1:13-14.
 7a *pts* Kudus.
 8a A&P 88:119; 95:8.
 b *pts* Menyembah.
 11a A&P 118:5.
 b A&P 124:45-54.

13 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, janganlah biarkan hamba-Ku Joseph, janganlah juga hamba-Ku Sidney, janganlah juga hamba-Ku Hyrum, berhutang lagi untuk pembinaan sebuah rumah demi nama-Ku;

14 Tetapi biarlah sebuah rumah dibina demi nama-Ku menurut "panduan yang akan Aku tunjukkan kepada mereka.

15 Dan jika umat-Ku membina-nya bukan menurut panduan yang akan Aku tunjukkan kepada presidensi mereka, Aku tidak akan menerimanya daripada tangan mereka.

16 Tetapi jika umat-Ku membina-nya menurut panduan yang akan Aku tunjukkan kepada presidensi mereka, bahkan hamba-Ku Joseph

dan para penasihatnya, maka Aku akan menerimanya dari tangan umat-Ku.

17 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, adalah merupakan kehendak-Ku bahawa Kota Far West hendaknya dibangunkan secepatnya dengan pengumpulan para orang suci-Ku;

18 Dan juga bahawa tempat-tempat lain haruslah ditetapkan untuk "pancang di wilayah-wilayah sekitarnya, sebagaimana akan dinyatakan kepada hamba-Ku Joseph, dari semasa ke semasa.

19 Kerana lihatlah, Aku akan bersertanya, dan Aku akan menguduskannya di hadapan orang-orang ini; kerana kepadanya Aku telah berikan "kunci-kunci kerajaan dan pelayanan ini. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 116

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith, berdekatan Wight's Ferry, di sebuah tempat yang dinamakan Spring Hill, Daviess County, Missouri, 19 Mei 1838.

SPRING Hill telah dinamakan oleh Tuhan "Adam-ondi-Ahman, kerana, firman-Nya, ianya tempat di mana ^bAdam akan datang

untuk mengunjungi umatnya, atau "Yang Lanjut Usianya akan duduk, seperti yang dikatakan oleh Nabi Daniel.

BAHAGIAN 117

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Far West, Missouri, 8 Julai 1838, tentang kewajipan William Marks, Newel K. Whitney, dan Oliver Granger.

14a Ibr. 8:5;
A&P 97:10.
18a A&P 101:21.
pts Pancang.

19a pts Kunci-kunci
Imamat.
116 1a A&P 78:15.
pts Adam-ondi-

Ahman.
b pts Adam.
c Dan. 7:13–14, 22.

1-9, *Para hamba Tuhan janganlah mendambakan hal-hal duniawi, kerana "apalah harta benda bagi Tuhan?"*; 10-16, *Mereka harus meninggalkan kesempatan jiwa, dan pengorbanan mereka akan menjadi kudus bagi Tuhan.*

SESUNGGUHNYA demikianlah firman Tuhan kepada hamba-Ku William Marks, dan juga kepada hamba-Ku Newel K. Whitney, biarlah mereka membereskan urusan mereka secepatnya dan melakukan perjalanan dari negeri Kirtland, sebelum Aku, Tuhan, mengirinkan salji ke atas bumi lagi.

2 Biarlah mereka bangun, dan bangkit, dan datang, dan tidak berlelah, kerana Aku, Tuhan, memerintahkannya.

3 Oleh kerana itu, jika mereka berlelah-lelah, tidak baik bagi mereka.

4 Biarlah mereka bertaubat dari segala dosa mereka, dan dari segala nafsu serakah mereka, di hadapan-Ku, firman Tuhan; kerana apalah "harta benda bagi-Ku? firman Tuhan.

5 Biarlah harta benda di Kirtland dijual untuk "hutang, firman Tuhan. Biarlah itu semua dilepaskan, firman Tuhan, dan apa pun yang tinggal, biarlah ia tetap dalam tanganmu, firman Tuhan.

6 Kerana bukankah Aku memiliki burung-burung di langit, dan

juga ikan di laut, dan binatang di gunung? Bukankah Aku telah menciptakan bumi? Tidakkah Aku menentukan "nasib seluruh bangsa di bumi?

7 Oleh kerana itu, tidakkah Aku akan menjadikan tempat-tempat yang "terpencil tumbuh dan mekar, dan berhasil dengan banyak? firman Tuhan.

8 Tidakkah ada cukup ruang di atas pergunungan "Adam-ondi-Ahman, dan di atas dataran-dataran Olaha^bSineha, atau "tanah di mana Adam tinggal, sehingga kamu akan mendambakan apa yang hanyalah setitis, dan mengabaikan hal-hal yang lebih penting?

9 Oleh kerana itu, datanglah ke mari ke negeri umat-Ku, bahkan Sion.

10 Biarlah hamba-Ku William Marks "setia dalam beberapa hal, dan dia akan menjadi pemerintah dalam banyak hal. Biarlah dia mengetahui di tengah-tengah umat-Ku di Kota Far West, dan biarlah dia diberkati dengan berkat-berkat umat-Ku.

11 Biarlah hamba-Ku Newel K. Whitney menjadi malu terhadap kumpulan "Nikolaitane dan terhadap semua^bkekejian rahsia mereka, dan terhadap semua kesempatan jiwanya di hadapan-Ku, firman Tuhan, dan datang ke negeri Adam-ondi-Ahman, dan menjadi "uskup kepada umat-Ku, firman Tuhan,

117 4a A&P 104:14.

5a A&P 104:78.

6a Kis. 17:26;

1 Ne. 17:36-39.

7a Yes. 35:1;

A&P 49:24-25.

8a A&P 116.

pts Adam-ondi-Ahman.

b Abr. 3:13.

c pts Eden.

10a Mat. 25:23.

11a Why. 2:6, 15.

b pts Komplot-komplot Rahsia.

c pts Uskup.

bukan hanya dalam nama tapi dalam perbuatan, firman Tuhan.

12 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu, Aku mengingati hamba-Ku “Oliver Granger; lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadanya bahawa namanya akan diingati dengan kudus dari generasi ke generasi, selama-lamanya, firman Tuhan.

13 Oleh kerana itu, biarlah dia berjuang dengan bersungguh-sungguh untuk penebusan Presidensi Utama Gereja-Ku, firman Tuhan; dan apabila dia jatuh dia akan bangkit semula, kerana “pengorbanannya akan lebih kudus bagi-Ku daripada kejayaannya, firman Tuhan.

14 Oleh kerana itu, biarlah dia

datang ke mari secepatnya, ke negeri Sion; dan pada waktu yang tepat dia akan dijadikan saudagar demi nama-Ku, firman Tuhan, demi manfaat umat-Ku.

15 Oleh kerana itu janganlah biarkan seorang pun mengeji hamba-Ku Oliver Granger, tetapi biarlah berkat-berkat umat-Ku ada padanya selama-lamanya.

16 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah semua hamba-Ku di negeri Kirtland mengingati Tuhan Raja mereka, dan rumah-Ku juga, untuk menjaga dan mengekalkan kekudusannya, dan untuk mengusir para penukar wang pada waktu-Ku sendiri yang tepat, firman Tuhan. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 118

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Far West, Missouri, 8 Julai 1838, sebagai jawapan terhadap rayuan, “Tunjukkanlah kepada kami kehendak-Mu, Ya Tuhan, mengenai Dua Belas.”

1–3, Tuhan akan menyediakan bagi para keluarga Dua Belas; 4–6, Kekongsongan di dalam Dua Belas diisi.

SESUNGGUHNYA, demikianlah firman Tuhan: Biarlah sebuah persidangan diadakan dengan segera; biarlah Dua Belas diatur; dan biarlah para lelaki ditetapkan untuk “mengisi tempat mereka yang telah jatuh.

2 Biarlah hamba-Ku “Thomas tetap tinggal untuk suatu tempoh waktu di negeri Sion, untuk menerbitkan firman-Ku.

3 Biarlah yang selebihnya terus berkhotbah dari saat itu, dan jika mereka akan melakukan ini dengan segenap kerendahan hati, dalam kelembutan hati dan “kerendahan hati, dan ^bpanjang sabar, Aku, Tuhan, memberikan

12a IAITU wakil yang ditempatkan oleh Nabi Joseph Smith untuk menyelesaikan urusan

di Kirtland.
13a PTS Korban.
118 1a Kis. 1:13, 16–17, 22–26.

2a PTS Thomas B. Marsh.
3a PTS Rendah Hati, Kerendahan Hati.
b PTS Bertahan.

kepada mereka sebuah janji bahawa Aku akan menyara keluarga mereka; dan pintu jalan akan dibukakan bagi mereka, sejak dari sekarang.

4 Dan pada musim bunga yang akan datang biarlah mereka pergi melintasi perairan luas, dan di sana menyebarkan Injil-Ku, kegenapannya, dan memberikan kesaksian tentang nama-Ku.

5 Biarlah mereka mengundurkan diri daripada para orang suci-Ku

di Kota Far West, pada hari kedua puluh enam bulan April yang akan datang, di atas tanah tempat rumah-Ku, firman Tuhan.

6 Biarlah hamba-Ku John Taylor, dan juga hamba-Ku John E. Page, dan juga hamba-Ku Wilford Woodruff, dan juga hamba-Ku Willard Richards, ditetapkan untuk mengisi jawatan mereka yang telah jatuh, dan secara rasminya diberitahu tentang pelantikan mereka.

BAHAGIAN 119

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Far West, Missouri, 8 Julai 1838, sebagai jawapan terhadap rayuannya: "Ya Tuhan! Tunjukkanlah kepada hamba-Mu berapa banyak yang Engkau tuntutan dari harta kepunyaan umat-Mu untuk persepuluhan." Hukum persepuluhan, seperti yang difahami pada hari ini, belum diberikan kepada Gereja sebelum wahyu ini. Istilah persepuluhan dalam doa yang baru dipetik tadi dan dalam wahyu-wahyu sebelumnya (64:23; 85:3; 97:11) bukan hanya sepersepuluh yang dimaksudkan, tetapi semua persembahan, atau sumbangan-sumbangan sukarela, ke dalam dana Gereja. Tuhan sebelum ini telah memberikan kepada Gereja hukum pembaktian dan tugas pengawasan harta benda, yang para anggota (terutama para penatua yang mengetuai) masuk ke dalamnya melalui sebuah perjanjian yang kekal. Disebabkan banyak orang gagal untuk menuruti perjanjian ini, Tuhan menariknya balik untuk suatu tempoh masa dan memberikan hukum persepuluhan kepada seluruh Gereja sebagai gantinya. Nabi bertanya kepada Tuhan berapa banyak daripada harta benda mereka yang Dia tuntutan untuk tujuan-tujuan kudus. Jawapannya adalah wahyu ini.

1–5, Para Orang Suci harus membayar lebih harta benda mereka dan kemudian memberikannya, sebagai persepuluhan, sepersepuluh daripada pendapatan tahunan mereka; 6–7,

Cara seperti itu akan menguduskan negeri Sion.

SESUNGGUHNYA, demikianlah firman Tuhan, Aku menuntut semua

“lebih harta benda mereka untuk diletakkan ke dalam tangan uskup gereja-Ku di Sion,

2 Untuk pembinaan “rumah-Ku, dan untuk perletakan landasan Sion dan untuk keimamatan, dan untuk hutang-hutang Presidensi Gereja-Ku.

3 Dan ini akan menjadi permulaan “persepuluhan umat-Ku.

4 Dan selepas itu, mereka yang harus memberikan persepuluhan akan membayar sepersepuluh daripada seluruh pendapatan tahunan mereka; dan ini akan menjadi sebuah hukum yang tetap bagi mereka untuk selamanya, untuk imamat kudus-Ku, firman Tuhan.

5 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, akan terjadilah bahawa mereka semua yang berkumpul ke

negeri “Sion akan memberikan persepuluhan daripada lebih harta benda mereka, dan akan mentaati hukum ini, atau mereka tidak akan didapati layak untuk tinggal di kalangan kamu.

6 Dan Aku berfirman kepadamu, jika umat-Ku tidak mentaati hukum ini, untuk menjaganya dengan kudus, dan melalui hukum ini menguduskan negeri “Sion bagi-Ku, agar peraturan-peraturan dan penghakiman-Ku boleh ditaati di situ, agar ia boleh menjadi paling kudus, lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, ia tidak akan menjadi negeri Sion bagimu.

7 Dan ini akan menjadi sebuah contoh bagi semua “pancang di Sion. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 120

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Far West, Missouri, 8 Julai 1838, memberitahukan tentang pengurusan harta benda yang telah diberikan sebagai persepuluhan seperti yang disebutkan di dalam wahyu yang mendahuluinya, bahagian 119.

SESUNGGUHNYA, demikianlah firman Tuhan, waktunya telah tiba, bahawa “ianya akan diuruskan oleh sebuah majlis, yang terdiri daripada Presidensi Utama

Gereja-Ku, dan uskup serta majlisnya, dan majlis tinggi-Ku; dan melalui suara-Ku sendiri kepada mereka, firman Tuhan. Demikianlah. Amin.

BAHAGIAN 121

Doa dan nubuat-nubuat yang ditulis oleh Nabi Joseph Smith dalam sepucuk surat kepada Gereja semasa dia menjadi seorang tahanan di

119 1a A&P 42:33–34, 55;
51:13; 82:17–19.
2a A&P 115:8.
3a Mal. 3:8–12;

A&P 64:23.
PTS Sepersepuluh,
Persepuluhan.
5a A&P 57:2–3.

6a PTS Sion.
7a PTS Pancang.
120 1a IAITU persepuluhan.

dalam penjara di Liberty, Missouri, bertarikh 20 Mac 1839. Nabi dan beberapa orang rakan telah berada di dalam tahanan berbulan-bulan lamanya. Petisyen dan rayuan mereka yang diarahkan kepada para pegawai eksekutif dan badan kehakiman telah gagal untuk membawakan pertolongan bagi mereka.

1-6, Nabi memohon kepada Tuhan bagi para Orang Suci yang menderita; 7-10, Tuhan memfirmankan kedamaian kepadanya; 11-17, Terkutuklah mereka semua yang membangkitkan tuduhan pelanggaran palsu terhadap umat Tuhan; 18-25, Mereka tidak akan memiliki hak ke atas imamat dan akan dilaknat; 26-32, Wahyu-wahyu yang mulia dijanjikan kepada mereka yang bertahan dengan gagah berani; 33-40, Mengapa banyak orang yang dipanggil dan sedikit yang dipilih; 41-46, Imamat harus digunakan hanya dalam kesolehan.

YA Tuhan, di manakah Engkau? Dan di manakah khemah yang menutupi "tempat persembunyian-Mu?

2 "Berapa lamakah tangan-Mu akan ditahan, dan mata-Mu, ya mata-Mu yang suci, melihat dari syurga yang kekal ketidakadilan terhadap umat-Mu dan terhadap para hamba-Mu, dan telinga-Mu ditembusi oleh seruan mereka?

3 Ya, Ya Tuhan, "berapa lamakah mereka akan menderita ketidakadilan dan penindasan yang tidak sah ini, sebelum hati-Mu akan dilembutkan terhadap mereka, dan sanubarimu disentuh dengan rasa kasihan terhadap mereka?

4 Ya Tuhan Raja yang "Perkasa, pencipta langit, bumi, dan lautan, dan semua yang ada di dalamnya, dan yang mengawal dan menundukkan iblis, dan kekuasaan Seol yang gelap dan gelita—rentangkanlah tangan-Mu; biarlah mata-Mu menusuk; biarlah khemah-Mu diambil; biarlah "tempat persembunyian-Mu tidak lagi ditutupi; biarlah telinga-Mu mendengar; biarlah hati-Mu dilembutkan, dan sanubari-Mu disentuh dengan rasa kasihan terhadap kami.

5 Biarlah kemarahan-Mu ternyala terhadap musuh kami; dan, dalam kegeraman hati-Mu, dengan pedang-Mu "menuntut bela bagi kami di atas ketidakadilan terhadap kami.

6 Ingatlah para orang suci-Mu yang menderita, Ya Tuhan kami; dan para hamba-Mu akan bersukacita dalam nama-Mu selamanya.

7 Anak-Ku, damai sejahteralah bagi jiwamu; "kesusahanmu dan kesengsaraanmu akan menjadi bahkan suatu saat yang kecil;

8 Dan kemudian, jika engkau "bertahan di dalamnya dengan baik, Tuhan akan memuliakan engkau di syurga; engkau akan memenangi semua musuhmu.

121 1a Mzm. 13:1-2;
102:1-2.
2a Hab. 1:2.
3a A&P 109:49.

4a PTS Maha Kuasa.
b A&P 123:6.
5a Luk. 18:7-8.
7a PTS Kesusahan.

8a 1 Ptr. 2:19-23.
PTS Bertahan.

9 "Teman-temanmu berdiri disampingmu, dan mereka akan menyambut engkau lagi dengan hati yang hangat dan tangan yang ramah.

10 Engkau belumlah seperti "Ayub; teman-temanmu tidak menentang engkau, tidak juga mendakwa engkau dengan pelanggaran, seperti yang mereka lakukan terhadap Ayub.

11 Dan mereka yang mendakwa engkau dengan pelanggaran, harapan mereka akan dihancurkan, dan jangkakan mereka akan lenyap lebur bagaikan "embun beku yang mencair di dalam cahaya matahari terbit yang membakar;

12 Dan juga bahawa Tuhan telah menetapkan tangan dan meterai-Nya untuk mengubah "waktu dan masa, dan untuk membutakan fikiran mereka, agar mereka tidak dapat memahami pekerjaan-Nya yang menakutkan; agar Dia boleh menguji mereka juga dan menangkap mereka dalam kelicikan jahat mereka sendiri;

13 Juga disebabkan hati mereka yang busuk, dan hal-hal yang mereka hendak lakukan kepada orang lain, dan suka melihat orang lain menderita, akan datang ke atas "diri mereka dengan sepenuhnya;

14 Supaya mereka boleh kecewa juga, dan harapan mereka boleh disingkirkan;

15 Dan tidak sampai bertahun-tahun selepas ini, bahawa mereka

dan anak cucu mereka akan dilemparkan dari bumi, firman Tuhan, sehingga tiada seorang pun daripada mereka yang tinggal untuk hidup.

16 Terkutuklah mereka semua yang akan mengangkat tumit menentang mereka yang Aku "tetapkan, firman Tuhan, dan mengatakan mereka telah ^bberdosa apabila mereka tidak berdosa di hadapan-Ku, firman Tuhan, tetapi telah melakukan apa yang sepatutnya di mata-Ku, dan yang Aku telah perintahkan kepada mereka.

17 Tetapi mereka yang mengatakan pelanggaran melakukannya kerana mereka merupakan hamba dosa, dan mereka sendiri merupakan "anak-anak yang tidak patuh.

18 Dan mereka yang bersumpah palsu terhadap para hamba-Ku, agar mereka boleh membawa mereka ke dalam penawanan dan kematian—

19 Celakalah mereka; kerana mereka telah "bersalah terhadap anak-anak kecil-Ku mereka akan diceraikan dari ^btatacara-tatacara rumah-Ku.

20 "Bakul-bakul mereka tidak akan penuh, rumah mereka dan ladang mereka akan musnah, dan mereka sendiri akan dikeji oleh mereka yang pernah menyanjungi mereka.

21 Mereka tidak akan berhak ke atas "imamat, dan juga anak cucu

9a A&P 122:3.

10a prs Ayub.

11a Kel. 16:14.

12a Dan. 2:21.

13a Ams. 28:10; 1 Ne. 14:3.

16a 1 Sam. 26:9;

Mzm. 105:15.

b 2 Ne. 15:20;

Moro. 7:14, 18.

17a Ef. 5:6.

19a Mat. 18:6.

prs Singgung.

b prs Tatacara-tatacara.

20a Ul. 28:15-20.

21a prs Imamat.

mereka selepas mereka dari generasi ke generasi.

22 Adalah "lebih baik bagi mereka bahawa sebuah batu pengisar dikalungkan di leher mereka, dan mereka dibenamkan ke dalam laut.

23 Celakalah mereka semua yang meresahkan umat-Ku, dan menghalau, dan membunuh, dan bersaksi menentang mereka, firman Tuhan Semesta Alam; sebuah "generasi ular berbisa tidak akan terlepas daripada kelaknatan neraka.

24 Lihatlah, mata-Ku "melihat dan mengetahui segala pekerjaan mereka, dan Aku memiliki dalam simpananku sebuah ^bpenghakiman yang segera pada masanya, untuk mereka semua;

25 Kerana adanya "waktu yang ditetapkan bagi setiap orang, menurut ^bpekerjaannya.

26 Tuhan akan memberi kepadamu "pengetahuan melalui ^bRoh Kudus-Nya, ya, melalui ^ckurnia Roh Kudus yang tidak terucapan, yang belum didedahkan sejak dunia ada sehingga sekarang;

27 Yang mana nenek moyang kita telah menunggu dengan harapan yang bersemangat untuk diwahyukan pada zaman akhir, yang mana fikiran mereka telah ditunjukkan oleh

para malaikat, sebagaimana disimpan untuk kegenapan kemuliaan mereka;

28 Suatu masa yang akan datang dimana "tiada apa yang akan disembunyikan, sama ada terdapat seorang Tuhan atau banyak ^bTuhan, ianya akan dinyatakan.

29 Segala takhta dan kekuasaan, pemerintahan dan kuasa, akan "diwahyukan dan dinyatakan kepada semua orang yang telah bertahan dengan gagah berani demi Injil Yesus Kristus.

30 Dan juga, jika ada "batas-batas yang ditentukan pada langit atau lautan, atau pada tanah kering, atau pada matahari, bulan, atau bintang-bintang—

31 Seluruh waktu kitarannya, semua hari, bulan, dan tahun yang ditetapkan, dan semua masa bagi hari, bulan, dan tahunnya, dan seluruh kemuliaan, hukum, dan waktunya yang ditentukan, akan diwahyukan pada masa kegenapan "zaman—

32 Menurut apa yang telah ditetapkan di tengah "Majlis ^bTuhan Yang Abadi bagi semua Tuhan lain sebelum dunia ini ada, yang akan disimpan untuk penyelesaian dan pengakhirannya, apabila setiap orang akan masuk ke dalam

22a Mat. 18:6;

A&P 54:5.

23a Mat. 12:34.

24a *pts* Maha Mengetahui.

b Hel. 8:25.

pts Hakim,

Penghakiman.

25a *Ayb.* 7:1;

A&P 122:9.

b *pts* Pekerjaan-pekerjaan.

26a Dan. 2:20-22;

FK 1:9.

pts Wahyu.

b A&P 8:2-3.

c *pts* Kurnia Roh

Kudus.

28a A&P 42:61; 76:7-8;

98:12.

b *Mzm.* 82:1, 6;

Yoh. 10:34-36;

1 Kor. 8:5-6;

A&P 76:58; 132:20;

Abr. 4:1; 5:1-2.

29a A&P 101:32.

30a *Ayb.* 26:7-14;

Mzm. 104:5-9;

Kis. 17:26.

31a *pts* Zaman

Keagamaan.

32a *pts* Majlis di Syurga.

b *Ul.* 10:17.

‘hadirat abadi-Nya dan ke dalam ‘peristirahatan baqa-Nya.

33 Berapa lamakah air yang mengalir dapat kekal tercemar? Kuasa apakah yang akan menahan syurga? Seperti juga manusia merentangkan lengannya yang lemah untuk menghentikan Sungai Missouri dalam alirannya yang telah ditetapkan, atau untuk memesongkannya ke hulu sungai, seolah-olah untuk menghalang Yang Maha Kuasa daripada mencurahkan ‘pengetahuan dari syurga kepada para Orang Suci Zaman Akhir.

34 Lihatlah, ada banyak yang ‘dipanggil, tetapi sedikit yang ‘dipilih. Dan mengapa mereka tidak dipilih?

35 Kerana hati mereka diletakkan begitu banyak pada hal-hal dari ‘dunia ini, dan menginginkan ‘kehormatan manusia, sehingga mereka tidak belajar satu pengajaran ini—

36 Bahawa ‘hak-hak keimamatan tidak terpisah dari hubungannya dengan ‘kuasa syurga, dan bahawa kuasa syurga tidak dapat dikawal dan juga dijalankan kecuali berdasarkan asas-asas ‘kesolehan.

37 Bahawa ianya boleh dianugerahkan ke atas diri kita, ianya benar; tetapi apabila kita berusaha

untuk ‘menutup ‘dosa-dosa kita, atau untuk memuaskan ‘kesombongan kita, cita-cita kita yang sia-sia, atau untuk melakukan pengawalan atau kekuasaan atau paksaan ke atas jiwa anak-anak manusia, dalam apa pun kadar ketidaksolehan, lihatlah, syurga ‘menarik dirinya; Roh Tuhan dipulukan; dan apabila ianya ditarik kembali, tamatlah imamat atau wewenang lelaki itu.

38 Lihatlah, sebelum dia menyedarinya, dia ditinggalkan seorang diri, untuk ‘menendang kayu pengiring yang tajam, ‘menganiyai para orang suci, dan melawan menentang Tuhan.

39 Kita telah belajar melalui pengalaman sedih bahawa ianya adalah ‘sifat dan kecenderungan hampir semua manusia, sebaik sahaja mereka memperoleh sedikit wewenang, menurut anggapan mereka, mereka dengan segera mula menjalankan kekuasaan yang tidak soleh.

40 Oleh sebab itu banyak yang dipanggil, tetapi sedikit yang dipilih.

41 Tidak ada kuasa atau pengaruh yang dapat atau seharusnya dipertahankan melalui kehemahan keimamatan, kecuali dengan ‘dorongan, dengan ‘kepanjanga-

32c pts Lelaki, Para Lelaki—Potensi manusia untuk menjadi seperti Bapa Syurgawi.
d pts Beristirahat.

33a A&P 128:19.
pts Pengetahuan.

34a Mat. 20:16; 22:1-14;
A&P 95:5-6.
pts Dipanggil oleh

Tuhan, Memanggil, Panggilan.
b pts Pilih, Dipilih, Memilih.

35a pts Keduniaan.
b Mat. 6:2; 2 Ne. 26:29.

36a pts Imamat;
Wewenang.
b pts Kuasa.
c pts Soleh, Kesolehan.

37a Ams. 28:13.
b pts Dosa.
c pts Keangkuhan.
d A&P 1:33.

38a Kis. 9:5.
b pts Aniaya,
Penganiayaan.

39a pts Manusia Alamiah.
41a 1 Ptr. 5:1-3.
b 2 Kor. 6:4-6.

baran, dengan kelemah-lembutan dan kelembutan hati, dan dengan kasih yang tidak berpura-pura;

42 Dengan kebaikan hati, dan pengetahuan yang suci, yang akan meneguhkan jiwa tanpa ^akemunafikan, dan tanpa ^btipu daya—

43 ^aMenegur tepat waktunya dengan ketajaman, apabila disentuh oleh Roh Kudus; dan kemudian menunjukkan peningkatan ^bkasih terhadap dia yang telah engkau teguri, agar jangan dia menganggap engkau sebagai musuhnya;

44 Agar dia boleh mengetahui bahawa kesetiaanmu lebih kuat daripada tali kematian.

45 Biarlah sanubarimu juga

penuh kasih ihsan terhadap semua orang, dan kepada kaum keluarga seiman, dan biarlah ^akehemahan mengisi ^bfikiranmu tanpa henti; maka keyakinanmu akan menjadi kuat di dalam hadirat Tuhan; dan ajaran keimamatan akan meresap ke dalam jiwamu bagaikan ^cembun dari langit.

46 ^aRoh Kudus akan menjadi temanmu yang tetap, dan cokmarmu sebuah cokmar kesolehan dan kebenaran yang tidak berubah; dan ^bkekuasaanmu akan menjadi kekuasaan kekal, dan tanpa sebarang paksaan akan mengalir kepadamu selama-lamanya.

BAHAGIAN 122

Firman Tuhan kepada Nabi Joseph Smith, semasa menjadi seorang tahanan di dalam penjara di Liberty, Missouri. Bahagian ini merupakan sebuah petikan dari sepucuk surat kepada Gereja bertarikh 20 Mac 1839 (lihat pengenalan untuk bahagian 121).

1–4, Hujung-hujung bumi akan bertanya tentang nama Joseph Smith; 5–7, Segala bahaya dan penderitaannya yang berat akan memberinya pengalaman dan demi kebajikannya; 8–9, Putera Manusia telah mengalami lebih teruk dari kesemuanya.

HUJUNG-HUJUNG bumi akan bertanya tentang ^anamamu, dan yang bodoh akan mengejek engkau, dan

neraka akan mengamuk menentang engkau;

2 Sementara mereka yang murni hatinya, dan yang bijak, dan yang mulia, dan yang berhemah, akan mencari ^anasihat, dan wewenang, dan berkat-berkat secara bertusunan dari tanganmu.

3 Dan umatmu tidak akan pernah berpaling menentang engkau melalui kesaksian para pengkhianat.

42a Yak. 3:17.

b pts Tipu muslihat.

43a pts Tegur, Menegur.

b pts Kasih;

Kasih Ihsan.

45a pts Hemah.

b pts Pemikiran.

c Ul. 32:1–2;

A&P 128:19.

46a pts Roh Kudus.

b Dan. 7:13–14.

122 1a JS—S 1:33.

2a pts Nasihat.

4 Dan walaupun pengaruh mereka akan pernah melemparkan engkau ke dalam kesusahan, dan ke dalam palang-palang besi dan dinding, engkau akan ditempatkan di dalam kehormatan; dan hanya untuk suatu "saat yang kecil dan suaramu di tengah musuh-musuhmu akan lebih menakutkan daripada ^bsinga yang ganas, kerana kesolehanmu; dan Tuhanmu akan berdiri di sisimu selama-lamanya.

5 Jika engkau dipanggil untuk melalui kesengsaraan; jika engkau berada dalam bahaya di kalangan saudara-saudara yang tidak setia; jika engkau berada dalam bahaya di kalangan para perompak; jika engkau berada dalam bahaya di darat atau di laut;

6 Jika engkau dituduh dengan pelbagai tuduhan palsu; jika musuhmu menyerang engkau; jika mereka meragut engkau dari pangkuan ayah dan ibu dan adik-beradikmu; dan jika dengan sebilah pedang dihunuskan oleh musuhmu meragut engkau dari pelukan isterimu, dan dari anak-anakmu, dan anak lelakimu yang sulung, walaupun hanya berusia enam tahun, akan menggenggam erat pakaianmu, dan mengatakan, Ayahku, ayahku, mengapa engkau tidak tinggal bersama kami? Oh, ayahku, apakah yang akan dilakukan oleh orang-orang itu

kepadamu? dan jika kemudian dia akan dipisahkan daripadamu dengan pedang, dan engkau diseret ke penjara, dan musuh-musuhmu berkeliaran di sekelilingmu bagaikan "serigala demi darah anak domba;

7 Dan jika engkau akan dilemparkan ke dalam lubang, atau ke dalam tangan para pembunuh, dan hukuman mati dijatuhkan ke atas dirimu; jika engkau dilemparkan ke dalam "laut dalam; jika ombak yang menggulung bersubahat melawan engkau; jika angin dahsyat menjadi musuhmu; jika langit mengumpulkan kegelapannya, dan semua unsur bergabung untuk menghalang jalan; dan lebih dari segalanya, jika rahang ^bneraka akan menganga membuka mulut dengan luas terhadapmu, ketahuilah engkau, anak-Ku, bahawa semua hal ini akan memberi engkau "pengalaman, dan akan menjadi kebaikanmu.

8 "Putera Manusia telah ^bmengalami lebih teruk dari kesemuanya. Adakah engkau lebih hebat daripada Dia?

9 Oleh kerana itu, bertahanlah pada jalanmu, dan imamat akan "tetap bersamamu; kerana ^bbatas-batas mereka telah ditentukan, mereka tidak dapat melepasi-nya. "Hari-harimu telah diketahui, dan riwayatmu tidak akan

4a A&P 121:7-8.

b 3 Ne. 20:16-21; 21:12.

6a Luk. 10:3.

7a Yun. 2:3-6.

b 2 Sam. 22:5-7;

JS—S 1:15-16.

c 2 Kor. 4:17;

Ibr. 12:10-11;

2 Ne. 2:11.

8a rts Putera Manusia.

b Ibr. 2:9, 17-18;

A&P 76:107; 88:6.

9a A&P 90:3.

b Kis. 17:26.

c A&P 121:25.

dipendekkan; oleh kerana itu, dapat lakukan, kerana Tuhan akan
 “janganlah takut apa yang manusia | bersamamu selama-lamanya.

BAHAGIAN 123

Kewajipan para Orang Suci berkaitan dengan para penganiaya mereka, sebagaimana dituliskan oleh Nabi Joseph Smith semasa menjadi seorang tahanan di dalam penjara di Liberty, Missouri. Bahagian ini merupakan sebuah petikan dari sepucuk surat kepada Gereja bertarikh 20 Mac 1839 (lihat pengenalan untuk bahagian 121).

1-6, Para Orang Suci harus mengumpulkan dan menerbitkan laporan tentang penderitaan dan penganiayaan mereka; 7-10, Roh yang sama yang menegakkan fahaman-fahaman palsu juga membawa pada penganiayaan para Orang Suci; 11-17, Banyak dari kalangan semua mazhab agama masih akan menerima kebenaran.

DAN lagi, kami hendak mencadangkan untuk pertimbanganmu kewajipan bagi semua orang suci mengumpulkan suatu pengetahuan tentang semua fakta, dan penderitaan dan penderaan yang diletakkan ke atas diri mereka oleh orang-orang di Negeri ini;

2 Dan juga tentang semua harta benda dan jumlah kerosakan yang telah mereka alami, baik pencemaran nama baik mahupun kecederaan peribadi, serta harta tak alih;

3 Dan juga nama semua orang yang telah terlibat dalam penindasan mereka, sejauh mereka boleh mendapatkan dan menemukan mereka.

4 Dan mungkin sebuah jawatan kuasa boleh dilantik untuk mendaftarkan hal-hal ini, dan untuk mencatatkan pernyataan-pernyataan dan affidavit; dan juga untuk mengumpulkan terbitan-terbitan fitnah yang tersebar;

5 Dan semua yang ada di dalam majalah, dan dalam ensiklopedia, dan semua sejarah fitnah yang telah diterbitkan, dan sedang ditulis, oleh mereka, dan menyampaikan seluruh rangkaian perlakuan kejam dan keji dan bersifat membunuh yang telah dikenakan ke atas umat ini—

6 Agar kita bukan sahaja menerbitkannya ke seluruh dunia, tetapi menunjukkannya kepada ketua-ketua kerajaan dalam semua kegelapan dan keiblisian mereka, sebagai usaha terakhir yang diperintahkan kepada kita oleh Bapa Syurgawi kita, sebelum kita dapat sepenuhnya menuntut perjanjian itu yang akan memanggil-Nya dari “tempat persembunyian-Nya; dan juga agar seluruh bangsa tidak akan mempunyai alasan lagi

9d Neh. 4:14;
 Mzm. 56:4; 118:6;
 Ams. 3:5-6;

Yes. 51:7;
 Luk. 12:4-5;
 2 Ne. 8:7;

A&P 3:7; 98:14.
123 6a A&P 101:89;
 121:1, 4.

sebelum Dia mengirinkan kuasa daripada lengan perkasa-Nya.

7 Ini merupakan suatu kewajipan penting yang kita hutang dengan Tuhan, dengan para malaikat, iaitu kepada mereka kita akan dibawa untuk berdiri, dan juga kepada diri kita sendiri, kepada isteri dan anak-anak kita, yang telah ditundukkan dengan kesedihan, kedu-kaan, dan kegelisahan, di bawah tangan pembunuhan, kezaliman, dan penindasan yang paling laknat, yang disokong dan diransang dan didukung melalui pengaruh roh itu yang dengan sangat kuatnya telah memaku fahaman-fahaman daripada nenek moyang, yang telah mewariskan kedustaan, ke atas hati anak-anak mereka, dan memenuhi dunia dengan kekeliruan, dan semakin kuat berkembang, dan sekarang merupakan sumber utama bagi segala kejahatan, dan seluruh "bumi merintih di bawah beban kederhakaannya.

8 Itu adalah sebuah "kuk besi, itu adalah suatu ikatan yang kuat; ianya adalah gari, dan rantai, dan belunggu, dan pasung neraka.

9 Oleh kerana itu ini adalah kewajipan penting yang menjadi hutang kita, bukan hanya kepada isteri dan anak-anak kita sendiri, tetapi kepada para janda dan anak yatim, yang mana para suami dan ayah mereka telah "dibunuh di bawah tangan besinya;

10 Yang mana perbuatan gelap dan hitamnya itu cukup untuk

membuat neraka sendiri menggeletar, dan berdiri tergamam dan pucat, dan tangan iblis sendiri gemetar dan kaku.

11 Dan juga ini adalah kewajipan penting yang menjadi hutang kita kepada semua generasi muda, dan kepada semua yang suci hatinya—

12 Kerana masih ada banyak lagi di atas bumi di kalangan semua mazhab, pihak, dan golongan agama, yang "dibutakan oleh kelicikan manusia, yang dengannya mereka menanti untuk memperdaya, dan mereka yang hanya ditahan dari kebenaran kerana mereka ^btidak tahu di mana untuk menemuinya—

13 Oleh kerana itu, kita haruslah menghabiskan dan menggunakan hidup kita dalam membawa pada keterangan semua "hal yang tersembunyi dalam kegelapan, di mana kita mengetahuinya; dan mereka benar-benar dinyatakan dari syurga—

14 Maka ini haruslah dilaksanakan dengan kesungguhan yang besar.

15 Janganlah biarkan seorang pun menganggapnya sebagai hal-hal yang kecil; kerana ada banyak yang berada di masa depan, berkaitan dengan para orang suci, yang bergantung pada hal-hal ini.

16 Kamu tahu, para saudara, bahawa sebuah kapal yang sangat besar "memperoleh kelebihan yang sangat banyak dari sebuah kemudi yang sangat kecil semasa ribut,

7a Musa 7:48-49.

8a prs Kuk.

9a A&P 98:13; 124:54.

12a Kol. 2:8;

A&P 76:75.

b 1 Ne. 8:21-23.

13a 1 Kor. 4:5.

16a Yak. 3:4; Alma 37:6-7;

A&P 64:33.

dengan mengemudikannya menghadapi angin dan ombak.

17 Oleh kerana itu, saudara-saudara terkasih, marilah kita “dengan riang melakukan segala hal yang berada dalam kuasa

kita; dan kemudian dapatlah kita berdiri teguh, dengan keyakinan sepenuhnya, untuk melihat^bkeselamatan daripada Tuhan, dan untuk lengan-Nya didedahkan.

BAHAGIAN 124

Wahyu yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith, di Nauvoo, Illinois, 19 Januari 1841. Disebabkan meningkatnya penganiayaan dan tindakan-tindakan yang menyalahi undang-undang terhadap mereka oleh para pegawai kerajaan, para Orang Suci telah dipaksa untuk meninggalkan Missouri. Perintah penghapusan yang dikeluarkan oleh Lilburn W. Boggs, pentadbir Missouri, bertarikh 27 Oktober 1838, telah menyebabkan mereka tiada pilihan lain. Pada tahun 1841, semasa wahyu ini diberikan, Kota Nauvoo, meliputi bekas kawasan desa Commerce, Illinois, yang telah dibangunkan oleh para Orang Suci, dan di sinilah ibu pejabat Gereja telah ditubuhkan.

1–14, Joseph Smith diperintahkan untuk membuat sebuah pernyataan rasmi tentang Injil kepada presiden Amerika Syarikat, para pentadbir, dan pemerintah segala bangsa; 15–21, Hyrum Smith, David W. Patten, Joseph Smith Sr., dan yang lain di kalangan yang hidup dan yang mati diberkati kerana integriti dan kehe-mahan mereka; 22–28, Para Orang Suci diperintahkan untuk membina sebuah rumah penginapan bagi orang asing serta sebuah bait suci di Nauvoo; 29–36, Pembaptisan bagi yang mati mesti dilaksanakan di dalam bait suci; 37–44, Umat Tuhan selalu membina bait suci untuk pelaksanaan tatacara-tatacara yang kudus; 45–55, Para Orang Suci dikesualikan daripada membina sebuah bait suci di Jackson County kerana

penindasan oleh musuh mereka; 56–83, Arahan diberikan untuk pembinaan Rumah Nauvoo; 84–96, Hyrum Smith dipanggil untuk menjadi seorang bapa bangsa, untuk menerima kunci-kuncinya, dan untuk menggantikan Oliver Cowdery; 97–122, William Law dan yang lain dinasihati dalam pekerjaan mereka; 123–145, Para penguasa umum dan tempatan dipilih, sekali gus kewajipan dan pertalian kuorum mereka dinyatakan.

SESUNGGUHNYA, demikianlah firman Tuhan kepadamu, hamba-Ku Joseph Smith, Aku sangat berkenan dengan persembahan dan pengakuanmu, yang telah kamu buat; kerana untuk tujuan ini Aku telah bangkitkan kamu, agar Aku boleh

menunjukkan kebijaksanaan-Ku melalui hal-hal yang "lemah dari bumi ini.

2 Doa-doamu diterima di hadapan-Ku; dan sebagai jawapan kepadanya Aku berfirman kepadamu, bahawa kamu sekarang dipanggil dengan segera untuk membuat sebuah pernyataan rasmi tentang Injil-Ku, dan berkeinginan "pancang ini yang telah Aku tanamkan untuk menjadi batu penjurong Sion, yang akan digilap dengan kehalusan yang sama dengan sebuah istana.

3 Pernyataan ini akan dibuat kepada semua "raja di dunia, ke empat-empat penjurunya, kepada presiden pilihan yang terhormat, dan para pentadbir yang berhati mulia dari negara yang kamu tinggal itu, dan kepada semua bangsa di bumi di merata tempat di luar negara.

4 Biarlah ianya ditulis dengan semangat "kelembutan hati dan dengan kuasa Roh Kudus, yang akan berada di dalammu semasa penulisannya;

5 Kerana akan diberikan kepadamu melalui Roh Kudus untuk mengetahui kehendak-Ku tentang para raja dan yang berkuasa, bahkan apa yang akan menimpa mereka pada waktu yang akan datang.

6 Kerana, lihatlah, Aku akan meminta mereka untuk mengeng-

dahkan cahaya dan kemuliaan Sion, kerana waktu yang ditentukan telah datang untuk menyokongnya.

7 Berserulah kamu, oleh kerana itu, kepada mereka dengan pernyataan yang kuat, dan dengan kesaksianmu, jangan takut kepada mereka, kerana mereka bagaikan "rumput, dan segala kemuliaan mereka bagaikan bunga yang tidak lama lagi gugur, bahawa mereka juga akan ditinggalkan tanpa alasan—

8 Dan agar Aku boleh mengunjungi mereka pada hari pengunjungan, apabila Aku akan membuka penutup muka-Ku, untuk menetapkan tempat bagi penindas di kalangan orang yang munafik, di mana terdapatnya "kertakan gigi, jika mereka menolak para hamba-Ku dan kesaksian-Ku yang telah Aku wahyukan kepada mereka.

9 Dan lagi, Aku akan mengunjungi dan melembutkan hati mereka, banyak daripada mereka demi kebaikanmu, agar kamu boleh menemui kerahmatan di mata mereka, agar mereka boleh datang pada "cahaya kebenaran, dan bangsa bukan Israel pada permuliaan atau pengangkatan Sion.

10 Kerana hari pengunjungan-Ku datang dengan segera, pada "jam ketika kamu tidak memikirkannya; dan di manakah yang akan

124 1a 1 Kor. 1:26-28;
A&P 1:19; 35:13.

2a prs Pancang.

3a Mzm. 119:46;

Mat. 10:18; A&P 1:23.

4a prs Lembut Hati,

Kelembutan Hati.

7a Mzm. 103:15-16;

Yes. 40:6-8;

1 Ptr. 1:24-25.

8a Mat. 8:12;

Alma 40:13;

A&P 101:91; 112:24.

9a Yes. 60:1-4.

prc Cahaya, Cahaya
Kristus.

10a Mat. 24:44;

JS—M 1:48.

menjadi selamat bagi umat-Ku, dan perlindungan bagi mereka yang akan tertinggal?

11 Bangunlah, Wahai para raja di bumi! Datanglah kamu, Ya, datanglah kamu, bersama emas dan perakmu, untuk menolong umat-Ku, ke rumah para puteri Sion.

12 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah hamba-Ku Robert B. Thompson menolongmu untuk menulis pernyataan ini, kerana Aku sangat berkenan dengannya, dan bahawa dia harus bersamamu;

13 Biarlah dia, oleh kerana itu, mendengar nasihatmu, dan Aku akan memberkatinya dengan suatu berkat yang berlipat ganda; biarlah dia setia dan benar dalam segala hal sejak dari sekarang, dan dia akan menjadi hebat di mata-Ku;

14 Tetapi biarlah dia ingat bahawa "tugas pengawasannya akan Aku tuntutan daripada tangannya.

15 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, diberkatilah hamba-Ku "Hyrum Smith; kerana Aku, Tuhan, mengasihinya kerana ^bintegriti hatinya, dan kerana dia mengasihi apa yang benar di hadapan-Ku, firman Tuhan.

16 Lagi, biarlah hamba-Ku John C. Bennett menolongmu dengan kerjamu dalam mengirinkan firman-Ku kepada para raja dan orang-orang di bumi, dan berdiri di sisimu, bahkan kamu

hamba-Ku Joseph Smith, pada waktu kesengsaraan; dan ganjarannya tidak akan gagal jika dia menerima "nasihat.

17 Dan kerana kasihnya dia akan menjadi hebat, kerana dia akan menjadi milik-Ku jika dia melakukan ini, firman Tuhan. Aku telah melihat pekerjaan yang telah dia lakukan, yang Aku terima jika dia meneruskannya, dan akan memahkotainya dengan berkat-berkat dan kemuliaan yang besar.

18 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu bahawa adalah kehendak-Ku bahawa hamba-Ku Lyman Wight harus terus berkhotbah bagi Sion, dalam semangat kelembutan hati, mengakui-Ku di hadapan dunia; dan Aku akan menyokongnya bagaikan di atas sayap "helang; dan dia akan menghasilkan kemuliaan dan kehormatan bagi dirinya dan demi nama-Ku.

19 Agar apabila dia akan menyelesaikan pekerjaannya Aku dapat menerimanya bagi diri-Ku, bahkan seperti yang Aku lakukan kepada hamba-Ku "David Patten, yang bersama-Ku pada waktu ini, dan juga hamba-Ku ^bEdward Partridge, dan juga hamba-Ku yang sudah tua "Joseph Smith Sr., yang duduk "bersama Abraham di sisi kanannya, dan diberkati dan kuduslah dia, kerana dia adalah milik-Ku.

20 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, hamba-Ku George Miller adalah tanpa "tipu daya; dia boleh dipercayai kerana

14a pts Pengawas,
Pengawasan.

15a pts Hyrum Smith.
b pts Integriti.

16a pts Nasihat.
18a Kel. 19:4; Yes. 40:31.
19a A&P 124:130.
pts David W. Patten.

b pts Edward Partridge.
c pts Joseph Smith Sr.
d A&P 137:5.
20a pts Tipu muslihat.

integriti hatinya, dan kerana kasih yang dia miliki tentang kesaksian-Ku, iaitu Tuhan, mengasihinya.

21 Oleh kerana itu, Aku berfirman kepadamu, Aku memeteraikan ke atas kepalanya jawatan "keuskupan, seperti kepada hamba-Ku Edward Partridge, agar dia boleh menerima pembaktian rumah-Ku, agar dia boleh memberikan berkat-berkat ke atas kepala umat-Ku yang miskin, firman Tuhan. Janganlah biarkan seorang pun mengeji hamba-Ku George, kerana dia akan menghormati-Ku.

22 Biarlah hamba-Ku George, dan hamba-Ku Lyman, dan hamba-Ku John Snider, dan yang lain, membina sebuah "rumah demi nama-Ku, sama seperti yang akan hamba-Ku Joseph tunjukkan kepada mereka, di tempat yang akan dia tunjukkan kepada mereka juga.

23 Dan ia akan menjadi sebuah rumah untuk menumpang, rumah di mana orang-orang asing boleh datang dari jauh untuk menginap di dalamnya; oleh kerana itu biarlah ia menjadi rumah yang baik, layak untuk diterima oleh semua, agar "pengembara yang letih boleh mendapatkan kesihatan dan perlindungan sambil dia akan merenungkan firman Tuhan; dan ^bbatu penjuru yang telah Aku tetapkan bagi Sion.

24 Rumah ini akan menjadi sebuah tempat tinggal yang baik

jika ia dibina demi nama-Ku, dan jika pengurus yang akan ditetapkan untuknya tidak membiarkan apa pun pencemaran datang padanya. Ia akan menjadi kudus, atau Tuhan Rajamu tidak akan berada di dalamnya.

25 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah semua orang suci-Ku datang dari jauh.

26 Dan hantarlah kamu para utusan yang pantas, ya, para utusan terpilih, dan katakan kepada mereka: Datanglah kamu, dengan semua emas, dan perakmu, dan batu-batu berhargamu, dan dengan semua barangan antikmu; dan bersama semua yang berpengetahuan tentang benda-benda antik, yang ingin datang, boleh datang, dan membawa kayu berangan, dan kayu cemara, dan kayu pain, bersama dengan segala kayu yang berharga di bumi;

27 Dan dengan besi, dengan tembaga, dan dengan loyang, dan dengan zink, dan dengan segala barangan berhargamu di bumi; dan binalah sebuah "rumah demi nama-Ku, bagi Yang Maha Tinggi untuk ^btinggal di dalamnya.

28 Kerana tidak ada sebuah tempat pun yang terdapat di atas bumi yang Dia boleh datang dan "memulihkan semula apa yang hilang bagimu, atau yang telah Dia ambil, bahkan kegenapan imamat.

29 Kerana tiada sebuah kolam

21a A&P 41:9.
 prs Uskup.
 22a A&P 124:56-60.
 23a Ul. 31:12;

Mat. 25:35, 38.
 b A&P 124:2.
 27a A&P 109:5.
 prs Bait Suci,

Rumah Tuhan.
 b Kel. 25:8;
 A&P 97:15-17.
 28a Prs Pemulihan Injil.

“pembaptisan di atas bumi, agar mereka, para orang suci-Ku, boleh ^bdibaptiskan bagi mereka yang sudah mati—

30 Kerana tatacara ini kepunyaan rumah-Ku, dan tidak dapat diterima oleh-Ku, kecuali pada masa kemiskinanmu, dimana kamu tidak mampu untuk membina sebuah rumah bagi-Ku.

31 Tetapi Aku memerintahkanmu, kamu semua para orang suci-Ku, untuk “membina sebuah rumah bagi-Ku; dan Aku memberikan kepadamu waktu yang cukup untuk membina sebuah rumah bagi-Ku; dan sepanjang waktu ini pembaptisanmu akan diterima oleh-Ku.

32 Tetapi lihatlah, pada penghujung waktu itu pembaptisan bagi orang matimu tidak akan diterima oleh-Ku lagi; dan jika kamu tidak melakukan hal-hal ini pada penghujung waktu itu kamu akan ditolak sebagai sebuah gereja, bersama orang matimu, firman Tuhan Rajamu.

33 Kerana sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa setelah kamu mempunyai waktu yang cukup untuk membina sebuah rumah bagi-Ku, di mana di situlah tempatnya tatacara pembaptisan bagi orang mati, dan yang sama seperti yang ditegakkan sejak sebelum pengasasan dunia,

pembaptisan bagi orang matimu tidak dapat diterima oleh-Ku;

34 Kerana di dalamnya “kunci-kunci imamat kudus ditahbiskan, agar kamu boleh menerima kehormatan dan kemuliaan.

35 Dan setelah waktu ini, pembaptisan bagi orang matimu, melalui mereka yang berada di merata tempat di luar daerah, tidak dapat diterima oleh-Ku lagi, firman Tuhan.

36 Kerana ditetapkan bahawa di Sion, dan di pancang-pancangnya, dan di Yerusalem, tempat-tempat itu yang telah Aku tetapkan untuk “perlindungan, akan menjadi tempat untuk pembaptisan bagi orang matimu.

37 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bagaimanakah “penyucianmu akan dapat diterima oleh-Ku, kecuali kamu melaksanakannya di dalam rumah yang telah kamu bina demi nama-Ku?

38 Kerana, untuk sebab ini Aku memerintahkan Musa agar dia harus membina sebuah “khemah ibadat, agar mereka harus membawanya bersama mereka di padang belantara, dan untuk membina sebuah ^brumah di negeri yang dijanjikan, agar tatacara-tatacara itu boleh diwahyukan yang telah disembunyikan sejak dunia belum ada.

29a A&P 128:13.
b 1 Kor. 15:29;
A&P 127:6; 138:33.
pts Keselamatan bagi
Orang Mati;
Pembaptisan,
Membaptis—

Pembaptisan untuk
orang mati.
31a A&P 97:10.
34a A&P 110:14–16.
pts Kunci-kunci
Imamat.
36a Yes. 4:5–6.

37a pts Cucian, Dicuci,
Mencuci.
38a Kel. 25:1–9; 33:7.
pts Khemah Ibadat.
b pts Bait Suci, Rumah
Tuhan.

39 Oleh kerana itu, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa “penyapuan minyakmu, dan penyucianmu, dan ^bpembaptisan bagi orang matimu, dan “perhimpunan khusyukmu, dan upacara peringatan untuk “pengorbananmu melalui para anak lelaki Lewi, dan untuk wahyu di dalam “tempatmu yang paling kudus di mana kamu menerima percakapan, dan peraturan dan penghakimanmu, untuk permulaan wahyu dan pengasasan Sion, dan untuk kemuliaan, kehormatan, dan penganugerahan seluruh penduduknya, adalah ditahbiskan melalui tatacara rumah kudus-Ku, yang umat-Ku selalu diperintahkan untuk membinanya bagi nama kudus-Ku.

40 Dan sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah rumah ini dibina demi nama-Ku, agar Aku boleh mewahyukan tatacara-tatacara-Ku yang ada di dalamnya kepada umat-Ku;

41 Kerana Aku rela untuk “mewahyukan kepada gereja-Ku hal-hal yang telah ^bdisembunyikan sejak sebelum pengasasan dunia, hal-hal yang berkaitan dengan “kegenapan zaman.

42 Dan “Aku akan menunjukkan kepada hamba-Ku Joseph segala hal yang berkaitan dengan rumah ini, dan keimamatannya,

dan tempat di mana ia akan dibina.

43 Dan kamu akan membinanya di tempat di mana kamu telah fikirkan untuk membinanya, kerana itu adalah tempat yang telah Aku pilih untuk kamu membinanya.

44 Jika kamu bekerja dengan seluruh dayamu, Aku akan membaktikan tempat itu agar ia menjadi “kudus.

45 Dan jika umat-Ku akan mendengar suara-Ku, dan suara “para hamba-Ku yang telah Aku tetapkan untuk memimpin umat-Ku, lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, mereka tidak akan dipindahkan dari tempat mereka.

46 Tetapi jika mereka tidak mahu mendengar suara-Ku, tidak juga suara orang-orang yang telah Aku tetapkan ini, mereka tidak akan diberkati, kerana mereka mencemarkkan tanah kudus-Ku, dan tatacara kudus, dan piagam-Ku, dan firman kudus-Ku yang Aku berikan kepada mereka.

47 Dan akan terjadi bahawa jika kamu membina sebuah rumah demi nama-Ku, dan tidak melakukan apa yang Aku firmankan, Aku tidak akan melaksanakan “sumpah yang Aku buat kepadamu, tidak juga memenuhi janji-janji yang kamu harapkan daripada tangan-Ku, firman Tuhan.

48 Kerana “bukannya berkat

39a Kel. 29:7.

pts Menyapu dengan Minyak.

b pts Tatacara-tatacara—Tatacara perwakilan.

c A&P 88:117.

d A&P 13; 84:31; 128:24;

JS—S 1:69.

e Yeh. 41:4;

A&P 45:32; 87:8;

101:22.

41a FK 1:9.

b A&P 121:26–32.

c Ef. 1:9–10;

A&P 27:13; 112:30.

42a A&P 95:14–17.

44a pts Kudus.

45a A&P 1:38.

pts Nabi.

47a pts Sumpah.

48a Ul. 28:15.

tetapi, kamu, melalui pekerjaanmu sendiri, membawakan kutukan, kemurkaan, kemarahan, dan penghakiman ke atas kepalamu sendiri, melalui kebodohanmu, dan melalui segala kekejianmu, yang kamu jalankan di hadapan-Ku, firman Tuhan.

49 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahwa apabila Aku memberikan sebuah perintah kepada sesiapa pun anak-anak manusia untuk melakukan sesuatu pekerjaan demi nama-Ku, dan anak-anak manusia itu pergi dengan seluruh daya mereka dan dengan segala yang mereka miliki untuk melaksanakan pekerjaan itu, dan tidak menghentikan "ketekunan mereka, dan musuh mereka menyerang mereka dan menghalang mereka daripada melaksanakan pekerjaan itu, lihatlah, adalah perlu menurut-Ku untuk tidak lagi ^bmenuntut pekerjaan itu daripada tangan anak-anak manusia, tetapi menerima persembahan mereka.

50 Dan kederhakaan dan pelanggaran terhadap hukum-hukum dan perintah-Ku yang kudus akan Aku ^akunjungi mereka yang menghalang pekerjaan-Ku, sehingga ke ^bgenerasi ketiga dan keempat, selagi mereka ^atidak bertaubat, dan membenci-Ku, firman Tuhan Raja.

51 Oleh kerana itu, kerana sebab ini Aku telah menerima persembahan daripada mereka yang

Aku perintahkan untuk membina sebuah kota dan sebuah "rumah demi nama-Ku, di ^bJackson County, Missouri, dan dihalang oleh musuh mereka, firman Tuhan Rajamu.

52 Dan Aku akan menjawab "penghakiman, kemurkaan, dan kemarahan, ratapan, dan kepedihan, dan kertakan gigi kepada diri mereka, sehingga ke generasi ketiga dan keempat, selagi mereka tidak bertaubat, dan membenci-Ku, firman Tuhan Rajamu.

53 Dan ini Aku jadikan sebuah contoh bagimu, untuk menyenangkan hati mu berkenaan mereka semua yang telah diperintahkan untuk melakukan suatu pekerjaan dan telah dihalang oleh tangan musuh mereka, dan oleh penindasan, firman Tuhan Rajamu.

54 Kerana Aku ialah Tuhan Rajamu, dan akan menyelamatkan mereka semua saudara-saudaramu yang "suci hatinya, dan telah ^bdibunuh di negeri Missouri, firman Tuhan.

55 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Aku memerintahkanmu lagi untuk membina sebuah "rumah pada nama-Ku, bahkan di tempat ini, agar kamu boleh ^bmembuktikan dirimu kepada-Ku bahawa kamu setia dalam segala apa pun hal yang Aku perintahkan kepadamu, agar Aku boleh memberkatimu, dan

49a prs Ketekunan.
b A&P 56:4; 137:9.

50a Mosia 12:1.

b Ul. 5:9;

A&P 98:46–47.

c prs Bertaubat,

Pertaubatan.

51a A&P 115:11.

b prs Jackson County,
Missouri (AS).

52a A&P 121:11–23.

54a prs Murni,

Kemurnian.

b A&P 98:13; 103:27–28.

55a A&P 127:4.

b Abr. 3:25.

memahkotaimu dengan kehormatan, kebaqaan, dan kehidupan abadi.

56 Dan sekarang, Aku berfirman kepadamu, berkaitan dengan "rumah tumpangan-Ku yang telah Aku perintahkan kepadamu untuk membinanya untuk menumpangkan orang-orang asing, biarlah ianya dibina demi nama-Ku, dan biarlah nama-Ku dinamakan ke atasnya, dan biarlah hamba-Ku Joseph dan keluarganya mempunyai tempat di dalamnya, dari generasi ke generasi.

57 Kerana penyapuan minyak ini telah Aku letakkan di atas kepalanya, agar berkatnya juga akan diletakkan ke atas kepala anak cucunya selepas dia.

58 Dan seperti yang Aku firmankan kepada "Abraham mengenai kaum-kaum di bumi, demikian juga Aku berfirman kepada hamba-Ku Joseph: Dalam dirimu dan dalam benih^b keturunamu kaum di bumi akan diberkati.

59 Oleh kerana itu, biarlah hamba-Ku Joseph dan benih keturunan selepasnya mempunyai tempat di rumah itu, dari generasi ke generasi, selama-lamanya, firman Tuhan.

60 Dan biarlah nama rumah itu disebut Rumah Nauvo; dan biarlah ia menjadi sebuah tempat tinggal yang menyenangkan orang, dan sebuah tempat peristirahatan bagi pengembara yang letih, agar

dia boleh merenungkan kemuliaan Sion, dan kemuliaan batu penjurunya;

61 Agar dia juga boleh menerima nasihat daripada mereka yang telah Aku tentukan untuk menjadi bagaikan "tanaman yang masyhur, dan bagaikan^b para penjaga di atas temboknya.

62 Lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah hamba-Ku George Miller, dan hamba-Ku Lyman Wight, dan hamba-Ku John Snider, dan hamba-Ku Peter Haws, menguruskan diri mereka, dan menetapkan salah seorang daripada mereka untuk menjadi presiden ke atas kuorum mereka untuk tujuan membina rumah itu.

63 Dan mereka haruslah membentuk suatu perlembagaan, yang dengannya mereka boleh menerima saham untuk pembinaan rumah itu.

64 Dan mereka tidak akan menerima kurang daripada lima puluh dolar untuk satu syer saham ke atas rumah itu, dan mereka akan diizinkan untuk menerima lima belas ribu dolar daripada sesiapa pun untuk saham ke atas rumah itu.

65 Tetapi mereka tidak akan diizinkan untuk menerima saham lebih dari lima belas ribu dolar daripada sesiapa pun.

66 Dan mereka tidak akan diizinkan untuk menerima kurang dari lima puluh dolar untuk satu syer

56a A&P 124:22-24.

58a Kej. 12:3; 22:18; Abr. 2:11.

pts Abraham.

b A&P 110:12.

pts Perjanjian Abraham.

61a Yes. 61:3;

Yeh. 34:29.

b pts Berjaga, Para Penjaga.

saham daripada sesiapa pun ke atas rumah itu.

67 Dan mereka tidak akan diizinkan untuk menerima sesiapa pun, sebagai seorang pemegang saham atas rumah ini, kecuali dia akan membayar sahamnya kepada mereka pada waktu dia menerima saham;

68 Dan setimpal dengan jumlah saham yang dibayarnya kepada mereka dia akan menerima saham ke atas rumah itu; tetapi jika dia tidak membayar apa pun kepada mereka dia tidak akan menerima sebarang saham ke atas rumah itu.

69 Dan jika sesiapa pun membayar saham kepada mereka ia adalah saham ke atas rumah itu, bagi dirinya, dan bagi generasi selepasnya, dari generasi ke generasi, selagi dia dan para pewarisnya akan memegang saham itu, dan tidak menjual atau memindahkan hak saham itu daripada tangan mereka menurut kehendak dan tindakan bebas mereka sendiri, jika kamu mahu melakukan kehendak-Ku, firman Tuhan Rajamu.

70 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, jika hamba-Ku George Miller, dan hamba-Ku Lyman Wight, dan hamba-Ku John Snider, dan hamba-Ku Peter Haws, menerima apa pun saham ke dalam tangan mereka, dengan wang, atau dengan harta dimana mereka menerima nilai wang yang sebenarnya, mereka tidak harus mengambil sebarang bahagian

dari saham itu untuk tujuan lain, hanya ke atas rumah itu.

71 Dan jika mereka mengambil sebarang bahagian dari saham itu ke mana-mana tempat lain, kecuali ke atas rumah itu, tanpa persetujuan pemegang saham, dan tidak membayar kembali empat kali ganda untuk saham yang mereka ambil ke mana-mana tempat lain itu, kecuali ke atas rumah itu, mereka akan dikutuk, dan akan dikeluarkan dari tempat mereka, firman Tuhan Raja; kerana Aku, Tuhan, ialah Tuhan, dan tidak dapat "dipermainkan dalam hal-hal ini.

72 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah hamba-Ku Joseph membayar saham kepada mereka untuk pembinaan rumah itu, seperti yang kelihatan baik baginya; tetapi hamba-Ku Joseph tidak boleh membayar saham lebih dari lima belas ribu dolar ke atas rumah itu, dan juga kurang dari lima puluh dolar; begitu juga dengan sesiapa pun, firman Tuhan.

73 Dan ada juga orang lain yang berniat untuk mengetahui kehendak-Ku tentang mereka, kerana mereka telah memintanya daripada tangan-Ku.

74 Oleh kerana itu, Aku berfirman kepadamu berkenaan hamba-Ku Vinson Knight, jika dia mahu melakukan kehendak-Ku biarlah dia melaburkan saham ke dalam rumah itu bagi dirinya, dan bagi generasi selepasnya, dari generasi ke generasi.

75 Dan biarlah dia mengangkat

suaranya dengan lama dan kuat, di tengah orang-orang itu, untuk "membela yang miskin dan yang memerlukan; dan janganlah biarkan dia lalai, tidak juga biarkan hatinya lemah; dan Aku akan ^bmenerima persembahannya, kerana bagi-Ku ia tidak akan menjadi seperti persembahan Kain, kerana dia akan menjadi milik-Ku, firman Tuhan.

76 Biarlah keluarganya bersukacita dan memalingkan hati mereka dari kesengsaraan; kerana Aku telah memilihnya dan menetapkannya, dan dia akan dihormati di antara keluarganya, kerana Aku akan mengampuni segala dosanya, firman Tuhan. Amin.

77 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah hamba-Ku Hyrum melaburkan saham ke dalam rumah itu seperti yang kelihatan baik baginya, bagi dirinya dan generasi selepasnya, dari generasi ke generasi.

78 Biarlah hamba-Ku Isaac Galland melaburkan saham ke dalam rumah itu; kerana Aku, Tuhan, mengasihinya untuk pekerjaan yang telah dia lakukan, dan akan mengampuni segala dosanya; oleh kerana itu, biarlah dia diingati untuk sebahagian hak miliknya ke atas rumah itu dari generasi ke generasi.

79 Biarlah hamba-Ku Isaac Galland ditetapkan di kalangan kamu, dan ditahbiskan oleh hamba-Ku William Marks, dan diberkati olehnya, untuk pergi

bersama hamba-Ku Hyrum untuk menyelesaikan pekerjaan yang akan hamba-Ku Joseph tunjukkan kepada mereka, dan mereka akan sangat diberkati.

80 Biarlah hamba-Ku William Marks membayar saham ke dalam rumah itu, seperti yang kelihatan baik baginya, bagi dirinya dan generasinya, dari generasi ke generasi.

81 Biarlah hamba-Ku Henry G. Sherwood membayar saham ke dalam rumah itu, seperti yang kelihatan baik baginya, bagi dirinya dan benih keturunan selepasnya, dari generasi ke generasi.

82 Biarlah hamba-Ku William Law membayar saham ke dalam rumah itu, bagi dirinya dan benih keturunan selepasnya, dari generasi ke generasi.

83 Jika dia mahu melakukan kehendak-Ku janganlah biarkan dia membawa keluarganya ke kawasan-kawasan sebelah timur, bahkan ke Kirtland; walaupun demikian, Aku, Tuhan, akan membangunkan Kirtland, tetapi Aku, Tuhan, telah menyediakan pencambukan untuk penduduknya.

84 Dan kepada hamba-Ku Almon Babbitt, ada banyak hal yang tidak Aku senangi; lihatlah, dia menginginkan untuk menegakkan pendapatnya daripada nasihat yang telah Aku tetapkan, bahkan juga dari Presidensi Gereja-Ku; dan dia mendirikan seekor anak lembu "emas untuk penyembahan umat-Ku.

85 Janganlah biarkan seorang pun "pergi dari tempat ini yang telah datang ke sini berusaha untuk mentaati perintah-perintah-Ku.

86 Jika mereka tinggal di sini biarlah mereka hidup bagi-Ku; dan jika mereka mati biarlah mereka mati bagi-Ku; kerana mereka akan "beristirahat dari segala kerja mereka di sini, dan akan meneruskan pekerjaan mereka.

87 Oleh kerana itu, biarlah hamba-Ku William meletakkan kepercayaannya kepada-Ku, dan berhenti untuk takut tentang keluarganya, disebabkan penyakit di negeri ini. Jika kamu "mengasihi-Ku, taatilah perintah-perintah-Ku; dan penyakit di negeri ini akan ^bberpaling pada kemuliaanmu.

88 Biarlah hamba-Ku William pergi dan memaklumkan Injil abadi-Ku dengan suara yang lantang, dan dengan kebahagiaan yang besar, sebagaimana dia akan diilhami oleh "Roh-Ku, kepada penduduk Warsaw, dan juga kepada penduduk Carthage, dan juga kepada penduduk Burlington, dan juga kepada penduduk Madison, dan menunggu dengan sabar dan dengan tekun untuk arahan yang lebih lanjut di persidangan umum-Ku, firman Tuhan.

89 Jika dia mahu melakukan kehendak-Ku biarlah dia sejak

dari sekarang mendengar nasihat hamba-Ku Joseph, dan dengan kemampuannya "membantu yang miskin, dan ^bmenerbitkan terjemahan baru dari firman-Ku yang kudus kepada penduduk bumi.

90 Dan jika dia mahu melakukan ini Aku akan "memberkatinya dengan berkat yang berlipat ganda, agar dia tidak akan ditinggalkan, tidak juga benih keturunannya ditemui ^bmengemis roti.

91 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah hamba-Ku William ditetapkan, ditahbiskan, dan disapukan minyak, sebagai penasihat kepada hamba-Ku Joseph, menggantikan tempat hamba-Ku Hyrum, agar hamba-Ku Hyrum boleh mengambil jawatan Imam dan "Bapa Bangsa, yang ditetapkan kepadanya oleh ayahnya, melalui berkat dan juga melalui hak;

92 Agar sejak dari sekarang dia akan memegang kunci-kunci berkat "bapa bangsa ke atas kepala seluruh umat-Ku,

93 Agar sesiapa pun yang dia berkati akan diberkati, dan sesiapa pun yang dia "kutuk akan dikutuk; agar apa pun yang akan dia ^bikat di atas bumi akan terikat di dalam syurga; dan apa pun yang akan dia lepaskan di atas bumi akan dilepaskan di dalam syurga.

85a Luk. 9:62.

86a Why. 14:13.
pts Beristirahat;
Firdaus.

87a Yoh. 14:15.
b A&P 121:8; 122:7.

88a pts Tuhan, Kesatuan
Ketuhanan—Tuhan
Roh Kudus.

89a A&P 78:3.

b IAITU Terjemahan
Joseph Smith dari
Alkitab.

90a pts Berkat, Diberkati,
Memberkati.

b Mzm. 37:25.

91a A&P 107:39-40.

pts Bapa Bangsa,

Kebapabangsaan.

92a pts Berkat Bapa
Bangsa.

93a A&P 132:45-47.

b Mat. 16:19.
pts Meterai,
Pemeteraian.

94 Dan sejak dari waktu ini Aku menetapkan kepadanya bahawa dia boleh menjadi nabi, dan ^apelihat, dan pewahyu bagi gereja-Ku, seperti juga hamba-Ku Joseph;

95 Agar dia juga boleh bertindak bersama-sama dengan hamba-Ku Joseph; dan bahawa dia akan menerima nasihat daripada hamba-Ku Joseph, yang akan menunjukkan kepadanya ^akunci-kunci yang dengannya dia boleh minta dan terima, dan dimahkotai dengan berkat, dan kemuliaan, dan kehormatan, dan imamat, dan kurniaan keimamatan yang sama, yang pernah sekali diberikan kepada dia iaitu hamba-Ku ^bOli-ver Cowdery;

96 Agar hamba-Ku Hyrum boleh memberikan kesaksian tentang apa yang akan Aku tunjukkan kepadanya, agar namanya boleh disimpan sebagai kenangan terhormat dari generasi ke generasi, selama-lamanya.

97 Biarlah hamba-Ku William Law juga menerima kunci-kunci yang melaluinya dia boleh meminta dan menerima berkat-berkat; biarlah dia menjadi ^arendah hati di hadapan-Ku, dan tanpa ^btipu daya, dan dia akan menerima Roh-Ku, bahkan ^cPenolong, yang akan menyatakan kepadanya kebenaran akan segala hal, dan akan memberikannya, pada jam yang tepat, apa yang akan dia katakan.

98 Dan ^atanda-tanda ini akan mengikutinya—dia akan ^bmenyembuhkan yang sakit, dia akan mengusir iblis, dan akan dibebaskan daripada mereka yang akan memberikan kepadanya racun yang membunuh;

99 Dan dia akan dituntun pada jalan di mana ular ^aberacun tidak dapat mematak tumitnya, dan dia akan mempunyai ^bdaya fikiran yang hebat bagaikan di atas sayap burung helang.

100 Dan sekiranya Aku menghendaki bahawa dia akan membangkitkan yang mati, janganlah dia menahan suaranya.

101 Oleh kerana itu, biarlah hamba-Ku William berseru dengan lantang dan tidak menahan diri, dengan kebahagiaan dan kesukacitaan, dan dengan hosana kepada Dia yang duduk di atas takhta selama-lamanya, firman Tuhan Rajamu.

102 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu, Aku memiliki sebuah misi yang disimpan untuk hamba-Ku William, dan hamba-Ku Hyrum, dan hanya untuk mereka sahaja; dan biarlah hamba-Ku Joseph tinggal di rumah, kerana dia diperlukan. Selebihnya akan Aku tunjukkan kepadamu selepas ini. Demikianlah. Amin.

103 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, jika hamba-Ku ^aSidney mahu melayani-Ku dan menjadi pena-

94a A&P 107:91-92.
pts Pelihat.

95a A&P 6:28.

b pts Oliver Cowdery.

97a pts Rendah Hati,

Kerendahan Hati.

b pts Tipu muslihat.

c pts Penolong.

98a Mrk. 16:17-18.

pts Kurniaan Roh.

b pts Sembuh,
Penyembuhan.

99a A&P 84:71-73.

b Kel. 19:4; Yes. 40:31.

103a pts Sidney Rigdon.

sihat bagi hamba-Ku Joseph, biarlah dia bangkit dan datang dan berdiri dalam jawatan panggilan-nya, dan merendahkan hatinya di hadapan-Ku.

104 Dan jika dia akan mempersembahkan kepada-Ku suatu persembahan yang dapat diterima, dan pengakuan, dan tetap tinggal bersama umat-Ku, lihatlah, Aku, Tuhan Rajamu, akan menyembuhkannya sehingga dia akan disembuhkan; dan dia akan mengangkat suaranya lagi di atas gunung-ganang, dan menjadi “jurucakap di hadapan muka-Ku.

105 Biarlah dia datang dan menempatkan keluarganya di kawasan sekitar tempat tinggal hamba-Ku Joseph.

106 Dan dalam semua perjalanannya biarlah dia mengangkat suaranya bagaikan dengan suara sangkakala, dan memperingatkan penduduk bumi untuk melarikan diri dari kemurkaan yang akan datang.

107 Biarlah dia membantu hamba-Ku Joseph, dan juga biarlah hamba-Ku William Law membantu hamba-Ku Joseph, dalam membuat sebuah “pernyataan rasmi kepada para raja di bumi, bahkan seperti yang telah Aku firmankan kepadamu sebelum ini.

108 Jika hamba-Ku Sidney mahu melakukan kehendak-Ku, janganlah biarkan dia memindahkan keluarganya ke kawasan-kawasan sebelah “timur, tetapi biarlah dia

menukar tempat tinggal mereka, bahkan seperti yang telah Aku firmankan.

109 Lihatlah, bukanlah kehendak-Ku bahawa dia harus berusaha untuk mencari keselamatan dan perlindungan dari kota yang telah Aku tetapkan bagimu, bahkan Kota “Nauvoo.

110 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahkan sekarang, jika dia akan mendengar suara-Ku, maka akan baiklah kepadanya. Demikianlah. Amin.

111 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah hamba-Ku Amos Davies membayar saham kepada mereka yang telah Aku tetapkan untuk membina sebuah rumah untuk tumpangan, bahkan Rumah Nauvoo.

112 Biarlah ini dilakukannya jika dia ingin mendapat sebahagian hak milik; dan biarlah dia mendengar nasihat hamba-Ku Joseph, dan bekerja dengan tangannya sendiri agar dia boleh mendapatkan kepercayaan orang lain.

113 Dan apabila dia akan membuktikan dirinya setia dalam segala hal yang akan dipercayakan pada pengurusannya, ya, bahkan beberapa hal, dia akan dijadikan “pemerintah ke atas banyak hal;

114 Biarlah dia oleh kerana itu “merendahkan dirinya agar dia boleh dipermuliakan. Demikianlah. Amin.

115 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, jika

104*a* Kel. 4:14–16;
2 Ne. 3:17–18;
A&P 100:9–11.

107*a* A&P 124:2–4.

108*a* A&P 124:82–83.

109*a* PTS Nauvoo, Illinois
(AS).

113*a* Mat. 25:14–30.

114*a* Mat. 23:12;
A&P 101:42.

hamba-Ku Robert D. Foster mahu mematuhi suara-Ku, biarlah dia membina sebuah rumah bagi hamba-Ku Joseph, menurut kontrak yang telah dia buat dengannya, kerana pintu akan dibukakan baginya dari masa ke semasa.

116 Dan biarlah dia bertaubat dari segala kebodohnya, dan mengenakan pada dirinya "kasih ihsan; dan berhenti melakukan kejahatan, dan mengengapikan segala percakapannya yang kasar;

117 Dan juga membayar saham kepada kuorum bagi Rumah Nauvoo, bagi dirinya dan bagi generasi selepasnya, dari generasi ke generasi.

118 Dan mendengar nasihat hamba-Ku Joseph, dan Hyrum, dan William Law, dan kepada yang berkuasa yang telah Aku panggil untuk meletakkan landasan Sion; dan maka akan baiklah kepadanya buat selama-lamanya. Demikianlah. Amin.

119 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, janganlah biarkan seseorang pun membayar saham kepada kuorum Rumah Nauvoo melainkan dia menjadi seorang yang percaya pada Kitab Mormon, dan wahyu-wahyu yang telah Aku berikan kepadamu, firman Tuhan Rajamu;

120 Kerana apa yang "lebih atau kurang daripada ini datang dari yang jahat, dan akan disertai

dengan kutukan dan bukannya berkat, firman Tuhan Rajamu. Demikianlah. Amin.

121 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah kuorum Rumah Nauvoo memperoleh suatu ganjaran upah yang adil untuk semua kerja mereka yang mereka lakukan dalam membina Rumah Nauvoo; dan biarlah upah mereka seperti yang akan diperseujui di antara mereka, berkaitan dengan harganya.

122 Dan biarlah setiap orang yang membayar saham menanggung sebahagian daripada upah mereka, jika perlu, untuk saraan mereka, firman Tuhan; jika tidak, kerja mereka akan dikira sebagai bayaran untuk saham ke atas rumah itu. Demikianlah. Amin.

123 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Aku sekarang memberi kepadamu "para pemimpin yang termasuk dalam Imam-Ku, agar kamu boleh memegang ^bkunci-kuncinya, bahkan Imam yang menurut tarekat kudus ^cMelkisedek, yang menurut tarekat kudus Putera Tunggal-Ku.

124 Pertama, Aku memberi kepadamu Hyrum Smith untuk menjadi seorang "bapa bangsa kepadamu, untuk memegang ^bpemeteraian berkat-berkat gereja-Ku, bahkan Roh Kudus ^cperjanjian, yang dengannya kamu ^ddimeteraikan pada hari penebusan, agar kamu

116a Kol. 3:14.
pts Kasih Ihsan.

120a Mat. 5:37;
A&P 98:7.

123a prs Jawatan, Pegawai.
b prs Kunci-kunci

Imamat.
c prs Imamat
Melkisedek.
124a prs Bapa Bangsa,
Kebapabangsaan.
b prs Meterai,

Pemeteraian.
c A&P 76:53; 88:3-4.
pts Roh Kudus
Perjanjian.
d Ef. 4:30.

tidak jatuh walau bagaimanapun “waktu godaan yang akan datang ke atas dirimu.

125 Aku memberi kepadamu hamba-Ku Joseph untuk menjadi penatua utama atas seluruh gereja-Ku, untuk menjadi penterjemah, pewahyu, “pelihat, dan nabi.

126 Aku memberi kepadanya sebagai para penasihat hamba-Ku Sidney Rigdon dan hamba-Ku William Law, agar orang-orang ini boleh membentuk sebuah kuorum dan Presidensi Utama, untuk menerima “wahyu bagi seluruh gereja.

127 Aku memberi kepadamu hamba-Ku “Brigham Young untuk menjadi presiden ke atas majlis Dua Belas yang melakukan perjalanan;

128 iaitu “Dua Belas yang memegang kunci-kunci untuk membuka wewenang kerajaan-Ku ke empat penjuru bumi, dan setelah itu untuk ^bmengutuskan firman-Ku kepada setiap makhluk.

129 Mereka ialah Heber C. Kimball, Parley P. Pratt, Orson Pratt, Orson Hyde, William Smith, John Taylor, John E. Page, Wilford Woodruff, Willard Richards, George A. Smith;

130 “David Patten telah Aku ^bambil bagi diri-Ku; lihatlah, tiada seorang pun mengambil imamatnya daripadanya; tetapi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, orang lain boleh ditetapkan pada panggilan yang sama itu.

131 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu, Aku memberi kepadamu sebuah “majlis tinggi, untuk batu penjuru Sion—

132 Iaitu, Samuel Bent, Henry G. Sherwood, George W. Harris, Charles C. Rich, Thomas Grover, Newel Knight, David Dort, Dunbar Wilson—Seymour Brunson telah Aku ambil bagi diri-Ku; tiada seorang pun mengambil imamatnya, tetapi orang lain boleh ditetapkan pada imamat yang sama sebagai penggantinya; dan sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, biarlah hamba-Ku Aaron Johnson ditahbiskan pada panggilan ini sebagai penggantinya—David Fullmer, Alpheus Cutler, William Huntington.

133 Dan lagi, Aku memberi kepadamu Don C. Smith untuk menjadi presiden ke atas kuorum imam tinggi;

134 Yang mana tatacara itu diadakan untuk tujuan melayakkan mereka yang akan ditetapkan sebagai presiden tetap atau hamba ke atas “pancang-pancang yang berlainan di merata tempat di luar daerah;

135 Dan mereka juga boleh melakukan perjalanan jika mereka pilih, tetapi sebaliknya ditahbiskan sebagai presiden tetap; inilah panggilan jawatan mereka, firman Tuhan Rajamu.

136 Aku memberikan kepadanya Amasa Lyman dan Noah Packard sebagai penasihat, agar mereka

124e Why. 3:10.

125a A&P 21:1.
pts Pelihat.

126a A&P 90:4-5.

127a PTS Brigham Young.

128a PTS Rasul.

b Mrk. 16:15.

130a PTS David W. Patten.

b A&P 124:19.

131a PTS Majlis Tinggi.

134a PTS Pancang.

boleh mengetahui kuorum imam tinggi gereja-Ku, firman Tuhan.

137 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu, Aku memberi kepadamu John A. Hicks, Samuel Williams, dan Jesse Baker, yang mana imamatnya adalah untuk mengetahui kuorum "penatua, yang mana kuorum itu dibentuk untuk para pelayan rohani tetap; walaupun demikian mereka boleh melakukan perjalanan, namun mereka ditahbiskan untuk menjadi pelayan rohani tetap bagi gereja-Ku, firman Tuhan.

138 Dan lagi, Aku memberi kepadamu Joseph Young, Josiah Butterfield, Daniel Miles, Henry Herriman, Zera Pulsipher, Levi Hancock, James Foster, untuk mengetahui kuorum "tujuh puluh;

139 Yang mana kuorum itu dibentuk bagi para penatua yang melakukan perjalanan untuk memberikan kesaksian tentang nama-Ku di seluruh dunia, ke mana pun majlis tinggi yang melakukan perjalanan, para rasul-Ku, akan mengutus mereka untuk menyediakan sebuah jalan di hadapan muka-Ku.

140 Perbezaan di antara kuorum ini dan kuorum penatua adalah yang satu mesti melakukan perjalanan secara berterusan, dan yang lain mengetahui jemaah gereja dari masa ke semasa; yang satu memiliki tanggungjawab mengetahui dari masa ke semasa, dan yang satu lagi

tiada tanggung jawab mengetahui, firman Tuhan Rajamu.

141 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu, Aku memberi kepadamu Vinson Knight, Samuel H. Smith, dan Shadrach Roundy, jika dia mahu menerimanya, untuk mengetahui "lembaga uskup; suatu pengetahuan tentang lembaga uskup tersebut diberikan kepadamu dalam kitab ^bAjaran dan Perjanjian.

142 Dan lagi, Aku berfirman kepadamu, Samuel Rolfe dan penasihatnya untuk imam, dan presiden pengajar dan penasihatnya, dan juga presiden diaken dan penasihatnya, dan juga presiden pancang dan penasihatnya.

143 Jawatan-jawatan di atas telah Aku berikan kepadamu, dan kunci-kuncinya, untuk pertolongan dan untuk pengurusan, untuk pekerjaan pelayan dan "penyempurnaan para orang suci-Ku.

144 Dan sebuah perintah Aku berikan kepadamu, bahawa kamu harus mengisi semua jawatan ini dan "meluluskan nama-nama yang telah Aku sebutkan itu, atau tolaklah kelulusan mereka di persidangan umum-Ku;

145 Dan kamu harus menyediakan ruang untuk semua jawatan ini di dalam rumah-Ku semasa kamu membinanya demi nama-Ku, firman Tuhan Rajamu. Demikianlah. Amin.

137 *a* A&P 107:11-12, 89-90.
pts Kuorum;
Penatua.

138 *a* pts Tujuh Puluh.

141 *a* A&P 68:14; 107:15.
b pts Ajaran dan
Perjanjian.

143 *a* Ef. 4:11-14.

144 *a* A&P 26:2.
pts Persetujuan
Bersama.

BAHAGIAN 125

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Nauvoo, Illinois, Mac 1841, tentang para Orang Suci di Iowa.

1–4, *Para Orang Suci harus membina kota dan berkumpul ke pancang-pancang Sion.*

APAKAH kehendak Tuhan tentang para orang suci di Wilayah Iowa?

2 Sesungguhnya, demikianlah firman Tuhan, Aku berfirman kepadamu, jika mereka yang ^amemanggil diri mereka dengan nama-Ku dan sedang berusaha untuk menjadi para orang suci-Ku, jika mereka mahu melakukan kehendak-Ku dan mentaati perintah-perintah-Ku mengenai mereka, biarlah mereka berkumpul bersama ke tempat-tempat yang akan Aku tetapkan bagi mereka melalui hamba-Ku Joseph,

dan membina kota-kota demi nama-Ku, agar mereka boleh disediakan untuk apa yang tersimpan pada masa yang akan datang.

3 Biarlah mereka membina sebuah kota demi nama-Ku di atas tanah yang berhadapan dengan Kota Nauvoo, dan biarlah nama ^aZarahemla dinamakan ke atasnya.

4 Dan biarlah mereka semua yang datang dari timur, dan barat, dan utara, dan selatan, yang memiliki hasrat untuk tinggal di dalamnya, mengambil warisan mereka di tempat yang sama itu, serta di Kota ^aNashville, atau di Kota Nauvoo, dan di semua ^bpasak yang telah Aku tetapkan, firman Tuhan.

BAHAGIAN 126

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di dalam rumah Brigham Young, di Nauvoo, Illinois, 9 Julai 1841. Pada waktu ini Brigham Young adalah Presiden Kuorum Dua Belas Rasul.

1–3, *Brigham Young dipuji kerana kerja-kerjanya dan dilepaskan dari perjalanan ke luar negeri pada masa depan.*

SAUDARA yang tersayang dan dikasihi, ^aBrigham Young, sesungguhnya demikianlah firman Tuhan kepadamu: Hamba-Ku Brigham,

tidak lagi diperlukan daripada tanganmu untuk meninggalkan keluargamu seperti pada waktu-waktu yang lalu, kerana persembahanmu diterima bagi-Ku.

2 Aku telah melihat ^akerja dan pembantingan tulangmu dalam perjalanan demi nama-Ku.

3 Aku oleh kerana itu memem-

125 2a PTS Yesus Kristus—
Mengambil nama
Yesus Kristus ke
atas diri kita.

3a PTS Zarahemla.
4a IAITU Nashville, Lee
County, Iowa.
b PTS Pancang.

126 1a PTS Brigham Young.
2a PTS Pekerjaan-
pekerjaan.

rintahkanmu untuk mengirimi-
kan firman-Ku ke luar negeri,
dan menguruskan ^akeluargamu

dengan baik sejak dari waktu ini,
sekarang dan selamanya. Amin.

BAHAGIAN 127

Sepucuk surat daripada Nabi Joseph Smith kepada para Orang Suci Zaman Akhir di Nauvoo, Illinois, mengandungi panduan tentang pembaptisan bagi orang mati, bertarikh di Nauvoo, 1 September 1842.

1-4, Joseph Smith bersukacita di dalam penganiayaan dan kesengsaraan; 5-12, Catatan-catatan mesti disimpan berkaitan dengan pembaptisan bagi orang mati.

DISEBABKAN Tuhan telah mewahyukan kepadaku bahawa musuh-musuhku, baik di Missouri mahupun di Negeri ini, telah kembali lagi untuk memburuku; dan sejauh mereka memburuku tanpa ^asebab, dan tidak mempunyai sedikit pun bayangan atau warna keadilan atau kebenaran di pihak mereka dalam pendakwaan mereka terhadapku; dan sejauh mana tuduhan mereka semua berlandaskan pada pembbohongan dari pewarna yang paling hitam, aku telah memikirkan bahawa adalah arif dan bijaksana bagi diriku untuk meninggalkan tempat itu untuk suatu tempoh masa yang singkat, demi keselamatanku sendiri dan keselamatan umat ini. Aku akan mengatakan kepada mereka semua yang mempunyai urusan niaga denganku, bahawa

aku telah meninggalkan urusan-urusanku bersama para wakil dan kerani yang akan berurusan untuk semua urusan niaga dengan suatu cara yang cepat dan tepat, dan akan memastikan bahawa semua hutangku dilangsaikan tepat pada waktunya, dengan menjual harta benda, atau sebaliknya, sebagaimana situasi mungkin memerlukan, atau sebagaimana keadaan mungkin mengizinkan. Apabila aku mendapati bahawa ribut ini telah reda sepenuhnya, pada waktu itu aku akan kembali kepadamu lagi.

2 Dan mengenai ^abahaya yang telah aku dipanggil untuk lalui, ianya kelihatan seperti suatu hal yang kecil bagiku, kerana ^brasa iri hati dan kemarahan manusia telah menjadi keadaan yang lazim sepanjang hidupku; dan apakah tujuannya kelihatan begitu misteri, melainkan aku telah ^cditahbiskan sebelum pengasasan dunia untuk tujuan baik, atau buruk, terpulung pada pilihan kamu untuk menggelarkannya. Kamu

3a PTS Keluarga.
127 1a Ayb. 2:3;
Mat. 5:10-12;

1 Ptr. 2:20-23.
2a Mzm. 23.
PTS Aniaya,

Penganiayaan.
b PTS Iri hati.
c PTS Pra-pentahbisan.

pertimbangkanlah sendiri. Tuhan mengetahui semua hal ini, sama ada ia baik atau buruk. Tetapi walaupun demikian, air yang dalam adalah kebiasaan bagiku untuk berenang di dalamnya. Itu semua telah menjadi suatu kebiasaan kedua bagiku; dan aku berasa, seperti Paulus, untuk bersukacita di dalam "kesengsaraan; kerana sehingga ke hari ini Tuhan para nenek moyangku telah membebaskanku dari semuanya, dan akan membebaskanku dari sekarang; kerana lihatlah, dan tengoklah, aku akan menang mengatasi semua musuhku, kerana Tuhan Raja telah memfirmankannya.

3 Biarlah semua orang suci bersukacita, oleh kerana itu, dan menjadi amat gembira; kerana "Tuhan Israel ialah Tuhan mereka, dan Dia akan melaksanakan suatu ganjaran yang adil ke atas kepala semua penindas mereka.

4 Dan lagi, sesungguhnya demikianlah firman Tuhan: Biarlah pekerjaan "bait suci-Ku, dan semua pekerjaan yang telah Aku tetapkan kepadamu, diteruskan dan jangan berhenti; dan biarlah ^bketekunanmu, dan kegigihanmu, dan kesabaran, dan pekerjaanmu dilipatgandakan, dan kamu walau bagaimanapun tidak akan kehilangan pahalamu, firman Tuhan Semesta Alam. Dan jika mereka

"menganiayamu, demikian juga mereka menganiaya para nabi dan orang-orang soleh yang ada sebelum kamu. Untuk semuanya ini terdapatnya suatu ganjaran di dalam syurga.

5 Dan lagi, aku berkata kepadamu berkaitan dengan "pembaptisan bagi orang ^bmatimu.

6 Sesungguhnya, demikianlah firman Tuhan kepadamu mengenai orang matimu: Apabila sesiapa pun daripada kamu "dibaptiskan bagi orang matimu, biarlah ada seorang ^bjurucatat, dan biarlah dia menjadi saksi mata bagi pembaptisanmu; biarlah dia mendengar dengan telinganya, agar dia boleh bersaksi akan kebenaran, firman Tuhan;

7 Agar dalam semua catat-anmu itu boleh "dicatat di dalam syurga; apa pun yang kamu ^bikat di atas bumi, boleh diikat di dalam syurga; apa pun yang kamu lepaskan di atas bumi, boleh dilepaskan di dalam syurga;

8 Kerana Aku akan mula "memulihkan banyak hal ke bumi, berkaitan dengan ^bkeimamatan, firman Tuhan Semesta Alam.

9 Dan lagi, biarlah semua "catatan disimpan dengan teratur, agar ianya boleh disimpan di dalam arkib bait suci-Ku, untuk disimpan sebagai peringatan dari generasi ke generasi, firman Tuhan Semesta Alam.

2d 2 Kor. 6:4-5.
pts Kesusahan.

3a 3 Ne. 11:12-14.

4a A&P 124:55.

b pts Ketekunan.

c pts Aniaya,
Penganiayaan.

5a pts Pembaptisan,

Membaptis—
Pembaptisan untuk
orang mati.

b pts Keselamatan bagi
Orang Mati.

6a 1 Kor. 15:29;
A&P 128:13, 18.

b A&P 128:2-4, 7.

7a pts Kitab Kehidupan.

b pts Meterai,
Pemeteraian.

8a pts Pemulihan Injil.

b pts Imamat
Melkisedek.

9a A&P 128:24.

10 Aku akan mengatakan kepada semua orang suci, bahawa aku menginginkan, dengan keinginan yang sangat besar, untuk menyampaikan kepada mereka dari mimbar perihal tentang pembaptisan bagi orang mati, pada Sabat yang berikutnya. Tetapi sejauh ia berada di luar kuasaku untuk melakukannya, aku akan menuliskan firman Tuhan dari semasa ke semasa, tentang perihal itu, dan mengirimkannya kepadamu melalui pos, begitu juga dengan banyak hal yang lain.

11 Aku sekarang menamatkan

suratku buat masa ini, kerana kekurangan waktu; kerana musuh sudah bersiap sedia, dan seperti yang Juruselamat firmankan, “putera dunia ini datang, tetapi dia tidak memiliki apa pun ke atas diriku.

12 Lihatlah, doaku kepada Tuhan adalah agar kamu semua boleh diselamatkan. Dan aku menandatangani diriku sendiri pada surat ini sebagai hambamu di dalam Tuhan, nabi dan “pelihat Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.

JOSEPH SMITH.

BAHAGIAN 128

Sepucuk surat daripada Nabi Joseph Smith kepada Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, mengandungi arahan yang lebih lanjut tentang pembaptisan bagi orang mati, bertarikh di Nauvoo, Illinois, 6 September 1842.

1–5, Para jurucatat tempatan dan umum mesti mengesahkan fakta pembaptisan bagi orang mati; 6–9, Catatan mereka berkuatkuasa dan dicatatkan di atas bumi dan di dalam syurga; 10–14, Kolam pembaptisan adalah suatu persamaan dengan kubur; 15–17, Elia memulihkan kuasa yang berkaitan dengan pembaptisan bagi orang mati; 18–21, Semua kunci, kuasa, dan wewenang pada zaman-zaman keagamaan yang lalu telah dipulihkan; 22–25, Kabar gembira dan mulia dimaklumkan bagi yang hidup dan yang mati.

SEPERTI yang aku nyatakan kepadamu dalam suratku sebelum aku meninggalkan tempatku, bahawa aku akan menulis kepadamu dari semasa ke semasa dan memberimu maklumat berkaitan dengan banyak subjek, aku sekarang menyambung semula subjek tentang “pembaptisan bagi orang mati, kerana subjek itu nampaknya menguasai fikiranku, dan sangat kuat mempengaruhi perasaanku, sejak aku diburu oleh musuh-musuhku.

2 Aku menuliskan beberapa

11a Yoh. 14:30;
TJS Yoh. 14:30
(Lampiran).
pts Iblis.

12a A&P 124:125.
PTS Pelihat.
128 1a PTS Pembaptisan,
Membaptis—

Pembaptisan untuk
orang mati.

patah perkataan wahyu kepadamu tentang seorang jurucatat. Aku telah mendapatkan beberapa pandangan tambahan berkaitan dengan hal ini, yang aku sahkan sekarang. Iaitu, dimaklumkan dalam suratku yang terdahulu bahawa haruslah ada seorang "pencatat, yang akan menjadi saksi mata, dan juga untuk mendengar dengan telinganya, agar dia boleh membuat sebuah catatan kebenaran di hadapan Tuhan.

3 Sekarang, berkaitan dengan hal ini, ia akan menjadi sangat sukar bagi seorang jurucatat untuk hadir sepanjang waktu, dan untuk melakukan semua urusan. Untuk mengelakkan kesukaran ini, seorang jurucatat boleh ditetapkan di setiap bahagian di kota, yang berkelayakan baik untuk membuat minit mesyuarat yang tepat; dan biarlah dia sangat terperinci dan tepat dalam menuliskan seluruh tindakan, mengesahkan dalam catatannya bahawa dia melihat dengan matanya, dan mendengar dengan telinganya, memberikan tarikh, dan nama, dan seterusnya, dan sejarah seluruh tindakan; menyebutkan juga tiga individu yang hadir, jika ada sesiapa yang hadir, yang boleh pada bila-bila masa pun apabila dipanggil, mengesahkan hal yang sama, agar melalui mulut dua atau tiga "orang saksi setiap perkataan boleh ditekankan.

4 Kemudian, biarlah adanya seorang jurucatat umum, kepadanya

catatan-catatan yang lain ini dapat diserahkan, disertai sijil-sijil dengan tandatangan mereka sendiri, mengesahkan bahawa catatan yang telah mereka buat adalah benar. Kemudian jurucatat umum gereja boleh memasukkan catatan ini ke dalam buku umum gereja, bersama sijil dan semua saksi yang hadir, bersama pernyataannya sendiri bahawa dia sesungguhnya percaya pernyataan dan catatan di atas adalah benar, dari pengetahuannya tentang perwatakan umum dan penetapan orang-orang tersebut oleh gereja. Dan apabila ini dilakukan pada buku umum gereja, catatan ini juga adalah kudus, dan akan mengesahkan tatacara itu sama seperti dia telah melihat dengan matanya dan mendengar dengan telinganya, dan membuat sebuah catatan tentang yang sama pada buku umum gereja.

5 Kamu boleh memikirkan aturan bagi hal-hal ini sangatlah teliti; tetapi biarlah aku memberitahu kamu bahawa ia adalah hanya untuk menggenapi kehendak Tuhan, dengan mematuhi tatacara dan persediaan yang Tuhan telah tetapkan dan sediakan sebelum pengasasan dunia, demi "keselamatan orang mati yang akan mati tanpa sebarang ^bpengetahuan tentang Injil.

6 Dan selanjutnya, aku ingin kamu ingat bahawa Yohanes Pewahyu pernah merenungkan subjek yang sama ini berkaitan

dengan orang mati, semasa dia memaklumkan, seperti yang kamu akan temui tercatat di dalam Wahyu 20:12—*Aku nampak orang yang sudah mati, baik orang besar mahupun orang biasa, semuanya berdiri di hadapan takhta itu. Lalu kitab-kitab pun dibuka. Dan sebuah kitab lain juga dibuka, iaitu Kitab Orang Hidup; Orang yang sudah mati dihakimi menurut perbuatan mereka seperti yang tertulis di dalam kitab-kitab itu.*

7 Kamu akan mendapati dalam petikan ini bahawa kitab-kitab dibuka; dan sebuah kitab yang lain dibuka, yang merupakan ^akitab kehidupan; tetapi orang mati dihakimi dari hal-hal yang tertulis dalam kitab-kitab itu, menurut pekerjaan mereka; sebagai akibatnya, kitab-kitab yang disebutkan mestilah kitab-kitab yang mengandungi catatan pekerjaan mereka, dan merujuk pada ^bcatatan-catatan yang disimpan di atas bumi. Dan kitab yang merupakan kitab kehidupan adalah catatan yang disimpan di dalam syurga; iaitu asas yang dengan tepat selaras dengan ajaran yang diperintahkan kepadamu dalam wahyu yang terkandung di dalam surat yang aku tulis kepadamu sebelum berangkat meninggalkan tempatku—agar dalam semua catatanmu itu dapat dicatatkan di dalam syurga.

8 Sekarang, sifat tatacara ini terdapat dalam ^akuasa imam,

melalui wahyu daripada Yesus Kristus, dimana ianya dikabulkan bahawa apa pun yang kamu ^bikat di atas bumi akan terikat di dalam syurga, dan apa pun yang kamu lepaskan di atas bumi akan dilepaskan di dalam syurga. Atau, dengan perkataan lain, mengambil suatu pandangan berbeza tentang terjemahan itu, apa pun yang kamu catat di atas bumi akan tercatat di dalam syurga, dan apa pun yang kamu tidak catatkan di atas bumi tidak akan tercatat di dalam syurga; kerana dari kitab-kitab itu orang-orangmu yang telah mati akan dihakimi, menurut pekerjaan mereka sendiri, sekiranya mereka sendiri telah melaksanakan ^ctatacara-tatacara secara peribadi, atau melalui wakil mereka sendiri, menurut tatacara yang Tuhan sediakan demi ^dkeselamatan mereka sejak sebelum pengasasan dunia, menurut catatan yang telah mereka simpan mengenai orang-orang mereka yang telah mati.

9 Ianya boleh dilihat bagi sege-lintir orang sebagai suatu ajaran berani yang kita bincangkan—suatu kuasa yang mencatat atau mengikat di atas bumi dan mengikat di dalam syurga. Walaupun demikian, dalam semua zaman dunia, apabila Tuhan telah memberikan ^azaman keagamaan imamat kepada mana-mana lelaki pun melalui wahyu yang benar, atau mana-mana kumpulan lelaki pun,

7a Why. 20:12;
A&P 127:6-7.
pts Kitab Kehidupan.
b A&P 21:1.
8a pts Imamat;

Kuasa.
b pts Meterai,
Pemeteraian.
c pts Tatacara-tatacara.
d pts Keselamatan bagi

Orang Mati.
9a pts Zaman
Keagamaan.

kuasa ini sentiasa diberikan. Oleh sebab itu, apa pun yang orang-orang itu lakukan dalam ^bwewenang, dalam nama Tuhan, dan melakukannya dengan benar dan beriman, dan menyimpan sebuah catatan yang tepat dan pasti tentangnya itu, ia menjadi suatu hukum di atas bumi dan di dalam syurga, dan tidak dapat dibatalkan, menurut ketetapan ^cYehova yang agung. Ini adalah perkataan yang pasti. Siapakah yang dapat mendengarnya?

10 Dan lagi, sebagai contohnya, Matius 16:18, 19: *Dan Aku pun berkata kepadamu: Engkau adalah Petrus dan di atas batu ini Aku akan mendirikan jemaah-Ku dan alam maut tidak akan menguasainya. Kepadamu akan Kuberikan kunci Kerajaan Syurga. Apa yang kau ikat di dunia ini akan terikat di syurga dan apa yang kau lepaskan di dunia ini akan terlepas di syurga.*

11 Sekarang rahsia yang besar dan utama tentang seluruh hal ini, dan untuk yang paling baik bagi keseluruhan subjek yang berada di hadapan kita, terkandung dalam mendapatkan kuasa Imamat Kudus. Bagi dia yang telah diberikan ^akunci-kunci ini kepadanya tidak sukar untuk mendapatkan pengetahuan tentang fakta yang berkaitan dengan ^bkeselamatan anak-anak manusia, baik bagi yang mati mahupun yang hidup.

12 Di dalam inilah adanya

^akemuliaan dan ^bkehormatan, dan ^ckebaqaan dan kehidupan abadi—Tatacara pembaptisan dengan air, ^ddicelupkan ke dalamnya supaya menyerupai lambang kematian, agar satu asas dapat dikaitkan dengan asas yang lain; dicelupkan ke dalam air dan keluar dari air menyerupai lambang kebangkitan orang mati apabila keluar dari kubur mereka; oleh sebab itu, tatacara ini dimulakan untuk membentuk suatu hubung kait dengan tatacara pembaptisan bagi yang mati, yang menyerupai lambang kematian.

13 Sebagai akibatnya, kolam ^apembaptisan diperkenalkan sebagai suatu ^bpersamaan dengan kubur, dan diperintahkan untuk berada di bawah suatu tempat di mana yang hidup biasanya berkumpul, untuk memperlihatkan yang hidup dan yang mati, dan agar semua hal boleh mempunyai lambangnya, dan agar mereka boleh saling berkaitan—hal yang adalah duniawi menuruti hal yang adalah syurgawi, sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Paulus, 1 Korintus 15:46, 47, dan 48:

14 Walau bagaimanapun yang mula-mula datang bukanlah yang rohaniah, tetapi yang alamiah; kemudian barulah datang yang rohaniah. Manusia pertama berasal dari debu tanah dan bersifat jasmani, manusia kedua berasal dari syurga. Makhluk-makhluk alamiah sama dengan dia

9b pts Wewenang.

c pts Yehovah.

11a pts Kunci-kunci Imamat.

b pts Keselamatan.

12a pts Kemuliaan.

b pts Hormat.

c pts Baqa, Kebaqaan.

d pts Pembaptisan, Membaptis—

Pembaptisan dengan pencelupan.

13a A&P 124:29.

b pts Perlambangan.

yang berasal dari debu tanah dan makhluk-makhluk syurgawi sama dengan Dia yang berasal dari syurga.

Dan sebagaimana adanya catatan di atas bumi berkaitan dengan orang-orang mu yang telah mati, yang telah dibuat dengan benar, begitu jugalah dengan catatan di dalam syurga. Ini, dengan itu, adalah kuasa "pemeriksaan dan pengikatan, dan, dalam satu makna kata, ^bkunci-kunci kerajaan, yang terdapat dalam kunci "pengetahuan.

15 Dan sekarang, saudara dan saudariku yang dikasihi, biarlah aku meyakinkan kamu bahawa ini adalah asas-asas yang berkaitan dengan yang mati dan yang hidup yang tidak boleh dianggap remeh, yang berkaitan dengan keselamatan kita. Kerana "keselamatan mereka adalah perlu dan penting demi keselamatan kita, sebagaimana yang dikatakan Paulus mengenai nenek moyang—bahawa mereka tanpa kita tidak dapat dijadikan ^bsempurna—begitu juga kita tanpa orang-orang kita yang telah mati tidak dapat dijadikan sempurna.

16 Dan sekarang, berkaitan dengan pembaptisan bagi yang telah mati, aku akan memberimu satu lagi petikan yang lain dari Paulus, 1 Korintus 15:29: *Jika tidak demikian, apakah faedahnya perbuatan orang-orang yang dibaptis bagi orang mati? Kalau orang mati sama*

sekali tidak dibangkitkan, mengapa mereka mahu dibaptis bagi orang-orang yang telah meninggal?

17 Dan lagi, berkaitan dengan petikan ini aku akan memberimu sebuah petikan dari salah seorang nabi, yang telah menumpukan matanya pada "pemulihan imam, kemuliaan yang akan didedahkan pada zaman akhir, dan dengan suatu cara istimewa subjek yang paling mulia dari semua subjek yang termasuk dalam Injil abadi ini, iaitu, pembaptisan bagi yang mati; kerana Maleakhi berkata, bab terakhir, ayat ke-5 dan ke-6: *Sesungguhnya Aku akan mengutuskan nabi ^bElia kepadamu menjelang datangnya hari Tuhan yang besar dan mengerikan itu. Maka ia akan membuat hati bapa-bapa berbalik kepada anak-anaknya dan hati anak-anak kepada bapa-bapanya supaya jangan Aku datang memukul bumi sehingga musnah.*

18 Aku boleh memberikan suatu terjemahan yang "lebih jelas tentang ini, tetapi ianya sudah cukup jelas untuk disesuaikan dengan tujuanku seperti sedia adanya. Adalah memadai untuk mengetahui, dalam hal ini, bahawa bumi akan dihentam dengan kutukan kecuali terdapatnya suatu ^bikatan yang kuat atau yang lain di antara para bapa dan anak, pada suatu subjek atau yang lain—dan lihatlah apakah subjek itu? Ia adalah

14a pts Meterai, Pemeteraian.
b pts Kunci-kunci Imamat.
c tjs Luk. 11:53 (Lampiran).

15a pts Keselamatan bagi Orang Mati.
b lbr. 11:40.
pts Sempurna.
17a pts Pemulihan Injil.
b 3 Ne. 25:5-6;

A&P 2; 110:13-16.
pts Elia.
18a JS—S 1:36-39.
b pts Salasilah;
Tatacara-tatacara—
Tatacara perwakilan.

‘pembaptisan bagi yang mati. Kerana kita tanpa mereka tidak dapat dijadikan sempurna; begitu juga dengan mereka tanpa kita tidak dapat dijadikan sempurna. Tidak juga mereka atau kita dapat dijadikan sempurna tanpa mereka yang telah mati dalam Injil juga; kerana ia adalah perlu dalam mendatangkan kegenapan ^dzaman, yang mana zaman itu sekarang sudah mula datang, bahawa suatu kesatuan yang menyeluruh dan lengkap dan sempurna, dan gabungan zaman-zaman keagamaan, dan kunci, dan kuasa, dan kemuliaan akan terjadi, dan didedahkan dari zaman Adam bahkan sehingga sekarang. Dan bukan sahaja ini, tetapi hal-hal yang tidak pernah didedahkan sejak ^epengasasan dunia, tetapi yang telah disembunyikan daripada yang bijak dan pandai, akan didedahkan kepada ^fbayi dan anak yang menyusu pada waktu ini, kegenapan zaman.

19 Sekarang, apakah yang telah kita dengar dalam Injil yang telah kita terima? Suatu suara kegembiraan! Suara belas kasihan dari syurga; dan suara ^akebenaran dari bumi; khabar gembira bagi yang mati; suara kegembiraan bagi yang hidup dan yang mati;

^bkhabar gembira tentang kebahagiaan besar. Betapa indahnya di atas gunung-ganang ^ckaki mereka yang membawa khabar gembira tentang yang baik, dan yang berkata kepada Sion: Lihatlah, Tuhanmu berkuasa! Bagaikan ^dembun di Karmel, demikianlah pengetahuan tentang Tuhan akan turun ke atas diri mereka!

20 Dan lagi, apa yang kita dengar? Khabar gembira dari ^aKumora! ^bMoroni, seorang malaikat dari syurga, memaklumkan penggenapan para nabi—^ckitab yang akan didedahkan. Suara Tuhan di padang belantara ^dFayette, Seneca County, memaklumkan tiga saksi untuk ^ememberikan kesaksian tentang kitab itu! Suara ^fMikhael di tepi Sungai Susquehanna, mengenali iblis semasa dia menampakkan diri sebagai malaikat ^gcahaya! Suara ^hPetrus, Yakobus, dan Yohanes di padang belantara di antara Harmony, Susquehanna County, dan Colesville, Broome County, di Sungai Susquehanna, memaklumkan diri mereka sebagai orang yang memiliki ⁱkunci-kunci kerajaan, dan kegenapan zaman!

21 Dan lagi, suara Tuhan di dalam bilik ^aBapa Whitmer yang tua, di Fayette, Seneca County, dan

18c A&P 124:28–30;
127:6–7.

d prs Zaman
Keagamaan.

e A&P 35:18.

f Mat. 11:25; Luk. 10:21;
Alma 32:23.

19a Mzm. 85:10–11.

b Luk. 2:10.

c Yes. 52:7–10;

Mosia 15:13–18;
3 Ne. 20:40.

d Ul. 32:2; A&P 121:45.

20a JS—S 1:51–52.

prs Bukit Kumora.

b prs Moroni, Anak
lelaki Mormon.

c Yes. 29:4, 11–14;

2 Ne. 27:6–29.

prs Kitab Mormon.

d prs Fayette, New York
(AS).

e A&P 17:1–3.

f A&P 27:11.

prs Adam.

g 2 Kor. 11:14.

h A&P 27:12.

i prs Kunci-kunci
Imamat.

21a IAITU Peter Whitmer Sr.

pada pelbagai waktu, dan di pelbagai tempat melalui segala perjalanan dan kesengsaraan Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir ini! Dan suara Mikhael, malaikat agung; suara ^bGabriel, dan ^cRafael, dan pelbagai ^dmalaikat, dari Mikhael atau ^eAdam hingga ke waktu sekarang, semua memaklumkan ^fzaman keagamaan mereka, hak-hak mereka, kunci-kunci mereka, kehormatan mereka, keagungan dan kemuliaan mereka, dan kuasa imamat mereka; memberikan baris demi baris, ^gajaran demi ajaran; di sini sedikit, dan di sana sedikit; memberikan kita ketenangan dengan memaklumkan apa yang akan datang, mengukuhkan ^hharapan kita!

22 Para saudara, adakah kita tidak akan meneruskan dalam tujuan yang sedemikian besar? Majulah dan janganlah mundur. Beranilah, saudara-saudara; dan maju, majulah menuju kemenangan! Biarlah hatimu bersukacita, dan menjadi amat gembira. Biarlah bumi bersorak-sorai dalam ^anyanyian. Biarlah yang mati menyuarakan lagu pujian kekal kepada Raja ^bImanuel, yang telah menetapkan, sebelum adanya dunia, apa yang akan membolehkan kita untuk ^cmenebus mereka keluar dari ^dtahanan mereka;

kerana para tahanan akan pergi bebas.

23 Biarlah ^agunung-ganang bersorak kerana bahagia, dan kamu semua lembah berseru nyaring; dan kamu semua lautan dan tanah kering memberitahukan keajaiban Raja Kekalmu! Dan kamu sungai, dan sungai kecil, dan anak sungai, mengalir turun dengan kegembiraan. Biarlah hutan dan semua pokok di ladang memuji Tuhan; dan kamu ^bbatu yang keras menangis kerana gembira! Dan biarlah matahari, bulan, dan bintang-bintang ^cfajar bernyanyi bersama, dan biarlah semua anak Tuhan bersorak kerana bahagia! Dan biarlah ciptaan kekal memaklumkan nama-Nya selama-lamanya! Dan lagi aku berkata, betapa mulianya suara yang kita dengar dari syurga, memaklumkan dalam telinga kita, kemuliaan, dan keselamatan, dan kehormatan, dan ^dkebaqaan, dan ^ekehidupan kekal; kerajaan, pemerintahan, dan kuasa!

24 Lihatlah, ^ahari Tuhan yang besar di depan mata; dan siapakah yang dapat ^bberada pada hari kedatangan-Nya, dan siapakah yang dapat bertahan semasa Dia menunjukkan diri? Kerana Dia bagaikan api ^cpenyempurna, dan bagaikan sabun tukang cuci; dan Dia akan duduk sebagai seorang

21 *b* pts Gabriel.

c pts Rafael.

d pts Malaikat-malaikat.

e A&P 107:53-56.

f pts Zaman Keagamaan.

g Yes. 28:10.

h pts Harapan.

22 *a* Yes. 49:13.

b Yes. 7:14;

Alma 5:50.

pts Imanuel.

c pts Tebus, Ditebus, Penebusan.

d Yes. 24:22;

A&P 76:72-74.

23 *a* Yes. 44:23.

b Luk. 19:40.

c Ayb. 38:7.

d pts Baqa, Kebaqaan.

e pts Kehidupan Abadi.

24 *a* pts Kedatangan Kedua Yesus Kristus.

b Mal. 3:1-3.

c 3 Ne. 24:2-3.

pts Bumi—
Pembersihan bumi.

^dpenyempurna dan penyuci perak, dan Dia akan memurnikan anak-anak lelaki ^eLewi, dan memurnikan mereka bagaikan emas dan perak, agar mereka boleh mempersembahkan kepada Tuhan suatu ^fpersembahan dalam kesolehan. Marilah kita, oleh kerana itu, sebagai sebuah gereja dan suatu umat, dan sebagai para Orang Suci Zaman Akhir, mempersembahkan bagi Tuhan suatu persembahan dalam kesolehan; dan marilah kita mempersembahkan di dalam bait suci-Nya

yang kudus, apabila ianya selesai, sebuah kitab yang mengandungi ^gcatatan tentang orang-orang kita yang sudah mati, yang akan layak untuk semua penerimaan.

25 Para saudara, aku memiliki banyak hal untuk dikatakan kepadamu tentang subjek ini; tetapi sekarang akan berhenti buat masa ini, dan menyambung subjek ini pada masa lain. Aku ialah, sentiasa, hambamu yang rendah hati dan teman yang tidak pernah menyimpang,

JOSEPH SMITH.

BAHAGIAN 129

Panduan-panduan yang diberikan oleh Nabi Joseph Smith, di Nauvoo, Illinois, 9 Februari 1843, mendedahkan tiga kunci utama yang melaluinya ciri-ciri sebenar bagi pelayanan malaikat dan roh dapat dibezakan.

1–3, *Adanya tubuh yang dibangkitkan dan tubuh roh di dalam syurga;*
4–9, *Kunci-kunci diberikan yang dengannya para utusan dari sebalik tirai boleh dikenalpasti.*

ADA dua jenis makhluk di dalam “syurga, iaitu: ^bMalaikat, yang merupakan makhluk yang telah ^cdibangkitkan, memiliki tubuh dari daging dan tulang—

2 Misalnya, Yesus berfirman: *Peganglah Aku dan lihatlah, kerana roh tidak memiliki ^adaging dan tulang, seperti kamu lihat Aku miliki.*

3 Kedua: “roh-roh manusia ^bsoleh

yang dijadikan sempurna, mereka yang tidak dibangkitkan, tetapi mewarisi kemuliaan yang sama.

4 Apabila seorang utusan datang mengatakan dia mempunyai sebuah pesanan daripada Tuhan, tawarkanlah tanganmu kepadanya dan mintalah dia untuk berjabat tangan denganmu.

5 Jika dia adalah seorang malaikat dia akan melakukan demikian, dan kamu akan merasakan tangannya.

6 Jika dia adalah roh manusia soleh yang dijadikan sempurna dia akan datang dalam kemuliaannya;

24d Za. 13:9.

e Ul. 10:8;

A&P 13; 124:39.

f A&P 84:31.

pts Persembahan.

g A&P 127:9.

pts Salasilah.

129 1a pts Syurga.

b pts Malaikat-malaikat.

c pts Kebangkitan.

2a Luk. 24:39.

3a pts Roh.

b lbr. 12:23;

A&P 76:69.

kerana itulah satu-satunya cara dia dapat menunjukkan diri—

7 Mintalah dia untuk berjabat tangan denganmu, tetapi dia tidak akan bergerak, kerana itu adalah bertentangan dengan aturan syurga bagi manusia soleh untuk memperdaya; tetapi dia masih akan menyampaikan pesannya.

8 Jika ia merupakan “iblis sebagai

malaikat cahaya, apabila kamu meminta dia untuk berjabat tangan dia akan menawarkan kepadamu tangannya, dan kamu tidak akan merasakan apa pun; dengan itu kamu dapat mengenalnya.

9 Inilah tiga kunci utama yang dengannya kamu boleh mengetahui apa-apa pun pelayanan daripada Tuhan.

BAHAGIAN 130

Butir-butir panduan yang diberikan oleh Nabi Joseph Smith, di Ramus, Illinois, 2 April 1843.

1–3, *Bapa dan Putera boleh muncul secara peribadi kepada manusia; 4–7, Para malaikat tinggal di dalam suatu lingkungan selestial; 8–9, Bumi selestial akan menjadi sebuah Urim dan Tumim yang besar; 10–11, Seketul batu putih diberikan kepada semua yang memasuki dunia selestial; 12–17, Waktu Kedatangan Kedua disembunyikan daripada Nabi; 18–19, Kecerdasan yang diperoleh dalam kehidupan ini bangkit bersama kita dalam Kebangkitan; 20–21, Semua berkat datang melalui kepatuhan pada hukum; 22–23, Bapa dan Putera memiliki tubuh daging dan tulang.*

APABILA Juruselamat akan “muncul kita akan melihat-Nya seperti Dia seadanya. Kita akan melihat

bahawa Dia ialah seorang ^bmanusia seperti diri kita sendiri.

2 Dan pergaulan yang sama itu yang wujud di antara kita di sini akan wujud di antara kita di sana, cuma ia akan digandingkan dengan “kemuliaan abadi, yang mana kemuliaan itu tidak kita nikmati sekarang.

3 Yohanes 14:23—Kemunculan “Bapa dan ^bPutera, dalam ayat itu, adalah suatu ^ckemunculan peribadi; dan pendapat bahawa Bapa dan Putera ^dberdiam di dalam hati manusia adalah suatu tanggapan mazhab-mazhab agama yang lama, dan adalah salah.

4 Sebagai jawapan terhadap soalan—Bukankah pengiraan “waktu Tuhan, waktu malaikat, waktu nabi, dan waktu manusia,

8a 2 Kor. 11:14; 2 Ne. 9:9.
130 1a 1 Yoh. 3:2;
Moro. 7:48.
pts Kedatangan
Kedua Yesus Kristus.
b Luk. 24:36–40.
2a pts Kemuliaan

Selestial.
3a pts Tuhan, Kesatuan
Ketuhanan—Tuhan
Bapa.
b pts Tuhan, Kesatuan
Ketuhanan—Tuhan
Putera Bapa.

c A&P 93:1.
d A&P 130:22.
pts Tuhan, Kesatuan
Ketuhanan.
4a 2 Ptr. 3:8; Abr. 3:4–10;
lihat juga Abr.,
Salinan 2, Gambar 1.

menurut planet di mana mereka tinggal?

5 Aku menjawab, Ya. Tetapi tidak ada "malaikat yang melayani bumi ini melainkan mereka yang tergolong atau telah tergolong padanya.

6 Para malaikat tidak tinggal di atas sebuah planet seperti bumi ini;

7 Tetapi mereka tinggal dalam hadirat Tuhan, di atas sebuah bola dunia bagaikan "laut kaca dan "api, di mana segala sesuatu bagi kemuliaan mereka dinyatakan, masa lalu, masa sekarang, dan masa depan, dan berterusan di hadapan Tuhan.

8 Tempat di mana Tuhan tinggal adalah sebuah "Urim dan Tumim yang besar.

9 "Bumi ini, dalam keadaannya yang dikuduskan dan baqa, akan dijadikan seperti kristal dan akan menjadi sebuah Urim dan Tumim bagi para penduduk yang tinggal di atasnya, yang dengannya segala sesuatu yang berkaitan dengan kerajaan yang rendah, atau semua kerajaan berkedudukan lebih rendah, akan dinyatakan kepada mereka yang tinggal di atasnya; dan bumi ini akan menjadi milik Kristus.

10 Pada waktu itu batu putih yang disebutkan dalam Wahyu 2:17, akan menjadi sebuah Urim dan Tumim bagi setiap individu yang menerimanya, yang dengannya hal-hal yang berkaitan dengan

kerajaan-kerajaan yang berkedudukan lebih tinggi akan diberitahukan;

11 Dan sebuah "batu putih diberikan kepada setiap mereka yang datang ke dalam kerajaan selestial, yang mana di atasnya suatu "nama baru tertulis, yang tidak seorang pun tahu kecuali dia yang menerimanya. Nama baru itu adalah kata kunci.

12 Aku bernubuat, dalam nama Tuhan Raja, bahawa permulaan "masalah yang akan menyebabkan banyak pertumpahan darah sebelum kedatangan Putera Manusia akan terjadi di "South Carolina.

13 Ianya berkemungkinan timbul disebabkan isu perhambaan. Suatu suara telah memaklumkan kepadaku, semasa aku sedang berdoa dengan sungguh-sungguh tentang hal ini, 25 Disember 1832.

14 Pada suatu masa itu Aku sedang berdoa dengan sangat bersungguh-sungguh untuk mengetahui waktu "kedatangan Putera Manusia, apabila aku mendengar sebuah suara mengulangi yang berikut:

15 Joseph, anak-Ku, jika engkau hidup sehingga engkau berumur lapan puluh lima tahun, engkau akan melihat muka Putera Manusia; oleh kerana itu biarlah ini mencukupi, dan janganlah menyusahkan-Ku lagi tentang hal ini.

16 Aku ditinggalkan sedemikian

5a pts Malaikat-malaikat.
7a Why. 4:6; 15:2.
b Yes. 33:14.
8a pts Urim dan Tumim.
9a A&P 77:1.

pts Bumi—Tahap terakhir bumi.
11a Why. 2:17.
b Yes. 62:2.
12a A&P 38:29; 45:63.

b A&P 87:1-5.
14a pts Kedatangan Kedua Yesus Kristus.

rupa, tanpa mampu untuk memusnahkan sama ada kedatangan ini merujuk pada permulaan kerajaan seribu tahun atau kemunculan-nya sebelum itu, atau adakah aku harus mati dan dengan demikian melihat muka-Nya.

17 Aku percaya kedatangan Putera Manusia tidak akan lebih cepat daripada waktu itu.

18 Apa pun asas ^akecerdasan yang kita capai dalam kehidupan ini, akan bangkit bersama kita dalam ^bkebangkitan.

19 Dan jika seseorang memperoleh lebih banyak ^apengetahuan dan kecerdasan dalam kehidupan ini melalui ^bketekunan dan ^ckepatuhannya berbanding yang lain, dia akan memperoleh begitu banyak ^akelebihan di dunia yang akan datang.

20 Terdapat sebuah ^ahukum,

yang tidak dapat dibatalkan telah ditetapkan di syurga ^bsebelum pengasasan dunia ini, yang mana di atasnya semua ^cberkat dilandaskan—

21 Dan apabila kita menerima apa pun berkat daripada Tuhan, itu adalah kerana kepatuhan pada hukum itu yang mana di atasnya ia dilandaskan.

22 ^aBapa memiliki ^btubuh daging dan tulang senyata manusia; Putera juga; tetapi ^cRoh Kudus tidak memiliki tubuh daging dan tulang, tetapi merupakan lembaga Roh. Jika tidak sedemikian, Roh Kudus tidak dapat berdiam di dalam diri kita.

23 Seorang manusia boleh menerima ^aRoh Kudus, dan ia boleh turun ke atas dirinya dan tidak tinggal bersamanya.

BAHAGIAN 131

Petunjuk oleh Nabi Joseph Smith, diberikan di Ramus, Illinois, 16 dan 17 Mei 1843.

1-4, Perkahwinan selestial penting untuk permuliaan di dalam syurga yang paling tinggi; 5-6, Bagaimana manusia dimeteraikan pada kehidupan kekal dijelaskan; 7-8, Semua roh adalah jirim.

Di dalam kemuliaan ^aselestial ada tiga syurga atau tingkat;

2 Dan untuk mendapatkan yang ^apaling tinggi, seseorang itu mesti masuk ke dalam tarekat keimamatan ini [bermaksud perjanjian

18a pts Kecerdasan.

b pts Kebangkitan.

19a pts Pengetahuan.

b pts Ketekunan.

c pts Patuh, Kepatuhan, Mematuhi.

d Alma 12:9-11.

20a A&P 82:10.

b pts Kehidupan

Pra-fana.

c Ul. 11:26-28;

A&P 132:5.

pts Berkat, Diberkati, Memberkati.

22a pts Tuhan, Kesatuan Ketuhanan.

b Kis. 17:29.

c pts Roh Kudus.

23a pts Kurnia Roh Kudus.

131 1a A&P 76:70.

pts Kemuliaan Selestial.

2a A&P 132:5-21.

pts Permuliaan.

perkahwinan yang ^bbaru dan kekal];

3 Dan jika dia tidak melakukannya, dia tidak boleh mendapatkannya.

4 Dia boleh masuk ke dalam yang lain, tetapi itu adalah kerajaannya yang muktamad; dia tidak dapat memperoleh ^apeningkatan.

5 (17 Mei 1843.) Firman ^anubuat yang lebih pasti bermaksud seseorang yang mengetahui bahawa dia ^bdimeteraikan pada ^ckehidupan kekal, melalui wahyu dan

roh nubuat, melalui kuasa Imamat Kudus.

6 Adalah mustahil bagi seseorang itu untuk ^adiselamatkan dalam ^bkejahilan.

7 Tiada suatu benda pun yang bukan jirim. Semua ^aroh adalah jirim, tetapi lebih halus atau suci, dan hanya dapat dilihat melalui mata yang ^blebih suci;

8 Kita tidak dapat melihatnya; tetapi apabila tubuh kita disucikan kita akan melihat bahawa keseluruhannya adalah jirim.

BAHAGIAN 132

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Nauvoo, Illinois, dicatatkan pada 12 Julai 1843, berkaitan dengan perjanjian yang baru dan abadi, termasuk keabadian perjanjian perkahwinan dan asas beristeri banyak. Walaupun wahyu ini dicatat pada tahun 1843, bukti menunjukkan bahawa beberapa asas-asas terlibat dalam wahyu ini diketahui oleh Nabi seawal 1831. Lihat Pengisytiharan Rasmi 1.

1–6, *Permuliaan diperoleh melalui perjanjian yang baru dan kekal; 7–14, Tema dan syarat-syarat perjanjian itu dinyatakan; 15–20, Perkahwinan selestial dan kelanjutan unit keluarga membolehkan manusia untuk menjadi tuhan; 21–25, Jalan yang kecil dan sempit menuntun pada kehidupan kekal; 26–27, Hukum diberikan berkaitan dengan penistaan terhadap Roh Kudus; 28–39, Janji-janji peningkatan abadi dan permuliaan dibuat kepada para nabi*

dan Orang Suci dalam semua zaman; 40–47, Joseph Smith diberikan kuasa untuk mengikat dan memeteraikan di atas bumi dan di dalam syurga; 48–50, Tuhan memeteraikan permuliaan kepadanya; 51–57, Emma Smith dinasihati untuk setia dan benar; 58–66, Hukum-hukum yang mengatur beristeri banyak dinyatakan.

SESUNGGUHNYA, demikianlah firman Tuhan kepadamu hamba-Ku

2b pts Berkahwin, Perkahwinan—Perjanjian perkahwinan yang baru dan kekal.
4a A&P 132:16–17.

5a 2 Ptr. 1:19.
pts Panggilan dan Pemilihan.
b A&P 68:12; 88:4.
pts Meterai, Pemeteraian.

c pts Kehidupan Abadi.
6a pts Keselamatan.
b A&P 107:99–100.
7a pts Roh.
b A&P 76:12; 97:16;
Musa 1:11.

Joseph, bahawa kerana kamu telah menanyakan dari tangan-Ku untuk mengetahui dan memahami dimana Aku, Tuhan, membenarkan hamba-Ku Abraham, Ishak, dan Yakub, seperti juga Musa, Daud dan Salomo, para hamba-Ku, yang menyentuh asas dan ajaran tentang mereka yang memiliki banyak "isteri dan gundik—

2 Lihatlah, dan tengoklah, Aku ialah Tuhan Rajamu, dan akan menjawab kepadamu yang menyentuh tentang hal ini.

3 Oleh kerana itu, "sediakanlah hatimu untuk menerima dan mematuhi arahan yang Aku akan berikan kepadamu; kerana kepada mereka semua yang diwahyukan hukum ini mestilah mematuhi hukum yang sama itu.

4 Kerana lihatlah, Aku mewahyukan kepadamu sebuah "perjanjian yang baru dan kekal; dan jika kamu tidak menuruti perjanjian itu, maka kamu ^bdilaknat; kerana tiada seorang pun yang dapat ^cmenolak perjanjian ini dan diizinkan untuk masuk ke dalam kemuliaan-Ku.

5 Kerana semua yang ingin untuk memperoleh ^aberkat daripada tangan-Ku harus menuruti ^bhukum yang ditetapkan bagi berkat itu, dan syarat-syaratnya, yang

telah ditegakkan sejak sebelum pengasasan dunia.

6 Dan berkaitan dengan "perjanjian yang baru dan abadi, ia telah ditegakkan demi kegenapan ^bkemuliaan-Ku; dan dia yang menerima kegenapannya mesti dan harus menuruti hukum itu, atau dia akan dilaknat, firman Tuhan Raja.

7 Dan sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa "syarat-syarat hukum ini adalah seperti ini: Semua perjanjian, kontrak, ikatan, kewajipan, ^bsumpah, ikrar, pelaksanaan, hubungan, persatuan, atau jangkakan, yang tidak dibuat dan dimasuki dan ^cdimeteraikan oleh ^dRoh Kudus perjanjian, oleh dia yang telah ditetapkan, baik untuk waktu ini mahupun untuk seluruh keabadian, dan juga yang paling kudus, melalui ^ewahyu dan perintah melalui pengantara yang telah Aku sapukan minyak, yang telah Aku tetapkan di atas bumi untuk memegang kuasa ini (dan Aku telah menetapkan hamba-Ku Joseph untuk memegang kuasa ini pada zaman akhir, dan tidak pernah ada selain satu orang di atas bumi pada suatu masa kepadanya kuasa ini dan ^fkunci-kunci imamat ini dianugerahkan), adalah tanpa kesan, kebaikan, atau kuasa

132 1a A&P 132:34, 37-39.
 pts Berkahwin,
 Perkahwinan—
 Perkahwinan jamak.
 3a A&P 29:8; 58:6; 78:7.
 4a pts Perjanjian.
 b pts Laknat.
 c A&P 131:1-4.
 5a A&P 130:20-21.

b pts Hukum.
 6a A&P 66:2.
 pts Perjanjian yang
 Baru dan Kekal.
 b A&P 76:70, 92-96.
 pts Kemuliaan
 Selestial.
 7a A&P 88:38-39.
 b pts Sumpah.

c pts Meterai,
 Pemeteraian.
 d pts Roh Kudus
 Perjanjian.
 e pts Wahyu.
 f pts Kunci-kunci
 Imamat.

semasa dan selepas kebangkitan dari yang mati; kerana semua kontrak yang tidak dibuat untuk tujuan ini akan berakhir apabila manusia mati.

8 Lihatlah, rumah-Ku adalah rumah ketertiban, firman Tuhan Raja, dan bukannya rumah kekeliruan.

9 Adakah Aku akan menerima suatu "persembahan, firman Tuhan, yang tidak dibuat dalam nama-Ku?

10 Atau adakah Aku akan menerima daripada tanganmu apa yang tidak Aku "tetapkan?

11 Dan adakah Aku akan menetapkan kepadamu, firman Tuhan, melainkan ianya melalui hukum, bahkan seperti yang Aku dan Bapa-Ku "tahbiskan kepadamu, sebelum wujudnya dunia?

12 Aku ialah Tuhan Rajamu; dan Aku memberi kepadamu perintah ini—bahawa tiada seorang pun akan "datang kepada Bapa melainkan melalui-Ku atau melalui firman-Ku, yang merupakan hukum-Ku, firman Tuhan.

13 Dan setiap perkara yang ada di dunia ini, sama ada ianya ditetapkan oleh manusia, melalui takhta, atau pemerintahan, atau kuasa, atau hal-hal yang terkenal, walau apa pun ia, yang bukan melalui-Ku atau melalui firman-Ku, firman Tuhan, akan dijatuhkan, dan "tidak akan kekal selepas manusia mati, tidak juga

semasa atau selepas kebangkitan, firman Tuhan Rajamu.

14 Kerana apa pun yang tinggal adalah melalui-Ku; dan apa pun yang tidak melalui-Ku akan digoncang dan dihancurkan.

15 Oleh kerana itu, jika seorang lelaki "mengahwini baginya seorang isteri di dunia, dan lelaki itu mengahwini wanita itu bukan melalui-Ku tidak juga melalui firman-Ku, dan lelaki itu membuat perjanjian dengan wanita itu selagi lelaki itu berada di dunia dan wanita itu bersama lelaki itu, perjanjian dan pernikahan mereka tidaklah berkuasa apabila mereka mati, dan apabila mereka berada di luar dunia; oleh kerana itu, mereka tidak terikat dengan apa-apa hukum pun apabila mereka berada di luar dunia.

16 Oleh kerana itu, apabila mereka berada di luar dunia mereka tidak juga berkahwin atau "dikahwinkan; tetapi ditetapkan sebagai ^bmalaikat-malaikat di dalam syurga, yang mana para malaikat itu adalah hamba yang melayani, untuk melayani bagi mereka yang layak akan kemuliaan yang jauh lebih besar dan yang luar biasa, dan yang abadi.

17 Kerana para malaikat ini tidak menuruti hukum-Ku; oleh kerana itu, mereka tidak dapat berketurunan, tetapi kekal terpisah dan sendirian, tanpa permuliaan, dalam keadaan mereka yang

9a Moro. 7:5-6.

prs Korban.

10a Im. 22:20-25;

Musa 5:19-23.

11a A&P 132:5.

12a Yoh. 14:6.

13a 3 Ne. 27:10-11.

15a prs Berkahwin,
Perkahwinan.

16a Mat. 22:23-33;

Mrk. 12:18-25;

Luk. 20:27-36.

b prs Malaikat-malaikat.

diselamatkan, sepanjang seluru-
 ruh keabadian; dan sejak dari itu
 bukanlah para tuhan, tetapi para
 malaikat Tuhan selama-lamanya.

18 Dan lagi, sesungguhnya Aku
 berfirman kepadamu, jika seorang
 lelaki mengahwini seorang isteri,
 dan membuat sebuah perjanjian
 dengan wanita itu untuk waktu ini
 dan untuk seluruh keabadian, jika
 perjanjian itu bukan melalui-Ku
 atau melalui firman-Ku, yang
 merupakan hukum-Ku, dan tidak
 dimeteraikan oleh Roh Kudus
 perjanjian, melalui dia yang telah
 Aku sapukan minyak dan tetapkan
 pada kuasa ini, maka ianya tidak-
 lah sah dan juga berkuasa apa-
 bila mereka berada di luar dunia,
 kerana mereka tidak disatukan
 oleh-Ku, firman Tuhan, tidak juga
 melalui firman-Ku; apabila mereka
 berada di luar dunia ia tidak dapat
 diterima di sana, kerana para
 malaikat dan para tuhan ditetap-
 kan di sana, mereka tidak dapat
 melepasi mereka; mereka tidak
 dapat, oleh kerana itu, mewarisi
 kemuliaan-Ku; kerana rumah-Ku
 adalah rumah ketertiban, firman
 Tuhan Raja.

19 Dan lagi, sesungguhnya
 Aku berfirman kepadamu, jika
 seorang lelaki mengahwini seor-
 ang isteri melalui firman-Ku,
 yang merupakan hukum-Ku, dan
 melalui ^aperjanjian yang baru
 dan kekal, dan ianya ^bdimete-
 raikan bagi mereka melalui Roh

Kudus ^cperjanjian, melalui dia
 yang disapukan minyak, kepada-
 nya telah Aku tetapkan kuasa ini
 dan ^dkunci-kunci imamat ini; dan
 akan dikatakan kepada mereka—
 Kamu akan tampil dalam kebang-
 kitan pertama; dan jika ianya
 selepas kebangkitan pertama,
 dalam kebangkitan berikutnya;
 dan akan mewarisi ^etakhta, kera-
 jaan, pemerintahan, dan kuasa,
 kekuasaan, segala ketinggian dan
 kedalaman—dan akan dituliskan
 dalam ^fKitab Kehidupan Anak
 Domba, bahawa dia tidak akan
 melakukan pembunuhan yang
 menumpahkan darah yang tidak
 berdosa, dan jika kamu tinggal
 dalam perjanjian-Ku, dan tidak
 melakukan pembunuhan yang
 menumpahkan darah yang tidak
 berdosa, ianya akan terjadi kepada
 mereka dalam semua hal apa pun
 yang hamba-Ku telah letakkan ke
 atas diri mereka, dalam waktu ini,
 dan seluruh keabadian; dan akan
 berkuasa penuh apabila mereka
 berada di luar dunia; dan mereka
 akan melepasi para malaikat, dan
 para tuhan, yang ditempatkan di
 sana, ke ^gpermuliaan dan kemu-
 liaan mereka dalam segala hal,
 seperti yang telah dimeteraikan
 ke atas kepala mereka, yang mana
 kemuliaannya akan menjadi kege-
 napan dan penerusan benih ketu-
 runan selama-lamanya.

20 Pada waktu itu mereka akan
 menjadi tuhan, kerana mereka

19a pts Berkahwin,
 Perkahwinan—
 Perjanjian
 perkahwinan yang
 baru dan kekal.

b pts Meterai,
 Pemeteraian.
 c A&P 76:52–53; 88:3–4.
 d pts Kunci-kunci
 Imamat.

e Kel. 19:5–6;
 Why. 5:10; 20:6;
 A&P 76:56; 78:15, 18.
 f pts Kitab Kehidupan.
 g pts Permuliaan.

tidak mempunyai akhir; oleh kerana itu mereka akan berada dari kekekalan ke kekekalan, kerana mereka berterusan; pada waktu itu mereka akan melebihi segalanya, kerana segalanya tunduk kepada mereka. Pada waktu itu mereka akan menjadi ^aTuhan, kerana mereka memiliki ^bsegala kuasa, dan para malaikat tunduk kepada mereka.

21 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, melainkan kamu menuruti ^ahukum-Ku kamu tidak dapat mencapai kemuliaan ini.

22 Kerana ^akecilah pintu gerbang, dan sempitlah ^bjalan yang menuntun pada permuliaan dan penerusan ^ckehidupan, dan hanya sedikit sahaja yang menemukannya, kerana kamu tidak menerima-Ku di dunia tidak juga kamu mengenal-Ku.

23 Tetapi jika kamu menerima-Ku di dunia, maka kamu akan mengenal-Ku, dan akan menerima permuliaanmu; sehingga ^adi mana Aku berada kamu akan berada juga.

24 Inilah ^akehidupan kekal—untuk mengenali satu-satunya Tuhan yang bijak dan benar, dan Yesus Kristus, yang telah Dia

^butuskan. Akulah Dia. Terimalah kamu, oleh kerana itu, hukum-Ku.

25 ^aLebarlah pintu gerbang, dan luaslah jalan yang menuntun pada ^bkematian; dan banyak yang pergi ke dalam tempat itu, kerana mereka tidak ^cmenerima-Ku, tidak juga mereka menuruti hukum-Ku.

26 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, jika seorang lelaki mengahwini seorang isteri menurut firman-Ku, dan mereka dimeteraikan melalui ^aRoh Kudus perjanjian, menurut penetapan-Ku, dan lelaki atau wanita itu akan melakukan dosa atau apa pun pelanggaran terhadap perjanjian yang baru dan kekal, dan segala macam penistaan, dan jika mereka tidak ^bmelakukan pembunuhan dimana mereka menumpahkan darah yang tidak berdosa, mereka masih akan tampil dalam kebangkitan pertama, dan masuk ke dalam permuliaan mereka; tetapi mereka akan dihancurkan dalam daging, dan akan ^cdiserahkan pada seksaan ^aSetan sehinggalah hari penebusan, firman Tuhan Raja.

27 ^aPenistaan terhadap Roh Kudus, yang ^btidak akan diampuni di dunia dan juga di luar dunia, adalah dimana kamu melakukan pembunuhan yang mana kamu

20a Mat. 25:21;
A&P 29:12–13; 132:37.
prs Lelaki, Para
Lelaki—Potensi manusia
untuk menjadi
seperti Bapa Syurgawi.
b A&P 50:26–29;
76:94–95; 84:35–39.

21a prs Hukum.

22a Luk. 13:24;
2 Ne. 33:9;
Hel. 3:29–30.

b Mat. 7:13–14, 23;
2 Ne. 9:41; 31:17–21.
c A&P 132:30–31.

23a Yoh. 14:2–3.

24a Yoh. 17:3.
prs Kehidupan Abadi.
b Yoh. 3:16–17; A&P 49:5.

25a Mat. 7:13–14;
3 Ne. 14:13–15.

b prs Kematian Rohani.
c Yoh. 5:43.

26a prs Roh Kudus

Perjanjian.

b Alma 39:5–6.

c A&P 82:21; 104:9–10.

d prs Iblis.

27a prs Dosa yang Tidak
Dapat Diampuni;
Menista, Nista.

b Mat. 12:31–32;
lbr. 6:4–6;
A&P 76:31–35.
prs Para Putera
Keterkutukan.

telah menumpahkan darah yang tidak berdosa, dan menyetujui kematian-Ku, setelah kamu menerima perjanjian-Ku yang baru dan kekal, firman Tuhan Raja; dan dia yang tidak menuruti hukum ini tidak sekali-kali dapat masuk ke dalam kemuliaan-Ku, tetapi akan ‘dilaknat, firman Tuhan.

28 Aku ialah Tuhan Rajamu, dan akan memberi kepadamu hukum Imamat Kudus-Ku, sebagaimana ditahbiskan oleh-Ku dan Bapa-Ku sebelum wujudnya dunia.

29 “Abraham menerima segalanya, apa pun yang telah diterimanya, melalui wahyu dan perintah, melalui firman-Ku, firman Tuhan, dan telah masuk ke dalam permuliaannya dan duduk di atas takhtanya.

30 Abraham menerima “janji-janji berkenaan benih keturunannya, dan buah auratnya—daripada ^bauratnya adalah kamu wujud, iaitu, hamba-Ku Joseph—yang akan berterusan selagi mereka berada di dunia; dan menyentuh tentang Abraham dan benih keturunannya, mereka akan berterusan di luar dunia ini; baik di dunia mahupun di luar dunia mereka akan berterusan tidak terkira banyaknya bagaikan ‘bintang-bintang; atau, seperti jika kamu mengira pasir di tepi laut kamu tidak dapat mengiranya.

31 Janji ini adalah milikmu juga, kerana kamu adalah dari “Abraham, dan janji yang telah dibuat kepada Abraham; dan melalui hukum inilah pekerjaan Bapa-Ku berterusan, yang mana di dalamnya Dia memuliakan diri-Nya.

32 Pergilah kamu, oleh kerana itu, dan lakukanlah “pekerjaan Abraham; masuklah kamu ke dalam hukum-Ku dan kamu akan diselamatkan.

33 Tetapi jika kamu tidak masuk ke dalam hukum-Ku kamu tidak dapat menerima janji Bapa-Ku, yang telah Dia buat kepada Abraham.

34 Tuhan “memerintahkannya Abraham, dan ^bSara memberikan ‘Hagar kepada Abraham sebagai isteri. Dan mengapa dia melakukannya? Kerana inilah hukumnya; dan dari Hagar lahirlah banyak orang. Dan ini, oleh kerana itu, menggenapi, di samping hal-hal lain, janji-janji tersebut.

35 Adakah Abraham, oleh kerana itu, berada di bawah penghukuman? Sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, Tidak; kerana Aku, Tuhan, “memerintahkannya.

36 Abraham “diperintahkan untuk mempersembahkan anak lelakinya ^bIshak; walaupun demikian, ianya tertulis: Janganlah engkau ‘membunuh. Abraham, meskipun demikian, tidak

27 *c* pts Laknat.

29 *a* pts Abraham.

30 *a* Kej. 12:1–3; 13:16.

pts Abraham—Benih keturunan Abraham; Perjanjian Abraham.

b 2 Ne. 3:6–16.

c Kej. 15:5; 22:17.

31 *a* A&P 86:8–11; 110:12.

32 *a* Yoh. 8:39;

Alma 5:22–24.

34 *a* Kej. 16:1–3.

b pts Sara.

c Kej. 25:12–18.

pts Hagar.

35 *a* Yakub 2:24–30.

36 *a* Kej. 22:2–12.

b pts Ishak.

c Kel. 20:13.

menolak, dan ia dianggap olehnya sebagai ^akebenaran.

37 Abraham menerima ^agundik-gundik, dan mereka telah melahirkan anak baginya; dan ianya dianggap sebagai kebenaran kepadanya, kerana mereka diberikan kepadanya, dan dia menurut hukum-Ku; seperti juga Ishak dan ^bYakub yang tidak melakukan apa pun yang lain selain dari apa yang telah diperintahkan kepada mereka; dan kerana mereka tidak melakukan apa pun yang lain selain dari apa yang telah diperintahkan kepada mereka, mereka telah masuk ke dalam ^cpermuliaan mereka, menurut janji-janji tersebut, dan duduk di atas takhta, dan bukanlah para malaikat tetapi adalah para Tuhan.

38 ^aDaud juga menerima ^bbanyak isteri dan gundik, dan juga Salomo dan Musa para hamba-Ku, seperti juga ramai para hamba-Ku yang lain, sejak dari awal penciptaan sehingga waktu ini; dan tidak mereka berdosa dalam apa pun kecuali di dalam hal-hal yang mereka tidak terima daripada-Ku.

39 Para isteri dan gundik Daud ^adiberikan kepadanya oleh-Ku, melalui tangan Natan, hamba-Ku, dan daripada para nabi yang lain yang memiliki ^bkunci-kunci kuasa

ini; dan dia tidak berdosa apa pun terhadap-Ku dalam hal-hal ini kecuali di dalam hal ^cUria dan isterinya; dan, oleh kerana itu dia telah jatuh dari permuliaannya, dan menerima bahagiannya; dan dia tidak akan mewarisi mereka di luar dunia, kerana Aku ^amemberikan mereka kepada yang lain, firman Tuhan.

40 Aku ialah Tuhan Rajamu, dan Aku memberi kepadamu, hamba-Ku Joseph, suatu penetapan, dan ^amemulihkan segala hal. Mintalah apa yang kamu kehendaki, dan akan diberikan kepadamu menurut firman-Ku.

41 Dan kerana kamu telah bertanya mengenai perzinaan, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, jika seorang lelaki menerima seorang isteri dalam perjanjian yang baru dan kekal, dan jika dia berada bersama lelaki lain, dan Aku belum tetapkan kepadanya melalui penetapan kudus, dia telah berbuat zina dan akan dihancurkan.

42 Jika dia tidak berada dalam perjanjian yang baru dan kekal, dan dia berada bersama lelaki lain, dia telah ^aberbuat zina.

43 Dan jika suaminya bersama wanita lain, dan dia di dalam suatu ^aikrar, dia telah melanggar

36d Yakub 4:5.

pts Soleh, Kesolehan.

37a IAITU isteri-isteri lain.

Kej. 25:5-6.

b Kej. 30:1-4; A&P 133:55.

pts Yakub, Anak lelaki Ishak.

c pts Lelaki, Para

Lelaki—Potensi

manusia untuk menjadi

seperti Bapa Syurgawi; Permuliaan.

38a pts Daud.

b 1 Sam. 25:42-43;

2 Sam. 5:13;

1 Raj. 11:1-3.

39a 2 Sam. 12:7-8.

b pts Kunci-kunci

Imamat.

c 2 Sam. 11:4, 27; 12:9;

1 Raj. 15:5.

pts Bunuh;

Zina.

d Yer. 8:10.

40a JS—S 1:33.

pts Pemulihan Injil.

42a A&P 42:22-26.

43a pts Berkahwin,

Perkahwinan;

Perjanjian.

ikrarnya dan telah berbuat zina.

44 Dan jika wanita itu tidak berbuat zina, tetapi tidak berdosa dan tidak melanggar ikrarnya, dan dia mengetahuinya, dan Aku mewahyukannya kepadamu, hamba-Ku Joseph, maka kamu akan memiliki kuasa, melalui kuasa Imam Kudus-Ku, untuk mengambil wanita itu dan memberikan wanita itu kepada lelaki yang tidak berbuat zina tetapi sentiasa “setia; kerana lelaki itu akan dijadikan pemerintah ke atas banyak hal.

45 Kerana Aku telah menganugerahkan ke atas dirimu “kunci-kunci dan kuasa imamat, yang melalui-nya Aku ^bmemulihkan segala hal, dan memberitahukan kepadamu segala hal pada waktunya yang tepat.

46 Dan sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa apa pun yang kamu “meteraikan di atas bumi akan dimeteraikan di dalam syurga; dan apa pun yang kamu ikat di atas bumi, dalam nama-Ku dan melalui firman-Ku, firman Tuhan, itu akan secara kekal terikat di dalam syurga; dan dosa-dosa sesiapa pun yang kamu ^blepaskan di atas bumi akan dilepaskan secara kekal di dalam syurga; dan dosa-dosa sesiapa pun yang kamu kekalkan di atas bumi akan dikekalkan di dalam syurga.

47 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman, sesiapa pun yang kamu berkati akan Aku berkati, dan sesiapa pun yang kamu kutuk akan Aku “kutuk, firman Tuhan; kerana Aku, Tuhan, ialah Tuhanmu.

48 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, hamba-Ku Joseph, bahawa apa pun yang kamu berikan di atas bumi, dan kepada siapa pun kamu berikan sesiapa pun di atas bumi, melalui firman-Ku dan menurut hukum-Ku, akan dikunjungi dengan berkat dan bukan kutukan, dan dengan kuasa-Ku, firman Tuhan, dan akan ada tanpa kutukan di atas bumi dan di dalam syurga.

49 Kerana Aku ialah Tuhan Rajamu, dan akan bersamamu bahkan sehingga ke “akhir dunia, dan sepanjang seluruh keabadian; kerana sesungguhnya Aku ^bmeme-teraikan ke atas dirimu “permulia-anmu, dan menyediakan sebuah takhta bagimu di dalam kerajaan Bapa-Ku, bersama Abraham ^abapamu.

50 Lihatlah, Aku telah melihat “pengorbananmu, dan akan meng-ampuni segala dosamu; Aku telah melihat pengorbananmu dalam mematuhi apa yang telah Aku beritahukan kepadamu. Pergilah, oleh kerana itu, dan Aku membuat sebuah jalan untuk melepaskan dirimu, seperti Aku ^bmenerima

44a pts Kemurnian diri.

45a pts Kunci-kunci
Imamat.

b Kis. 3:21;

A&P 86:10.

pts Pemulihan Injil.

46a pts Meterai,

Pemeteraian.

b pts Pengampunan
Dosa-dosa.

47a Kej. 12:1–3;

A&P 124:93.

49a Mat. 28:20.

b A&P 68:12.

c A&P 5:22.

pts Panggilan dan
Pemilihan.

d Kej. 17:1–8; 2 Ne. 8:2.

50a pts Korban.

b Kej. 22:10–14;

A&P 97:8.

persembahan Abraham akan anak lelakinya Ishak.

51 Sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu: Sebuah perintah Aku berikan kepada hamba perempuan-Ku, Emma Smith, isterimu, yang telah Aku berikan kepadamu, agar dia menahan dirinya dan tidak terlibat dalam apa yang Aku perintahkan kepadamu untuk ditawarkan kepadanya; kerana Aku melakukannya, firman Tuhan, untuk menguji kamu semua, seperti yang Aku lakukan terhadap Abraham, dan agar Aku boleh menuntut suatu persembahan dari tanganmu, melalui perjanjian dan pengorbanan.

52 Dan biarlah hamba perempuan-Ku, "Emma Smith, menerima mereka semua yang telah diberikan kepada hamba-Ku Joseph, dan yang berhemah dan suci di hadapan-Ku; dan mereka yang tidak suci, dan telah mengatakan bahawa mereka suci, akan dihancurkan, firman Tuhan Raja.

53 Kerana Aku ialah Tuhan Rajamu, dan kamu harus mematuhi suara-Ku; dan Aku memberi kepada hamba-Ku Joseph agar dia akan dijadikan pemerintah ke atas banyak hal; kerana dia telah "setia terhadap beberapa hal, dan sejak dari sekarang Aku akan menguatkannya.

54 Dan Aku memerintahkan hamba perempuan-Ku, Emma Smith, untuk tinggal dan berpaut kepada hamba-Ku Joseph, dan

bukan kepada yang lain. Tetapi jika dia tidak mahu menuruti perintah ini dia akan dihancurkan, firman Tuhan; kerana Aku ialah Tuhan Rajamu, dan akan menghancurkannya jika dia tidak menuruti hukum-Ku.

55 Tetapi jika dia tidak mahu menuruti perintah ini, maka hamba-Ku Joseph akan melakukan segala hal baginya, bahkan seperti yang telah dia katakan; dan Aku akan memberkatinya dan menjadikannya beranak cucu dan memberikan kepadanya "seratus kali ganda di dunia ini, ayah dan ibu, saudara lelaki dan perempuan, rumah dan tanah, isteri dan anak, dan mahkota ^bkehidupan abadi di dalam dunia-dunia yang abadi.

56 Dan lagi, sesungguhnya Aku berfirman, biarlah hamba perempuan-Ku "mengampuni pelanggaran-pelanggaran hamba-Ku Joseph; dan kemudian pelanggaran-pelanggarannya akan diampuni, yang mana dia telah melanggarnya terhadap-Ku; dan Aku, Tuhan Rajamu, akan memberkatinya, dan menjadikannya beranak cucu, dan membuatkan hatinya bersukacita.

57 Dan lagi, Aku berfirman, janganlah biarkan hamba-Ku Joseph melepaskan harta miliknya daripada tangannya, agar jangan musuh datang dan menghancurkannya; kerana Setan ^aberusaha untuk menghancurkan; kerana Aku ialah Tuhan Rajamu, dan

52a *pts* Emma Hale Smith.
53a *Mat.* 25:21;
A&P 52:13.

55a *Mrk.* 10:28-31.
b pts Kehidupan Abadi;
Keluarga—Keluarga

kekal.
56a *pts* Mengampuni.
57a *Mat.* 10:28.

dia ialah hamba-Ku; dan lihatlah, dan tengoklah, Aku bersamanya, seperti Aku bersama Abraham, bapamu, bahkan sehingga ^bpermuliaan dan kemuliaannya.

58 Sekarang, menyentuh tentang hukum “imamat, ada banyak hal yang berkaitan dengannya.

59 Sesungguhnya, jika seorang lelaki dipanggil oleh Bapa-Ku, seperti “Harun, melalui suara-Ku sendiri, dan melalui suara Dia yang mengutus-Ku, dan Aku telah menganugerahinya dengan ^bkunci-kunci kuasa imamat ini, jika dia melakukan apa pun dalam nama-Ku, dan menurut hukum-Ku dan melalui firman-Ku, dia tidak akan berbuat dosa, dan Aku akan mempersolehkannya.

60 Janganlah biarkan seorang pun, oleh kerana itu, mengkritik hamba-Ku Joseph; kerana Aku akan mempersolehkannya; kerana dia akan melakukan pengorbanan yang Aku tuntutan daripada tangannya untuk pelanggaran, firman Tuhan Rajamu.

61 Dan lagi, berkaitan dengan hukum imamat—jika sesiapa pun lelaki yang mengahwini seorang “gadis perawan, dan berhasrat mengahwini ^bseorang lagi, dan yang pertama memberikan persetujuan, dan jika dia mengahwini yang kedua, dan mereka ialah gadis perawan, dan belum berikrar kepada lelaki lain, maka

dia dipersolehkan; dia tidak berbuat zina kerana mereka diberikan kepadanya; kerana dia tidak dapat berbuat zina dengan apa yang menjadi kepunyaannya dan bukan orang lain.

62 Dan jika dia telah diberikan sepuluh orang gadis perawan kepadanya melalui hukum ini, dia tidak berbuat zina, kerana mereka ialah kepunyaannya, dan mereka diberikan kepadanya; oleh kerana itu dia dipersolehkan.

63 Tetapi jika salah seorang atau sesiapa pun daripada sepuluh orang gadis perawan itu, setelah dia dikahwini, akan bersama lelaki lain, wanita itu telah berbuat zina, dan akan dihancurkan; kerana mereka diberikan kepada lelaki itu untuk “beranak cucu dan memenuhi bumi, menurut perintah-Ku, dan untuk menggenapi janji yang diberikan oleh Bapa-Ku sebelum pengasasan dunia, dan untuk permuliaan mereka di dunia-dunia abadi, agar mereka boleh melahirkan jiwa-jiwa manusia; kerana di dalam ini ^bpekerjaan Bapa-Ku diteruskan, agar Dia boleh dimuliakan.

64 Dan lagi, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, jika sesiapa pun lelaki memiliki seorang isteri, yang memegang kunci-kunci kuasa ini, dan lelaki itu mengajarkan kepada wanita itu hukum imamat-Ku,

57b pts Permuliaan.

58a A&P 84:19–26.
pts Imamat.

59a lbr. 5:4.
pts Harun, Abang
Musa.

b pts Kunci-kunci
Imamat.

61a pts Anak Dara.

b PR 1.

pts Berkahwin,
Perkahwinan—

Perkahwinan jamak.

63a Kej. 1:26–28;
Yakub 2:30.

b Musa 1:39.

berkaitan dengan hal-hal ini, maka hendaklah wanita itu percaya dan melayani lelaki itu, atau wanita itu akan dihancurkan, firman Tuhan Rajamu; kerana Aku akan menghancurkan wanita itu; kerana Aku akan membesarkan nama-Ku ke atas mereka semua yang menerima dan menuruti hukum-Ku.

65 Oleh kerana itu, ianya akan menjadi hukum sah bagi-Ku, jika wanita itu tidak menerima hukum ini, bagi lelaki itu untuk menerima segala hal apa pun yang Aku, Tuhan Rajanya, akan berikan kepada lelaki itu, kerana wanita itu tidak percaya dan tidak melayani lelaki itu menurut firman-Ku;

dan wanita itu kemudiannya menjadi seorang pelanggar; dan lelaki itu dikecualikan dari hukum Sara, yang telah melayani Abraham menurut hukum tersebut semasa Aku memerintahkan Abraham untuk mengambil Hagar menjadi isteri.

66 Dan sekarang, berkaitan dengan hukum ini, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, Aku akan mewahyukan lebih banyak kepadamu, selepas ini; oleh kerana itu, biarlah cukup untuk setakat ini. Lihatlah, Aku ialah Alfa dan Omega. Amin.

BAHAGIAN 133

Wahyu yang diberikan melalui Nabi Joseph Smith, di Hiram, Ohio, 3 November 1831. Sebagai pengantar wahyu ini, sejarah Joseph Smith menyatakan, "Pada waktu ini ada banyak hal yang diinginkan oleh para Penatua untuk mengetahui berkaitan dengan pengkhotbahannya Injil kepada para penduduk bumi, dan tentang pengumpulan; dan untuk berjalan dengan cahaya yang benar, dan diberikan arahan dari syurga, pada tarikh 3 November 1831, saya telah bertanya kepada Tuhan dan menerima wahyu penting yang berikut." Bahagian ini merupakan yang pertama sekali ditambahkan ke dalam kitab Ajaran dan Perjanjian sebagai tambahan dan selepas itu diberikan nombor bahagian.

1–6, Para Orang Suci diperintahkan untuk bersedia bagi Kedatangan Kedua; 7–16, Semua orang diperintahkan untuk pergi dari Babilon, datang ke Sion, dan bersedia bagi hari Tuhan yang besar; 17–35, Dia akan berdiri di atas Gunung Sion, benua-benua akan menjadi satu daratan, dan suku-suku Israel yang hilang akan kembali; 36–40, Injil

telah dipulihkan melalui Joseph Smith untuk dikhotbahkan ke seluruh dunia; 41–51, Tuhan akan turun dengan pembalasan kepada yang jahat; 52–56, Itu akan menjadi tahun bagi mereka yang ditebus-Nya; 57–74, Injil mesti disebarkan untuk menyelamatkan para Orang Suci dan untuk kehancuran orang jahat.

DENGARLAH, Wahai kamu umat gereja-Ku, firman Tuhan Rajamu, dan dengarlah firman Tuhan tentang kamu—

2 Tuhan yang akan dengan tiba-tiba ^adatang ke bait suci-Nya; Tuhan yang akan turun ke atas dunia dengan kutukan untuk ^bpenghakiman; ya, ke atas segala bangsa yang melupakan Tuhan, dan ke atas semua yang fiasiq di kalangan kamu.

3 Kerana Dia akan ^amenunjukkan lengan kudus-Nya di mata segala bangsa, dan segenap hujung bumi akan melihat ^bkeselamatan daripada Tuhan mereka.

4 Kerana itu, bersedialah kamu, bersedialah kamu, Wahai umat-Ku; kuduskanlah dirimu; berkumpullah kamu bersama, Wahai kamu umat gereja-Ku, di atas negeri Sion, semua kamu yang belum diperintahkan untuk tinggal.

5 Pergilah kamu keluar dari ^aBabilon. Jadilah kamu ^bbersih yang menyandang bejana Tuhan.

6 Adakanlah perhimpunan khususnya, dan saling ^aberbicara selalu. Dan biarlah setiap orang memanggil nama Tuhan.

7 Ya, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu lagi, waktunya

telah tiba apabila suara Tuhan kepadamu: Pergilah kamu keluar dari Babilon; ^aberkumpullah kamu keluar dari antara bangsa-bangsa, dari ^bempat penjuru angin, dari satu hujung langit ke hujung yang lain.

8 ^aUtuslah para penatua gereja-Ku kepada bangsa-bangsa yang berada jauh; ke ^bpulau-pulau di laut; utuslah ke negeri-negeri asing; serulah kepada segala bangsa, terlebih dahulu kepada ^cbangsa bukan Israel, dan kemudian kepada ^dbangsa Yahudi.

9 Dan lihatlah, dan tengoklah, ini akan menjadi seruan mereka, dan suara Tuhan kepada semua orang: Pergilah kamu ke negeri Sion, agar sempadan-sempadan umat-Ku boleh diperluaskan, dan agar ^apancang-pancangnya boleh dikuatkan, dan agar ^bSion boleh menyebar luas ke wilayah-wilayah sekitarnya.

10 Ya, biarlah seruannya disebarkan ke antara semua orang: Bangun dan bangkit dan pergilah untuk menemui ^aPengantin Lelaki; lihat dan tengoklah, Pengantin Lelaki datang; pergilah kamu keluar untuk menemui-Nya. Sediakanlah dirimu untuk ^bhari Tuhan yang besar.

133 2a Mal. 3:1;
A&P 36:8.
b A&P 1:36.
pts Yesus Kristus—
Hakim.
3a Yes. 52:10.
b Yes. 12:2; 52:10.
pts Keselamatan;
Rancangan
Penebusan.
5a Alma 5:57;
A&P 1:16.
pts Babel, Babilon;

Keduniaan.
b 2 Tim. 2:21;
3 Ne. 20:41;
A&P 38:42.
pts Murni,
Kemurnian.
6a Mal. 3:16-18.
7a A&P 29:8.
pts Israel—
Pengumpulan Israel.
b Za. 2:6-7; Mrk. 13:27.
8a pts Pekerjaan
Penginjian.

b Yes. 11:11; 1 Ne. 22:4;
2 Ne. 10:8, 20.
c pts Bangsa bukan
Israel.
d pts Bangsa Yahudi.
9a Yes. 54:2.
pts Pancang.
b pts Sion.
10a Mat. 25:6;
A&P 33:17-18;
45:54-59.
pts Pengantin Lelaki.
b A&P 1:12-14.

11 "Berjagalah, oleh kerana itu, kerana kamu tidak ^bmengetahui hari dan juga jamnya.

12 Biarlah mereka, oleh kerana itu, yang berada ^ddi antara bangsa bukan Israel pergi ke ^bSion.

13 Dan biarlah mereka yang dari ^aYehuda pergi ke ^bYerusalem, ke ^cgunung-ganang ^drumah Tuhan.

14 Pergilah kamu keluar dari antara bangsa-bangsa, bahkan dari Babilon, dari tengah-tengah kejahatan, iaitu Babilon rohani.

15 Tetapi sesungguhnya, demikianlah firman Tuhan, janganlah biarkan pemergianmu itu ^aterburu-buru, tetapi biarlah segala hal disediakan bagimu sebelumnya; dan dia yang pergi, ^bjanganlah biarkan dia melihat ke belakang agar jangan kehancuran akan datang kepadanya secara tiba-tiba.

16 Dengarkanlah, Wahai kamu penduduk bumi. ^aDengarkanlah, kamu para penatua gereja-Ku bersama, dan dengarlah suara Tuhan; kerana Dia memanggil kepada semua orang, dan Dia memerintahkan semua orang di mana-mana pun untuk ^bbertaubat.

17 Kerana lihatlah, Tuhan Raja telah ^amengutus malaikat yang

berseru di tengah-tengah langit mengatakan: Sediakanlah kamu jalan Tuhan, dan jadikanlah jalan-Nya ^blurus, kerana waktu ^ckedatangan-Nya sudah hampir—

18 Apabila ^aAnak Domba akan berdiri di atas ^bGunung Sion, dan bersama-Nya ^cseratus empat puluh empat ribu, mempunyai nama Bapa-Nya tertulis di atas dahi mereka.

19 Kerana itu, bersedialah kamu untuk ^akedatangan ^bPengantin Lelaki; pergilah kamu, pergilah kamu keluar untuk menemui-Nya.

20 Kerana lihatlah, Dia akan ^aberdiri di atas Bukit Zaitun, dan di atas lautan yang dahsyat, bahkan lautan dalam, dan di atas pulau-pulau di laut, dan di atas negeri Sion.

21 Dan Dia akan ^amenyuarakan suara-Nya dari ^bSion, dan Dia akan berfirman dari Yerusalem, dan suara-Nya akan didengari di kalangan semua orang;

22 Dan itu akan menjadi suatu suara bagaikan ^asuara perairan yang banyak, dan bagaikan suara ^bguntur yang kuat, yang akan ^cmenghancurkan gunung-ganang, dan lembah-lembah tidak akan ditemukan.

11a Mrk. 13:32-37;
JS—M 1:46, 48.

b A&P 49:7.

12a A&P 38:31, 42.
b prs Sion.

13a prs Yehuda.
b prs Yerusalem.

c Yes. 2:1-3;

Yeh. 38:8.

d Mzm. 122.

15a Yes. 52:10-12;
A&P 58:56.

b Kej. 19:17, 26;
Luk. 9:62.

16a A&P 1:1-6.

b prs Bertaubat,
Pertaubatan.

17a A&P 13; 27:7-8; 88:92.

b Yes. 40:3-5.

c Mal. 3:1.

18a Why. 14:1.

prs Anak Domba
Tuhan.

b A&P 84:2.

c Why. 7:1-4.

19a Mat. 25:1-13;

A&P 33:17-18; 88:92.

prs Kedatangan Kedua

Yesus Kristus.

b prs Pengantin Lelaki.

20a Za. 14:4;

A&P 45:48-53.

21a Yl. 3:16; Am. 1:2.

b Yes. 2:2-4.

22a Yeh. 43:2; Why. 1:15;

A&P 110:3.

b Mzm. 77:18;

Why. 14:2.

c Hak. 5:5;

Yes. 40:4; 64:1;

Why. 16:20;

A&P 49:23; 109:74.

23 Dia akan memerintah lautan dalam, dan ia akan dipindahkan kembali ke negara-negara utara, dan "pulau-pulau akan menjadi satu daratan;

24 Dan negeri "Yerusalem dan negeri Sion akan dikembalikan ke tempatnya sendiri, dan bumi akan menjadi seperti dahulu seperti pada masa ianya belum ^bterbahagi.

25 Dan Tuhan, bahkan Juruselamat, akan berdiri di tengah-tengah umat-Nya, dan akan "memerintah ke atas semua daging.

26 Dan mereka yang berada di negara-negara "utara akan datang dalam ingatan Tuhan; dan para nabi mereka akan mendengar suara-Nya, dan tidak akan lagi menahan diri mereka; dan mereka akan menghentam batu, dan ais akan mengalir turun di hadapan mereka.

27 Dan sebuah "jalan besar akan dibangunkan di tengah-tengah lautan dalam.

28 Musuh-musuh mereka akan menjadi mangsa bagi mereka,

29 Dan di gurun-gurun yang "gersang akan muncul kolam-kolam air yang hidup; dan tanah yang kekeringan tidak lagi akan menjadi tanah yang haus.

30 Dan mereka akan membawa-

kan harta-harta mereka yang berharga kepada anak-anak "Efraim, para hamba-Ku.

31 Dan batas "bukit-bukit yang abadi akan bergegar di hadapan mereka.

32 Dan di sana mereka akan sujud dan dimahkotai dengan kemuliaan, bahkan di Sion, melalui tangan para hamba Tuhan, bahkan anak-anak Efraim.

33 Dan mereka akan dipenuhi dengan "nyanyian kebahagiaan kekal.

34 Lihatlah, inilah berkat daripada Tuhan yang kekal kepada "suku-suku Israel, dan berkat yang lebih berharga ke atas kepala ^bEfraim dan para sekutunya.

35 Dan mereka juga yang dari suku "Yehuda, selepas kesakitan mereka, akan ^bdikuduskan dalam kekudusan di hadapan Tuhan, untuk tinggal di dalam hadirat-Nya siang dan malam, selama-lamanya.

36 Dan sekarang, sesungguhnya berfirmanlah Tuhan, agar hal-hal ini boleh diketahui di antara kamu, Wahai penduduk bumi, Aku telah mengutuskan "malaikat-Ku terbang di tengah-tengah langit, memiliki ^bInjil kekal, yang telah muncul kepada beberapa orang

23a Why. 6:14.

24a prs Yerusalem.

b Kej. 10:25.

prs Bumi—

Pembahagian bumi.

25a prs Yesus Kristus—
Pemerintahan seribu tahun Kristus.

26a Yer. 16:14-15;

A&P 110:11.

prs Israel—Sepuluh

suku Israel yang hilang.

27a Yes. 11:15-16;

2 Ne. 21:16.

29a Yes. 35:6-7.

30a Za. 10:7-12.

prs Efraim—Suku

Efraim.

31a Kej. 49:26.

33a Yes. 35:10; 51:11;

A&P 66:11.

34a prs Israel—Dua belas

suku Israel.

b Kej. 48:14-20;

1 Taw. 5:1-2;

Eter 13:7-10.

35a prs Yehuda—Suku Yehuda.

b prs Kekudusan.

36a Why. 14:6-7;

A&P 20:5-12.

b prs Pemulihan Injil.

dan telah memberikannya kepada manusia, yang akan muncul kepada banyak orang yang tinggal di atas bumi.

37 Dan "Injil ini akan ^bdikhtubahkan kepada "setiap negara, dan kaum, dan bahasa, dan bangsa.

38 Dan para hamba Tuhan akan pergi, mengatakan dengan suara yang lantang: Takutlah kepada Tuhan dan berikanlah kemuliaan kepada-Nya, kerana masa penghakiman-Nya telah datang;

39 Dan "sembahlah Dia yang menjadikan langit, dan bumi, dan laut, dan sumber-sumber air—

40 Memanggil nama Tuhan siang dan malam, mengatakan: Ya semoga Engkau akan "mengoyakkan langit, agar Engkau akan turun, sehingga gunung-ganang dapat mengalir turun dalam hadirat-Mu.

41 Dan ianya akan dijawab ke atas kepala mereka; kerana hadirat Tuhan akan bagaikan api lebur yang membakar, dan bagaikan api yang menyebabkan air "mendidih.

42 Ya Tuhan, Engkau akan turun untuk memaklumkan nama-Mu kepada musuh-musuh-Mu, dan segala bangsa akan gemetar dengan hadirat-Mu—

43 Apabila Engkau melakukan perkara-perkara yang menakutkan, hal-hal yang tidak disangka oleh mereka;

44 Ya, apabila Engkau turun, dan gunung-ganang mengalir turun dalam hadirat-Mu, Engkau akan "bertemu dia yang bersukacita dan mengerjakan kebenaran, yang mengingati-Mu dalam jalan-Mu.

45 Kerana sejak permulaan dunia manusia tidak mendengar dan juga mengenali melalui telinga, tidak juga mata sesiapa pun melihat, Ya Tuhan, selain Engkau, betapa besarnya hal-hal yang telah Engkau "sediakan kepada dia yang ^bmenunggu-Mu.

46 Dan akan dikatakan: "Siapa-kah ini yang ^bturun dari Tuhan di dalam syurga dengan pakaian yang berwarna; ya, dari wilayah-wilayah yang tidak diketahui, berpakaian dalam pakaian-Nya yang mulia, melakukan perjalanan dalam kebesaran kekuatan-Nya?

47 Dan Dia akan berfirman: Aku ialah Dia yang berfirman dalam kebenaran, berkuasa untuk menyelamatkan.

48 Dan Tuhan akan berpakaian "merah, dan pakaian-Nya seperti Dia yang memijak-mijak di dalam tong anggur.

49 Dan akan sebegitu besarlah kemuliaan hadirat-Nya sehingga "matahari akan menyembunyikan mukanya kerana malu, dan bulan akan menahan cahayanya, dan bintang-bintang akan dilemparkan dari tempatnya.

37a *pts* Injil.
b *pts* Mengkhtubahkan;
Pekerjaan Penginjilan.

c A&P 42:58.
39a *pts* Menyembah.

40a Yes. 64:1-2.

41a Ayb. 41:31.

44a 1 Tes. 4:15-18.

45a Yes. 64:4;

1 Kor. 2:9.

b Rat. 3:25;

2 Ne. 6:7, 13.

46a Yes. 63:1-2.

b *pts* Kedatangan Kedua
Yesus Kristus.

48a Kej. 49:11-12;

Luk. 22:44;

Why. 19:11-15;

rjs Why. 19:15

(Lampiran);

Mosia 3:7;

A&P 19:18.

49a Yes. 13:10; 24:23;

A&P 45:42; 88:87.

50 Dan suara-Nya akan dide-ngari: Aku telah “memijak-mijak alat pemerias anggur seorang diri, dan telah membawa penghakiman ke atas semua orang; dan tiada seorang pun berada bersama-Ku;

51 Dan Aku telah memijak-mijak mereka dalam kegeraman-Ku, dan Aku memijak-mijak mereka dalam kemarahan-Ku, dan darah mereka telah Aku “percikkan ke atas pakaian-Ku, dan mengotor-kan seluruh pakaian-Ku; kerana inilah hari pembalasan yang ada dalam hati-Ku.

52 Dan sekarang tahun bagi mereka yang ditebus-Nya telah datang; dan mereka akan menyebu-tkan kebaikan hati penuh kasih Tuhan mereka, dan segala yang telah Dia berikan ke atas diri mereka menurut kebaikan-Nya, dan menurut kebaikan hati penuh kasih-Nya, selama-lamanya.

53 Di dalam segala “kesengsa-raan mereka Dia disengsarakan. Dan malaikat dari hadirat-Nya menyelamatkan mereka; dan dalam ^bkasih-Nya, dan dalam rasa kasihan-Nya, Dia “menebus mereka, dan mengangkat mereka, dan menyokong mereka sepanjang zaman dahulu;

54 Ya, dan “Henokh juga, dan mereka yang berada bersamanya;

para nabi yang ada sebelum dia; dan juga ^bNuh, dan mereka yang ada sebelum dia; dan juga ^cMusa, dan mereka yang ada sebelum dia;

55 Dan dari Musa ke Elia, dan dari Elia ke Yohanes, yang berada bersama Kristus pada “kebangkitan-Nya, dan para rasul kudus, bersama Abraham, Ishak, dan Yakub, akan berada di dalam hadirat Anak Domba.

56 Dan “kubur ^bpara orang suci akan “dibuka; dan mereka akan datang dan berdiri “pada sisi kanan Anak Domba, apabila Dia akan berdiri di atas ^cGunung Sion, dan di atas kota yang kudus, ^dYerusa-lem Baru; dan mereka akan menyanyikan ^enyanyian ^fAnak Domba, siang dan malam selama-lamanya.

57 Dan untuk tujuan ini, agar manusia boleh dijadikan peng-ambil bahagian dari “kemuliaan yang akan diwahyukan, Tuhan mengutuskan kegenapan ^bInjil-Nya, perjanjian-Nya yang kekal, menjelaskan dengan terang dan mudah—

58 Untuk menyediakan yang lemah untuk hal-hal yang akan datang ke atas bumi itu, dan untuk tugas suruhan Tuhan pada masa yang “lemah akan menundukkan yang bijak, dan ^byang kecil menjadi suatu bangsa yang kuat, dan

50 *a* Yes. 63:2-3;
A&P 76:107; 88:106.

51 *a* Im. 8:30.

53 *a* Yes. 63:4-9.

b *pts* Kasih Ihsan.

c *pts* Tebus, Ditebus,
Penebusan.

54 *a* *pts* Henokh.

b *pts* Nuh, Bapa Bangsa
dalam Alkitab.

c *pts* Musa.

55 *a* *pts* Kebangkitan.

56 *a* A&P 29:13.

b *pts* Orang Suci.

c A&P 45:45-46;

88:96-97.

d Mat. 25:33-34.

e Yes. 24:23;

Why. 14:1;

A&P 76:66; 84:2,
98-102.

f *pts* Yerusalem Baru.

g Why. 15:3;

A&P 84:98-102.

h *pts* Anak Domba
Tuhan.

57 *a* *pts* Tahap-tahap
Kemuliaan.

b *pts* Injil.

58 *a* Mat. 11:25;

1 Kor. 1:27;

Alma 32:23; 37:6-7.

b Yes. 60:22.

‘dua orang akan menumpaskan beribu-ribu orang mereka.

59 Dan melalui hal-hal yang lemah dari bumi Tuhan akan ‘membanting bangsa-bangsa itu dengan kuasa Roh-Nya.

60 Untuk tujuan inilah perintah-perintah ini diberikan; mereka diperintahkan untuk disembunyikan dari dunia pada hari ianya diberikan, tetapi sekarang harus ‘disebarkan kepada ^bsemua daging—

61 Dan ini menurut fikiran dan kehendak Tuhan, yang berkuasa ke atas semua daging.

62 Dan kepada dia yang ‘bertaubat dan ^bmenguduskan dirinya di hadapan Tuhan akan diberikan ‘kehidupan abadi.

63 Dan kepada mereka yang ‘tidak mendengar suara Tuhan akan digenapi apa yang telah dituliskan oleh Nabi Musa, bahawa mereka akan ^bdisingkirkan dari kalangan orang-orang itu.

64 Dan juga apa yang telah dituliskan oleh Nabi ‘Maleakhi: Kerana, lihatlah, ^bharinya datang yang akan ‘membakar bagaikan ketuhar, dan semua yang sombong, ya, dan semua yang melakukan kejahatan, akan menjadi tunggul jerami; dan hari yang datang itu akan membakar mereka, firman Tuhan semesta alam, sehingga

akan meninggalkan mereka tanpa akar tidak juga cabang.

65 Kerana itu, ini akan menjadi jawapan Tuhan kepada mereka:

66 Pada hari itu apabila Aku datang kepada umat milik-Ku, tiada seorang pun di antara kamu ‘menerima-Ku, dan kamu dihalau keluar.

67 Apabila Aku memanggil lagi tiada seorang pun daripadamu yang menjawab; namun ‘lengan-Ku tidak sama sekali dipendekkan sehingga Aku tidak dapat menebus, tidak juga ^bkuasa-Ku untuk membebaskan.

68 Lihatlah, dengan herdikan-Ku Aku ‘mengeringkan laut. Aku menjadikan sungai-sungai sebuah padang belantara; ikan mereka berbau busuk, dan mati kerana kehausan.

69 Aku menyelimuti langit dengan kegelapan, dan menjadikan kain guni pakaian mereka.

70 Dan ‘ini yang akan kamu peroleh daripada tangan-Ku—kamu akan berbaring dalam kedukaan.

71 Lihatlah, dan tengoklah, tiada seorang pun yang akan membebaskanmu; kerana kamu tidak mematuhi suara-Ku semasa Aku memanggil kepadamu dari syurga; kamu tidak mempercayai para hamba-Ku, dan semasa mereka

58 *c* Ul. 32:29-30.

59 *a* Mi. 4:11-13.

60 *a* A&P 104:58-59.

b A&P 1:2.

62 *a* prs Bertaubat, Pertaubatan.

b A&P 88:74.

prs Pengudusan.

c prs Kehidupan Abadi.

63 *a* prs Dengar.

b Kis. 3:22-23;

1 Ne. 22:20-21;

3 Ne. 20:23; 21:11;

A&P 1:14;

JS—S 1:40.

64 *a* Mal. 4:1.

prs Maleakhi.

b JS—S 1:36-37.

c Yes. 66:15-16;

1 Ne. 22:15;

3 Ne. 25:1;

A&P 29:9; 64:24.

prs Bumi—

Pembersihan bumi.

66 *a* Yoh. 1:11.

67 *a* 2 Ne. 28:32.

b Yes. 50:2; 2 Ne. 7:2.

68 *a* Kel. 14:21;

Yos. 3:14-17.

70 *a* Yes. 50:11.

“diutus kepadamu kamu tidak menerima mereka.

72 Kerana itu, mereka “meme-
teraikan kesaksian dan mengikat
hukum itu, dan kamu diserahkan
pada kegelapan.

73 Inilah mereka yang akan
pergi ke dalam kegelapan luar, di
mana terdapatnya “tangisan, dan
ratapan, dan kertakan gigi.

74 Lihatlah Tuhan Rajamu telah
memfirmankannya. Amin.

BAHAGIAN 134

Suatu pengisytiharan kepercayaan mengenai kerajaan dan undang-undang secara umum, diterima melalui pungutan sebulat suara dalam sebuah perhimpunan umum Gereja yang telah diadakan di Kirtland, Ohio, 17 Ogos 1835. Ramai Orang Suci mengumpulkan bersama untuk mempertimbangkan kandungan yang diusulkan dalam edisi pertama Ajaran dan Perjanjian. Pada waktu itu, pengisytiharan ini diberikan pengenalan berikut: “Agar kepercayaan kami mengenai kerajaan dan undang-undang duniawi secara umumnya tidak disalahfahamkan dan juga disalahfahami, kami fikir adalah wajar untuk menyampaikan, pada penutup jilid ini, pendapat kami tentang hal yang sama itu.”

1-4, Kerajaan haruslah menjaga kebebasan suara hati nurani dan ibadat; 5-8, Semua orang harus menyokong kerajaan mereka dan wajib menunjukkan perasaan hormat dan takzim terhadap undang-undang; 9-10, Masyarakat keagamaan seharusnya tidak menjalankan kekuasaan sivil; 11-12, Manusia dibenarkan dalam mempertahankan diri mereka dan harta milik mereka.

KAMI percaya bahawa “kerajaan ditubuhkan oleh Tuhan demi manfaat manusia; dan bahawa Dia menganggap manusia ^bbertang-

gungjawab di atas tindakan mereka yang berkaitan dengannya, baik dalam membuat undang-undang mahupun melaksanakannya, demi kebaikan dan keselamatan masyarakat.

2 Kami percaya bahawa tidak ada kerajaan yang dapat hidup dalam keamanan, kecuali undang-undang yang seperti itu dibentuk dan tidak dilanggar, yang akan menjamin bagi setiap individu masing-masing “kebebasan dari menyuarakan suara ^bhati nurani, hak dan pengendalian harta, dan ^cperlindungan hidup.

71a 2 Taw. 36:15-16;
Yer. 44:4-5.

72a Yes. 8:16-20.

73a Mat. 8:11-12;
Luk. 13:28;
A&P 19:5.

pts Kegelapan
Rohani;
Neraka.

134 1a A&P 98:4-7;
FK 1:12.

b pts Bertanggungja-

wab, Laporan,
Pertanggungjawaban.
2a pts Hak pilihan.
b pts Hati nurani.
c A&P 42:18-19.

3 Kami percaya bahawa semua kerajaan perlu menuntut "para pegawai sivil dan majistret untuk menguatkuasakan undang-undang yang sama; dan bahawa mereka akan melaksanakan undang-undang itu dalam kesaksamaan dan keadilan seharusnya dicari dan disokong oleh suara rakyat jika sebuah republik, atau kehendak raja.

4 Kami percaya bahawa agama ditegakkan oleh Tuhan; dan bahawa manusia bertanggungjawab kepada-Nya, dan hanya kepada-Nya, untuk menjalankannya, kecuali pendapat keagamaan mereka mendorong mereka untuk melanggar hak dan kebebasan orang lain; tetapi kita tidak percaya bahawa undang-undang manusia berhak untuk campur tangan dalam menentukan peraturan-peraturan "ibadat untuk mengikat hati nurani manusia, tidak juga menentukan cara kebaktian umum atau peribadi; bahawa majistret sivil seharusnya menghalang jenayah, tetapi tidak seharusnya mengawal suara hati; seharusnya menghukum kesalahan, tetapi tidak seharusnya menekan kebebasan jiwa.

5 Kami percaya bahawa semua orang terikat untuk menyokong dan menjunjung kerajaan masing-masing di mana mereka tinggal, sementara dilindungi dalam hak asasi dan hak mutlak mereka melalui undang-undang kerajaan yang

seperti itu; dan bahawa penghasutan dan "pemberontakan adalah tidak patut bagi setiap warga negara yang dilindungi sedemikian, dan seharusnya dihukum sewajarnya; dan bahawa semua kerajaan mempunyai hak untuk menggubal undang-undang yang seperti itu menurut pertimbangan mereka sendiri seperti itu untuk menjamin kepentingan umum; pada waktu yang sama, walau bagaimanapun, memegang kekuasaan kebebasan suara hati nurani.

6 Kami percaya bahawa setiap orang seharusnya dihormati dalam kedudukannya, seperti para pemerintah dan majistret, yang ditempatkan untuk perlindungan orang yang tidak berdosa dan hukuman bagi yang bersalah; dan bahawa pada "undang-undang semua orang wajib menunjukkan perasaan hormat dan takzim, kerana tanpanya keamanan dan keharmonian akan digantikan dengan kehuru-haraan dan ketakutan; undang-undang manusia ditegakkan untuk tujuan yang khusus untuk mengatur kepentingan kita sebagai individu dan negara, di antara satu sama lain; dan hukum-hukum ilahi diberikan oleh syurga, yang menentukan peraturan tentang urusan rohani, untuk iman dan ibadat, kedua-duanya untuk dipertanggungjawabkan oleh manusia kepada Penciptanya.

7 Kami percaya bahawa para pemerintah, negeri, dan kerajaan

mempunyai hak, dan terikat untuk menggubal undang-undang untuk perlindungan semua warga negara dalam kebebasan menjalankan kepercayaan keagamaan mereka; tetapi kita tidak percaya bahwa mereka mempunyai hak dalam keadilan untuk merampas daripada warga negara hak-hak istimewa ini, atau mengharamkan mereka dalam pendapat mereka, selagi perasaan hormat dan sanjung ditunjukkan terhadap undang-undang dan pendapat keagamaan yang seperti itu tidak membenarkan penghasutan serta pengkomplotan.

8 Kami percaya bahwa perbuatan jenayah seharusnya "dihukum menurut jenis kesalahannya; agar pembunuhan, pengkhianatan, rompakan, pencurian, dan gangguan ketenteraman umum, dalam segala hal, haruslah dihukum menurut jenayah mereka dan kecenderungan mereka terhadap kejahatan di kalangan manusia, menurut undang-undang kerajaan itu dimana kesalahan itu telah dilakukan; dan untuk keamanan umum dan ketenteraman semua orang harus melangkah ke depan dan menggunakan kemampuan mereka dalam membawa para pesalah menghadap undang-undang yang baik untuk penghukuman.

9 Kami tidak percaya ianya adil untuk mencampur adukkan pengaruh keagamaan dengan pentadbiran sivil, yang dengannya satu persatuan keagamaan dibela

dan yang lain diharamkan dari hak-hak keistimewaan rohaninya, dan hak individu para anggotanya, sebagai warga negara, dinafikan.

10 Kami percaya bahawa semua persatuan keagamaan mempunyai hak untuk berurusan dengan para anggota mereka untuk tingkah laku yang tidak baik, menurut peraturan dan pentadbiran persatuan yang seperti itu; asalkan urusan yang seperti itu adalah untuk penemanan dan kedudukan yang baik; tetapi kami tidak percaya bahawa mana-mana persatuan keagamaan pun mempunyai wewenang untuk mengadili orang-orang terhadap hak pada harta atau kehidupan, untuk mengambil daripada mereka harta benda dunia ini, atau untuk menempatkan mereka dalam bahaya sama ada pada nyawa atau tubuh, atau untuk menjalankan apa pun hukuman jasmani ke atas diri mereka. Mereka hanya dapat "menyingkirkan mereka dari persatuan mereka, dan menarik penemanan daripada diri mereka.

11 Kami percaya bahawa manusia seharusnya memohon pada undang-undang sivil untuk mengganti rugi segala ketidakadilan dan kesengsaraan, dimana penderaan peribadi telah dilakukan atau hak ke atas harta milik atau nama baik dicabuli, dimana undang-undang yang seperti itu wujud yang akan melindungi orang yang sama itu; tetapi kami percaya bahawa semua orang dibenarkan dalam mempertahankan

diri mereka, teman-teman mereka, dan harta milik, dan kerajaan, dari serangan-serangan yang tidak sah dan pelanggaran hak semua orang sewaktu keadaan tegang, dimana permohonan pada undang-undang yang segera tidak dapat dibuat, dan bantuan disediakan.

12 Kami percaya ianya benar untuk “mengkhutbahkan Injil kepada bangsa-bangsa di bumi, dan memperingatkan yang soleh untuk menyelamatkan diri mereka dari kerosakan dunia; tetapi kami tidak percaya ianya benar untuk masuk campur dengan para hamba yang terikat, tidak juga

mengkhutbahkan Injil, tidak juga membaptis mereka bertentangan dengan kehendak dan keinginan para majikan mereka, dan juga untuk berurusan dengan atau sedikit pun mempengaruhi mereka untuk menyebabkan mereka tidak puas hati dengan keadaan mereka dalam kehidupan ini, dengan demikian membahayakan kehidupan manusia; campur tangan yang seperti itu kami percaya adalah tidak sah dan tidak adil, dan berbahaya terhadap keamanan setiap kerajaan yang membenarkan umat manusia ditahan dalam perhambaan.

BAHAGIAN 135

Pengumuman kesyahidan Nabi Joseph Smith dan abangnya, Bapa Bangsa Hyrum Smith, di Carthage, Illinois, 27 Jun 1844. Dokumen ini ditambah pada akhir Ajaran dan Perjanjian edisi 1844, yang hampir bersedia untuk diterbitkan semasa Joseph dan Hyrum telah dibunuh.

1–2, *Joseph dan Hyrum mati syahid di dalam Penjara Carthage*; 3, *Kedudukan unggul Nabi dinyatakan*; 4–7, *Darah mereka yang tidak berdosa bersaksi tentang kebenaran dan keilahian pekerjaan ini.*

UNTUK memeteraikan kesaksian kitab ini dan Kitab Mormon, kami mengumumkan “kesyahidan Nabi ^bJoseph Smith, dan Bapa Bangsa Hyrum Smith. Mereka telah ditembak di dalam ^cPenjara Carthage, pada tarikh 27 Jun 1844, sekitar

pukul lima petang, oleh sekumpulan perusuh yang bersenjata—yang bercat hitam—yang terdiri daripada 150 hingga 200 orang. “Hyrum yang pertama ditembak dan jatuh dengan perlahan, berseru: *Aku ialah orang mati!* Joseph telah melompat dari jendela, dan ditembak mati dalam cubaannya itu, berseru: *Ya Tuhan Rajaku!* Mereka berdua ditembak selepas mereka mati, dengan cara yang kejam, dan kedua-duanya menerima empat butir peluru.

12a pts Mengkhutbahkan; Pekerjaan Penginjilan.

135 1a A&P 5:22; 6:30.

pts Mati syahid, Kesyahidan.

b pts Joseph Smith Jr.

c pts Penjara Carthage

(AS).

d pts Hyrum Smith.

2 ^aJohn Taylor dan Willard Richards, dua orang daripada Dua Belas, sahaja merupakan orang-orang yang berada di dalam bilik itu pada waktu itu; yang pertamanya tercedera dengan parah dengan empat butir peluru, tetapi sejak dari itu telah pulih; yang kedua itu, melalui perlindungan daripada Tuhan, terlepas, bahkan tanpa satu lubang pun pada jubahnya.

3 Joseph Smith, ^aNabi dan ^bPelihat Tuhan, telah melakukan lebih banyak, selain Yesus sahaja, demi keselamatan manusia di dunia ini, daripada sesiapa pun yang pernah hidup di dalamnya. Dalam tempoh waktu dua puluh tahun yang singkat, dia telah membawakan Kitab Mormon, yang dia terjemahkan melalui kurnia dan kuasa Tuhan, dan telah menjadi alat dalam menerbitkannya di dua benua; telah menyebarkan ^ckegenapan Injil kekal, yang dikandunginya, ke empat penjuru bumi; telah mendatangkan wahyu dan perintah-perintah yang membentuk kitab Ajaran dan Perjanjian ini, dan banyak lagi dokumen dan arahan-arahan bijaksana yang lain demi manfaat anak-anak manusia; telah mengumpulkan beribu-ribu Orang Suci Zaman Akhir, mendirikan sebuah ^dkota yang besar, dan meninggalkan kemasyhuran dan nama yang tidak dapat dilynapkan. Dia hidup dengan hebat, dan dia mati dengan hebat di mata

Tuhan dan umatnya; dan seperti kebanyakan mereka yang Tuhan tetapkan pada zaman dahulu, telah memeteraikan misinya dan pekerjaannya dengan ^edarahnya sendiri; dan demikian juga abangnya Hyrum. Dalam kehidupan mereka tidak terbahagi, dan dalam kematian mereka tidak terpisah!

4 Apabila Joseph pergi ke Carthage untuk menyerahkan dirinya pada permintaan undang-undang yang palsu, dua atau tiga hari sebelum pembunuhannya, dia berkata: “Aku akan pergi bagaikan ^aseekor anak domba ke penyembelihan; tetapi aku tenang bagaikan suatu pagi di musim panas; aku mempunyai hati nurani yang tidak bersalah terhadap Tuhan, tidak juga terhadap semua orang. AKU AKAN MATI TIDAK BERDOSA, DAN KELAK AKAN DIKATAKAN TENTANGKU—DIA TELAH DIBUNUH DENGAN KEJAM.”—Pada pagi yang sama, setelah Hyrum bersedia untuk pergi—haruskah ianya dikatakan ke penyembelihan? ya, kerana begitulah demikiannya—dia membaca perenggan berikut, hampir dengan penghujung Eter bab dua belas, dalam Kitab Mormon, dan melipat halaman tersebut:

5 *Dan terjadilah bahawa aku berdoa kepada Tuhan agar Dia akan memberikan kepada bangsa bukan Israel rahmat, agar mereka boleh memiliki kasih ihsan. Dan terjadilah bahawa Tuhan berfirman kepadaku: Jika mereka tidak memiliki kasih ihsan bukanlah masalah*

2a pts John Taylor.
3a pts Nabi.
b pts Pelihat.
c A&P 35:17; 42:12.

pts Pemulihan Injil.
d pts Nauvoo, Illinois
(AS).
e lbr. 9:16-17;

A&P 136:39.
4a Yes. 53:7.

bagimu, engkau sentiasa setia; oleh itu pakaianmu akan dijadikan "bersih. Dan kerana engkau telah melihat kelemahanmu, engkau akan dijadikan kuat, bahkan sehingga duduk di dalam tempat yang telah Aku sediakan di dalam tempat tinggal Bapa-Ku. Dan sekarang, aku . . . mengucapkan selamat tinggal kepada bangsa bukan Israel; ya, dan juga kepada saudara-saudaraku yang aku kasih, sehingga kita akan bertemu di hadapan "kerusi penghakiman Kristus, di mana semua orang akan mengetahui bahawa pakailanku tidak dikotori dengan darahmu. Pemberi "kesaksian itu sekarang telah mati, dan kesaksian mereka berkuatkuasa.

6 Hyrum Smith berumur empat puluh empat tahun pada bulan Februari 1844, dan Joseph Smith tiga puluh lapan pada bulan Disember 1843; dan mulai sekarang nama mereka akan digolongkan di kalangan orang yang mati syahid untuk agama; dan pembaca di setiap bangsa akan diingatkan bahawa Kitab Mormon, dan kitab Ajaran dan Perjanjian gereja ini, bernilai darah terbaik pada abad kesembilan belas untuk menda tangkannya demi keselamatan dunia yang binasa; dan bahawa jika api dapat menghanguskan sebatang "pokok hijau demi kemuliaan Tuhan, betapa mudahnya ia akan membakar pokok-pokok kering untuk menyucikan ladang anggur yang rosak. Mereka hidup demi kemuliaan; mereka mati demi kemuliaan; dan kemuliaan

adalah ganjaran mereka yang kekal. Dari zaman ke zaman nama mereka akan diturunkan kepada anak cucu bagaikan permata bagi yang dikuduskan.

7 Mereka tidak berdosa dalam apa-apa jenayah pun, seperti yang sering mereka buktikan sebelumnya, dan hanya meringkuk di dalam penjara kerana pengkomplotan pengkhianat dan orang jahat; dan *darah mereka yang tidak berdosa* di atas lantai Penjara Carthage adalah suatu meterai nyata yang dikaitkan dengan "Mormonisme" yang tidak dapat dinafikan oleh mana-mana mahkamah di atas bumi, dan *darah mereka yang tidak berdosa* pada perisai lambang Negeri Illinois, dengan pengingkaran janji Negeri itu seperti yang diikrarkan oleh pentadbirnya, adalah suatu kesaksian terhadap kebenaran Injil kekal yang tidak dapat disangkal oleh seluruh dunia; dan *darah mereka yang tidak berdosa* pada bendera kemerdekaan, dan pada perlembagaan Amerika Syarikat, adalah duta bagi agama Yesus Kristus, yang akan menyentuh hati orang-orang yang jujur di kalangan semua bangsa; dan *darah mereka yang tidak berdosa*, bersama dengan darah mereka yang mati syahid yang tidak berdosa di bawah "altar yang dilihat oleh Yohanes, akan berseru kepada Tuhan Semesta Alam sehinggalah Dia membalas bagi darah itu ke atas bumi. Amin.

5a A&P 88:74-75.

b Eter 12:36-38.

c Ibr. 9:16-17.

6a Luk. 23:31.

7a Why. 6:9.

BAHAGIAN 136

Firman dan kehendak Tuhan, diberikan melalui Presiden Brigham Young di Winter Quarters, Perkhemahan Israel, Wilayah Omaha, di bahagian barat tepi Sungai Missouri, berdekatan dengan Council Bluffs, Iowa.

1-16, Bagaimana Perkhemahan Israel harus diatur untuk perjalanan ke barat dijelaskan; 17-27, Para Orang Suci diperintahkan untuk menuruti beberapa taraf Injil; 28-33, Para Orang Suci haruslah menyanyi, menari, berdoa, dan belajar kebijaksanaan; 34-42, Para nabi dibunuh supaya mereka boleh dihormati dan yang jahat dihukum.

FIRMAN dan Kehendak Tuhan berkenaan Perkhemahan Israel dalam perjalanan mereka ke Barat:

2 Biarlah semua umat ^aGereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, dan mereka yang melakukan perjalanan bersama mereka, diatitkan di dalam rombongan, dengan sebuah perjanjian dan janji untuk mentaati semua perintah dan peraturan Tuhan Raja kita.

3 Biarlah rombongan-rombongan tersebut diatitkan dengan para pemimpin ke atas kumpulan ^aseratus orang, para pemimpin ke atas kumpulan lima puluh orang, dan para pemimpin ke atas kumpulan sepuluh orang, dengan seorang presiden dan dua orang penasihatnya sebagai ketua mereka, di bawah arahan Dua Belas ^bRasul.

4 Dan ini akan menjadi ^aperjanjian

kita—bahawa kita akan ^bberjalan dalam semua ^ctatacara Tuhan.

5 Biarlah setiap rombongan menyediakan bagi diri mereka segala lembu penarik, gerabak, bekalan, pakaian, dan keperluan lain untuk perjalanan itu, yang mereka mampu.

6 Apabila rombongan-rombongan itu sudah diatitkan biarlah mereka pergi dengan daya mereka, untuk menyediakan bagi mereka yang akan tinggal.

7 Biarlah setiap rombongan, dengan para pemimpin dan presiden mereka, memutuskan berapa banyak yang dapat pergi pada musim bunga yang akan datang; kemudian memilih jumlah yang secukupnya orang-orang yang berbadan sihat dan berkebolehan, untuk membawa lembu-lembu penarik, benih, dan peralatan bertani, untuk pergi sebagai perintis untuk bersedia menanam tanaman musim bunga.

8 Biarlah setiap rombongan menanggung pembahagian yang sama rata, menurut keuntungan pelaburan dari harta-harta mereka, dalam membawa yang ^amiskin, ^bpara janda, ^canak-anak yatim, dan para keluarga mereka yang

136 2a PTS Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.
3a Kel. 18:21-26.

b PTS Rasul.
4a PTS Perjanjian.
b PTS Berjalan, Berjalan dengan Tuhan.

c PTS Tatacara-tatacara.
8a PTS Miskin.
b PTS Balu.
c Yak. 1:27; 3 Ne. 24:5.

telah masuk ke dalam tentera, agar seruan para janda dan anak yatim tidak naik ke telinga Tuhan terhadap orang-orang ini.

9 Biarlah setiap rombongan menyediakan rumah, dan ladang untuk menanam biji-bijian, untuk mereka yang akan tinggal pada musim ini; dan inilah kehendak Tuhan berkenaan umat-Nya.

10 Biarlah setiap orang menggunakan segala pengaruh dan hartanya untuk memindahkan umat ini ke tempat di mana Tuhan akan menempatkan sebuah "pancang Sion.

11 Dan jika kamu melakukan ini dengan hati yang suci, dengan seluruh kesetiaan, kamu akan "diberkati; kamu akan diberkati dalam kawanan dombamu, dan dalam kawanan ternakanmu, dan di ladangmu, dan di rumahmu, dan dalam keluargamu.

12 Biarlah hamba-Ku Ezra T. Benson dan Erastus Snow mengatur sebuah rombongan.

13 Dan biarlah hamba-Ku Orson Pratt dan Wilford Woodruff mengatur sebuah rombongan.

14 Juga, biarlah hamba-Ku Amasa Lyman dan George A. Smith mengatur sebuah rombongan.

15 Dan melantik para presiden, dan para pemimpin ke atas kumpulan-kumpulan seratus, dan lima puluh, dan sepuluh orang.

16 Dan biarlah para hamba-Ku yang telah ditetapkan pergi dan mengajarkan ini, kehendak-Ku, kepada para orang suci, agar mereka boleh bersedia untuk pergi ke sebuah tempat yang aman.

17 Pergilah pada jalanmu dan lakukanlah seperti yang telah Aku beritahukan kepadamu, dan janganlah takut terhadap musuhmu; kerana mereka tidak akan mempunyai kuasa untuk menghentikan pekerjaan-Ku.

18 Sion akan "ditebus menurut waktu-Ku sendiri yang tepat.

19 Dan jika sesiapa pun akan berusaha untuk mengagungkan dirinya, dan tidak mencari "nasihat-Ku, dia tidak akan mempunyai kuasa, dan kebodohnya akan dinyatakan.

20 Berusahalah kamu; dan "peganglah segala janjimu kepada satu sama lain; janganlah ^bmendambakan apa yang merupakan milik saudaramu.

21 "Jauhkanlah dirimu dari kekejian menggunakan nama Tuhan dengan sia-sia, kerana Aku ialah Tuhan Rajamu, bahkan ^bTuhan nenek moyangmu, Tuhan Abraham dan Ishak dan Yakub.

22 "Aku ialah Dia yang telah menuntun anak-anak Israel keluar dari negeri Mesir; dan lengan-Ku terentang pada zaman akhir, untuk ^bmenyelamatkan umat-Ku Israel.

23 Berhentilah "bertikai di antara

10a prs Pancang.

11a Ul. 28:1-14.

prk Berkat, Diberkati, Memberkati.

18a A&P 100:13.

19a prs Nasihat.

20a prs Jujur, Kejujuran.

^b prs Mendambakan.

21a prs Kata-kata Tidak Senonoh.

^b Kel. 3:6; 1 Ne. 19:10.

22a Kel. 13:18; Yer. 2:5-7;

1 Ne. 5:15; Alma 36:28.

prk Yehovah.

^b Yer. 30:10; Yeh. 20:33-34; A&P 38:33.

23a 3 Ne. 11:29-30.

prk Pertikaian.

satu sama lain; berhenti bercakap ^bjahat tentang satu sama lain.

24 Hentikanlah ^akemabukan; dan biarlah perkataanmu ^blebih cenderung meneguhkan satu sama lain.

25 Jika engkau meminjam daripada jiranmu, engkau seharusnya mengembalikan apa yang telah engkau ^apinjami; dan jika engkau tidak dapat membayar kembali maka pergilah dengan segera dan beritahulah jiranmu, agar jangan dia menghukummu.

26 Jika engkau telah menemui apa yang jiranmu telah ^akehilangan, engkau haruslah mencari dengan tekun sehingga engkau dapat mengembalikan ia kepadanya.

27 Engkau haruslah ^atekun dalam menjaga apa-apa pun yang engkau miliki, agar engkau menjadi seorang ^bpengawas yang bijak; kerana itu adalah kurniaan percuma daripada Tuhan Rajamu, dan engkau adalah pengawas-Nya.

28 Jika engkau bersukaria, pujilah Tuhan dengan ^abernyanyi, dengan muzik, dengan menari, dan dengan ^bdoa pujian dan ^cucapan terima kasih.

29 Jika engkau ^apenuh dukacita, mintalah kepada Tuhan Rajamu dengan rayuan, agar jiwamu penuh ^bkebahagiaan.

30 Janganlah takut terhadap musuhmu, kerana mereka berada dalam tangan-Ku dan Aku akan lakukan menurut keinginan-Ku terhadap mereka.

31 Umat-Ku mesti ^adicubai dalam segala hal, agar mereka boleh bersedia untuk menerima ^bkemuliaan yang Aku miliki untuk mereka, bahkan kemuliaan Sion; dan dia yang tidak mahu menanggung ^chajaran tidak layak bagi kerajaan-Ku.

32 Biarlah dia yang kurang berpengetahuan belajar ^akebijaksanaan dengan ^bmerendahkan hatinya dan meminta kepada Tuhan Rajanya, agar matanya boleh dibukakan sehingga dia boleh melihat, dan telinganya dibukakan sehingga dia boleh mendengar;

33 Kerana ^aRoh-Ku diutuskan ke dalam dunia untuk mengajarkan yang rendah hati dan menyesal, dan untuk penghukuman bagi orang yang fasiq.

34 Saudara-saudaramu telah menolakmu dan kesaksianmu, bahkan bangsa yang telah ^amenghalaumu keluar;

35 Dan sekarang datanglah hari malapetaka mereka, bahkan hari-hari kedukaan, bagaikan seorang wanita yang sedang bersalin; dan

23 *b* A&P 20:54.
pts Pertuturan yang Jahat.

24 *a* pts Kata-kata Bijaksana.

b A&P 108:7.

25 *a* Mzm. 37:21;

Mosia 4:28.

pts Hutang;

Jujur, Kejujuran.

26 *a* Im. 6:4;

Ul. 22:3.

27 *a* pts Ketekunan.

b pts Pengawas, Pengawasan.

28 *a* pts Nyanyi.

b pts Doa.

c 2 Taw. 5:13;

A&P 59:15–16.

pts Bersyukur,

Kesyukuran, Syukur.

29 *a* 2 Sam. 22:7.

b pts Kegembiraan.

31 *a* A&P 101:4.

pts Kesusahan.

b Rm. 8:18;

A&P 58:3–4.

pts Kemuliaan.

c pts Tegur, Menegur.

32 *a* pts Kebijaksanaan.

b pts Rendah Hati,

Kerendahan Hati.

33 *a* pts Roh Kudus.

34 *a* pts Aniaya,

Penganiayaan.

kedukaan mereka akan sebegitu besar kecuali mereka segera bertaubat, ya, secepatnya.

36 Kerana mereka membunuh para nabi, dan mereka yang telah diutuskan kepada mereka; dan mereka telah menumpahkan darah yang tidak berdosa, yang berseru dari tanah terhadap mereka.

37 Oleh kerana itu, janganlah takjub terhadap hal-hal ini, kerana kamu belumlah "suci; kamu belum dapat menahan kemuliaan-Ku; tetapi kamu akan melihatnya jika kamu setia dalam mentaati segala firman-Ku yang telah Aku ^bberikan kepadamu, dari zaman Adam hingga Abraham, dari Abraham hingga Musa, dari Musa hingga Yesus dan para rasul-Nya, dan dari Yesus dan para rasul-Nya hingga Joseph Smith, yang Aku panggil melalui "para malaikat-Ku, para hamba-Ku yang melayani, dan melalui suara-Ku sendiri dari syurga, untuk membawakan pekerjaan-Ku;

38 Dia telah meletakkan landasan itu, dan setia; dan Aku mengambilnya kepada diri-Ku.

39 Banyak yang telah takjub kerana kematiannya; tetapi adalah perlu bahawa dia harus "memeteraikan ^bkesaksiannya dengan "darahnya, agar dia boleh dihormati dan yang jahat boleh dihukum.

40 Bukankah Aku telah membebaskanmu daripada "musuh-musuhmu, kerana hanya begitulah Aku telah meninggalkan sebuah kesaksian nama-Ku?

41 Sekarang, oleh kerana itu, dengarlah, Wahai kamu umat "gereja-Ku; dan kamu para penatua dengarkanlah bersama; kamu telah menerima ^bkerajaan-Ku.

42 Tekunlah dalam mentaati semua perintah-Ku, agar jangan penghakiman datang kepada dirimu, dan imanmu gagal bagimu, dan musuhmu mengatasi dirimu. Oleh itu tiada lagi buat masa ini. Amin dan amin.

BAHAGIAN 137

Sebuah penglihatan yang diberikan kepada Nabi Joseph Smith, di dalam bait suci di Kirtland, Ohio, 21 Januari 1836. Kejadiannya adalah pelaksanaan tatacara-tatacara dalam persediaan untuk kebaktian bait suci.

1-6, Nabi melihat abangnya Alvin di dalam kerajaan selestial; 7-9, Ajaran keselamatan bagi orang mati

diwahyukan; 10, Semua anak diselamatkan di dalam kerajaan selestial.

37a prs Murni,
Kemurnian.
b Hel. 8:18.
c Why. 14:6;
A&P 110:11-16;
128:19-21;

JS—S 1:30-47.
39a Mosia 17:20;
A&P 135:3.
b prs Kesaksian.
c prs Mati syahid,
Kesyahidan.

40a Kel. 23:22;
A&P 8:4; 105:15.
41a prs Gereja Yesus
Kristus.
b Dan. 7:27.

"LANGIT dibukakan kepada kami, dan aku melihat kerajaan ^bselestial Tuhan, dan kemuliaannya, sama ada di dalam ^ctubuh atau di luar tidak dapat aku katakan.

2 Aku melihat keindahan ^apintu gerbang yang luar biasa yang mana melaluinya para pewaris kerajaan itu akan masuk, yang seumpama bulatan lingkaran ^bapi;

3 Juga takhta Tuhan yang ^aterang bersinar, yang mana di atasnya ^bBapa dan ^cPutera sedang duduk.

4 Aku melihat jalan-jalan kerajaan itu yang indah, yang kelihatannya diturap dengan ^aemas.

5 Aku melihat Bapa ^aAdam dan ^bAbraham; dan ^cayahku dan ^dibuku; abangku ^eAlvin, yang sudah lama meninggal;

6 Dan hairan bagaimanakah itu terjadi bahawasanya dia telah ^amewarisi sebuah tempat di dalam kerajaan itu, kerana dia telah meninggalkan kehidupan ini sebelum Tuhan menggerakkan tangannya untuk mengumpulkan

Israel pada kali ^bkedua, dan belum ^cdibaptiskan lagi bagi pengampunan dosa-dosa.

7 Demikianlah datang ^asuara Tuhan kepadaku, memfirmankan: Semua orang yang telah mati ^btanpa sebarang pengetahuan tentang Injil ini, yang akan menerimanya jika mereka diizinkan untuk terus hidup, akan menjadi ^cpewaris kerajaan ^dselestial Tuhan;

8 Juga semua yang akan mati mulai sekarang tanpa sebarang pengetahuan tentangnya, yang ^aakan menerimanya dengan segenap hati mereka, akan menjadi para pewaris kerajaan itu;

9 Kerana Aku, Tuhan, akan ^amenghakimi semua orang menurut ^bpekerjaan mereka, menurut ^chasrat hati mereka.

10 Dan aku juga melihat bahawa semua anak yang mati sebelum mereka mencapai ^aumur keber-tanggungjawaban ^bdiselamatkan di dalam kerajaan syurga selestial.

137 1a Kis. 7:55-56; 1 Ne. 1:8;

Hel. 5:45-49;

JS—S 1:43.

b prs Kemuliaan

Selestial.

c 2 Kor. 12:2-4;

1 Ne. 11:1; Musa 1:11.

2a 2 Ne. 9:41; 31:17.

b Kel. 24:17;

Yes. 33:14-15;

Hel. 5:23; A&P 130:7.

3a Yes. 6:1;

Yeh. 1:26-28.

b prs Tuhan, Kesatuan
Ketuhanan—Tuhan
Bapa.

c prs Tuhan, Kesatuan
Ketuhanan—Tuhan
Putera Bapa.

4a Why. 21:21;

A&P 110:2.

5a prs Adam.

b A&P 132:29.

prs Abraham.

c A&P 124:19.

prs Joseph Smith Sr.

d prs Lucy Mack Smith.

e JS—S 1:4.

6a prs Keselamatan bagi
Orang Mati.

b Yes. 11:11;

1 Ne. 22:10-12;

Yakub 6:2.

prs Israel—

Pengumpulan Israel.

c Yoh. 3:3-5; 2 Ne. 9:23;

Eter 4:18-19;

A&P 76:50-52; 84:74.

prs Pembaptisan,

Membaptis.

7a Hel. 5:30.

prs Wahyu.

b TJS 1 Ptr. 4:6

(Lampiran);

2 Ne. 9:25-26;

Mosia 15:24.

c A&P 76:50-70.

d prs Kemuliaan

Selestial.

8a Alma 18:32; A&P 6:16.

9a Why. 20:12-13.

prs Penghakiman

Terakhir.

b prs Pekerjaan-

pekerjaan.

c A&P 64:34.

prs Hati.

10a prs Bertanggungjawab,

Laporan,

Pertanggungjawaban.

b prs Keselamatan—

Keselamatan anak-anak

kecil.

BAHAGIAN 138

Sebuah penglihatan yang diberikan kepada Presiden Joseph F. Smith di Salt Lake City, Utah, pada 3 Oktober 1918. Dalam ucapan pembukaannya di Persidangan Umum Setengah Tahunan Gereja ke-89, pada 4 Oktober 1918, Presiden Smith memaklumkan bahawa dia telah menerima beberapa perhubungan ilahi pada bulan-bulan yang lepas. Salah satunya, berkenaan kunjungan Juruselamat kepada roh-roh orang mati semasa tubuh-Nya berada di dalam makam, yang diterima oleh Presiden Smith sehari sebelumnya. Ianya segera ditulis sebaik sahaja persidangan tersebut berakhir. Pada 31 Oktober 1918, ia telah dihantar kepada para penasihat dalam Presidensi Utama, Majlis Dua Belas, dan Bapa Bangsa, dan ia diterima dengan sebulat suara oleh mereka.

1-10, Presiden Joseph F. Smith merenungkan tentang tulisan Petrus dan kunjungan Tuhan ke dunia roh; 11-24, Presiden Smith melihat orang mati yang soleh berhimpun di dalam firdaus dan pelayanan Kristus di kalangan mereka; 25-37, Dia melihat bagaimana pengkhutbahan Injil diatur di kalangan roh-roh itu; 38-52, Dia melihat Adam, Hawa, dan banyak para nabi kudus di dalam dunia roh yang menganggap keadaan roh mereka sebelum kebangkitan mereka sebagai suatu penawanan; 53-60, Orang soleh mati yang pada zaman ini meneruskan pekerjaan mereka di dunia roh.

PADA tarikh tiga Oktober, dalam tahun seribu sembilan ratus lapan belas, aku sedang duduk di dalam bilikku ^amerenungkan tentang tulisan suci;

2 Dan memikirkan tentang ^akor-

ban tebusan besar yang telah dilakukannya oleh Putera Tuhan, untuk ^bpenebusan dunia;

3 Dan ^akasih yang besar dan menakjubkan yang dinyatakan oleh Bapa dan Putera dalam kedatangan ^bPenebus ke dunia;

4 Agar melalui ^akorban tebusan-Nya, dan melalui ^bkepatuhan pada asas-asas Injil, umat manusia boleh diselamatkan.

5 Sementara aku sedang khu-syuk, fikiranku kembali pada tulisan rasul Petrus, kepada ^apara orang suci zaman dahulu yang berada di merata tempat di luar daerah di seluruh ^bPontus, Galatia, Kapadokia, dan bahagian-bahagian lain di Asia, di mana Injil telah dikhutbahkan selepas penyalyan Tuhan.

6 Aku membuka Alkitab dan membaca pasal ketiga dan keempat surat pertama Petrus, dan

138 1a pts Merenungkan.

2a Mat. 20:28.

pts Menebus,
Korban Tebusan.

b pts Rancangan
Penebusan.

3a Yoh. 3:16.

pts Kasih.

b pts Penebus.

4a FK 1:3.

b Mat. 7:21.

pts Patuh, Kepatuhan,

Mematuhi.

5a IAITU para orang suci
terdahulu.

b 1 Ptr. 1:1.

semasa aku membacanya aku amat tertarik, lebih daripada yang pernah aku rasakan sebelum ini, dengan petikan berikut:

7 "Sebab juga Kristus telah mati sekali untuk segala dosa kita, Ia yang benar untuk orang-orang yang tidak benar, supaya Ia membawa kita kepada Tuhan; Ia, yang telah dibunuh dalam keadaan-Nya sebagai manusia, tetapi yang telah dibangkitkan menurut Roh:

8 dan di dalam Roh itu juga Ia pergi memberitakan Injil kepada roh-roh yang di dalam "penjara;

9 yaitu kepada roh-roh mereka yang dahulu pada waktu Nuh tidak taat kepada Tuhan, ketika Tuhan tetap menanti dengan sabar waktu Nuh sedang mempersiapkan bahteranya, dimana hanya sedikit, yaitu lapan orang, yang diselamatkan oleh air bah itu." (1 Petrus 3:18-20.)

10 "Itulah sebabnya maka Injil telah diberitakan juga kepada orang-orang mati, supaya mereka, sama seperti semua manusia, dihakimi secara badani; tetapi oleh roh dapat hidup menurut kehendak Tuhan." (1 Petrus 4:6.)

11 Ketika aku merenungkan tentang hal-hal yang "tertulis ini, ^bmata pemahamanku dibukakan, dan Roh Tuhan ^cberada pada

diriku, dan aku melihat sejumlah besar orang ^dmati, baik kecil mahu-pun besar.

12 Dan dikumpulkan bersama di satu tempat kumpulan roh yang "soleh yang tidak terhitung banyaknya, yang telah ^bsetia dalam kesaksian tentang Yesus semasa mereka hidup dalam kefanaan;

13 Dan yang telah mempersembahkan "korban yang bersamaan dengan pengorbanan besar Putera Tuhan, dan telah ^bmenderita kesengsaraan di dalam nama Penebus mereka.

14 Semua roh ini telah meninggalkan kehidupan fana, teguh dalam "harapan terhadap suatu ^bkebangkitan yang mulia, melalui "rahmat Tuhan ^dBapa dan ^ePutera Tunggal-Nya, Yesus Kristus.

15 Aku melihat bahawa mereka dipenuhi dengan "bahagiaan dan kegembiraan, dan bersukacita bersama kerana hari pembebasan mereka berada di depan mata.

16 Mereka dikumpulkan menunggu ketibaan Putera Tuhan ke "dunia roh, untuk memaklumkan penebusan mereka dari ^bikatan kematian.

17 Debu mereka yang tidur akan "dipulihkan pada rangkanya yang sempurna, ^btulang pada tulangnya, dan otot dan daging ke

8a Yes. 61:1; Luk. 4:18;
A&P 76:73-74; 88:99.

11a prs Tulisan Suci—Nilai tulisan suci.

b Ef. 1:18;
A&P 76:10, 12, 19.

c Yes. 11:2.

d prs Roh.

12a A&P 76:69-70.

b A&P 6:13; 51:19;

76:51-53.

13a prs Korban.

b Mat. 5:10-12.

14a Eter 12:4;
Moro. 7:3, 40-44.

prs Harapan.

b prs Kebangkitan.

c prs Rahmat.

d prs Tuhan, Kesatuan
Ketuhanan—Tuhan

Bapa.

e prs Putera Tunggal.

15a Yes. 51:11;

Alma 40:12.

16a Luk. 23:43;

Alma 40:11-12.

prs Firdaus.

b Morm. 9:13.

17a 2 Ne. 9:10-13.

b Yeh. 37:1-14.

atasnya, ^croh dan tubuh akan disatukan tidak akan dipisahkan lagi, agar mereka boleh menerima suatu kegenapan ^dkebahagiaan.

18 Semasa khalayak yang ramai ini menunggu dan saling berbual, bersukacita dalam waktu penebusan mereka dari rantai kematian, Putera Tuhan muncul, memaklumkan ^akebebasan kepada para tawanan yang setia;

19 Dan di sana Dia ^amengkhubahkan kepada mereka ^bInjil abadi, ajaran tentang kebangkitan dan penebusan umat manusia dari ^ckejatuhan, dan dari dosa-dosa individu dengan syarat-syarat ^dpertaubatan.

20 Tetapi Dia tidak pergi kepada yang ^ajahat, dan di kalangan yang fasiq dan yang tidak bertaubat yang telah ^bmenodai diri mereka semasa dalam keadaan daging, suara-Nya tidak diangkat;

21 Tidak juga kepada yang memberontak yang menolak kesaksian dan peringatan para nabi zaman dahulu melihat kehadiran-Nya, atau pun melihat muka-Nya.

22 Di mana mereka ini berada, ^akegelapan berkuasa, tetapi di kalangan yang soleh terdapatnya ^bkedamaian;

23 Dan para orang suci bersukacita dalam ^apenebusan mereka,

dan ^bberlutut dan mengakui Putera Tuhan sebagai Penebus dan Pembebas mereka dari kematian dan ^crantai neraka.

24 Wajah mereka bersinar, dan ^acahaya dari kehadiran Tuhan berada pada diri mereka, dan mereka ^bmenyanyikan puji-pujian kepada nama-Nya yang kudus.

25 Aku takjub, kerana aku memahami bahawa Juruselamat menghabiskan kira-kira tiga tahun dalam pelayanan-Nya di kalangan bangsa Yahudi dan mereka dari bani Israel, berusaha untuk mengajarkan mereka Injil kekal dan memanggil mereka pada pertaubatan;

26 Namun, walau bagaimanapun pekerjaan-Nya yang hebat, dan mukjizat, dan pernyataan kebenaran, dalam ^akuasa dan wewenang yang besar, hanya sedikit yang mendengar suara-Nya, dan bersukacita dalam hadirat-Nya, dan menerima keselamatan dari tangan-Nya.

27 Tetapi pelayanan-Nya di kalangan mereka yang telah mati adalah terhad pada waktu yang ^asingkat di antara penyaliban dan kebangkitan-Nya;

28 Dan aku tertanya-tanya pada kata-kata Petrus—dimana dia mengatakan bahawa Putera

17c A&P 93:33–34.

d prs Kegembiraan.

18a Yes. 61:1.

prs Keselamatan bagi Orang Mati.

19a A&P 76:72–74.

b prs Injil.

c prs Kejatuhan Adam dan Hawa.

d prs Bertaubat,

Pertaubatan.

20a Alma 40:13–14.

prs Jahat, Kejahatan; Neraka.

b 1 Ne. 10:21.

22a prs Kegelapan Rohani.

b prs Kedamaian.

23a prs Rancangan Penebusan.

b Rm. 14:11; Mosia 27:31.

c 2 Ne. 1:13; Alma 12:11.

24a Mzm. 104:1–2;

Yes. 60:19;

Why. 22:5;

JS—S 1:17.

prs Cahaya, Cahaya Kristus.

b prs Nyanyi.

26a 1 Ne. 11:28.

27a Mrk. 8:31.

Tuhan berkhotbah kepada roh-roh di dalam penjara, yang kadang-kadang tidak patuh, yang pernah Tuhan dengan panjang sabarnya menunggu semasa zaman Nuh—dan bagaimanakah Dia dapat berkhotbah kepada roh-roh itu dan melaksanakan kerja yang diperlukan di kalangan mereka dalam waktu yang sangat singkat.

29 Dan ketika aku tertanya-tanya, matakau dibukakan, dan pemahamanku “dihidupkan, dan aku melihat bahawa Tuhan tidak pergi sendiri ke kalangan mereka yang jahat dan yang tidak patuh yang telah menolak kebenaran, untuk mengajar mereka;

30 Tetapi lihatlah, dari kalangan mereka yang soleh, Dia telah mengatur kumpulan-Nya dan menetapkan para utusan, yang diselubungi dengan “kuasa dan wewenang, dan memberi mereka wewenang untuk pergi dan membawa cahaya Injil kepada mereka yang berada dalam ^bkegelapan, bahkan kepada ‘semua roh manusia; dan demikianlah Injil dikhotbahkan kepada yang mati.

31 Dan para utusan yang terpilih itu pergi untuk memaklumkan hari “penerimaan Tuhan itu dan memaklumkan ^bkebebasan kepada para tawanan yang terikat, bahkan

kepada semua yang akan bertaubat dari dosa-dosa mereka dan menerima Injil.

32 Demikianlah Injil dikhotbahkan kepada mereka yang telah “mati dalam dosa-dosa mereka, tanpa sebarang ^bpengetahuan tentang kebenaran, atau dalam pelanggaran, setelah menolak para nabi.

33 Orang-orang ini diajarkan “iman kepada Tuhan, pertaubatan dari dosa, ^bpembaptisan melalui perwakilan untuk ‘pengampunan dosa-dosa, ^akurniaan Roh Kudus melalui perletakan tangan,

34 Dan semua asas Injil yang lain yang perlu diketahui oleh mereka untuk melayakkan diri mereka agar mereka boleh “dihakimi menurut manusia dalam keadaan daging, tetapi hidup menurut Tuhan di dalam roh.

35 Dan demikianlah ianya diberitahukan di kalangan orang mati tersebut, baik kecil mahupun besar, yang tidak soleh serta yang setia, bahawa penebusan telah didatangkan melalui “pengorbanan Putera Tuhan di atas ^bsalib.

36 Demikianlah ianya telah diberitahukan bahawa Penebus kita menghabiskan waktu-Nya semasa persinggahan-Nya di dunia roh, mengarahkan dan menyediakan

29a A&P 76:12.

30a Luk. 24:49.

b prs Kegelapan Rohani.

c A&P 1:2.

31a Yes. 61:2;

Luk. 4:17–19.

b prs Kemerdekaan.

32a Yoh. 8:21–24.

b A&P 128:5.

prs Pengetahuan.

33a FK 1:4.

prs Iman.

b prs Pembaptisan,

Membaptis—

Pembaptisan untuk

orang mati;

Tatacara-tatacara—

Tatacara perwakilan.

c prs Pengampunan

Dosa-dosa.

d prs Kurnia Roh

Kudus.

34a prs Penghakiman

Terakhir.

35a Alma 34:9–16.

prs Korban;

Menebus, Korban

Tebusan.

b prs Penyaliban;

Salib.

roh-roh "para nabi yang setia yang telah bersaksi tentang Dia dalam keadaan daging;

37 Agar mereka boleh membawa pesanan penebusan kepada semua orang mati, orang-orang yang Dia tidak dapat pergi sendiri kepada mereka, kerana "pemberontakan dan pelanggaran mereka, agar melalui pelayanan para hamba-Nya mereka juga boleh mendengar firman-Nya.

38 Di kalangan orang-orang yang hebat dan perkasa yang dikumpulkan dalam kumpulan orang soleh yang besar ini ialah Bapa "Adam, Yang Lanjut Usianya dan bapa kepada semuanya,

39 Dan Ibu "Hawa kita yang mulia, bersama ramai para puterinya yang setia yang telah hidup sepanjang zaman dan menyembah Tuhan yang hidup dan sejati.

40 "Habel, orang mati ^bsyahid yang pertama, berada di sana, dan adik lelakinya "Set, salah seorang daripada mereka yang perkasa, yang ^drupanya mirip dengan ayahnya, Adam.

41 "Nuh, orang yang memberikan amaran tentang air bah; ^bSem, ^cimam tinggi yang agung;

"Abraham, bapa kepada yang setia; ^eIshak, ^fYakub, dan ^gMusa, pemberi hukum Israel yang hebat;

42 Dan "Yesaya, yang memaklumkan melalui nubuat bahawa Penebus ditetapkan untuk mengikat yang patah hati, untuk memaklumkan kebebasan kepada ^bpara tawanan, dan pembukaan ^cpenjara bagi mereka yang tertawan, juga berada di sana.

43 Selain itu, "Yehezkiel, yang telah ditunjukkan dalam penglihatan lembah besar yang penuh dengan ^btulang-tulang kering, yang akan diselubungi dengan daging, untuk datang lagi dalam ^ckebangkitan orang mati, jiwa-jiwa yang hidup;

44 "Daniel, yang sebelum ini sudah melihat dan meramalkan penubuhan ^bkerajaan Tuhan pada zaman akhir, yang tidak lagi akan dihancurkan atau pun diberikan kepada umat lain;

45 "Elias, yang berada bersama Musa di atas Gunung ^bPerubahan Rupa;

46 Dan "Maleakhi, nabi yang bersaksi tentang kedatangan ^bElia—yang juga dibicarakan oleh Moroni kepada Nabi Joseph Smith,

36a A&P 138:57.

37a A&P 138:20.

pts Pemberontakan.

38a pts Adam.

39a Musa 4:26.

pts Hawa.

40a pts Habel.

b pts Mati syahid,
Kesyahidan.

c pts Set.

d Kej. 5:3;

Musa 6:10.

41a pts Nuh, Bapa Bangsa
dalam Alkitab.

b pts Sem.

c pts Imam Tinggi.

d Kej. 17:1-8.

pts Abraham.

e Kej. 21:1-5.

pts Ishak.

f Kej. 35:9-15.

pts Yakub, Anak lelaki
Ishak.

g pts Musa.

42a pts Yesaya.

b Yes. 61:1-2.

c pts Neraka.

43a pts Yehezkiel.

b Yeh. 37:1-14.

c pts Kebangkitan.

44a pts Daniel.

b Dan. 2:44-45.

pts Kerajaan Tuhan
atau Kerajaan Syurga.

45a pts Elias.

b pts Perubahan Rupa.

46a Mal. 4:5-6;

JS—S 1:36-39.

pts Maleakhi.

b A&P 110:13-15.

pts Elia.

memaklumkan bahawa dia akan datang sebelum kedatangan ‘hari Tuhan yang besar dan mengerikan—juga berada di sana.

47 Nabi Elia akan menanamkan ke dalam “hati anak-anak janji yang telah dibuat kepada nenek moyang mereka,

48 Memberikan bayangan tentang “pekerjaan besar yang akan dilakukan di dalam ^bbait-bait suci Tuhan pada kegenapan ‘zaman, untuk penebusan orang mati, dan ^dpemeteraian anak-anak kepada ibu bapa mereka, agar jangan seluruh bumi dihentam dengan kutukan dan sepenuhnya dihancurkan pada kedatangan-Nya.

49 Semua ini dan banyak lagi, bahkan “para nabi yang tinggal di kalangan bangsa Nefi dan bersaksi tentang kedatangan Putera Tuhan, bergaul di dalam perhimpunan yang besar itu dan menunggu pembebasan mereka,

50 Kerana yang mati telah melihat ketiadaan “roh mereka daripada tubuh mereka sedemikian lama sebagai suatu ^bpenawanan.

51 Mereka ini telah Tuhan ajari, dan berikan mereka “kuasa untuk datang, selepas kebangkitan-Nya dari yang mati, untuk masuk ke dalam kerajaan Bapa-Nya, untuk

dimahkotai dengan ^bkebaqaan dan ^ckehidupan kekal di sana,

52 Dan meneruskan sejak dari itu pekerjaan mereka sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Tuhan, dan menjadi pengambil bahagian akan segala “berkat yang disimpan bagi mereka yang mengasihi-Nya.

53 Nabi Joseph Smith, dan ayahku, Hyrum Smith, Brigham Young, John Taylor, Wilford Woodruff, dan roh-roh terpilih yang lain yang telah “disimpan untuk datang dalam kegenapan zaman untuk mengambil bahagian dalam meletakkan ^blandasan pekerjaan zaman akhir yang besar,

54 Termasuklah pembinaan bait-bait suci dan pelaksanaan tatacara-tatacara di dalamnya untuk penebusan orang “mati, juga ada di dunia roh.

55 Aku perhatikan bahawa mereka juga berada di kalangan mereka yang “mulia dan agung yang telah ^bdipilih pada permulaannya untuk menjadi para pemerintah di dalam Gereja Tuhan.

56 Bahkan sebelum mereka lahir, mereka, bersama ramai yang lain, menerima pelajaran-pelajaran pertama mereka di dunia roh dan “disediakan untuk datang pada ^bwaktu yang tepat bagi Tuhan

46 *c* prs Kedatangan Kedua Yesus Kristus.
47 *a* A&P 128:17.
48 *a* prs Keselamatan bagi Orang Mati.
b prs Bait Suci, Rumah Tuhan.
c prs Zaman Keagamaan.
d prs Keluarga—Keluarga kekal;

Meterai, Pemeteraian.
49 *a* Hel. 8:19–22.
50 *a* prs Roh.
b A&P 45:17.
51 *a* 1 Kor. 6:14; Alma 40:19–21.
b prs Baqa, Kebaqaan.
c A&P 29:43.
prk Kehidupan Abadi.
52 *a* Yes. 64:4; 1 Kor. 2:9;

A&P 14:7.
53 *a* prs Pra-pentahbisan.
b A&P 64:33.
54 *a* prs Tatacara-tatacara—Tatacara perwakilan.
55 *a* Abr. 3:22–24.
b prs Pra-pentahbisan.
56 *a* Ayb. 38:4–7; Alma 13:3–7.
b Kis. 17:24–27.

untuk bekerja di dalam ^cladang anggur-Nya demi keselamatan jiwa manusia.

57 Aku melihat bahawa ^apara penatua yang setia dari zaman ini, apabila mereka meninggalkan kehidupan fana, meneruskan pekerjaan mereka dalam pengkhutbahan Injil pertaubatan dan penebusan, melalui pengorbanan Putera Tunggal Bapa, di kalangan mereka yang berada dalam ^bkegelapan dan di bawah penawanan dosa di dalam dunia roh orang mati yang besar.

58 Orang mati yang bertaubat akan ^aditebus, melalui kepatuhan

pada ^btatacara-tatacara rumah Tuhan,

59 Dan selepas mereka membayar hukuman bagi pelanggaran mereka, dan ^adibersihkan, akan menerima ganjaran menurut ^bpekerjaan mereka, kerana mereka ialah para pewaris keselamatan.

60 Demikianlah penglihatan tentang penebusan orang mati diwahyukan kepadaku, dan aku memberikan kesaksian, dan aku tahu bahawa kesaksian ini adalah ^abenar, melalui berkat daripada Tuhan dan Juruselamat kita, Yesus Kristus, demikianlah. Amin.

56c Yakub 6:2-3.
pts Ladang Anggur Tuhan.
57a pts Penatua.
b pts Neraka.

58a pts Tebus, Ditebus, Penebusan.
b pts Tatacara-tatacara.
59a Alma 5:17-22.
pts Mengampuni.

b pts Pekerjaan-pekerjaan.
60a pts Kebenaran.

PENGISYTIHARAN RASMI 1

Alkitab dan Kitab Mormon mengajar bahawa monogami merupakan taraf Tuhan bagi perkahwinan melainkan Dia firmankan sebaliknya (lihat 2 Samuel 12:7-8 dan Yakub 2:27, 30). Menurut wahyu kepada Joseph Smith, amalan perkahwinan jamak diperkenalkan antara para ahli Gereja pada awal 1840-an (lihat bahagian 132). Dari 1860-an ke 1880-an, pentadbiran Amerika Syarikat mengusulkan hukum-hukum menjadikan amalan keagamaan ini tidak sah. Hukum-hukum ini pada akhirnya di sokong oleh Mahkamah Agung Amerika Syarikat. Setelah menerima wahyu, Presiden Wilford Woodruff mengeluarkan Manifesto berikut, yang diterima oleh Gereja sebagai yang berkuasa dan sah pada 6 Oktober 1890. Ini membawa perhentian amalan perkahwinan jamak dalam Gereja.

Kepada yang Berkenaan:

Laporan-laporan berita yang telah dikeluarkan untuk tujuan politik, dari Salt Lake City, yang telah diberitakan secara meluas, yang

menyatakan bahawa Suruhanjaya Utah, dalam laporan terkini mereka kepada Menteri Dalam Negeri, mendakwa bahawa perkahwinan jamak masih dilangsungkan dan bahawa empat puluh atau lebih perkahwinan seperti itu telah didaftarkan di Utah sejak Jun yang lalu atau sepanjang satu tahun yang lalu, dan juga di dalam ucapan-ucapan umum para pemimpin Gereja telah mengajarkan, mendorong dan menegaskan penerusan amalan poligami—

Saya, oleh kerana itu, sebagai Presiden Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, dengan ini, dengan cara yang paling rasmi, memaklumkan bahawa dakwaan-dakwaan ini adalah salah. Kami tidak mengajarkan poligami atau perkahwinan jamak, tidak juga mengizinkan sesiapa pun untuk masuk ke dalam amalan itu, dan saya menyangkal bahawa empat puluh atau berapa pun jumlah perkahwinan jamak sepanjang tempoh tersebut telah dilangsungkan di dalam Bait-bait Suci kami atau di mana-mana tempat lain pun di Wilayah ini.

Satu kes telah dilaporkan, dimana ada pihak-pihak yang mendakwa bahawa perkahwinan itu dilaksanakan di dalam Rumah Penganugerahan, di Salt Lake City, pada Musim Bunga 1889, tetapi saya belum dapat mengetahui siapa yang melaksanakan upacara itu; apa pun yang dilakukan dalam hal ini adalah tanpa pengetahuan saya. Akibat daripada dakwaan tentang kejadian tersebut, Rumah Penganugerahan, dengan arahan saya, dirobuhkan dengan serta-merta.

Sejauh undang-undang telah digubal oleh Kongres melarang perkahwinan jamak, yang mana undang-undang itu telah dinyatakan berdasarkan perlembagaan oleh mahkamah tinggi, saya dengan ini memaklumkan niat saya untuk tunduk pada undang-undang itu, dan untuk menggunakan pengaruh saya terhadap para anggota Gereja yang saya ketuai untuk menyuruh mereka melakukan yang sama.

Tidak ada apa pun dalam ajaran saya kepada Gereja atau dalam ajaran teman-teman sejawat saya, sepanjang tempoh waktu yang disebutkan, yang boleh sewajarnya ditafsirkan sebagai menggalak atau mendorong poligami; dan apabila sesiapa pun Penatua Gereja yang telah menggunakan bahasa yang kelihatannya menyampaikan sebarang ajaran yang sedemikian, dia telah ditegur dengan segera. Dan sekarang saya secara umumnya memaklumkan bahawa nasihat saya kepada Orang Suci Zaman Akhir adalah untuk menjauhkan diri dari mengadakan apa pun perkahwinan yang dilarang oleh undang-undang negara.

WILFORD WOODRUFF
 Presiden Gereja Yesus Kristus
 Orang Suci Zaman Akhir.

Presiden Lorenzo Snow menyampaikan yang berikutnya:

“Saya mencadangkan bahawa, mengakui Wilford Woodruff sebagai Presiden Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, dan satu-satunya orang di atas bumi sekarang yang memegang kunci-kunci tatacara pemerataan, kita menganggap dia diwenangkan berdasarkan jawatannya untuk mengeluarkan Manifesto yang telah dibacakan dalam pendengaran kita, dan yang bertarikh 24 September 1890, dan bahawasanya sebagai Gereja di dalam Persidangan Umum berhimpun, kita menerima maklumannya tentang perkahwinan jamak sebagai yang berkuasa dan sah.”

Salt Lake City, Utah, 6 Oktober 1890.

PETIKAN DARIPADA TIGA UCAPAN OLEH
PRESIDEN WILFORD WOODRUFF
BERKENAAN MANIFESTO

Tuhan tidak akan pernah mengizinkan saya atau sesiapa pun yang berdiri sebagai Presiden Gereja ini untuk menyesatkan anda. Itu bukanlah rancangannya. Itu tidak ada di dalam fikiran Tuhan. Jika saya cuba melakukannya, Tuhan akan mengeluarkan saya dari tempat saya, dan demikian juga akan Dia lakukan terhadap sesiapa pun yang cuba untuk menyesatkan anak-anak manusia dari wahyu Tuhan dan dari kewajipan mereka. (Konferensi Umum Setengah-Tahunan Gereja keenam puluh satu, Isnin, 6 Oktober 1890, Salt Lake City, Utah. Dilaporkan dalam *Deseret Evening News*, 11 Oktober 1890, hlm. 2.)

Tidak kisahlah siapa yang hidup atau siapa yang mati, atau siapa yang dipanggil untuk memimpin Gereja ini, mereka harus memimpinya melalui ilham Tuhan Yang Maha Kuasa. Jika mereka tidak melakukannya dengan cara itu, mereka tidak dapat melakukannya sama sekali. . . .

Saya telah memperoleh beberapa wahyu baru-baru ini, dan yang sangat penting bagi saya, dan saya akan memberi tahu anda apa yang telah Tuhan firmankan kepada saya. Biarlah saya membawa fikiran anda pada apa yang diistilahkan sebagai manifesto. . . .

Tuhan telah memberitahu saya untuk menanyakan kepada Orang Suci Zaman Akhir satu pertanyaan, dan Dia juga memberitahu saya bahawa jika mereka akan mendengarkan pada apa yang saya katakan kepada mereka dan menjawab pertanyaan yang ditanyakan kepada mereka, oleh Roh dan kuasa Tuhan, mereka semua akan menjawab yang sama, dan mereka semua akan percaya yang sama berhubung dengan hal ini.

Inilah pertanyaannya: Yang manakah jalan yang paling bijak bagi Orang Suci Zaman Akhir untuk diikuti—meneruskan cubaan untuk mengamalkan perkahwinan jamak, dengan undang-undang negara ini menentangnya dan tentangan daripada enam puluh juta orang, dan dengan risiko penyitaan dan kehilangan semua Bait Suci, dan penamatan semua tatacara di dalamnya, baik bagi yang hidup mahupun yang mati, dan penahanan Presidensi Utama dan Dua Belas dan ketua-ketua keluarga di dalam Gereja, dan penyitaan harta-harta peribadi umat ini (yang mana semuanya ini akan menghentikan amalan itu); atau, setelah melalui dan menderita apa yang telah kita alami melalui kepatuhan kita pada asas ini untuk menghentikan amalan itu dan

tunduk pada undang-undang, dan dengan melakukan demikian membiarkan para Nabi, Rasul dan ayah di rumah, supaya mereka dapat memberi tunjuk ajar kepada umat ini dan melaksanakan kewajipan Gereja, dan juga membiarkan Bait-bait Suci dalam tangan para Orang Suci, supaya mereka dapat melaksanakan tatacara-tatacara Injil, baik bagi yang hidup mahupun yang mati?

Tuhan telah menunjukkan kepada saya melalui penglihatan dan wahyu dengan tepat apa yang akan terjadi jika kita tidak menghentikan amalan ini. Jika kita tidak menghentikannya, anda tidak akan memerlukan . . . sesiapa pun lelaki di dalam bait suci di Logan ini; kerana semua tatacara akan dihentikan di seluruh negeri Sion. Kekaucauan akan berkuasa di seluruh Israel, dan banyak lelaki akan dijadikan tahanan. Masalah ini akan datang ke atas seluruh Gereja, dan kita akan dipaksa untuk menghentikan amalan itu. Sekarang, persoalannya adalah, adakah ia harus dihentikan dengan cara ini, atau dengan cara yang telah Tuhan nyatakan kepada kita, dan membiarkan para Nabi dan Rasul dan ayah kita sebagai orang-orang yang bebas, dan bait-bait suci berada di dalam tangan umat ini, supaya yang mati boleh ditebus. Suatu jumlah roh yang besar telah dibebaskan atau penjara di dunia roh oleh umat ini, dan haruskah pekerjaan ini berterusan atau berhenti? Inilah pertanyaan yang saya sampaikan di hadapan para Orang Suci Zaman Akhir. Anda harus menilainya sendiri. Saya ingin anda untuk menjawabnya sendiri. Saya tidak akan menjawabnya; tetapi saya mengatakan kepada anda bahawa itulah keadaan yang akan di alami oleh kita sebagai sebuah umat jika kita tidak mengambil jalan yang telah kita ambil.

. . . Saya telah melihat apa yang akan betul-betul terjadi jika tiada sesuatu yang dilakukan. Saya telah sudah lama merasakan roh ini pada diri saya. Tetapi saya ingin mengatakan ini: Saya harus membiarkan semua bait suci terlepas daripada tangan kita; saya sendiri akan pergi ke penjara, dan membiarkan setiap lelaki yang lain pergi ke sana, sekiranya Tuhan syurgawi tidak memerintahkan saya untuk melakukan apa yang telah saya lakukan; dan apabila waktunya tiba bahawa saya diperintahkan untuk melakukannya, semuanya jelas bagi saya. Saya pergi ke hadapan Tuhan, dan saya menuliskan apa yang Tuhan beritahu untuk saya tuliskan. . . .

Saya meninggalkan ini bersama anda, untuk anda renungkan dan pertimbangkan. Tuhan sedang bekerja bersama kita. (Persidangan Pancang Cache, Logan, Utah, Minggu, 1 November 1891. Dilaporkan dalam *Deseret Weekly*, 14 November 1891.)

Sekarang, saya akan memberitahu Anda apa yang telah dinyatakan kepada saya dan apa yang Putera Tuhan laksanakan dalam hal ini. . . . Segala hal ini akan terjadi, sebagaimana Tuhan Yang Maha Kuasa hidup, sekiranya Manifesto itu tidak diberikan. Oleh kerana itu, Putera Tuhan merasa cenderung untuk menjadikan hal itu disampaikan kepada Gereja dan kepada dunia untuk tujuan dalam fikiran-Nya sendiri. Tuhan telah menetapkan penubuhan Sion. Dia telah menetapkan penyiapan bait suci ini. Dia telah menetapkan bahawa keselamatan dari yang hidup dan yang mati akan diberikan di lembah-lembah pegunungan ini. Dan Tuhan Yang Maha Kuasa menetapkan bahawa Iblis tidak akan menghalangnya. Jika anda dapat memahaminya, itulah kunci baginya. (Dari sebuah ucapan pada sesi keenam dari pembaktian Bait Suci Salt Lake, April 1893. Naskah petikan dari Upacara Pembaktian, Arkib, Bahagian Sejarah Gereja, Salt Lake City, Utah.)

PENGISYTIHARAN RASMI 2

Kitab Mormon mengajarkan bahawa "semua adalah sama bagi Tuhan." Termasuk "hitam dan putih, terikat dan bebas, lelaki dan perempuan" (2 Nefi 26:33). Di seluruh sejarah Gereja, umat dari setiap bangsa dan etnik dalam banyak negeri telah dibaptiskan dan hidup sebagai para ahli Gereja yang beriman. Seumur hidup Joseph Smith, beberapa ahli lelaki berkulit hitam Gereja ditahbiskan imam. Dalam sejarah awal, pemimpin Gereja berhenti menganugerahkan imam kepada lelaki berkulit hitam berketurunan orang Afrika. Catatan Gereja tidak memberi pengetahuan yang jelas ke dalam sumber amalan ini. Pemimpin Gereja percaya bahawa sebuah wahyu daripada Tuhan di perlukan untuk mengubah amalan ini dan dengan penuh doa mencari bimbingan. Wahyu datang kepada Presiden Gereja Spencer W. Kimball dan ditekankan kepada pemimpin Gereja lain di Bait Suci Salt Lake pada 1 Jun 1978. Wahyu tersebut mengeluarkan semua sekatan berkaitan kepada bangsa yang dahulu pernah memohon imam.

Kepada yang Berkenaan:

Pada tarikh 30 September 1978, di Persidangan Umum Setengah Tahunan Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir ke-148, yang berikutnya ini disampaikan oleh Presiden N. Eldon Tanner, Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama Gereja:

Pada awal Jun tahun ini, Presidensi Utama mengumumkan bahawa sebuah wahyu telah diterima oleh Presiden Spencer W. Kimball menganugerahkan berkat-berkat imam dan bait suci kepada semua anggota Gereja lelaki yang layak. Presiden Kimball telah meminta agar saya memberitahu persidangan bahawa setelah dia menerima wahyu ini, yang datang kepadanya selepas bertafakur dan doa yang panjang di dalam bilik-bilik bait suci yang kudus, dia menyampaikannya kepada para penasihatnya, yang menerimanya dan menyetujuinya. Ia kemudiannya disampaikan kepada Kuorum Dua Belas Rasul, yang dengan sebulat suara menyetujuinya, dan sesudah itu disampaikan kepada semua Penguasa Umum yang lain, yang demikian juga menyetujuinya dengan sebulat suara.

Presiden Kimball telah meminta agar saya sekarang membacakan surat ini:

8 Jun 1978

Kepada seluruh pemimpin keimamatan umum dan tempatan dari Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir di seluruh dunia:

Saudara-saudara yang dikasih,

Semasa kami telah menyaksikan perkembangan pekerjaan Tuhan di atas bumi, kami bersyukur bahawa orang-orang dari banyak bangsa telah menerima baik pesanan Injil yang telah dipulihkan, dan telah mengikuti Gereja dengan jumlah yang terus bertambah. Ini, sebaliknya, telah mengilhami kami dengan hasrat untuk mengaruniakan kepada setiap anggota Gereja yang layak segala hak istimewa dan berkat yang Injil sediakan.

Menyedari akan janji-janji yang telah dibuat oleh para nabi dan presiden Gereja yang telah mendahului kami agar pada suatu masa nanti, dalam rancangan abadi Tuhan, semua saudara-saudara kita yang layak boleh menerima imamat, dan menyaksikan kesetiaan mereka yang tidak diberikan imamat, kami telah memohon dengan lama dan bersungguh-sungguh demi kepentingan mereka ini, saudara-saudara kita yang setia, menghabiskan berjam-jam di dalam Tingkat Atas Bait Suci memohon kepada Tuhan untuk bimbingan ilahi.

Dia telah mendengar doa-doa kami, dan melalui wahyu telah mengesahkan bahawa hari yang telah lama dijanjikan itu telah datang apabila setiap lelaki yang setia, yang layak di dalam Gereja boleh menerima imamat kudus, dengan kuasa untuk menjalankan wewenang ilahinya, dan menikmati bersama orang-orang yang dikasihinya setiap berkat yang mengalir darinya, termasuklah berkat-berkat bait suci. Sesuai dengan itu, semua anggota lelaki Gereja yang layak boleh ditahbiskan pada imamat tanpa mengira bangsa atau warna kulit. Para pemimpin imamat diberikan arahan untuk mengikuti polisi untuk menemu duga semua calon dengan cermat untuk penahbisan sama ada pada Imamat Harun ataupun Melkisedek untuk memastikan bahawa mereka memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan untuk layak.

Kami memaklumkan dengan kesungguhan bahawa Tuhan sekarang telah memberitahukan kehendak-Nya untuk pemberkatan semua anak-Nya di seluruh bumi yang mahu mendengar suara para hamba-Nya yang berwenang, dan menyediakan diri mereka untuk menerima setiap berkat Injil.

Dengan ikhlas,

SPENCER W. KIMBALL

N. ELDON TANNER

MARION G. ROMNEY

Presidensi Utama

Mengakui Spencer W. Kimball sebagai nabi, pelihat, dan pewahyu, dan presiden Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, adalah dicadangkan agar kita sebagai kumpulan perwakilan jemaah gereja

menerima wahyu ini sebagai firman dan kehendak Tuhan. Semua yang menyokong silakan menunjukkannya dengan mengangkat tangan kanan anda. Sesiapa yang menentang juga dengan cara yang sama.

Undian untuk menyokong cadangan yang disebutkan tadi adalah sebulat suara terhadap penerimaannya.

Salt Lake City, Utah, 30 September 1978.

